

**BUKU
TERJEMAHAN KITAB**

أَنْوَارُ الْمَسَالِكِ

ANWARUL MASALIK

Penjelasan Umdatu Salik

www.tedisobandi.blogspot.com



Kajian Kitab Kuning
@catatankitab

Dihimpun oleh
Tedi Sobandi
081277759935

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الذي منح من أراد به السعادة الفقه عنه حتى صار من أرباب اليقين، وجلا مرآة قلوبهم فشاهدوا سر قدرته في العوالم كلها فتم لهم التفقه في الدين، والأصالة والسلام على مركز الدائرة العرفانية، ومهبط الأسرار والتجليات الالهية، سيدنا محمد سيد الثقلين، وخاتم المرسلين إلى يوم الدين، وعلى آله الذين طهروا من أرجاس النفوس، وأصحابه الذين هم لتيجان الفضل رءوس.

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah yang mengurniakan kepada orang yang Dia kehendakki ada kebahagiaan padanya dengan "kefahaman" tentangNya hinggakan dia menjadi orang yang yakin, dan menjernihkan cermin hati-hati mereka lalu mereka menyaksikan rahsia kudratNya pada sekelian alam-alam semuanya, lalu sempurnalah bagi mereka kefahaman pada ugamaNya. Selawat dan salam keatas pusat putaran makrifah dan tempat jatuhnya rahsia-rahsia dan jelmaan-jelmaan ketuhanan, penghulu kita Muhammad, penghulu dua yang memberati bumi dan penyudah para utusan-utusan hingga kehari ugama, dan keatas keluarganya yang suci dari kekotoran-kekotoran nafsu, dan keatas para sahabatnya yang mana mereka itu ketua-ketua bagi pemakaian mahkota kelebihan.

(أما بعد)، فيقول راجي غفران المساوي المفتقر لرحمة ربه محمد الزهري الغمراوي: قد عرض عليّ حضرة الشيخ مصطفى البابي الحلبي الكتبي الشهير أن أضع شرحاً لطيفا على متن العمدة للإمام الكامل والملاذ الفاضل العلامة شهاب الدين أبي العباس أحمد بن النقيب المصري المولود بالقاهرة سنة اثنتين وسبعمئة والمتوفى بها سنة تسع وستين وسبعمئة، رحمه الله وأثابه رضاه،

Adapun selepas itu, maka berkata seorang yang mengharapkan keampunan bagi kesalahan-kesalahan, yang fakir kepada rahmat Tuhannya, Muhammad azzuhri dan ghamrawi: sungguh telah mempelawa aku oleh hadrat syekh Mustafa albaabi alhalabi al katabi yang masyhur itu agar aku meletakkan satu syarah yang ringan diatas matan Umdah bagi imam yang sempurna tempat berlindung alfadhil al'allamah Syihabuddin Abu Abbas Ahmad bin Naqib al misri yang dilahirkan di Kaherah pada tahun tujuh ratus dua dan diwafatkan padanya pada

tahun tujuh ratus enam puluh sembilan, moga Allah mengasihi dia dan mengganjari dia dengan keredhaanNya,

يتم مفاده ويفصح عن غامض عباراته حتى يبين مراده بعبارات واضحة ومقالات سلسلة للأذهان فاتحة، يجمع زبدة الفقه من غير اعتساف، ويتم به لزهري روض هذا الكتاب الاقتطاف، منبها عما خالف فيه اعتماد المتأخرين ومبينا في مسائله فتوى المرجحين.

yang mana ia akan menyempurnakan faedahnya dan memfasihkan ibarat-ibaratnya yang sulit sehinga ia dapat menerangkan kehendaknya, dengan ibarat-ibarat yang jelas dan kata-kata yang teratur rapi yang membuka fikiran-fikiran yang dapat menghimpunkan intisari fekah tanpa semberono, dan yang akan sempurna dengannya petikkan bunga-bunga taman kitab ini, seraya menyedarkan tentang apa yang bersalahan padanya pegangan ulamak mutakhir, dan menerangkan pada masaalah-masaalahnya akan fatwa ulamak-ulamak pentarjih,

فأجبت هذا الطلب، لعلمي أن هذا الكتاب من أحسن الكتب، وصاحبه من عليّة ذوي الفضل الكبير، وله في كتب طبقات المذهب الثناء العطر والقدر الشهير، وقلت: لعلي أن يعود عليّ من بركات أنفاسه ما يجعلني عند الله مقبولا وأن يحقق لي من فضله منهلا عذبا ومدخلا مأمولا، وسميته "أنوار المسالك شرح عمدة السالك، و عدة الناسك". والله أسأل أن يوفقنا للصواب ويجعله خالصا لوجهه أنه كريم تواب. قال رحمه الله:

maka aku perkenankan permintaan ini kerana aku sedia tahu bahawa kitab ini satu daripada kitab-kitab yang terbaik, dan pemiliknya seorang tinggi dari kalangan orang-orang yang mempunyai kelebihan yang besar, dan sabit baginya pada kitab-kitab tabaqat mazhab pujian dan haruman dan pangkat yang masyhur. Dan aku berkata: barangkali akan kembali keatas aku dari berkat-berkat nafasnya oleh apa yang menjadikan aku disisi Allah sebagai seorang yang diterima dan bahawa Dia akan menyungguhkan bagi aku dari kurniaanNya akan curahan air tawar dan ketibaan perkara yang dicita-citakan. Dan aku namakan ia (أنوار المسالك شرح عمدة السالك و عدة الناسك). Dan hanya kepada Allah aku memohon agar Dia mentaufikkan kami kepada apa yang betul dan menjadikannya murni bagi wajahNya, sesungguhnya Dia maha pemurah lagi maha penerima taubat. Katanya rahimahullah:

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)

الكلام على البسمة شهير. وأهم شيء يلزم التكلم فيه في الكتب الفقهية بيان ما تطلب فيه البسمة. وهي أنها تجب في الفاتحة في الصلاة وتسن في الأمور ذات الشأن وتحرم على المحرم لذاته كشرب الخمر وتكره على المكروه لذاته. قال رحمه الله

(**Bismillahirrahmanirrahim**). Bicara diatas basmalah itu masyhur, dan perkara penting yang mesti dibicarakan padanya didalam kitab-kitab fekah adalah penerangan apa yang dituntut basmalah itu padanya. Ianya bahawa ia wajib pada fatihah didalam shalat, dan sunat pada perkara-perkara yang mempunyai keadaan yang baik, dan haram diatas perkara yang haram seperti minum arak, dan makruh diatas perkara yang makruh kerana zatnya. Katanya rahimahullah:

(الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ). بدأ رحمه الله بالبسملة ثم تثنى بالحمدلة اقتداء بصنع الكتاب العزيز وعملا بحديث "كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بسم الله الرحمن الرحيم فهو أقطع". ومعناه أنه يطلب الابتداء بها في الأمور ذات الشأن كلبس الثياب وركوب الدواب والأكل والشرب، وإنه إن لم يبدأ بها فيها تكون ناقصة في المعنى مثل الأدمي المقطوع اليد.

(**Segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam**). Musannif rahimahullah taala mula dengan basmalah kemudian membuat kedua dengan hamdalah kerana mengikut dengan pembuatan Kitab yang maha mulia dan kerana mengamalkan hadis "Setiap perkara yang mempunyai kelakuan yang tidak dimulakan ia dengan bismillahirrahmanirrahim maka ianya kudung". Maksudnya bahawa dituntut permulaan dengannya pada perkara-perkara yang mempunyai kelakuan seperti pakai pakaian dan tunggang kenderaan dan makan dan minum, dan bahawa jika tidak dimulakan dengannya pada perkara-perkara itu adalah ianya perkara yang kurang dari sudut makna, seumpama anak adam yang kudung tangan.

و حديث " كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بالحمد لله فهو أقطع " رواه أبو داود وأشار إلى أنه لا تعارض بينهما إذ الابتداء حقيقي وإضافي.

Hadith "Setiap perkara yang mempunyai kelakuan yang tidak dimulakan padanya dengan "alhamdulillah" maka ia kudung" yang diriwayatkan oleh Abu Daud dia mengisyaratkan kepada bahawa tidak ada pertentangan diantara keduanya kerana permulaan itu hakiki dan idhafi.

والرب معناه المالك، والعالمين جمع عالم وهو اسم لما سوى الله. فمعنى الجملة الثناء والمدح ثابت لله مالك الخلق جميعهم. قال:

Rabb itu maksudnya pemilik, dan "عالمين" itu jamak "عالم" iaitu nama bagi apa yang selain Allah, maka makna jumlah itu adalah thana' dan madh sabit bagi Allah pemilik makhluk sekeliannya. Katanya:

(وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ). الصلاة من الله الرحمة المقرونة بالتعظيم. فمعنى صلى الله أطلب منك يا الله رحمة مشمولة بالتعظيم على سيدنا معاشر الخلق محمد. فهي جملة خبرية لفظا طلبية معنى. قال:

(**Selawat Allah keatas penghulu kita Muhammad**). Selawat itu dari Allah adalah rahmat yang disertakan dengan pembesaran. Maka makna selawat Allah adalah aku muhon dari Mu ya Allah akan rahmat yang lengkap dengan

pembesaran keatas penghulu kami sekalian makhluk, Muhammad. Maka ia adalah jumlah khabariah dari sudut lafaz thalabiah darisudut makna. Katanya:

(وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ) لما أمر الله بالصلاة عليه بقوله: يا أيها الذين آمنوا صلوا عليه. قيل له كيف نصلي عليك قال قولوا: اللهم صل على محمد وعلى آل محمد إلخ في التشهد. فعلمنا أننا مأمورون بالصلاة على آله أيضا، وهم كما قال الشافعي أقاربه المؤمنون من بني هاشم وبني المطلب وصحبه اسم جمع لصاحب وهو من اجتمع به ﷺ مؤمنا به ولما كان بعض الرافضة يقع في بعض الصحابة أكد بلفظ أجمعين للرد عليهم، قال

(dan keatas keluarganya dan para sahabatnya sekalian mereka). Tatkala Allah memerintahkan dengan selawat keatasnya dengan katanya ((Wahai orang-orang beriman selawatlah kamu keatasnya)) dikatakan kepadanya: bagaimana kami berselawat keatas mu? Katanya: katakan: ya Allah selawatlah keatas Muhammad dan keatas keluarga Muhammad...hingga akhir apa yang didalam tasyahud itu. Maka kita tahu bahawa kita diperintahkan dengan berselawat keatas keluarganya juga. Mereka itu seperti mana kata Syafi'e adalah kaum saudara maranya yang beriman daripada Bani Hashim dan Bani Muttalib. "صحب" itu isim jamak bagi "صاحب". Dia adalah orang yang berhimpun dengannya sawm dalam keadaan beriman dengannya. Tatkala adalah sebahagian Rafidhah mencerca sebahagian sahabat dia menegaskan dengan lafaz "sekalian mereka" untuk membangkang mereka itu. Katanya:

(هَذَا مُخْتَصَرٌ). ذا اسم إشارة يشار به للمدسوس، فاستعمله المصنف على سبيل المجاز لما رتبته في ذهنه. والمختصر اسم مفعول من الاختصار وهو الإيجاز. ثم وصف هذا المختصر. فقال:

(Ini adalah mukhtasar). "ذا" isim isyarat yang diisyaratkan dengannya kepada perkara yang dapat dirasa oleh pancaindera, maka musannif menggunakannya diatas jalan majaz untuk apa yang dia susunkan didalam pemikirannya. "مختصر" adalah isim maf'ul dari "اختصار" iaitu "إيجاز" i.e ringkas. Kemudian dia mensifatkan mukhtasar ini maka katanya:

(عَلَى مَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ)، أي أن هذا المختصر جار على مذهب الإمام الشافعي، أي على مقتضى الأحكام التي ذهب إليها. والمذهب في الأصل اسم للمكان الذي يذهب فيه ثم نقل إلى الأحكام على سبيل المجاز. والإمام من يؤتم به.

(diatas mazhab imam Syafi'e), iaitu bahawa mukhtasar ini berjalan diatas mazhab imam Syafi'e, iaitu diatas kehendak hukum-hukum yang dia berjalan kepadanya. Mazhab itu pada asalnya adalah nama tempat yang pergi seorang kepadanya, kemudian ia dipindahkan kepada hukum-hukum diatas jalan majaz. Imam adalah orang yang diikuti.

والشافعي نسبة إلى شافع وهو جد الإمام الشافعي الرابع، إذ هو محمد بن إدريس بن العباس بن عثمان بن شافع بن الأسائب بن عبيد بن عبد يزيد بن هاشم بن المطلب بن عبد مناف. وعبد مناف هو الأب الرابع للذبي ﷺ. ولد الإمام الشافعي بغزة سنة خمسين ومائة، ومات سنة أربع ومائتين بمصر. قال:

Syafi'e adalah nisbah kepada Syafi' yang mana dia adalah datuk imam Syafi'e yang keempat, kerana dia adalah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafi' bin Saib bin Abid bin Yazid bin Hashim bin Muttallib bin Abdu Manaf. Abdu Manaf ini adalah bapa yang keempat bagi nabi sawm. Dilahirkan imam Syafi'e di Ghazzah pada tahun seratus lima puluh dan wafat pada tahun dua ratus empat puluh di Mesir. Katanya:

(رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَرِضْوَانِهِ)، جملة خبرية لفظا إنشائية معني. والرحمة من الله الإحسان والرضوان القرب والمحبة، فهو أخص من مطلق الرحمة.

(rahmat Allah keatasnya, dan redhaNya), jumlah yang lafaznya khabariah dan maknanya insyaiyyah. Rahmat itu dari Allah adalah ihsan dan redhaNya adalah dekat dan kasih sayang, maka ia lebih khusus dari semata-mata rahmat.

(اِقْتَصَرْتُ فِيهِ)، أي في المختصر فهي صفة له أيضا، (عَلَى) ذكر (الصَّحِيحِ مِنَ الْمَذْهَبِ). اعلم أن المذهب يحتوي على الصحيح الذي لا تجوز الفتوى بغيره، وعلى مقابله وهو الضعيف، وعلى المشهور ومقابله وهو الغريب، وعلى الأظهر ومقابله، وعلى الراجح ومقابله، وعلى النص ومقابله وهو المخرّج، وعلى القديم ومقابله وهو الجديد. فالمصنف لم يذكر في كتابه إلا الصحيح ولم يتعرض لغيره كالمناهج.

(Aku menghadkan didalam nya) iaitu didalam mukhtasar itu, maka ia sifat baginya juga, (diatas) menyebutkan (yang sahah daripada mazhab itu). Ketahuilah bahawa mazhab itu mengandungi yang sahah yang tidak harus fatwa dengan selainnya, dan diatas muqabilnya iaitu yang dhaif, dan diatas yang masyhur dan muqabilnya iaitu yang gharib, dan diatas yang azhar dan muqabilnya, dan diatas yang rajih dan muqabilnya, dan diatas yang nash dan muqabilnya iaitu pendapat mukharraj, dan diatas yang qadim dan muqabilnya iaitu yang jadid. Maka musannif tidak menyebutkan didalam kitabnya ini melainkan yang sahah dan tidak menyentuh selainnya, tidak seperti minhaj.

ومن فوائد ذكر المجتهد لأقوالين إيطال ما زاد لا العمل بكل منهما، وبيان المدرك، وأن من رجح أحدهما من مجتهد المذهب لا يعد خارجا عنه.

Daripada faedah-faedah sebutan mujtahid akan dua pendapat adalah untuk menonjolkan kekuatan apa yang lebih kuat, bukannya untuk diamalkan keduanya, dan untuk menerangkan yang pemahaman, dan bahawa orang yang mentarjihkan satu daripada keduanya daripada para mujtahid mazhab tidak dibilang dia keluar darinya.

ثم الراجح منهما ما نص على رجحانه، وإلا فما علم تأخره، وإلا فما فرع عليه وحده، وإلا فما قال عن مقابله مدخول أو يلزمه فساد، وإلا فما أفردته في محل أو جواب، وإلا فما وافق مذهب مجتهد لتقويته به. فإن خلا عن ذلك كله فهو لتكافؤ نظريه.

Kemudian apa yang rajih daripada keduanya adalah apa yang dia nashkan diatas rajihnya, dan jika tidak maka apa yang diketahui terkemudiannya, dan jika tidak maka apa yang dia cabangkan diatasnya sahaja, dan jika tidak maka apa yang dia katakan pada muqabilnya "madkhul" atau melaziminya fasad, jika tidak maka apa yang dia tunggalkannya pada satu tempat atau satu jawab, dan jika tidak maka apa yang muafakat dengan mazhab mujtahid yang lain kerana jadi kuatnya dengannya. Maka jika sunyi ia dari demikian itu semuanya maka ia kerana sama kuat dua pandangannya.¹

إذا علمت ذلك علمت ما يحتاج إليه الترجيح من تتبع كلام الإمام والإحاطة به والاطلاع على المذاهب الأخر. فلذا لم يدع هذه المرتبة إلا أفراد قليلة. ولذا قال المصنف.

Bila kamu tahu demikian itu kamu tahulah apa yang diperlukan kepadanya oleh pentarjihan, berupa mencermati kalam imam mazhab dan meliputi selok beloknya dan penelitian terhadap mazhab-mazhab yang lain. Maka kerana ini tidak mendakwa martabat ini melainkan beberapa individu yang sedikit. Kerana ini kata musannif:

(عِنْدَ الرَّافِعِيِّ وَالنَّوَوِيِّ)، يعني الصحيح عندهما إذ هما شيخا المذهب، وعلى اعتمادهما المعول، إلا نادرا. وقد نالا من الشهرة ما يغني عن بسط القول في الثناء عليهما. قال:

(di sisi Rafi'e dan Nawawi), iaitu yang sahih di sisi kedua mereka kerana mereka adalah dua syeikh mazhab, dan diatas pegangan mereka adalah pendapat yang kita pegangi, melainkan nadir. Sungguh mereka telah mencapai daripada kemasyhuran apa yang terkaya dari dipanjangkan bicara pada memuji mereka. Katanya:

(أَوْ أَحَدِهِمَا)، بالجر معطوف على مجموع المعطوف والمعطوف عليه، يعني بذكر الصحيح عندهما إذا كان لهما في المسألة تصحيح. فإن لم يكن في المسألة إلا تصحيح لأحدهما ذكر تصحيحه فقط.

(atau seorang daripada mereka). "أحدهما" dengan jar di'atafkan keatas himpunan ma'tuf dan ma'tuf alaih, iaitu dengan sebut yang sahih di sisi kedua mereka apabila ada bagi mereka tashihan pada sesuatu masalah. Maka jika tidak ada pada satu masalah itu melainkan tashihan seorang daripada mereka dia menyebutkan tashihannya sahaja.

(وَقَدْ أَدَّكَرُ فِيهِ) أي المختصر (خِلَافًا) في بعض الصور. يعني لا يذكر في المختصر خلافا إلا في بعض الصور. (وَذَلِكَ إِذَا اِخْتَلَفَ تَصْحِيحُهُمَا) أي

النووي والرافعي (**مُقَدِّمًا لِتَصْحِيحِ النَّوَوِيِّ**) لأنه المتأخر فتصحيحه استدراك لتصحيح الرافعي، فلذا قال جازماً به، لأنه العمدة في المذهب، فيكون المفتي به ما صححه. (**فَيَكُونُ مُقَابِلَهُ تَصْحِيحُ الرَّافِعِيِّ**) فلا يعول عليه ويكون ضعيفاً.

(**Sungguh aku sebutkan didalam nya**), iaitu mukhtasar ini, (**akan khilaf**) pada sebahagian rupa-rupa masalahnya. Maknanya dia tidak menyebutkan didalam mukhtasar ini akan khilaf melainkan pada sebahagian rupa-rupa masalah. (**Demikian itu apabila khilaf tashihan kedua mereka**), iaitu Nawawi dan Rafi'e, (**dalam keadaan aku mendulukan tashihan Nawawi**) kerana dia yang terkemudian maka tashihannya memperbetulkan tashihan Rafi'e. Maka kerana ini dia kata dalam keadaan jazam dengannya, kerana dia adalah tiang pada mazhab ini, maka adalah yang difatwakan apa yang dia tashihkannya. (**maka adalah muqabilnya tashihan Rafi'e**), maka tidak dipegang diatasnya dan adalah ianya dhaif.

(**وَسَمَّيْتُهُ**) أي هذا المختصر (**عُمْدَةُ السَّالِكِ وَعُدَّةُ النَّاسِكِ**). العمدة ما يعتمد عليه، والسالك هو السائر إلى الله بطلب مرضاته، والعدة اسم للآلة التي يعتمد عليها صاحبها، والناسك العابد. فمن أراد السير إلى الله والعبادة له لأبد له من تصحيح عباداته ومعاملاته وهذا الكتاب له هو العمدة والعدة.

(**Dan aku namakan ia**), iaitu mukhtasar ini, (**'Umdatun Salik wa 'Uddatun Nasik**). 'Umdah adalah apa yang dipegang diatasnya, dan salik adalah orang yang berjalan kepada Allah dengan mencari keredaannya, dan 'uddah adalah isim alat yang berkuat diatasnya tuannya, dan nasik adalah orang yang beribadat. Maka barangiapa hendak berjalan kepada Allah dan beribadat kepadanya tidak dapat tidak tidak bagi dia dari membetulkan ibadatnya dan muamalahnya dan kitab ini baginya adalah tiang dan alat sokongannya.

(**وَاللَّهِ أَسْأَلُ**)، أي من الله لا من غيره أطلب، (**أَنْ يَنْفَعَ بِهِ**)، أي النفع لجميع المسلمين، (**وَهُوَ حَسْبِي**)، أي يكفيني ما أحتاجه. وهو كالتعليل لسؤاله. (**وَنِعْمَ الْوَكِيلُ**). نعم كلمة مدح، والوكيل الموكل إليه أمور خلقه. فكأنه يقول أنشئ المدح لمن وكلت إليه أمور خلقه. وهي جملة إنشائية معطوفة على الجملة الخبرية وقد قيل بجواز ذلك.

(**Dan Allah jua aku pohon**), iaitu dari Allah tidak dari selainNya aku memohon, (**agar bahawa Dia mememanfaatkannya**), iaitu manfaat bagi sekalian orang-orang Islam. (**Dan Dia kecukupan ku**), iaitu memada bagi ku pada apa yang aku perlu kepadanya. Ia seperti ta'lim bagi permohonannya. (**dan sebaik-baik wakil**). "نعم" kalimah puji dan, "وكيل" Orang yang diserahkan kepadanya urusan-urusan makhluknya, maka seolah-olah dia berkata: aku persembahkan pujian dan serahkan kepadanya segala urusan makhlukNya. Ianya jumlah insyayiah yang diatafkan keatas jumlah khabariah, yang mana dikatakan demikian itu harus.

(كِتَابُ الطَّهَارَةِ)

الكتاب لغة مصدر، ومعناه الجمع، واصطلاحاً اسم لجملة من العلم مشتملة على أبواب وفصول غالباً. والطهارة لغة النظافة، وشرعاً رفع حدث أو إزالة نجس أو ما في معناهما. وقد افتتح الأئمة كتبهم بالطهارة لخبر مفتاح الصلاة الطهور مع تقديمه ﷺ الصلاة في حديث شعائر الإسلام بعد الشهادتين. ولما كان الماء آلة للطهارة بدأ المصنف بتقسيمه فقال:

1. @KITAB THAHARAH. "Kitab" pada lughah adalah masdhar yang maknanya kumpul, dan pada istilah nama bagi sejumlah daripada ilmu yang lengkap dengan beberapa bab dan fasal pada ghalibnya. "Thaharah" pada lughah adalah bersih dan pada syara' mengangkat hadath atau menghilangkan najis atau apa yang pada makna keduanya. Sungguh para imam membuka kitab-kitab mereka dengan thaharah kerana khabar "kunci shalat itu adalah suci", serta bahawa nabi sawm mendulukan shalat didalam hadith tanda-tanda Islam selepas daripada dua syahadah. Tatkala adalah air itu alat bagi thaharah musannif mula dengan menyebutkan pembahagiannya, maka katanya:

(الْمِيَاهُ أَقْسَامٌ) أَي ثَلَاثَةٌ (طَهُورٌ وَطَاهِرٌ وَنَجِسٌ). ومن زاد المكروه استعماله فقد قصر الطهور على بعض أقسامه. ثم عرف المصنف الأقسام فقال:

2. (Air-air itu beberapa bahagian), iaitu tiga, (yang amat suci, yang suci, yang najis). Barang siapa menambahkan air yang makruh penggunaannya maka sungguh dia menghadkan air yang sangat suci itu keatas sebahagian daripada bahagian-bahagiannya. Kemudian musannif menta'rifkan bahagian-bahagian itu maka katanya:

(فَالطَّهُورُ هُوَ الطَّاهِرُ فِي نَفْسِهِ) أَي الَّذِي لَوْ أَصَابَ غَيْرَهُ لَا يَنْجَسُهُ (الْمُطَهَّرُ لِغَيْرِهِ). فالماء المستعمل في فرض الطهارة كالمرة الأولى في الوضوء والغسل أو في إزالة النجاسة ولو معفوا عنها لا يسمى طهوراً لأنه لا يطهر غيره. وكذا الماء المتغير أحد أوصافه بطاهر.

3. (Maka air yang amat suci itu adalah air yang suci pada dirinya), iaitu yang kalau ia kena benda lain ia tidak menajiskannya, (lagi menyucikan selain dirinya). Maka air yang telah digunakan pada fardhu thaharah seperti yang kali pertama pada wudhu' dan mandi atau pada menghilangkan najis walaupun yang dimaafkan tidak dinamakan ia air yang amat suci kerana ia tidak menyucikan benda selainnya. Begitu juga air yang berubah satu daripada sifat-sifatnya dengan benda suci.

(وَالتَّاهِرُ هُوَ الطَّاهِرُ فِي نَفْسِهِ) بَأَنَّ لَمْ يَتَغَيَّرْ أَحَدٌ أَوْصَافَهُ بِالنَّجَاسَةِ وَلَمْ تَلَاقَهُ نَجَاسَةٌ وَهُوَ قَلِيلٌ (وَلَا يُطَهَّرُ غَيْرَهُ)، بَأَنَّ اسْتَعْمَلَ فِي فَرْضِ طَهَارَةٍ أَوْ إِزَالَةِ نَجَاسَةٍ.

4. (**Air yang suci itu adalah air yang suci pada dirinya**) dengan bahawa tidak berubah satu daripada sifat-sifatnya dengan najis, dan tidak bersentuh dengannya oleh najis sedang ia sedikit, (**dan tidak menyucikan selainnya**), dengan bahawa ia telah digunakan pada fardhu thaharah atau menghilangkan najis.

(وَالنَّجِسُ غَيْرُهُمَا)، و هو ما طرأت عليه نجاسة و هو قليل أو تغير أحد أوصافه بها.

5. (**Air yang najis itu selain keduanya**), iaitu air yang datang najis keatasnya sedang ia sedikit atau berubah satu daripada sifat-sifatnya dengan najis itu.

(فَلَا يَجُوزُ)، أي لا يحل ولا يصح أيضا، (رَفَعُ حَدِّثٍ) أي أصغر أو أكبر (وَلَا إِزَالَةَ نَجَسٍ) من سائر الأنجاس ولو معفوا عنها (إِلَّا بِالمَاءِ). فلا يصح بغيره كالخل واللبن، (المُطْلَقِ)، أي لم يقيد بقيد لازم كماء الورد أو بوصف كماء دافق أي مني. فكل ذلك وإن أطلق عليه ماء لا يجوز الطهر به. فالماء المطلق ما يسمى في العرف ماء بلا قيد لازم، وإن قيد في بعض الأحيان كماء البحر وماء النهر، فلا يخرج عن الإطلاق بذلك. (و هو الطهور). وأما غيره فلا بد من تقييده بأن يقال ماء صابون وماء ورد.

6. (**Maka tidak harus**), iaitu tidak halal dan tidak sah, (**mengangkatkan hadath**), iaitu kecil atau besar, (**dan tidak menghilangkan najis**) daripada sekalian najis-najis walaupun yang dimaafkan darinya, (**melainkan dengan air**). Maka tidak sah ia dengan selainnya seperti cuka dan susu. (**yang mutlak**), iaitu yang tidak dikaitkan dengan satu kait yang lazim seperti air mawar, atau dengan satu sifat seperti air yang memancut, iaitu mani. Maka setiap demikian itu sekalipun dituturkan keatasnya nama air tidak harus bersuci dengannya. Maka air mutlak itu apa yang dinamakan pada uruf dengan "air" tanpa kait yang lazim, sekalipun ia dikaitkan pada sesetengah keadaan, seperti air laut dan air sungai. Maka tidak keluar ia dari keadaan mutlaknya dengan kait itu. (**iaitu air yang amat suci...**). Adapun selainnya maka tidak dapat tidak dari mengkaitkannya dengan bahawa dikatakan air sabun dan air mawar.

(عَلَى أَيِّ صِفَةٍ كَانَ مِنْ أَصْلِ الخَلْقَةِ) أي من أصل الوجود ككونه حلوا أو ملحا أو أبيض أو أسود. وأما إن طرأ له شيء من ذلك بأن تغير بشيء من الطاهرات فلا يقال له طهور.

7. (**diatas barang mana sifat yang ada pada asal kejadiannya**), iaitu dari asal keujudannya, seperti keadaannya manis atau masin atau putih atau hitam. Adapun jika mendatang kepadanya suatu daripada demikian itu dengan bahawa ia berubah dengan suatu daripada benda-benda suci maka tidak dikatakan baginya "amat suci".

(وَيُكْرَهُ بِالْمُشَمَّسِ) أي الذي سخنته الشمس، لكن (فِي الْبِلَادِ الْحَارَّةِ)، فلا يكره المشمس في الباردة والمعتدلة كمصر، (فِي الْأَوَانِي الْمُنْطَبَعَةِ) بأن تكون معدنية. (وَهُوَ مَا يُطْرَقُ بِالْمَطَارِقِ) أي يدق (إِلَّا الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ). هو استثناء من الأواني المنطبعة. فلا يكره المشمس فيهما كما لا يكره في الخزف.

8. (**Makruh ia dengan air musyammas** i.e yang terjemur matahari), iaitu yang dipanaskan oleh matahari, akan tetapi (**dinegeri yang panas**). Maka tidak makruh musyammas pada negeri sejuk dan sederhana seperti Mesir. (**didalam bejana yang ditempa**) dengan bahawa adalah ia jenis logam. (**Ianya adalah bejana yang ditukul dengan penukul**), iaitu diketuk, (**melainkan emas dan perak**). Ia adalah pengecualian dari bejana-bejana yang ditempa. Maka tidak makruh air musyammas didalam keduanya sepertimana ia tidak makruh didalam tembikar.

وضابط المشمس أن تؤثر فيه السخونة بحيث تفصل من الإناء أجزاء سُمِّيَّة تؤثر في البدن، لا مجرد انتقاله من حالة لأخرى. ولا يكره استعماله في أرض أو آنية أو ثوب أو طعام جامد.

9. Dhabit musyammas itu bahawa panas matahari itu berkesan padanya sekiranya ia memisahkan dari bejana itu akan jujuk-jujuk racun yang berkesan pada tubuh, bukan semata-mata berpindahnya dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Tidak makruh penggunaannya pada bumi atau bejana atau kain atau makanan beku.

(وَتَرْوُلٌ بِالتَّبْرِيدِ). ولو برد بنفسه زالت الكراهة أيضا.

10. (**Hilang makruhnya dengan disejukkan**). Kalau ia sejuk dengan sendiri hilang karahah itu juga.

(وَإِذَا تَغَيَّرَ الْمَاءُ تَغْيِيرًا كَثِيرًا)، حسيا كان التغير بأن شوهد تغير أحد أو صافه من طعم أو لون أو ريح، أو تقديريا بأن سقط في الماء ما يوافق أحد صفاته كماء مستعمل، فيقدر مخالفا وسطا بأن يقدر مثل الساقط من الرمان وينظر هل يغير الطعم أم لا، فإن لم يغير قدر مثله من العصير ويقال هل يغير اللون، فإن لم يغير قدر مثله من اللادن، فإن غير الريح ضر.

11. (**Bilamana air berubah dengan perubahan yang banyak...**), pada hissi adalah perubahan itu dengan bahawa disaksikan berubah satu daripada sifat-sifatnya berupa kecapan atau warna atau bau, atau pada takdir dengan bahawa jatuh kedalam air itu benda yang menyamai satu daripada sifat-sifatnya seperti air musta'mal, maka ditakdirkan satu benda yang menyalahi yang sederhana, dengan bahawa ditakdirkan sama umpama benda yang jatuh itu daripada limau dan ditilik adakah ia mengubah kecapannya atau tidak, maka jika ia tidak mengubah ditakdirkan sama umpamanya daripada perahan tebu dan dikatakan adakah ia mengubah warnanya, maka jika ia tidak mengubah ditakdirkan seumpamanya daripada lazan, maka jika ia mengubah baunya ia memudharatkan.

ويشترط أن يكون التغيير كثيرا (بِحَيْثُ يَسْلُبُ عَنْهُ اسْمَ الْمَاءِ بِمُخَالَطَةِ شَيْءٍ طَاهِرٍ). فإن لم يكن التغيير كثيرا بأن سقط في الماء شيء من قليل صابون، أو لم يكن التغيير بمخالط وهو الذي لا يمكن فصله عن الماء بأن كان بمجاور كدهن وعود، فإن ذلك لا يضر في الطهورية.

12. Disyaratkan bahawa adalah perubahan itu banyak (**dengan bahawa ia menanggalkan darinya nama air dengan sebab bergaul suatu yang suci...**). Maka jika perubahan itu tidak banyak dengan bahawa jatuh kedalam air itu suatu daripada sabun yang sedikit atau perubahan itu bukan dengan suatu yang bergaul iaitu suatu yang tidak mungkin dipisahkan dari air dengan bahawa adalah ia dengan suatu yang bersebelahan seperti minyak dan gaharu maka demikian itu tidak memudharatkan pada keadaan sucinya.

ويشترط في المخالط أيضا أن يكون بحيث (يُمْكِنُ الصَّوْنُ عَنْهُ). فإن لم يمكن الصون عنه كطدلب، ومن ذلك المتغير بما في مقره وممره، فلا يسلب الطهورية. وذلك (كَدَقِيقٍ وَزَغْفَرَانٍ)، فإن ذلك طاهر مخالط يغير كثيرا ويمكن صون الماء عنه فيسلب الطهورية وهو طاهر في نفسه.

13. Disyaratkan pada yang bergaul itu juga bahawa adalah ia sekira-kira (**boleh dipelihara darinya**). Maka jika tidak terbolelah memelihara darinya seperti kiambang, dan daripada demikian itu adalah air yang berubah dengan apa yang ada pada tempat tetapnya dan tempat lalunya, maka ia tidak menanggalkan kesuciannya. Demikian itu (**seperti tepung dan za'faran...**), maka demikian itu adalah benda suci yang bergaul yang mengubah dengan banyak dan terbolelah dipelihara air darinya, maka ia menanggalkan kesucian air, sedang ianya suci pada dirinya.

ثم أشار إلى قسم آخر من الطاهر غير الطهور فقال: (أَوْ اسْتَعْمِلَ) أي الماء حالة كونه قليلا (دُونَ الْقَلْتَيْنِ فِي فَرْضِ طَهَارَةِ الْحَدَثِ)، فإنه يكون طاهرا غير مطهر. وأما المستعمل في الذفل كالمضمضة والأغسال المسنونة فهو طاهر مطهر. (وَلَوْ لَصَبِيٍّ)، يعني أن ماء وضوء الصبي وغسله ليس بمطهر، لأن المراد بالفرض ما لا بد منه وإن لم يعص بتركه.

14. Kemudian dia mengisyarat kepada satu bahagian yang lain daripada air yang suci yang tidak menyucikan maka katanya: (**atau telah digunakan ia**), iaitu air dalam keadaan ianya sedikit, (**kurang daripada dua kolah pada fardhu thaharah hadath**), maka ianya adalah air yang suci tidak menyucikan. Adapun yang telah digunakan pada sunat seperti kumur-kumur dan mandi-mandi sunat maka ianya suci lagi menyucikan. (**walaupun bagi kanak-kanak...**). Maknanya bahawa air wudhuk kanak-kanak dan mandiannya bukan air yang menyucikan kerana yang dikehendakki dengan fardhu adalah apa yang tidak dapat tidak daripadanya sekalipun tidak maksiat dengan meninggalkannya.

(أَوْ النَّجَسِ). معطوف على فرض طهارة. يعني أن الماء المستعمل قسمان، ما استعمل في فرض طهارة وما استعمل في إزالة نجاسة. (وَلَوْ لَمْ يَتَّغَيَّرْ). فالماء المستعمل في إزالة النجاسة إن تغير بها كان نجسا وإن لم يتغير كان طاهرا غير مطهر، فهو على كل غير مطهر. وإذا كان كذلك (لَمْ تَجْزِ الطَّهَارَةُ بِهِ). ثم شرع في أخذ محترزات القيود السابقة فقال:

15. (atau najis). Di'atafkan keatas "fardhu thaharah". Maknanya bahawa air musta'mal itu dua bahagian, apa yang digunakan pada fardhu thaharah dan apa yang digunakan pada menghilangkan najis. (walaupun ia tidak berubah). Maka air yang telah digunakan pada menghilangkan najis itu jika berubah dengannya adalah ia najis, dan jika tidak berubah adalah ia suci tidak menyucikan. Maka ia diatas setiap keadaan adalah air yang tidak menyucikan. Maka apabila adalah ia seperti demikian itu (tidak harus bersuci dengannya). Kemudian dia masuk pada apa yang dijaga-jagakan dengan kait-kait yang lalu itu maka katanya:

(فَإِنْ تَغَيَّرَ بِالزَّغْفَرَانِ وَنَدْوِهِ يَسِيرًا) - محترز قوله كثيرا - (أَوْ بِمَجَاوِرِهِ) - محترز قوله بمخالط - (كَغُودٍ وَدُهْنٍ مُطَيَّبِينَ) فإن التغير بهما بالمجاور فلا يضر وإن كان كثيرا ما لم يخرج إلى اسم آخر كأن اختلط دهن بالماء حتى صار يسمى مَرَقَةً لا ماءً. (أَوْ بِمَا لَا يُمَكِّنُ الصَّوْنَ عَنْهُ) - محترز يمكن الصون عنه - (كَطُحْلِبٍ)، هو شيء أخضر يعلو الماء من طول المكث، (وَوَرِقٍ شَجَرٍ تَنَاطَرَ فِيهِ) أي سقط في الماء، بخلاف الثمر فإنه يضر لإمكان صون الماء عنه عادة.

16. (Maka jika ia berubah dengan za'faran dan umpamanya, dalam keadaan sedikit) -muhtaraz bagi katanya "banyak"- (atau dengan benda yang bersebelahan dengannya) -Muhtaraz bagi katanya "dengan yang bergaul"- (seperti gaharu dan minyak yang wangi), maka perubahan air dengan keduanya adalah dengan benda yang bersebelahan, maka ia tidak memudharatkan, sekalipun ianya banyak selama mana ia tidak keluar kepada nama yang lain, seperti bahawa bergaul minyak dengan air hingga dinamakan ia kuah bukan air. (atau dengan apa yang tidak boleh dipelihara darinya) - Muhtaraz "boleh dipelihara darinya"- (seperti kiambang), iaitu suatu yang hijau yang mengapung diatas air kerana lama diamnya, (dan daun pokok yang berjatuh padanya...), iaitu jatuh kedalam air. Bersalahan buah maka ia memudharatkan kerana terbolelah memelihara air darinya pada adatnya.

(وَ) كذلك لا يضر التغير (ب) سبب (تُرَابٍ)، وكذلك ملح الماء وإن طرحا فيه. (وَطَوَّلِ مُكْثٍ)، فلا يضر التغير به. (أَوْ اسْتَعْمَلَ فِي النَّفْلِ) - محترز قوله في فرض - (كَمَضْمُضَةٍ وَتَجْدِيدِ وَضُوءٍ وَعَسَلٍ مَسْنُونٍ) - تمثيل للذفل - (أَوْ جُمِعَ الْمُسْتَعْمَلُ قَبْلَ قَلْتَيْنِ جَازَتْ الطَّهَارَةُ بِهِ). محترز قوله دون قلتين.

17. Begitu juga tidak memudharatkan perubahan (**dengan**) sebab (**tanah**), begitu juga garam air sekalipun keduanya dicampakkan kedalamnya, (**dan lama diam**), maka tidak memudharatkan perubahan dengannya, (**atau telah digunakan pada sunat**) –muhtaraz bagi katanya “pada fardhu- (**seperti kumur-kumur dan tajdid wudhuk dan mandi sunat**) –contoh bagi sunat- (**atau dihimpunkan air musta’mal lalu sampai dua kolah, harus thaharah dengannya**). Muhtaraz bagi katanya “kurang dua kolah”.

(وَلَوْ أَدْخَلَ مُتَوَضِّئٌ يَدَهُ بَعْدَ غَسْلِ وَجْهِهِ مَرَّةً). أشار بذلك إلى ما يدفع استعمال الماء الذي دون القلتين عند الوضوء أو الغسل، بأن الذي يدفع الاستعمال نية الاغتراف، أي إخراج الماء من الإناء. فمعنى الاغتراف أن ينوي أن إدخال يده في الإناء لا لرفع الحدث فيه بل لإخراج الماء خارجه. ويختلف محلها في الوضوء والغسل، فأفاد أنه ينوي بعد غسل وجهه مرة إن عم الماء وجهه. وإلا نوى بعد تعميم وجهه. (أَوْ جُنِبَ بَعْدَ النَّيَّةِ) أي نية رفع الحدث،

18. (**Kalau seorang yang berwudhuk memasukkan tangannya selepas basuh mukanya sekali...**). Dia isyarat dengan demikian itu kepada apa yang menolak status isti’mal air yang kurang dua kolah disisi berwudhuk atau mandi, dengan bahawa yang menolak status isti’mal itu adalah niat mencebuk iaitu mengeluarkan air dari bejana. Maka makna mencebuk itu bahawa dia berniat bahawa perbuatan memasukkan tangannya kedalam bejana itu bukan untuk mengangkat hadath padanya bahkan untuk mengeluarkan air keluarnya. Berbeza tempatnya pada wudhuk dan mandi, maka ia memberi faham bahawa orang itu berniat selepas basuh mukanya sekali jika air telah meratai mukanya, jika tidak dia niat selepas meratakan mukanya. (**atau seorang berjunub selepas niat...**), iaitu niat angkat hadath.

(فِي دُونَ الْقُلَّتَيْنِ). وأما في القلتين فلا يحتاج إلى نية. (فَاعْتَرَفَ وَذَوَى الْأَعْتَرَفَ لَمْ يُضْرَهُ). ودفعت نية الاغتراف استعمال الماء، (وَالْأَصَارَ الْبَاقِي مُسْتَعْمَلًا) لأنه بوضع يده فيه ارتفع حدثها في الماء فصار مستعملا.

19. (**kedalam air yang kurang dua kolah**). Adapun pada yang dua kolah maka tidak perlu kepada niat. (**maka dia mencebuk dan niat mencebuk, ia tidak memudharatkan**). Dan niat mencebuk itu menolak status isti’mal air itu, (**jika tidak jadilah baki air itu musta’mal**) kerana dengan dia meletakkan tangannya kedalamnya terangkatlah hadathnya didalam air itu lalu jadilah ia musta’mal.

(وَلَوْ انْغَمَسَ جُنْبَانٌ فَأَكْثَرَ دَفْعَةً). أشار إلى قيد ملحوظ وهو أن الماء مادام مترددا على العضو لا يحكم عليه بالاستعمال مادامت الحاجة باقية. فلو انغمس جنب أو محدث في ماء قليل ثم نوى ارتفع حدثه وصار الماء مستعملا بالنسبة إلى غيره، لا إليه. ولو انغمس فيه جنبان ثم نوى معا ارتفعت

جنابتهما، أو مرتبا فالأول. فقوله (أَوْ وَاحِدٌ بَعْدَ وَاحِدٍ فِي قَلَّتَيْنِ إِرْتَفَعَتْ جَنَابَتُهُمْ، وَلَا يَصِيرُ) الماء (مُسْتَعْمَلًا) ظاهرٌ. ولما ذكر المصنف القلتين عرفهما فقال

20. (**Kalau dua orang berjunub maka lebih menyelam sekali gus...**). Dia mengisyarat kepada kait yang dijaga-jagakan, iaitu bahawa air itu selama mana ia berulang alik diatas anggota tidak dihukumkan keatasnya dengan isti'mal selama mana kekal hajat kepadanya. Maka kalau seorang berjunub atau berhadath menyelam didalam air sedikit kemudian dia niat mengangkat hadathnya jadilah air itu musta'ma dengan nisbah kepada orang lain, tidak kepada dia. Kalau menyelam didalamnya dua orang berjunub kemudian keduanya berniat serentak terangkatlah janabah kedua mereka, atau berturutan maka yang pertama. Maka katanya (**atau seorang selepas seorang pada dua kolah, terangkatlah janabah mereka, dan tidak jadilah**) air itu (**musta'mal**) adalah suatu yang zahir. Tatkala musannif menyebutkan dua kolah dia menta'rifkan maka katanya:

(وَالْقُلَّتَانِ خَمْسُمِائَةِ رِطْلٍ بَغْدَادِيَّةٍ تَقْرِيْبًا). ورطل بغداد عند النووي مائة وثمانية وعشرون درهما وأربعة أسباع درهم. (وَمِسَاحَتُهُمَا) أي مقدار القلتين بالمساحة (ذِرَاعٌ وَرُبْعٌ طَوَّلًا وَ) ذراع ورعب (عَرْضًا وَ) ذراع ورعب (عُمُقًا). والمراد بالذراع ذراع الأدمي.

21. (**Dua kolah itu lima ratus kati Baghdad, lebih kurang**). Satu kati Baghdad itu disisi Nawawi seratus dua puluh lapan dirham dan empat pertujuh dirham. (**Ukuran keduanya**), iaitu kadar dua kolah itu dengan ukuran (**satu dan satu perempat hasta panjang dan**) satu satu perempat (**lebar dan**) satu satu perempat (**dalam**). Yang dikehendakki dengan hasta itu adalah hasta anak adam.

(فَالْقُلَّتَانِ لَا تَنْجُسُ بِمُجَرَّدِ مُلَاقَاةِ النَّجَاسَةِ). لعله راعى في لفظ القلتان المعنى الاصطلاحي وهو الماء، وإلا لكان الواجب عربية لا تنجسان. وقد علمت أن كثرة الماء تدفع عنه النجاسة إن لم يتغير. (بَلْ بِالتَّغْيِيرِ بِهَا وَلَوْ يَسِيرًا). ولا فرق بين التغير الحسي أو التقديري.

22. (**Maka dua kolah itu tidak jadi najis dengan semata-mata bersentuh najis...**). Barangkali dia memelihara pada lafaz "قلتان" itu akan makna istilahi iaitu air, jika tidak nescaya adalah yang wajib menurut bahasa arab "لا تنجسان". Sungguh kamu telah tahu bahawa banyak air menolak darinya akan najis jika ia tidak berubah. (**sebaliknya dengan berubah dengannya walaupun sedikit**). Tidak ada beza diantara perubahan pada hissi atau pada takdir.

(ثُمَّ إِنْ زَالَ التَّغْيِيرُ بِنَفْسِهِ أَوْ بِمَاءٍ طَهُرَ)، ولو مستعملا. ولا يضر عود تغييره إذا خلا عن نجس جامد. (أَوْ بِنَحْوِ مِسْكِ) مما يستر الرائحة، (أَوْ بِخَلِّ) مما يستر الطعم (أَوْ بِتُرَابٍ) مما يستر اللون، (فَلَا) يطهر.

23. **(Kemudian jika perubahan itu hilang dengan sendiri atau dengan air sucilah ia)** walaupun air itu musta'mal. Tidak memudharatkan oleh kembali perubahannya bila ia sunyi dari najis yang keras. **(atau [hilang] dengan seumpama kasturi)** daripada apa yang menutupi bau **(atau dengan cuka)** daripada apa yang menutupi kecapan **(atau dengan tanah)** daripada apa yang menutupi warna **(maka tidak)** suci ia.

(وَدُونَهُمَا)، أي القلتين، (يَنْجُسُ بِمَجْرَدِ مُلَاقَاةِ النَّجَاسَةِ) ولو جاريا. ومثل ما دون القلتين في التنجس بمجرد الملاقاة سائر المائعات ولو كثرت. (وَإِنْ لَمْ يَتَغَيَّرْ). هذا إذا طرأت النجاسة على الماء. وأما إذا كان الماء واردا وأزال عين النجاسة ولم يزد وزنه كماء الغسالة، فإنه يكون طاهرا غير مطهر. ثم أشار إلى استثناء بعض مسائل لا ينجس فيها القليل بالملاقاة فقال:

24. **(Dan kurang daripada keduanya)** iaitu dua kolah **(bernajis dengan semata-mata bertemu najis)** walaupun ia mengalir. Seumpama apa yang kurang dua kolah pada bernajis dengan semata-mata bertemu najis adalah sekalian cecair-cecair walaupun banyak. **(sekalipun ia tidak berubah)**. Ini bila mendatang najis keatas air. Adapun bila adalah air itu yang mendatang dan ia menghilangkan ain najis itu serta tidak bertambah timbangannya seperti air pembasuh maka adalah ia suci tidak menyucikan. Kemudian dia mengisyarat kepada pengecualian sebahagian masaalah-masaalah yang tidak bernajis padanya air yang sedikit dengan bertemu najis maka katanya:

(إِلَّا أَنْ يَقَعَ فِيهِ) أي في الماء القليل (نَجَسٌ لَا يَرَاهُ الْبَصَرُ) المعتدل كما إذا وقع الذباب على نجس رطب وعلق به شيء لا يدركه البصر ثم وقع في الماء، (أَوْ مَيِّتَةً لَا دَمَ لَهَا سَائِلٌ) عند شق عضو منها (كَذُبَابٍ وَنَحْوِهِ) مثل الخنافس والسحالي. ولفظ نحو زائد للتوضيح. (فَلَا يَضُرُّ) في جميع ما ذكر في طهورية الماء.

25. **(Melainkan jika jatuh kedalamnya)**, iaitu kedalam air yang sedikit itu, **(najis yang tidak dilihat oleh pandangan mata)** yang sederhana, sepertimana bila jatuh lalat diatas najis basah dan melekat dengannya suatu yang tidak dapat dilihat pandangan mata kemudian ia jatuh pada air, **(atau bangkai yang tidak ada baginya darah mengalir)** ketika dikoyakkan satu anggota daripadanya **(seperti lalat dan umpamanya...)**, seumpama lipas dan cicak. Lafaz "umpama" itu tambahan untuk menjelaskan lagi. **(maka ia tidak memudharatkan)** pada semnua apa yang disebutkan itu pada kesucian air.

(وَسَوَاءُ الْجَارِي وَالرَّكْدِ). وإنما يحكم بالنجاسة في الجاري على كل جرية فلا تنتجس التي قبلها. وحيضان بيوت الأختية من الرائد. ويعتبر كل حوض على حدته، إلا إن تحرك كل واحدة بحركة الأخرى فتعتبر الجميع كأنها حوض واحد.

26. (**Sama sahaja yang air yang mengalir dan yang tenang**). Hanyasanya dihukumkan najis pada air yang mengalir keatas setiap lariannya, maka tidak bernajis larian yang sebelumnya. Kolam-kolam yang berbilik-bilik yang berdempek adalah daripada air yang tenang. Diiktibarkan setiap satu kolah itu bersendirian, melainkan jika bergerak setiap satunya dengan gerakkan yang lain maka diiktibarkan semuanya seolah-olah ianya kolam yang satu,

(فَإِنْ كُوِّثِرَ الْقَلِيلُ النَّجَسِ فَبَلَغَ قَلَّتَيْنِ وَلَا تَغْيِيرَ طَهْرًا) أَي صَارَ طَهُورًا.
(وَالْمُرَادُ بِالتَّغْيِيرِ بِالتَّطَاهُرِ أَوْ بِالتَّجَسُّبِ إِمَّا اللَّوْنُ أَوْ الطَّعْمُ أَوْ الرِّيْحُ). فَتَغْيِيرُ
أَحَدِ الْأَوْصَافِ كَافٍ فِي سَلْبِ الطَّهْوَرِيَّةِ أَوْ الطَّهَارَةِ.

27. (**Maka jika dibanyakkkan air sedikit yang bernajis lalu ia sampai dua kolah dan tidak ada perubahan sucilah ia**), iaitu jadilah ia suci. (**Yang dikehendakki dengan perubahan dengan benda suci atau dengan najis itu samaada warna atau rasa atau bau**). Maka berubah satu daripada sifat-sifat itu cukup pada menanggalkan sifat sucinya atau sucinya

(وَيُنْدَبُ تَغْيِيَةُ الْإِنَاءِ) حَفْظًا مِنْ وَقُوعِ الْآفَاتِ فِيهِ. (فَلَوْ وَقَعَ فِي أَحَدِ الْإِنَاءَيْنِ
نَجَسٌ تَوْضًا مِنْ أَحَدِهِمَا بِاجْتِهَادٍ وَظُهُورِ عِلْمَةٍ). الْوَاوُ بِمَعْنَى أَوْ لِأَنَّ
الاجْتِهَادَ قَدْ لَا يَظْهَرُ مَعَهُ عِلْمَةٌ. (سِوَاءَ قَدَرٍ عَلَى طَاهِرٍ بَيِّقِينَ أَمْ لَا)، لِأَنَّ
التَّطَهْرَ مِنْ شُرُوطِ الصَّلَاةِ وَيُمْكِنُ التَّوَصُّلُ إِلَيْهِ بِالاجْتِهَادِ، فَيَجُوزُ عِنْدَ الْقُدْرَةِ
وَيَجِبُ عِنْدَ عَدْمِهَا. (فَإِنْ تَحَيَّرَ أَرَاغَهُمَا وَيَتَيَمَّمُ بِلَا إِعَادَةٍ) لَمَّا صَلَّاهُ لِأَنَّهُ تَيَمَّمُ
لَقَدْ فَقَدَ الْمَاءَ.

28. (**Sunat menudung bejana**) kerana memelihara dari jatuh cemar-cemar padanya. (**Maka kalau jatuh pada satu daripada dua bejana oleh najis dia berwudhuk dari satu daripada keduanya dengan ijthihad atau zahir tanda**). Huruf wau dengan makna "atau" kerana ijthihad itu terkadang tidak zahir bersamanya sebarang tanda. (**Sama sahaja dia kuasa mendapatkan air yang suci dengan yakin atau tidak**), kerana bersuci itu satu daripada syarat-syarat shalat dan terbolelah sampai kepadanya dengan ijthihad, maka harus ijthihad itu disisi ada kemampuan bersuci dan wajib ia disisi ketiadaannya. (**Maka jika dia bingung dia menumpahkan keduanya dan bertayammum tanpa mengulangi**) apa yang dia sembahyangkannya kerana dia bertayammum kerana luput air.

(وَالْأَعْمَى يَجْتَهِدُ) كَالْبَصِيرِ. (فَإِنْ تَحَيَّرَ) الْأَعْمَى (قَدَّادٌ بَصِيرًا) فِي اجْتِهَادِهِ.
بِخِلَافِ الْبَصِيرِ فَلَيْسَ لَهُ فِي التَّحْيِيرِ إِلَّا الْإِرَاقَةُ.

29. (**Seorang yang buta berijthihad**) sama seperti orang yang celik. (**Maka jika bingung**) orang buta itu (**dia mengikut orang yang celik**) pada ijthihad. Bersalahan orang yang celik, maka tidak ada bagi dia pada keadaan bingung melainkan menumpahkan air itu.

(وَلَوْ اشْتَبَهَ طَهُورٌ بِمَاءٍ وَرِدَ تَوْضًا بِكُلِّ وَاحِدٍ مَرَّةً) وَلَا يَجْتَهِدُ، إِذْ شَرَطَ
الاجْتِهَادَ أَنْ يَكُونَ لِكُلِّ وَاحِدٍ أَصْلٌ فِي التَّطَهِيرِ. (أَوْ بِبَوْلٍ)، أَي اشْتَبَهَ الطَّهُورُ

بول، (أَرَأَقَهُمَا) لأنه لا يمكن أن يتوضأ بكل ولا يمكن أن يتيمم مع وجود الماء الطهور، (وَتَيَمَّمَ) بعد الإراقة.

30. (Kalau kesamaran air yang menyucikan dengan air mawar dia berwudhu' dengan setiap satunya sekali), dan tidak dia berjihad, kerana syarat ijihad itu bahawa ada bagi setiap satunya asal pada upaya menyucikan. (atau dengan air kencing), iaitu kesamaran air yang menyucikan dengan air kencing, (dia menumpahkan kedua-duanya) kerana tidak mungkin dia berwudhuk dengan setiap satunya dan tidak mungkin dia bertayammum serta ada air yang menyucikan. (dan dia bertayammum) selepas menuangkannya.

(فَصَلِّ تَحِلُّ الطَّهَارَةِ مِنْ كُلِّ إِنَاءٍ طَاهِرٍ). لما كان لا بد لماء الطهارة من ظرف تعرض لما يحل استعماله من الظروف ولو في غير الطهارة، فأفاد أن كل طاهر من الظروف يحل استعماله، بخلاف النجس فإنه لا يحل استعماله في الماء القليل لما يلزمه من التلويث بالنجاسة، بخلاف استعماله في الجامد أو في الماء الكثير.

31. (Fasal. halal thaharah dari setiap bejana yang suci). Tatkala adalah tidak dapat tidak bagi air thaharah itu dari bekas dia menyentuh apa yang halal penggunaannya daripada bekas-bekas walaupun pada selain thaharah, maka dia memahamkan bahawa setiap yang suci daripada bekas-bekas itu halal digunakan, bersalahan yang najis maka tidak halal menggunakannya pada air yang sedikit kerana apa yang melaziminya, daripada mencemmarkannya dengan najis, bersalahan menggunakannya pada benda keras atau pada air yang banyak.

(إِلَّا الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ) استثناء من الطاهر. (وَالْمَطْلِيَّ بِأَدَدِهِمَا بَحِيثٌ يَتَّحَصَّلُ مِنْهُ شَيْءٌ بِالنَّارِ). قيد لعدم جواز المطلّي، فإن الإناء إذا طلي فإن كان الطلاء كثيفا يحصل منه شيء لو عرض على النار التحق بإناء الذهب والفضة، وإن لم يحصل حل.

32. (melainkan emas dan perak). Pengecualian dari yang suci. (dan yang disadur dengan satu daripada keduanya sekira-kira terhasil daripadanya sesuatu dengan api). Kait bagi ketiadaan harus bejana yang disadur itu, kerana sesungguhnya bejana itu apabila dicelup, maka jika celupan itu tebal hingga terhasil darinya suatu kalau dirintangkan keatas api ia menghubungi bejana emas dan perak, dan jika tidak terhasil apa-apa halal ia.

(فَيَحْرُمُ اسْتِعْمَالُهُ) أي المطلّي المذكور (عَلَى الرَّجَالِ وَالنِّسَاءِ)، فلا فرق في حرمة إناء النقدين بين الرجال والنساء، (فِي الْأَكْلِ وَالشَّرْبِ وَغَيْرِ ذَلِكَ) من وجوه الاستعمالات. (وَكَدًّا افْتِنَاؤُهُ بِلَا اسْتِعْمَالٍ) لأن الاتخاذ يجر إلى الاستعمال، (حَتَّى الْمَيْلِ) أي المرود (مِنَ الْفِضَّةِ). ومثله الاخلال والإبرة والقمقم.

33. (**Maka haram penggunaannya**), iaitu bekas yang disadur tersebut, (**keatas lelaki dan perempuan**), maka tidak ada beza pada haram bejana emas perak itu diantara lelaki dan perempuan, (**pada makan dan minum dan selain demikian itu**) daripada wajah-wajah penggunaan. (**Begitu juga membuatnya tanpa tujuan digunakan**) kerana membuatnya membawa kepada menggunakannya, (**hinggakan pencolek celak**), iaitu bilah celak, (**dari perak**). Seumpamanya adalah pencungkil gigi dan jarum dan botol wangian.

وَالْمُضَبَّبُ بِالذَّهَبِ حَرَامٌ. التَّضْيِيبُ إِصْلَاحُ الْإِنَاءِ. فَتَحْرَمُ ضَبَّةُ الذَّهَبِ، سِوَا الصَّغِيرَةِ وَالْكَبِيرَةِ. (وَقِيلَ كَالْفِضَّةِ)، أَي يَفْصَلُ فِي ضَبَّةِ الذَّهَبِ التَّفْصِيلُ فِي ضَبَّةِ الْفِضَّةِ وَهُوَ مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ:

34. (**Bejana yang ditampung dengan emas itu haram**). "تضييب" itu adalah membaikpulih bejana. Maka haram tampungan emas, sama yang kecil dan yang besar. (**Dikatakan sama seperti perak**), iaitu ditafsirkan pada tampungan emas itu dengan tafsiran pada tampungan perak, iaitu apa yang dia sebutkan dengan katanya:

وَبِالْفِضَّةِ إِنْ كَانَتْ كَبِيرَةً لِلزَّيْنَةِ فَهِيَ حَرَامٌ، فَيَحْرَمُ اسْتِعْمَالُ الْإِنَاءِ الَّتِي هِيَ فِيهَا، (أَوْ صَغِيرَةً لِلْحَاجَةِ دَلٌّ) مِنْ غَيْرِ كِرَاهَةٍ، (أَوْ صَغِيرَةً لِلزَّيْنَةِ أَوْ كَبِيرَةً لِلْحَاجَةِ كُرْهُ وَلَمْ يَحْرَمِ) الْاسْتِعْمَالُ.

35. (**dan dengan perak, jika ianya besar untuk hiasan maka ia haram**), maka haram penggunaan bejana yang ia ada padanya, (**atau kecil kerana hajat halal ia**) tanpa karahah, (**atau kecil kerana hiasan, atau besar kerana hajat makruh ia dan tidak haram**) penggunaannya.

(وَمَعْنَى التَّضْيِيبِ) لُغَةٌ (أَنْ يَنْكَسِرَ مَوْضِعٌ مِنْهُ) أَي الْمَضْبَبُ (فَيُجْعَلُ مَوْضِعَ الْكَسْرِ فِضَّةً تُمْسِكُهُ)، أَي مَوْضِعَ الْكَسْرِ (بِهَا) أَي بِتِلْكَ الْفِضَّةِ. إِنْ جَعَلْتَ الضَّمِيرَ الْمُسْتَتِرَ فِي تُمْسِكُهُ تَقْدِيرَهُ أَنْتَ كَانَ لَفْظُ بِهَا غَيْرَ زَائِدٍ، بَلْ مَحْتَاجٌ إِلَيْهِ. وَمَرَجَعُ الْكَبْرِ وَالصَّغْرِ الْعَرَفُ.

36. (**Makna tampung**) pada lughah (**bahawa pecah satu tempat daripadanya**) iaitu bejana yang ditampung (**maka diletakkan pada tempat pecah itu perak untuk kamu memegangnya**), iaitu tempat pecah itu, (**dengannya**) iaitu dengan perak itu. Jika dijadikan dhamir mustatir pada "تمسكه" takdirnya "أنت" adalah lafaz "بها" bukan tambahan, bahkan diperlukan kepadanya. Rujukkan besar dan kecil itu adalah uruf.

(وَتُكْرَهُ أَوْ أَدَبِي الْكُفَّارِ)، أَي اسْتِعْمَالُهَا لِأَنَّهُمْ لَا يَتَّقُونَ النِّجَاسَةَ. وَكَذَا مِنْ لَا يَبَالِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ مِثْلَ مَدْمَنِي الْخَمْرِ، (وَتِيَابِهِمْ) حِرْصًا عَلَى يَقِينِ الطَّهَارَةِ.

37. (**Makruh bejana-bejana orang kafir**), iaitu penggunaannya kerana mereka tidak menjaga dari najis, begitu juga orang yang tidak peduli daripada orang-orang Islam, seumpama penagih arak, (**dan pakaian mereka**), kerana haloba kepada yakin thaharah.

(وَيُبَاحُ الْإِنَاءُ مِنْ كُلِّ جَوْهَرٍ نَفِيسٍ) لانتفاء ظهور الخيلاء والاسرف فيه. وذلك (كَيَافُوتٍ وَزُمُرِدٍ) وغيرهما من أنواع الجواهر.

38. (**Harus bejana dari setiap permata yang mahal**) kerana ternafi nampak kesombongan dan melampau-lampau padanya. Demikian itu (**seperti delima dan zamrud**) dan selain keduanya daripada bagai-bagai batu permata. (فَصَلِّ يَنْدَبُ السَّوَاكُ) أي استعماله (فِي كُلِّ وَقْتٍ)، أي زمن طويل أو قصير، (إِلَّا لِصَائِمٍ بَعْدَ الزَّوَالِ فَيُكْرَهُ) له استعماله كراهة تنزيه.

39. (**Fasal. Sunat siwak**), iaitu menggunakannya, (**pada setiap waktu**), iaitu masa yang panjang atau singkat, (**melainkan bagi orang yang puasa selepas zawal maka dimakruhkan**) baginya penggunaannya sebagai karahah tanzih.

(وَيَتَأَكَّدُ اسْتِحْبَابُهُ لِكُلِّ صَلَاةٍ) فرضا أو نफلا (وَقِرَاءَةٍ) لقرآن أو حديث أو درس (وَوُضُوءٍ) و لو مجددا (وَصُفْرَةَ أَسْنَانٍ) أو خضرتها من أثر طعام (وَاسْتِيقَاطٍ) أي إفاقة (مِنَ النَّوْمِ) وإن لم يتغير الفم ليلا أو نهارا (وَوَدُخُولِ بَيْتِهِ) أي منزله (وَتَغْيِيرِ الْفَمِ مِنْ أَكْلِ كُلِّ كَرِيهِ الرِّيحِ) من ثوم وبصل وشرب دخان، فيتأكد السواك عند جميع ذلك، (أَوْ تَرَكَ أَكْلَهُ). فالمدار على تغيير الفم من الأكل أو تركه.

40. (**Kuat sunatnya kerana setiap shalat**) fardhu atau sunat (**dan baca**) Quran atau hadith atau pelajaran (**dan wudhuk**) walaupun yang dibaharui (**dan kuning gigi**) atau hijaunya kerana kesan makanan (**dan terjaga**) iaitu sedar (**dari tidur**) sekalipun tidak berubah mulut, pada malam atau siang, (**dan masuk rumahnya**), iaitu tempat tinggalnya, (**dan berubah mulut kerana makan setiap yang busuk baunya**) daripada bawang putih dan bawang merah dan hisap rokok, maka kuat tuntutan siwak itu disisi semua demikian itu, (**atau kerana meninggalkan makan**). Maka putaran sunatnya adalah diatas berubah mulut kerana makan atau meninggalkannya.

(وَيُجْزَى) الاستياك (بِكُلِّ حَشِينٍ) أي طاهر يزيل وسخ الأسنان، (إِلَّا أَصْبَعَهُ الْخَشِينَةَ) لأن جزء الإنسان لا يسمى سواكا له.

41. (**Memada**) amalan bersiwak itu (**dengan setiap yang kasar**), iaitu yang suci yang menghilangkan cemar-cemar gigi, (**melainkan jarinya yang kasar**) kerana jujuk manusia tidak dinamakan siwak baginya.

(وَالْأَفْضَلُ بِأَرَاكٍ)، أي أفضل أنواع السواك الأراك، وهو شجر طويل يستاك بقضبانه، (وبديابس ندي)، أي الأفضل من أنواع الأراك اليباس الذي ندى وبل بالماء أو بغيره لتتم وظيفته من جلاء الأسنان من غير ضرر، لا الأخضر الطري.

42. (**Yang terafdhal adalah dengan kayu arak**), iaitu yang terafdhal daripada bagai-bagai siwak itu adalah kayu arak. Ia adalah pokok yang panjang

yang dibuat siwak dengan batangnya, (**dan dengan yang kering yang dilembabkan**), yaitu yang terafdhal daripada bagai-bagai araq itu adalah yang kering yang dilembabkan dan dibasahkan dengan air atau dengan selainnya supaya sempurna kerjanya yaitu mengilatkan gigi tanpa memudharatkan, bukan yang hijau lagi masih basah.

(وَأَنْ يَسْتَاكَ) فِي الْأَسْنَانِ (عَرْضًا) لَا طَوْلًا لِنَلَا يَجْرَحُ اللَّائِثَةَ وَفِي الْأَسَانِ طَوْلًا. (وَيَبْدَأُ بِجَانِبِهِ الْأَيْمَنِ) مِنْ فَمِهِ مَنِتْهِيَا إِلَى نِصْفِهِ وَيَتْنَى بِالْجَانِبِ الْأَيْسَرِ إِلَى نِصْفِهِ، (وَيَتَعَهَّدُ كَرَّاسِي أَرْضَاسِهِ) بِلُطْفٍ، (وَيُنَوِي بِهِ السُّنَّةَ) حَتَّى يَحْصُلَ لَهُ الثَّوَابُ مَا لَمْ يَكُنْ فِي ضَمَنِ عِبَادَةِ كَالْوَضُوءِ وَالْإِحْرَامِ فَإِنَّهُ يَحْصُلُ لَهُ الثَّوَابُ مِنْ غَيْرِ نِيَّةٍ.

43. (**dan bahawa dia bersiwak**) pada gigi (**melintang**), bukan memanjang supaya gusi tidak cedera, dan pada lidah memanjang. (**dan dia mulakan dengan sisinya yang kanan**) daripada mulutnya, sampai kepada setengahnya, dan dia mengulang pada sisi yang kiri hingga setengahnya. (**dan dia merawat gusi-gusi gerahamnya**) dengan lembut, (**dan dia berniat dengannya akan sunat**) supaya terhasil pahala baginya, selama mana ia tidak berada didalam kandungan ibadat lain seperti wudhuk dan ihram, maka terhasil pahala baginya tanpa niat.

(وَيُسَنُّ قَلْمُ ظُفْرِ) أَي قِصِّهِ (وَقِصُّ شَارِبٍ) إِنْ طَالَ. وَغَايَتُهُ بَدْوُ حَمْرَةِ الشَّفَةِ، وَيَكْرَهُ اسْتِنْسَالَهُ وَحَلْقَهُ، (وَنَتْفُ إِبْطٍ). فَإِنْ عَجَزَ عَنِ النَّتْفِ حَلْقَهُ. (وَأَنْفٍ) أَي شَعْرَ أَنْفٍ (لِمَنْ اعْتَادَهُ) إِنْ طَالَ. وَكَرَهُ بَعْضُهُمْ نَتْفَ شَعْرِ الْأَنْفِ وَأَكَّدَ قِصِّهِ. (وَحَلْقُ عَائَةٍ)، وَهِيَ الشَّعْرُ حَوْلَ الْفَرْجِ، لَكِنَّ السُّنَّةَ فِي حَقِّ الرَّجْلِ حَلْقُهَا وَفِي الْمَرْأَةِ نَتْفُهَا. وَتَجِبُ إِزَالَتُهَا عِنْدَ أَمْرِ الزَّوْجِ بِهَا.

44. (**Sunat kerat kuku**) iaitu guntingnya (**dan gunting misai**) jika panjang. Ghayahnya adalah nyata merah bibir. Makruh mencabutnya dan mencukurnya. (**dan cabut bulu ketiak**). Maka jika dia lemah dari cabut dia mencukurnya. (**dan hidung**) iaitu bulu hidung (**bagi orang yang biasakannya**) jika ia panjang. Sebahagian mereka menghukum makruh akan cabut bulu hidung dan menguatkan sunat mengguntingnya. (**dan cukur ari-ari**). Ia adalah bulu disekeliling faraj, akan tetapi sunat pada hak lelaki cukur dan pada perempuan cabutnya. Wajib menghilangkannya ketika suami menyuruh dengannya.

(وَالْإِكْتِحَالُ)، أَي يَسُنُّ الْإِكْتِحَالَ أَي وَضَعَ الْكُحْلَ فِي الْعَيْنِ، (وَتَرًا ثَلَاثًا). هُوَ بَدَلٌ مِنْ وَتْرًا. (فِي كُلِّ عَيْنٍ)، أَي يَسُنُّ الثَّلَاثَ فِي كُلِّ عَيْنٍ، وَإِنْ كَانَ مَجْمُوعَ الْأَمْرَيْنِ لَيْسَ وَتْرًا.

45. (**dan bercelak**), iaitu sunat bercelak iaitu meletakkan celak pada mata, (**dalam keadaan ganjil, tiga kali...**). "Tiga" badal dari "ganjil. (**pada setiap satu mata**), iaitu sunat tiga itu pada setiap satu mata, sekalipun adalah himpunan dua perkara ini bukan ganjil.

(وَعَسَلُ الْبَرَاجِمِ)، أي يسن إزالة ما على براجمه إن وصل الماء في الوضوء والغسل من غير إزالة. وإلا وجب غسل البراجم. (وَهِيَ عَقْدُ ظُهُورِ الْأَصَابِعِ)، أي شقوق ظهور أصابع اليدين. (فَإِنْ شَقَّ نَتْفَ الْإِبْطِ حَلَقَهُ).

46. (**dan basuh barajim**), iaitu sunat menghilangkan apa yang ada diatas burjumlah jika sampai air pada wudhuk dan mandi tanpa dihilangkan. Jika tidak wajib basuh burjumlah itu. (**Ianya adalah lipatan-lipatan* pada belakang jari-jari**), iaitu pecah-pecah dibelakang jari-jari dua tangan. (**Maka jika payah mencabut ketiak dia mencukurnya**).

*pada sendi dibelakang jari tangan dan kaki.

(وَيُكْرَهُ الْقَزَعُ وَهُوَ حَلْقُ بَعْضِ الرَّأْسِ وَتَرْكُ بَعْضِهِ)، بل إما حلقه جميعا أو تركه كله، (وَلَا بَأْسَ بِحَلْقِهِ كُلِّهِ). ولا يكون الحلق مندوبا إلا في النسك أو في المولود عند سابعه.

47. (**Makruh bojeng. Ia adalah cukur sebahagian kepala dan meninggalkan sebahagiannya**), sebaliknya samaada mencukurnya semua sekali atau meninggalkannya semua sekali. (**Tidak mengapa dengan mencukurnya semuanya**). Tidak adalah cukur itu sunat melainkan pada nusuk atau pada bayi yang baru dilahirkan pada hari ketujuhnya.

(وَيَجِبُ الْخِتَانُ) على كل من الذكر والأنثى، وهو قطع الجلدة التي على حشفة الذكر، وقطع بظر الأنثى.

48. (**Wajib khatan**) diatas setiap daripada lelaki dan perempuan. Ia adalah potong kulit yang ada diatas hasyafah zakar dan potong kelentit perempuan.

(وَيَحْرُمُ خَضْبُ شَعْرِ الرَّجُلِ وَالْمَرْأَةِ بِسَوَادٍ) بعد ظهور الشيب (إِلَّا لِغَرَضِ الْجِهَادِ) فيجوز بل يطلب. (وَيُسْنُّ) خضب الشيب (بِصُفْرَةٍ أَوْ حَمْرَةٍ) وإن لم يعم الشيب (وَخَضْبُ يَدَيْ مُزَوَّجَةٍ). وأما غيرها فلا يسن لها بل يكره أو يحرم إن تحققت الفتنة. (وَرَجُلِيهَا تَعْمِيمًا) لا تطريفا (بِحِنَاءٍ). وأما بغيرها مما يحصل به التزين كالتطريف فلا يقال إنه يسن بل لا بأس به.

49. (**Haram menginai rambut lelaki dan perempuan dengan warna hitam**) selepas kelihatan uban (**melainkan kerana tujuan jihad**), maka ia harus, bahkan dituntut. (**Sunat**) menginai uban (**dengan kuning atau merah**), sekalipun uban belum merata. (**dan menginai dua tangan perempuan yang bersuami**). Adapun selainnya maka tidak disunatkan ia baginya, bahkan makruh atau haram jika terpasti fitnah. (**dan dua kakinya dengan rata**), bukan dihujung-hujungnya (**dengan inai**). Adapun dengan selainnya, daripada apa yang terhasil hiasan dengannya seperti menginai pinggir-pinggirnya maka tidak dikatakan ianya sunat, bahkan tidak mengapa dengannya.

(وَيَحْرُمُ) الخضب بالحناء (عَلَى الرَّجَالِ) لأن فيه تشبها بالنساء، (إِلَّا لِحَاجَةٍ) كمداواة. (وَيُحْرَهُ نَتْفُ الشَّيْبِ) للرجال والنساء كما يحرم خضب الشيب بالسواد عليهما.

50. (**Haram**) berinai dengan inai (**diatas lelaki**) kerana menyerupai perempuan (**melainkan kerana hajat**) seperti kerana perubatan. (**Makruh mencabut misai**) bagi lelaki dan perempuan sepertimana haram menginai uban dengan warna hitam keatas kedua mereka.

(بَابُ الْوُضُوءِ)

هو بضم الواو اسم للفعل، وهو المراد هنا، وبالفتح اسم لما يتوضأ به، وهو اسم مصدر، والمصدر التوضؤ.

51. @**BAB WUDHUK**. "الوضوء" dengan dammah wau isim fe'el, dan ia adalah yang dikehendaki disini, dan dengan fathah nama bagi apa yang dibuat berwudhuk dengannya dan ia isim masdhar, sedang masdharnya "التوضؤ".

(فُرُوضُهُ) أي أركانه (سِتَّةٌ، النَّيَّةُ) لأنه عبادة فعلية محضة (عِنْدَ غَسْلِ الْوَجْهِ). فلو تقدمت على ذلك أو تأخرت لم تصح. (وَعَسَلُ الْوَجْهِ، وَعَسَلُ الْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ) أي معهما. (وَمَسْحُ الْقَلِيلِ مِنْ) شعر (الرَّأْسِ) أو بشرتها. (وَعَسَلُ الرَّجْلَيْنِ إِلَى الْكَعْبَيْنِ) أي معهما. (وَالتَّرْتِيبُ عَلَى مَا دُكِّرْنَا)، أي جار على حسب ما ذكره من البداءة بالنية مع الوجه إلى الرجلين.

52. (**Fardhu-fardhunya**), iaitu rukun-rukunnya, (**enam, niat**), kerana ia ibadat amali yang semata-mata, (**disisi basuh muka**). Maka kalau ia terdahulu diatas demikian itu atau terkemudian tidak sah ia. (**dan basuh muka, dan basuh dua tangan hingga dua siku**), iaitu beserta keduanya, (**dan sapu sedikit daripada**) bulu (**kepala**) atau kulitnya, (**dan basuh dua kaki hingga dua buku lali**), iaitu beserta keduanya, (**dan tertib diatas apa yang telah kita sebutkan**), iaitu berjalan diatas sekira-kira apa yang telah dia sebutkan dari permulaan dengan niat beserta muka hingga kepada dua kaki.

(وَسُنَّهٗ مَا عَدَا ذَلِكَ) المذكور, فكل ما يذكر زائدا عن ذلك يعلم أنه سنة. وهو كثير فلذلك عبر عنه بهذا المجمل. ثم شرع في تفصيل كيفية النية، فقال:

53. (**Dan sunat-sunatnya apa yang selain demikian**) yang disebutkan itu, maka setiap apa yang disebutkan hal keadaan ia lebih diatas demikian itu diketahui bahawa ianya sunat. Ianya banyak maka kerana itu dia mengibaratkannya dengan cara ringkas ini. Kemudian dia masuk pada mentafsirkan kaifiat niat maka katanya:

(فَيَنْوِي الْمُتَوَضُّؤُ رَفَعَ الْحَدَثِ) أي رفع حكمه وهو حرمة الصلاة مثلا لأن الحدث لا يرفع، (أَوْ الطَّهَارَةَ لِلصَّلَاةِ) أو للطواف أو الطهارة عن الحدث. فإن

اقتصر على لفظ الطهارة لم يصح، بخلاف الوضوء فإنه لو نواه من غير لفظ فرض أو أداء فإنه يصح،

54. (**Maka seorang yang berwudhuk berniat mengangkat hadath**), iaitu mengangkat hukumnya iaitu haram shalat sebagai contoh kerana hadath tidak terangkat, (**atau thaharah untuk shalat**) atau untuk tawaf atau thaharah dari hadath. Maka jika dia menghadkan diatas lafaz thaharah tidak sah, bersalahan wudhuk maka kalau dia meniatkannya tanpa lafaz fardhu atau tunai maka ianya sah.

(أَوْ لِأَمْرٍ لَا يُسْتَبَاحُ إِلَّا بِالطَّهَارَةِ). معطوف على قوله للصلاة من عطف العام على الخاص. يعني أنه كما يصح أن يقول في نيته نويت الطهارة للصلاة يصح أن يقول نويت الطهارة لأمر لا يستباح إلا بالطهارة بهذا العموم، أو ينوي فردا من ذلك كأن يقول نويت استباحة سجدة التلاوة ونحو ذلك، (كَمَسِّ الْمُصْحَفِ أَوْ غَيْرِهِ) كخطبة جمعة،

55. (**atau untuk perkara yang tidak diharuskan melainkan dengan thaharah**). Ini diatafkan keatas katanya "untuk shalat", merupakan ataf am keatas khas. Maknanya bahawa sepertimana sah bahawa dia mengatakan pada niatnya "sahaja aku bersuci untuk sembahyang" sah dia mengatakan "sahaja aku bersuci untuk perkara yang tidak diharuskan melainkan dengan thaharah" dengan umum ungkapan ini, atau dia niatkan satu unit daripada demikian itu seperti bahawa dia kata "sahaja aku mengharuskan sujud tilawah" dan umpama demikian itu, (**seperti sentuh mushaf atau selainnya**) seperti khutbah jumaat.

(إِلَّا الْمُسْتَحَاضَةَ وَمَنْ بِهِ سَلْسُ الْبُولِ وَمُتَيْمَمًا)، فلا يكفي كل واحد منهم هذه النيات لأن حدثهم لا يرتفع، (فَيُنَوِّي) كل واحد منهم (استباحة فرض الصلاة) لأن هذا هو الذي أباحه له الشارع، فلا ينوي غيره.

56. (**melainkan mustahadhah dan orang yang ada masaalah bertali-tali kencing dan orang yang bertayammum**) maka tidak memada bagi setiap daripada mereka itu oleh niat-niat ini kerana hadathnya tidak terangkat, (**maka berniat**) tiap seorang daripada mereka itu (**akan mengharuskan fardhu shalat**) kerana ini adalah yang diharuskan oleh Syari' baginya, maka dia tidak niatkan selainnya.

(وَشَرْطُهُ) أي ما ذكر من الذيات (النِّيَّةُ بِالْقَلْبِ). والشرطية مذنبة على كونها بالقلب. (وَأَنْ تَقْتَرِنَ بِغَسْلِ أَوَّلِ جُزْءٍ مِنَ الْوَجْهِ)، فلا تكفي نية الوضوء عند اليدين أول الوضوء، ولا بعد الوجه. وإذا غسل جزء من الوجه ولم تقترن به النية وجب إعادة غسله، فشرطية اقترانها بأول جزء ليكون واقعا عن الواجب، وإلا فالشرط اقترانها بأي جزء من الوجه.

57. (**Syaratnya**), iaitu apa yang disebutkan daripada niat-niat itu, (**adalah niat didalam hati**). Syarat niat itu tertumpu keatas keadaannya didalam hati, (**dan**

bahawa ia beserta dengan basuh juzuk yang awal daripada muka),,, maka tidak memada niat wudhuk disisi dua tangan yang pada awal wudhuk dan tidak apa yang selepas muka. Apabila dibasuh satu juzuk daripada muka dan tidak beserta niat dengannya wajib ulang basuhannya, maka syarat besertanya dengan juzuk yang awal adalah supaya basuhan juzuk itu jatuh dari yang wajib. Jika tidak maka syaratnya adalah besertanya dengan barang mana juzuk daripada muka.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَتَلَفَّظَ بِهَا)، أي النية ليساعد اللسان القلب، (وَأَنْ تَكُونَ مِنْ أَوَّلِ الْوُضُوءِ)، فيلاحظ النية من أول غسل اليدين ليحصل له ثوابها. فإن خلت عن النية لم يثب عليها. والأولى أن ينوي سنن الوضوء عند غسل اليدين ثم ينوي عند غسل الوجه نية من النيات المتقدمة.

58. (**Sunat bahawa dia berlafaz dengannya**), iaitu niat itu, supaya lidah dapat membantu hati ,(dan bahawa adalah ia pada awal wudhuk) maka dia memberi perhatian pada niat itu pada awal basuhan dua tangan supaya terhasil baginya pahalanya. Maka jika ia sunyi dari niat tidak diberi pahala dia di atasnya. Yang terutama bahawa dia niatkan sunat-sunat wudhuk disisi basuh dua tangan kemudian dia niatkan disisi muka akan satu niat daripada niat-niat yang telah terdahulu itu tadi.

(وَيَجِبُ اسْتِصْحَابُهَا إِلَى غَسْلِ أَوَّلِ الْوَجْهِ)، يعني إذا نوى رفع الحدث عند غسل اليدين يجب عليه لتكفي هذه النية عن النية الواجبة أن يستصحابها حتى يغسل شيئاً من وجهه. وإلا فلا تكفي عن النية الواجبة. (فَإِنْ اقْتَصَرَ عَلَى النِّيَّةِ عِنْدَ غَسْلِ الْوَجْهِ كَفَى، لَكِنْ لَا يُثَابُ عَلَى مَا قَبْلَهُ مِنْ مَضْمُضَةٍ وَاسْتِنْشَاقٍ وَغَسْلٍ كَفٍّ) لخلوها عن النية.

59. (**Dan wajib mengekalkannya hingga kepada basuh awal muka**). Maknanya bila dia niat mengangkat hadath disisi basuh dua tangan wajib di atasnya supaya memada niat ini dari niat yang wajib bahawa dia mengekalkannya hingga dia membasuh suatu daripada mukanya. Jika tidak maka niat ini tidak memada dari niat yang wajib. (**Maka jika dia menghadkan di atas niat disisi basuh muka memada ia, akan tetapi tidak diberi pahala dia di atas apa yang sebelumnya daripada kumur-kumur dan istinsyak dan basuh tapak tangan**) kerana sunyinya dari niat.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يُسَمِّيَ اللَّهَ تَعَالَى) في أوله بأن يقول باسم الله أو يكملها. ويسن التعود قبلها، وأن يزيد بعدها الحمد لله الذي جعل الماء طهوراً... إلخ. (وَأَنْ يَغْسِلَ كَفَّيْهِ ثَلَاثًا)، فإن تيقن طهرهما لم يكره له غمسهما، وإن تيقن نجاستهما حرم غمسهما في ماء قليل.

60. (**Sunat bahawa dia menyebut nama Allah taala**) pada awalnya dengan bahawa dia berkata "Bismillah" atau dia menyempurnakannya. Sunat ta'awwuz sebelumnya, dan bahawa dia menambah selepasnya "الحمد لله الذي جعل الماء طهوراً..." hingga akhir, (**dan bahawa dia membasuh dua tapak tangannya tiga**

kali). Maka jika dia yakinkan suci keduanya tidak makruh mencelupkan keduanya, dan jika dia yakinkan bernajis keduanya haram mencelupkan keduanya kedalam air yang sedikit.

(فَإِنْ تَرَكَ التَّسْمِيَةَ عَمْدًا أَوْ سَهْوًا أَتَىٰ بِهَا فِي أَثْنَائِهِ) أي الوضوء، فيقول بسم الله أوله وآخره. (فَإِنْ شَكَ فِي نَجَاسَةٍ يَدِهِ كَرِهَ غَمْسُهَا فِي دُونِ الْقُلْتَيْنِ) لئلا يتضمخ بالنجاسة، (قَبْلَ غَسْلِهَا ثَلَاثًا). ولا تزول الكراهة بغسلها مرة أو مرتين لأن الشارع غيًّا الكراهة بالغسل ثلاثًا.

61. (Maka jika dia meninggalkan tasmiah dengan sengaja atau lupa dia mendatangkannya ditengah-tengahnya), iaitu wudhuk, maka dia membaca "باسم الله أوله وآخره" (Maka jika dia syak pada bernajis tapak tangannya makruh dia mencelupkannya kedalam air yang kurang dua kolah) supaya tidak tercemar ia dengan najis, (sebelum membasuhnya tiga kali). Tidak hilang karahah itu dengan membasuhnya sekali atau dua kali kerana Syari' menghinggakan karahah itu dengan dibasuh tiga kali.

(ثُمَّ يَسْتَاكُ). جعل الاستياك بعد غسل اليدين بناء على أنه من سنن الوضوء الداخلة. (وَيَتَمَضَّمُ وَيَسْتَنْشِقُ ثَلَاثًا) أي كل منهما ثلاث مرات (بِثَلَاثِ عُرْفَاتٍ)، جمع غرفة بالفتح والضم، وفي الجمع بالضم ويجوز اتباع الرأى،

62. (Kemudian dia bersiwak). Menjadikan bersiwak selepas basuh dua tangan kerana bina diatas bahawa satu daripada sunat-sunat dalaman bagi wudhuk. (dan berkumur dan beristinsyak tiga kali), iaitu setiap satu daripada keduanya tiga kali, (dengan tiga ceduk tangan). "عُرْفَاتٍ" jamak "عُرْفَةٌ" dengan fathah dan dhammah, dan pada jamak dengan dhammah dan harus memperikutkan ra' [عُرْفَاتٍ].

(فَيَتَمَضَّمُ مِنْ عُرْفَةٍ، ثُمَّ يَسْتَنْشِقُ ثُمَّ يَتَمَضَّمُ مِنْ أُخْرَى ثُمَّ يَسْتَنْشِقُ ثُمَّ يَتَمَضَّمُ مِنَ الثَّلَاثَةِ ثُمَّ يَسْتَنْشِقُ). وهذه أفضل الكيفيات. ويحصل أصل السنة بالجمع بينهما بغرفة يتمضمض منها ثلاثا ثم يستنشق ثلاثا أو يتمضمض منها ثم يستنشق مرة ثم كذلك ثانية وثالثة. (وَيُبَالِغُ فِيهِمَا إِلَّا أَنْ يَكُونَ صَائِمًا فَبِرْفُقٍ) لئلا يسبقه ماء المضمضة فيفطر.

63. (Maka dia berkumur dari satu ceduk kemudian beristinsyak kemudian berkumur dari ceduk yang lain kemudian beristinsyak kemudian berkumur dari ceduk yang ketiga kemudian berintinsyak). Ini yang terafdhal daripada beberapa kaifatnya. Terhasil asal sunat itu dengan himpun diantara keduanya dengan satu ceduk, dia berkumur daripadanya tiga kali kemudian beristinsyak tiga kali atau dia berkumur darinya kemudian beristinsyak sekali kemudian seperti demikian itu kali kedua dan ketiga. (Dia mendalami pada keduanya melainkan abahawa dia berpuasa maka dengan hati-hati) supaya tidak terlanar padanya air kumur-kumur itu lalu dia batal puasa.

ثُمَّ يَغْسِلُ وَجْهَهُ ثَلَاثًا. وَهُوَ) أي الوجه (مَا بَيْنَ مَنَابِتِ شَعْرِ الرَّأْسِ فِي الْعَادَةِ)، أي التي من شأنها أن ينتب فيها شعره، (إِلَى الدُّفْنِ) أي مجمع اللحيين (طُولًا)، أي هذا حده طولاً، (وَمِنَ الْأُذُنِ إِلَى الْأُذُنِ عَرْضًا). هو بضم العين.

64. (Kemudian dia membasuh mukanya tiga kali. Ia), iaitu muka, (apa yang diantara tempat tumbuh rambut kepala pada adatnya), iaitu tempat yang keadaannya bahawa tumbuh rambutnya padanya. (hingga kepada dagu), iaitu cantuman dua tulang keng, (nisbah panjang), iaitu ini adalah hadnya nisbah panjang, (dan dari telinga hingga ke telinga yang satu lagi nisbah lebar). "عرضاً" dengan dhammah ain.

(فَمِنْهُ مَوْضِعُ الْغَمِّ) لأنه نازل عن منبت الشعر في العادة، لا موضع الصلح. (وَهُوَ) أي موضع الغم (مَا تَحْتَ الشَّعْرِ الَّذِي عَمَّ الْجَبْهَةَ كُلَّهَا أَوْ بَعْضَهَا). وهذا الشعر هو الغم والجلد الذي تحته هو موضعه، فيجب غسله وما عليه.

65. (Maka daripadanya adalah tempat ghamam) kerana ia menurun dari tempat tumbuh rambut pada adatnya, tidak tempat sulah. (Ia), iaitu tempat ghamam itu, (apa yang dibawah rambut yang meratai dahi semuanya atau sebahagiannya). Rambut ini adalah ghamam dan kulit yang dibawahnya adalah tempatnya, maka wajib membasuhnya dan apa yang diatasnya.

(وَيَجِبُ غَسْلُ شُعُورِ الْوَجْهِ كُلِّهَا ظَاهِرَهَا وَبَاطِنَهَا وَ) غسل (البَشْرَةَ تَحْتَهَا خَفِيفَةً كَانَتْ) تلك الشعور (أَوْ كَثِيفَةً). والخفيفة ما يرى ما تحتها عند النظر مع القرب والكثيفة ضدها. ثم مثل لشعور الوجه فقال:

66. (Wajib basuh bulu-bulu muka semuanya, zahirnya dan batinnya, dan) basuh (kulit dibawahnya, nipis adalah ia), bulu-bulu itu (atau tebal). Yang nipis itu apa yang kelihatan apa yang dibawahnya ketika dipandang serta dekat, sedang yang tebal itu lawannya. Kemudian dia membuat contoh bagi bulu-bulu muka itu maka katanya:

(كَالْحَاجِبِ) الشعر النابت على العينين (وَالشَّارِبِ) الشعر النابت على الشفة العليا (وَالْعَنْقَقَةِ) الشعر المجتمع على الشفة السفلى (وَالْعِدَارِ) هو الشعر المحاذي للأذنين (وَالهُدْبِ) بضم الهاء وهو الشعر النابت على أجفان العين (وَشَعْرَ الخَدِّ إِلَّا اللحية وَالْعَارِضِينَ)، مستثنى من شعور الوجه كلها،

67. (seperti kening), bulu yang tumbuh diatas dua mata, (dan misai), bulu yang tumbuh diatas bibir atas, (dan janggut sepat), bulu yang berhimpun diatas bibir bawah, (dan tali tudung), iaitu bulu yang setentang dua telinga, (dan bulu mata), "هدب" dengan dhammah iaitu bulu yang tumbuh diatas kelopak mata, (dan bulu pipi melainkan janggut dan bauk). Pengecualian dari rambut-rambut muka semuanya.

فَأَنَّهُ يَجِبُ غَسْلُ ظَاهِرِهِمَا وَبَاطِنِهِمَا وَالْبَشْرَةَ تَحْتَهُمَا عِنْدَ الْخِفَةِ فَظَاهِرُهُمَا فَقَطَّ عِنْدَ الْكَثَافَةِ). والفاء بمعنى الواو. وهذا هو محط الاستثناء. (لَكِنْ يُدَبُّ التَّخْلِيلُ حِينَئِذٍ)، أي عند الكثافة.

68. (Maka wajib basuh zahir kedua dan batin keduanya dan kulit yang dibawah keduanya disisi nipisnya dan zahir keduanya sahaja disisi tebalnya). Fa' dengan makna wau. Dan ini adalah tempat istithna itu. (akan tetapi sunat menyelatinya ketika itu), iaitu ketika tebalnya.

(وَيَجِبُ إِفَاضَةُ الْمَاءِ عَلَى ظَاهِرِ النَّازِلِ مِنَ اللَّحْيَةِ)، هو المسترسل الخارج عن حدها ويكون نازلا (عَنِ الدَّفْنِ). فيجب غسل ظاهره دون باطنه الملاقي للصدر والداخل في خلال الشعر.

69. (Wajib menuangkan air keatas zahir apa yang menurun daripada janggut itu). Ia adalah yang terjulur yang keluar dari had muka, dan adalah ia menurun (dari dagu). Maka wajib basuh zahirnya tidak batinnya yang bertemu dengan dada dan bahagian dalamnya melalui celah-celah helaian janggut itu.

(وَيَجِبُ غَسْلُ جُزْءٍ مِنَ الرَّأْسِ وَسَائِرِ مَا يُحِيطُ بِالْوَجْهِ). وسائر معطوف على الرأس، أي يجب في غسل الوجه أن يغسل معه شيئا من الرأس ومما يحيط بالوجه من العنق من جانبيه، (لِيَتَحَقَّقَ كَمَالُهُ)، إذ ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب.

70. (Wajib basuh satu juzuk daripada kepala dan sekelian apa yang melingkungi muka). "الرأس" diatafkan keatas "سائر". iaitu wajib pada basuh muka itu bahawa dia membasuh sertanya sedikit daripada kepala dan daripada apa yang melingkungi muka daripada tengkok pada dua sisinya, (supaya terpasti sempurnanya), kerana apa yang tidak sempurna perkara wajib melainkannya maka ianya wajib.

(وَسُنَّ أَنْ يُخَلَّلَ اللَّحْيَةُ الْكَثِيفَةُ الَّتِي لَا يَجِبُ إِلَّا غَسْلُ ظَاهِرِهَا مِنْ أَسْفَلِهَا بِمَاءٍ جَدِيدٍ)، بأن يأخذ غرفة من ماء ويدخل أصابعه من أسفل اللحية في خلال الشعر.

71. (dan sunat bahawa dia menyelati janggut) yang tebal yang tidak wajib melainkannya basuh zahirnya (dari arah bawahnya dengan air baru), dengan bahawa dia mengambil satu ceduk air dan memasukkan jari-jarinya dari bawah janggut pada celah-celah bulunya.

(ثُمَّ يَغْسِلُ يَدَيْهِ مَعَ مِرْفَقَيْهِ) إذ اليد المفروض غسلها بعد الوجه، من رؤوس الأصابع مع المرفقين، (ثلاثاً)، لأنهما من الأعضاء المسنون تثلث الغسل فيها.

72. (Kemudian dia membasuh dua tangannya serta dua sikunya) kerana tangan itu difardhukan basuhannya selepas muka, mula dari kepala jari-jari

beserta dengan dua siku, (**tiga kali**), kerana keduanya daripada anggota-anggota yang sunat ditigakan basuhan padanya.

(فَإِنْ قُطِعَتْ مِنَ السَّاعِدِ) الذي هو قصبه اليد (وَجِبَ غَسْلُ الْبَاقِي)، إذ الميسور لا يسقط بالمعسور، (أو) قطعت (مِنْ مَفْصَلِ الْمِرْفَقِ لَزِمَهُ غَسْلُ رَأْسِ الْعَضِدِ)، لأن المرفق الواجب غسله مجموع عظام ثلاث، في رأس العضد اثنان ورأس الساعد. ما إذا سُلَّ عظم الساعد بقي العظامان، (أَوْ مِنْ الْعَضِدِ نُدِبَ غَسْلُ بَاقِيهِ) أي للعضد محافظة على التحجيل.

73. (**Maka jika dipotong ia dari lengan**) yang ianya batang bagi tangan (**wajib basuh bakinya**) kerana yang mudah tidak gugur dengan yang payah, (**atau**) dipotong (**dari sendi siku melazimi dia basuh kepala lengan atasnya**) kerana siku yang wajib dibasuh itu himpunan tiga tulang, pada kepala lengan atas dua tulang dan kepala lengan bawah. Apabila tercabut tulang lengan bawah tinggal lagi dua tulang. (**atau dari lengan atas sunat basuh bakinya**) iaitu lengan atas itu kerana memelihara basuhan tahjil.

(ثُمَّ يَمْسَحُ رَأْسَهُ) بعد غسل يديه، (ف) يبدأ (بِمُقَدِّمِ رَأْسِهِ) إتيانا بالأفضل، وإلا فالفرض يحصل بأي كيفية من مسح بعض رأسه. (فَيَذْهَبُ بِبَيْدِيهِ إِلَى قَفَاهُ) بعد بدئه بمقدم رأسه، (ثُمَّ يَرُدُّهُمَا إِلَى الْمَكَانِ الَّذِي بَدَأَ مِنْهُ. يَفْعَلُ ذَلِكَ ثَلَاثًا) إتيانا بالتثليث المندوب. ويحسن له الرد والذهاب مرة إن كان له شعر ينقلب.

74. (**Kemudian dia menyapu kepalanya**) selepas basuh dua tangannya, (**maka**) dia mula (**dengan depan kepalanya**) kerana mendatangkan yang terafdhal. Jika tidak, maka fardhunya terhasil dengan barang mana kaifiat, daripada sapu sebahagian kepalanya. (**Maka dia memperjalankan dua tangannya kepada tengkoknya**) selepas dia mula dengan depan kepalanya. (**Kemudian dia mengembalikan keduanya kepada tempat yang dia mula darinya. Dia buat demikian itu tiga kali**) kerana mendatangkan tathlith yang disunatkan. Dan elok baginya menolak kembali dan menolak pergi itu satu kali jika ada baginya rambut yang boleh terbalik.

(فَإِنْ كَانَ أَفْرَعًا أَوْ مَا نَبَتَ شَعْرُهُ أَوْ كَانَ طَوِيلًا أَوْ مَضْفُورًا لَمْ يَنْدَبِ الرَّدُّ) لاستعمال الماء. ثم بين المسح الواجب فقال:

75. (**Maka jika dia botak atau rambutnya tidak tumbuh atau adalah ia panjang atau disanggul tidak disunatkan mengembalikan**) kerana menggunakan air. Kemudian dia menerangkan sapuan yang wajib itu maka katanya:

(فَلَوْ وَضَعَ يَدَهُ بِلَا مَدٍّ بِحَيْثُ بَلَ مَا يَنْطَلِقُ عَلَيْهِ الْأَسْمُ وَهُوَ بَعْضُ شَعْرِهِ لَمْ تَخْرُجْ بِالْمَدِّ عَنِ حَدِّ الرَّأْسِ). فلو خرجت عن حده لم يكن المسح عليهما. (أَوْ قَطَّرَ وَلَمْ يَسِيلْ أَوْ غَسَلَهُ) أي ما يسمى رأسا (كَفَى) كل ما ذكر.

76. (**Maka kalau dia meletakkan tangannya tanpa menggerakkan sekira-kira dia membasahkan apa yang dituturkan keatasnya nama**

kepala iaitu sebahagian dari sehelai rambutnya yang tidak keluar dengan ditarik dari had kepala...). Maka kalau ia keluar dari hadnya tidak boleh sapu di atasnya. (atau dia menitikkan air dan ia tidak mengalir, atau dia membasuhnya), iaitu apa yang dinamakan kepala, (memada) setiap apa yang disebutkan itu.

(فَبِأَنْ شَدَّقَ نَزْعَ عِمَامَتِهِ) أي المتوضئ (كَمَلَّ) بالمسح (عَلَيْهَا) أي العمامة والمشقة ليست قيذاً، لكن بشرط أن يكون المسح عليها، (بَعْدَ مَسْحِ مَا يَجِبُ) مسحه.

77. (Maka jika payah menanggalkan serbannya), iaitu orang yang berwudhuk, (dia menyempurnakan) sapu (di atasnya), iaitu serban itu. Payah itu bukannya kait, akan tetapi dengan syarat bahawa adalah sapu itu di atasnya. (selepas sapu apa yang wajib) disapu.

(ثُمَّ يَمْسَحُ أُذُنَيْهِ) بعد مسح رأسه الذي يلي الوجه (ظَاهِرًا وَبَاطِنًا). الأحسن نصبهما على التمييز. وباطن الأذن ما يلي الرأس وظاهرها. (بِمَاءٍ جَدِيدٍ) لا ببلل مسح الرأس (ثَلَاثًا).

78. (Kemudian dia menyapu dua telinganya) selepas sapu kepalanya yang mengiringi mukanya, (zahir dan batin...). Yang lebih elok adalah nashab keduanya diatas tamyiz. Batin telinga adalah apa yang mengiringi kepala dan zahirnya. (dengan air baru), bukan dengan basahan pada sapuan kepala, (tiga kali).

(ثُمَّ) يمسح (صَمَاخِيهِ) أي خرق أذنيه (ثَلَاثًا فَيُدْخِلُ خِنْصِرِيَهُ بِمَاءٍ جَدِيدٍ فِيهِمَا) أي الصماخين. وظاهر المصنف أن مسح الصماخين سنة مستقلة عن مسح الأذنين وهي طريقة له. وكلام غيره يجعل مسح الصماخين داخلا في مسح الأذنين.

79. (Kemudian) dia menyapu (dua lubang telinganya), iaitu koyakkan dua telinganya, (tiga kali, maka dia memasukkan dua kelingkingnya dengan air baru pada keduanya), iaitu dua lubang telinganya. Zahir kata musannif bahawa sapu dua lubang telinga itu sunat yang tersendiri dari sapu dua telinga yang mana ia jalan baginya. Kalam orang lain menjadikan sapu dua lubang telinga itu termasuk pada sapu dua telinga.

(ثُمَّ يَغْسِلُ رِجْلَيْهِ مَعَ كَعْبِيهِ ثَلَاثًا)، أي ثلاث مرات ليكون أتيا بسنة التثلث.

80. (Kemudian dia membasuh dua kakinya serta dua buku lalinya tiga), kali supaya dia menjadi orang yang mendatangkan sunnat tathlith.

(فَلَوْ شَكَ فِي تَثْلِيثِ عَضْوٍ) يسن تثليثه (أَخَذَ بِالْأَقْلِّ فَيُكَمِّلُ ثَلَاثًا يَقِينًا)، وينتفي الشك عن كونها ثلاثا. (وَيُقَدِّمُ الْيُمْنَى مِنْ يَدِ وَرَجُلٍ) على يسراهما في الوضوء، وكذا في كل أمر شريف، (لَا كَفَّ وَخَدَّ وَأُذُنٍ فَيُطَهِّرُهُمَا دَفْعَةً). فتنظيف كل على حدة خلاف السنة لسهولة غسلهما معا.

81. (Maka kalau dia syak pada telah menigakan basuhan satu anggota) yang sunat ditigakan (dia mengambil yang paling kurang, maka dia menyempurnakan tiga dengan yakin), dan ternafi syak dari keadaannya tiga itu. (dan dia mendulukan yang kanan daripada tangan dan kaki) diatas yang kiri daripada keduanya pada wudhuk, begitu juga pada setiap perkara yang mulia. (tidak tapak tangan dan pipi dan telinga, maka dia menyucikan keduanya sekali jalan), maka menyucikan setiap satunya berasingan menyalahi sunnah kerana mudah basuh keduanya bersama-sama.

(و) أَنْ يُطِيلَ الْغُرَّةَ، أَي يَسْنُ تَطْوِيلَهَا، (بِأَنْ يَغْسِلَ مَعَ وَجْهِهِ مِنْ رَأْسِهِ وَعُنُقِهِ زَائِدًا عَنِ الْفَرْضِ، وَالتَّحْجِيلِ)، بِالنَّصْبِ عَطْفًا عَلَى الْغُرَّةِ، (بِأَنْ يَغْسِلَ فَوْقَ مِرْفَقَيْهِ وَكَعْبَيْهِ) فِي يَدَيْهِ وَرِجْلَيْهِ. (وَعَايَتُهُ) أَي التَّحْجِيلِ (اسْتَيْعَابُ الْعَضْدِ وَالسَّاقِ) بِالْغَسْلِ.

82. (dan) bahawa (dia memanjangkan ghurrah), iaitu sunat memanjangkannya, (dengan bahawa dia membasuh beserta mukanya daripada kepalanya dan tengkoknya akan suatu yang lebih daripada fardhu, dan tahjil), "التحجيل" dengan nashab kerana ataf keatas "الغرة", (dengan bahawa dia membasuh lebih daripada dua sikunya dan dua buku lalinya) pada dua tangannya dan dua kakinya. (Penghujungnya), iaitu tahjil itu, (meratai lengan atas dan betis) dengan basuhan.

(و) يَنْدُبُ أَنْ (يُؤَالِيَ الْأَعْضَاءَ) بَحَيْثُ لَا يَجِفُ الْأَوَّلُ قَبْلَ غَسْلِ الثَّانِي خُرُوجًا مِنْ خِلَافٍ مِنْ أَوْجِبِهِ (فَإِنْ فَرَّقَ وَلَوْ طَوِيلًا صَحَّ) وَفَاتَتْهُ السَّنَةُ، وَأَتَى بِالْبَاقِي (بِغَيْرِ تَجْدِيدِ نِيَّةٍ). وَلَا يَكُونُ طَوْلُ الزَّمَانِ قَاطِعًا لِلنِّيَّةِ.

83. (dan) sunat bahawa (dia menurut-nurutkan anggota-anggota itu) sekira-kira tidak kering yang pertama sebelum basuhan yang kedua kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya. (Maka jika dia menceraikan walaupun panjang sah ia), dan luput darinya sunat itu, dan dia mendatangkan yang tinggal lagi (tanpa membaharui niat). dan tidak adalah lama masa ceraian itu memutuskan niatnya.

(وَيَقُولُ بَعْدَ فَرَاغِهِ) مِنَ الْوُضُوءِ نَدْبًا (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ). الْوَاوُ زَائِدَةٌ، فَالْكَلُّ جَمَلَةٌ وَاحِدَةٌ أَوْ عَاطِفَةٌ، أَي وَبِحَمْدِكَ سُبْحَانَكَ. (أَسْتَغْفِرُكَ)، أَطْلَبُ مِنْكَ مَغْفِرَةً أَي سِتْرًا مَا صَدَرَ مِنِّي مِنْ نَقْصٍ، فَهِيَ لَا تَسْتَدْعِي سَبْقَ ذَنْبٍ. (وَأَتُوبُ إِلَيْكَ).

84. (Dan dia membaca selepas selesainya) dari wudhuk diatas jalan sunat: (Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah sendirian sahaja, tidak ada sekutu bagiNya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hambaNya dan rasulnya. Ya Allah jadikan aku daripada orang-orang yang taubat, dan jadikan aku daripada orang-orang yang

bersuci, dan jadikan aku daripada hamba-hamba Mu yang sholeh. **Maha suci Engkau ya Allah dan dengan kepujian Mu aku bersaksi tidak ada Tuhan melainkan Engkau**). Huruf wau itu adalah huruf zaidah maka seluruhnya adalah jumlah yang satu, atau huruf ataf iaitu "وبحمدك سبحانك" (**aku memohon ampun dari Mu**), iaitu aku mohon dari Mu akan keampunan iaitu tutupan apa yang keluar dari aku berupa kekurangan, maka ianya tidak menuntut ada dosa yang mendahului. (**dan aku bertaubat kepada Mu**).

ظاهر كلامهم نذب وأتوب إليك ولو لغير متلبس بالتوبة، وفيه إنه كذب. ويجاب بأنه خبر بمعنى الإنشاء، أي أسألك أن تتوب عليّ، أو باق على خبريته، والمعنى إنه بصورة التائب الخاضع الذليل. ويأتي مثل ذلك في وجهت وجهي وخشع لك سمعي.

85. Zahir kalam mereka sunat "dan aku taubat kepada Mu" walaupun bagi orang yang tidak bersepakai dengan taubat, sedang padanya bahawa dia berdusta. Dijawab dengan bahawa ianya khabar dengan makna insya', iaitu aku memohon Engkau agar menerima taubat ku, atau ianya kekal diatas keadaan khabarnya, dan maknanya bahawa dia pada rupa orang yang taubat lagi yang merendah dan menghina diri. Datang seumpama demikian itu pada "وجهت وجهي وخشع لك سمعي".

وَلِلْأَعْضَاءِ أَدْعِيَةٌ تُقَالُ عِنْدَهَا، لَا أَصْلَ لَهَا فِي السَّنَةِ.

86. (**Bagi anggota-anggota itu beberapa doa-doa yang dibaca disisinya yang tidak ada asal baginya**) pada sunnah.

(وَأَدَابُهُ). جمع أدب بمعنى مستحبّ فهي من السنن. وعبر عنها بالأداب تفننا. (اسْتِقْبَالُ الْقِبْلَةِ، وَلَا يَتَكَلَّمُ لِغَيْرِ حَاجَةٍ) لأنه في عبادة، (وَيَبْدَأُ بِأَعْلَى وَجْهِهِ) لأنه أشرف الأعضاء، فلذا خص بالسجود عليه. (وَلَا يَلْطَمُهُ بِالْمَاءِ) خوفا من الضرر. (فَإِنْ صَبَّ عَلَيْهِ عَيْرُهُ بَدَأَ بِمِرْفَقَيْهِ) في يديه (وَكَعْبَيْهِ) في رجليه. (وَإِنْ صَبَّ عَلَى نَفْسِهِ بَدَأَ بِأَصَابِعِهِ) أي يديه ورجليه.

87. (**Adab-adabnya...**). jamak "أدب" dengan makna mustahab. Maka ia daripada sunat-sunat. Dia mengibaratkan darinya dengan adab-adab kerana membuat pelbagai. (**adalah mengadap kiblat, dan tidak bercakap tanpa hajat**) kerana dia didalam ibadat, (**dan mula dengan bahagian atas mukanya**) kerana ia semulia-mulia anggota maka kerana ini dikhususkan ia dengan sujud diatasnya. (**dan tidak dia menamparkannya dengan air**) kerana takut timbul mudharat. (**Maka jika orang lain menuangkan air keatasnya dia memulakan dengan dua sikunya**) pada dua tangannya (**dan dua buku lalinya**) pada dua kakinya, (**dan jika dia menuang air keatas dirinya dia memulakan dengan jari-jarinya**), iaitu dua tangan dan dua kakinya.

(وَيَتَعَهَّدُ أَمَاقِيَ عَيْنَيْهِ). هي جمع ماق وهو طرف العين مما يلي الأنف. (وَعَقَبِيهِ وَنَحْوَهُمَا). العقب مؤخر القدم. (مِمَّا يُخَافُ إِعْفَالَهُ) أي تركه (سَدِيمًا فِي) وقت (الشَّتَاءِ)، فإن الغالب فيه تراكم أوساخ تمنع وصول الماء للجلد.

88. (dan dia merawati hujung dua matanya). "أماقي" jamak "ماقي" iaitu tepi mata yang mengiringi hidung. (dan dua tumitnya dan umpama keduanya). Tumit itu hujung tapak kaki. (daripada apa yang dibimbangkan akan dilupai), iaitu ditinggalkan, (apatah pula pada) waktu (musim sejuk), maka ghalib padanya bertompok daki-daki yang menghalang sampai air kepada kulit. (وَيُخَلِّلُ أَصَابِعَ رِجْلَيْهِ بِخَنْصِرِ يَدِهِ الْيُسْرَى، يَبْدَأُ بِخَنْصِرِ رِجْلِهِ الْيُمْنَى مِنْ أَسْفَلٍ وَيُذْتِمُّ بِخَنْصِرِ الْيُسْرَى) للاتباع في ذلك. وأما أصابع يديه فيخللها بالتشبيك.

89. (Dan dia menyelati jari-jari dua kakinya dengan kelingking tangannya yang kiri, dia memulakan dengan kelingking kakinya yang kanan dari pihak bawah dan menyudahi dengan kelingking kiri), kerana ittiba' pada demikian itu. Adapun jari-jari dua tangannya. Maka dia menyelatinya dengan memacak jari.

(وَيُكْرَهُ أَنْ يَغْسِلَ غَيْرَهُ أَعْضَاءَهُ إِلَّا لِعُذْرٍ) لأنه صفة المتكبرين، (وَتَقْدِيمُ يُسْرَاهُ) من يد ورجل على يمينه، (وَالْإِسْرَافُ فِي الْمَاءِ) عن القدر الوارد.

90. (Makruh bahawa orang lain membasuh anggotanya melainkan kerana uzur), kerana ia sifat orang takabbur, (dan mendulukan kirinya) daripada tangan dan kaki diatas kanannya, (dan berlebih pada air) dari kadar yang warid.

(وَيُنَدَّبُ أَنْ لَا يَنْقُصَ مَاءُ الْوُضُوءِ عَنْ مَدٍّ وَهُوَ رَطْلٌ وَتُلْتُّ بَغْدَادِي) لأنه الرطل الشرعي، (وَلَا يَنْقُصُ مَاءُ الْغُسْلِ عَنْ صَاعٍ. وَالصَّاعُ خُمْسَةُ أَرْطَالٍ وَتُلْتُّ رِطْلٍ بِالْعِرَاقِيِّ). وأما الزيادة على ذلك فهي من الإسراف الذي نص على أنه مكروه.

91. (Sunat bahawa tidak kurang air wudhuk dari satu cupak iaitu satu dan satu pertiga kati Baghdad) kerana ia kati syari'e, (dan tidak kurang air mandi dari segantang. Segantang itu lima satu pertiga kati dengan kati Iraq). Adapun lebih diatas demikian itu maka ia berlebih-lebih yang dinaskan bahawa ianya makruh

(وَ) يسن أن (لَا يَنْشِفَ أَعْضَاءَهُ) لأنه أثر عبادة فاستحب بقاؤه، (وَلَا يَنْقُصُ يَدَيْهِ) لأنه كالتبري، (وَلَا يَسْتَعِينُ بِأَحَدٍ يَصُبُّ عَلَيْهِ) إلا لحاجة في ذلك كله، (وَلَا يَمْسَحُ الرَّقْبَةَ) لأنه زيادة في العبادة من غير أصل.

92. (Dan) sunat bahawa (dia tidak mengelap anggota-anggotanya) kerana ia kesan ibadat maka dikasihi kekalnya, (dan tidak meretak-retakkan dua tangannya) kerana ia seperti melepaskan diri dari ibadat, (dan tidak dia meminta tolong dengan orang lain untuk menuang air keatasnya)

melainkan kerana hajat pada demikian itu semuanya, (**dan tidak dia menyapu tengkok**) kerana ia tokok tambah pada ibadat tanpa ada asal.

(وَلَوْ كَانَ تَدَّتْ أَظْفَارُهُ وَسَخَّ يَمْنَعُ وَصُورَلِ الْمَاءِ لَمْ يَصِحَّ الْوُضُوءُ). وقال الغزالي بصحة الوضوء وأنه يعفى عنه.

93. (**Kalau ada daki dibawah kuku-kukunya yang menegah sampai air tidak sah wudhuk**). Berkata Ghazali dengan sah wudhuknya dan bahawa dia dimaafkan daripadanya.

(وَلَوْ شَكَ فِي أَتْنَاءِ الْوُضُوءِ فِي عَسَلِ عَضُو لَزَمَهُ) غسله (مَعَ مَا بَعْدَهُ) لأجل الترتيب، (أَوْ بَعْدَ فَرَاغِهِ) أي الوضوء (لَمْ يَلْزَمَهُ شَيْءٌ) لأن الشك بعد فراغ العبادة لا يؤثر إلا في النية.

94. (**Kalau dia syak ditengah wudhuk pada telah membasuh satu anggota lazim dia**) membasuhnya (**serta apa yang selepasnya**) kerana menghasilkan tertib, (**atau selepas selesainya**), iaitu wudhuk, (**tidak melazimi dia suatu**), kerana syak selepas selesai ibadat tidak berkesan melainkan pada niat.

(وَيُنْدَبُ تَجْدِيدُ الْوُضُوءِ)، بأن يتوضأ من غير أن يطرأ حدث، (لِمَنْ صَلَّى بِهِ فُرْضًا أَوْ نَفْلًا). أما من لم يصل به فلا يندب له التجديد.

95. (**Sunat membaharui wudhuk**), dengan bahawa dia berwudhuk tanpa kedatangan hadath (**bagi orang yang telah sembahyangkan dengannya akan fardhu atau sunat**). Adapun orang yang belum sembahyang dengannya maka tidak disunatkan dia membaharuinya.

(وَيُنْدَبُ الْوُضُوءُ) الكامل (لِجُنُبٍ يُرِيدُ أَكْلًا أَوْ شَرْبًا أَوْ نَوْمًا أَوْ جَمَاعًا آخَرَ). وأما الحائض والنفساء فلا يسن ذلك لهما لأن حدثهما مستمر. (وَاللَّهُ أَعْلَمُ).

96. (**Sunat wudhuk**) yang sempurna (**bagi orang berjunub yang hendak makan atau minum atau tidur atau jimak yang lain**). Adapun perempuan berhad dan bernifas maka tidak sunat demikian itu bagi mereka kerana hadath mereka berterusan. (**Wallahu a'lam**).

(بَابُ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ)

وهو من خصائص هذه الأمة. (يَجُوزُ الْمَسْحُ عَلَى الْخُفَّيْنِ فِي الْوُضُوءِ). عبر بالجواز ليفيد أن الأصل فيه الجواز والغسل أفضل. وسيأتي شروط الخف آخر الباب. وهو خاص بالوضوء فلا يجوز في الغسل والنجاسة.

97. @BAB SAPU KHUF. Ia adalah satu daripada keistimewaan umat ini. (**Harus sapu diatas dua khuf pada wudhuk...**). Dia mengibaratkan dengan harus untuk memahami bahawa asal padanya adalah harus dan basuh itu terafdhal. Akan datang syarat-syarat khuf pada akhir bab ini. Ianya khusus dengan wudhuk maka tidak harus ia pada mandi dan najis.

(لِلْمُسَافِرِ سَفَرًا مُبَاحًا)، بأن لا يكون سفر معصية، (تُقَصَّرُ فِيهِ الصَّلَاةُ)، بأن يكون مرحلتين فأكثر، (ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ)، أي يمسح في الوضوء لصلواتها، (وَالْمُقِيمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً)، وكذا المسافر الذي اختل شرط من شروطه.

98. (**bagi musafir pada safar yang harus**) dengan bahawa tidak adalah ia safar maksiat, (**yang diqasarkan shalat padanya**) dengan bahawa ianya dua marhalah maka lebih, (**didalam tiga hari dan malam-malamnya**), iaitu dia menyapu pada wudhuk untuk shalat-shalat hari itu, (**dan bagi orang bermukim sehari dan semalam**). Begitu juga musafir yang cedera satu syarat daripada syarat-syaratnya.

(وَابْتِدَاءُ الْمُدَّةِ مِنَ الْحَدَثِ)، أي من تمام الحدث الأصغر أو الأكبر، (بِعَدِّ اللَّبْسِ. فَإِنْ مَسَحَهُمَا) أي الخفين (أَوْ أَحَدَهُمَا حَضْرًا ثُمَّ سَافَرَ أَوْ سَفَرًا ثُمَّ أَقَامَ أَوْ شَكَكَ هَلِ ابْتَدَأَ الْمَسْحَ سَفَرًا أَوْ حَضْرًا أَتَمَّ مَسْحَ مُقِيمٍ فَقَطُّ) لأنه اليقين، فيرجع إليه عند الشك.

99. (**Permulaan tempoh itu adalah dari hadath**), iaitu dari sempurna hadath kecil atau besar, (**selepas memakainya. Maka jika dia menyapu keduanya**), iaitu khuf, (**atau satu daripada keduanya pada hadhir kemudian dia bermusafir, atau pada safar kemudian dia bermukim, atau dia syak adakah mula sapu itu pada safar atau pada hadhir dia menyempurnakan sapuan orang yang bermukim sahaja**), kerana ia yang yakin, maka dirujuk kepadanya disisi syak.

(وَلَوْ أَحْدَثَ حَضْرًا وَمَسَحَ سَفَرًا أَتَمَّ مُدَّةَ مُسَافِرٍ) إن دام سفر لأن العبرة بالمسح لا بالحدث. (سِوَاءَ مَضَى عَلَيْهِ وَقْتُ الصَّلَاةِ بِكَمَالِهِ فِي الْحَضْرِ أَمْ لَا. فَإِنْ شَكَكَ فِي انْقِضَاءِ الْمُدَّةِ) كان نسي وقت ابتداء مسحه (لَمْ يَمْسَحْ فِي مُدَّةِ الشَّكِّ لِأَنَّ الْمَسْحَ رُخْصَةٌ) فإذا شك فيها رجع إلى الأصل.

100. (**Kalau dia berhadath pada hadhir dan menyapu pada safar dia menyempurnakan tempoh musafir**) jika berpanjangan safar itu kerana perkiraan adalah dengan sapu bukan dengan hadath. (**Sama sahaja telah berlalu di atasnya waktu shalat dengan sempurnanya pada hadhir atau tidak. Maka jika dia syak pada terhabis tempoh itu**) seperti bahawa dia lupa akan waktu mula menyapunya (**dia tidak menyapu pada tempoh syak itu kerana sapu itu rukhsah**) maka apabila dia syak padanya dikembalikan ia kepada asalnya.

(فَإِنْ شَكَكَ هَلِ أَحْدَثَ وَقْتُ الظُّهْرِ أَوْ العَصْرِ بَنَى أَمْرَهُ عَلَى أَنَّهُ الظُّهْرُ) لأنه بذلك يترك المسح في الوقت المشكوك فيه.

101. (**Maka jika dia syak adakah dia berhadath pada waktu zohor atau asar dia membina pekerjaannya diatas bahawa ianya zohor**) kerana dengan demikian itu dia meninggalkan sapu pada waktu yang disyakkan padanya.

وظاهر كلامه أن الشك إنما يؤثر في منع المسح لا أنه يقتضي الحكم بانقضاء المدة، فلو زال الشك وتحقق بقاء المدة جاز المسح. وعليه لو كان مسح في اليوم الثاني على الشك في أنه مسح في الحضر أو السفر وصلى ثم زال في اليوم الثالث وعلم أن ابتداءه وقع في السفر فعليه إعادة صلاة اليوم الثاني لأنه صلاها مع الشك، ويجوز له أن يصلي بالمسح في اليوم الثالث لعلمه ببقاء المدة.

102. Zahir kalamnya bahawa syak itu hanya berkesan pada menegah sapu bukan bahawa ia menuntut hukum dengan terhabis tempoh itu, maka kalau hilang syak itu dan terpasti oleh kekal tempoh itu harus sapu. Diatasnya kalau dia telah menyapu pada hari kedua didalam keadaan dia syak pada bahawa dia telah menyapu pada hadir atau pada safar dan dia telah melakukan shalat kemudian ianya hilang pada hari ketiga dan dia yakin bahawa mula sapu itu jatuh pada safar maka kena dia ulang shalat hari kedua kerana dia melakukannya beserta dengan syak, dan harus dia shalat dengan sapu pada hari ketiga kerana dia yakin dengan kekal tempoh itu.

(وَلَوْ أَجَنَّبَ وَجَبَ النَّزْعُ لِلْغَسْلِ). ومثل الجنابة الحيض والنفاس.

103. (Kalau dia berjunub wajib menanggalkannya untuk mandi).
Seumpama janabah adalah haid dan nifas .

(وَشَرْطُهُ أَنْ يَلْبَسَهُ عَلَى وُضُوئِهِ كَامِلًا)، أي بعد تمامه. فلو غسل رجلا ثم لبس خفها ثم غسل الثانية ولبس خفها لم يصح. (وَأَنْ يَكُونَ طَاهِرًا) فلا يصح المسح على الخف النجس ولا المتنجس إلا إذا كان متنجسا بما يعفى عنه ولم يصبه ماء المسح، و(سَائِرًا لِجَمِيعِ مَحَلِّ الْفَرَضِ) فيضر رؤية الرجل من سائر الجوانب إلا من الأعلى، و(مَائِعًا لِنُفُودِ الْمَاءِ) إذا صب عليه، فلا يصل إلى الرجل من غير محل الخرز. فإن وصل إليها منه لا يضر.

104. (Syaratnya bahawa dia memakainya diatas wudhuk yang sempurna) iaitu selepas sempurnanya. Maka kalau dia membasuh satu kaki kemudian dia memakai khufnya kemudian dia membasuh kaki kedua dan memakai khufnya tidak sah ia. (dan bahawa adalah ia suci) maka tidak sah sapu diatas khuf yang najis dan tidak yang bernajis melainkan apabila adalah ia bernajis dengan najis yang dimaafkan darinya dan tidak mengenainya air sapuan itu, dan (suatu yang menutupi semua tempat fardhu), maka memudharatkan oleh kelihatan kaki dari sekalian sisi-sisinya melainkan dari bahagian atas, dan (suatu yang menghalang tembus air) bila dituangkan keatasnya, maka tidak sampai ia kepada kaki dari selain tempat jahit. Maka jika ia sampai kepadanya darinya ia tidak memudharatkan

(يُمْكِنُ مُتَابَعَةُ الْمَشْيِ عَلَيْهِمَا لِتَرُدُّ مُسَافِرَ لِحَاجَاتِهِ) عند الحط والترحال وغيرهما مما جرت العادة به ثلاثة أيام إن كان مسافرا ويوما وليلة لغيره. فلا يكفي رقيق يتخرق بالمشي عن قرب ولا ثقيل ولا ضيق ولا مفرط سعة.

105. (**terboleh terus menerus berjalan diatas keduanya untuk berulang-alik musafir bagi hajat-hajatnya**) disisi singgah dan bertolak dan selain keduanya, daripada apa yang berlaku adat dengannya, selama tiga hari jika dia bermusafir dan sehari semalam bagi yang tidak bermusafir. Maka tidak memada yang nipis yang boleh koyak dengan berjalan dekat, dan tidak yang berat dan tidak yang sempit dan tidak yang terlampau longgar.

(سَوَاءٌ كَانَ) الخف (مِنْ جَدِيدٍ أَوْ لَبَدٍ)، أي صوف ملبد، (أَوْ خَرَقٍ مُطَبَّقَةٍ)، مجعول بعضها على بعض، (أَوْ) من (خَشَبٍ أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ). فلا يشترط خصوص الخف المعتاد. (أَوْ مَشْقُوقًا شَدَّ بِشَرَجٍ). يعني لو كان الخف مفتوحا وجعل له عرى كالمعتاد الآن جاز المسح عليه.

106. (**Sama sahaja adalah**) khuf itu (**dari kulit atau permaidani**) iaitu bulu yang dianyam, (**atau perca-perca yang dilapiskan**) dijadikan sebahagiannya diatas sebahagian yang lain, (**atau**) dari (**kayu atau selain demikan itu**). Maka tidak disyaratkan khusus khuf yang biasa. (**atau yang pecah yang diikat dengan xx**). Maknanya kalau adalah khuf itu terbuka dan dijadikan baginya xx seperti yang biasa dibuat sekarang ini harus sapu diatasnya. ⁱⁱ

(وَلَوْ لَبَسَ خُفًّا فِي رَجُلٍ) واحدة (لِيَمْسَحَهُ وَيَغْسِلَ الْأُخْرَى). أما من ليس له إلا رجل واحدة فله ألمسح بعد لبسها على طهارة. (أَوْ ظَهَرَ مِنَ الرَّجُلِ شَيْءٌ وَإِنْ قَلَّ مِنْ خَرَقٍ فِي الْخُفِّ لَمْ يَجُزْ) المسح في هاتين الصورتين.

107. (**Kalau dia memakai satu khuf pada satu kaki**) yang satu (**untuk dia menyapunya dan dia membasuh yang satu lagi...**). Adapun orang yang tidak punya melainkan satu kaki maka boleh dia menyapu selepas memakainya diatas thaharah. (**atau zahir dari satu kakinya suatu sekalipun sedikit kerana koyak pada khufnya tidak harus**) sapu pada dua rupa masalah ini.

(وَالْجُزْمُوقُ هُوَ خُفٌّ فَوْقَ خُفٍّ). هذا تعريفه وحكم المسح المذكور بقوله: (فَإِنْ كَانَ الْأَعْلَى قَوِيًّا وَالْأَسْفَلُ مُخْرَقًا فَلَهُ مَسْحُ الْأَعْلَى) لأنه هو الخف وما تحته كاللغافة. (وَإِنْ كَانَا قَوِيَيْنِ أَوْ الْقَوِيُّ الْأَسْفَلُ لَمْ يَكْفِ مَسْحُ الْأَعْلَى) في الصورتين. (فَإِنْ وَصَلَ الْبَدَلُ مِنْهُ إِلَى الْأَسْفَلِ كَفَى) بشرط هو أن لا يقصد الأعلى فقط. (سَوَاءٌ قَصَدَ مَسْحَهُمَا أَوْ الْأَسْفَلَ فَقَطْ أَوْ أَطْلَقَ) بأن لم يقصد واحدا بعينه (لَا إِنْ قَصَدَ الْأَعْلَى فَقَطْ) فإنه لا يكفي

108. (**Jurmuk adalah khuf diatas khuf yang lain**). Ini ta'rifnya, dan hukum menyapunya disebutkan dengan katanya: (**Maka jika yang atas kuat dan yang bawah koyak maka boleh dia sapu yang atas**) kerana ia adalah khuf dan apa yang dibawahnya seperti stokin, (**dan jika keduanya kuat atau yang**

bawah kuat tidak memada sapu yang atas) pada dua rupa masalah ini. (Maka jika sampai basahan darinya kepada yang bawah memada ia) dengan syarat bahawa dia tidak kasadkan yang atas sahaja. (Sama sahaja dia kasad sapu keduanya atau yang bawah sahaja atau dia mengitlak) dengan bahawa dia tidak kasad mana satu dengan tentunya, (tidak jika dia kasad yang atas sahaja) maka ia tidak memada.

(ويسن مسح أعلى الخف)، وهو ما فوق ظهر الرجل، (وأسفله)، ما لاقى القدم، (وعقبه)، ما لاقى المؤخر، (خطوطاً). هو سنة مستقلة. (بلا استيعاب) لأنه خلاف الأولى (ولا تكرار) لأنه مكروه.

109. (Sunat sapu bahagian atas khuf) iaitu apa yang diatas zahir kaki (dan bawahnya), apa yang bertemu tapak kaki, (dan tumitnya), apa yang bertemu belakangnya, (dalam ekadaan beberapa goresan). Ianya sunat yang terasing. (tanpa meratai) kerana ia khilaful aula, (dan tanpa mengulang-ulang) kerana ianya makruh.

(فَيَضَعُ يَدَهُ الْيُسْرَى تَحْتَ عَقْبِهِ وَيَمْنَاهُ عِنْدَ أَصَابِعِهِ وَيُمِرُّ الْيُمْنَى إِلَى السَّاقِ وَالْيُسْرَى إِلَى الْأَصَابِعِ). وهذه أسهل الكيفيات. هذا إن أراد الكمال. (فَإِنْ اقْتَصَرَ عَلَى مَسْحِ أَقْلٍ جُزْءٍ مِنْ ظَاهِرِ أَعْلَاهُ). أي شرط الجزء الذي يكفي في المسح أن يكون من أعلاه الظاهر حال كون ذلك الجزء (مُحَادِيًا لِمَحَلِّ الْفَرْضِ كَفَى). جواب إن.

110. (Maka dia meletakkan tangannya yang kiri dibawah tumitnya dan yang kanan disisi jari-jarinya dan dia melalukan yang kanan kepada betis dan yang kiri kepada jari-jari). Ini yang paling mudah daripada beberapa kaifiat. Ini jika dia mahukan yang sempurna. (Maka jika dia menghadkan diatas sapu sekurang-kurangnya juzuk daripada luaran bahagian atasnya), iaitu syarat juzuk yang memada pada sapu itu bahawa adalah dari bahagian atasnya yang zahir hal keadaan juzuk itu (setentang dengan tempat fardhu memada ia). Jawab "jika".

(وَإِنْ اقْتَصَرَ عَلَى الْأَسْفَلِ أَوْ الْعَقَبِ أَوْ الْحَرْفِ) محترز شرط الأعلى (أو الباطن مما يلي البشرة) محترز الظاهر (فلا) يكفي المسح على ذلك (ومتى ظهرت الرجل بنزع أو بخرق) مما يفسد اللبس (وهو بوضوء المسح كفاه غسل القدمين فقط) ولا ينتقض وضوؤه.

111. (Jika dia menghadkan diatas bahagian bawah atau tumit atau tepi...). Muhtaraz syarat "bahagian atas". (atau sebelah dalam daripada apa yang mengiringi kulit...). Muhtaraz "yang zahir". (maka tidak) memada sapu diatas demikian itu. (Dan bila zahir oleh kaki dengan cabut atau carik) daripada apa yang merosakkan pemakaian, (sedang dia berwudhuk dengan sapu itu memada baginya basuh dua tapak kaki sahaja) dan tidak terbatal wudhuknya.

(بَابُ أَسْبَابِ الْحَدَثِ)

هو لغة الشيء الحادث، وشرعاً يطلق على الأمر الاعتباري الذي يقوم بالأعضاء فيمنع من صحة الصلاة حيث لا مرخص، وعلى الأسباب التي ينتهي بها الطهر، وعلى المنع المترتب على ذلك. والمراد هنا الثاني.

112. @BAB SEBAB-SEBAB HADATH. Ia pada lughah adalah suatu yang baharu datang, dan pada syara' dituturkan keatas perkara iktibari yang berdiri pada anggota-anggota maka ia menegah sah shalat sekira-kira tidak ada perkara yang mengharuskan, dan keatas sebab-sebab yang tersudah suci dengannya, dan keatas tegahan yang tersusun diatas demikian itu. Yang dikehendaki disini adalah yang kedua.

(وَهِيَ أَرْبَعَةٌ). والنقض بها تعبدي فلا يقاس عليها غيرها. (أَحَدُهَا الْخَارِجُ مِنْ قَبْلِ أَوْ دُبُرٍ) ریح أو غيره، (أَوْ ثَقْبَةٍ تَحْتَ السَّرَّةِ مَعَ انْسِدَادِ الْمَخْرَجِ الْمُعْتَادِ) وهو القبل والدبر. فإذا عرض لهما انسداد وخرج الخارج من مفتح تحت السرة نقض. وأما لو خلق وهما منسدان فينقض الخارج من أي محل يعتاد الخروج منه. ولا نقض بدم حجامه أو فصادة. (عَيْنًا أَوْ رِيحًا مُعْتَادًا أَوْ نَادِرًا كَدُودَةٍ حَصَاةٍ). فينقض الوضوء إذا خرج مما ذكر.

113. (Ianya empat). Batal dengannya adalah perkara jenis patuh, maka tidak dikiaskan diatasnya akan selainnya. (Satu daripadanya benda yang keluar dari kubul atau dubur), angin atau selainnya, (atau lubang dibawah pusat serta tersumbat tempat keluar yang biasa) iaitu kubul dan dubur. Maka apabila mendatang kepada keduanya oleh tersumbat dan keluar benda yang keluar dari lubang yang terbuka dibawah pusat ia membatalkan. Adapun kalau seorang dijadikan dalam keadaan keduanya tersumbat maka benda yang keluar itu membatalkan dari mana-mana tempat yang biasa ia keluar darinya. Tidak ada batal dengan darah bekam atau petik. (ain atau angin, biasa atau nadir, seperti ulat dan anak batu), maka terbatal wudhuk bila ia keluar dari apa yang disebutkan.

(إِلَّا الْمَنِيَّ) إذا خرج من القبل، (فَأِنَّهُ يُوجِبُ الْغَسْلَ وَلَا يَنْقُضُ الْوُضُوءَ) لأنه أوجب أعظم الأمرين فلا يوجب دونهما. (وَصُورَةٌ ذَلِكَ) أي عدم نقض المني (أَنْ يَنَامَ مُمَكَّنًا مَقْعَدَهُ فَيَحْتَلِمُ أَوْ يَنْظُرَ بِشَهْوَةٍ فَيُنْزَلَ). فهذان تمحض فيهما نزول المني عن نوم أو ملامسة. فيقال إن الطهر الأصغر باق والطهر العام زال. (وَالْإِلَّا قَلْوُ جَامِعٍ أَوْ نَامَ مُضْطَجِعًا فَأَنْزَلَ انْتَقَضَ بِاللَّمْسِ) بالنسبة للأول (أَوْ النَّوْمِ) بالنسبة للثاني.

114. (melainkan mani) apabila ia keluar dari kubul, (maka ia mewajibkan mandi dan tidak membatalkan wudhuk), kerana ia mewajibkan yang lebih besar daripada dua perkara maka ia tidak mewajibkan yang kurang daripada keduanya. (Rupa masaalah demikian itu), iaitu tidak membatalkan oleh mani,

(bahawa seorang tidur dalam keadaan dia menetapkan papan punggungnya maka dia bermimpi, atau seorang memandang dengan syahwat lalu dia inzal). Maka dua ini semata-mata keluar mani pada keduanya dari tidur atau sentuh, maka dikatakan bahawa thaharah yang kecil kekal dan thaharah yang umum hilang. **(Dan jika tidak, maka kalau dia melakukan jimak atau tidur mengereng maka dia inzal terbatal thaharahnya dengan sebab sentuh)** dengan nisbah kepada yang pertama **(atau dengan sebab tidur)** dengan nisbah kepada yang kedua.

(الثَّانِي) من الأربعة (زَوَالُ عَقْلِهِ)، أي تمييزه، بأي سبب من جنون أو نوم، (إِلَّا النَّوْمَ قَاعِدًا مُمَكِّنًا مَقْعَدَهُ مِنَ الْأَرْضِ)، أي مستقره لأمنه حينئذ خروج شيء من دبره، (سِوَاءَ الرَّكْبِ وَالْمُسْتَنِدِّ وَدَوِّ لَشْيءٍ لَوْ أُزِيلَ لَسَقَطَ). فلا ينتقض وضوؤه. (وَعَيْرُهُمَا) ممن هو ثابت على الأرض.

115. (Yang kedua) daripada empat itu **(hilang akal nya)**, iaitu upaya membezakan sesuatu, dengan barang mana sebab daripada gila atau tidur, **(melainkan tidur dalam keadaan duduk lagi tetap papan punggungnya pada bumi)**, iaitu tetapnya, kerana ketika itu dia aman dari keluar suatu dari duburnya. **(Sama sahaja orang yang berkenderaan dan yang bersandar walaupun kepada suatu yang kalau dihilangkan nescaya ia jatuh)**, maka tidak terbatal wudhuknya, **(dan selain keduanya)** daripada orang yang dia tetap kedudukannya di atas bumi.

(فَلَوْ نَامَ مُمَكِّنًا فَزَالَتْ أَلْيَتَاهُ قَبْلَ انْتِبَاهِهِ) أي تيقظه (انْتَقَضَ) لأنه مضى عليه زمن وهو نائم غير ممكن، (أَوْ بَعْدَهُ) أي زالت أليته بعد انتباهه، (أَوْ مَعَهُ أَوْ شَكًّا) هل زالتا بعده أو معه (أَوْ سَقَطَتْ يَدُهُ عَلَى الْأَرْضِ وَهُوَ نَائِمٌ مُمَكِّنٌ مَقْعَدَهُ أَوْ نَعَسَ) بفتح العين (وَهُوَ عَيْرٌ مُمَكِّنٌ - وَ) حد الذعاس (هُوَ) الذي (يَسْمَعُ وَلَا يَفْهَمُ) معنى الكلام - (أَوْ شَكًّا هَلْ نَامَ أَوْ نَعَسَ أَوْ هَلْ نَامَ مُمَكِّنًا أَوْ عَيْرٌ مُمَكِّنٌ فَلَا يَنْقُضُ) النوم في هذه الصور لأنه متوضئ بيقين فلا ينقض بالشك.

116. (Maka kalau dia tidur tetap lalu renggang dua pangkal pehanya sebelum dia tersedar), iaitu terjaganya, **(terbatal ia)** kerana lalu di atasnya oleh satu masa sedang dia tidur dalam keadaan dia tidak tetap, **(atau selepasnya)**, iaitu renggang dua pangkal pehanya selepas sedarnya, **(atau besertanya, atau dia syak)** adakah keduanya renggang selepasnya atau besertanya, **(atau jatuh tangannya di atas bumi sedang dia tidur dalam keadaan tetap papan punggungnya atau dia mengantuk)** - "نعس" - dengan fathah ain- **(sedang dia tidak tetap - dan)** had mengantuk itu **(adalah)** keadaan yang **(dia mendengar dan tidak faham)** makna kata-kata itu- **(atau dia syak adakah dia tidur atau mengantuk atau adakah dia tidur dalam keadaan tetap atau tidak tetap maka tidak membatalkan)** oleh tidurnya

pada rupa-rupa masaalah ini kerana dia orang yang berwudhuk dengan yakin maka dia tidak terbatal wudhuk dengan syak.

(الثَّالِثُ) من النواقض (التِّقَاءُ شَيْءٍ وَإِنْ قَلَّ مِنْ بَشَرَتِي رَجُلٍ وَامْرَأَةٍ) وقد بلغ كل منهما حدا يشتهي. فالمراد بالرجل الذكر وبالمراة الأنثى وبالالتقاء التماس. ويشترط في النقض أن يكونا (أَجْنَبِيَّيْنِ)، أي ليس بينهما محرمة. فخرج الرجلان والمرأتان والخنثيان، فلا نقض بلمس أحدهما الآخر، بل الخنثى لا نقض بلمسه لأحد. (وَلَوْ) كان (بِغَيْرِ شَهْوَةٍ وَقَصْدٍ).

117. (Yang ketiga) daripada perkara-perkara yang membatalkan wudhuk itu (bertemu suatu sekalipun sedikit, daripada dua kulit lelaki dan perempuan,) walhal kedua mereka telah sampai had yang diinginkan. Maka yang dikehendaki dengan "الرجل" adalah "الذكر" dan dengan "المراة" adalah "الأنثى", dan dengan bertemu adalah bersentuh. Disyaratkan pada batal itu bahawa adalah kedua mereka itu (ajnabi), iaitu tidak ada diantara kedua mereka sifat haram nikah. Maka keluar oleh dua lelaki dan dua perempuan dan dua khunsa, maka tidak ada batal dengan sentuh satu daripada kedua mereka akan yang satu lagi, bahkan khunsa tidak ada batal dengan menyentuhnya akan seorang lain. (walaupun) adalah ia (tanpa syahwat dan kasad).

فيحصل النقض (حَتَّى اللِّسَانِ)، بالجر عطا على بشرة، فيحصل النقض بلمس اللسان، (وَالْأَشَدُّ) أي العَضْو الذي بطل عمله، (وَالزَّائِدِ) كالأصبع الزائدة (إِلَّا سِنًا وَظُفْرًا وَشَعْرًا وَعَضْوًا مَقْطُوعًا)، فليس بلمس أحدها نقض.

118. Maka terhasil batal itu (hinggakan lidah). "اللسان" dengan jar kerana ataf keatas "البشرة", maka terhasil batal dengan sentuh lidah. (dan yang yang lasar), iaitu anggota yang terbatal fungsinya, (dan yang lebih) seperti jari-jari yang lebih, (melainkan gigi dan kuku dan rambut dan anggota yang terpotong), maka tidak ada batal dengan sentuh satu daripadanya.

(وَيَنْقُضُ هَرَمٌ) أي لمسه، وهو كبير السن. (وَمِيَّتٌ) أي ينتقض وضوء الحي بلمسه لا وضوؤه هو. (لَا مَحْرَمٌ)، فلا ينتقض وضوء رجل وامراة بينهما محرمة بأن حرم نكاحهما على التأييد بنسب أو رضاع أو مصاهرة. (وَوِطْفُلٌ) لَا يُشْتَهَى فِي الْعَادَةِ. فالمعتبر بلوغ الشهوة عادة وعرفا.

119. (Membatalkan wudhuk oleh orang yang sangat tua) iaitu sentuhnya. "الاهرم" adalah orang yang sangat tua. (dan mayat), iaitu terbatal wudhuk orang yang hidup dengan menyentuhnya, tidak wudhuk mayat itu. (tidak mahram), maka tidak batal wudhuk lelaki dan perempuan yang diantara kedua mereka ada sifat mahram dengan bahawa haram perkahwinan kedua mereka selama-lama dengan nasab atau susuan atau berambil-ambilan. (dan kanak-kanak yang tidak diinginkan pada adatnya). Maka yang diiktibarkan adalah sampai tahap syahwat menurut adat dan uruf.

(فَلَوْ شَكَ هَلْ لَمَسَ امْرَأَةً أَوْ رَجُلًا أَوْ شَعْرًا أَوْ بَشْرَةً أَوْ أَجْنَبِيَّةً أَمْ مَحْرَمًا لَمْ يَنْقُضْ) لأن الوضوء اليقيني لا ينقض بالاحتمال.

120. (Maka kalau seorang syak adakah dia menyentuh perempuan atau lelaki, atau rambut atau kulit, atau ajnabiah atau mahram, ia tidak membatalkan) kerana wudhuk yang yakin tidak terbatal dengan ihtimal.

(الرَّابِعُ) من النواقض (مَسُّ فَرْجِ الْأَدْمِيِّ بِبَاطِنِ الْكَفِّ وَالْأَصَابِعِ خَاصَّةً)، فلا نقض بلمس الفرج بغير ما ذكر من سائر البدن. وينتقض بذلك (وَلَوْ سَهْوًا أَوْ بِلَا شَهْوَةٍ، قُبْلًا أَوْ دُبْرًا، ذَكَرًا أَوْ أُنْثَى مِنْ نَفْسِهِ أَوْ) من (غَيْرِهِ، وَلَوْ مِنْ مَيِّتٍ وَطِفْلٍ). فينقض المس في جميع ما ذكر. بخلاف اللمس في بعض ذلك كما يعلم ذلك من التأمل في ضابط الموضوعين.

121. (Yang keempat) daripada perkara-perkara yang membatalkan wudhuk itu (sentuh faraj anak adam khusus dengan batin tapak tangan dan jari-jari), maka tidak ada batal dengan sentuh faraj dengan selain apa yang disebutkan itu daripada sekalian tubuh. Terbatal wudhuk dengan demikian itu (walaupun dalam keadaan lupa atau tanpa syahwat, kubul atau dubur, lelaki atau perempuan, dari dirinya sendiri atau) dari (orang lain, walaupun mayat dan kanak-kanak). Maka sentuh itu membatalkan pada semua apa yang disebutkan tadi. Bersalahan sentuh selain tapak tangan pada sebahagian demikian itu sepertimana diketahui demikian itu dari pengamatan pada dhabit dua tempat tadi.

وينقض المس (و) لو كان الممسوس (مَحَلُّ جَبِّ) أي قطع للذكر (وَإِنْ ائْتَسَى جِلْدًا)، فينقض مس الجلد المذكور لأن محله مثله، (أَوْ أَشَلَّ)، أي ينقض مس الفرج المشلول، (و) كذا (لَوْ) كان الفرج (مَقْطُوعًا) منه شيء (و) لو مس (بِيَدٍ شَلَاءً)، لخبر من مس فرجه فليتوضأ.

122. Sentuh itu membatalkan (dan) walaupun adalah yang disentuh itu (tempat jabb), iaitu zakar yang dipotong, (sekalipun ia telah dibaluti kulit), maka sentuh kulit tersebut membatalkan kerana tempat zakar seumpamanya. (atau lasar), iaitu membatalkan wudhuk oleh sentuh faraj yang lasar. (dan) begitu juga (walaupun) adalah faraj itu (terpotong) sesuatu daripadanya, (dan) walaupun dia sentuh (dengan tangan yang lasar) kerana khabar "siapa yang menyentuh farajnya maka hendaklah dia berwudhuk".

(لَا فَرْجَ بَهِيمَةٍ). محترز فرج آدمي. (وَلَا بِرُؤُوسِ الْأَصَابِعِ وَمَا بَيْنَهَا وَ) (بِحَرْفِ الْكَفِّ). محترز بباطن الكف الخ.

123. (tidak faraj bahimah) –muhtaraz faraj anak adam- (dan tidak dengan kepala jari-jari dan apa yang diantaranya dan) dengan (tepi tapak tangan). Muhtaraz dengan batin tapak tangan... hingga akhir.

(وَلَا يَنْقُضُ قِيَّةً). لما اندصر النقض في الأسباب الأربعة خرج ما عداها ولو فيه مشابهة لها. والقيء ما خرج من المعدة. (وَفَصْدٌ وَرُعَافٌ)، هو الدم

الخارج من الأنف. (وَقَهْقَهَةٌ مُصَلِّ)، خلافا لأبي حنيفة رضي الله عنه. (وَأَكْلُ لَحْمِ جَزُورٍ)، وإن ورد به حديث لأنه مذسوخ، (وَعَيْرُ ذَلِكَ) كالبلوغ بالسن ولمس الأمر الجميل.

124. (**Dan tidak membatalkan wudhuk oleh muntah...**). Tatkala terbatas batal wudhuk pada empat sebab itu keluar oleh apa yang selainnya, walaupun padanya ada kemiripan dengannya. Muntah itu apa yang keluar dari ma'iddah. (**dan petik dan ru'af...**). Ia adalah darah yang keluar dari hidung. (**dan ketawa berdekah orang yang sembahyang...**). Bersalahan Abu Hanifah r.a. (**dan makan daging unta...**) sekalipun warid hadith dengannya kerana ia dinasakkan. (**dan selain demikian itu**) seperti baligh dengan tahun dan sentuh remaja yang kacak.

(وَمَنْ تَيَقَّنَ حَدَثًا وَشَكَّ فِي ارْتِفَاعِهِ) بأن شك في وجود طهارة (فَهُوَ مُخْذَبٌ) لأن اليقين لا يرفع بالشك، (وَمَنْ تَيَقَّنَ طَهْرًا وَشَكَّ فِي ارْتِفَاعِهِ فَهُوَ مُنْطَهَرٌ) لأنه عكس المتقدم. ومثل الشك الظن.

125. (**Orang yang yakinkan hadath dan syak pada terangkatnya**) dengan bahawa dia syak pada ujud thaharah (**maka dia berhadath**) kerana yakin tidak terangkat dengan syak, (**dan orang yang yakinkan suci dan syak pada terangkatnya maka dia orang yang suci**) kerana ia 'akas apa yang terdahulu tadi. Seumpama syak itu adalah zhan.

(وَإِنْ تَيَقَّنْتَهُمَا) أي الطهر والحدث كأن وجدا منه بعد الفجر (وَشَكَّ فِي السَّابِقِ مِنْهُمَا) حتى يكون الذي بعده رفعه (فَإِنْ لَمْ يَعْرِفْ مَا كَانَ قَبْلَهُمَا) بأن لم يعرف حاله قبل الفجر (أَوْ عَرَفَهُ وَكَانَ طَهْرًا وَكَانَ عَادَتُهُ تَجْدِيدُ الْوُضُوءِ لَزِمَهُ الْوُضُوءُ) في الصورتين، في حال ما إذا جهل أمره قبل الفجر لأنه في هذه الحالة متردد في الحدث والطهر على السواء. ولا يمكن أن يقدم على الصلاة وهو متردد.

126. (**Dan jika dia yakinkan keduanya**), iaitu suci dan hadath, seperti bahawa didapati keduanya padanya selepas fajar, (**dan dia syak pada yang terdahulu daripada keduanya**) sehingga adalah yang selepasnya mengangkutkannya, (**maka jika dia tidak tahu apa yang sebelum keduanya**), dengan bahawa dia tidak tahu keadaan dirinya sebelum fajar, (**atau dia mengetahuinya dan ianya adalah suci dan adalah adatnya tajdid wudhuk melazimi dia oleh wudhuk**) pada dua rupa masaalah ini, pada keadaan apabila dia jahilkan pekerjaannya sebelum fajar itu, kerana dia pada keadaan ini berbelah bagi pada hadath dan suci dalam keadaan sama berat, dan tidak boleh dia masuk pada sembahyang sedang dia seorang yang berbelah bagi.

وفي حال ما إذا علم أن أمره الطهر قبل الفجر وقد حدث منه بعد طهر وحدث لكن عادته تجديد الطهر، فُتَعَيَّنُ عَادَتُهُ وَقَوَعَ الطهر على الطهر ووقوع الحدث بعده، فلذلك لزمه الوضوء.

127. Dan pada keadaan apabila dia tahu bahawa pekerjaannya adalah suci sebelum fajar dan sungguh telah berlaku padanya selepas itu oleh suci dan hadath akan tetapi adatnya adalah membaharui suci, maka adatnya itu menentukan jatuh suci diatas suci dan jatuh hadath selepasnya, maka kerana itu melazimi dia oleh wudhuk.

(فَإِنْ لَمْ يَكُنْ عَادَتُهُ تَجْدِيدُ الْوُضُوءِ أَوْ كَانَ) ما قبله (حَدَّثًا فَهُوَ الْآنَ مُتَطَهِّرٌ) في الصورتين معا، لأنه إذا كان قبل الفجر متطهرا فعادةً أن يقع الحدث بعد الطهر ثم يعقبه الطهر. وإذا كان محدثا فعادةً أن يقع الطهر أخيرا.

128. (Maka jika tidak adalah adatnya tajdid wudhuk atau adalah) apa yang sebelum fajar itu (hadath maka dia sekarang ini orang yang suci) pada dua rupa masaalah ini kedua-duanya sekali, kerana apabila dia sebelum fajar itu dalam suci maka pada adatnya bahawa jatuh hadath itu selepas suci kemudian mengiringinya suci, dan apabila adalah dia berhadath maka pada adatnya bahawa jatuh suci itu diakhir.

(وَمَنْ أَحَدَتْ حَرْمَ عَلَيْهِ الصَّلَاةِ)، ومنها صلاة الجنازة، (وَسُجُودُ التَّلَاوَةِ وَالشُّكْرِ) إذ هما في معنى الصلاة، (وَالطَّوَافُ) ولو نفلا، (وَحَمْلُ الْمُصْحَفِ)، إلا إن خاف عليه غرقا أو كافرا، (وَلَذُو بَعْلَاقَتِهِ) هي بكسر العين (أَوْ فِي صُنْدُوقِهِ، وَمَسُّهُ) أي لمسه. (سِوَاءَ الْمَكْتُوبِ وَبَيْنَ الْأَسْطُرِّ وَالْحَوَاشِي) لأنه من مسمى المصحف، (وَجِلْدُهُ وَعِلَاقَتُهُ وَخَرِيطَتُهُ وَصُنْدُوقُهُ وَهُوَ فِيهِمَا) لأنه كالجاء منها.

129. (Barang siapa berhadath haram diatasnya shalat), dan daripadanya shalat jenazah, (dan sujud tilawah dan syukur) kerana keduanya pada makna shalat, (dan tawaf) walaupun sunat, (dan menanggung mushaf), melainkan jika dia takut diatasnya akan kebakaran atau orang kafir, (walaupun dengan ilaqahnya) –علاقة– dengan kasrah ain- (atau didalam petinya, dan menyentuhnya dengan tapak tangan), iaitu sentuh dengan mana-mana tubuh- (sama sahaja yang tertulis dan diantara baris-barisnya dan tepi-tepinya) kerana ia sebahagian daripada apa yang dinamakan mushaf- (dan kulitnya dan `ilaqahnya dan begnya dan petinya sedang ia berada didalam keduanya) kerana ia seperti juzuk baginya. ⁱⁱⁱ

(وَكَذَا يَحْرُمُ مَسُّ وَحَمْلُ مَا كُتِبَ لِإِرَاسَةٍ وَذُو آيَةٍ كَاللُّوحِ وَغَيْرِهِ) ليشبه ذلك بالمصحف. أما المكتوب للتبرك كالتمايم والنقد فيحل حملها ومسها من غير طهارة.

130. (Begitu juga haram sentuh dan tanggung apa yang ditulis untuk dibaca walaupun satu ayat seperti papan batu dan selainnya) kerana demikian itu menyerupai mushaf. Adapun yang ditulis untuk tabarruk seperti tangkal dan duit maka halal menanggungnya dan menyentuhnya tanpa thaharah.

(وَيَحِلُّ حَمْلُ مُصْحَفٍ فِي أُمَّتَعَةٍ) تبعاً لها لا مقصوداً، (وَحَدَلٌ حَمْلٌ دَرَاهِمَ وَدَنَانِيرَ وَخَاتَمٍ وَتَوْبِ كُتُبِ عَلَيْهِنَ الْقُرْآنَ) لأنها لا تشبه المصحف. (و) حل حمل ومس (كُتُبِ فَتَقْرَأُ وَتُفَسِّرُ فِيهَا قُرْآنَ بِشَرْطِ أَنْ يَكُونَ غَيْرَ الْقُرْآنِ أَكْثَرَ). فلو تساويا أو كان القرآن أكثر حرم. وحل قلب ورقه بعود.

131. (Halal tanggung mushaf pada barang-barang) kerana mengikutnya, bukan yang dimaksudkan, (dan halal tanggung dirham dan dinar dan cincin dan kain yang ditulis Quran di atasnya) kerana ia tidak menyerupai mushaf. (Dan) halal tanggung dan sentuh (kitab fekah dan hadith dan tafsir yang padanya ada Quran dengan syarat bahawa adalah yang bukan Quran itu lebih banyak). Maka kalau keduanya sama atau adalah Quran itu lebih banyak haram ia. Halal membalikkan helaiannya dengan ranting.

(وَيُمْكِنُ الصَّبِيُّ) أي المميز (مِنْ حَمْلِهِ وَمَسِّهِ) إذا كان لدراسة وأما غير المميز فلا يمكن منه.

132. (Dibenarkan kanak-kanak) iaitu yang mumayyiz (menanggungnya dan menyentuhnya) bila adalah ia untuk belajar. Adapun yang tidak mumayyiz maka tidak dibenarkan dia melakukannya.

(وَلَوْ كَتَبَ مُحَدِّثٌ أَوْ جُنُبٌ قُرْآنًا وَلَمْ يَمَسَّهُ وَلَمْ يَحْمِلْهُ جَازٍ) لخلوه عن المس والحمل المحرّمين.

133. (Kalau seorang berhadath atau berjunub menulis Quran dan dia tidak menyentuhnya dan tidak menanggungnya harus ia) kerana sunyinya dari sentuh dan tanggung yang diharamkan

(وَلَوْ خَافَ عَلَى الْمُصْحَفِ مِنْ حَرِّ أَوْ غَرَقٍ أَوْ يَدِ كَافِرٍ أَوْ نَجَاسَةٍ وَجَبَ أَخْذُهُ مَعَ الْحَدِيثِ وَالْجَنَابَةِ) لأن حملّه مع ذلك أخف من حرقه و ما بعده. ويحمله بالحدث (إن لم يجد مستودعاً له) مسلماً، (لكن يتيمّم) وجوباً (إن قدر) تخفيفاً لحدثه.

134. (Kalau seorang bimbangkan mudharat keatas mushaf berupa terbakar atau tenggelam atau tangan kafir atau najis wajib mengambilnya serta hadath dan janabahnya) kerana menanggungnya serta demikian itu lebih ringan dari terbakarnya dan apa yang selepasnya. Dan dia menanggungnya dengan hadathnya (jika dia tidak mendapat orang yang boleh ditaruh ia padanya) yang muslim. (Walau begitu dia bertayammum) diatas jalan wajib (jika dia kuasa) kerana meringankan hadathnya.

(وَيَحْرَمُ تَوَسُّدُهُ) أي المصحف وكذا كل ما فيه إخلال بتعظيمه (و) يحرم توسد (غيره من كتب العلم) إلا إن خاف من سرقة فيجوز.

135. (Haram berbantalkannya) iaitu mushaf. Begitu juga setiap setiap apa yang padanya mencederakan kebesarannya, (dan) haram berbantalkan

(selainnya daripada kitab-kitab ilmu) melainkan bahawa dia bimbang dari kecurian maka ianya harus.

(بَابُ قَضَاءِ الْحَاجَةِ)

من بول وغيره (يُنْدَبُ لِمُرِيدِ الْخَلَاءِ) وهو المعد لقضاء الحاجة (أَنْ يَنْتَعِلَ) أي يلبس النعل، ومثله كل ما يقي الرجل من القذارة، (إِلَّا لِعُدْرٍ) كجراحة برجله (وَيَسْتُرُ رَأْسَهُ) ولو بكمه، لأنه ورد من فعله ﷺ لبس النعل وستر الرأس

136. @BAB QADHA HAJAT, berupa kencing dan selainnya. (Sunat bagi orang yang hendak ke tandas) iaitu tempat yang disediakan untuk kadha hajat (bahawa dia berselipar) iaitu memakai selipar, dan seumpamanya setiap apa yang memelihara kaki dari cemar-cemar, (melainkan kerana uzur) seperti luka pada kakinya, (dan menutupi kepalanya) walaupun dengan lengan bajunya kerana warid dari perbuatan nabi sawm oleh pakai selipar dan tutup kepala.

(وَيُنَحِّي مَا فِيهِ ذِكْرُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَكُلَّ اسْمٍ مُعْظَمٍ) كأسماء الأنبياء والملائكة. فيندب له إبعاد ذلك عنه تعظيماً لما فيه تلك الأسماء. (فَإِنْ دَخَلَ بِالْحَاتِمِ) الذي عليه اسم من تلك الأسماء (ضَمَّ كَفَّهُ عَلَيْهِ) يستتره إكراماً له.

137. (dan bahawa dia mengalihkan apa yang ada padanya zikrullah dan rasulNya dan setiap nama yang dibesarkan) seperti nama-nama nabi dan malaikat. Maka sunat dia menjauhkan demikian itu dari dirinya demi kerana membesarkan apa yang padanya ada nama-nama itu. (Maka jika dia masuk dengan memakai cincin) yang ada di atasnya satu nama daripada nama-nama itu (dia menggenggam tapak tangannya di atasnya) dengan maksud menutupinya kerana memuliakannya.

(وَيَهَيِّئِ أَحْجَارَ الْإِسْتِنْجَاءِ) قبل الشروع. (وَيَقُولُ عِنْدَ الدُّخُولِ) للخلاء (بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبُثِ)، بضم الخاء والباء جمع خبيث، ذكور الشياطين، (وَالْخَبَائِثِ)، جمع خبيثة إناث الشياطين. (وَعِنْدَ الْخُرُوجِ غُفْرَانِكَ)، أي أسألك غفرانك، (الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَدَى وَعَافَانِي. وَيَقْدَمُ دَاخِلًا يَسَارَهُ وَخَارِجًا يَمِينَهُ).

138. (dan bahawa dia menyediakan batu-batu istinja) sebelum masuknya. (dan bahawa dia membaca "dengan nama Allah, ya Allah sesungguhnya aku berlindung dengan Mu dari Khubuth...") – "خبث" dengan dhammah kha' dan ba', jamak "خبث" iaitu syaitan-syaitan jantan- (dan Khabaith...) – "خبائث" jamak "خبائث", iaitu syaitan-syaitan betina- (dan disisi keluar "keampunan Mu), iaitu aku mohon keampunan Mu, (segala puji bagi Allah yang menghilangkan dari aku gangguan dan menyihatkan aku", dan bahawa dia mendulukan hal keadaan dia orang masuk akan kirinya dan hal keadaan dia keluar akan kirinya).

(وَلَا يَخْتَصُّ ذِكْرُ الدُّخُولِ لِلْخَلَاءِ وَالْخُرُوجِ وَتَقْدِيمِ الْيُسْرَى وَالْيُمْنَى وَتَنْحِيَّةِ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى وَرَسُولِهِ بِالْبُنْيَانِ). متعلق بِيخْتَصُّ. (بَلْ يُشْرَعُ بِالصَّخْرَاءِ)، أي الأرض الخالية، (أَيْضًا) كما يشرع بالبنيان، لأن الصحراء وإن لم تكن مأوى للشياطين تصير مأوى بنية قضاء الحاجة، فيشرع فيها ما يشرع في غيرها.

139. (Tidak khusus zikir masuk dan keluar tandas dan mendulukan kiri dan kanan dan mengalihkan zikrullah taala dan rasulNya dengan bangunan) – (bahkan ia disyara'kan dipadang), iaitu bumi yang kosong (juga) sepertimana disyara'kan pada bangunan, kerana padang itu sekalipun bukan tempat tinggal syaitan-syaitan ianya menjadi tempat tinggalnya dengan niat kadha hajat padanya maka disyara'kan padanya apa yang disyara'kan pada selainnya.

(وَلَا يَرْفَعُ ثَوْبَهُ) عند قضاء الحاجة (حَتَّى يَذْنُوبَ مِنَ الْأَرْضِ) محافظة على الستر، (وَ) يندب له أن (يُرْخِيَهُ قَبْلَ انْتِصَابِهِ) أي قيامه.

140. (dan bahawa dia tidak mengangkat kainnya) disisi kadha hajat (hingga dia dekat dengan tanah) kerana memelihara tutup aurat, (dan) sunat baginya bahawa (dia melabuhkannya sebelum tegaknya), iaitu berdirinya.

(وَ) يندب له أن (يَعْتَمِدَ فِي الْجُلُوسِ عَلَى يَسَارِهِ) ناصبا يميناه لأنه أسهل لخروج، (وَلَا يُطِيلُ وَلَا يَتَكَلَّمُ) لأن الإطالة تضر بالكبد والكلام يؤذي الملائكة.

141. (dan) sunat bahawa dia (berkuat pada duduknya diatas kirinya) dalam keadaan dia menegakkan kanannya kerana ia lebih memudahkan keluar najis, (dan tidak dia melamakan masa dan tidak bercakap) kerana melamakan itu memudharatkan hati dan kata-kata menyakiti malaikat.

(فَإِذَا انْقَطَعَ الْبَوْلُ مَسَحَ بِيَسَارِهِ مِنْ دُبُرِهِ) أي مبتدئا من ذلك (إِلَى رَأْسِ ذِكْرِهِ، وَيَنْثُرُ) أي يستبرئ من البول (بِلُطْفٍ ثَلَاثًا). قيل بوجوبه، وقيل بندبه. والمدار على غلبة ظنه بانقطاع الخارج.

142. (Maka apabila putus kencingnya dia mengurut dengan kanannya dari duburnya), iaitu dalam keadaan dia mula dari demikian itu, (kepada kepala zakarnya dan dia menghamburkan [saki-baki kencingnya]), iaitu dia istibra' dari air kencingnya, (dengan lembut tiga kali). Dikatakan wajibnya, dan dikatakan sunatnya. Tempat putarannya adalah diatas termenang sangkaannya dengan terputus benda yang keluar itu.

(وَلَا يَبُولُ قَائِمًا) لأنه مكروه (بِلَا عُدْرٍ). أما مع العذر فلا يكره. (وَلَا يَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ فِي مَوْضِعِهِ إِنْ خَافَ تَرَشُّشًا)، بل ينتقل لما يأمن فيه من ذلك. وهذا في غير المعدِّ. ولذلك قال (وَلَا يَنْتَقِلُ فِي الْمَرَاحِيضِ) للأمن فيها من الرشاش. وكذلك المستنجى بالأحجار.

143. **(dan bahawa dia tidak kencing berdiri)** kerana ia makruh **(tanpa uzur)**. Adapun serta uzur maka tidak dimakruhkan. **(dan bahawa dia tidak istinja dengan air pada tempatnya jika dia takut terpercik)**, bahkan dia berpindah kepada tempat yang aman padanya dari demikian itu. Ini pada selain tempat yang disediakan. Kerana demikian itu dia berkata **(dan tidak dia berpindah pada tandas)** kerana aman padanya dari percikkan. Begitu juga orang yang istinja dengan batu-batu.

(وَ) يَنْدُبُ أَنْ يَبْعُدَ فِي الصَّحْرَاءِ، وَيَسْتَتِرَ بِمَرْتَفَعٍ ثَلَاثِي ذِرَاعٍ فَأَكْثَرَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ ثَلَاثَةَ أذْرَعٍ فَأَقْلَ.

144. **(dan)** sunat bahawa **(dia menjauh dipadang, dan berlindung)** dengan suatu yang tinggi kadar dua pertiga hasta maka lebih dan diantara dia dan diantaranya tiga hasta maka kurang lagi.

(وَلَا يَبُؤَلُ فِي جُدْرٍ)، وَكَالْبَوْلِ الْغَائِطُ، (وَمَوْضِعٌ صُلْبٍ وَمَهَبٌ رِيحٍ) لِنَلَا يَصِيبُهُ بَعْضُ الْخَارِجِ (وَمَوْرِدٍ)، هُوَ طَرِيقُ الْمَاءِ، (وَمُتَدَدٌ لِلنَّاسِ) لِمَوْضِعِ الظِّلِّ، (وَطَرِيقٍ) لِأَنَّ ذَلِكَ يَضُرُّ بِالنَّاسِ، (وَتَدَتْ شَجَرَةً مُثْمِرَةً) خَوْفًا مِنَ التَّلْوِيثِ بِالنَّجَاسَةِ، (وَعِنْدَ قَبْرِ) لِأَنَّ الْمَيِّتَ يَتَأَذَى، (وَفِي الْمَاءِ الرَّكَدِ). قَالَ النَّوَوِيُّ: وَيَنْبَغِي أَنْ يَحْرَمَ الْبَوْلُ فِي الْمَاءِ الْقَلِيلِ جَارِيًا أَوْ رَاكِدًا، وَفِي الْكَثِيرِ الْأُولَى اجْتِنَابَهُ.

145. **(dan tidak dia kencing kedalam lubang), seperti kencing itu adalah berak, (dan tempat keras dan tempat tiupan angin)** supaya tidak mengenainya sebahagian apa yang keluar, **(dan laluan air)**, iaitu jalan air, **(dan tempat orang berbual)** pada tempat teduh, **(dan jalan)** kerana demikian itu memudharatkan orang ramai, **(dan dibawah pokok yang berbuah)** kerana bimbang akan melumurkannya dengan najis, **(dan disisi kubur)** kerana mayat terganggu, **(dan pada air tenang)**. Kata Nawawi: sayugia bahawa haram kencing didalam air yang sedikit, mengalir atau tenang. Pada yang banyak yang terutama adalah menjauhinya.

(وَلَا مُسْتَقْبِلَ الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ وَبَيْتِ الْمُقَدَّسِ وَ) لَا (مُسْتَدْبِرَهُ) أَي مَا ذَكَرَ مِنَ الشَّمْسِ إِلَى آخِرِهِ.

146. **(dan tidak dalam keadaan dia mengadap matahari dan bulan dan Baitul Muqaddas dan)** tidak **(membelakangkannya)**, iaitu apa yang disebutkan itu daripada matahari hingga akhirnya.

(وَيَحْرُمُ الْبَوْلُ عَلَى مَطْعُومٍ وَعَظْمٍ وَمَعْظَمٍ) كَأَسْمِ اللَّهِ وَأَسْمِ نَبِيِّ أَوْ مَلِكٍ (وَقَبْرِ)، فَيَحْرَمُ الْبَوْلُ عَلَيْهِ وَيَكْرَهُ عِنْدَهُ، (وَفِي مَسْجِدٍ وَدَوْ فِي إِدَاءِ) صِيَانَةَ لِلْمَسْجِدِ عَنِ النَّجَاسَةِ.

147. **(Haram kencing keatas makanan dan tulang dan suatu yang dibesarkan)** seperti nama Allah dan nama nabi atau malaikat, **(dan kubur)**, maka haram kencing keatasnya dan makruh disisinya, **(dan didalam masjid walaupun pada bejana)** kerana memelihara masjid dari najis.

(وَيَحْرُمُ اسْتِقْبَالَ الْقِبْلَةِ وَاسْتِدْبَارُهَا بِبَوْلٍ أَوْ غَائِطٍ فِي الصَّحْرَاءِ بِلَا حَائِلٍ) فِي غَيْرِ مَعْدٍ. أَمَّا الْمَعْدُ وَلَوْ فِي الصَّحْرَاءِ فَلَا يَحْرِمُ وَلَا يَكْرَهُ فِيهِ ذَلِكَ. (وَيُبَادِنُ فِي الْبُنْيَانِ إِذَا قَرُبَ مِنَ السَّائِرِ نَحْوَ ثَلَاثَةِ أَدْرُعٍ). قَيْدُ الْبُنْيَانِ لَا دَاعِيَ إِلَيْهِ فَالْمَدَارُ عَلَى الْقَرَبِ مِنَ السَّائِرِ.

148. (**Haram mengadap kiblat dan membelakangkannya dengan kencing atau berak dipadang tanpa penghadang**) pada selain tempat yang disediakan. Adapun tempat yang disediakan walaupun dipadang maka tidak haram dan tidak makruh ia padanya demikian itu. (**Diharuskan keduanya didalam binaan bila dia dekat dengan penghadang kadar tiga hasta**). Kait binaan tidak ada faktor yang menyeru kepadanya maka putaran hukumnya adalah diatas dekat dengan penghadang

(وَيَكْفِي مُرْتَفَعٌ ثَلَاثِي ذِرَاعٍ). فَيَشْتَرُطُ فِي السَّائِرِ الْقَرَبُ مِنْهُ، وَأَنْ يَكُونَ مُرْتَفَعًا ثَلَاثِي ذِرَاعٍ فَأَكْثَرَ. وَالسَّائِرُ يَكُونُ (مِنْ جِدَارٍ وَوَهْدَةٍ)، أَيْ حَفْرَةٍ، (وَدَابَّةٍ وَذَيْلِهِ الْمُرْخَى قِبَالَ الْقِبْلَةِ)، أَيْ جِهَتِهَا.

149. (**Memada suatu yang tinggi kadar dua pertiga hasta**). Maka disyaratkan pada penghadang itu akan dekat dengannya, dan bahawa adalah ia tinggi dua pertiga hasta maka lebih. Dan penghadang itu adalah (**berupa dinding dan wahdah**), iaitu galian, (**dan haiwan tunggangan dan kaki kainnya yang labuh disebelah kiblat**), iaitu arahnya

(وَالْإِعْتِبَارُ) فِي التَّحْرِيمِ (فِي الصَّحْرَاءِ وَالْبُنْيَانِ بِالسُّتْرَةِ) فَالْمَدَارُ عَلَيْهَا، (فَحَيْثُ قَرُبَ مِنْهَا) وَهِيَ (عَلَى ثَلَاثَةِ أَدْرُعٍ)، هَذَا بَيَانٌ لِلْقَرَبِ، (وَهِيَ ثَلَاثًا ذِرَاعَ جَازَ فِيهِمَا) أَيْ فِي الصَّحْرَاءِ وَالْبِنَاءِ. (وَالْأَفْلَا) يَجُوزُ، (إِلَّا فِي الْمَرَّاحِيضِ) أَيْ بِيوتِ الْأَخْطِيَةِ الْمَعْدَةِ. (فَيَجُوزُ) الْاسْتِقْبَالَ وَالْاسْتِدْبَارَ (مَعَ كَرَاهَةٍ، وَإِنْ بَعْدَ جِدَارِهَا أَوْ قَصْرٍ). لَعَلَّ الْوَاوَ فِي وَإِنْ زَائِدَةٌ بِدَلِيلِ قَوْلِهِ وَيُبَاحَانِ فِي الْبُنْيَانِ إلخ.

150. (**Perkiraan**) pada menghukumkan haram (**dipadang dan bangunan adalah dengan penghadang**). Maka putaran hukum adalah diatasnya. (**Maka sekira-kira dia dekat dengannya**) iaitu (**didas katar tiga hasta**) –yang mana ini keterangan dekat- (**dan iaitu dua pertiga hasta harus ia pada keduanya**), iaitu pada padang dan bangunan. (**Jika tidak, maka tidak**) harus (**melainkan pada tandas**), iaitu bilik sunyi yang disediakan untuk kadha hajat. (**Maka harus**) mengadap dan membelakangkannya (**serta karahahm sekalipun jauh dindingnya atau rendah**). Barangkali wau pada "وإن" itu zaidah dengan dalil katanya "dan diharuskan keduanya didalam bangunan" hingga akhir.

وَيَجِبُ الْإِسْتِنْجَاءُ مِنْ كُلِّ عَيْنٍ مُلَوَّثَةٍ خَارِجَةٍ مِنَ السَّبِيلَيْنِ (نَجَسَةً، فَلَا تَصِحُّ الصَّلَاةُ مِنْ غَيْرِ اسْتِنْجَاءٍ، (لَا رِيحٍ وَدُودَةٍ وَحَصَاةٍ وَبَعْرَةٍ بِإِلَّا رُطُوبَةٍ) لِأَنَّهُ لَا تَلَوِيثَ فِيهَا.

151. (Wajib istinja dari setiap 'ain yang melumuri yang keluar dari dua jalan) yang najis. maka tidak sah shalat tanpa istinja, (tidak angin dan ulat dan anak batu dan tahi yang tanpa basah) kerana ia tidak melumurkan.

(وَتَكْفِي الْأَحْجَارُ) فِي الْإِسْتِنْجَاءِ (وَلَوْ فِي نَادِرٍ كَدَمٍ) لِأَنَّ الْعَبْرَةَ بِالْمَخْرَجِ لَا بِالْخَارِجِ. (وَتَعْقِبُهَا بِالْمَاءِ أَفْضَلُ) مِنَ الْاِقْتِصَارِ عَلَى الْأَحْجَارِ.

152. (Memada batu-batu) pada istinja itu (walaupun pada yang nadir seperti darah) kerana iktibar adalah dengan tempat keluar bukan dengan benda yang keluar. (Mengiringkannya dengan air terafdhal) dari menghadkan diatas batu-batu itu.

(وَيُعْنِي عَنِ الْحَجَرِ كُلِّ جَامِدٍ طَاهِرٍ قَالِعٍ لِلنَّجَاسَةِ غَيْرِ مُحْتَرَمٍ وَمَطْعُومٍ). فَهَذِهِ قِيُودٌ خَمْسَةٌ لَصِحَّةِ الْإِسْتِنْجَاءِ بِالْحَجَرِ. وَذَلِكَ (كَجَدِّ الْمُدَكِّي قَبْلَ الدَّبَاغِ). وَلَا يُقَالُ إِنَّهُ مَطْعُومٌ لِأَنَّهُ مَلْحَقٌ بِالنَّيَابِ.

153. (Memadakan dari batu-batu itu setiap yang keras yang suci yang menanggalkan najis yang bukan benda dihormati dan makanan). Maka ini adalah lima kait bagi sah istinja dengan batu. Demikian itu (seperti kulit binatang yang disembelih yang belum disamak). Tidak dikatakan bahawa ianya makanan kerana ia dihubungkan dengan kain.

(فَلَوْ اسْتَعْمَلَ مَائِعًا غَيْرَ الْمَاءِ) -هُوَ مُحْتَرَزٌ جَامِدٌ- (أَوْ نَجَسًا) -مُحْتَرَزٌ طَاهِرٌ- (أَوْ طَرَأَتْ نَجَاسَةٌ أَجْنَبِيَّةٌ). هَذَا وَمَا بَعْدَهُ إِشَارَةٌ إِلَى شُرُوطِ الْخَارِجِ، وَهِيَ أَنْ لَا يَطْرَأُ عَلَيْهِ أَجْنَبِيٌّ مِنْ جَنْسِهِ أَوْ غَيْرِهِ وَأَنْ لَا يَنْتَقِلُ وَأَنْ لَا يَجِفُّ وَأَنْ لَا يَجَاوِزُ صَفْحَةً وَحَشْفَةً. فَأَشَارَ لِذَلِكَ بِقَوْلِهِ (أَوْ انْتَقَلَ مَا خَرَجَ مِنْهُ عَنْ مَوْضِعِهِ أَوْ جَفَّ أَوْ انْتَشَرَ حَالَ خُرُوجِهِ وَجَاوَزَ الْأَلْيَةَ أَوْ الْحَشْفَةَ تَعَيَّنَ الْمَاءُ) لِاخْتِلَالِ شَرْطِ الْحَجَرِ. (فَإِنْ لَمْ يُجَاوِزْهُمَا كَفَى الْحَجَرُ).

154. (Maka kalau dia menggunakan cecair selain air) -muhtaraz "yang keras"- (atau najis) -muhtaraz yang suci- (atau mendatang najis asing). Ini dan apa yang selepasnya isyarat kepada syarat-syarat bagi benda yang keluar itu iaitu bahawa tidak mendatang keatasnya suatu yang asing daripada yang sejenisnya atau selainnya, dan bahawa ia tidak berpindah, dan bahawa ia tidak kering, dan bahawa ia tidak melampaui papan punggung dan hasyafah. Maka dia mengisyarat kepada demikian itu dengan katanya: (atau berpindah apa yang keluar darinya dari tempatnya atau ia telah kering atau ia bersebaran ketika keluarnya dan melampaui punggungnya atau hasyafah, tertentu air) kerana cedera syarat batu itu. (Maka jika ia tidak melampaui keduanya memada batu).

(وَيَجِبُ إِزَالَةُ الْعَيْنِ) النجسة (وَاسْتِيفَاءُ ثَلَاثِ مَسَحَاتٍ إِمَّا بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ أَوْ بِحَجْرٍ) واحد (لَهُ ثَلَاثَةُ أَحْرُفٍ، وَإِنْ أَنْقَى بِدُونِهَا) أي الأحجار. (فَإِنْ لَمْ تُنْقِ الثَّلَاثَةَ وَجَبَ الْإِنْقَاءُ، وَنُدِبَ إِيْتَارُ) إذا نقى المحل بشفع.

155. (Wajib menghilangkan ain) najis (dan mencukupkan tiga sapuan samaada dengan tiga ketul batu atau dengan batu) yang satu (yang baginya tiga sisi sekalipun dia membersihkan dengan kurang daripadanya), iaitu batu-batu itu. (Maka jika tiga itu tidak membersihkan wajib membersihkan, dan sunat membuat ganjil) bila tempat itu telah bersih dengan genap.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَبْدَأَ بِالْأَوَّلِ مِنْ مُقَدَّمِ الصَّفْحَةِ الْيُمْنَى وَيَمِرُّهُ) قليلا قليلا إلى أن يصل (إِلَى مَوْضِعِ ابْتِدَائِهِ، ثُمَّ يَعْكَسُ بِ-) الحجر (الثاني، ثم) يمر (الثالث على الصَّفْحَتَيْنِ وَالْمَسْرَبَةِ). هي بفتح الميم وضم الراء مجرى الغائط. والواجب أن يعم المحل بكل مسحة.

156. (Sunat bahawa dia mula dengan yang batu pertama dari depan papan punggung yang kanan dan melalukannya) sedikit sedikit kepada bahawa ia sampai (kepada tempat mulanya, kemudian dia meng'akaskan dengan) batu (yang kedua, kemudian) dia melalukan (yang ketiga diatas dua papan punggungnya dan masrabah). "مسربة" dengan fathah mim dan dhammah ra', tempat lalu tahi. Yang wajib bahawa dia meratakan tempat itu dengan setiap sapuan.

(وَيَجِبُ وَضْعُهُ) أي الحجر (أَوَّلًا بِمَوْضِعِ طَاهِرٍ ثُمَّ يَمِرُّهُ) أي الحجر، ولا يضعه على نفس النجاسة.

157. (Wajib meletakkannya), iaitu batu itu, (mula-mula pada tempat yang suci kemudian melalukannya), iaitu batu itu, dan tidak dia meletakkannya diatas diri najis.

(وَيُكْرَهُ الْأَسْتِنْجَاءُ بِيَمِينِهِ). قد نهى عنه في الحديث. فإن احتاج إلى الاستعانة بيمينه (فَلْيَأْخُذِ الْحَجْرَ بِيَمِينِهِ وَالذِّكْرَ بِشِمَالِهِ وَيُحَرِّكُهَا) أي شماله ليكون مستنجيا بها.

158. (Makruh istinja dengan kanannya). Sungguh ditegah darinya didalam hadith. Maka jika dia perlu kepada membuat bantuan dengan kanannya (maka hendaklah dia memegang batu itu dengan kanannya dan zakar dengan kirinya dan dia menggerakkannya), iaitu kirinya, supaya jadilah dia orang yang beristinja dengannya.

(وَالْأَفْضَلُ تَقْدِيمُ الْأَسْتِنْجَاءِ عَلَى الْوُضُوءِ) ليأمن انتقاض طهره. (فَإِنْ أَخْرَهُ عَنْهُ صَحَّ) لأنه لا يشترط في الوضوء إزالة النجاسة، (أَوْ عَنِ التَّيْمُمِ فَلَا) يصح لأنه يستباح به الصلاة ولا استباحة مع النجاسة.

159. (Yang terafdhal adalah mendulukan istinja diatas wudhuk) supaya dia aman dari terbatal sucinya. (Maka jika dia mengkemudikannya

darinya sah ia) kerana tidak disyaratkan pada wudhuk akan menghilangkan najis, (**atau dari tayammum maka tidak**) sah ia kerana diharuskan shalat dengannya dan tidak ada pengharusan beserta dengan najis.

(بَابُ الْغُسْلِ)

أي في بيان ما يوجبه وفي كيفيته. (يَجِبُ عَلَى الرَّجُلِ مِنْ خُرُوجِ الْمَنِيِّ)، أي مني نفسه وإن قل ولو بغير شهوة وكان على لون الدم، (وَمِنْ إِيْلَاجِ) أي إدخال (الْحَشْفَةِ) وهي رأس الذكر (فِي أَيِّ فَرْجٍ كَانَ، قُبْلًا أَوْ دُبْرًا، ذَكَرًا أَوْ أُنْثَى) صاحب الفرج المولج فيه، (وَلَوْ بِبَهِيمَةٍ). ولا شيء على البهيمة. (أَوْ صَغِيرًا فِي صَغِيرَةٍ) فيجنبان معا.

160. @BAB MANDI, iaitu pada keterangan apa yang mewajibkannya dan pada kaifatnya. (**Wajib ia diatas lelaki kerana keluar mani**), iaitu mani dirinya sendiri, sekalipun sedikit, walaupun tanpa syahwat dan adalah ia diatas warna darah, (**dan kerana ilaj**) iaitu memasukkan (**hasyafah**) yang ianya adalah kepala zakar (**kedalam mana-mana faraj, kubul atau dubur, lelaki atau perempuan**) pemilik faraj yang dimasukkan kedalamnya itu, (**walaupun bahimah**). Dan tidak ada suatu diatas bahimah itu. (**atau budak lelaki pada budak perempuan**) maka kedua mereka berjunub bersama-sama.

(وَيَجِبُ) الغسل (عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ خُرُوجِ مَنِيَّهَا)، أي نزوله إلى موضع يجب غسله. (وَمِنْ أَيِّ ذَكَرٍ) ولو ذكر بهيمة (دَخَلَ فِي قُبْلِهَا أَوْ دُبْرِهَا) ولو حشفتها فقط، (وَلَوْ أَشَلَّ أَوْ مِنْ صَبِيٍّ أَوْ) من (بَهِيمَةٍ)، فتجنب بذلك. فكل من خروج المنى ومن إيلاج الحشفة يعم الرجل والمرأة. ثم أشار إلى ما تختص به المرأة بقوله:

161. (**dan wajib**) mandi (**keatas perempuan kerana keluar maninya**) iaitu turunnya kepada tempat yang wajib dibasuh, (**dan kerana mana-mana zakar**) walaupun zakar bahimah, (**yang masuk kedalam kubulnya atau duburnya**), walaupun hasyafahnya sahaja, (**walaupun yang lasar atau dari kanak-kanak lelaki atau**) dari (**bahimah**), maka dia berjunub dengan demikian itu. Maka setiap daripada keluar mani dan daripada ilaj hasyafah itu meratai lelaki dan perempuan. Kemudian dia mengisyarat kepada apa yang khusus perempuan dengannya dengan katanya:

(وَمِنْ الْحَيْضِ وَالنَّفَاسِ وَخُرُوجِ الْوَدِدِ جَافًا) بلا بلل في الأصح. وأما مع البلل فيجب الغسل قطعاً. (وَإِنَّمَا يَتَعَلَّقُ) الغسل ويجب فيما مر (بِتَغْيِيبِ جَمِيعِ الْحَشْفَةِ)، لا بالذكر جميعه. فلو قدم ذلك عند قوله ومن أي ذكر لكان أولى.

162. (**dan kerana haid dan nifas dan keluar anak dalam keadaan kering**) tanpa basah, pada yang paling sah. Adapun serta basah maka wajib mandi dengan jazam. (**Hanyasanya bergantung**) mandi dan wajib ia pada apa yang telah lalu itu (**dengan dighaibkan semua hasyafah**), bukan dengan zakar

semuanya. Maka kalau didulukan demikian itu disisi katanya "dan dari mana-mana zakar" nescaya adalah ia terutama.

(وَلَوْ رَأَى مَنِيًّا فِي تَوْبٍ أَوْ فِرَاشٍ يَدَامُ فِيهِ مَعَ مَنْ)، أي شخص، (يُمْكِنُ كَوْنُهُ) أي ذلك المنى المرئي (مِنْهُ) أي الشخص كما مرته مثلا، (نُدِبَ لَهُمَا)، هو ومن ينام معه، (الغُسْلُ وَلَا يَجِبُ) على واحد منهما. (وَلَا يَقْتَدِي أَحَدُهُمَا بِالْآخَرِ) لا اعتقاد كل بطلان صلاة الآخر. (فَإِنْ لَمْ يَنْمُ فِيهِ غَيْرُهُ لَزِمَهُ الْغُسْلُ) لأنه تعين أن هذا المنى منه.

163. (Kalau seorang melihat mani pada kain atau hamparan yang dia tidur padanya beserta dengan orang), iaitu seorang lain, (yang boleh keadaannya), iaitu mani yang dilihat itu, (darinya), iaitu dari orang itu seperti isterinya sebagai contoh, (sunat bagi kedua mereka), dia dan orang yang tidur bersamanya itu, (oleh mandi, dan tidak wajib) ia keatas seorang daripada mereka. (Tidak boleh seorang daripada mereka mengikut shalat akan yang seorang lagi itu) kerana iktikad tiap seorang daripada mereka tidak sah shalat yang seorang lagi. (Maka jika tidak tidur padanya orang lain dia melazimi dia mandi) kerana tertentu bahawa mani ini dari dirinya.

(وَيَجِبُ إِعَادَةُ كُلِّ صَلَاةٍ لَا يُحْتَمَلُ حُدُوثُ الْمَنِيِّ بَعْدَهَا)، كأن رأى آخر النهار منيا في توبه ولم ينم نهارا فصلاة هذا النهار لا يحتمل حدوث المنى بعدها. وأما ما قبل هذا النهار من الأيام التي حدثت بعد لبس الثوب فمحتملة. فيجب إعادة صلاة هذا النهار بعد الغسل. (لَكِنْ يُدْبِ إِعَادَةُ مَا أَمْكَنَ كَوْنُهَا بَعْدَهُ) كهذه الأيام.

164. (Dan wajib ulang semua shalat yang tidak diihtimalkan datang mani itu selepasnya), seperti bahawa dia lihat pada akhir siang akan mani pada kainnya dan dia tidak tidur pada siang ini maka shalat siang ini tidak ditanggungkan datang mani itu selepasnya. Adapun shalat yang sebelum siang ini daripada hari-hari yang berlalu selepas dipakai kain itu maka ia diihtimalkan. Maka wajib ulang shalat siang ini selepas dia mandi. (akan tetapi sunat ulang apa yang mungkin keadaannya selepasnya) seperti hari-hari ini.

(وَلَوْ جُومِعَتْ فِي قَبْلِهَا فَأَغْتَسَلَتْ ثُمَّ خَرَجَ مَنِيُّهَا مِنْهَا لَزِمَهَا غُسْلٌ آخَرٌ) غير غسل الجماع، لكن (بشْرَطَيْنِ. أَحَدُهُمَا أَنْ تَكُونَ دَاتَ شَهْوَةٍ لَا صَغِيرَةٍ، الثَّانِي أَنْ تَكُونَ قَضَتْ شَهْوَتَهَا لَا نَائِمَةً وَمُكْرَهَةً). فهذه إذا خرج منها المنى بعد الغسل يجب إعادته لا اختلاط منيها بمنى المجمع. فإذا خرج منها منى يجب الغسل لخروج بعض منيها لا لخروج منيه.

165. (Kalau seorang perempuan dijimak pada kubulnya maka dia mandi, kemudian keluar mani orang yang menjimaknya dari kubulnya, lazim dia mandi yang lain) selain mandi jimak itu, akan tetapi (dengan dua syarat. Satu daripadanya bahawa adalah dia perempuan yang mempunyai syahwat, bukan budak kecil. Keduanya bahawa adalah dia

telah menunaikan syahwatnya, bukan orang yang tidur atau dipaksa). Maka perempuan ini apabila keluar mani dari kubulnya selepas mandi wajib mengulanginya kerana bergaul maninya dengan mani lelaki yang menjimaknya. Maka apabila keluar mani dari diri kubulnya wajib mandi kerana keluar sebahagian mani dirinya, bukan kerana keluar mani orang yang menjimaknya.

(وَيُعْرَفُ الْمَنِيُّ بِتَدْفُقٍ أَوْ تَلَدُّدٍ أَوْ رِيحٍ طَلَعٍ أَوْ عَجِينٍ إِذَا كَانَ رَطْبًا أَوْ بَيَاضٍ بَيَضٍ إِذَا كَانَ جَافًا. فَمَتَى وَجَدَ وَاحِدًا مِنْهَا) أي المذكورات (كَانَ مَنِيًّا مُوجِبًا لِلْغُسْلِ وَمَتَى فَقَدَتْ كُلُّهَا لَمْ يَكُنْ مَنِيًّا)، بل يكون نجسا يغسل منه الثوب وما يصاب من البدن.

166. (Diketahui mani itu dengan memancut-mancut atau rasa lazat atau bau mayang atau tepung diuli bila ianya basah atau putih telur bila ianya kering. Maka bila didapati satu daripadanya), iaitu segala yang disebutkan itu, (adalah ia mani yang mewajibkan mandi, dan bila luput semuanya bukanlah ia mani), bahkan adalah ia najis, dibasuh kain darinya dan tubuh yang dikenainya.

(وَلَا يُشْتَرَطُ الْبَيَاضُ وَالتَّخَانَةُ فِي مَنِيِّ الرَّجُلِ، وَلَا الصُّفْرَةُ وَالرَّقَّةُ فِي مَنِيِّ الْمَرْأَةِ). فالمدار على العلامات التي ذكرت.

167. (Tidak disyaratkan putih dan pekat pada mani lelaki, dan tidak kuning dan cair pada mani perempuan). Maka putarannya adalah diatas tanda-tanda yang disebutkan tadi.

(وَلَا غُسْلٌ فِي مَنِيِّ. وَهُوَ مَاءٌ أَبْيَضٌ رَقِيْقٌ لَزِيْجٌ)، أي يعلق باليد، (يَخْرُجُ بِلَا شَهْوَةٍ عِنْدَ الْمَلَأَعْبَةِ، وَلَا فِي وَدِيِّ وَهُوَ مَاءٌ أَبْيَضٌ كَدِيْرٌ تُخِيْنٌ يَخْرُجُ عَقَبَ الْبَوْلِ) حيث استمسكت الطبيعة.

168. (Tidak ada mandi pada mazi, iaitu air yang putih yang nipis yang melekit), iaitu melekat pada tangan. (yang keluar tanpa syahwat disisi bermain-main, dan tidak pada wadi, iaitu air yang putih yang keruh yang pekat yang keluar mengiringi kencing) sekira-kira tidak lancar keadaan tubuh.

(فَإِنْ شَكَّ هَلِ الْخَارِجُ هُوَ مَنِيٌّ أَوْ مَذِيٌّ) حيث لم توجد فيه صفة من الصفات السابقة (تَخِيْرٌ، إِنْ شَاءَ جَعَلَهُ مَنِيًّا وَاعْتَسَلَ فَقَطْ) بذية الجنابة ولا يجب عليه غسل ما أصابه، (وَإِنْ شَاءَ جَعَلَهُ مَذِيًّا وَغَسَلَ مَا أَصَابَ بَدَنَهُ وَتَوْبَهُ مِنْهُ وَتَوَضَّأَ) وجوبا للصلاة، (وَلَا يَغْتَسِلُ)، أي لا يجب عليه الغسل. (وَالْأَفْضَلُ أَنْ يَفْعَلَ جَمِيْعَ ذَلِكَ) الوضوء والغسل وغسل ما أصابه.

169. (Maka jika dia syak adakah yang keluar itu mani atau mazi) sekira-kira tidak didapati padanya satu sifat daripada sifat-sifat yang lalu itu (dia memilih, jika dia hendak dia menjadikannya mani dan dia mandi sahaja) dengan niat janabah, dan tidak wajib dia membasuh apa yang dikenainya, (dan jika dia hendak dia menjadikannya mazi dan dia basuh

apa yang ia kenai tubuhnya dan kainnya dan dia berwudhuk) diatas jalan wajib untuk shalat, **(dan dia tidak mandi)**, iaitu tidak wajib dia mandi. **(Yang terafdhal bahawa dia melakukan semua demikian itu)**, wudhuk dan mandi dan basuh apa yang mengenainya.

وَيَحْرُمُ بِالْجَنَابَةِ مَا حَرَّمَ بِالْحَدَثِ) أي الأصغر من الصلاة والطواف ومس المصحف وحمله. (وَكَذَا) يحرم زيادة على ذلك (اللَّبْتُ فِي الْمَسْجِدِ) أي المكت فيه، (وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ وَلَوْ) كانت (بَعْضَ آيَةٍ) ولو حرفاً.

170. **(Haram dengan janabah apa yang haram dengan hadath)**, iaitu yang kecil daripada shalat dan tawaf dan sentuh mushaf dan menanggungnya. **(Begitu juga)** haram lebih diatas demikian itu **(oleh diam didalam masjid)**, iaitu tetap didalamnya, **(dan baca Quran walaupun)** ianya **(sebahagian ayat)** walaupun satu huruf.

(وَيُبَاحُ أَنْكَارُهُ)، وكذا غيرها من الأحكام والقصاص (لَا بِقَصْدِ الْقُرْآنِ)، بل بقصد ذكر أو غيره. وكذا يجوز للجنب النظر في المصحف وإجراء القرآن في سره والهمس به من غير أن يسمع نفسه. ولا يمنع الصبي الجنب والكافر من قراءته. (فَإِنْ قَصَدَ الْقُرْآنَ عَصَى، أَوْ الذَّكْرَ أَوْ لَا شَيْءَ) بأن أطلق (جَازَ).

171. **(Diharuskan zikir-zikirnya)**, begitu juga selainnya daripada hukum-hukum dan kisah-kisahanya, **(tidak dengan kasad Quran)**, bahkan dengan kasad zikir atau selainnya. Begitu juga harus bagi orang berjunub memandang pada mushaf dan memperlalukan Quran didalam hatinya dan membisikkannya tanpa bahawa dia mendengarkan kepada dirinya. Dan tidak dihalang kanak-kanak yang berjunub dan kafir dari membacanya. **(Maka jika dia kasadkan Quran dia maksiat, atau zikir atau tidak suatu)** dengan bahawa dia mengitlak **(harus ia)**.

(وَلَهُ الْمُرُورُ فِي الْمَسْجِدِ) من غير تردد ومكث. (وَيُكْرَهُ) المرور للجنب (لِغَيْرِ حَاجَةٍ).

172. **(Boleh dia lalu didalam masjid)** dengan tidak berulang alik dan diam. **(Dan makruh)** lalu bagi orang berjunub **(tanpa hajat)**.

(فُصِّلَ) في كيفية الغسل. (يَبْدَأُ الْمُغْتَسِلُ بِالتَّسْمِيَةِ) مقرونة بنية سنن الغسل (ثُمَّ بِإِزَالَةِ قَدْرِ) طاهر كمني أو نجس كمذي. (ثُمَّ وَضُوءٌ كَوُضُوءِ الصَّلَاةِ)، وإن تجردت جنابته عن الحدث الأصغر كان نام ممكناً فأجنب. وينوي بهذا الوضوء سنة الغسل إن تجردت الجنابة عن الحدث الأصغر. وإلا نوى رفع الحدث.

173. **(Fasal)** pada kafiati mandi. **(Seorang yang mandi mula dengan tasmiah)** yang disertakan dengan niat sunat mandi, **(kemudian dengan menghilangkan cemar-cemar)** yang suci seperti mani atau yang najis seperti mazi, **(kemudian wudhuk yang seperti wudhuk shalat)**, sekalipun sunyi janabahnya dari hadath kecil, seperti bahawa dia tidur didalam kedudukannya tetap

lalu dia berjunub. Dia berniat dengan wudhuk ini akan sunat mandi jika janabahnya sunyi dari hadath kecil. Jika tidak, dia niat mengangkat hadathnya.

(ثُمَّ يُفِيضُ الْمَاءَ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثًا نَاقِبًا رَفَعِ الْجَنَابَةَ) إن كان جنباً، (أَوْ الْحَيْضِ) إن كانت حائضاً، وكذلك النفساء، (أَوْ اسْتِبَاحَةَ الصَّلَاةِ). وهذه تصلح للجميع. ومثلها فرض الغسل أو أدأؤه.

174. (Kemudian dia menuangkan air keatas kepalanya tiga kali seraya berniat mengangkat janabah) jika dia berjunub, (atau haid) jika dia berhaid, seperti demikian itu yang bernifas, (atau mengharuskan shalat). Ini sesuai bagi kesemuanya. Seumpamanya adalah fardhu mandi atau menunaikannya.

(وَيُخَذَلُ شَعْرَهُ) ندبا، (ثُمَّ) يفيض الماء (عَلَى شِقِّهِ الْأَيْمَنِ ثَلَاثًا ثُمَّ الْأَيْسَرِ ثَلَاثًا). وهذا الترتيب أقرب لو صول الماء وأبعد عن الإسراف. (وَيَتَعَهَّدُ مَعَاظِفَهُ) أي الملتوي من جسده كالإبط، (وَيُدْلِكُ جَسَدَهُ) بأن يمر يده على جسده بقدر ما تصل.

175. (Dan dia menyelati rambutnya) diatas jalan sunat, (kemudian) menuangkan air (keatas belah tubuhnya yang kanan tiga kali kemudian yang kiri tiga kali). Aturan ini lebih memudahkan sampai air dan mengelakkan dari berlebih-lebih. (dan dia merawat tempat-tempat lengkung tubuhnya), iaitu yang membengkok daripada tubuhnya seperti ketiak. (dan dia menggosok tubuhnya) dengan bahawa dia melakukan tangannya diatas tubuhnya sekadar apa yang ia boleh sampai.

(وَ) ندب (فِي الْحَيْضِ) أَنْ (تُتَبَعَ أَثَرُ الدَّمِ فُرْصَةً مَسْكٍ)، أي قطعة منه، بأن تجعلها على قطنه و تدخلها بعد الغسل فرجها. (فَإِنْ لَمْ تَجِدْهُ) أي المسك (فَطِيبًا غَيْرَهُ، فَإِنْ لَمْ تَجِدْهُ فَطِينًا، فَإِنْ لَمْ تَجِدْهُ كَفَى الْمَاءُ). والمحرمة والمحدة لا تستعمل الطيب.

176. (Dan) sunat (pada yang berhaid) bahawa dia (memperikutkan kesan darah dengan sedikit kasturi), iaitu sedikit daripadanya, dengan bahawa dia meletakkannya diatas kapas dan memasukkannya selepas mandi kedalam farajnya. (Maka jika dia tidak mendapatnya), iaitu kasturi, (maka wangian selainnya, maka jika dia tidak mendapatnya maka tanah, maka jika dia tidak mendapatnya cukup air). Perempuan berhram dan berkabung tidak boleh menggunakan wangian.

(وَالْوَاجِبُ مِنْهُ) أي مما ذكر (شَدَيْنَانِ: النِّيَّةُ عِنْدَ أَوَّلِ عَسَلٍ مَفْرُوضٍ). فلو غسل شيء من غير نية أعاده. (وَتَعْمِيمُ شَعْرِهِ وَبَشَرِهِ بِالْمَاءِ حَتَّى مَا تَحْتِ قُلْفَةِ غَيْرِ الْمُخْتُونِ وَمَا يَظْهَرُ مِنْ فَرْجِ الثَّيْبِ إِذَا قَعَدَتْ لِحَاجَتِهَا).

177. (Yang wajib daripadanya), iaitu daripada apa yang disebutkan itu, (dua perkara: niat pada awal basuhan fardhu). Maka kalau dia basuh suatu

tanpa niat dia mengulanginya. (dan meratakan rambut dan kulitnya dengan air hingga apa yang dibawah kulup yang tidak dikhitankan dan apa yang zahir daripada faraj wanita yang janda bila dia duduk untuk hajatnya.

(وَلَوْ) شرع في الغسل ثم (أَحَدَثَ فِي أَثْنَائِهِ) حدثاً أصغر (تَمَّمَهُ) وَلَوْ تَلَبَّدَ شَعْرُهُ وَجِبَ نَقْضُهُ إِنْ لَمْ يَصِلِ الْمَاءُ إِلَى بَاطِنِهِ) إلا بالنقض. فإن وصل بلا نقض فلا وجوب.

178. (Kalau) dia telah masuk pada mandi kemudian (dia berhadath ditengah-tengahnya) dengan hadath kecil (dia menyempurnakannya. Kalau rambutnya berpintal wajib merungkainya jika tidak sampai air kepada batinnya) melainkan dengan diungkai. Maka jika ia sampai tanpa ungkai maka tidak wajib.

(وَمَنْ عَلَيْهِ نَجَاسَةٌ) وجب عليه أن (يَغْسِلَهَا) إن لم تنزل أو صافها بغسلة (ثُمَّ يَغْتَسِلُ) وَيَكْفِي لهُمَا غَسْلَةٌ فِي الْأَصْحَحِّ) بأن كانت حكمية أو زالت أو صافها بغسلة.

179. (Orang yang diatas dirinya ada najis) wajib dia (membasuhnya) jika tidak hilang sifat-sifatnya dengan satu basuhan, (kemudian dia mandi. Memada untuk keduanya satu basuhan pada yang paling sah), dengan bahawa adalah ia najis hukmi atau hilang sifat-sifatnya dengan satu basuhan.

(وَلَوْ كَانَ عَلَيْهَا غُسْلٌ جَنَابَةٌ وَغُسْلٌ حَيْضٌ فَأَغْتَسَلَتْ لِأَحَدِهِمَا كَفَى عَنْهُمَا)، وإن لم ينو رفع الآخر. (وَمَنْ اغْتَسَلَ مَرَّةً وَاحِدَةً بِنِيَّةِ جَنَابَةٍ وَجُمُعَةٍ حَصَلًا، أَوْ نِيَّةِ أَحَدِهِمَا حَصَلًا) المنوي، ولا يندرج الذفل في الفرض لأنه مقصود، (دُونَ الْآخَرِ) الذي لم ينو.

180. (Kalau ada diatas seorang perempuan mandi janabah dan mandi haid maka dia mandi untuk satu daripada keduanya memada ia dari kedua-duanya) sekalipun dia tidak niat mengangkat yang satu lagi. (Orang yang mandi sekali dengan niat janabah dan jumaat terhasil kedua-duanya, atau dengan niat satu daripada keduanya terhasil) yang diniatkan, dan tidak termasuk sunat pada fardhu kerana ia suatu yang dimaksudkan, (tidak yang satu lagi).

(فَصَلِّ) في بيان جملة من الأغسال المسنونة. (يُسَنُّ غُسْلُ الْجُمُعَةِ) لمن يريد حضورها. ويدخل وقته من الفجر. (وَ) غسل (الْعِيدَيْنِ) الفطر والأضحى. ويدخل وقته بنصف الليل. (وَ) غسل (الْكُسُوفَيْنِ وَالْإِسْتِسْقَاءِ) أي طلب إنزال المطر. (وَمِنْ غُسْلِ الْمَيْتِ). فمن غسله ندب له الغسل.

181. (Fasal) pada menerangkan sejumlah daripada mandi-mandi sunat. (Sunat mandi jumaat) bagi orang yang hendak menghadhirinya. Masuk waktunya dari fajar. (dan) mandi (dua raya) fitri dan adha. Masuk waktunya dengan setengah malam. (dan) mandi (dua gerhana dan istisqa'), iaitu meminta diturunkan

hujan. (dan mandi kerana memandikan mayat), maka barang siapa memandikannya disunatkan dia mandi.

(وَالْمَجْنُونُ وَالْمُعْمَى عَلَيْهِ إِذَا أَفَاقَا، وَ) لِإِرَادَةِ (لِلْأَحْرَامِ وَلِدُخُولِ مَكَّةَ الْمُشْرَفَةِ وَالْوُقُوفِ بِعَرَفَةَ وَاللِّطَّوْفِ وَالسَّعْيِ) التابع للطواف. فليس له غسل مستقل. (وَلِدُخُولِ مَدِينَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَبِالْمَشْعَرِ الْحَرَامِ) أي الوقوف به. (وَ) ندب أغسال (ثَلَاثَةَ لِرَمِي الْجِمَارِ أَيَّامَ التَّشْرِيقِ).

182. (dan mandi orang gila dan orang yang pitam bila keduanya siuman, dan) kerana hendak (ihram dan kerana masuk Makkah al musyarrafah dan kerana wukuf di Arafah dan kerana tawaf dan sai'e) yang mengikut tawaf, maka tidak ada baginya mandi yang tersendiri. (dan kerana masuk Madinah rasulullah sawm dan di Masyaril Haram) iaitu wukuf padanya. (dan) disunatkan mandi-mandi (yang tiga, kerana lontar jamrah-jamrah pada hari-hari tasyrik).

(بَابُ التَّيْمَمِ)

هو لغة القصد، وشرعاً إيصال التراب الطهور للوجه واليدين بشروط مخصوصة. (وَشُرُوطُ التَّيْمَمِ ثَلَاثَةٌ. أَحَدُهَا أَنْ يَقَعَ بَعْدَ دُخُولِ الْوَقْتِ إِنْ كَانَ لِفَرَضٍ أَوْ لِنَفْلِ مُؤَقَّتٍ) كالضحى. وأما النفل المطلق فليس له وقت فيجوز له التيمم عند إرادة فعله. (بَلْ يَجِبُ أَخْذُ التُّرَابِ) أي نقله (فِي الْوَقْتِ). فكما يشترط للتيمم الوقت كذلك يشترط لنقل التراب.

183. @BAB TAYAMMUM. Ia pada lughah adalah kasad, dan pada syara' menyampaikan tanah kepada muka dan dua tangan dengan syarat-syarat yang khusus. (Syarat-syarat tayammum itu tiga. Satu daripadanya bahawa ia jatuh selepas masuk waktu shalat jika ia untuk fardhu atau untuk sunat yang berwaktu) seperti dhuha. Adapun sunat mutlak maka ia tidak mempunyai waktu maka harus dia tayammum disisi hendak melakukannya. (bahkan wajib ambil tanah), iaitu memindahkannya, (didalam waktu itu). maka sepertimana disyaratkan bagi tayammum akan waktu begitu juga disyaratkan ia bagi memindahkan tanah.

(فَلَوْ تَيَّمَّ شَاكًا فِي الْوَقْتِ لَمْ يَصِحَّ وَإِنْ صَادَقَهُ) لفقد الشرط الذي هو دخول الوقت ظناً أو يقيناً.

184. (Maka kalau dia tayammum dalam keadaan syak pada waktunya tidak sah ia sekalipun dia berbetulan dengannya) kerana luput syarat yang ianya adalah masuk waktunya, diatas jalan zhan atau yakin.

(وَلَوْ تَيَّمَّ لِفَائِتَةِ ضَحْوَةٍ فَلَمْ يُصَلِّهَا حَتَّى حَضَرَتِ الظُّهْرُ فَلَهُ أَنْ يُصَلِّيَهَا بِهِ أَوْ فَائِتَةٍ أُخْرَى). فالشرط دخول الوقت بالنسبة للصلاة المرادة. فإذا لم تفعل فقد صح التيمم وله صلاة أخرى مكانها.

185. (Kalau dia bertayammum untuk satu shalat yang luput pada waktu dhuha maka dia tidak menyembahkannya hingga hadhir waktu zohor, maka boleh dia menyembahkannya dengan tayammum itu atau shalat luput yang lain). Maka syaratnya adalah masuk waktunya dengan nisbah bagi shalat yang dikehendakki, maka apabila dia tidak melakukan maka sah tayammum itu dan boleh dia melakukan shalat yang lain pada tempatnya.

(الثَّانِي) من شروط التيمم (أَنْ يَكُونَ بِتُرَابٍ طَاهِرٍ خَالِصٍ). خرج النجس كتراب المقبرة المنبوثة. (مُطْلَقٍ)، أي طهور، (لَهُ عُبَارٌ وَلَوْ بِغُبَارِ رَمَلٍ)، أي ولو كان التيمم بغبار رمل لصح. (لَا رَمَلٌ مُتَمَحِّضٌ وَلَا بِتُرَابٍ مُدْتَلِطٍ بِدَقِيقٍ وَنَحْوِهِ) لأنه ليس بخالص، (وَلَا بِجَصٍّ) أي جنبس (وَسَحَاقَةٍ خَرْفٍ وَ) لَا مُسْتَعْمَلٍ، وَهُوَ مَا عَلَى الْعَضْوِ أَوْ مَا تَنَاطَرَ عَنْهُ). فلا يجوز التيمم بشيء من ذلك.

186. (Yang kedua) daripada syarat-syarat tayammum itu (bahawa adalah ia dengan tanah yang suci yang murni...). Keluar oleh najis seperti tanah kubur yang dibongkar. (yang mutlak), iaitu yang menyucikan, (yang mempunyai debu walaupun dengan debu pasir...), iaitu walaupun adalah tayammum itu dengan debu pasir, nescaya ianya sah. (tidak pasir yang semata-mata dan tidak dengan tanah yang bergaul dengan tepung dan umpamanya) kerana ia tidak murni, (dan tidak dengan jhas) iaitu simen plaster, (dan serbuk tembikar, dan) tidak (tanah musta'mal iaitu apa yang ada diatas anggota atau apa yang berjatuhan darinya). Maka tidak harus tayammum dengan suatu daripada demikian itu.

(الثَّلَاثُ الْعَجْزُ عَنِ اسْتِعْمَالِ الْمَاءِ فِيهِ. فَيَتَيَمَّمُ الْعَاجِزُ عَنِ اسْتِعْمَالِهِ). والعجز إما حسي أو شرعي. (وَيَكُونُ عَنِ الْأَحْدَاثِ كُلِّهَا)، الأصغر والأوسط والأكبر.

187. (Yang ketiganya lemah dari menggunakan air padanya. Maka dia bertayammum ganti dari penggunaannya). Lemah itu samaada hissi atau syari'e. (dan adalah ia dari hadath-hadath semuanya), yang kecil dan yang sederhana dan yang besar.

(وَيَسْتَبِيحُ بِهِ الْجُنْبُ وَالْحَائِضُ مَا يَسْتَبِيحَانِ بِالْغُسْلِ) كالصلاة وقراءة القرآن، مما يباح بالغسل. (فَإِنْ أَحْدَثَا) أي الأحائض والجنب (بَعْدَهُ) أي التيمم (حَرَمَ عَلَيْهِمَا مَا يَحْرُمُ بِالْحَدَثِ) أي الأصغر كالصلاة والطواف، ولا يحرم عليهما ما يحرم بالجنابة والحيض كقراءة القرآن والمكث في المسجد.

188. (Mengharuskan dengannya oleh seorang yang berjunub dan berhaid akan apa yang mereka haruskan dengan mandi) seperti shalat dan baca Quran daripada apa yang diharuskan dengan mandi. (Maka jika berhadath), iaitu orang yang berhaid dan berjunub itu, (selepasnya), iaitu tayammum, (haram diatas kedua mereka apa yang haram dengan sebab hadath) iaitu yang kecil, seperti shalat dan tawaf, dan tidak haram diatas kedua

mereka apa yang haram dengan janabah dan haid seperti baca Quran dan diam didalam masjid.

(وَاللَّعْزُزُ أَسْبَابٌ أَحَدُهَا فَقَدْ أَلْمَاءُ. فَإِنْ تَيَقَّنَ عَدَمَهُ تَيَمَّمَ بِلَا طَلَبٍ)، إذ لا فائدة في الطلب مع تيقن العدم. (وَإِنْ تَوَهَّمُوا وَجُودَهُ وَجَبَ طَلَبُهُ) بعد دخول وقت الصلاة (مِنْ رَحْلِهِ) أي مسكنه (وَرُفْقَتِهِ حَتَّى يَسْتَوْعِبَهُمْ أَوْ لَا يَبْقَى مِنَ الْوَقْتِ إِلَّا مَا يَسَعُ الصَّلَاةَ). فإذا خاف خروج بعض الصلاة تيمم وصلى.

189. (Bagi lemah itu beberapa sebab. Satu daripadanya luput air. Maka jika dia yakin ketiadaannya dia bertayammum tanpa mencari) kerana tidak ada faedah pada mencari serta yakinkan ketiadaannya. (dan jika dia merasakan adanya wajib mencarinya) selepas masuk waktu shalat (pada barang-barangnya), iaitu tempat tinggalnya, (dan rakan-rakannya hingga dia meratai mereka atau tidak kekal daripada waktu melainkan apa yang memuatkan shalat). Maka apabila dia bimbang keluar sebahagian shalat dia bertayammum dan shalat.

(وَلَا يَجِبُ الطَّلَبُ مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ بَعَيْنِهِ، بَلْ يُنَادِي مَنْ مَعَهُ مَاءٌ وَلَوْ بِالثَّمَنِ. ثُمَّ) بعد الطلب (يُنْظَرُ حَوَالِيهِ) أي في جهاته الأربع. وحواليه جمع في صورة المثني. (إِنْ كَانَ فِي أَرْضٍ مُسْتَوِيَةٍ) بحيث يبلغ نظره حد الغوث.

190. (Tidak wajib cari dari tiap seorang, bahkan dia berseru "siapa yang ada air bersamanya walaupun dengan harga". Kemudian), selepas cari itu, (dia memandang sekelilingnya...), iaitu pada empat arahnya. "حواليه" jamak pada rupa bentuk muthanna. (jika dia berada pada bumi yang rata) sekira-kira sampai pandangannya kepada had bantuan.

(وَإِلَّا تَرَدَّدَ إِلَى حَدِّ الْغُوثِ. وَهُوَ) مِصْرُ (بِحَيْثُ لَوْ اسْتَعَاثَ بِرُفْقَتِهِ مَعَ اسْتِعَاثِهِمْ بِأَقْوَالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ لِأَعَاثُوهُ). وشرط هذا التردد (إِنْ لَمْ يَخَفْ ضَرَرَ نَفْسٍ أَوْ مَالٍ) له أو لغيره (أَوْ صَعِدَ جَبَلًا صَغِيرًا قَرِيبًا) ونظر إلى حد الغوث.

191. (Jika tidak dia kesana kemari kepada had bantuan itu. Ianya) digambarkan (sekira-kira kalau dia meminta tolong dari rakan-rakannya serta kesibukkan mereka dengan cakap-cakap dan kerja-kerja mereka nescaya mereka dapat menolongnya). Syarat kesana kemari itu (jika dia tidak takutkan sebarang mudharat nyawa atau harta), miliknya atau orang lain, (atau dia naik kebukit kecil yang dekat) dan memandang kepada had bantuan itu.

(وَيَجِبُ أَنْ يَقَعَ الطَّلَبُ بَعْدَ دُخُولِ الْوَقْتِ. فَإِنْ طَلَبَ فَلَمْ يَجِدْهُ وَتَيَمَّمَ وَمَكَثَ مَوْضِعَهُ وَأَرَادَ) أَنْ يَصْلِيَ (فَرَضًا آخَرَ، فَإِنْ لَمْ يَحْدُثْ مَا يُؤْهِمُ مَاءً) كنزول قافلة (وَكَانَ تَيَقَّنَ الْعَدَمَ بِالطَّلَبِ الْأَوَّلِ تَيَمَّمَ بِلَا طَلَبٍ) ثان لأنه مع تيقن العدم عبث. (وَإِنْ لَمْ يَتَيَقَّنْهُ أَوْ وَجَدَ مَا يُؤْهِمُهُ كَسَحَابٍ وَرَكْبٍ وَجَبَ الطَّلَبُ الْآنَ) على حسب ما مر، (إِلَّا مِنْ رَحْلِهِ) فلا يطلب منه.

192. (**Wajib** bahawa adalah cari itu jatuh selepas masuk waktu. Maka jika dia mencari maka lalu mendapatinya dan dia bertayammum dan dia diam pada tempatnya itu dan hendak) mengerjakan shalat (fardhu yang lain, maka jika tidak berlaku apa yang boleh mewahamkan ada air) seperti kafilah yang singgah (dan adalah dia yakinkan ketiadaannya dengan cari yang pertama itu dia bertayammum tanpa mencari) kali kedua kerana ia serta yakin tiadanya adalah sia-sia. (dan jika dia tidak yakinkan tiadanya atau dia mendapati apa yang mewahamkan adanya seperti awan dan rombongan kafilah wajib cari ketika itu) diatas sekira-kira apa yang telah lalu itu, (melainkan dari barang-barangnya), maka dia tidak mencari darinya.

(وَإِنْ تَيَقَّنَ وَجُودَ الْمَاءِ عَلَى مَسَافَةٍ يَتَرَدَّدُ إِلَيْهَا الْمُسَافِرُ لِلِإِحْتِطَابِ)، أَي أَخَذَ الْحَطْبَ، (وَإِلِحْتِشَاشِ) أَي رَعِيَ الْبِهَائِمَ (وَهِيَ فَوْقَ حَدِّ الْغَوْتِ) وَيَسْمَى حَدُّ الْقُرْبِ وَمَا بَعْدَهُ حَدُّ الْبَعْدِ، قَالَ الرَّافِعِيُّ حَدُّ الْقُرْبِ قَرِيبٌ مِنْ فَرَسِيخٍ. (أَوْ عَدَمِ أَنَّهُ يَصِلُهُ بِحَفْرِ قَرِيبٍ وَجَبَ قَصْدُهُ إِنْ لَمْ يَخْفَفْ ضَرَرًا) لِنَفْسٍ أَوْ عَضْوٍ أَوْ مَالٍ أَوْ انْقِطَاعٍ عَنْ رَفَقَةٍ. وَيَشْتَرِطُ الْأَمْنُ عَلَى الْوَقْتِ.

193. (**Jika** dia yakin ada air pada jarak yang berulang alik musafir untuk mencari kayu api), iaitu mendapatkan kayu api, (dan mencari rumput), iaitu umpan haiwan, (dan ianya lebih daripada had bantuan itu...). Dinamakan ia had dekat dan apa yang selepasnya adalah had jauh. Kata Rafi'e had dekat itu hampir satu farsakh. (atau dia tahu bahawa dia sampai kepadanya dengan sedikit gali wajib dia mengkasadnya jika dia tidak takutkan sebarang mudharat) keatas nyawa atau anggota atau terputus dari rakan-rakan. Disyaratkan aman diatas waktunya.

(وَإِنْ كَانَ فَوْقَ ذَلِكَ) وَهُوَ حَدُّ الْبَعْدِ (فَلَهُ التَّيَمُّمُ، وَلَكِنْ إِنْ تَيَقَّنَ أَنَّهُ لَوْ صَبَرَ إِلَى آخِرِ الْوَقْتِ لَوَجَدَهُ فَانْتَظَرَهُ أَفْضَلُ) لِتَكُونَ الصَّلَاةُ بِالْوَضُوءِ، (وَإِنْ ظَنَّ غَيْرَ ذَلِكَ فَالْأَفْضَلُ التَّيَمُّمُ أَوَّلَ الْوَقْتِ) بِلَا خِلَافٍ بَرَاءَةً لِلذِّمَّةِ.

194. (**Dan** jika ianya lebih daripada demikian itu) yang mana ia adalah had jauh (maka boleh dia tayammum, akan tetapi jika dia yakin bahawa kalau dia sabar hingga akhir waktu nescaya dia akan mendapatinya maka menunggunya terafdhal) supaya adalah shalatnya dengan wudhuk, (dan jika dia merasakan selain demikian itu maka yang terafdhal adalah tayammum pada awal waktu) tanpa khilaf demi membebaskan zimmahnya.

(وَلَوْ وَهَبَهُ إِنْسَانٌ مَاءً أَوْ أَفْرَضَهُ إِيَّاهُ أَوْ أَعَارَهُ دَلُّوا لَزِمَهُ الْقَبُولُ) لِقَلَّةِ الْمَنَةِ. (وَإِنْ وَهَبَهُ أَوْ أَفْرَضَهُ ثَمَنَهُمَا فَلَا) لِعَظَمِ الْمَنَةِ.

195. (Kalau seorang memberikan dia air atau menghutangkan dia dengan air atau meminjamkan kepadanya akan timba lazim dia menerimanya) kerana sedikit ungkitan, (dan jika dia memberi kepadanya

atau menghutangkan kepadanya akan harga keduanya maka tidak), kerana besar ungitannya

(وَإِنْ وَجَدَ الْمَاءَ أَوْ الدَّلْوَ يُبَاعَانِ بِثَمَنِ مِثْلِهِ وَهُوَ ثَمْنُهُ فِي ذَلِكَ الْمَوْضِعِ وَذَلِكَ الْوَقْتُ لَزِمَهُ شِرَاؤُهُ إِنْ وَجَدَ ثَمْنَهُ فَاصِلًا عَنِ دَيْنٍ وَدَلْوٍ مُوَجَّلًا وَمُؤْنَةً سَدَفَرِهِ ذَهَابًا وَرَجُوعًا)، لأن الدين والمؤنة ليس لهما بدل بخلاف الماء. ويقدم سترة الصلاة على شراء الماء ويتيمم.

196. (Dan jika dia mendapat air atau timba dijual dengan harga seumpama iaitu harga keduanya pada tempat itu dan waktu itu lazim dia membelinya jika dia mendapat harganya dalam keadaan lebih dari hutang walaupun yang bertempoh dan kos perjalanannya pergi dan balik) kerana hutang dan kos itu tidak ada bagi keduanya sebarang ganti bersalahan air. Didulukanutupan shalat diatas beli air dan dia bertayammum.

(فَبِأَنِ امْتَدَّعَ) مالك الماء (مِنْ بَيْعِهِ وَهُوَ مُسْتَعْنٍ عَذُّهُ لَمْ يَأْخُذْهُ عَصَبًا إِلَّا لِعَطَشٍ) لنفسه أو آدمي محترم تلزمه مؤنته.

197. (Maka jika enggan) pemilik air (dari menjualnya dan dia tidak memerlukannya tidak boleh dia mengambilnya secara rampas, melainkan kerana dahaga) untuk dirinya atau anak adam yang dihormati yang melazimi dia saragannya.

(وَلَوْ وَجَدَ بَعْضَ مَاءٍ لَا يَكْفِي طَهَارَتَهُ لَزِمَهُ اسْتِعْمَالُهُ ثُمَّ تَيَمَّمَ لِلْبَاقِي). فَإِنْ كَانَتْ الطَّهَارَةُ عَنِ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ (فَالْمُحَدِّثُ يَطْهَرُ وَجْهَهُ ثُمَّ يَدِيهِ عَلَى التَّرْتِيبِ، وَالْجُنْبُ يَبْدَأُ بِمَا شَاءَ) لأنه لا ترتيب عليه. (وَيُنْدَبُ) له (تَقْدِيمُ أَعْلَى بَدْنِهِ).

198. (Kalau dia mendapat sebahagian air yang tidak mencukupi thaharahnya lazim dia menggunakannya kemudian dia bertayammum untuk yang tinggal lagi). Maka jika thaharah itu kerana hadath kecil (maka orang yang berhadath menyucikan mukanya kemudian dua tangannya diatas tertib sementara orang yang berjunub memulakan dengan apa yang dia mahu) kerana tidak ada tertib diatasnya. (Sunat) baginya (mendulukan bahagian atas tubuhnya).

(السَّبَبُ الثَّانِي) من أسباب العجز (خَوْفُ عَطَشِ نَفْسِهِ وَرُفْقَتِهِ وَحَيَوَانٍ مُحْتَرَمٍ مَعَهُ). وغير المحترم هو الحربي والمرتد والزاني المحصن والخنزير والكلب العقور والفواسق. (وَلَوْ فِي الْمُسْتَقْبَلِ. وَيَحْرُمُ الْوُضُوءُ حِينَئِذٍ) صونا للروح أو غيرها عن التلف وهو كبيرة لأن في بذله إنقاذا من الهلاك وتركه فيه تسبب لإهلاك من علم احتياجه إليه. (فَيَتَزَوَّدُ) الماء (لِرُفْقَتِهِ وَيَتَيَمَّمُ بِإِلَّا إِعَادَةٍ) للصلاة وغيرها.

199. (Sebab kedua) daripada sebab-sebab lemah itu (takut dahaga dirinya dan rakan-rakannya dan haiwan yang dihormati yang ada

bersamanya...). Yang tidak dihormati itu adalah kafir harbi dan murtad dan pezina muhsan dan babi dan anjing gila dan haiwan perosak. **(walaupun pada masa depan. Haram wudhuk ketika itu)** kerana memelihara nyawa atau selainnya dari binasa yang mana ianya dosa besar, kerana memberikannya melepaskan dari binasa dan meninggalkannya menyebabkan binasa orang yang dia tahu perlu dia kepada air itu. **(Maka dia buat bekal)** air itu **(untuk rakan-rakannya dan dia bertayammum tanpa mengulang)** shalat dan selainnya.

(الثَّالِثُ) من أسباب العجز (مَرَضٌ يَخَافُ مَعَهُ) من استعمال الماء (تَلَفَ النَّفْسِ أَوْ عَضْوٍ أَوْ فَوَاتٍ مُنْفَعَةٍ عَضْوٍ أَوْ دُدُوْتٍ مَرَضٍ مَخُوْفٍ أَوْ زِيَادَةِ مَرَضٍ أَوْ تَأْخِيرِ الْبُرْءِ)، كما لو كان به جرح ولو استعمال الماء تأخر شفاؤه، (أَوْ شِدَّةَ أَلْمِ أَوْ شَيْنًا) أي أثرا مستكرها (فَاحِشًا) أي شديدا (فِي عَضْوٍ ظَاهِرٍ)، كما لو كان الماء يؤثر في مثل وجهه سوادا أو يبسا أو جلدة تزيد فإنه ينتقل إلى التيمم.

200. (Yang ketiga) daripada sebab-sebab lemah itu **(sakit yang dibimbangkan sertanya)** kerana menggunakan air **(akan binasa nyawa atau anggota atau luput manfaat anggota atau terjadi sakit yang ditakuti atau bertambah sakit atau lambat sembuh)**, sepertimana kalau ada padanya luka dan kalau dia menggunakan air lambat sembuhnya, **(atau kuat rasa sakit atau parut)** iaitu kesan yang tidak disukai **(yang keji)** iaitu yang teruk **(pada anggota zahirnya)**, sepertimana kalau adalah air itu berkesan pada seumpama mukanya nisbah hitam atau kering atau kulit yang jadi lebih, maka dia berpindah kepada tayammum

(وَيَعْتَمِدُ فِيهِ) أي في الخوف (مَعْرِفَتُهُ) إن كان عالما بالطب ولو بالتجربة، (أَوْ طَبِيبًا يُقْبَلُ فِيهِ خَبْرُهُ) بأن يكون عدل رواية، فلا يشترط فيه ذكورة ولا حرية.

201. (Dia berpegang padanya), iaitu pada bimbang itu, **(dengan pengetahuannya)** jika dia pandai perubatan walaupun dengan cubaan, **(atau dengan tabib yang diterima khabarnya padanya)**, dengan bahawa dia seorang adil riwayat, maka tidak disyaratkan padanya sifat lelaki dan merdeka.

(فَإِنْ خَافَ مِنْ جُرْحٍ وَلَا سَاتِرَ عَلَيْهِ غَسَلَ الصَّحِيْحَ بِأَفْصَى الْمُمْكِنِ، فَلَا يَتْرُكُ إِلَّا مَا دُوَّ غَسَلَهُ تَعَدَّى إِلَى الْجُرْحِ)، فلا يجب غسل هذا الجزء، (وَتَيَمَّمَ لِلْجُرْحِ) أي لأجله (فِي الْوَجْهِ وَالْيَدَيْنِ) كالمعتاد في التيمم. وإنما قيد بذلك ردا على الوجه الذي يوجب إمساس العضو المجروح بالتراب. (فِي وَقْتِ جَوَازِ غَسْلِ الْعَلِيلِ) مراعاة للترتيب في الوضوء. فإن كان الجرح في يده مثلا فلا يتيمم حتى يغسل وجهه ويأتي جواز غسل اليدين. وهكذا.

202. (Maka jika dia takut [binasa itu] kerana luka dan tidak ada pelapik diatasnya dia membasuh yang sihat dengan sebanyak yang mungkin, maka dia tidak meninggalkan melainkan apa yang kalau dia

membasuhnya nescaya ia melampau kepada luka itu), maka tidak wajib basuh juzuk ini, (dan dia bertayammum bagi luka itu), iaitu kerananya, (pada muka dan dua tangan) seperti yang biasa pada tayammum. Hanyasanya dikaitkan ia dengan demikian itu kerana menolak diatas wajah yang mewajibkan sapu anggota yang luka dengan tanah. (pada waktu harus basuh anggota yang sakit itu), kerana memelihara tertib pada wudhuk. Maka jika luka itu pada tangannya sebagai contoh maka dia tidak bertayammum hingga dia membasuh mukanya dan datang oleh harus basuh dua tangan itu.

فَالْجُنْبُ يَتَيَّمُّ مَتَى شَاءَ) لأنه لا ترتيب في بدنه (وَالْمُحْدِثُ) حدثاً أصغر (لَا يَنْتَقِلُ عَنْ عَضْوٍ حَتَّى يُكْمَلَ غَسْلًا وَتَيَّمًّا مُقَدِّمًا مَا شَاءَ). والأولى أن يتيمم ثم يغسل الصحيح.

203. (Maka orang berjunub bertayammum bila dia mahu) kerana tidak ada tertib pada tubuhnya, (dan orang berhadath) dengan hadath kecil (tidak berpindah dari satu anggota hingga dia menyempurnakan basuhan dan tayammum hal keadaan dia mendulukan apa yang dia mahukan). Yang terutama bahawa dia bertayammum kemudian dia membasuh yang sah.

فَإِنْ جَرَحَ عَضْوَاهُ فَتَيَّمَّانِ. وَلَا يَجُوزُ مَسْحُ الْجُرْحِ بِالْمَاءِ وَإِنْ لَمْ يَضُرَّهُ، بل يتلطف بغسل الصحيح. فإن تعذر غسل الصحيح إلا بالسيلان إلى العليل مس الصحيح بالماء ولا يغسله.

204. (Maka jika luka dua anggotanya maka dua tayammum, dan tidak harus sapu luka dengan air sekalipun ia tidak memudharatkannya), bahkan dia cermat membasuh yang sihat itu. Maka jika teruzur basuh yang sihat melainkan dengan mengalir kepada yang sakit dia menyapu yang sihat dengan air dan tidak membasuhnya.

فَإِنْ كَانَ الْجُرْحُ عَلَى عَضْوٍ) من أعضاء التيمم وهو الوجه والأيديان (وَجِبَ مَسْحُهُ بِالتُّرَابِ) بدلا عن الغسل لأنه غير مستور. (فَإِنْ احتاج لعصابة أو لُصُوقٍ أَوْ جَبِيرَةٍ وَجِبَ وَضَعُهَا عَلَى طَهْرٍ) كالخف، (وَ) وجب أن (لَا يَسْتُرَ إِلَّا مَا لَا بُدَّ مِنْهُ) للاستمسك.

205. (Maka jika adalah luka itu diatas satu anggota) daripada anggota-anggota tayammum iaitu muka dan dua tangan (wajib menyapunya dengan tanah) ganti dari basuh kerana ia tidak tertutup. (Maka jika dia perlu kepada balut atau pekat atau belat wajib meletakkannya diatas suci) seperti khuf (dan) wajib bahawa (dia tidak menutupi melainkan apa yang tidak dapat tidak daripadanya) untuk memegang.

فَإِنْ خَافَ مِنْ نَزْعِهَا ضَرَرًا وَجِبَ الْمَسْحُ عَلَيْهَا كُلِّهَا بِالْمَاءِ، ولو كان عليها دم لأنه يعفى عن ماء الطهارة، (مَعَ غَسْلِ الصَّحِيحِ وَالتَّيَّمِّ كَمَا تَقَدَّمَ). ووجوب مسحها بالماء لما أخذته من الصحيح للاستمسك. (فَإِنْ كَانَتْ)

الجراحة (فِي غَيْرِ عَضْوِ التَّيْمِمْ لَمْ يَجِبْ مَسْحُهَا بِتُرَابٍ)، بخلاف ما إذا كانت في أعضاء التيمم ولا ساتر فإنه يجب مسحها بالتراب.

206. (Maka jika dia takutkan mudharat kerana menanggalkannya wajib sapu di atasnya semuanya dengan air), walaupun ada di atasnya darah kerana ia dimaafkan dari air thaharah, (serta basuh yang sihat dan tayammum sepertimana yang telah lalu). Dan wajib menyapunya dengan air adalah kerana apa yang diambil olehnya daripada yang sihat itu untuk memegang itu. (Maka jika adalah luka itu (pada selain anggota tayammum tidak wajib menyapunya dengan tanah), bersalahan keadaan apabila ianya pada anggota tayammum dan tidak ada pelapik maka wajib menyapunya dengan tanah.

فَإِنْ أَرَادَ أَنْ يُصَلِّيَ فَرَضًا آخَرَ لَمْ يُعِدِ الْجُنُبُ غَسْلًا) لِبَقَاءِ طَهْرِهِ، (وَكَذًا الْمُدْحِثُ) حَدَثًا أَصْغَرَ لَا يُعِيدُ غَسْلًا وَلَا مَسْحًا لِأَنَّ الْفَرَضَ أَنَّهُ لَمْ يَحْدَثْ. (وَقِيلَ يَغْسِلُ مَا بَعْدَ عَلَيْهِ). فَإِذَا كَانَ الْجَرْحُ فِي يَدَيْهِ وَتَيَمَّمَ ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يُصَلِّيَ فَرَضًا آخَرَ فَالصَّحِيحُ أَنَّهُ لَا يُعِيدُ غَيْرَ التَّيَمِّمْ. وَالْقَوْلُ الثَّانِي يُعِيدُ التَّيَمِّمْ ثُمَّ يُعِيدُ مَسْحَ رَأْسِهِ وَرِجْلَيْهِ.

207. (Maka jika dia hendak sembahyang fardhu yang lain tidak mengulang orang yang berjunub akan basuhan) kerana kekal thaharahnya, (begitu juga orang yang berhadath) dengan hadath kecil, tidak dia mengulang basuh dan tidak sapu kerana diandaikan bahawa dia tidak berhadath. (Dikatakan dia membasuh apa yang selepas anggotanya yang sakit). Maka bila adalah luka itu pada dua tangannya dan dia bertayammum kemudian dia hendak sembahyang fardhu yang lain maka yang sahah bahawa dia tidak mengulang selain tayammum. Pendapat kedua dia mengulang tayammum kemudian dia mengulang sapu kepala dan dua kakinya.

(وَإِنْ وَضَعَ) السَّاتِرَ (بِلَا طَهْرٍ) وَخَالَفَ الْوَاجِبَ (وَجِبَ النَّزْعُ. فَإِنْ خَافَ) مَنْ نَزَعَهُ مَحْذُورَ تَيَمِّمْ (فَعَلَّ مَا تَقَدَّمَ) مِنْ غَسْلِ الصَّحِيحِ الْخِ، (وَهُوَ أَثْمٌ وَيُعِيدُ الصَّلَاةَ. وَلَا يُعِيدَانِ إِنْ وَضَعَ عَلَى طَهْرٍ وَلَمْ يَكُنْ فِي أَعْضَاءِ التَّيَمِّمْ). فَمَتَى كَانَتْ الْجَبِيرَةُ فِي أَعْضَاءِ التَّيَمِّمْ أَعَادَ سِوَاءَ وَضَعِهَا عَلَى طَهْرٍ أَمْ لَا، وَمَتَى وَضَعَهَا عَلَى غَيْرِ طَهْرٍ أَثْمَ وَأَعَادَ مُطْلَقًا.

208. (Dan jika dia meletakkan) pelapik itu (tanpa thaharah) yang mana dia menyalahi perkara yang wajib (wajib menanggalkannya. Maka jika dia takut) dari menanggalkannya akan perkara yang bahaya pada tayammum (dia melakukan apa yang telah lalu itu) daripada basuh yang sihat hingga akhirnya, (dan dia berdosa, dan dia mengulang shalat itu. Tidak dia mengulang jika dia meletakkan diatas suci dan ia bukan pada anggota tayammum). Maka bila adalah belat itu pada anggota tayammum dia mengulang, sama sahaja dia meletakkannya diatas suci atau tidak. Dan bila dia meletakkannya diatas tidak suci dia berdosa dan mengulang semata-mata.

(وَلَا) يعيد (مَنْ تَيَمَّمَ لِمَرَضٍ أَوْ جُرْحٍ بِلَا سَاتِرٍ) سواء كان مقيماً أم مسافراً (إِلَّا مَنْ بَجُرْحِهِ دَمٌ كَثِيرٌ يَخَافُ مِنْ غَسَلِهِ، فَيُعِيدُ) لأنه من الأعذار النادرة.

209. (dan tidak) mengulang (orang yang bertayammum kerana sakit atau luka tanpa pelapik), sama sahaja dia bermukim atau bermusafir, (melainkan orang yang ada pada lukanya darah yang banyak yang dibimbangkan bahaya kerana membasuhnya, maka dia mengulang) kerana ia daripada uzur-uzur yang nadir.

(وَلَوْ خَافَ مِنْ شِدَّةِ الْبَرْدِ مَرَضًا مِمَّا تَقَدَّمَ) كبطء براء (وَلَمْ يَقْدِرْ عَلَى تَسْخِينِ الْمَاءِ) لعدم ما يسخن به (وَتَدْفِنَةُ عَضْوٍ) -لعل الواو بمعنى أو- فإن البرد يدفع إما بالتسخين أو بتدفئة العضو بعد الاستعمال (تَيَمَّمَ وَأَعَادَ) لندور ذلك.

210. (Kalau dia takut kerana sejuk yang keras akan timbul sakit berupa apa yang telah lalu itu) seperti lambat sembuh (dan dia tidak kuasa diatas memanaskan air) kerana ketiadaan apa yang boleh dipanaskan ia dengannya (dan menghangatkan anggota) -barangkali "wau" dengan makna "أو"- kerana sejuk itu boleh ditolak samaada dengan memanaskan air atau menghangatkan anggota selepas menggunakan air, (dia bertayammum dan mengulang) kerana nadir demikian itu.

(وَمَنْ فَقَدَ مَاءً وَتُرَابًا) ويقال له فاقد الطهورين (وَجَبَ أَنْ يُصَلِّيَ الْفَرَضَ وَحَدَهُ) من غير نفل، (وَيُعِيدُ إِذَا وَجَدَ الْمَاءَ أَوْ التُّرَابَ حَيْثُ يُسْقِطُ التَّيَمُّمَ الْإِعَادَةَ). تقييد للإعادة بالتراب. (فَلَا يُعِيدُ) الصلاة (إِذَا وَجَدَ تُرَابًا فِي الْحَضِرِ). المراد بالحضر ما يغلب فيه وجود الماء.

211. (Orang yang luput air dan tanah) dan dipanggil dia orang yang luput dua yang menyucikan (wajib dia shalat fardhu sahaja), tidak yang sunat, (dan dia mengulang bila dia mendapat air atau tanah pada tempat yang tayammum menggugurkan ulang). Kait bagi ulang dengan tanah. (Maka tidak dia mengulang) shalat (bila dia mendapat tanah pada hadir). Yang dikehendaki dengan hadir itu tempat yang ghalib padanya ada air.

(وَوَاجِبَاتُهُ)، أي أركانه، (سَبْعَةٌ: النِّيَّةُ، فَيَذُوِي اسْتِبَاحَةَ فَرَضِ الصَّلَاةِ أَوْ اسْتِبَاحَةَ) أمر (مُفْتَقِرٌ إِلَى الطَّهَارَةِ) كالطواف. (وَلَا يَكْفِي نِيَّةَ رَفْعِ الْحَدَثِ) لأن التيمم لا يرفع الحدث، (وَلَا فَرَضِ التَّيَمُّمِ فَإِنَّ تَيَمُّمَ لِفَرَضٍ وَجَبَ نِيَّةَ الْفَرَضِيَّةِ)، بأن ينوي استباحة فرض الصلاة مثلاً، (لَا تَعْيِينُهُ) أي الفرض (مِنْ ظَهْرٍ أَوْ عَصْرٍ، بَلْ لَوْ نَوَى فَرَضَ الظُّهْرِ اسْتَبَاحَ بِهِ الْعَصْرَ) كما أنه عند الإطلاق يستباح أي فرض.

212. (Wajib-wajibnya), iaitu rukun-rukunnya (tujuh: niat, maka dia berniat mengharuskan fardhu shalat atau mengharuskan) perkara (yang berhajat kepada thaharah) seperti tawaf. (Dan tidak memada niat mengangkat hadath) kerana tayammum tidak mengangkat hadath, (dan tidak fardhu tayammum kerana tayammum untuk fardhu wajib

meniatkan kefardhuannya) dengan bahawa dia niat mengharuskan fardhu shalat sebagai contoh, (**tidak menta'yinkannya**), iaitu fardhu, (**daripada zohor atau asar, bahkan kalau dia niatkan fardhu zohor dia mengharuskan dengannya akan asar**) sepertimana bahawa disisi itlak dia mengharuskan mana-mana fardhu.

(وَلَوْ نَوَى فَرَضًا وَنَفَلًا أَوْ نَفَلًا أَوْ جَنَازَةً أَوْ الصَّلَاةَ لَمْ يَسْتَبِحِ الْفَرَضَ، أَوْ فَرَضًا فَلَهُ النَّفْلُ مُنْفَرِدًا، وَكَذَا النَّفْلُ قَبْلَهُ وَبَعْدَهُ فِي الْوَقْتِ وَبَعْدَهُ). فعند نية فرض الصلاة يستبيح به فرض الصلاة وما عداه من الجنابة وفرض الطواف والنفل.

213. (**Kalau dia niatkan fardhu dan sunat diharuskan keduanya, atau sunat atau jenazah atau shalat dia tidak mengharuskan yang fardhu, atau fardhu maka baginya shalat sunat dalam keadaan ia tersendiri, begitu juga sunat sebelumnya dan selepasnya didalam waktu itu dan selepasnya**). Maka disisi niat fardhu shalat dia mengharuskan dengannya akan fardhu shalat dan apa yang selainnya daripada jenazah dan fardhu tawaf dan shalat sunat

(وَيَجِبُ قَرْنُهَا) أي نية التيمم (بِالنَّقْلِ) للتراب. (وَ) يجب (إِسْتِدَامَتُهَا) أي النية (إِلَى مَسْحِ شَيْءٍ مِنَ الْوَجْهِ) لَأَنَّ النِّقْلَ وَإِنْ كَانَ رُكْنًا فَهُوَ مَقْصُودٌ لِغَيْرِهِ.

214. (**Wajib menyertakannya**), iaitu niat tayammum, (**dengan pindahan**) tanah, (**dan**) wajib (**mengekalkannya**), iaitu niat itu, (**kepada sapu suatu daripada muka**), kerana pindahan itu sekalipun ianya rukun maka ia dimaksudkan untuk selainnya.

(الثَّانِي وَالثَّلَاثُ قَصْدُ التُّرَابِ وَنَقْلُهُ). لما صرح القرآن بوجوب قصد التراب بقوله –"تيمموا صعيدا" جعلوه من الأركان. ولما كان القصد منه النقل جعلوه أيضا من الأركان. وفرعوا على ذلك ما ذكره المصنف بقوله:

215. (**Kedua dan ketiganya kasadkan tanah dan memindahkannya**). Tatkala Quran menjelaskan dengan wajib kasad tanah dengan katanya ((Maka kasadlah tanah yang baik)) mereka menjadikannya satu daripada rukun-rukun, dan tatkala adalah kasadkannya adalah pindahan tanah mereka menjadikannya juga satu daripada rukun-rukun. Dan mereka mencabangkan diatas demikian itu apa yang musannif sebutkan dengan katanya:

(فَلَوْ كَانَ عَلَى وَجْهِهِ تُرَابٌ فَمَسَحَ بِهِ أَوْ أَلْقَتْهُ الرِّيحُ عَلَيْهِ فَمَسَحَ بِهِ لَمْ يَكْفِ) لأنه في الأول لم يقصد التراب وفي الثاني لم ينقل. (وَلَوْ أَمَرَ غَيْرَهُ حَتَّى يَمَمَهُ جَازًا، وَإِنْ كَانَ قَادِرًا، عَلَى الْأَظْهَرِ)، إقامة لفعل مأذونه مقام فعله.

216. (**Maka kalau ada tanah diatas mukanya lalu dia menyapu dengannya atau angin mencampakkannya keatasnya lalu dia menyapu dengannya tidak memada ia**), kerana dia pada yang pertama tidak mengkasad tanah dan pada yang kedua tidak memindahkannya. (**Kalau dia menyuruh orang lain untuk mentayammumkan dia harus ia, sekalipun**

dia kuasa, diatas yang paling zahir), kerana mendirikan perbuatan orang yang dia izinkan pada tempat perbuatannya.

(الرَّابِعُ وَالْخَامِسُ مَسْحُ وَجْهِهِ وَيَدَيْهِ مَعَ مِرْفَقَيْهِ)، فيجب استيعاب هذين العضوين بالمسح.

217. (Keempat dan kelimanya sapu diatas mukanya dan dua tangannya serta dua sikunya), maka wajib meratakan dua anggota ini dengan sapu.

(السَّادِسُ التَّرْتِيبُ)، ولو كان عن حدث أكبر.

218. (Keenamnya tertib), walaupun adalah dari hadath besar.

(السَّابِعُ كَوْنُهُ) أي التيمم (بِضْرَبَتَيْنِ، ضَرْبَةً لِلْوَجْهِ وَضَرْبَةً لِلْيَدَيْنِ. وَقِيلَ إِنَّ أَمَكْنَ بِضَرْبَةٍ كَفَى كَخِرْقَةٍ وَنَحْوَهَا). وهو ما رجحه الرافعي. (وَلَا يَجِبُ إِيصَالُهُ) أي التراب (بِاطْنِ شَعْرٍ خَفِيفٍ) نبت عليهما.

219. (Ketujuhnya keadaannya), iaitu tayammum itu, (dengan dua kali tepuk, satu tepuk untuk muka dan satu tepuk untuk dua tangan. Dikatakan jika terbolehdengan satu tepuk memada ia, seperti dengan sepotong kain dan umpamanya). Ianya apa yang ditarjihkan oleh Rafi'e. (Tidak wajib menyampaikannya), iaitu tanah, (kepada batin rambut yang nipis) yang tumbuh diatas keduanya.

(وَسُنْنُهُ التَّسْمِيَةُ وَتَقْدِيمُ يَمِينِهِ وَأَعْلَى وَجْهِهِ، وَفِي الْيَدِ)، أي وسننه في مسح اليد. فهذه الكيفية الآتية من السنن. وقيل ليست من السنن. (يَضَعُ أَصَابِعَ الْيُسْرَى سِوَى الْإِبْهَامِ عَلَى ظُهُورِ أَصَابِعِ الْيَمْنَى سِوَى الْإِبْهَامِ وَيُمِرُّهَا إِلَى الْكُوعِ، ثُمَّ يَضَعُ أَطْرَافَ أَصَابِعِهِ)، أي أصابع يده اليسرى، (إِلَى حَرْفِ الذَّرَاعِ) من اليد اليمنى، (وَيُمِرُّهَا إِلَى الْمِرْفَقِ، ثُمَّ يُدِيرُ بَطْنَ كَفِّهِ إِلَى بَطْنِ الذَّرَاعِ) من اليد اليمنى (وَيُمِرُّهَا وَإِبْهَامَهُ مَرْفُوعَةً، فَإِذَا بَلَغَ الْكُوعَ مَسَحَ بِبَطْنِ إِبْهَامِ الْيُسْرَى ظَهْرَ إِبْهَامِ الْيَمْنَى. ثُمَّ يَمْسَحُ الْيُسْرَى بِالْيَمْنَى كَذَلِكَ. ثُمَّ يَخْلُلُ أَصَابِعَهُ وَيَمْسَحُ إِحْدَى الرَّاحَتَيْنِ بِالْأُخْرَى).

220. (Sunat-sunatnya tasmiah dan mendulukan kanannya dan bahagian atas mukanya, dan pada tangan...), iaitu sunat-sunatnya pada sapu tangan. Maka kaifiat yang akan datang ini daripada sunat-sunat. Dikatakan bukan daripada sunat-sunatnya. (dia meletakkan jari-jari kirinya yang selain ibu jari diatas belakang jari-jari kanannya yang selain ibu jari dan dia melalukannya hingga kepada gelang tangannya, kemudian dia meletakkan tepi jari-jarinya), iaitu jari-jari tangan kirinya, (pada tepi lengan) tangan kanannya (dan dia melalukannya hingga ke siku, kemudian dia memusingkan perut tapak tangannya kepada perut lengan) tangan kanannya (dan melalukannya sedang ibu jarinya diangkat, maka apabila ia sampai kepada gelang tangan dia menyapu dengan perut ibu jari kirinya akan belakang ibu jari kanannya. Kemudian dia menyapu yang kiri dengan yang kanan seperti

demikian itu. Kemudian dia menyelati jari-jarinya dan menyapu satu daripada dua tapak tangannya dengan yang satu lagi).

(وَيُخَفِّفُ الْعُبَارَ وَيُفَرِّقُ أَصَابِعَهُ عِنْدَ الضَّرْبِ عَلَى التُّرَابِ فِيهِمَا) أي الضربتين. (وَيَجِبُ نَزْعُ الْخَاتَمِ فِي الثَّانِيَةِ) ليصل التراب إلى موضعه. ولا يكفي تحريكه.

221. (Dan dia menipiskan debu dan menjarangkan jari-jarinya disisi tepuk keatas tanah pada keduanya), iaitu dua tepukkan itu. (Wajib tanggalkan cincin pada yang kedua) supaya sampai tanah kepada tempatnya, dan tidak memada menggerak-gerakkannya.

(وَلَوْ أَحْدَثَ بَيْنَ النَّقْلِ وَمَسْحِ الْوَجْهِ بَطْلٌ) هذا النقل لوجوب قرن الذية به واستصحابها إلى الوجه والحدث ينافي ذلك. (وَوَجِبَ أَخْذُ ثَانٍ) لبطلان الأول بالحدث.

222. (Kalau dia berhadath diantara pindah dan sapu muka batal) pindahan tanah ini kerana wajib menyertakan niat dengannya dan mengekalkannya hingga kepada muka sedangkan hadath menafikan demikian itu. (Wajib ambil yang kedua) kerana batal yang pertama dengan hadath itu.

(وَيَبْطُلُ التَّيْمُّمُ عَنِ الْوُضُوءِ بِنَوَاقِضِ الْوُضُوءِ، وَبَتَوَهُمِ قُدْرَتِهِ عَلَى مَا يَجِبُ اسْتِعْمَالُهُ)، وبالأولى الظن واليقين، (كَرُوبِيَّةٍ سَرَابٍ أَوْ رَكْبٍ) يتوهم معها وجود ماء، (قَبْلَ الصَّلَاةِ) مطلقاً (أَوْ فِيهَا وَكَانَتْ مِمَّا تَعَادُ كَتَيْمُّمِ حَاضِرٍ)، أي من هو في محل الغالب فيه وجود الماء صفته أنه (لِفَقْدِ الْمَاءِ). فإذا توهم وجود الماء وهو في الصلاة بطل تيممه وفسدت صلاته. هذا ظاهر المصنف. ولكن المنقول أنه متى دخل في الصلاة لا يقطعها إلا إذا تيقن الماء وكانت مما لا تسقط بالتيمم.

223. (Batal tayammum ganti dari wudhuk dengan perkara-perkara yang membatalkan wudhuk, dan dengan diwahamkan mampunya diatas menghasilkan apa yang wajib menggunakannya), dan terutama lagi zhan dan yakin, (seperti nampak alai-alai atau rombongan kafilah) yang diwahamkan ada air bersamanya, (sebelum shalat) semata-mata (atau didalam shalat dan adalah ia daripada apa yang diulang, seperti tayammum orang yang hadir) iaitu orang yang berada pada tempat yang ghalib padanya ada air yang sifat tayammum itu, (kerana luput air). Maka apabila dia wahamkan ada air sedang dia berada didalam shalat batal tayammumnya dan rosak shalatnya. Ini zahir kalam musannif. Akan tetapi yang dinakalkan bahawa bila dia masuk pada shalat dia tidak memutuskannya melainkan bila dia yakin ada air dan adalah shalatnya itu daripada shalat yang tidak gugur dengan tayammum.

(فَإِنْ لَمْ تُعَدِّ كَتَيْمِمٍ مُّسَافِرٍ سَفَرًا) طويلا - قد علمت أن المدار على أن المحل مما يغلب فيه عدم الماء- فإذا كان كذلك (فَلَا) يقطعها (وَيُتِمُّهَا وَتُجْزئُهُ. وَلَكِنْ يُنْدَبُ قَطْعُهَا لِيَسْتَأْنِفَهَا بِوُضوءٍ. وَإِنْ رَأَاهُ فِي نَفْلِ) وقد (نَوَى عَدَدًا أَمَّه) لأنه صار كالفرض، (وَالْأَفْرَعَتَيْنِ) فقط.

224. (Maka jika ia tidak diulang, seperti tayammum musafir pada safar) yang panjang -Sungguh kamu telah tahu bahawa putarannya diatas bahawa tempat itu daripada tempat yang ghalib padanya ketiadaan air- maka apabila adalah ia seperti demikian itu (maka tidak) dia memutuskannya (dan dia menyempurnakannya dan ia memadainya. Akan tetapi sunat dia memutuskannya untuk dia memulakan semula nya dengan wudhuk. Jika dia melihatnya didalam shalat sunat) walhal (dia telah meniatkan bilangan dia menyempurnakannya) kerana ia menjadi seperti fardhu. (Jika tidak maka dua rakaat) sahaja.

(وَلَا يَجُوزُ بِتَيْمَمٍ أَكْثَرَ مِنْ فَرِيضَةٍ وَاحِدَةٍ مَكْتُوبَةٍ أَوْ مَذْذُورَةٍ وَمَا شَاءَ مِنَ النَّوَافِلِ وَالْجَنَائِزِ).

225. (Tidak harus dengan tayammum lebih dari satu fardhu, yang maktubah atau yang dinazarkan, dan apa yang dia mahukan daripada sunat-sunat dan shalat-shalat jenazah).

(بَابُ الْحَيْضِ)

أي والنفاس والاستحاضة. والحيض لغة السيلان، وشرعاً دم جبلة يخرج من أقصى رحم المرأة في أوقات مخصوصة. والنفاس لغة الولادة، وشرعاً دم يخرج عقب الولادة. والاستحاضة هو الدم الخارج في غير أيام الحيض.

226. @BAB HAID, iaitu dan nifas dan istihadhah. Haid pada lughah adalah mengalir, dan pada syara' darah tabi'e yang keluar dari penghujung rahim perempuan pada waktu-waktu yang khusus. Nifas pada lughah adalah kelahiran anak, dan pada syara' darah yang keluar mengiringi kelahiran anak. Istihadhah adalah darah yang keluar pada selain hari-hari haid.

(أَقَلُّ سِنِّ تَحِيضٍ فِيهِ الْمَرْأَةُ اسْتِكْمَالُ تِسْعِ سِنِينَ تَقْرِيْبًا. فَذُو رَأْتِهِ قَبْلَ تِسْعِ سِنِينَ لِرَمَنْ لَا يَسَعُ طَهْرًا وَحَيْضًا)، بأن كان أقل من ستة عشر يوماً، (فَهُوَ) أي المرئي (حَيْضٌ. وَإِلَّا) بأن رأته لتسع سنين ناقصة ستة عشر يوماً فأكثر (فَلَا) يكون المرئي حيضاً. (وَلَا حَدٌّ لِأَخْرِهِ فَيُمْكِنُ) أن لا تحيض (إِلَى الْمَوْتِ).

227. (Sekurang-kurang umur yang berhaid seorang perempuan padanya adalah sempurna sembilan tahun lebih kurang. Maka kalau dia melihatnya sebelum sembilan tahun pada masa yang tidak memuatkan sekali suci dan haid) dengan bahawa adalah masa itu kurang daripada enam

belas hari (**maka ianya**) iaitu darah yang dilihat (**adalah haid. Jika tidak**), dengan bahawa dia melihatnya pada sembilan tahun kurang enam belas hari maka lebih (**maka tidak**) adalah yang dilihat itu haid. (**Tidak ada had bagi akhirnya. Maka boleh**) bahawa dia tidak berhaid (**hingga mati**).

(وَأَقَلُّ الْحَيْضِ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ). فَلَوْ رَأَتْ أَقْلَ مِنْ ذَلِكَ بَأْنَ لَوْ وَضَعَتْ قِطْنَةَ لَا تَنْلُوثُ فَهُوَ دَمٌ فَسَادٌ. (وَعَالِيَهُ سِتٌّ أَوْ سَبْعٌ، وَأَكْثَرُهُ خَمْسَةٌ عَشَرَ يَوْمًا).

228. (**Sekurang-kurang haid itu sehari semalam**). Maka kalau dia melihat kurang daripada daripada demikian itu dengan bahawa kalau diletakkan kapas ia tidak berlumur maka ia darah fasad. (**Ghalibnya enam atau tujuh, dan sebanyak-banyaknya lima belas hari**).

(وَأَقَلُّ الطُّهْرِ بَيْنَ الْحَيْضَتَيْنِ خَمْسَةٌ عَشَرَ يَوْمًا). وَأَمَّا الطُّهْرُ بَيْنَ حَيْضٍ وَنَفَاسٍ فَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ أَقْلًا. (وَلَا حَدٌّ لِأَكْثَرِهِ) وَغَالِبُهُ بَقِيَّةُ الشَّهْرِ بَعْدَ غَالِبِ الْحَيْضِ.

229. (**Sekurang-kurang suci diantara dua haid itu lima belas hari**). Adapun suci diantara haid dan nifas maka harus bahawa ianya kurang. (**Tidak ada had bagi sebanyak-banyaknya**). Ghalibnya adalah baki bulan selepas ghalib haid.

(فَمَتَى رَأَتْ دَمًا فِي سِنَّ الْحَيْضِ وَلَوْ حَامِلًا وَجَبَ تَرْكُ مَا تَتْرَكُ الْحَائِضُ) مِنْ صَلَاةٍ وَطَوَافٍ وَسَائِرٍ مَا يَحْرَمُ عَلَيْهَا فَعَلَهُ.

230. (**Maka bila seorang perempuan melihat darah pada usia haid walaupun dia hamil wajib meninggalkan apa yang ditinggalkan oleh perempuan berhaid**), daripada shalat dan tawaf dan sekalian apa yang haram dia melakukannya.

(فَإِنْ انْقَطَعَ لِذُنُونِ أَقْلِهِ) وَهُوَ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ (تَبَيَّنَ أَنَّهُ غَيْرُ حَيْضٍ فَتَقْضَى الصَّلَاةُ). فَإِنْ انْقَطَعَ لِأَقْلٍ أَوْ أَكْثَرِهِ أَوْ مَا بَيْنَهُمَا) وَهُوَ غَالِبُهُ (فَهُوَ حَيْضٌ). وَإِنْ جَاوَزَ أَكْثَرَهُ) بَأْنَ عَبْرَ خَمْسَةِ عَشَرَ يَوْمًا (فَهِيَ مُسْتَحَاضَةٌ. وَلَهَا أَحْكَامٌ طَوِيلَةٌ مَذْكُورَةٌ فِي كِتَابِ الْفِقْهِ) الْمَطُولَةِ.

231. (**Maka jika ia putus pada masa yang kurang daripada sekurang-kurangnya**) iaitu sehari semalam (**ternyata bahawa ia bukan haid, maka dia mengkadha shalatnya. Maka jika ia putus pada masa yang sekurang-kurang atau sebanyak-banyaknya atau apa yang diantara keduanya**) yang mana ia ghalibnya (**maka ianya haid. Maka jika ia melintasi sebanyak-banyaknya**) dengan bahawa ia melintasi lima belas hari (**maka dia adalah perempuan mustahadhah. Baginya hukum-hukum yang panjang yang disebutkan didalam kitab-kitab fekah**) panjang lebar.

(وَالصُّفْرَةُ وَالكَدْرَةُ) وَهُوَ عَلِيٌّ غَيْرُ لَوْنِ الدَّمِ (حَيْضٌ). وَإِنْ رَأَتْ وَقْتًا دَمًا وَوَقْتًا نِقَاءً وَوَقْتًا دَمًا وَهَكَذَا وَلَمْ يُجَاوِزِ الْخَمْسَةَ عَشَرَ وَلَمْ يَنْقُصْ مَجْمُوعَ الدَّمَاءِ عَنْ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَالدَّمَاءُ وَالنِّقَاءُ الْمَتَخَلَّلُ كُلُّهَا حَيْضٌ). فَنَسَحِبُ حَكْمَ الدَّمِ عَلَى النِّقَاءِ وَنَجْعَلُ حَيْضًا.

232. (**Kuning dan keruh**) yang mana ia melaini warna darah (**adalah haid. Dan jika dia melihat pada satu masa darah dan pada masa lain niqa' dan pada masa lain darah, beginilah seterusnya, dan ia tidak melintasi lima belas hari dan tidak kurang himpunan darah-darah itu dari sehari semalam maka darah-darah dan niqa' yang menyelangi kesemuanya adalah haid**). Maka kita tarikkan hukum darah keatas niqa' dan kita jadikan ia sebagai haid.

(وَأَقَلُّ النَّفَاسِ لِحَظَةً) فلا يتقدر بزمن، (وَعَالِيَهُ أَرْبَعُونَ يَوْمًا وَأَكْثَرُهُ سِتُونَ يَوْمًا. فَإِنْ جَاوَزَهُ) أي الأكثر (فَمُسْتَحَاضَةٌ). وقد أعرض عن ذكر أحكامها.

233. (**Sekurang-kurang nifas itu satu lahzah**) maka ia tidak dikadarkan dengan masa, (**dan ghalibnya empat puluh hari, dan sebanyak-banyaknya enam puluh hari. Maka jika ia melintasinya**), iaitu sebanyak-banyaknya, (**maka dia adalah perempuan mustahadhadhah**). Sungguh musannif berpaling dari menyebutkan hukum-hukumnya.

(وَيَحْرُمُ بِالْحَيْضِ وَالنَّفَاسِ مَا يَحْرُمُ بِالْجَنَابَةِ، وَكَذَا الصَّوْمِ. وَيَجِبُ قَضَاؤُهُ دُونَ الصَّلَاةِ) تخفيفا عليها. (وَيَحْرُمُ عُبُورُ الْمَسْجِدِ إِنْ خَافَتْ تَلْوِيثَهُ)، أي إصابته بالدم، فإن لم تخف فيجوز لها العبور كالجنب، (وَالِاسْتِمْتَاعُ)، أي التلذذ، (فِيمَا بَيْنَ السَّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ) ولو بغير وطء، (وَالطَّلَاقُ)، فيحرم طلاقها وهي حائض، (وَالطَّهَارَةُ)، فيحرم عليها أن تغتسل (بِنِيَّةِ رَفْعِ الْحَدَثِ).

234. (**Haram dengan haid dan nifas apa yang haram dengan janabah, begitu juga puasa. Wajib mengkadhanya, tidak shalat**) kerana meringankannya. (**Haram melintasi masjid jika dia bimbang akan melumurkannya**), iaitu mengenakannya dengan darah, maka jika dia tidak bimbang maka harus dia melintas sama seperti perempuan berjunub, (**dan istimta'**), iaitu bersedap-sedap, (**pada apa yang diantara pusat dan lutut**) walaupun dengan selain setubuh, (**dan talak**) maka haram mentalakkannya sedang dia berhaid, (**dan thaharah**) maka haram diatasnya mandi (**dengan niat mengangkat hadath**).

(فَإِنْ انْقَطَعَ الدَّمُ ارْتَفَعَ تَحْرِيمُ الصَّوْمِ وَالطَّلَاقِ وَالطَّهَارَةِ وَعُبُورِ الْمَسْجِدِ) لانتفاء علة التحريم، فيرتفع تحريمها بالانقطاع من غير غسل، (وَيَبْقَى الْبَاقِي) على تحريمه من الصلاة والطواف ومس المصحف وحمله وقراءة القرآن والاستمتاع، ويستمر (حَتَّى تَغْتَسِلَ).

235. (**Maka jika darah itu putus terangkatlah pengharaman puasa dan talak dan thaharah dan melintas masjid**) kerana ternafi illat pengharamannya, maka terangkat pengharamannya dengan putusnya sebelum mandi, (**dan kekal yang baki**) diatas haramnya, daripada shalat dan tawaf dan sentuh mushaf dan tanggungnya dan baca Quran dan istimta', dan berterusan ia (**hingga dia mandi**).

وَلَوْ ادَّعَتِ الْحَيْضَ وَلَمْ يَقَعْ فِي قَلْبِهِ صِدْقُهَا حَلَّ لَهُ وَطُوهَا) لأن الأصل الحل فيستصحب حتى يأتي يقين المنع.

236. (Kalau seorang perempuan mendakwa berhidai dan tidak jatuh didalam hati suaminya oleh benarnya halal dia menyetubuhinya) kerana asalnya halal maka diteruskan ia sehingga datang yakin tegahan.

(وَتَغْسِلُ الْمُسْتَحَاضَةَ فَرْجَهَا وَتَشُدُّهُ) بعد حشوه بقطن (وَتَعْصِبُهُ)، هو تفسير للشد إن احتاجت في منع خروج ذلك ولم تتأذ به ولم تكن صائمة، (ثُمَّ تَتَوَضَّأُ) أو تيمم فوراً. (وَلَا تُؤَخِّرُهُ) أي فرض الصلاة (بَعْدَ الطَّهَارَةِ إِلَّا لِلِاسْتِغَالِ بِأَسْبَابِ الصَّلَاةِ كَسِتْرِ عَوْرَةٍ وَأَذَانٍ وَانْتِظَارِ جَمَاعَةٍ) لأن التأخير لذلك لا تعد فيه مقصرة فاعتقر.

237. (Perempuan mustahadhah membasuh farajnya dan mengikatnya) selepas menyumbatnya dengan kapas (dan membelatnya) -Ia adalah tafsir bagi ikat itu- jika dia perlu pada menegah keluar demikian itu dan tidak kesakitan dengannya dan tidak adalah dia seorang yang puasa. (Kemudian dia berwudhuk) atau bertayammum dengan segera. (Tidak boleh dia melewatkannya), iaitu fardhu shalat, (selepas daripada thaharahnya melainkan kerana melakukan sebab-sebab shalat seperti tutup aurat dan azan dan tunggu jamaah) kerana melewatkan demikian itu tidak dikira dia padanya sebagai orang yang cuai, maka ia dimaafkan.

(فَإِنْ أَحْرَتْ لِغَيْرِ ذَلِكَ) وما في معناه (إِسْتَأْنَفَتِ الطَّهَارَةَ) لنقضها بالتأخير. (وَيَجِبُ غَسْلُ الْفَرْجِ وَتَعْصِيبُهُ وَالْوُضُوءُ لِكُلِّ فَرِيضَةٍ) وإن لم تزل العصابة عن محلها ولم يظهر دم.

238. (Maka jika dia melewatkan kerana selain demikian itu) dan apa pada maknanya (dia memulakan semula thaharah) kerana batalnya dengan dilewatkan. (Wajib basuh faraj dan membelatnya dan wudhuk untuk setiap shalat fardhu) sekalipun belat itu tidak bergerak dari tempatnya dan tidak muncuk darah.

(وَمَنْ بِهِ سَلْسُ الْبَوْلِ كَالْمُسْتَحَاضَةِ فِيمَا تَقَدَّمَ) من وجوب غسل النجاسة والحشو والعصب والوضوء لكل فريضة والمبادرة بالفريضة قليلا للحدث. ومثل سلس البول سلس المنى، لكن يزداد له الغسل لكل فريضة.

239. (Orang yang ada padanya masaalah bertali-tali kencing adalah sama seperti perempuan mustahadhah pada apa yang telah lalu itu), daripada wajib basuh najis dan sumbat dan belat dan wudhuk untuk setiap fardhu dan segera melakukan fardhu kerana mencedikitkan hadath. Seumpama bertali-tali kencing itu bertali-tali mani, akan tetapi ditambahkan baginya mandi untuk setiap fardhu.

(بَابُ النَّجَاسَاتِ)

هي لغة ما يستقدر، وشرعاً كل مستقدر يمنع صحة الصلاة حيث لا مرخص. وقد بينها بعد إفرادها فقال:

240. @BAB NAJIS-NAJIS. Najis pada lughah adalah benda yang dianggap cemar, dan pada syara' setiap benda yang dikira cemar yang menegah sah shalat sekira-kira tidak ada yang melonggarkan. Sungguh dia menerangkannya dengan bilangan butir-butirannya satu persatu maka katanya:

(وَالنَّجَاسَةُ هِيَ الْبَوْلُ وَالغَائِطُ) وهو ما خرج من دبر الآدمي وقد أحواله الطبيعية، بخلاف ما خرج ولم تحله، (وَالدَّمُ وَالقَيْحُ) وهو دم استحال لفساد، (وَالقِيءُ) وإن لم يتغير، (وَالخَمْرُ) هي ماء العنب الذي أرغى وأزبد وصار فيه شدة، (وَالنَّبِيدُ وَكُلُّ مُسَكَّرٍ مَائِعٍ وَالكَلْبُ وَالخِنْزِيرُ وَفَرَعُ أَحَدِهِمَا) أي المتولد من أحدهما ولو مع حيوان طاهر، (وَالوَدِيَّ وَالْمَذِيَّ وَمَا لَا يُؤْكَلُ لِحْمُهُ إِذَا نَبَّحَ) كالحمار مثلاً، (وَالْمَيْتَةَ) هي كل مازالت حياته بغير ذكاة شرعية. ثم استثنى من الميتة فقال: (إِلَّا السَّمَكَ وَالْجَرَادَ وَالآدَمِيَّ) فإن ميتتهم طاهرة،

(Najis-najis itu adalah kencing dan tahi) iaitu apa yang keluar dari dubur anak adam yang telah diubah sifatnya oleh tabiatnya, bersalahan apa yang keluar dan ia tidak mengubahnya, (dan darah dan nanah) iaitu darah yang berubah kerana rosak, (dan muntah) sekalipun ia tidak berubah, (dan khamar) iaitu air anggur yang berbuih dan menjadi keras sifatnya, (dan nabiz dan setiap cecair yang memabukkan, dan anjing dan babi dan fara' satu daripada keduanya), iaitu yang lahir dari satu daripada keduanya walaupun bersama haiwan yang suci, (dan wadi dan mazi dan apa yang tidak dimakan dagingnya bila disembelih) seperti himar sebagai contoh, (dan bangkai) iaitu setiap apa yang hilang nyawanya tanpa sembelihan syari'e. Kemudian musannif membuat pengecualian dari bangkai itu maka katanya:

(وَلَبْنُ مَا لَا يُؤْكَلُ لِحْمُهُ) فإنه نجس كلبن الحمامة (غَيْرَ الْآدَمِيِّ) فإن لبنه طاهر، (وَشَعْرُ الْمَيْتَةِ وَشَعْرُ غَيْرِ الْمَأْكُولِ إِذَا انفصلَ فِي حَيَاتِهِ إِلَّا الْآدَمِيَّ). أما إذا لم ينفصل فهو طاهر. (وَمَنِّي الْكَلْبُ وَالخِنْزِيرِ) نجس تبعاً لأصلهما.

241. (dan susu apa yang tidak dimakan dagingnya) maka ia najis seperti susu himar, (yang selain anak adam) maka susunya suci, (dan bulu bangkai dan bulu haiwan yang tidak dimakan bila terpisah pada masa nidupnya melainkan anak adam). Adapun apabila ia tidak terpisah maka ia suci. (Dan mani anjing dan babi) najis kerana mengikut asal keduanya.

(وَالْأَنْفَحَةُ)، وهي اللبن الذي يؤخذ من كرش الشاة الصغيرة التي لم تأكل غير اللبن ويوضع في الألبان فيصيرها جبناً، (طَاهِرَةٌ مِنْ سَخْلَةٍ مُدْكَاةٍ لَمْ تَأْكُلْ غَيْرَ اللَّبَنِ). وإذا فقد شرط من ذلك تكون نجسة.

242. (**Dan anfahah**) iaitu susu yang diambil dari perut besar bebiri yang kecil yang tidak makan selain susu, dan diletakkan ia pada susu-susu lalu ia menjadikannya keju, (**adalah suci, dari anak bebiri yang disembelih yang tidak makan selain susu**). Apabila luput satu syarat daripada demikian itu adalah ia najis.

(وَمَا يَسِيلُ مِنْ فَمِ النَّائِمِ إِنْ كَانَ مِنَ الْمَعِدَّةِ) ويعرف بأن كان مصفرا منتنًا أو (بأن كان لا ينقطع إذا طال نومه نجس، وإن كان من اللّهوات) وهي سقف الأسنان ويعرف (بأن كان ينقطع فطاهر).

243. (**Apa yang mengalir dari mulut orang yang tidur jika ianya dari mai'eddah**) yang diketahui dengan bahawa ianya kuning lagi busuk atau (**dengan bahawa ia tidak terputus-putus, apabila lama tidurnya, adalah najis, dan jika ia dari lahat**) iaitu bumbung gigi-gigi yang diketahui ia (**dengan bahawa ia terputus-putus, maka ia suci**).

(وَالْعَضْوُ الْمُنْفَصِلُ مِنَ الْحَيِّ حُكْمُهُ حُكْمُ مَيْتَةِ ذَلِكَ الْحَيْوَانِ، إِنْ كَانَتْ ظَاهِرَةً كَالسَّمَكِ فَطَاهِرٌ، وَإِلَّا كَالْحِمَارِ فَنجسٌ).

244. (**Anggota yang terpisah dari yang hidup hukumnya hukum bangkai haiwan itu, jika ia suci seperti ikan maka ia suci, dan jika tidak seperti himar maka ia najis**).

(وَالْعَلَقَةُ) وهي دم غليظ استحال عن المنى -وهي مبتدأ وسيأتي الإخبار عنها و عما عطف عليها بأنها طاهرة- (وَالْمُضْغَةُ) وهي قطعة لحم صغيرة استحالت عن العلقه، (وَرُطُوبَةُ فَرْجِ الْمَرْأَةِ)، وكذا رطوبة فرج كل حيوان طاهر، لكن إن أتت تلك الرطوبة من محل لا يجب غسله كأن أتت من الرحم فهي نجسة. (وَبَيْضُ الْمَأْكُولِ) كالدجاج (وَ) بيض (عَيْرِهِ) كالأحداة، وهو مع كونه طاهرا يجوز أكله، (وَشَعْرُهُ) أي الحيوان المأكول، (وَصُوفُهُ وَوَبْرُهُ وَرَيْشُهُ إِذَا انْفَصَلَ فِي حَيَاتِهِ أَوْ بَعْدَ دَكَاتِهِ). وأما إذا انفصل بعد موته فهو نجس. (وَعَرَقُ الْحَيْوَانِ الطَّاهِرِ طَاهِرٌ) -خبر عما تقدم كله- (حَتَّى الْفَأْرَةَ). غايه في الحيوان.

245. (**Alaqah**) iaitu darah yang kental yang berubah dari mani. "العلقة" muftada dan akan datang khabarnya dan dari apa yang di'atafkan keatasnya dengan bahawa ianya suci- (**dan mudhghah**) iaitu potongan daging yang kecil yang berubah dari `alaqah, (**dan basahan faraj perempuan**), begitu juga basahan faraj setiap haiwan yang suci, akan tetapi jika basahan itu datang dari tempat yang tidak wajib dibasuh seperti bahawa ia datang dari rahim maka ianya najis. (**dan telur haiwan yang dimakan**) seperti ayam, (**dan**) telur (**selainnya**) seperti helang, yang mana ia serta keadaannya suci harus memakannya, (**dan bulu rambut**) iaitu haiwan yang dimakan, (**dan bulu halusny dan bulu sedangnya dan bulu pelepahnya bila ia terpisah pada masa hidupnya atau selepas disembelih**). Adapun apabila ia terpisah selepas matinya maka ia

najis. (dan peluh haiwan yang suci adalah suci) – “طاهر” khabar dari apa yang terdahulu semuanya- (hinggakan tikus). Ghayah pada haiwan.

(وَرَيْقُهُ) أي الحيوان (وَدَمْعُهُ وَلَبَنُ الْأَدْمِيِّ وَمَنْيُهُ غَيْرُ نَجَسٍ). خبر عما ذكر. (وَكَذَا مِنْ غَيْرِهِ) أي الأدمي (غَيْرَ الْكَلْبِ وَالْخَنْزِيرِ. وَقَيْلٌ) مَنِيٌّ غَيْرِ الأدمي غير الكلب والخنزير (نَجَسٌ) لاستحالاته في الباطن.

246. (Dan air liurnya) iaitu haiwan (dan air matanya dan susu anak adam dan maninya adalah bukan najis). Khabar dari apa yang disebutkan tadi. (Begitu juga mani selainnya), iaitu anak adam, (yang selain anjing dan babi. Dikatakan) mani selain anak adam yang selain anjing dan babi itu (najis) kerana berubahnya didalam batinnya.

(وَلَا يَطْهَرُ شَيْءٌ مِنَ النَّجَاسَاتِ إِلَّا الْخَمْرُ)، وكذا كل مسكر مائع، (إِذَا تَخَلَّلَ) أي صار خلا، (وَ) إِلَّا (الْجِدَادُ إِذَا دُبِغَ، وَ) إِلَّا (نَجَسًا يَصِيرُ حَيَوَانًا) كالود المتولد من النجاسة.

247. (Tidak suci suatu daripada najis-najis melainkan khamar), begitu juga setiap cecair yang memabukkan, (apabila ia menjadi cuka), iaitu berubah menjadi cuka, (dan) melainkan (kulit apabila disamak, dan) melainkan (najis yang menjadi haiwan) seperti ulat yang lahir dari najis.

(وَإِذَا تَخَلَّلَتْ الْخَمْرُ بغيرِ إلقاءِ شَيْءٍ فِيهَا إمَّا بِنَفْسِهَا أَوْ بِنَقْلِهَا مِنَ الشَّمْسِ إِلَى الظِّلِّ وَعَكْسِهِ أَوْ بفتحِ رَأْسِهَا طَهَّرَتْ مَعَ أَجْزَاءِ الدُّنِّ الْمُلاَقِيَةِ لَهَا، وَ) طَهر (مِمَّا فَوْقَهَا مِمَّا أَصَابَتْهُ عِنْدَ الغَلِيَانِ) أي عند فورانها إذا غلت. (وَإِنْ أَلْقِيَ فِيهَا شَيْءٌ) كحصاة (فَلَا) تطهر.

248. (Apabila arak menjadi cuka tanpa dicampakkan suatu kedalamnya, samaada dengan sendirinya atau dengan dipindahkan dari matahari kepada teduh dan sebaliknya atau dengan dibukakan kepalanya sucilah ia beserta juzuk-juzuk tempayan yang bersentuh dengannya, dan) suci (apa yang diatasnya, daripada apa yang dikenainya disisi menggelegak), iaitu ketika gelojaknya apabila ia menggelegak. (Dan jika dicampakkan kedalamnya sesuatu) seperti anak batu (maka tidak) suci ia.

(وَالدَّبَّغُ هُوَ نَزْعُ الْفَضَلَاتِ بِكُلِّ حَرِيْفٍ وَلَوْ نَجَسًا) كذرق طير. (وَلَا يَكْفِي مِلْحٌ وَتَرَابٌ وَشَمْسٌ. وَلَا يَجِبُ اسْتِعْمَالُ مَاءٍ فِي أَثْنَائِهِ) أي الدبغ. (لَكِنَّهُ) أي المدبوغ (بَعْدَ الدَّبَّغِ كَثُوبٍ مُتَنَجِّسٍ فَيَجِبُ غَسْلُهُ بِمَاءٍ طَهُورٍ) حتى يصير طاهرا. (وَلَا يَطْهَرُ بِهِ) أي الدبغ (جَدُّ كَلْبٍ وَخَنْزِيرٍ) لأن الحدياة لم تفدهما الطهارة فلم يفدهما الدبغ بعد الموت.

249. (Samak itu adalah menanggalkan remah-remah kulit dengan setiap yang tajam walaupun najis) seperti najis burung. (Dan tidak memada garam dan tanah dan matahari dan tidak wajib menggunakan air ditengah-tengahnya) iaitu proses samak itu. (Akan tetapi ia) iaitu benda yang disamak (selepas proses samak itu seperti kain yang mutanajjis,

maka wajib membasuhnya dengan air yang menyucikan) supaya ia jadi suci. **(Dan tidak suci dengannya)** iaitu dengan samak **(oleh kulit anjing dan babi)** kerana hidupnya tidak memberi faedah pada keduanya oleh perbuatan menyucikannya maka samak tidak memberi faedah kepada keduanya selepas matinya.

(وَلَوْ كَانَ عَلَى الْجُدِّ شَعْرٌ لَمْ يَطْهُرِ الشَّعْرُ بِالذَّبْعِ) لأنه لا يؤثر في الشعر فيبقى نجسا. (وَيُعْفَى عَنْ قَلِيلِهِ) أي الشعر الذي هو على الجلد المدبوغ.

250. **(Apabila ada bulu diatas kulit itu tidak suci bulu itu dengan samak)** kerana ia tidak berkesan pada bulu maka ia kekal sebagai najis. **(Dimaafkan dari yang sedikitnya)** iaitu bulu yang ada diatas kulit yang disamak.

(وَمَا تَنْجُسُ بِمِلَاقَةِ شَيْءٍ مِنَ الْكَلْبِ وَالْخَنَزِيرِ لَمْ يَطْهُرْ إِلَّا بِغَسْلِهِ سَبْعًا إِحْدَاهُنَّ بِتُرَابٍ طَاهِرٍ) أي طهور. ولا يكفي ذرُّ التراب على المحل من غير أن يتبعه بالماء ويمزجه، ولا التراب المستعمل أو النجس. والواجب من التراب ما يكدر الماء و(يَسْتَوْعِبُ الْمَحَلَّ).

251. **(Dan apa yang bernajis dengan bertemu suatu daripada anjing dan babi tidak suci melainkan dengan dibasuh tujuh kali, satu daripadanya dengan tanah yang suci)** iaitu yang menyucikan. Tidak memada menaburkan tanah keatas tempatnya tanpa memperikukannya dengan air dan menggaulkannya, dan tidak tanah yang musta'mal atau bernajis. Yang wajib dari tanah itu apa yang mengkeruhkan air, dan **(meratai tempat itu)**.

(وَيَجِبُ مَرْجُهُ بِمَاءٍ طَهُورٍ. وَيُنْدَبُ جَعْلُهُ فِي غَيْرِ الْأَخِيرَةِ). وفي الأولى أولى حتى لا يحتاج إلى تتريب ما يصيبه من الرشاش لأنه إذا أصابه من الغسالة شيء لم يصحبه تراب وجب أن يترب وأن يغسله بقدر ما بقي من الغسلات. (وَلَا يَقُومُ غَيْرُ التُّرَابِ مَقَامَهُ كَصَابُونٍ وَأَشْنَانٍ). وقيل يكفي.

252. **(Wajib menggaulkannya dengan air yang menyucikan, dan sunat menjadikannya pada selain yang akhir)**. Pada yang pertama terutama supaya dia tidak perlu kepada mengenakan tanah percikkan yang mengenainya kerana apabila mengenainya dari air basuhan itu suatu yang tidak disertai oleh tanah wajib bahawa ia ditanahkan dan bahawa dia membasuhnya dengan kadar apa yang masih tinggal daripada basuhan-basuhan itu. **(Tidak berdiri selain tanah pada tempatnya seperti sabun dan usynan)**. Dikatakan ia memada.

(وَلَوْ رَأَى هَرَّةً تَأْكُلُ نَجَاسَةً ثُمَّ شَرِبَتْ مِنْ مَاءٍ دُونَ قَلْتَيْنِ قَبْلَ أَنْ تَغِيْبَ عَنْهُ) أي عن الرائي (نَجَسَتْهُ). وَإِنْ غَابَتْ زَمْنَا يُمَكِّنُ فِيهِ وَلَوْ غَهَا فِي مَاءٍ قَلْتَيْنِ ثُمَّ شَرِبَتْ مِنَ الْقَلِيلِ لَمْ تُنَجَّسْهُ) لاحتمال زوال نجاسة فمها، فلا تنجس بالاشك. وإن كان فمها نجسا لو حملها مصل لا تصح صلاته.

253. **(Kalau dia melihat seekor kucing makan najis kemudian ia minum dari air yang kurang dua kolah sebelum bahawa dia menghilangkan diri darinya)**, iaitu dari orang yang melihat itu, **(ia menajiskannya. Dan jika ia**

ghaib dalam masa yang mungkin padanya bahawa ia telah menjilat air dua kolah kemudian ia meminum dari air yang sedikit tidak ia menajiskannya) kerana ihtimal hilang najis mulutnya maka ia tidak menajiskan dengan syak. Dan jika mulutnya ada najis kalau seorang shalat menanggungnya tidak sah shalatnya.

(وَدُخَانُ النَّجَاسَةِ) كالبعر وكذا دخان الحطب المتنجس (نَجِسٌ، وَيُعْفَى عَنْ يَسِيرِهِ). وأما البجار وهو المتصاعد من غير واسطة نار فطاهر.

376. (Dan jika dia membaca) suatu daripada fatihah (sekira-kira kita katakan dia kena rukuk) bersama imam iaitu keadaan apabila dia tidak membaca iftitah dan tidak ta'awwuz bahkan terus masuk pada fatihah dengan semata-mata takbir maka kita suruh dia ketika itu dengan rukuk bersama imam walaupun sebelum sempurna fatihahnya. Maka apabila dia lewat dari rukuk untuk menyempurnakan fatihah (lalu dia ketinggalan tanpa uzur), yang mana ketinggalan tanpa uzur itu ada tafsil padanya, (maka jika imam mengangkat) kepalanya (sebelum rukuknya), iaitu makmum itu, (luputlah darinya) ini (rakaat) dan tidak batal shalatnya, akan tetapi dia tidak boleh rukuk bahkan mengikut imam itu pada turunnya untuk sujud.

(وَيُنذِبُ بَعْدَهُ)، أي الاستفتاح التعوذ، وهو (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. وَيَتَعَوَّذُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ) لأنه مشروع للقراءة وهي في كل ركعة، (وَفِي الأُولَى أَكْذ. سِوَاءَ الإِمَامِ وَالْمَأْمُومِ)، إلا المسبوق الذي يخاف فوت بعض الفاتحة مع الإمام لو تعوذ، فلا يسن له، (وَالْمُنْفَرِدُ وَالْمُفْتَرِضُ وَالْمُتَنَفِّلُ حَتَّى الْجَنَازَةِ) لما فيها من القراءة. (وَيُسِرُّ بِهِ فِي السَّرِّيَّةِ وَالْجَهْرِيَّةِ) كالاستفتاح.

377. (Sunat selepasnya) iaitu istiftah oleh ta'awwuz, iaitu ("Aku berlindung dengan Allah dari Syaitan yang direjam". Dia berta'awwuz pada setiap rakaat) kerana ia disyara'kan untuk bacaan fatihah yang mana ia pada setiap rakaat, (dan pada yang pertama lebih muakkad. Sama imam dan makmum), melainkan masuk yang bimbang luput sebahagian fatihah bersama imam kalau dia berta'awwuz, maka tidak disunatkan ia baginya, (dan orang yang sendirian dan yang shalat fardhu dan sunat hinggakan shalat jenazah) kerana bacaan fatihah yang ada padanya. (Dia memperlakukan suara dengannya pada shalat perlahan dan shalat nyaring). Sama seperti istiftah.

(ثُمَّ) يأتي بالركن الثالث وهو أن (يَقْرَأَ الفَاتِحَةَ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ. سِوَاءَ الإِمَامِ وَالْمَأْمُومِ وَالْمُنْفَرِدِ. وَالْبَسْمَلَةَ آيَةً مِنْهَا). وهي الآية السابعة من الفاتحة (و) آية (مِنْ كُلِّ سُورَةٍ غَيْرِ بَرَاءَةٍ). وأما هي فتكره في أولها وتستحب في أثنائها عند الرملي، وتحرم في أولها وتكره في أثنائها عند ابن حجر.

378. (Kemudian) dia mendatangkan rukun ketiga iaitu bahawa (dia membaca fatihah pada setiap rakaat. Sama imam dan makmum dan munfarid. Basmalah satu ayat daripadanya), dan ianya adalah ayat ketujuh daripada

fatihah, (**dan**) satu ayat (**daripada setiap surah yang selain bara'ah**). Adapun bara'ah maka dimakruhkan basmalah pada awalnya dan disunatkan ia di tengahnya di sisi Ramli, dan haram ia diawalnya dan dimakruhkan ia di tengahnya di sisi Ibnu Hajar.

(وَيَجِبُ) في الفاتحة (تَرْتِيبُهَا) بأن يأتي بها على النظم المعروف (وَتَوَالِيهَا) بأن يأتي بكلماتها على الولااء من غير سكوت.

379. (**Wajib**) pada fatihah (**tertibnya**), dengan bahawa dia mendatangkannya diatas susunannya yang makruf, (**dan berturutannya**) dengan bahawa dia mendatangkan kalimah-kalimahnya berturutan tanpa diam.

(فَإِنْ سَكَتَ فِيهَا عَمْدًا وَطَالَ أَوْ قَصَرَ) السكوت (وَقَصَدَ) به (قَطَعَ الْقِرَاءَةَ، أَوْ حَلَّلَهَا)، أي أتى في خلال الفاتحة، (بِذِكْرٍ أَوْ قِرَاءَةٍ مِنْ غَيْرِهَا) حال كون الذكر والقراءة (مِمَّا لَيْسَ مِنْ مَصْلَحَةِ الصَّلَاةِ انْقَطَعَتْ قِرَاءَتُهُ) لأنه أتى بأجنبي في أثنائها (وَيَسْتَأْنِفُهَا).

380. (**Maka jika dia diam padanya dengan sengaja dan panjang atau singkat**) diam itu (**dan dia kasadkan**) dengannya (**hendak memutuskan bacaan, atau dia menyelanginya**), iaitu mendatangkan dicelah-celah fatihah, (**dengan zikir atau bacaan selainnya**) hal keadaan zikir dan bacaan itu (**daripada apa yang bukan daripada maslahat shalat terputus bacaannya**) kerana dia mendatangkan suatu yang ajnabi ditengahnya, (**dan dia memulakannya semula**).

(وَإِنْ كَانَ) ما ذكر من الذكر والقراءة (مِنْ مَصْلَحَةِ الصَّلَاةِ كَتَامِينِهِ لِتَأْمِينِ إِمَامِهِ)، مثال للذكر، (أَوْ فَتْحِهِ عَلَيْهِ إِذَا عَلَطَ)، أي تلقينه ما تردد فيه من القرآن وهو مثال للقرآن في أثناء الفاتحة لمصلحة الصلاة، (أَوْ سُجُودِهِ لِتِلَاوَتِهِ وَنَحْوِهَا)، أي المذكورات كسؤال الرحمة والاستجارة من العذاب عند سماع آياتهما، (أَوْ سَكَتَ أَوْ ذَكَرَ)، أي أتى بالذكر، (نَاسِيًا لَمْ تَنْقَطِعْ) القراءة. والإيعاء كالنسيان.

381. (**Dan jika adalah**) apa yang disebutkan daripada zikir dan bacaan itu (**sebahagian daripada maslahat shalat seperti ucap aminnya kerana ucap amin imamnya**), contoh bagi zikir, (**atau membukanya akan imamnya bila dia silap**), iaitu mengajarkan dia apa yang dia berulang-alik padanya dari pada Quran, yang mana ia contoh bagi bacaan Quran di tengah fatihahnya kerana masalahat shalat, (**atau sujudnya kerana tilawah dan umpamanya**), iaitu segala yang disebutkan tadi seperti memohon rahmat dan mohon disimpangkan dari azab ketika mendengar ayat keduanya, (**atau dia diam atau berzikir**), iaitu mendatangkan zikir, (**dalam keadaan lupa tidak putus**) bacaan fatihahnya. Mengah sama seperti lupa.

(وَلَوْ تَرَكَ مِنْهَا) أي الفاتحة (حَرْفًا أَوْ تَشْدِيدَةً أَوْ أَبَدَلَ حَرْفًا بِحَرْفٍ) كإبدال ذال الذين دالا أو زايا (لَمْ تَصِحَّ) قراءته لهذه الكلمة، فيجب إعادة قراءته تلك الكلمة فقط على الصواب ولا تبطل صلاته إلا إن غير المعنى وتعمد.

382. (Kalau dia meninggalkan daripadanya), iaitu fatihah, (satu huruf atau satu tasydid atau dia menggantikan satu huruf dengan huruf lain) seperti menggantikan zhal "الذين" dengan dhal atau zai (tidak sah) bacaannya akan kalimah ini. Maka wajib dia mengulang baca akan kalimah ini sahaja menurut yang betul, dan tidak batal shalatnya melainkan jika ia mengubah makna dan dia sengajakan.

(وَإِذَا قَالَ وَلَا الضَّالِّينَ قَالَ آمِينَ)، فيؤمن لقراءته، (سِرًّا فِي السَّرِّيَّةِ وَجَهْرًا فِي الْجَهْرِيَّةِ. وَيُؤْمِنُ الْمَأْمُومُ جَهْرًا مُقَارِنًا لِتَأْمِينِ إِمَامِهِ فِي الْجَهْرِيَّةِ وَيُؤْمِنُ ثَانِيًا لِفِرَاقِ فَاتِحَتِهِ)، فتأمينه أولاً تبع لإمامه وثانياً لقراءته.

383. (Apabila dia kata "ولا الضالين" dia kata "آمين") maka dia mengucap amin kerana bacaan dirinya, (perlahan pada shalat perlahan dan nyaring pada shalat nyaring. Makmum mengucap amin dengan nyaring berserta dengan ucapan amin imamnya pada shalat nyaring dan dia mengucap amin kali kedua kerana selesai fatihahnya sendiri). Maka ucapan aminnya kali pertama mengikut imamnya dan kali kedua kerana bacaannya sendiri.

(ثُمَّ يُنْدَبُ لِإِمَامٍ وَمُنْفَرِدٍ)، وأما المأموم فالسنة في حقه استماع قراءة إمامه، فإن لم يسمع ندبت له السورة أيضاً، (فِي الرَّكْعَةِ الْأُولَى وَالثَّانِيَةِ فَقَطْ بَعْدَ الْفَاتِحَةِ قِرَاءَةَ سُورَةٍ كَامِلَةٍ). ويحصل أصل السنة بقراءة شيء من القرآن بعد الفاتحة، لكن السورة بتمامها أفضل من بعض سورة، ولو كان ذلك البعض أطول.

384. (Kemudian disunatkan bagi imam dan orang yang shalat sendirian), adapun makmum maka sunat pada haknya mendengar bacaan imamnya, maka jika dia tidak mendengar disunatkan baginya surah juga, (pada rakaat pertama dan kedua sahaja selepas fatihah akan bacaan surah yang sempurna). Terhasil asal sunat itu dengan membaca suatu daripada Quran selepas fatihah, akan tetapi satu surah dengan sempurnanya terafdhal dari sebahagian surah walaupun adalah yang sebahagian itu lebih panjang.

(وَيُنْدَبُ لِصُبْحٍ وَلِظَهْرِ طَوَالِ الْمَفْصَلِ)، وهو من الحجرات، وطواله إلى عمّ. (وَعَصْرٍ وَعِشَاءٍ أَوْسَاطُهُ). والأوساط من عم إلى الضحي. (وَمَغْرِبٍ قِصَارُهُ إِنْ رَضِيَ بِطَوَالِهِ وَأَوْسَاطِهِ مَأْمُومُونَ مَحْصُورُونَ. وَإِلَّا خَفَّ) بأن يقرأ سورة من القصار.

385. (Disunatkan bagi subuh dan bagi zuhur surah-surah panjang yang terpisah-pisah). surah-surah mufassal itu mula dari al Hujurat, dan yang panjang-panjangnya hingga kepada 'Ammah. (dan bagi asar dan isyak yang sederhananya). surah-surah yang sederhana itu mula dari 'Ammah hingga ad

Dhuha. (dan bagi maghrib yang pendek-pendeknya, jika redha dengan yang panjang-panjang dan yang sederhananya para makmum yang mahshur. Jika tidak dia meringankan) dengan bahawa dia membaca surah yang pendek-pendek.

(وَ) سن (لِصَبْحِ) يوم (الْجُمُعَةِ) أَلَمْ تَنْزِيلُ وَهَلْ أَتَى) بِأَكْمَلِهِمَا، وَإِنْ لَمْ يَكُنِ الْمَأْمُومُونَ مُحْصُورِينَ (وَ) سن (لِسُنَّةِ الْمَغْرِبِ وَلِسُنَّةِ الصُّبْحِ وَرَكَعَتِي الطَّوَافِ وَالِاسْتِخَارَةَ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ وَالْإِخْلَاصُ) فِي الثَّانِيَةِ.

386. (Dan) sunat (bagi subuh) hari (Jumaat "لم تنزِيل" dan "هل أتاك") dengan sempurna keduanya, sekalipun makmum tidak terhingga. (Dan) sunat (bagi sunat maghrib dan bagi sunat subuh dan dua rakaat tawaf dan istikharah "الكافرون" dan "الإخلاص") pada rakaat yang kedua.

(وَيُنْدَبُ التَّرْتِيلُ)، وهو أن يقرأه على الوجه الذي نزل بالغنّ والمد، (والتدبُّرُ) أي التأمل في معناه.

387. (Dan sunat tartil), iaitu bahawa dia membaca diatas wajah yang ia turun, dengan dengung dan mad, (dan tadabbur), iaitu mengamati maknanya.

(وَتُكْرَهُ السُّورَةُ لِمَأْمُومٍ يَسْمَعُ قِرَاءَةَ الْإِمَامِ. فَإِنْ كَانَتْ) الصَّلَاةَ (سِرِّيَّةً أَوْ جَهْرِيَّةً وَلَمْ يَسْمَعْ) الْمَأْمُومُ قِرَاءَةَ الْإِمَامِ (لِبُعْدٍ) عَنْهُ (أَوْ صَدَمَ نُدِبَتْ) السُّورَةُ (لَهُ أَيْضًا. وَكَذَا) تَنْدَبُ لَهُ السُّورَةُ (لَوْ كَانَ يَسْمَعُ قِرَاءَةَ الْإِمَامِ وَلَمْ يَفْهَمْ) معناها (عَلَى الْأَصَحِّ).

388. (Dimakruhkan surah bagi makmum yang mendengar bacaan imam. Maka jika adalah) shalat itu (perlahan atau nyaring dan tidak mendengar) makmum akan bacaan imamnya (kerana jauh) darinya (atau tuli disunatkan) surah (baginya juga. Begitu juga) sunat baginya surah (kalau adalah dia mendengar bacaan imam dan dia tidak faham) maknanya, (diatas yang paling sah).

(وَيُطَوَّلُ) الْمُصَلِّي نَدْبًا قِرَاءَةَ الرَّكَعَةِ (الْأُولَى عَلَى الثَّانِيَةِ. وَلَوْ فَاتَ الْمَسْبُوقُ رَكَعَتَانِ) مَعَ الْإِمَامِ (فَتَدَارَكُهُمَا بَعْدَ السَّلَامِ) مِنَ الْإِمَامِ (نُدِبَتْ السُّورَةُ فِيهِمَا سِرًّا)، إِنْ لَمْ يَكُنْ أَتَى بِهَا فِيهِمَا مَعَ الْإِمَامِ. وَيَسِرُّ بِهَا وَلَوْ كَانَتْ الصَّلَاةَ جَهْرِيَّةً.

389. (Dan memanjang) mushali diatas jalan sunat akan bacaan rakaat (pertama diatas yang kedua. Kalau masbuk luput dua rakaat) bersama imam (maka dia memperdapatkan keduanya selepas salam) imamnya (sunat surah pada keduanya dengan perlahan), jika dia tidak mendatangkannya pada keduanya bersama imam. Dia memperlahkannya, walaupun adalah shalat itu nyaring.

(وَيَجْهَرُ الْإِمَامُ وَالْمُنْفَرِدُ) بِالْقِرَاءَةِ (فِي الصُّبْحِ وَالْجُمُعَةِ وَالْعِيدَيْنِ وَالِاسْتِسْقَاءِ وَخُسُوفِ الْقَمَرِ وَالتَّرَاوِيحِ وَالْأُولَيَيْنِ مِنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ). هَذِهِ الصَّلَوَاتُ

هي محل الجهر بالقراءة. (وَيُسْرُ فِي الْبَاقِي). هذا كله في الأداء. وأشار إلى القضاء بقوله:

390. (Menyaring suara oleh imam dan munfarid) dengan bacaan (pada subuh dan Jumaat dan dua raya dan istisqa' dan gerhana bulan dan tarawih dan dua rakaat pertama maghrib dan isyak). Shalat-shalat ini adalah tempat menyaringkan bacaan. (dan dia memperlahankan suara pada yang tinggal lagi). Ini semuanya pada tunai. Dia isyarat kepada kadha dengan katanya:

(فَإِنْ قَضَى فَائِتَةَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَيْلًا جَهْرًا أَوْ) قَضَى (فَائِتَةَ النَّهَارِ وَاللَّيْلِ نَهَارًا أَسْرًا، إِلَّا الصُّبْحَ فَإِنَّهُ يَجْهَرُ بِقَضَائِهَا مُطْلَقًا). هذا مستثنى من الإسرار في القضاء إذا قضى نهارًا، فاستثنى الصبح فإنه يجهر بقضائها، أي بالقضاء الذي يكون في وقتها، فإن العبرة في المقضية بوقت القضاء لا بالمقضي. فالصبح لو صلى منها ركعة في وقتها فإنه يجهر ثم لو طلعت الشمس في الثانية فإنه يسر. فهذا هو الداعي لتأويل كلام المصنف.

391. (Maka jika dia mengkadha pada waktu akan shalat malam dan shalat siang yang luput dia menyaring suara, atau) dia mengkadha (pada waktu siang akan shalat siang dan malam yang luput dia memperlahankan suara, melainkan subuh, maka dia menyaringkan kadhanya semata-mata). Ini pengecualian dari bacaan perlahan pada kadha apabila ia dikadha pada siang hari. Maka musannif mengecualikan subuh maka dia menyaringkan suara pada mengkadhanya, iaitu pada kadha yang jatuh pada waktunya, maka perkiraan pada shalat yang dikadha adalah dengan waktu kadha bukan dengan shalat yang dikadha itu. Maka subuh kalau dia shalat daripadanya satu rakaat didalam waktunya maka dia menyaringkan suara kemudian kalau terbit matahari pada rakaat keduanya maka dia memperlahankan suara. Maka ini adalah faktor yang menyeru kepada ditakwilkan kalam musannif itu.

(وَمَنْ لَا يُحْسِنُ الْفَاتِحَةَ لَزِمَهُ تَعَلُّمُهَا)، أي حفظها، (وَأِلَّا فَقَرَأَتْهَا مِنْ مُصْحَفٍ. فَإِنْ عَجَزَ لِعَدَمِ ذَلِكَ أَوْ لَمْ يَجِدْ مُعَلِّمًا أَوْ ضَاقَ الْوَقْتُ حَرَمَتْ بِالْعَجْمِيَّةِ)، فلا يترجمها. (فَإِنْ أَحْسَنَ غَيْرَهَا) من القرآن (لَزِمَهُ سَدْبُ آيَاتٍ لَا يَنْقُصُ حُرُوفُهَا عَنْ حُرُوفِ الْفَاتِحَةِ) بأن يساوي أو يزيد. (فَإِنْ لَمْ يُحْسِنِ قُرْآنًا لَزِمَهُ سَبْعَةُ أَدْكَارٍ بَعْدَ حُرُوفِهَا. فَإِنْ أَحْسَنَ بَعْضَ الْفَاتِحَةِ قَرَأَهُ)، أي ذلك البعض، (وَأَتَى بَدَلَهُ)، أي المعجوز عنه، (مِنْ قُرْآنٍ أَوْ ذِكْرٍ) إن لم يحسن القرآن.

392. (Orang yang tidak pandai fatimah lazim dia mempelajarinya), iaitu menghafalnya. (Jika tidak maka membacanya dari mushaf. Maka jika dia lemah kerana ketiadaan demikian itu atau dia tidak mendapat orang yang mengajar atau sempit waktunya haram ia dengan bahasa ajam).

Maka dia tidak menterjemahkannya. (Maka jika dia pandai selainnya) daripada Quran (melaziminya tujuh ayat yang tidak kurang huruf-hurufnya dari huruf-huruf fatihah) dengan bahawa ia sama banyak atau lebih. (Maka jika dia tidak pandai Quran melazimi dia tujuh zikir dengan bilangan huruf-huruf fatihah. Maka jika dia pandai sebahagian fatihah dia membacanya), iaitu sebahagian itu, (dan mendatangkan gantinya), iaitu apa yang dia lemah darinya, (daripada Quran atau zikir) jika dia tidak pandai Quran .

(فَإِنْ حَفِظَ) النصف (الأوّل) من الفاتحة (قَرَأَهُ) أو لا (تُثمَّ أتی بِالْبَدَلِ، أو الأخر) من الفاتحة (أتی بِالْبَدَلِ ثمَّ قَرَأَهُ) أي ما حفظه من الفاتحة ثانياً. (فَإِنْ لَمْ يُحْسِنْ شَيْئًا وَقَفَّ بِقَدْرِ الْفَاتِحَةِ وَلَا إِعَادَةَ عَلَيْهِ). ثم ذكر الركن الرابع بقوله:

393. (Maka jika dia hafal) setengah (pertama) daripada fatihah (dia membacanya) mula-mula (kemudian dia mendatangkan gantinya, atau setengah yang akhir) daripadanya (dia mendatangkan gantinya kemudian dia membacanya) iaitu apa yang dia hafal daripada fatihah itu selepas pengganti itu. (Maka jika dia tidak pandai suatu dia berdiri dengan kadar fatihah dan tidak ada ulang di atasnya). Kemudian dia menyebutkan rukun keempat dengan katanya:

(وَالْقِيَامُ رُكْنٌ فِي الْمَفْرُوضَةِ)، لا النافلة. (وَشَرَطُهُ أَنْ يَنْصِبَ فِقَارَ ظَهْرِهِ) ولو مستندا إلى شيء. (فَإِنْ مَالَ بِحَيْثُ خَرَجَ عَنِ الْقِيَامِ أَوْ انْحَدَى وَصَارَ إِلَى الرُّكُوعِ أَقْرَبَ لَمْ يَجُزْ)، أي لم يكف عن القيام. (وَلَوْ تَقَوَّسَ ظَهْرُهُ لِكِبْرٍ أَوْ غَيْرِهِ حَتَّى صَارَ كَرَاعٍ وَقَفَّ كَذَلِكَ)، أي على حالته وهيدته، (ثمَّ زَادَ انْحِدَاءَ لِلرُّكُوعِ إِنْ قَدَرَ) على الزيادة.

394. (Dan qiam i.e berdiri adalah rukun pada shalat fardu), tidak shalat sunat. (Syaratnya bahawa dia menegakkan tulang belakangnya) walaupun dengan bersandar kepada suatu. (Maka jika dia condong sekiranya dia keluar dari nama berdiri atau dia membongkok dan jadilah dia lebih dekat kepada rukuk tidak memada ia), iaitu tidak cukup ia dari qiam. (Kalau bengkok belakangnya kerana tua atau selainnya sehingga jadilah ia seperti orang rukuk dia berdiri seperti demikian itu), iaitu diatas keadaannya dan kelakuannya, (kemudian dia melebihkan bongkok untuk rukuk jika dia kuasa) melebihkan.

(وَيُكْرَهُ أَنْ يَقُومَ عَلَى رَجُلٍ وَاحِدَةٍ وَأَنْ يُلْصِقَ قَدَمَيْهِ وَأَنْ يُقَدِّمَ إِحْدَاهُمَا عَلَى الأخرى. وَتَطْوِيلُ الْقِيَامِ أَفْضَلُ مِنْ تَطْوِيلِ السُّجُودِ وَالرُّكُوعِ)، لأن ذكره القراءة وهي أفضل من ذكر الركوع والسجود.

395. (Makruh bahawa dia berdiri diatas satu kaki dan bahawa dia mendempakkan dua tapak kakinya dan bahawa dia mengkedepankan satu daripada keduanya diatas yang satu lagi. Memanjangkan qiam terafdhal dari memanjangkan sujud dan rukuk) kerana zikirnya adalah bacaan Quran yang mana ia terafdhal dari zikir rukuk dan sujud.

(وَيُبَاحُ النَّفْلُ قَاعِدًا وَمُضْطَجِعًا مَعَ) وجود (الْقُدْرَةَ عَلَى الْقِيَامِ)، ولكن القيام أفضل. والقعود أفضل من الاضطجاع. ثم ذكر خامس الأركان بقوله:

396. (**Harus shalat sunat dalam keadaan duduk dan baring serta**) ada (**mampu diatas berdiri**), akan tetapi qiam itu terafdhal, dan duduk terafdhal dari baring. Kemudian dia menyebutkan yang kelima daripada rukun-rukun itu dengan katanya:

(ثُمَّ يَرْكَعُ. وَأَقْلَهُ أَنْ يَنْحَنِيَ بِحَيْثُ لَوْ أَرَادَ وَضَعَ رَاحَتَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ مَعَ اعْتِدَالِ الْخَلْقَةِ لَقَدَرَ) بلا انحناس، ولو بمعين أو باعتماد على شيء. فإن لم يقدر على ذلك انحنى بقدر إمكانه.

397. (**Kemudian dia rukuk. Sekurang-kurangnya bahawa dia membongkok sekira-kira kalau dia hendak meletakkan dua perut tapak tangannya diatas dua lututnya serta sederhana kejadian tubuhnya nescaya dia dapat**), dengan tidak melentik ke belakang. Walaupun dengan orang lain membantu atau dengan bertelekan diatas sesuatu. Maka jika dia tidak kuasa diatas demikian itu dia membongkok seberapa terbole.

(وَتَجِبُ الطَّمَأِينَةُ)، وهي ركن أو هيئة. وعلى كل لا بد منها. (وَأَقْلَهُ سُدُكُونٌ بَعْدَ حَرَكَةٍ، وَ) يجب (أَنْ لَا يَقْصِدَ بِهَوِيٍّ غَيْرِ الرُّكُوعِ). فلا يجب قصده. إنما الضار صرف الهوى عنه كأن يهوى لسجود تلاوة فلما وصل لحد الركوع صرفه إليه، فلا يكفي. ولو انحنى فسقط قبل أقل الركوع لزمه العود لما سقط منه. ولو ركع واطمأن ثم سقط لزمه أن يعتدل قائماً.

398. (**Wajib tama'ninah**). Ia adalah rukun atau kelakuan. Dan diatas setiap satunya tidak dapat tidak daripadanya. (**Sekurang-kurangnya adalah diam selepas gerak. Dan**) wajib (**bahawa dia tidak mengkasad dengan turunnya akan selain rukuk**). Maka tidak wajib mengkasadnya, hanya yang memudharatkan adalah memalingkan turunnya itu dari rukuk seperti bahawa dia turun untuk sujud tilawah maka tatkala sampai had rukuk dia memalingkannya kepada rukuk, maka tidak memada ia. Kalau dia membongkok maka dia jatuh sebelum sekurang-kurangnya rukuk lazim dia kembali kepada kedudukannya yang dia jatuh darinya. Kalau dia rukuk dan tama'ninah kemudian dia jatuh lazim dia berdiri seimbang semula.

(وَأَكْمَلُ الرُّكُوعِ أَنْ يُكَبِّرَ رَافِعًا يَدَيْهِ، فَيَبْتَدِئُ الرَّفْعَ مَعَ التَّكْبِيرِ، فَإِذَا حَادَى كَفَّاهُ مِنْكِبَيْهِ انْحَنَى) إلى الركوع.

399. (**Yang paling sempurna bagi rukuk itu bahawa dia takbir seraya mengangkat dua tangannya, maka dia mula mengangkatnya berserta takbir, maka apabila dua tapak tangannya setentang dua kepala bahunya dia membongkok**) kepada rukuk.

(وَ) يَنْدُبُ أَنْ (يَمُدَّ تَكْبِيرَاتِ الْإِنْتِقَالَاتِ) حَتَّى يَصِلَ إِلَى الرُّكْنِ الْمُنْتَقِلِ إِلَيْهِ. فَيَبْتَدِئُ مِثْلًا عِنْدَ قِيَامِهِ مِنَ السُّجُودِ التَّكْبِيرِ وَيَطِيلُهُ حَتَّى يَسْتَعْرِقَ جَلْسَةَ الْإِسْتِرَاحَةِ وَيَنْتَصِبُ قَائِمًا. فَلَوْ قَطَعَهُ لَمْ يَأْتِ بِتَكْبِيرِ ثَانٍ بَلْ بِذِكْرِ آخَرَ.

400. (Dan) sunat bahawa (dia melanjutkan takbir-takbir intiqalat) hingga dia sampai kepada rukun yang dia berpindah kepdanya. Maka dia memulakan sebagai contoh di sisi qiamnya dari sujud akan takbir dan dia memanjangkannya sehingga dia menghabiskan duduk istirahat dan tegak berdiri. Maka kalau dia memutuskannya dia tidak mendatangkan takbir kedua, sebaliknya zikir yang lain.

(وَ) يَنْدُبُ أَنْ (يَضَعَ يَدَيْهِ) وَهُوَ رَاكِعٌ (عَلَى رُكْبَتَيْهِ مُفَرَّقَةً الْأَصَابِعَ وَيَمُدُّ ظَهْرَهُ وَعُنُقَهُ) حَتَّى يَصِيرَ كَالصَّفِيحَةِ، (وَيَنْصِبُ سَاقَيْهِ وَيُجَافِي)، أَيِ يَبَاعِدُ (مِرْفَقَيْهِ عَنِ جَنْبَيْهِ. وَتَضُمُّ الْمَرْأَةُ) بَعْضَهَا إِلَى بَعْضٍ مَبَالِغَةً فِي السُّتْرِ.

401. (Dan) sunat bahawa (dia meletakkan dua tangannya) sedang dia rukuk (diatas dua lututnya dalam keadaan jarang jari-jarinya dan dia melunjurkan belakangnya dan tengkoknya) sehingga menjadi seperti sekeping papan, (dan dia menegakkan dua betisnya dan merenggangkan), iaitu menjarakkan, (dua sikunya dari dua lambungnya. Wanita menghimpunkan) sebahagiannya kepada sebahagian yang lain kerana mendalami pada menutupi tubuh.

(وَ) يَنْدُبُ أَنْ (يَقُولَ) وَهُوَ رَاكِعٌ (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ ثَلَاثًا وَهُوَ أَدْنَى الْكَمَالِ). وَيَحْصُلُ أَوَّلُ السَّنَةِ بِوَاحِدَةٍ. (وَيَزِيدُ الْمُنْفَرِدُ وَكَذَا الْإِمَامُ إِنْ رَضِيَ الْمَأْمُومُونَ وَهُمْ مَحْصُورُونَ خَامِسَةً)، أَيِ تَسْبِيحَةٍ خَامِسَةٍ بَعْدَ رَابِعَةٍ. وَهَكَذَا قَوْلُهُ، (وَسَابِعَةً وَتَاسِعَةً وَحَادِي عَشَرَ). فَنَهَايَةُ الْكَمَالِ إِحْدَى عَشْرَةَ تَسْبِيحَةً.

402. (Dan) sunat bahawa (dia berkata) sedang dia rukuk ("mahasuci Tuhan ku yang maha besar", tiga kali yang mana ia sekurang-kurangnya sempurna). Terhasil asal sunat dengan sekali. (Menambah munfarid begitu juga imam jika para makmum yang terbatas redha akan yang kelima), iaitu tasbih kelima selepas yang keempat. Seperti inilah katanya. (dan ketujuh dan kesembilan dan kesebelas). Maka penghujung sempurna itu sebelas tasbih.

(ثُمَّ) بَعْدَ التَّسْبِيحِ (يَقُولُ اللَّهُمَّ لَكَ رَكَعْتُ وَبِكَ أَمَدْتُ وَلَكَ أَسَلْتُ خَشَعْتُ لَكَ سَمْعِي وَبَصْرِي وَمُخِي وَعَظْمِي وَعَصْبِي) وَشَعْرِي وَبَشْرِي (وَمَا اسْتَقَلَّتْ بِهِ قَدَمِي). هُوَ كُنَايَةٌ عَنِ جَمِيعِ ذَاتِهِ. ثُمَّ أَشَارَ إِلَى الرُّكْنِ السَّادِسِ بِقَوْلِهِ:

403. (Kemudian) selepas tasbih (dia membaca "ya Allah kepada Mu aku rukuk dan dengan Mu aku beriman dan kepada Mu aku berserah diri, khusyuk buat Mu pendengar ku dan penglihat ku dan otak ku dan tulang ku dan urat ku) dan rambut ku dan kulit ku (dan apa yang menanggung berat dengannya oleh tapak kaki ku"). Ia kinayah dari seluruh zatnya. Kemudian dia mengisyarat kepada rukun keenam dengan katanya:

ثُمَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ. وَأَقْلَهُ أَنْ يَعُودَ إِلَى مَا كَانَ عَلَيْهِ) من قِيَامٍ أَوْ قَعُودٍ أَوْ اضْطِجَاعٍ. ثُمَّ أَشَارَ إِلَى الرُّكْنِ السَّابِعِ بِقَوْلِهِ:

404. (Kemudian dia mengangkat kepalanya. Dan sekurang-kurangnya bahwa dia kembali kepada apa dia di atasnya) daripada qiam atau duduk atau baring. Kemudian dia mengisyarat kepada rukun ketujuh dengan katanya: (وَيَطْمَئِنُّ. وَيَجِبُ أَنْ لَا يَقْصِدَ غَيْرَ الْإِعْتِدَالِ. فَلَوْ رَفَعَ) من اعتداله حال كونه (فَرَعًا مِنْ حَيَّةٍ وَنَحْوِهَا لَمْ يَجْزِئِهِ) ذلك الرفع للصارف، ويلزمه أن يعود إلى الركوع ويرفع منه.

405. (Dan dia tama'ninah. Wajib bahwa dia tidak bermaksud selain i'tidal. Maka kalau dia bangkit) dari i'tidalnya dalam keadaan dia (terkejut kerana ular dan umpamanya tidak memadainya) bangkit itu itu kerana ada perkara yang memalingkan. Lazim dia kembali kepada rukuk dan bangkit semula darinya.

(وَأَكْمَلُهُ أَنْ يَرْفَعَ يَدَيْهِ حَالَ ارْتِفَاعِهِ) بأن يكون رفع اليدين مقارنا لرفع رأسه (قَائِلًا) مع الرفع (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. سِوَاءَ الْإِمَامِ وَالْمَأْمُومِ وَالْمُنْفَرِدِ. فَبِأَدَا أَنْتَصَبَ قَائِمًا قَالَ رَبَّنَا ذَاكَ الْحَمْدُ). يجهر الإمام بالتسميع، ويسر بما بعده، ويسر غيره بالكل (مِلْءُ السَّمَوَاتِ وَمِلْءُ الْأَرْضِ وَمِلْءُ مَا شِئْتُمْ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ)، أي نثني عليك ثناء لو جسم كان ملء ذلك.

406. (Paling sempurnanya bahwa dia mengangkat dua tangannya ketika bangkitnya), dengan bahwa adalah angkat dua tangan itu berserta dengan angkat kepalanya (seraya dia berkata) beserta angkat itu ("Allah mendengar orang yang memujinya". Sama imam dan makmum dan munfarid. Maka apabila dia tegak berdiri dia membaca "wahai Tuhan kami bagi Mu kepujian itu"). Menyaring suara oleh imam dengan tujuan memperdengarkan. Dan dia memperlahankan apa yang selepasnya, dan memperlahankan semuanya oleh orang selain dia. ("sepenuh langit dan sepenuh bumi dan sepenuh apa yang Engkau mahukan daripada sesuatu selepas itu"), iaitu Kami menyebut-nyebut kebaikan Mu dengan sebutan yang kalau dijadikan jisim nescaya ia memenuhi demikian itu.

(وَيَزِيدُ مَنْ قُلْنَا يَزِيدُ فِي الرُّكُوعِ) من منفرد وإمام محصورين (أهل النداء)، بالنصب على النداء وبالرفع خبر مبتدأ محذوف أي أنت أهل للمدح، (وَالْمَجْدِ)، أي الرفعة، (أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ وَكُنَّا ذَاكَ عَبْدٌ لَا مَانِعَ لِمَا أُعْطِيَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعَتْ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ).

407. (Menambah orang yang kami katakan dia menambah pada rukuk), daripada munfarid dan imam makmum terbatas, ("ahli pujian") - "النداء" - dengan nashab diatas nida' dan dengan rafa' khabar muftada yang di hazafkan iaitu "أنت" - "أهل للمدح" - "dan ketinggian" - "المجد" - ("yang berhak kepada apa yang dikatakan oleh hamba-Mu dan kami semuanya hamba-Mu, tidak

ada yang dapat menegah akan apa yang Engkau beri dan tidak ada yang dapat memberi akan apa yang Engkau tegah dan tidak bermanfaat kepada orang yang kaya dari Mu oleh kekayaannya”).

أحق مبتدأ مضاف لما بعده. وجملة وكلنا لك حالية. وجملة لا مانع إلى آخرها خبر المبتدأ. وكان هذا أحق قول لأن فيه اعترافاً بألوهيته وحكمته وإنصافه. والجد بالفتح الغنى أو الحظ وبالكسر الاجتهاد. ثم أشار إلى الركن الثامن بقوله:

408. "وكلنا" muftada yang diidhafatkan kepada apa yang selepasnya. Jumlah "وكلنا" hal, dan jumlah "لا مانع" hingga akhirnya khabar muftada'. Adalah ini kata-kata yang paling benar kerana padanya terdapat pengakuan dengan ketuhanannya dan hikmahnya dan keadilanNya. "الجد" dengan fathah adalah kekayaan atau habuan, dan dengan kasrah adalah kesungguhan. Kemudian dia mengisyarat kepada rukun kelapan dengan katanya:

(ثُمَّ يَسْجُدُ. وَشُرُوطُ إِجْرَائِهِ أَنْ يُبَاشِرَ مُصَلَّاهُ بِجَبْهَتِهِ أَوْ بَعْضِهَا مَكْشُوفًا).
ولا يجب عليه أن يباشر بكل الجبهة إنما وضع بعضها مكروه تنزيها. ولا يصح وضع غير الجبهة من جبين وخذ وغيرهما لآعلى الجبهة وهي مستورة. فلو سجد على عصابة لم يصح السجود إلا أن يكون الستر لمرض يشق معه إزالة الحائل مشقة شديدة، فيصح السجود حينئذ للضرورة. ثم أشار إلى الركن التاسع بقوله:

409. (Kemudian dia sujud. Syarat-syarat memadanya bahawa dia menyentuh tempat shalatnya dengan dahinya atau sebahagiannya dalam keadaan terdedah). Tidak wajib dia menyentuhkan seluruh dahi, hanya meletakkan sebahagiannya dimakruhkan sebagai makruh tanzih^{iv}. Tidak sah meletakkan selain dahi daripada pelipis dan pipi dan selain keduanya tidak diatas dahi sedang ia tertutup^v. Maka kalau dia sujud diatas pembalut tidak sah sujud itu melainkan bahawa adalah balutan itu kerana sakit yang payah bersamanya menghilangkan pelapik itu dengan payah yang kuat, maka sah sujud ketika itu kerana darurat. Kemudian dia mengisyarat kepada rukun kesembilan dengan katanya:

(وَيَطْمِئِنَّ وَأَنْ يَنَالَ مُصَلَّاهُ ثِقَلَ رَأْسِهِ)، يعني لا بد أن يكون السجود بتحامل بحيث لو فرض أنه سجد على قطن أو نحوه لاندك ولا يكتفي بإرخاء رأسه. ولا يجب التحامل في غير الجبهة من سائر الأعضاء. (وَأَنْ تَكُونَ عَجِزَتَهُ أَعْلَى مِنْ رَأْسِهِ). فلو تساويا لم يجزه.

410. (Dan bahawa dia tama'ninah, dan bahawa dia mengenakan tempat shalatnya dengan berat kepalanya), iaitu tidak dapat tidak bahawa adalah sujud itu dengan tekan sekira-kira kalau diandaikan dia sujud diatas kapas atau seumpamanya nescaya ia tertekan kebawah. Tidak memada dengan melabuhkan kepalanya dan tidak wajib tekan pada selain dahi daripada sekalian anggota-

anggota sujud. (**dan bahawa adalah punggungnya lebih tinggi dari kepalanya**). Maka kalau keduanya sama ia tidak memadainya.

(وَأَنْ لَا يَسْجُدَ عَلَى مُتَّصِلٍ بِهِ يَتَحَرَّكُ بِحَرَكَتِهِ كَكُمْ وَعِمَامَةٍ). فلو كان متصلا به لكن لا يتحرك بحركته صح عليه السجود. وإذا سجد على ما يتحرك بحركته عامدا بطلت صلاته. وإن سجد ساهيا أو غير عالم بالتحريم وجب إعادة السجود.

411. (**dan bahawa dia tidak sujud diatas suatu yang berhubung dengan dirinya yang bergerak dengan gerakannya seperti lengan baju dan serban**). Maka kalau ia berhubung dengannya akan tetapi tidak bergerak dengan gerakannya sah sujud itu diatasnya. Apabila dia sujud diatas apa yang bergerak dengan gerakannya dengan sengaja batal shalatnya. Jika dia sujud dalam keadaan lalai atau tidak tahukan haramnya wajib ulang sujud itu.

(و) يشترط (أَنْ لَا يَقْصِدَ بِهِوِيَّهِ غَيْرَ السُّجُودِ). فلو سقط على وجهه من الاعتدال وجب العود إليه ويسجد. (و) يشترط أيضا (أَنْ يَضَعَ جُزْءًا مِنْ رِجْلَيْهِ وَبُطُونِ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ وَكَفَيْهِ عَلَى الْأَرْضِ). ولا يجب السجود على الأنف. فإذا أخل بشيء من ذلك عامدا عالما بطلت صلاته.

412. (**dan**) disyaratkan (**bahawa dia tidak mengkasad dengan turunnya akan selain sujud**). Maka kalau dia jatuh diatas mukanya dari i'tidal wajib kembali kepadanya dan sujud. (**dan**) disyaratkan juga bahawa (**dia meletakkan satu juzuk daripada dua lututnya dan perut jari-jari dua kakinya dan perut dua tapak tangannya diatas bumi**). Tidak wajib sujud diatas hidung. Maka apabila dia mencederakan suatu daripada demikian itu dalam keadaan sengaja lagi tahu batal shalatnya.

(وَلَوْ تَعَذَّرَ التَّنْكِيسُ) بأن لم يتأت منه (لَمْ يَجِبْ وَضْعُ وَسَادَةٍ لِيَضَعَ الْجَبْهَةَ عَلَيْهَا) إكمالا للسجود لأنه لا يحصل به التنكيس. وأما لو حصل التنكيس بوضع الوسادة فيجب. ولو لم يمكنه السجود إلا مكبوبا على وجهه من غير تنكيس صلى ولا إعادة عليه. وأما لو كان في سفينة ولا يمكنه السجود إلا مع عدم التنكيس فإنه يصلي ويعيد. وإذا تعذر السجود على الحبلى صلت من غير وضع وسادة. (بَلْ يُخْفِضُ) المصلي غير القادر (الْقَدْرَ الْمُمْكِنَ).

413. (**Kalau teruzur menonggeng**) dengan bahawa tidak terboleah ia darinya (**tidak wajib meletakkan bantal untuk meletakkan dahi diatasnya**) untuk menyempurnakan sujud kerana tidak terhasil tonggeng dengannya. Adapun kalau terhasil tonggeng dengan meletakkan bantal maka ianya wajib. Kalau tidak terboleah dia sujud melainkan dengan tersembam diatas mukanya tanpa menonggeng dia shalat dan tidak ada ulang diatasnya. Adapun kalau dia berada didalam kapal dan tidak termungkin dia sujud melainkan serta tidak menonggeng maka dia shalat dan mengulang. Apabila teruzur sujud diatas perempuan yang

hamil dia shalat tanpa meletakkan bantal. (**bahkan merendahkan kepala**) oleh mushalli yang tidak kuasa (**sekadar mungkin**).

(وَلَوْ عَصِبَ جَبْهَتَهُ لَجَرَّاحَةً عَمَّتْهَا وَشَقَّ إِزْثَهَا) مشقة لا تحتمل عادة ولو لم تبج التيمم (سَجَدَ عَلَيْهَا بِلَا إِعَادَةٍ. هَذَا أَقْلُهُ).

414. (**Kalau dibalut dahinya kerana luka yang meratainya dan payah membukanya**) dengan payah yang tidak bertanggung pada adatnya, walaupun tidak mengharuskan tayamum, (**dia sujud di atasnya tanpa ulang. Ini sekurang-kurangnya**).

(وَأَكْمَلُهُ أَنْ يُكَبِّرَ وَيَضَعَ رُكْبَتَيْهِ) على الأرض (ثُمَّ يَدِيهِ ثُمَّ) يضع (جَبْهَتَهُ وَأَنْفَهُ دَفْعَةً) بلا ترتيب (وَيَضَعُ يَدَيْهِ حَذْوًا) أي مقابل (مَنْكِبَيْهِ مَنْشُورَةً الْأَصَابِعِ) لا مقبوضة (نَحْوَ الْقِبْلَةِ مَضْمُومَةً مَكْشُوفَةً).

415. (**Paling sempurnanya bahawa dia bertakbir dan meletakkan dua lututnya**) diatas bumi (**kemudian dua tangannya kemudian**) dia meletakkan (**dahinya dan hidungnya serentak**) tanpa tertib (**dan dia meletakkan dua tangannya setentang**), iaitu berdepan, (**dua kepala bahunya dalam keadaan dihamparkan jari-jarinya**) bukan digenggamkan (**kearah kiblat dirapatkan lagi terdedah**).

(وَ) يسن أن (يُفَرِّقَ رُكْبَتَيْهِ وَقَدَمَيْهِ قَدْرَ شِبْرٍ) موجهها أصابع رجليه نحو القبلة (وَيَرْفَعُ الرَّجْلُ بَطْنَهُ عَنِ فَخْذَيْهِ وَ) يرفع (دِرَاعَيْهِ عَنِ جَنْبَيْهِ، وَتَضُمُّ الْمَرْأَةُ). ومثلها الخنثى.

416. (**Dan**) sunat bahawa (**dia menjarangkan dua lututnya dan dua tapak kakinya kadar sejengkal**), seraya mengadapkan jari-jari dua kakinya ke arah kiblat (**dan mengangkat lelaki akan perutnya dari dua pehanya dan**) mengangkat (**dua lengannya dari dua lambungnya, sementara perempuan merapatkannya**). Khunsa seumpamanya.

(وَيَقُولُ سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى) وبحمده (ثَلَاثًا. وَيَزِيدُ فِي السُّجُودِ مَنْ قَلْنَا يَزِيدُ فِي الرُّكُوعِ) وهو المنفرد وإمام محصورين (تَسْبِيحًا كَمَا سَبَقَ فِي الرُّكُوعِ) من خمسة إلى إحدى عشرة. (ثُمَّ) يقول بعد تمام أكثر التسبيح (اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَلكَ أَسْلَمْتُ سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ تَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ. وَإِنْ دَعَا) الأساجد زيادة على ذلك (فَحَسَنٌ) لأنه محل استجابة (ثُمَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ) من السجود.

417. (**Dan dia membaca "mahasuci Tuhan yang maha tinggi"**) dan dengan kepujiannya" (**tiga kali. Menambah pada sujud oleh orang yang kami katakan dia menambah pada rukuknya**) iaitu munfarid dan imam makmum yang mahshur (**akan tasbih seperti mana telah lalu pada rukuk**), daripada lima hingga kepada sebelas. (**Kemudian**) dia membaca selepas sempurna tasbih itu (**"Ya Allah kepada kamu aku sujud dan dengan Mu aku beriman dan kepada Kamu aku berserah, sujudlah muka ku kepada Yang**

menjadikannya dan membentuk rupanya dan menarik pendengarnya dengan daya dan upayanya dan kekuatannya. Maha berkatlah Allah seelok-elok pembuat". Jika berdoa) orang yang sujud itu lebih diatas demikian itu (maka elok) kerana ia tempat perkenan doa. (Kemudian dia mengangkat kepalanya) dari sujud.

(وَيَجِبُ الْجُدُوسُ) بين السجدين و هو الركن التاسع (مطمئناً). فلا يصح الجلوس من غير اطمئنان. (و) يجب (أن لا يقصد برفعه غيره)، أي الجلوس، بأن يطلق أو يشرك أو يقصد الرفع. فلو رفع فزعا من عرقب مثلا لم يجزئه، بل يجب أن يعود إلى السجود من غير طمأنينة ثم يرفع.

418. (Wajib duduk) di antara dua sujud. Ianya rukun kesembilan. (dalam keadaan tama'ninah), maka tidak sah duduk tanpa tama'ninah, (dan) wajib (bahawa dia tidak bertujuan dengan bangkitnya akan selainnya), iaitu selain duduk itu, dengan bahawa dia mengitlak atau dia mensyarikatkan atau dia bermaksud bangkit. Maka kalau dia bangkit kerana terkejut dari kala sebagai contoh ia tidak memadainya, bahkan wajib dia kembali sujud tanpa tama'ninah kemudian bangkit semula.

(وَأَكْمَلُهُ أَنْ يُكَبِّرَ) مقارنا لرفع رأسه (وَيَجْلِسَ مُفْتَرِشًا) بأن (يُفْرَشُ يُسَدَّرَاهُ) أي رجله اليسرى (وَيَجْلِسُ عَلَيْهَا وَيُنْصَبُ يُمْنَاهُ وَيَضَعُ يَدَيْهِ عَلَى فُخْدَيْهِ بِقُرْبِ رُكْبَتَيْهِ مَنْشُورَةً) أصابعهما لا مقبوضة (مضمومة) لا مفرقة (الأصابع).

419. (Paling sempurna bahawa dia bertakbir) berserta angkat kepalanya (dan duduk iftirasy) dengan bahawa (dia menghamparkan kirinya) iaitu kakinya yang kiri (dan duduk diatasnya dan dia menegakkan kanannya dan meletakkan dua tangannya diatas dua pehanya berdekatan dengan dua lututnya dalam keadaan dihamparkan) jari-jari keduanya, bukan digenggamkan (dirapatkan), bukan dijarangkan (jari-jarinya).

(و) يسن أن (يَقُولَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَعَافِنِي وَاجْبُرْنِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي). وتمامه وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي رَبِّ هَبْ لِي قَلْبًا تَقِيًّا نَقِيًّا مِنَ الشَّرِّكَ بَرِيًّا لَا كَافِرًا وَلَا شَقِيًّا.

420. (Dan) sunat bahawa (dia membaca "yang Allah ampuni aku dan kasihani aku dan `afiatkan aku dan tampungilah aku dan razekikan aku). Kesempurnaannya "dan afiatkan aku dan maafkan aku. Tuhan ku berikan aku hati yang bertakwa lagi bersih dari syirik lagi bebas kesalahan, bukan yang kufur dan bukan yang celaka".

(وَالْإِقْعَاءُ) في الصلاة (ضَرْبَانِ أَحَدُهُمَا أَنْ يَضَعَ أَلْيَتَيْهِ عَلَى عَقْبَيْهِ وَرُكْبَتَيْهِ وَأَطْرَافَ أَصَابِعِهِ بِالْأَرْضِ. وَهُوَ) أي هذا النوع (مَذْدُوبٌ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ لَكِنْ الْإِفْتِرَاشُ الْمُنْتَقِمُ (أَفْضَلُ. الثَّانِي) من نوعي الإقعاء (أَنْ يَضَعَ أَلْيَتَيْهِ وَيَدَيْهِ

بِالْأَرْضِ وَيُنْصَبُ سَاقِيَهُ) كهيئة جلوس الكلب. (وَهَذَا مَكْرُوهٌ فِي كُلِّ صَلَاةٍ) للنهاية عنه.

421. (Dan duduk iq'a) didalam shalat (dua bentuk, satu daripadanya bahawa dia meletakkan dua pangkal pehanya diatas dua tumitnya sedang dua lututnya dan hujung jari-jarinya pada tanah. Dan ianya) iaitu bagai ini (disunatkan di antara dua sujud, akan tetapi istirasy) yang terdahulu itu (terafdhal. Yang kedua) daripada dua bagai iq'a itu (bahawa dia meletakkan dua pangkal pehanya dan dua tangannya diatas bumi dan dia menegakkan dua betisnya) seperti kelakuan duduk anjing. (Yang ini makruh pada setiap shalat) kerana tegahan darinya.

(ثُمَّ يَسْجُدُ سَجْدَةً أُخْرَى مِثْلَ الْأُولَى ثُمَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ) مَذْهَبًا (مُكَبَّرًا) مع ابتداء الرفع.

422. (Kemudian dia sujud satu sujud yang lain seumpama yang pertama, kemudian dia mengangkat kepalanya) darinya (dalam keadaan bertakbir) beserta mula angkat itu.

(وَيُسْنُ أَنْ يَجْلِسَ مُفْتَرِشًا جَلْسَةً لَطِيفَةً لِلِاسْتِرَاحَةِ) بقدر الجلوس بين السجدين. وتسن تلك الجلوسة (عَقِيبَ كُلِّ رَكْعَةٍ لَا يَعْقِبُهَا تَشَهُدٌ. ثُمَّ يَنْهَضُ مُعْتَمِدًا عَلَى يَدَيْهِ) أي بطنهما مبسوطتين (و) حال كونه (يَمُدُّ التَّكْبِيرَ إِلَى أَنْ يَقُومَ)، أي يصل إلى القيام. (وإن تركها الإمام جلسها المأموم). ولا يضر تخلفه عن الإمام لأنه يسير، بل يسن له فعلها. (وَلَا تُشْرَعُ) جلسة الاستراحة (لِرَفْعِ مَنْ سَجَدَ التَّلَاوَةَ).

423. (Sunat bahawa dia duduk dalam keadaan iftirasy dengan duduk yang ringan untuk istirahat) dengan kadar duduk di antara dua sujud. Sunat duduk itu (di hujung setiap rakaat yang tidak didiringi tasyahud. Kemudian dia bangkit dalam keadaan dia berkuat diatas dua tangannya), iaitu perut keduanya yang dihamparkan, (dan) dalam keadaan dia (memanjangkan takbir hingga dia bangun), iaitu sampai kepada qiam. (Jika imam meninggalkannya makmum duduk untuknya). Tidak mudharat ketinggalannya dari imam kerana ia sedikit, bahkan sunat dia melakukannya. (Tidak disyara'kan) duduk istirahat (kerana bangkit dari sujud tilawah).

(ثُمَّ يُصَلِّي الرَّكْعَةَ الثَّانِيَةَ كَالأُولَى) فيما يطلب فيها (إِلَّا فِي النِّيَّةِ وَ) تكبيرة (الإِحْرَامِ وَالِاسْتِفْتَاكِحِ)، فلا يأتي بهم في الثانية.

424. (Kemudian dia shalat rakaat kedua sama seperti rakaat yang pertama) pada apa yang dituntut padanya (melainkan pada niat dan) takbir (ihram dan iftitah). Maka dia tidak mendatangkannya pada yang kedua.

(فَإِنْ زَادَتْ صَلَاتُهُ عَلَى رَكْعَتَيْنِ) كالمغرب وكالنافلة إن نوى عددا كالأربعة (جَلَسَ بَعْدَهُمَا مُفْتَرِشًا)، بأن يجلس على كعب يسراه وينصب يميناه ويضع

أطراف أصابعها للأرض، (وَتَشَهَّدَ)، أي قرأ التحيات، (وَصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ ﷺ وَخَدَهُ دُونَ آلِهِ) لأنه مبني على التخفيف فتكره فيه الصلاة على الآل.

425. (Maka jika lebih shalatnya diatas dua rakaat) seperti maghrib dan seperti shalat sunat jika dia niatkan bilangan seperti empat (**dia duduk selepas keduanya dalam keadaan iftirasy**), dengan bahawa dia duduk diatas tumit kirinya dan menegakkan kanannya dan meletakkan hujung jari-jarinya pada bumi, (**dan dia bertasyahhud**), iaitu membaca tahiyat, (**dan berselawat keatas nabi sawm sahaja, tidak keluarganya**), kerana ia dibina diatas meringankan. Maka dimakruhkan padanya selawat keatas keluarga.

(ثُمَّ يَقُومُ مُكَبِّرًا مُعْتَمِدًا عَلَى يَدَيْهِ) بأن يضعهما على الأرض (فَإِذَا قَامَ رَفَعَهُمَا دُونَ مَنْكِبَيْهِ) كما فعل عند الركوع والرفع منه، (وَيُصَلِّي مَا بَقِيَ كَالثَّانِيَةِ إِلَّا فِي الْجَهْرِ وَالسُّورَةِ)، لكن لو قرأ السورة في كل لا تكره لأنها ذكر وإن كانت غير مطلوبة.

426. (Kemudian dia bangun berdiri dalam keadaan bertakbir lagi berkuat diatas dua tangannya) dengan bahawa dia meletakkan keduanya diatas bumi. (Maka bila dia berdiri dia mengangkatkan keduanya setentang dua kepala bahunya) seperti mana dia lakukan di sisi rukuk dan bangkit darinya. (Dan dia shalatkan apa yang masih tinggal lagi sama seperti yang kedua melainkan pada nyaring dan surah), akan tetapi kalau dia membaca surah pada setiap satu rakaat itu tidak makruh ia kerana ia zikir, sekalipun tidak dituntut.

(وَيَجْلِسُ فِي آخِرِ صَلَاتِهِ لِلتَّشَهُدِ مُتَوَرِّكًا). وقد صوره بقوله (يَفْرُشُ يُسْرَاهُ وَيُنْصِبُ يَمْنَاهُ وَيُخْرِجُهَا) أي يسراه (مَنْ تَحْتَهُ)، أي تحت يمينه، (وَيُفْضِي بَوْرِكَه إِلَى الْأَرْضِ)، أي يلصق وركه بالأرض في القعود الأخير الذي يعقبه السلام، وهو التورك، وفي غيره الافتراش.

427. (Dan dia duduk pada akhir shalatnya untuk tasyahud dalam keadaan bertawarruk). Musannif menggambarkannya dengan katanya (**dia menghamparkan kirinya dan menegakkan kanannya dan mengeluarkannya**), iaitu kirinya, (**dari bawahnya**), iaitu bawah kanannya, (**maka dia menyentuhkan papan punggungnya kepada bumi**), iaitu mendempekan papan punggungnya dengan bumi pada duduk akhir yang diiringi salam, yang mana ianya duduk tawarruk. Pada selain akhir duduk iftirasy.

(وَكَيْفَ قَعَدَ هُنَا وَفَيْمًا تَقَدَّمَ) من قعود التشهد الأول وجلسة الاستراحة (جَازَ) بلا كراهة، إلا في الإقعاء. (وَهَيْئَةُ الْإِفْتِرَاشِ) في محله (وَالتَّوَرُّكِ) في محله (سُنَّةٌ. وَيَفْتَرِشُ الْمَسْبُوقُ فِي آخِرِ صَلَاةِ الْإِمَامِ وَيَتَوَرَّكُ) في (آخِرِ صَلَاةِ نَفْسِهِ، وَكَذَا يَفْتَرِشُ هُنَا) أي في الجلوس الأخير (مَنْ عَلَيْهِ سَجُودٌ سَهْوٍ) ولم يرد عدمه. (وَإِذَا سَجَدَ) للسهو (تَوَرَّكٌ وَسَلَّمٌ).

428. (**Bagaimana dia duduk di sini dan pada apa yang telah lalu**) daripada duduk tasyahud awal dan duduk istirahat itu (**harus ia**) tanpa karahah, melainkan pada duduk iq'a itu. (**Kelakuan iftirasy**) pada tempatnya (**dan tawarruk**) pada tempatnya (**adalah sunat. Duduk iftirasy makmum masuk pada akhir shalat imamnya dan dia duduk tawarruk**) pada (**akhir shalat dirinya. Begitu juga duduk iftirasy di sini**), iaitu pada duduk yang akhir, (**orang yang sabit diatasnya sujud sahwi**) dan dia tidak mahu meninggalkannya. (**Bila dia sujud**) sahwi (**dia bertawarruk dan memberi salam**).

(وَيَضَعُ) المتشهد (في التَّشَهُدَيْنِ يُسْرَاهُ عَلَى فَخْذِهِ) الأيسر (عِنْدَ طَرْفِ رُكْبَتِهِ مَبْسُوطَةً) الأصابع (مَضْمُومَةً) غير مفرقة (وَيَقْبِضُ يَمْنَاهُ وَيُرْسِلُ الْمُسَبِّحَةَ) التي جانب الإبهام، (وَيَضَعُ إِبْهَامَهُ عَلَى حَرْفِهَا وَيَرْفَعُ الْمُسَبِّحَةَ مُشِيرًا بِهَا عِنْدَ قَوْلِهِ إِلَّا اللَّهُ) ويقصد بذلك أن المعبود واحد (وَلَا يُحْرِكُهَا عِنْدَ رَفْعِهَا). فإن حركها كره. وقيل ندب.

429. Orang yang bertasyahhud (**meletakkan pada dua tasyahhudnya akan kirinya diatas pehanya**) yang kiri (**di sisi hujung lututnya dalam keadaan dihamparkan**) jari-jarinya (**lagi dihimpunkan**), bukan dijarangkan, (**dan dia menggenggam kanannya dan melunjurkan jari telunjuknya**) yang di sebelah ibu jari (**dan dia meletakkan ibu jarinya diatas tepinya, dan dia mengangkat telunjuk itu seraya mengisyarat dengannya di sisi katanya "إلا الله"**). Dia mengkasad dengan demikian itu bahawa yang disembah itu satu. (**dan dia tidak menggerak-gerakkannya ketika mengangkatnya**). Maka jika dia menggerakkannya dimakruhkan ia. Dikatakan disunatkan.

(وَأَقَلُّ التَّشَهُدِ "التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ سَلَامٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ سَلَامٌ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ"). و هم القائمون بما عليهم من الحقوق. ("أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ") أو "وأن محمدا عبده ورسوله". فلو أخل بكلمة من ذلك لم يصح تشهده.

430. (**Sekurang-kurang tasyahud itu "penghormatan keatas engkau wahai nabi dan rahmat Allah dan keberkatanNya, sejahtera keatas kami dan keatas hamba-hamba Allah yang soleh"**). Orang sholeh itu adalah orang yang mendirikan apa yang wajib diatas mereka daripada hak-hak. (**"Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu rasul Allah"**), atau (**dan bahawa Muhammad itu hambaNya dan rasulaNya**). Maka kalau dia mencederakan satu kalimah daripada demikian itu tidak sah tasyahhudnya.

(وَأَكْمَلُهُ التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ). وحرف العطف مقدر في ذلك. (السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. وَالْفَاظَةُ) باعتبار أقله (مُتَعَيِّنَةٌ) فلا يصح العدول عنها إلى غيرها.

431. (**Paling sempurna**nya "التحيات المباركات الصلوات الطيبات لله"). Huruf ataf ditakdirkan pada kalimah-kalimah itu. ("السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا"). (**Lafaz-lafaznya**) dengan iktibar sekurang-kurangnya (**tertentu**), maka tidak sah berpaling darinya kepada selainnya.

(وَيُشْتَرَطُ تَرْتِيبُهَا) أي ألفاظه. فإن أخل بالترتيب فإن غير المعنى لم يحسب ما أتى به، بل إن تعمد أبطل، وإن لم يغير المعنى أجزأه. (فإن لم يُحسِنه) أي التشهد (وَجَبَ التَّعَلُّمُ، فَإِنْ عَجَزَ) عن التعلم (تَرَجَّمَ) عنه بأي لغة.

432. (**Disyaratkan** tertibnya), iaitu lafaz-lafaznya. Maka jika dia mencederakan tertib itu maka jika ia mengubah makna tidak dikira apa yang dia datangkan, bahkan jika dia sengaja ia membatalkan, dan jika ia tidak mengubah makna ia memadainya. (**Maka jika dia tidak pandaikannya**), iaitu tasyahud, (**wajib belajar, maka jika dia lemah**) dari belajar (**dia menterjemahkan**)nya dengan mana-mana lughah.

(ثُمَّ) بعد فراغه من التشهد (يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ. وَأَقْلَهُ) أي الواجب في الصلاة (اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ. وَأَكْمَلَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ). والتشبيه راجع إلى الصلاة على آل أبي ارحم الله ﷺ رحمة مثل رحمتك الأنبياء من إبراهيم وآله. (وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ) أي محمود (مَجِيدٌ) أي ماجد كامل.

433. (**Kemudian**) selepas selesainya dari tasyahud (**dia selawat keatas nabi sawm. Dan sekurang-kurangnya**) iaitu yang wajib didalam shalat (اللهم صل على محمد وعلى آل محمد وعلى آل محمد كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم). **Paling sempurna**nya "اللهم صل على محمد وعلى آل محمد وعلى آل محمد وعلى آل إبراهيم". Serupa itu [كما صليت...] kembali kepada selawat keatas keluarga iaitu rahmatilah keluarganya sawm sebagai rahmat yang sama dengan rahmat Mu terhadap para nabi daripada Ibrahim dan keluarganya. (وبارك على محمد وعلى آل محمد). (كما باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم في العالمين إنك حميد) iaitu yang dipuji (مجيد) iaitu gemilang yang sempurna.

(وَيُنْدَبُ بَعْدَهُ الدُّعَاءُ بِمَا يَجُوزُ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ). أما التشهد الأول فلا يدعو بعده. (وَمِنْ أَفْضَلِهِ) أي الدعاء (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَسْرَفْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُوَخَّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ. وَيُنْدَبُ كَوْنُهُ أَقْلَ مِنَ التَّشَهُدِ وَالصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ). هذا بالنسبة للإمام. وأما المنفرد فيطيل ما شاء ما لم يخف الوقوع في سهو.

434. (**Sunat** selepasnya doa dengan apa yang harus daripada perkara agama dan dunia). Adapun tasyahud awal maka dia tidak berdoa selepasnya. (**Daripada yang terafdhalnya**), iaitu doa, ("Ya Allah ampuni aku apa yang aku buat dulu dan apa yang aku buat kemudian dan apa yang aku rahsiakan dan apa yang aku nyatakan dan apa yang aku terlajak dan

apa yang Engkau lebih tahu dengannya dari ku. Engkau yang terdahulu dan Engkau yang terkemudian. Tidak ada Tuhan melainkan Engkau". Sunat keadaannya kurang daripada tasyahhud dan selawat atas nabi sawm itu). Ini dengan nisbah bagi imam. Adapun munfarid maka dia memanjangkan apa yang dia mahukan selama mana tidak bimbang jatuh pada lalai.

(ثُمَّ يُسَلِّمُ). وهو الركن الأخير. فجملة الأركان ثلاثة عشر بعد الطمأنينة تابعة. وهي الذية وتكبيرة الإحرام وقراءة الفاتحة والقيام لها في الفرض والركوع والرفع منه والسجود والجلوس بين السجدين والتشهد الأخير والصلاة على النبي بعده والسلام والجلوس لها والترتيب. منها خمسة أقوال وهي تكبيرة الإحرام وقراءة الفاتحة والتشهد والصلاة على النبي والسلام. والباقي وهي ثمانية أفعال.

435. (Kemudian dia memberi salam). Ia adalah rukun yang akhir. Maka jumlah rukun-rukun shalat itu tiga belas selepas tama'ninah yang menjadi tabi'. Ia adalah niat dan takbir ihram dan bacaan fatihah dan qiam untuknya pada fardu dan rukuk dan bangkit darinya dan sujud dan duduk di antara dua sujud dan tasyahhud akhir dan selawat atas nabi selepasnya dan salam dan duduk untuknya dan tertib. Daripadanya lima qauli iaitu takbir ihram dan bacaan fatihah dan tasyahhud dan selawat atas nabi sawm, dan bakiannya iaitu lapan adalah fe'li (وَأَقَلُّهُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ. وَيُشْتَرَطُ وَقَوْعُهُ) أي السلام (في حال الفعود). وشروط صحته أحد عشر. أحدها ما ذكره، والثاني أن يكون بالألف واللام، والثالث أن يأتي بكاف الخطاب، والرابع أن يكون بميم الجمع، والخامس أن يسمع نفسه، والسادس توالي كلمتيه، والسابع أن لا يقصد له غيره، والثامن أن يأتي به وهو مستقبل القبلة، والتاسع كونه بالعربية عند القدرة، والعاشر أن لا يزيد فيه زيادة تغير المعنى بخلاف الزيادة التي لا تغير، والحادي عشر أن لا ينقص منه ما يغير المعنى.

436. (Sekurang-kurangnya "السلام عليكم". Disyaratkan jatuhnya), iaitu salam, (pada ketika duduk). Syarat-syarat sahnya sebelas. Satu daripadanya apa yang dia sebutkan ini, keduanya bahawa adalah ia dengan alif dan lam, ketiganya bahawa dia mendatangkan kaf khitab, keempatnya bahawa adalah ia dengan mim jamak, kelimanya bahawa dia mendengarkan dirinya, keenamnya berturutan dua kalimahanya, ketujuhannya bahawa dia tidak bermaksud dengannya akan selainnya, kelapannya bahawa dia mendatangkannya sedang dia mengadap kiblat, kesembilannya keadaannya dengan bahasa arab di sisi kuasa, kesepuluhnya bahawa dia tidak menambah padanya tambahan yang mengubah makna, bersalahan tambahan yang tidak mengubah, dan kesebelasnya bahawa dia tidak mengurangkan darinya apa yang mengubah maknanya.

(وَأَكْمَلَهُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ مُلْتَفِتًا عَنْ يَمِينِهِ حَتَّى يُرَى خَدُّهُ الْأَيْمَنُ، يَنْوِي بِهِ الْخُرُوجَ مِنَ الصَّلَاةِ). ولا بد أن تكون تلك النية عند النطق بالسلام لا قبله، وإلا بطلت الصلاة. (و) ينوي بالسلام أيضا (السَّلَامُ عَلَى مَنْ عَنْ يَمِينِهِ مِنْ مَلَائِكَةٍ وَمُسْلِمِيْ إِنْسٍ وَجِنٍّ. ثُمَّ) يسلم تسليمة (أُخْرَى عَنْ يَسَارِهِ كَذَلِكَ) أي ملتفتا (حَتَّى يُرَى خَدُّهُ الْأَيْسَرُ يَنْوِي بِهَا السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَنْ يَسَارِهِ مِنْهُمْ) أي من ملائكة ومؤمني إنس وجن.

437. (Paling sempurna "assalamualaikum wa rahmatullah" seraya dia menoleh ke kanannya sehingga dilihat pipinya yang kanan, dan dia niat dengannya keluar dari shalat). Tidak dapat tidak bahwa adalah niat itu di sisi menuturkan salam bukan sebelumnya. Jika tidak batal shalatnya. (dan) dia niatkan dengan salam itu juga (salam keatas orang yang di kanannya daripada malaikat dan manusia dan jin yang Islam. Kemudian) dia mengucapkan salam (yang lain ke kirinya begitu juga), yaitu seraya menoleh, (sehingga dilihat pipinya yang kiri. Dia niatkan dengannya akan salam keatas orang yang di kirinya daripada mereka itu), yaitu malaikat dan manusia dan jin yang Islam.

(وَالْمَأْمُومُ يَنْوِي الرَّدَّ عَلَى الْإِمَامِ بِالْأَوْلَى إِنْ كَانَ عَنْ يَسَارِهِ وَبِالثَّانِيَةِ إِنْ كَانَ عَنْ يَمِينِهِ وَيَتَخَيَّرُ إِنْ كَانَ خَلْفَهُ)، أي خلف الإمام.

438. (Makmum meniatkan jawab salam keatas imam dengan yang pertama jika dia di kirinya dan dengan yang kedua jika dia di kanannya, dan dia memilih jika dia di belakangnya), yaitu di belakang imam.

(وَيُنَادِبُ أَنْ لَا يَقُومَ الْمَسْبُوقُ إِلَّا بَعْدَ تَسْلِيمَتِي إِمَامِهِ. فَإِنْ قَامَ الْمَسْبُوقُ الْمَذْكُورَ (بَعْدَ التَّسْلِيمَةِ الْأُولَى جَازًا) ولم يحز الفضيلة، (أَوْ) قام (قَبْلَهَا) أي التسليمة الأولى (بَطَلَتْ صَلَاتُهُ) لأنه خالف الإمام (إِنْ لَمْ يَدُو الْمَفَارِقَةَ). ويجب عليه العود إلى الإمام إن كان ناسيا أو جاهلا.

439. (Sunat bahwa masbuk tidak bangun melainkan selepas dua salam imamnya. Maka jika bangun masbuk) yang tersebut (selepas ucap salam yang pertama harus ia) serta dia tidak mencapai fadhilat, (atau) dia bangun (sebelumnya), yaitu ucap salam pertama, (batal shalatnya) kerana dia menyalahi imamnya (jika dia tidak niatkan mufaraqah). Wajib dia kembali kepada imam jika dia lupa atau jahil.

(وَلَوْ مَكَثَ الْمَسْبُوقُ بَعْدَ سَلَامِ إِمَامِهِ وَأَطَالَ جَازًا إِنْ كَانَ مَوْضِعَ تَشَهُدِهِ) لأنه محسوب من صلاته، (لَكِنْ يُكْرَهُ) له إطالة ذلك. (وَالْإِلَّا) أي إن لم يكن موضع تشهده (بَطَلَتْ إِنْ تَعَمَّدَ) الجلوس بعد سلام إمامه. وإن كان ساهيا لم تبطل ويسجد للسهو. (وَلِغَيْرِ الْمَسْبُوقِ) وهو الموافق (بَعْدَ سَلَامِ الْإِمَامِ إِطَالَةُ الْجُلُوسِ لِلدُّعَاءِ). وبالأولى لتكميل التشهد. (ثُمَّ يُسَلِّمُ مَتَى شَاءَ) لأن بسلام

الإمام انقطعت القدوة. (وَلَوْ اقْتَصَرَ الْإِمَامُ عَلَى تَسْلِيمَةِ سَلَامِ الْمَأْمُومِ ثِنْتَيْنِ) إحرار الفضيلة الثانية.

440. (Kalau makmum masbuk diam selepas salam imamnya dan dia memanjangkan harus ia jika ianya tempat tasyahhudnya) kerana ia dikira daripada shalatnya, (akan tetapi makruh) dia memanjangkan demikian itu. (Jika tidak) iaitu jika ia bukan tempat tasyahhudnya (batal ia jika dia sengaja) duduk selepas salam imamnya. Jika dia leka tidak batal ia dan dia sujud sahwi. (Boleh bagi selain masbuk), iaitu makmum muafik, (selepas salam imam memanjangkan duduk untuk doa), dan terutama lagi untuk menyempurnakan tasyahud. (Kemudian dia memberi salam bila dia mahu) kerana dengan salam imamnya terputuslah qudwahnya. (Kalau imam menghadkan diatas satu salam makmum memberi salam dua kali) kerana memelihara fadhilat salam kedua.

(وَيُنْدَبُ ذِكْرُ اللَّهِ تَعَالَى وَالِدُعَاءِ). وقد استوعب ما أتى في السنة من الذكر والدعاء عقب الصلوات الإمام النووي في الأذكار. (سِرًّا)، إلا أن يريد الإمام التعليم فيرفع. (عَقِبَ الصَّلَاةِ وَيُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ أَوْلَاهُ وَآخِرُهُ) أي الدعاء.

441. (Sunat zikrullah taala dan doa). Sungguh telah menghabiskan apa yang datang pada sunah daripada zikir dan doa mengiringi shalat-shalat oleh imam Nawawi didalam Azkar. (dengan perlahan), melainkan bahawa imam hendak mengajarkannya maka dia meninggikan suara. (mengiringi shalat, dan dia berselawat keatas nabi sawm pada awalnya dan akhirnya), iaitu doa.

(وَيُنْتَفَتِ الْإِمَامُ لِلذِّكْرِ وَالِدُعَاءِ)، فلا يفعلهما وهو مستقبل بل يلتفت. (فَيَجْعَلُ يَمِينَهُ إِلَيْهِمْ وَيَسَارَهُ إِلَى الْقِبْلَةِ. وَيَفَارِقُ الْإِمَامُ مُصَلَّاهُ عَقِيبَ فَرَاغِهِ) من الذكر والدعاء، (إِنْ لَمْ يَكُنْ ثَمَّ نِسَاءً) أو خنثى. فإن كان ثم ذلك فالسنة التأخير حتى ينصرفن. (وَيَمَكْتُ الْمَأْمُومُ حَتَّى يَقُومَ الْإِمَامُ).

442. (Imam memalingkan tubuh untuk zikir dan doa itu) maka dia tidak melakukan keduanya sedang dia mengadap kiblat, bahkan dia berpaling tubuh. (Maka dia menjadikan kanannya kepada mereka dan kirinya kepada kiblat. Dan imam meninggalkan tempat shalatnya sebaik selesainya) daripada zikir dan doa itu (jika tidak ada di sana orang perempuan) atau khunsa. Maka jika ada di sana demikian itu maka yang sunat adalah mentakhirkan sehingga mereka berpaling pergi. (Makmum duduk diam sehingga imam bangun).

(وَمَنْ أَرَادَ نَفْلًا بَعْدَ فَرْضِهِ نَدِبَ الْفَصْلُ بِكَلَامٍ أَوْ انْتِقَالَ وَهُوَ أَفْضَلُ. وَ) فعل النفل (فِي بَيْتِهِ أَفْضَلُ) من فعله في المسجد إلا سنة الجمعة القبلية وركعتي الطواف وركعتي الإحرام ففعلها في المسجد أولى.

443. (Orang yang hendak mengerjakan shalat sunat selepas fardunya sunat dia memisahkan dengan bercakap atau berpindah yang mana ia terafdhal. Dan) melakukan sunat dirumahnya terafdhal dari melakukannya

didalam masjid, melainkan sunat Jumaat qabliah dan dua rakaat tawaf dan dua rakaat ihram, maka melakukannya di masjid terutama.

(فَإِنْ كَانَ) المصلي (فِي الصُّبْحِ فَالَسُّنَّةُ أَنْ يَقْتَدِيَ فِي اعْتِدَالِ الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ،
فَيَقُولُ: اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ)،
في بمعنى مع، (وَبَارِكْ لِي فِيمَا أُعْطِيتَ وَقَدِي شَرًّا مِمَّا قَضَيْتَ)، أي شر الذي
قضيته وشره هو عدم الرضا به من حيث كونه مقضيا، بأن تجعلني عبدا لك
أرضى بما تقضيه. (فَأَذِّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَأَدُّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ وَالَيْتَ
تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ) فلك الحمد على ما قضيت أستغفرك وأتوب إليك.

444. (Maka jika mushalli pada shalat subuh maka sunat dia berqunut pada i'tidal rakaat kedua, maka dia membaca "Ya Allah tunjukkanlah aku bersama orang yang Engkau tunjukkan dan sihatkanlah aku bersama orang yang Engkau sihatkan dan lindungilah aku bersama orang yang Engkau lindungi" - ("مع" dengan makna "في" - (dan berkatilah buat ku pada apa yang Engkau beri, dan peliharalah aku kejahatan apa yang Engkau kadhakan"), iaitu kejahatan yang telah Engkau kadhakan, yang mana kejahatannya adalah tidak redha dengannya dari sekira-kira keadaannya dikadhakan, dengan bahawa Engkau jadikan aku hamba bagi Mu yang redha dengan apa yang Engkau kadhakan. ("Maka sesungguhnya Engkau mengkadha dan tidak dikadha diatas Mu, dan tidak hina orang yang rapat dengan Mu, maha berkatilah Engkau Tuhan kami dan maha tinggilah Engkau) maka bagi Mu pujian diatas apa yang Engkau kadhakan. Aku memohon ampun dari Mu dan aku bertaubat kepada Mu".

(وَلَوْ زَادَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ) قبل قوله تباركت ربنا وتعاليت (فَحَسَنٌ)
لورودها في بعض الروايات.

445. (Kalau dia menambah "dan tidak mulia orang yang memusuhi Mu") sebelum katanya "maha berkatilah Engkau Tuhan kami dan maha tinggilah Engkau" (maka elok) kerana waridnya pada sebahagian riwayat-riwayat.

(فَإِنْ كَانَ) القانت (إِمَامًا أَتَى بِلَفْظِ الْجَمْعِ) فيقول (اللَّهُمَّ اهْدِنَا إِلَى آخِرِهِ. وَلَا
تَتَّعِنُ هَذِهِ الْكَلِمَاتُ)، أي قوله اللهم اهْدِنَا إِلَى آخِرِهِ. (فَيَحْصُلُ) القنوت (بِكُلِّ
دُعَاءٍ) وثناء كاللهم اغفر لي يا غفور، (وَبِأَيَّةٍ فِيهَا دُعَاءٌ) وثناء (كَآخِرِ)
سورة (الْبَقَرَةِ، وَلَكِنْ هَذِهِ الْكَلِمَاتُ) السابقة (أَفْضَلُ) لورودها. (ثُمَّ يُصَلِّي)
القانت (عَلَى النَّبِيِّ ﷺ) ثم على الآل والأصحاب.

446. (Maka jika adalah) orang yang qunut itu (imam dia mendatangkan lafaz jamak) maka dia kata "اللهم اهْدِنَا" hingga akhirnya. Tidak tertentu kalimah-kalimah ini), iaitu katanya "اللهم اهْدِنَا..." hingga akhirnya (maka terhasil) qunut (dengan setiap doa) dan thana' seperti "اللهم اغفر لي يا غفور" (dan dengan ayat yang padanya ada doa) dan thana' (seperti akhir) surah (al Baqarah, akan tetapi kalimah-kalimah ini) yang terdahulu (terafdhal)

kerana waridnya. (**Kemudian berselawat**) orang yang qunut itu (**keatas nabi sawm**) kemudian keatas keluarganya dan para sahabatnya.

(وَيَذْبُ رَفْعُ يَدَيْهِ دُونَ مَسْحِ وَجْهِهِ أَوْ صَدْرِهِ. وَيَجْهَرُ بِهِ الْإِمَامُ فَيَوْمَنْ مَأْمُومٌ يَسْمَعُهُ لِلدُّعَاءِ وَيُشَارِكُهُ فِي الثَّنَاءِ). وَالصَّلَاةُ عَلَى الذَّبِيِّ مِنَ الدُّعَاءِ فَيَوْمَنْ فِيهَا. (وَإِنْ لَمْ يَسْمَعْهُ) الْمَأْمُومُ لِبَعْدِ أَوْ صَمٍّ (قَتَّتِ وَالْمُنْفَرِدُ يُسِرُّ بِهِ).

447. (**Sunat angkat dua tangannya, tidak sapu mukanya atau dadanya. Dan imam menyaring dengannya, maka makmum yang mendengarnya mengaminkan doa itu dan dia bersama dengannya pada thana'**). Selawat keatas nabi adalah daripada doa maka dia mengucapkan amin padanya. (**Jika tidak mendengarnya**) oleh makmum kerana jauh atau tuli (**dia berqunut. Munfarid memperlahankan suara dengannya**).

(وَإِنْ نَزَلَ بِالْمُسْلِمِينَ نَازِلَةً) كَقَطِّ وَوَبَاءِ (فَتَتَوَّأَوْا فِي جَمِيعِ الصَّلَوَاتِ) الْخَمْسِ. وَيُسَمَّى قَنُوتَ النَّازِلَةِ. وَلَا يَسْجُدُ لِلسَّهْوِ لِتَرْكِهِ.

448. (**Jika turun bala pada orang-orang Islam**) seperti kemarau dan wabak (**mereka berqunut pada semua shalat-shalat**) yang lima. dan dinamakan ia qunut nazilah. Tidak sujud sahwi mushalli kerana meninggalkannya.

(بَابُ مَا يُفْسِدُ الصَّلَاةَ)

أي يبطلها بعد انعقادها (وَمَا يُكْرِهُ فِيهَا وَمَا يَجِبُ). من شروط وأركان وإن تقدم له الإلماع بشروطها وأركانها، لكنه هنا ينص على العدد.

449. @**BAB APA YANG MEROSAKKAN SHALAT** iaitu membatalkannya selepas terjadinya **DAN APA YANG MAKRUH PADANYA DAN APA YANG WAJIB**, daripada syarat-syarat dan rukun-rukun sekalipun telah terdahulu baginya isyarat berkenaan syarat-syaratnya dan rukun-rukunnya, akan tetapi di sini dia menerangkan dengan bilangan.

(مَتَى نَطَقَ بِلَا عُدْرٍ) من نحو نسيان صلاة أو غلبة سعال أو جهل تحريم (بِحَرْفَيْنِ أَوْ بِحَرْفٍ مُفْهِمٍ مِثْلُ قٍ مِنَ الْوَقَايَةِ وَوَلِ مِنَ الْوَلَايَةِ بَطَلَتْ صَلَاتُهُ) لوجود الكلام الشرعي المحرم في الصلاة. (وَالضَّحْكَ وَالْبُكَاءُ وَالْأَبْنِينَ وَالتَّنَحُّنُ وَالنَّفْخُ وَالتَّأَوُّهُ وَنَحْوُهَا) كالسعال والعطاس (يَبْطُلُ الصَّلَاةُ إِنْ بَانَ حَرْفَانِ) ولم يعذر.

450. (**Bila dia bertutur tanpa uzur**) daripada umpama lupa akan shalat atau termenang batuk atau jahilkan haramnya, (**dengan dua huruf atau dengan satu huruf yang memberi faham seumpama "ق" dari "وقاية" i.e pelihara dan "ن" dari "ولاية" batal shalatnya**) kerana ujud kata-kata yang jenis syara' yang diharamkan didalam shalat. (**Ketawa dan menangis dan mengerang dan bedehem dan meniup dan mengeluh dan umpamanya**) seperti batuk dan bersin, (**membatalkan shalat jika nyata dua huruf**) dan dia tidak diuzurkan.

(فَإِنْ كَانَ عُدْرُ بَأْنٍ سَبَقَ لِسَانُهُ أَوْ غَلَبَهُ ضَحْكُ أَوْ سَعَالٌ أَوْ تَكَلَّمَ نَاسِيًا أَوْ جَاهِلًا تَحْرِيمَهُ لِقُرْبِ عَهْدِهِ بِالْإِسْلَامِ وَكَثُرِ) المذكور (عُرْفًا) بأن بلغ ست كلمات (أَبْطَلُ) الصلاة. (وَإِنْ قَلَّ) عن الست (فَلَا) يبطل.

451. (Maka jika dia diuzurkan dengan bahawa terlanjar lidahnya atau teragakah oleh ketawa atau batuk atau bercakap dalam keadaan lupa atau jahilkan haramnya kerana dekat masanya dengan Islam dan banyak) apa yang disebutkan itu (pada uruf) dengan bahawa ia sampai enam perkataan (ia membatalkan) shalat, dan jika ia kurang daripada enam (maka tidak) membatalkan.

(وَلَوْ عَلِمَ التَّحْرِيمَ وَجَهَلَ كَوْنَهُ مُبْطِلًا أَوْ قَالَ مِنْ خَوْفِ النَّارِ آه) وهو ثلاثة أحرف (بَطَلَتْ) لعدم عذره. (وَلَوْ تَعَدَّرَتْ) عليه (الْفَاتِحَةُ إِلَّا بِتَدْنِحٍ تَدْنِحُ لِأَجْلِهَا وَإِنْ بَانَ حَرْفَانِ) لأنه معذور لتوقف الركن عليه.

452. (Kalau dia tahukan haramnya serta jahilkan keadaannya membatalkan atau dia berkata kerana takutkan neraka "aah") yang mana ianya tiga huruf (batal ia) kerana ketiadaan uzurnya. (Kalau teruzur) diatasnya (fatihah melainkan dengan berdehem dia berdehem kerananya, sekalipun nyata dua huruf) kerana dia diuzurkan kerana terhenti rukun diatasnya.

(وَإِنْ تَعَدَّرَ الْجَهْرُ بِهَا) في موضعه (إِلَّا بِهِ) أي بالتدنجح (تَرْكُهُ) أي الجهر (وَأَسْرًا بِهَا وَلَا يَتَدْنِحُ) لأن الجهر سنة فلا يرتكب لأجله ما يبطل.

453. (Dan jika teruzur nyaring dengannya) pada tempatnya (melainkan dengannya), iaitu dengan berdehem, (dia meninggalkannya), iaitu nyaring itu, (dan dia memperlakikan suara dengannya dan tidak berdehem) kerana nyaring itu sunat maka dia tidak boleh mengerjakan kerananya akan apa yang membatalkan shalat.

(وَلَوْ رَأَى أَعْمَى يَقَعُ فِي بئرٍ وَنَحْوِهِ) ومثله صغير يقع في نار ونائم تقصده حية (وَجِبَ إِذْأَرُهُ بِالنُّطْقِ إِنْ لَمْ يُمَكِّنْ بغيره)، وتبطل صلاته إن نطق بحرفين أو بحرف مفهم، لأن الصلاة وقتها موسع وحفظ الروح واجب مضيق.

454. (Kalau dia melihat seorang buta yang hampir jatuh kedalam telaga dan umpamanya), dan seumpamanya budak kecil yang hampir jatuh pada api dan seorang tidur dituju oleh ular (wajib memberinya amaran dengan tuturan jika tidak mungkin ia dengan selainnya), dan batal shalatnya jika dia bertutur dengan dua huruf atau dengan satu huruf yang memahamkan, kerana shalat itu luas waktunya dan memelihara roh perkara wajib lagi sempit.

(وَلَا تَبْطُلُ بِالذِّكْرِ) إلا أن اشتمل على خطاب غير الله، (وَتَبْطُلُ بِالذِّعَاءِ) إن كان (خِطَابًا كَرَحِمَكَ اللَّهُ وَعَلَيْكَ السَّلَامُ، لَا) إن كان الدعاء (عَيْبَةً كَرَحِمَ اللَّهُ زَيْدًا).

455. **(Tidak batal ia dengan zikir)** melainkan bahawa ia melengkapi khitab kepada selain Allah. **(Batal ia dengan doa)** jika ianya **(khitab seperti "moga Allah merahmati kamu" dan "keatas kamu salam", tidak)** jika adalah doa itu **(ghaibah seperti "moga Allah merahmati Zaid).**

(وَلَوْ نَابَهُ)، أي عرض للمصلي، (شَيْءٌ فِي الصَّلَاةِ) كإذنه لداخل أو تنبيه إمامه علي سهو (سَبَّحَ الرَّجُلُ)، فيقول سبحان الله بقصد الذكر. (وَصَفَقَتِ الْمَرْأَةُ بِيْطْنِ كَفِّ عَلَى ظَهْرٍ أُخْرَى لَا بَطْنًا لِبَطْنِ). وكل ذلك على وجه السنية. فلو سبحت المرأة و صفق الرجل فانت السنة وصحت الصلاة.

456. **(Kalau mendatang)** kepada mushalli **(oleh sesuatu didalam shalatnya)** seperti mengizinnnya akan orang yang masuk atau menyedarkan imamnya diatas satu kelalaian **(bertasbih lelaki)** maka dia kata "Subhanallah" dengan kasad zikir, **(dan perempuan menepukkan perut tapak tangannya keatas belakang tapak tangan yang satu lagi, tidak perut tapak tangan kepada perut tapak tangan).** Semua demikian itu diatas wajah sunat. Maka kalau perempuan bertasbih dan lelaki menepuk tangan luputlah sunat itu serta sah shalatnya.

(وَلَوْ تَكَلَّمَ بِنَظْمِ الْقُرْآنِ كَيْحِي خُذِ الْكِتَابَ وَقَصِدْ إِعْلَامَهُ فَقَطْ)، أي لم يصحبه قصد ذكر، (أَوْ أَطْلَقَ) فلم يقصد شيئاً (بَطَلَتْ) الصلاة، (أَوْ) قصد (تِلَاوَةً فَقَطْ أَوْ تِلَاوَةً وَإِعْلَامًا فَلَا) تبطل.

457. **(Kalau dia bercakap dengan susunan Quran seperti "يا يحيى خذ الكتاب" dan dia bertujuan memberitahunya sahaja)**, iaitu tidak dia menyertakannya dengan tujuan zikir, **(atau dia mengitlak)**, maka dia tidak bertujuan apa-apa, **(batal)** shalatnya, **(atau)** dia bertujuan **(tilawah sahaja atau tilawah dan memberi tahu maka tidak)** batal ia.

(وَتَبْطُلُ بِوُصُولِ عَيْنٍ وَإِنْ قَلَّتْ إِلَى جَوْفِهِ عَمْدًا. وَكَذَا) تبطل بوصول عين (سَهْوًا أَوْ جَهْلًا بِالتَّحْرِيمِ إِنْ كَثُرَتْ عَرَفًا، لَا إِنْ قَلَّتْ). بخلاف الصوم فلا يبطل بالنسيان وإن كثر.

458. **(Batal ia dengan sampai ain sekalipun sedikit kepada rongganya dengan sengaja. Begitu juga)** batal ia dengan sampai ain **(diatas jalan lupa atau jahilkan haramnya jika ia banyak pada uruf, tidak jika ia sedikit).** Bersalahan puasa maka tidak batal ia dengan lupa sekalipun banyak.

(وَتَبْطُلُ) الصلاة (بِزِيَادَةِ رُكْنٍ فِعْلِيٍّ كَرُكُوعٍ عَمْدًا لَا سَهْوًا، لَا بِقَوْلِيٍّ عَمْدًا كَتِكْرَارِ الْفَاتِحَةِ أَوْ التَّشَهُدِ أَوْ قِرَاءَتِهِمَا فِي غَيْرِ مَحَلِّهِمَا)، وإن اقتضى ذلك سجود السهو.

459. **(Batal)** shalat **(dengan menambah rukun fe'li seperti rukuk diatas jalan sengaja, tidak diatas jalan lupa, tidak dengan rukun qauli diatas jalan sengaja seperti berulang fatihah atau tasyahhud atau membaca keduanya pada selain tempat keduanya)**, sekalipun demikian itu menuntut sujud sahwi.

وَتَبْطُلُ بِزِيَادَةِ فِعْلٍ وَلَوْ سَهْوًا مِنْ غَيْرِ جِنْسِ الصَّلَاةِ إِنْ كَثُرَ مُتَوَالِيًا. وأما إن كان من جنس الصلاة فيبطل عمدته لا سهوه. وأما إن قلَّ أو أكثر، لكن لم يكن متواليًا، فلا يبطل عمدته ولا سهوه.

460. (**Batal ia dengan menambah perbuatan walaupun diatas jalan lupa yang dari selain jenis shalat jika ia banyak lagi berturutan**). Adapun jika ia dari jenis shalat maka sengajanya membatalkan tidak lupunya. Adapun jika ia sedikit atau banyak akan tetapi ia tidak berturutan maka tidak membatalkan sengajanya dan tidak lupunya.

وذلك الذي يبطل (كَثَلَاتِ خَطَوَاتٍ)، جمع خطوة. وهي نقل القدم. فإن نقل الأخرى عدت حركة ثانية، (أَوْ ضَرْبَاتٍ) ثلاث (مُتَوَالِيَاتٍ) بحيث يعد المتأخر منسوبًا إلى المتقدم عرفًا، (لَا إِنْ قَلَّ كَخَطَوَتَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ وَتَفَرَّقَ بِحَيْثُ يُعَدُّ الثَّانِي مُنْقَطِعًا عَنِ الْأَوَّلِ. فَإِنْ فَحُشَّ كَوْتِبَةٌ بَطَلَتْ)، إلا إذا قصد بالفعل القليل اللعب فإنه يبطل.

461. Yang membatalkan itu (**seperti tiga langkah**) - "خطوات" jamak - "خطوة" - Ia adalah memindahkan satu tapak kaki, maka jika dia memindahkan yang satu lagi dikirakan ia gerak yang kedua. (**atau pukul-pukulan**) yang tiga (**yang berturutan**) sekira-kira dikirakan yang terkemudian ternisbah kepada yang terdahulu pada uruf, (**tidak jika ia sedikit seperti dua langkah atau lebih serta bercerai-cerai sekira-kira dikirakan yang kedua terputus dari yang pertama. Maka jika ianya keji seperti lompat batal ia**), melainkan apabila dia kasadkan perbuatan yang sedikit itu sebagai bermain maka ia membatalkan.

(وَلَا تَضُرُّهُ حَرَكَاتٌ خَفِيفَةٌ كَحَاكٍ بِأَصَابِعِهِ وَإِدَارَةَ سِبْحَةٍ) فِي يَدِهِ بِأَصَابِعِهِ وَلَمْ تَحْرِكْ كَفَّهُ. (وَلَا) يَضُرُّ (سُكُوتٌ طَوِيلٌ وَ) لَا (إِشَارَةٌ مُفْهِمَةٌ مِنْ أُخْرَسٍ)، وَإِنْ انْعَقَدَ بِهَا بَيْعُهُ وَنِكَاحُهُ.

462. (**Tidak memudharatkan gerak-gerak yang ringan seperti garu dengan jari-jari dan memutarakan biji tasbih**) pada tangannya dengan jari-jarinya dan tidak bergerak tapak tangannya, (**dan tidak**) memudharatkan (**diam yang panjang dan**) tidak (**isyarat yang memberi faham dari orang yang bisu**) sekalipun terjadi dengannya jualannya dan nikahnya.

(وَتُكْرَهُ) الصَّلَاةُ (وَهُوَ يُدَافِعُ الْأَخْبَثَيْنِ) وَهُمَا الْبَوْلُ وَالْغَائِطُ، (وَبِحَضْرَةِ طَعَامٍ أَوْ شَرَابٍ يَتَوَقَّعُ إِلَيْهِ) أَيِ يَشْتَاقُهُ الْمَصْلِيُّ (إِلَّا إِنْ خَشِيَ خُرُوجَ الْوَقْتِ. وَيُكْرَهُ) فِي الصَّلَاةِ (تَشْبِيكُ أَصَابِعِهِ وَالْإِنْتِفَاتُ) بِوَجْهِهِ، وَأَمَّا بِصَدْرِهِ فَيَبْطُلُ، (لِغَيْرِ حَاجَةٍ، وَرَفَعُ بَصَرِهِ إِلَى السَّمَاءِ وَالنَّظْرُ إِلَى مَا يُلْهِئُهُ) مِنْ تَوْبٍ وَغَيْرِهِ.

463. (**Makruh**) shalat (**sedang dia menahan-nahan dua najis**) yaitu kencing dan tahi (dan pada kehadiran makanan atau minuman yang dia ingin kepadanya), yaitu diingini oleh mushalli, (**melainkan jika dia bimbang keluar waktunya. Makruh**) didalam shalat (**tasybik jari-jarinya dan menoleh**)

dengan mukanya. Adapun dengan adanya maka ia membatalkan (**tanpa hajat, dan mengangkat pandangan matanya ke langit dan memandang kepada apa yang melalaikannya**) daripada kain dan selainnya. (وَكَفَّ ثُوبَهُ وَشَعْرَهُ)، هو أن يجمعه فلا يسجد معه. ومن ذلك أن يشمر أكمامه. وهذا للرجل. وأما المرأة فلا تؤمر بنقض الضفائر. (وَوَضَعُهُ) أي الشعر (تَحْتَ عِمَامَتِهِ وَمَسْحُ الْغُبَارِ عَنِ جَبْهَتِهِ وَالتَّائِبُ) وهو فتح الفم. (فَإِنْ غَلَبَهُ) التَّائِبُ (وَضَعَ يَدَهُ عَلَى فَمِهِ).

464. (**dan menahan kainnya dan rambutnya**), iaitu bahawa dia menghimpunkannya maka dia tidak sujud bersamanya. Daripada demikian itu bahawa dia menyingsingkan lengan bajunya. Ini bagi lelaki. Adapun perempuan maka tidak disuruh dia merungkaikan sanggulnya. (**dan meletakkannya**), iaitu rambut, (**di bawah serbannya, dan menyapu debu dari dahinya dan menguap**), iaitu membuka mulut. (**Maka jika dia tergagah**) oleh menguap (**dia meletakkan tangannya diatas mulutnya**).

(وَ) تَكَرَّهُ (الْمُبَالِغَةُ فِي خَفْضِ الرَّأْسِ فِي الرُّكُوعِ وَوَضْعُ يَدِهِ عَلَى خَاصِرَتِهِ وَالْبِصَاقُ قَبْلَ وَجْهِهِ وَيَمِينِهِ). وهذا كما يكره في الصلاة يكره خارجها. (بَلْ) يبصق (عَنْ يَسَارِهِ أَوْ فِي ثُوبِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ) اليسرى، لكن في غير المسجد. أما فيه فيحرم.

465. (**Dan**) makruh (**sangat merendahkan kepala pada rukuk, dan meletakkan tangannya diatas pinggangnya dan meludah ke arah depan dan kanannya**). Ini seperti mana dimakruhkan didalam shalat dimakruhkan ia di luarnya. (**bahkan**) dia meludah (**ke kirinya atau pada kainnya atau di bawah tapak kakinya**) yang kiri pada selain masjid. Adapun didalam nya maka ianya haram.

(وَالصَّلَاةُ شُرُوطٌ وَأَرْكَانٌ وَأَبْعَاضٌ وَسُنَنٌ. فَشُرُوطُهَا ثَمَانِيَةٌ، طَهَارَةٌ) الأعضاء من (الْحَدَثِ) الأصغر والأكبر (وَ) الطهارة من (النَّجَسِ) في البدن والثوب والمكان، (وَسَدْتُرُ الْعَوْرَةِ) على حسب ما تقدم، (وَاسْتِقْبَالُ الْقِبْلَةِ وَاجْتِنَابُ الْمَنَاهِي الْمَذْكُورَةِ) التي تبطل الصلاة، (وَهِيَ الْكَلَامُ وَالْأَكْلُ)، بضم الهمزة بمعنى المأكول، (وَالْفِعْلُ الْكَثِيرُ) وتقدم ضابط الكثرة، (وَمَعْرِفَةُ دُخُولِ الْوَقْتِ وَلَوْ ظَنًّا، وَالْعِلْمُ بِفَرْضِيَةِ الصَّلَاةِ وَبِكَيْفِيَّتِهَا).

466. (**Bagi shalat itu beberapa syarat dan rukun dan ab'ad dan sunat. Maka syarat-syaratnya lapan, suci**) anggota dari (**hadath**) kecil dan besar (**dan**) suci dari (**najis**) pada tubuh dan kain dan tempat, (**dan tutup aurat**) diatas sekira-kira apa yang telah lalu itu, (**dan mengadap kiblat dan menjauhi larangan-larangan yang telah disebutkan**) yang membatalkan shalat, (**iaitu bercakap dan makan**) – "أكل" – dengan dhammah hamzah dengan makna "مأكول" – (**dan perbuatan yang banyak**), yang mana telah terdahulu

dhabit banyak itu, (dan tahu masuk waktu walaupun diatas jalan zhan, dan tahu dengan kefardhuan shalat dan dengan kaifatnya).

(فَمَتَى أَخْلَ بِشَرْطِ مِنْهَا بَطَلَتِ الصَّلَاةُ مِثْلُ أَنْ يَسْبِقَهُ الْحَدَثُ) وَهُوَ (فِيهَا وَلَوْ سَهْوًا) فَإِنَّهُ أَخْلَى بِطَهَارَةِ الْحَدَثِ، (أَوْ تُصِيبُهُ نَجَاسَةٌ رَطْبَةً وَلَمْ يُلْقِ الثُّوبَ) حَالًا، (أَوْ يَابِسَةً فَيُلْقِيهَا بِيَدِهِ أَوْ كُمِّهِ) لِأَنَّهُ أَخْلَى بِالطَهَارَةِ عَنِ النَّجَسِ.

467. (Maka bila dia mencederakan satu syarat daripadanya batal shalatnya, umpama terlanjar hadath darinya) sedang dia (didalam nya walaupun diatas jalan leka), maka ia mencederakan suci dari hadath, (atau mengenainya najis basah dan dia tidak melontarkan kainnya itu) serta-merta, (atau kering maka dia melontarkannya dengan tangannya atau lengan bajunya) kerana ia mencederakan suci dari najis.

(أَوْ تَكْشِفُ الرِّيحُ عَوْرَتَهُ وَتَبْعُدُ السُّتْرَةَ) فَإِنَّهُ حِينَئِذٍ أَخْلَى بِسُتْرِ الْعَوْرَةِ، (أَوْ يَعْتَقِدُ بَعْضَ أَفْعَالِهَا فَرَضًا وَبَعْضَهَا سُنَّةً وَلَمْ يُمَيِّزْهُمَا)، فَإِنَّهُ أَخْلَى بِالْعِلْمِ بِفَرْضِيَةِ الصَّلَاةِ. (فَلَوْ اعْتَقَدَ أَنَّ جَمِيعَهَا فَرَضٌ أَوْ بَادَرَ بِالْقَاءِ الثُّوبِ النَّجَسِ وَبِنَفْضِ الْيَابِسَةِ وَسُتْرِ الْعَوْرَةِ لَمْ تَبْطُلِ) الصَّلَاةُ فِي الْجَمِيعِ لِعَدَمِ تَقْصِيرِهِ. وَاعْتِقَادِ السُّنَّةِ فَرَضًا لَا يَضُرُّ.

468. (atau angin mendedahkan auratnya dan jauh penutup aurat itu) maka ia ketika itu mencederakan tutupan aurat, (atau dia mengiktikadkan sebahagian perbuatan-perbuatannya fardhu dan sebahagiannya sunat dan dia tidak dapat membezakannya) maka dia mencederakan tahu dengan fardhu-fardhu shalat, (maka kalau dia mengiktikadkan semuanya fardhu atau dia segera mencampakkan kain najis dan mengibaskan yang kering dan menutup auratnya tidak batal) shalat pada semua itu kerana ketiadaan kecuaiannya. Dan mengiktikadkan sunat sebagai fardhu tidak memudharatkan.

(وَأَرْكَانُهَا سَبْعَةٌ عَشْرَ) بَعْدَ الطَّمَأْنِينَةِ رُكْنًا فِي كُلِّ مَحَلٍّ، (النِّيَّةُ وَتَكْبِيرَةُ الْإِحْرَامِ وَالْقِيَامُ وَ) قِرَاءَةُ (الْفَاتِحَةِ). وَبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ آيَةٌ مِنْهَا وَهِيَ الْآيَةُ السَّابِعَةُ.

469. (Rukun-rukunnya tujuh belas) dengan membilangkan tama'ninah sebagai satu rukun pada setiap tempat, (niat dan takbir ihram dan qiam dan) bacaan (fatihah). "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" satu ayat daripadanya dan ia ayat ketujuhnya.

(وَالرُّكُوعُ وَالطَّمَأْنِينَةُ وَالْإِعْتِدَالُ وَالطَّمَأْنِينَةُ وَالسُّجُودُ وَالطَّمَأْنِينَةُ وَالْجُدُوسُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ وَالطَّمَأْنِينَةُ وَالتَّشَهُدُ الْأَخِيرُ وَجُلُوسُهُ وَالصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ فِيهِ وَالتَّسْلِيمَةُ الْأُولَى. وَتَرْتِيبُهَا هَكَذَا). وَيَسْتَتْنِي التَّحْرِمُ مَعَ الذِّيَّةِ وَالتَّحْرِمُ وَقِرَاءَةُ الْفَاتِحَةِ مَعَ الْقِيَامِ وَالتَّشَهُدِ وَالصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ وَالسَّلَامِ مَعَ الْقُعُودِ فَإِنَّهُ لَا تَرْتِيبَ فِيهِنَّ.

470. (**dan rukuk dan tama'ninah dan i'tidal dan tama'ninah dan sujud dan tama'ninah dan duduk di antara dua sujud dan tama'ninah dan tasyahud akhir dan duduknya dan selawat atas nabi sawm padanya dan ucap salam yang pertama. Tertibnya adalah begini**). Dikecualikan taharrum beserta niat [dan taharrum] dan bacaan fatihah beserta qiam dan tasyahhud dan selawat atas nabi dan salam beserta duduk, maka tidak ada tertib pada kesemuanya itu.

(وَأَبْعَاضُهَا)، جمع بعض. وهو في اصطلاحهم ما يجبر تركه بسجود لسهوه. (سِتَّةٌ) بحسب ما ذكره. وإلا فهي تبلغ العشرين. (التَّشَهُدُ الْأَوَّلُ)، فمن تركه أو شيئاً منه سن له سجود السهوه. (وَجُلُوسُهُ). ويتصور سجود السهوه لترك الجلوس وحده بأن كان لا يحسن التشهد فيؤمر بالجلوس بقدره، فإذا تركه سن له السجود للجلوس.

471. (**Ab'ad-ab'adnya**) – "أبعاض" jamak "بعض". Ianya pada istilah mereka: apa yang ditampung meninggalkannya dengan sujud sahwi- (**enam**) mengikut apa yang dia sebutkan. Jika tidak maka ia sampai kepada dua puluh. (**Tasyahhud awal**), maka siapa meninggalkannya atau suatu daripadanya sunat dia sujud sahwi. (**dan duduknya**), digambarkan sujud sahwi kerana meninggalkan duduk tasyahhud sahaja dengan bahawa dia tidak pandai tasyahhud maka disuruh dia duduk dengan kadar tasyahhud. Maka apabila dia meninggalkannya sunat dia sujud kerana duduk itu.

(وَالصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ فِيهِ) أي في جلوس التشهد. فإذا ترك الصلاة على النبي في التشهد الأول سن له سجود السهوه. وكذا لو تركها إمامه الحنفي وعلم بذلك. وأما لو لم يعلم فلا يؤمر بالسجود بناء على أن مذهب إمامه كراهة الصلاة على النبي في التشهد الأول لاحتمال أن الإمام أتى بها سهواً أو قلد غير إمامه.

472. (**dan selawat atas nabi sawm padanya**), iaitu pada duduk tasyahhud itu. Maka apabila dia meninggalkan selawat atas atas nabi sawm yang pada tasyahhud awal itu sunat dia sujud sahwi. Begitu juga kalau meninggalkannya imamnya yang bermazhab Hanafi dan dia tahukan hal itu. Adapun kalau dia tidak tahu maka tidak disuruh dia sujud kerana bina diatas bahawa mazhab imamnya makruh selawat atas nabi pada tasyahhud awal kerana ihtimal bahawa imamnya mendatangkannya diatas jalan lalai atau imam itu mengikut selain imamnya.

(وَ) كذا من الأبعاض الصلاة على (أَلِهِ فِي) التشهد (الْأَخِيرِ). ويتصور السجود لتركها في الأخير بأن يتركها إمامه ويعلمه بتركها قبل سلامه فيسجد للسهوه.

473. (**Dan**) begitu juga daripada ab'ad-ab'ad itu selawat atas (**keluarganya pada**) tasyahud (**yang akhir**). Digambarkan sujud kerana meninggalkannya pada yang akhir dengan bahawa imamnya meninggalkannya dan dia memberi

tahu kepadanya bahawa dia meninggalkannya sebelum salamnya maka dia sujud sahwi.

(وَالْقُنُوتُ) في الصبح وفي وتر النصف الثاني من رمضان، (وَقِيَامُهُ). وكذا الصلاة على النبي في القنوت والسلام. وكذا الصلاة والسلام على آله وأصحابه فيه والقيام لها. (وَمَا عَدَا ذَلِكَ) مما يطلب (سُنُّنٌ) لا يجبر تركها بالسجود.

474. (**dan qunut**) pada subuh dan pada witr setengah kedua bulan ramadhan, (**dan qiamnya**). Begitu juga selawat atas nabi pada qunut dan salam padanya. Begitu juga selawat dan salam atas keluarganya dan para sahabatnya pada qunut itu dan qiam untuknya. (**Apa yang selain demikian itu**) daripada apa yang dituntut (**adalah sunat-sunat**) yang tidak ditampung meninggalkannya dengan sujud.

(بَابُ صَلَاةِ التَّطَوُّعِ)

ويرادفه النفل (أَفْضَلُ عِبَادَاتِ الْبَدَنِ الصَّلَاةُ) المكتوبة. وأما العبادات المتعلقة بالقلب فهي أفضل كالإيمان بالله ومحبهته. (وَنَفْلُهَا أَفْضَلُ النَّفْلِ) من غيرها كالصوم.

475. @**BAB SHALAT TATAWWU'**. Sama makna dengannya "nafl". (**Yang Terafdhal daripada ibadat-ibadat tubuh adalah shalat**) maktubah. Adapun ibadat-ibadat yang berkaitan dengan hati maka ia terafdhal seperti iman dengan Allah dan kasih kepadaNya. (**Naflnya terafdhal nafl**) daripada selainnya seperti puasa.

(وَمَا شَرَعَ لَهُ الْجَمَاعَةُ وَهُوَ الْعِيدَانِ) الفطر والأضحى (وَالْكَسُوفَانِ) كسوف الشمس وخسوف القمر (وَالْإِسْتِسْقَاءُ أَفْضَلُ مِمَّا لَا يُشْرَعُ لَهُ الْجَمَاعَةُ وَهُوَ مَا سِوَى ذَلِكَ) المذكور. ومعنى تشريع الجماعة طلبها على وجه السنة فلا ينافي أنها جائزة في غير ما ذكر.

476. (**Apa yang disyariatkan baginya jamaah iaitu dua raya**), fitri dan adha, (**dan dua gerhana**), gerhana matahari dan gerhana bulan, (**dan istisqa'** adalah terafdhal dari apa yang tidak disyariatkan jamaah baginya iaitu apa yang selain demikian) yang disebutkan itu. Makna pensyariatkan jamaah itu adalah ia dituntut diatas wajah sunat maka tidak menafikan bahawa ianya harus pada selain apa yang disebutkan itu.

(لَكِنَّ الرِّوَاتِبَ) مطلقا سواء كانت مؤكدة أو غير مؤكدة (مَعَ الْفَرَائِضِ أَفْضَلُ مِنَ التَّرَاوِيحِ) وإن شرعت فيها الجماعة. (وَالسُّنَّةُ أَنْ يُوَاطَّبَ عَلَى رَوَاتِبِ الْفَرَائِضِ. وَأَكْمَلُهَا رَكَعَتَانِ قَبْلَ الصُّبْحِ وَأَرْبَعٌ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعٌ بَعْدَهَا وَأَرْبَعٌ قَبْلَ الْعَصْرِ وَرَكَعَتَانِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ وَرَكَعَتَانِ بَعْدَ الْعِشَاءِ) لفعله ﷺ لها.

477. (**Walau bagaimanapun sunat-sunat rawatib**) semata-mata, sama sahaja yang muakkad atau tidak muakkad, (**bersama dengan fardhu-fardhunya terafdhal dari tarawih**) sekalipun disyara'kan jamaah padanya. (**Yang Sunat bahawa dia mengekali rawatib bagi shalat fardhu. Paling sempurnanya adalah dua rakaat sebelum subuh dan empat sebelum zuhur dan empat selepasnya dan empat sebelum asar dan dua rakaat selepas maghrib dan dua rakaat selepas isyak**) kerana amalan nabi sawm dengannya.

(وَالْمُؤَكَّدُ مِنْ ذَلِكَ) الذي استمر على فعله ﷺ (عَشْرُ رَكَعَاتٍ، رَكَعَتَانِ قَبْلَ الصُّبْحِ وَ) قبل (الظُّهْرِ وَبَعْدَهَا وَبَعْدَ الْمَغْرِبِ وَ) بعد (الْعِشَاءِ. وَيُنْدَبُ رَكَعَتَانِ قَبْلَ الْمَغْرِبِ). وإنما أفردهما عن الرواتب للخلاف في استحبابهما. وإذا لم يفعلهما قبل المغرب سن له فعلهما بعدها. واستحبابهما قبل الاشرع في الإقامة. فإن شرع فيها كره فعلهما.

478. (**Yang muakkad daripada demikian itu**) yang berterusan nabi sawm melakukannya (**sepuluh rakaat, dua rakaat sebelum subuh dan**) sebelum (**zuhur dan selepasnya dan selepas maghrib dan**) selepas (**isyak. Sunat dua rakaat sebelum maghrib**). Hanyasanya dia menunggalkan keduanya dari rawatib-rawatib lain kerana khilaf pada membilang sunat keduanya. Apabila dia tidak melakukan keduanya sebelum maghrib sunat dia melakukan keduanya selepasnya. Mensunatkan keduanya adalah sebelum dimulakan iqamah. Maka jika telah dimulakan iqamah makruh melakukan keduanya.

(وَالْجُمُعَةُ كَالظُّهْرِ) فيسن قبلها أربع وبعدها أربع إن أغنت عن الظهر. وإلا صلى بعدها سنة الظهر القبليّة.

479. (**Jumaat sama seperti zuhur**) maka sunat sebelumnya empat dan selepasnya empat jika ia menghayati dari zohor. Jika tidak, dia shalat selepasnya sunat zohor yang qabliyah.

(وَمَا قَبْلَ الْفَرِيضَةِ) من السنن (وَقْتُهُ وَقْتُ الْفَرِيضَةِ)، فيدخل وقته بدخول وقتها. (وَتَقْدِيمُهُ عَلَيْهَا أَدَبٌ)، أي مستحب. (وَهُوَ)، أي الراتب قبل الفريضة، (بَعْدَهَا)، أي فعله بعد الفريضة، (أَدَاءٌ) لا قضاء. ويصح أن يجمع السنة القبليّة مع البعدية في إحرام.

480. (**Apa yang sebelum shalat fardhu**) daripada sunat-sunat itu (**waktunya adalah waktu shalat fardhunya**). Maka masuk waktunya dengan masuk waktu fardhu itu. (**Mendulukannya diatas fardhu itu adalah adab**), iaitu mustahab. (**Ianya**) iaitu ratib sebelum shalat fardhu (**selepasnya**), iaitu melakukannya selepas fardhu (**adalah tunai**) bukan kadha. Sah dijamakkan sunat qabliyah dengan ba'diyah pada satu ihram.

(وَمَا بَعْدَهَا) أي الفريضة من الرواتب (بِفِعْلِهَا) أي الفريضة. (وَيُخْرَجُ بِخُرُوجِ وَقْتِهَا). ومع ذلك لا يفعل قضاء إلا بعد فعلها قضاء.

481. (**Dan apa yang selepasnya**), iaitu selepas shalat fardhu daripada shalat-shalat rawatib, (**adalah dengan dilakukan ia**), iaitu dilakukan shalat fardhu itu. (**Dan keluar ia dengan keluar waktunya**). Serta demikian itu tidak dilakukan ia sebagai kadha melainkan selepas dilakukan fardhunya sebagai kadha.

(وَأَقَلُّ الْوُتْرِ رَكْعَةً) وإن لم يتقدمه سنة العشاء. (وَأَكْمَلُهُ إِحْدَى عَشْرَةَ. وَيُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ) فينوي ركعتين من الوتر. (وَأَذْنِي الْكَمَالِ ثَلَاثٌ بِسَلَامَيْنِ). وهو أفضل من الوصل بسلام واحد. (يَقْرَأُ فِي الْأُولَى) بعد الفاتحة (سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى وَفِي الثَّانِيَةِ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ وَفِي الثَّالِثَةِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَالْمُعَوَّدَتَيْنِ).

482. (**Sekurang-kurang witr itu satu rakaat**) sekalipun tidak mendahuluinya sunat isyak. (**Paling sempurnanya sebelas. Dia memberi salam pada setiap dua rakaat**), maka dia niatkan dua rakaat daripada witr. (**Sekurang-kurang sempurnanya tiga dengan dua salam**). Ia terafdhal dari sambung dengan satu salam. (**Dia membaca pada yang pertama**) selepas fatihah ("سبح اسم ربك الأعلى" dan pada yang kedua "قل يا أيها الكافرون" dan pada yang ketiganya "قل هو الله أحد" dan dua mu'awwazah).

(وَلَهُ وَصَلُ الثَّلَاثِ وَالْإِحْدَى عَشْرَةَ) وما بينهما من الخمس والسبع والتسع (بِتَسْلِيمَةٍ) واحدة. وينوي بالجميع الوتر. وأما إذا فصل كل ركعتين فينوي ركعتين من الوتر.

483. (**Boleh dia menyambung tiga dan sebelas itu**) dan apa yang di antara keduanya, iaitu lima dan tujuh dan sembilan, (**dengan salam**) yang satu, dan dia berniat witr dengan semuanya. Adapun bila dia menceraikan setiap dua rakaat maka dia niatkan dua rakaat daripada witr.

(وَيَجُوزُ) له إذا وصل أن يأتي (بِتَشْهَدٍ وَبِتَشْهَدَيْنِ فِي الْأَخِيرَةِ وَالَّتِي قَبْلَهَا. وَ) الوصل (بِتَشْهَدَيْنِ أَفْضَلُ) من الوصل بتشهد. (فَإِنْ زَادَ) في الوصل (عَلَى تَشْهَدَيْنِ بَطَلَتْ صَلَاتُهُ). وكذا لو تشهد في غير الأخيرتين بأن تشهد في الثامنة والأخيرة.

484. (**Harus**) baginya bila dia menyambung bahawa dia mendatangkan (**satu tasyahud dan dua tasyahud pada rakaat akhir dan yang sebelumnya. Dan**) sambung (**dengan dua tasyahud itu terafdhal**) dari sambung dengan satu tasyahud. (**Maka jika dia menambah**) pada sambung itu (**dias dua tasyahud batal shalatnya**). Begitu juga kalau dia bertasyahhud pada selain dua yang akhir dengan bahawa dia bertasyahhud pada yang kelapan dan yang akhir.

(وَالْأَفْضَلُ تَقْدِيمُهُ عَقِيبَ سُنَّةِ الْعِشَاءِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ لَهُ تَهَجُّدٌ، فَالْأَفْضَلُ لَهُ تَأْخِيرُهُ لِيُوتِرَ بَعْدَهُ) إن وثق باستيقاظ نفسه. (وَلَوْ أُوْتِرَ ثُمَّ أَرَادَ تَهَجُّدًا) أو صلاة نفل آخر (صَلَّى مَثْنَى مَثْنَى)، أي ركعتين ثم ركعتين.

485. **(Yang terafdhal mendulukannya sejurus mengiringi sunat isyak melainkan bahawa ada baginya tahajjud, maka yang terafdhal baginya adalah mentakhirkannya untuk dia melakukan witr selepasnya)** jika kecap hatinya akan sedar dari tidur. **(Kalau dia berwitr kemudian dia hendak tahajjud)** atau sunat sunat lain **(dia shalat dua-dua)**, iaitu dua rakaat kemudian dua rakaat [pada tahajjudnya].

(وَلَا يُعِيدُهُ)، أي الوتر بعد ما صلاه للذهي عنه. (وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى نَقْضِهِ) أي الوتر (بِرَكْعَةٍ قَبْلَ التَّهَجُّدِ) مفردة تشفعه فيخرج عن كونه وترا فيوتر ثانيا كما فعله بعض الصحابة للذهي عن وترين في ليلة. (وَيُذَدَّبُ أَنْ لَا يَتَعَمَّدَ بَعْدَهُ صَلَاةً). فإن فعل جاز من غير كراهة لأنه ورد أنه ﷺ كان يصلي بعد الوتر ركعتين من قعود.

486. **(Tidak boleh dia mengulanginya)**, iaitu witr selepas dia shalatkannya kerana tegahan darinya. **(Tidak perlu kepada membatalkannya)**, iaitu witr, **(dengan satu rakaat sebelum tahajjud)** yang ditunggalkan yang menggenapkannya lalu keluar ia dari keadaannya witr maka dia melakukan witr kali kedua seperti mana dilakukan sebahagian sahabat, kerana tegahan dari dua witr pada satu malam. **(Sunat bahawa dia tidak menyehajakan selepasnya akan shalat yang lain)**. Maka jika dia lakukan harus ia tanpa karahah kerana warid bahawa nabi sawm pernah shalat selepas witr dua rakaat sambil duduk.

(وَيُذَدَّبُ التَّرَاوِيحُ. وَهِيَ كُلُّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ عِشْرُونَ رَكْعَةً). ويندب أن تكون (فِي الْجَمَاعَةِ. وَيُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ). فلو صلى أربعاً لم تصح. (وَيُؤْتِرُ بَعْدَهَا جَمَاعَةً)، أي يندب له ذلك، (إِلَّا لِمَنْ يَتَهَجَّدُ فَيُؤَخَّرُهُ)، أي الوتر بعد التهجد.

487. **(Sunat tarawih. Ianya setiap malam daripada ramadhan, dua puluh rakaat)**. Sunat bahawa adalah ia **(pada jemaah. Dia memberi salam dari setiap dua rakaat)**. Maka kalau dia shalat empat rakaat tidak sah ia. **(Dia melakukan witr selepasnya berjamaah)**, iaitu disunatkan baginya demikian itu, **(melainkan bagi orang yang hendak bertahajjud maka dia mentakhirkannya)**, iaitu witr itu selepas tahajjudnya.

(وَيَقْنُتُ) ندبا في الوتر (في) الركعة (الأخيرة). وذلك لا يكون إلا (في) النصف الأخير) من رمضان. ويقنت (بِقُنُوتِ الصُّبْحِ ثُمَّ يَزِيدُ) عليه القنوت المروي عن سيدنا عمر وهو (اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ إِلَى آخِرِهِ).

488. **(Dan dia berqunut)** diatas jalan sunat pada witr itu **(pada)** rakaat **(yang akhir)**. Demikian itu tidak adalah ia melainkan **(pada setengah yang akhir)** daripada ramadhan. Dia berqunut **(dengan qunut subuh kemudian menambah)** diatasnya qunut yang diriwayatkan dari sayidina Umar iaitu **(Ya Allah sesungguhnya aku meminta pertolongan Mu...hingga akhir)**.

وتمامه وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَسْتَهِدِيكَ وَنُؤْمِنُ بِكَ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْكَ وَنُثْنِي عَلَيْكَ الْخَيْرَ كُلَّهُ
 نَشْكُرُكَ وَلَا نَكْفُرُكَ وَنَخْلَعُ وَنَتْرُكُ مَنْ يَفْجُرُكَ. اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَلَكَ نُصَلِّي
 وَنَسْجُدُ وَإِلَيْكَ نَسْعَى وَنَحْفَدُ نَرْجُو رَحْمَتَكَ وَنَخْشَى عَذَابَكَ إِنَّ عَذَابَكَ الْجَدِّ
 بِالْكَفَّارِ مُلْحِقٌ، بكسر الحاء أي لاحق وبفتحها أي ألحقه الله بهم.

489. Kesempurnaannya "dan kami meminta keampunan Mu dan kami meminta petunjuk Mu dan kami beriman dengan Mu dan kami bertawakal keatas Mu dan kami menyebut-nyebut diatas Mu akan kebaikan kesemuanya, kami bersyukur kepada Mu dan tidak kufur dengan Mu dan kami tolak dan tinggalkan orang yang derhaka terhadap Mu. Ya Allah akan Engkau kami sembah dan bagi Mu kami shalat dan kami sujud dan kepada Mu kami berjalan dan bergerak cergas, kami harapkan rahmat Mu dan kami takutkan azab Mu, sesungguhnya azab Mu yang sebenar dengan orang-orang kafir suatu yang menghubungkan". "ملحق" dengan kasrah iaitu menghubungkan dan dengan fathah iaitu Allah menghubungkan dia dengan mereka.

(وَوَقْتُ) صلاة (الْوَتْرِ وَالتَّرَاوِيحِ مَا بَيْنَ صَلَاةِ الْعِشَاءِ وَطُلُوعِ الْفَجْرِ).

490. (Waktu shalat witir dan tarawih itu apa yang di antara shalat isyak dan terbit fajar).

(و) يَنْدُبُ أَنْ (يُصَلِّيَ الضُّحَى). وَأَقَلُّهَا رَكْعَتَانِ وَأَكْمَلُهَا) فضلاً (ثَمَانٍ، وَأَكْثَرُهَا اثْنَتَا عَشْرَةَ. وَيُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ) ندباً. (وَوَقْتُهَا مِنْ ارْتِفَاعِ الشَّمْسِ إِلَى الزَّوَالِ). وقيل من الطلوع إلى الاستواء.

491. (Dan) sunat bahawa (dia shalat dhuha. Sekurang-kurangnya dua rakaat dan yang sempurnanya) nisbah fadhilat (lapan, dan sebanyak-banyaknya dua belas. Dia memberi salam dari setiap dua rakaat) diatas jalan sunat. (Waktunya mula dari naik matahari hingga zawal). Dikatakan dari terbit matahari kepada istiwa'.

(وَكُلُّ نَفْلٍ مُؤَقَّتٍ)، أي له وقت محدود، (كَالْعِيدِ وَالضُّحَى وَالْوَتْرِ وَرَوَاتِبِ الْفَرَائِضِ إِذَا فَاتَ) بفوات وقته المحدود، (نَدْبٌ قَضَاؤُهُ أَبَدًا)، لا يتقيد بيومه أو ليلته كما قيل. (وَإِنْ فُعِلَ) النفل وندب (لِ)أمر (عَارِضٍ كَالْكُسُوفِ وَالْإِسْتِسْقَاءِ وَالتَّحِيَّةِ وَالْإِسْتِحَارَةِ)، فإن هذه الصلوات لم تشرع في وقت معين، بل عند دواعيها، فإذا فات هذا النفل (لَمْ يُقْضَ).

492. (Setiap nafil yang berwaktu), iaitu baginya waktu yang terbatas, (seperti raya dan dhuha dan witir dan rawatib fardu bila ianya luput) dengan luput waktunya yang terbatas itu (sunat kadhanya selama-lama), tidak terkait dengan harinya atau malamnya seperti mana yang dikatakan. (Dan jika dilakukan) satu nafil yang ianya disunatkan (kerana) satu perkara (yang mendatang seperti gerhana dan istisqa' dan tahiyyat dan istikharah), maka shalat-shalat ini tidak disyara'kan pada waktu yang tertentu bahkan di sisi sebab-sebab yang menyerunya, maka apabila luput nafil ini (tidak dikadha ia).

(وَالنَّفْلُ فِي اللَّيْلِ مُتَأَكَّدٌ وَإِنْ قَلَّ) كركعة. (وَالنَّفْلُ الْمُطْلَقُ) الذي لم يتقيد بوقت ولا سبب (فِي اللَّيْلِ أَفْضَلُ مِنَ الْمُطْلَقِ فِي النَّهَارِ. وَأَفْضَلُهُ) أي النفل بالدليل نفل (السُّدُسُ الرَّابِعُ وَالْخَامِسُ إِنْ قَسَمَهُ أَسَدَاسًا. فَإِنْ قَسَمَهُ نِصْفَيْنِ فَأَفْضَلُهُ الْأَخِيرُ)، أي النصف الأخير، (أَوْ) قسمه (أَثَلَاثًا فَأَلَاوَسَطُ. وَيُكْرَهُ قِيَامُ كُلِّ اللَّيْلِ دَائِمًا).

493. (Nafil pada malam adalah kuat sekalipun sedikit) seperti satu rakaat, (dan nafil mutlak) yang tidak terkait dengan waktu dan tidak dengan sebab (pada malam terafdhal dari nafil mutlak pada siang. Paling afdhalnya), iaitu nafil pada malam itu adalah nafil (satu perenam yang keempat dan kelima jika dia membahagikan malam kepada enam bahagian. Maka jika dia membahagikannya dua setengah maka yang terafdhalnya yang akhir), iaitu setengah yang akhir, (atau) dia membahagikannya (tiga bahagian maka yang tengah. Makruh berdiri seluruh malam sepanjang masa).

(وَيُنْدَبُ افْتِتَاحُ التَّهَجُّدِ بِرَكْعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ) ولو ركعتي سنة الوضوء. (وَيُنَوِي التَّهَجُّدَ عِنْدَ نَوْمِهِ) ليحصل له ثواب الصلاة إن أخذه النوم. (وَلَا يَعْتَادُ مِنْهُ) أي التهجد (إِلَّا مَا يُمَكِّنُهُ الدَّوَامُ عَلَيْهِ) أي المواظبة (بِلَا ضَرَرٍ) يلحقه.

494. (Sunat membuka tahajjud dengan dua rakaat yang ringan) walaupun dua rakaat sunat wudhuk. (Dia berniat tahajjud di sisi tidurnya) supaya terhasil baginya pahala shalat jika dia diambil oleh tidur. (Dan tidak dia mengadatkan daripadanya), iaitu tahajjud itu, (melainkan apa yang terbolehdia berterusan diatasnya), iaitu mengekalinya, (tanpa kemudharatan) yang menghubunginya.

(وَيُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ) ندبا. (فَإِنْ جَمَعَ رَكْعَاتٍ بِتَسْلِيمَةٍ أَوْ تَطَوُّعٍ بِرَكْعَةٍ جَازٍ)، فالنفل المطلق لا يقيد بعدد. (وَلَدُهُ) إن جمع ركعات (التَّشَهُدُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ أَوْ ثَلَاثٍ أَوْ أَرْبَعٍ) أو ست (وَإِنْ كَثُرَتِ التَّشَهُدَاتُ. وَلَدُهُ أَنْ يَقْتَصِرَ عَلَى تَشَهُدٍ وَاحِدٍ فِي الْأَخِيرَةِ. وَلَا يَجُوزُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ) من غير سلام.

495. (Dia mengucapkan salam dari setiap dua rakaat) diatas jalan sunat. (Maka jika dia menghimpunkan beberapa rakaat dengan satu salam atau dia melakukan tatawwu' dengan satu rakaat harus ia), kerana nafil mutlak tidak dikaitkan dengan bilangan. (Baginya) jika dia menghimpunkan beberapa rakaat (bertasyahud pada setiap dua rakaat atau tiga atau empat) atau enam, (sekalipun banyak tasyahud itu. Baginya menghadkan diatas satu tasyahud pada rakaat yang akhir. Tidak harus ia pada setiap rakaat) tanpa salam.

(وَإِذَا نَوَى عَدَدًا فَلَهُ الزِّيَادَةُ وَالنَّقْصُ بِشَرْطِ أَنْ يُعَيَّرَ النِّيَّةَ) بما يريد أن يفعله (قَبْلَهُمَا. فَلَوْ نَوَى أَرْبَعًا فَسَلَّمَ مِنْ رَكْعَتَيْنِ بِنِيَّةِ النَّقْصِ) قبل السلام (جَازٍ، أَوْ) سلم (بِلَا نِيَّةٍ عَمْدًا بَطَلَتْ) صلاته لمخالفته لما نوى، (أَوْ) سلم (سَهْوًا) ثم

تذكر قبل طول الفصل (أَتَمَّ أَرْبَعًا وَسَجَدَ لِلسَّهْوِ) جبرا لما وقع منه من السلام في غير محله.

496. (Apabila dia niatkan satu bilangan maka boleh dia menambah dan mengurangkan dengan syarat dia mengubah niatnya) dengan apa yang dia hendak melakukannya (sebelum keduanya. Maka kalau dia niatkan empat kemudian dia memberi salam dari dua rakaat dengan niat mengurangkan) sebelum salam itu (harus ia, atau) dia memberi salam (tanpa niat dengan sengaja batal) shalatnya kerana menyalahinya akan apa yang dia niatkan, (atau) dia memberi salam (diatas jalan lupa) kemudian dia ingat sebelum lama ceraian itu (dia menyempurnakan empat dan sujud sahwi) kerana menampung apa yang jatuh darinya berupa salam pada selain tempatnya.

(وَيُنْدَبُ لِمَنْ دَخَلَ الْمَسْجِدَ أَنْ يُصَلِّيَ رَكَعَتَيْنِ تَحِيَّتَهُ)، أي المسجد. وهذا في غير الحرم المكي. أما هو فتحيته الطواف لمن أراد. فإن لم يرده فتحيته الصلاة. وتسن التحية (كَلَّمَا دَخَلَ وَإِنْ كَثُرَ دُخُولُهُ فِي سَاعَةٍ. وَتَفُوتُ) التحية (بِالْفُعُودِ) عمدا مع طول الفصل.

497. (Sunat bagi orang yang masuk masjid bahawa dia shalat dua rakaat sebagai penghormatan terhadapnya,) iaitu terhadap masjid itu. Ini pada selain haram Makkah. Adapun ia maka tahiyatnya adalah tawaf bagi orang yang hendak melakukannya. Maka jika dia tidak mahu melakukannya maka tahiyatnya adalah shalat. Sunat tahiyat itu (setiap kali dia masuk sekalipun banyak masuknya pada sesuatu masa. Luput) tahiyat itu (dengan duduk) secara sengaja serta lama ceraianya.

(وَلَوْ نَوَى رَكَعَتَيْنِ مُطْلَقًا) لم يقصد بهما تحية ولا غيرها، (أَوْ مَذْنُورَةً أَوْ رَاتِبَةً أَوْ فَرِيضَةً فَقَطْ)، أي لم ينو مع ذلك التحية، (أَوْ الْفَرَضَ وَالتَّحِيَّةَ حَصْلًا). ولا يضر الاشتراك في النية لأن التحية تحصل بغير قصدها، لأن الغرض شغل البقعة بصلاة. ولكن لا تؤدي بصلاة جنازة ولا بركعة ولا بسجدة تلاوة وشكر.

498. (Kalau dia niatkan dua rakaat semata-mata), tidak dia maksudkan keduanya sebagai tahiyat dan tidak selainnya, (atau dia niatkan shalat yang dinazarkan atau ratib fardu sahaja), iaitu tidak dia niatkan berserta demikian itu akan tahiyat, (atau dia niatkan fardu dan tahiyat terhasil keduanya). Tidak mudharat perkongsian pada niat kerana tahiyat itu terhasil tanpa dikasahkan kerana tujuannya adalah mengisi tempat itu dengan shalat. Walau bagaimanapun tidak tertunai ia dengan shalat jenazah dan tidak dengan satu rakaat dan tidak dengan sujud syukur.

(وَإِذَا دَخَلَ الْإِمَامُ فِي الْمَكْتُوبَةِ أَوْ شَرَعَ الْمُؤَدَّنُ فِي الْإِقَامَةِ كُرَّةً) للداخل والحاضر (إِفْتِيحُ كُلِّ نَفْلِ التَّحِيَّةِ وَالرَّوَاتِبِ وَغَيْرِهِمَا) من النوافل، لا

الفرائض. فلو كان عليه فائتة سن له تقديمها. (وَالنَّفْلُ فِي بَيْتِهِ أَفْضَلُ مِنْ) فعله في (المسجد).

499. (Apabila imam masuk pada maktubah atau muazzin masuk pada iqamah makruh) bagi seorang yang masuk masjid dan yang telah hadir (memulakan setiap nafl, tahiyat dan rawatib dan selain keduanya) daripada nafl-nafl, tidak fardu-fardu. Maka kalau ada diatasnya shalat luput sunat dia mendulukannya. (Nafl di rumahnya terafdhal dari) melakukannya didalam (Masjid).

(وَيُكْرَهُ تَخْصِيصُ لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ بِصَلَاةٍ وَصَلَاةِ الرَّعَائِبِ) وهي اثنتا عشرة ركعة تفعل في أول جمعة (في) شهر (رَجَبٍ وَصَلَاةِ نِصْفِ شَعْبَانَ) وهي مائة ركعة تصلي ليلتها (بِدُعْتَانِ مَكْرُوهَتَانِ). ولا يغتر بذكرهما في قوت القلوب والإحياء. وكذا صلاة ركعتين في نصف شعبان بعد قراءة يس.

500. (Makruh menghususkan malam Jumaat dengan shalat. Shalat raghaib) yang mana ia dua belas rakaat dilakukan pada Jumaat pertama (pada) bulan (rajab, dan shalat nisfu sya'ban) yang mana ia seratus rakaat yang dilakukan pada malamnya (adalah dua bid'ah yang dibenci). Janganlah seorang terpedaya dengan keadaannya disebutkan didalam Qut al Qulub dan al Ihya'. Begitu juga shalat dua rakaat pada nisfu sya'ban selepas bacaan Yasin.

(بَابُ سَجُودِ السَّهْوِ)

أي في ذكر أسباب سجوده و(لَهُ سَبَبَانِ) كليان تحتهما أفراد كثيرة. أحدهما (تَرْكُ مَأْمُورٍ بِهِ) في الصلاة ولو عمداً، (وَ) ثانيهما (ارْتِكَابُ مَنْهِيٍّ عِنْدَهُ) أي عن فعله فيها كزيادة ركعة سهواً. ثم فصل في ترك المأمور به فقال:

501. @BAB SUJUD SAHWI, iaitu pada menyebutkan sebab-sebab sujudnya. (Baginya dua sebab) umum yang di bawah keduanya ada butir-butiran yang banyak. Satu daripadanya (meninggalkan perkara yang disuruh) didalam shalat walaupun sengaja, (dan) keduanya (melakukan perkara yang ditegah) dari dilakukan didalam nya seperti tambah rakaat dengan lupa. kemudian dia membuat perincian pada meninggalkan perkara yang disuruh maka katanya:

(فَإِنْ تَرَكَ رُكْنًا) كالركوع (وَاشْتَعَلَ بِمَا بَعْدَهُ) كالسجود (ثُمَّ نَكَرَ) المتروك (تَدَارَكُهُ)، أي أتى به فوراً إن لم يكن مأموماً. وأما هو فيتداركه بعد سلام إمامه بركعة. وكذلك من استمر سهوه حتى أتى بمثل ما تركه فإنه يأتي بركعة. (وَأَتَى بِمَا بَعْدَهُ وَسَجَدَ لِلْسَّهْوِ) إن حصلت زيادة. وأما لو سها عن السلام ثم تذكره ولو بعد طول الفصل من غير إتيان بمبطل فإنه يأتي به ولا يسجد.

502. **(Maka jika dia meninggalkan satu rukun)** seperti rukuk (**dan mengerjakan apa yang selepasnya**) seperti sujud (**kemudian dia ingat**) apa yang ditinggalkan itu (**dia memperdapatkannya**), iaitu mendatangkannya dengan segera jika dia bukan makmum, adapun makmum maka dia memperdapatkannya selepas salam imamnya dengan satu rakaat. Begitu juga orang yang berterusan lupanya sehingga dia mendatangkan seumpama apa yang dia tinggalkan, maka dia mendatangkan satu rakaat, (**dan mendatangkan apa yang selepasnya dan dia sujud sahwi**) jika terhasil oleh tambahan perbuatan. Adapun kalau dia lupa salam kemudian dia ingatkannya walaupun selepas ceraian yang lama dengan dia tidak mendatangkan perkara yang membatalkan shalat maka dia mendatangkannya dan tidak sujud.

(وَلَوْ تَرَكَ بَعْضًا) من أبعاض الصلاة كالتشهد الأول (وَلَوْ) كان الترك (عَمْدًا) لأن السجود كما يجبر نقص السهو يجبر نقص العمد (سَجَدَ) لجبر النقص.

503. **(Kalau dia meninggalkan satu sunat ab'ad)** daripada ab'ad-ab'ad shalat seperti tasyahud awal (**walaupun**) adalah meninggalkan itu (**dengan sengaja**) kerana sujud itu seperti mana menampung kekurangan lupa ia menampung juga kekurangan sengaja, (**dia sujud**) untuk menampung kurang itu.

(وَلَوْ تَرَكَ غَيْرَهُمَا) أي الركن كالتسبيحات والسورة (لَمْ يَسْجُدْ). فإن سجد بطلت الصلاة.

504. **(Dan kalau dia meninggalkan selain keduanya)** iaitu rukun [dan ab'ad] seperti tasbih-tasbih dan surah (**dia tidak sujud**). Maka jika dia sujud batal shalatnya.

(وَإِنْ ارْتَكَبَ مِنْهَيًّا) عنه في الصلاة (فَإِنْ لَمْ يُبْطِلْ عَمْدُهُ الصَّلَاةَ) كالاتفات (لَمْ يَسْجُدْ) لعمده ولا لسهوه، (وَإِنْ أَبْطَلْ) عمدته كقليل كلام وزيادة ركعة (سَجَدَ لِسَهْوِهِ إِنْ لَمْ يُبْطِلْ سَهْوُهُ أَيْضًا). فإن أبطل سهوه كالحديث والكلام الكثير لم يسجد لأنه ليس في صلاة.

505. **(Jika dia mengerjakan perkara yang ditegah)** darinya didalam shalat (**maka jika sengajanya tidak membatalkan shalat**) seperti berpaling muka (**tidak dia sujud**) kerana sengajanya dan tidak kerana lupanya, (**dan jika sengajanya membatalkan**) seperti cakap yang sedikit dan tambah rakaat (**dia sujud kerana lupanya jika sengajanya juga tidak membatalkan**). Maka jika lupanya membatalkan seperti hadath dan cakap yang banyak tidak dia sujud kerana dia bukan lagi didalam shalat.

(وَيُسْتَتْنَى مِمَّا لَا يُبْطِلُ عَمْدُهُ) الصلاة أي من عدم سن السجود له مسائل عمدتها لا يبطل ويسجد للسهو إذا وقعت منها (مَا إِذَا قَرَأَ الْفَاتِحَةَ أَوْ التَّشَهُدَ أَوْ بَعْضَهُمَا فِي غَيْرِ مَوْضِعِهِ) كأن قرأ الفاتحة في الركوع أو جلوس تشهد

أول أو آخر، ومثل ذلك إذا قرأ السورة المندوبة في غير محلها، (فإنه يسجد لسهوه ولا يبطل عمده).

506. (Dikecualikan dari apa yang sengajanya tidak membatalkan) shalat, iaitu dari tidak disunatkan sujud kerananya, akan beberapa masalah yang sengajanya tidak membatalkan dan dia sujud sahwi apabila ia berlaku didalam shalat, iaitu (keadaan apabila dia membaca fatihah atau tasyahud atau sebahagian daripada keduanya pada selain tempatnya), seperti bahawa dia membaca fatihah pada rukuk atau duduk tasyahud awal atau akhir, dan seumpama demikian itu apabila dia membaca surah yang disunatkan pada selain tempatnya, (maka dia sujud sahwi sedangkan sengajanya tidak membatalkan).

(وَالْإِعْتِدَالُ مِنَ الرُّكُوعِ وَالْجُلُوسِ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ رُكْنَانِ فَصِيرَانِ تَبْطُلُ الصَّلَاةُ بِإِطَالَتِهِمَا عَمْدًا فَإِنْ طَوَّلَهُمَا سَهْوًا سَجَدَ) عملاً بالقاعدة وهي ما يبطل عمده ولا يبطل سهوه يسجد لسهوه.

507. (I'tidal dari rukuk dan duduk di antara dua sujud adalah dua rukun pendek batal shalat dengan memanjangkan keduanya dengan sengaja. Maka jika dia memanjangkan keduanya diatas jalan lupa dia sujud) kerana mengamalkan kaedah iaitu apa yang sengajanya membatalkan dan lupanya tidak membatalkan dia sujud kerana lupakannya.

(وَلَوْ نَسِيَ التَّشَهُدَ الْأَوَّلَ فَذَكَرَهُ بَعْدَ انْتِصَابِهِ) وهو إمام أو منفرد (حَرَمَ الْعَوْدُ إِلَيْهِ). أما المأموم إذا تركه والإمام يفعله فإن كان سهواً وجب العود، وإلا بطلت، وإن كان عمداً تخير. (فإن عاد) من ذكر (عمداً بطلت) صلاته، (أو سهواً) أنه في الصلاة (أو جاهلاً) بالتحريم (سجد) للسهوه.

508. (Kalau dia lupa tasyahud awal kemudian dia ingatkannya selepas berdiri tegaknya) dan dia adalah imam atau munfarid (haram dia kembali kepadanya). Adapun makmum apabila dia meninggalkannya sedang imam melakukannya maka jika ianya kerana lupa wajib kembali, dan jika tidak batal shalatnya, dan jika ia dengan sengaja dia memilih. (Maka jika kembali) orang yang tersebut itu (dengan sengaja batal) shalatnya (atau dengan lupa) bahawa dia didalam shalat (atau jahil) dengan haramnya (dia sujud) sahwi.

(وَيُلْزِمُهُ الْقِيَامُ) وقطع التشهد (إذا ذكره) وزال عنه السهو أو علم التحريم (وإن عاد) إلى التشهد (قبله) أي الانتصاب إلى محل تجزئ فيه القراءة (لم يسجد) إن لم يكن إلى القيام أقرب لأنه فعل خفيف. وإلا بأن كان إلى القيام أقرب فيسجد لأنه فعل فعلا تبطل الصلاة بعمده هذا إذا كان ساهياً فإن كان عامداً فذكره بقوله:

509. (Melaziminya qiam) dan memutuskan tasyahud (bila dia ingatkannya) dan hilang darinya lupa itu atau dia tahukan haramnya. (Dan jika dia kembali) kepada tasyahud (sebelumnya), iaitu tegak kepada tempat yang memada

bacaan fatihah padanya (**dia tidak sujud**) jika dia tidak lebih dekat kepada qiam kerana ia perbuatan ringan. Jika tidak dengan bahawa adalah dia lebih dekat kepada qiam maka dia sujud kerana dia telah melakukan perbuatan yang membatalkan shalat dengan mensengajakannya. Ini apabila dia lalai. Maka jika dia sengaja maka dia menyebutkannya dengan katanya:

(وَلَوْ نَهَضَ عَامِدًا ثُمَّ عَادَ بَعْدَ مَا صَارَ إِلَى الْقِيَامِ أَقْرَبَ بَطَلَتْ) لأنه فعل يبطل عمده. (وَالْأَى) بأن لم يصل إلى المحل المذكور (فَلَا) تبطل لأنه فعل خفيف.

510. (**Kalau dia bangkit dalam keadaan sengaja kemudian dia kembali duduk selepas dia jadi lebih dekat kepada qiam batal shalatnya**) kerana ia perbuatan yang sengajanya membatalkan, (**Jika tidak**) dengan bahawa dia tidak sampai kepada tempat tersebut (**maka tidak**) batal ia, kerana ia perbuatan ringan.

(وَالْقُنُوتُ كَالْتَّشَهُدِ) في التفصيل (وَوَضْعُ الْجِبْهَةِ بِالْأَرْضِ) بالنسبة للقنوت (كَالْإِنْتِصَابِ) بالنسبة لترك التشهد.

511. (**Qunut sama seperti tasyahud**) pada tafsiran itu, (**dan meletakkan dahi pada bumi**) dengan nisbah bagi qunut (**sama seperti tegak berdiri**) dengan nisbah kepada meninggalkan tasyahud.

(وَلَوْ نَهَضَ الْإِمَامُ) وترك التشهد الأول (لَمْ يَجْزُ لِلْمَأْمُومِ الْقَعُودُ لَهُ) لفحش المخالفة (إِلَّا أَنْ يَدْوِيَ مُفَارَقَتُهُ) فيكون مستقلا. (فَلَوْ انْتَصَبَ) المأموم (مَعَ الْإِمَامِ) وترك التشهد الأول (فَعَادَ الْإِمَامُ إِلَيْهِ) بعد الانتصاب (حَرَمَتْ مُوَافَقَتُهُ) لأنه إما مخطئ أو صلاته باطلة، (بَلْ يُفَارِقُهُ) بالذنية (أَوْ يَنْتَظِرُهُ قَائِمًا) لاحتمال سهوه. (فَإِنْ وَافَقَهُ عَمَدًا بَطَلَتْ) صلاته.

512. (**Kalau imam bangkit**) dan meninggalkan tasyahud awal (**tidak harus makmum duduk untuknya**) kerana keji mukhalafah itu (**melainkan bahawa dia niatkan mufaraqah**) maka adalah dia tersendiri. (**Maka kalau tegak**) makmum (**berserta imam**) dan mereka meninggalkan tasyahud awal (**kemudian imam kembali kepadanya**) selepas tegaknya (**haram muafakat dengannya**) kerana imam itu sama ada tersilap atau shalatnya batal, (**bahkan dia mufaraqah darinya**) dengan niat (**atau dia menunggunya dalam keadaan berdiri**) kerana ihtimal lupanya. (**Maka jika dia muafakat dengan imam itu dengan sengaja batal**) shalatnya.

(وَلَوْ قَعَدَ الْإِمَامُ) للتشهد (وَقَامَ الْمَأْمُومُ سَهْوًا لَزِمَهُ الْعَوْدُ لِمُوَافَقَةِ إِمَامِهِ) لأن فعله لاغ وهو ساه. فإن لم يعد بطلت. وأما إذا كان عامدا فيسن له العود. فالتشهد تجب فيه الموافقة تركا مطلقا وفعلا إذا كان ساهيا، والقنوت لا تجب الموافقة فيه لا فعلا ولا تركا.

513. (**Kalau imam duduk**) untuk tasyahud (**dan makmum berdiri dengan lupa lazim dia kembali untuk muafakat dengan imamnya**) kerana perbuatannya lagha dan dia seorang yang lalai. Maka jika dia tidak kembali batal shalatnya. Adapun apabila dia sengaja maka sunat dia kembali. Maka tasyahud

itu wajib muafakat padanya nisbah tinggal semata-mata dan nisbah buat apabila dia lalai, sedang qunut pula tidak wajib muafakat padanya, tidak nisbah buat dan tidak nisbah tinggal.

(وَلَا شَكَّ هَلْ سَهَا أَوْ هَلْ زَادَ رُكْنَآ أَوْ هَلْ ارْتَكَبَ مِنْهِيَآ لَمْ يَسْجُدْ) لأن الأصل عدم ذلك. (أَوْ) شك (هَلْ تَرَكَ بَعْضًا مُعَيَّنًا) كَالْقَنُوتِ مِثْلًا (أَوْ هَلْ سَجَدَ لِلسَّهْوِ) عند فعل مقتضيه (أَوْ) شك (هَلْ صَلَّى ثَلَاثًا أَوْ أَرْبَعًا بَنَى عَلَيَّ أَنَّهُ لَمْ يَفْعَلْهُ) لأن الأصل عدم الفعل (وَيَسْجُدْ) للسهو. هذا إذا استمر شكه. (لَكِنْ إِذَا زَالَ شَكُّهُ قَبْلَ السَّلَامِ يَسْجُدُ أَيضًا لِمَا صَلَّى مُتَرَدِّدًا وَاحْتُمِلَ أَنَّهُ زَانِدٌ).

514. (Kalau dia syak adakah dia lalai atau adakah dia telah menambah rukun atau adakah dia telah mengerjakan perkara ditegah dia tidak sujud) kerana asalanya tidak ada demikian itu, (atau) dia syak (adakah dia meninggalkan sunat ab'ad yang tertentu) seperti qunut sebagai contoh (atau adakah dia telah sujud sahwi) di sisi melakukan perkara yang menuntutnya, (atau) dia syak (adakah dia telah shalat tiga atau empat dia membina diatas bahawa dia tidak melakukannya) kerana asalanya tidak melakukannya, (dan dia sujud) sahwi. Ini apabila berterusan syaknya. (Akan tetapi bila hilang syaknya sebelum salam dia sujud juga kerana apa yang dia telah shalatkan itu dalam keadaan dia berbelah bagi bahawa ianya lebih).

(وَإِنْ وَجَبَ فَعْلُهُ عَلَيَّ كُلِّ حَالٍ لَمْ يَسْجُدْ) للسهو. (مِثَالُهُ شَكُّ فِي الثَّلَاثَةِ أَهِيَ ثَالِثَةٌ أَمْ رَابِعَةٌ فَتَذَكَّرَ فِيهَا لَمْ يَسْجُدْ) لأنها على كل حال مفعولة، (أَوْ) تذكر (بَعْدَ قِيَامِهِ لِلرَّابِعَةِ سَجَدَ) لأن ما فعله قبل التذکر كان محتملاً للزيادة.

515. (Dan jika ia wajib dilakukan diatas setiap keadaan dia tidak sujud) sahwi. (Contohnya seorang syak pada rakaat ketiga adakah ia yang ketiga atau yang keempat kemudian dia teringat padanya dia tidak sujud) kerana ia diatas setiap keadaan telah diperbuat, (atau) teringat (selepas qiamnya untuk rakaat keempat dia sujud) kerana apa yang dia lakukan sebelum teringat itu dihtimalkan bagi lebih.

(وَسُجُودُ السَّهْوِ وَإِنْ تَعَدَّدَتْ أَسْبَابُهُ سَجَدَتَانِ) كَسُجُودِ الصَّلَاةِ فِي وَاجِبَاتِهِ وَمَنْدُوبَانِهِ. (وَلَوْ سَجَدَ الْمَسْبُوقُ مَعَ إِمَامِهِ أَعَادَهُ فِي آخِرِ صَلَاتِهِ) لأنه محل السجود وسجوده مع الإمام للمتابعة.

516. (Sujud sahwi itu sekalipun berbilang sebabnya dua kali sujud) yang sama seperti sujud shalat pada wajib-wajibnya dan sunat-sunatnya. (Kalau masuk sujud bersama imamnya dia mengulanginya pada akhir shalatnya) kerana ia adalah tempat sujudnya dan sujudnya bersama imam itu kerana ikutan.

(وَإِنْ سَهَا خَلْفَ الْإِمَامِ لَمْ يَسْجُدْ) لتحمل الإمام لسهوه إذا كان متطهراً. (فَإِنْ سَهَا قَبْلَ الْإِقْتِدَاءِ بِهِ أَوْ بَعْدَ سَلَامِ الْإِمَامِ سَجَدَ) لأن الإمام لا يتحمله. (وَلَوْ

سَهَا الْإِمَامُ وَلَوْ قَبْلَ الْإِقْتِدَاءِ بِهِ وَجَبَتْ مُتَابَعَتُهُ فِي السُّجُودِ) لأن سهوه يلحق المأموم. (فَإِنْ لَمْ يُتَابَعِ) في السجود (بَطَلَتْ صَلَاتُهُ. فَإِنْ تَرَكَ الْإِمَامُ) سجود السهو بعد فعل مقتضيه (سَجَدَ الْمَأْمُومُ) قبل سلامه، سواء كان مسبقاً أو موافقاً.

517. (Dan jika dia lupa dibelakang imam dia tidak sujud) kerana imam itu menanggung lupanya bilamana dia didalam yang suci. (Maka jika dia lupa sebelum mengikutnya atau selepas imam itu salam dia sujud) kerana imam itu tidak menanggungnya. (Kalau imamnya lupa walaupun sebelum dia mengikutnya wajib mengikutnya pada sujud) kerana lupanya menghubungi makmum itu. (Maka jika dia tidak mengikut)nya pada sujud (batal shalatnya. Maka jika imam meninggalkan) sujud sahwi selepas dia melakukan perkara yang menuntutnya (makmum sujud) sebelum salamnya, sama sahaja dia masuk atau muafik.

(وَلَوْ نَسِيَ الْمَسْبُوقُ فَسَلَّمَ مَعَ الْإِمَامِ ثُمَّ تَذَكَّرَ) ما عليه (تَدَارَكَ) ما عليه (وَسَجَدَ) في آخر صلاته (لِلسَّهْوِ) لأن سلامه وقع بعد قطع القدوة.

518. (Kalau seorang masuk lupa maka dia memberi salam bersama imamnya kemudian dia ingat) apa yang sabit diatasnya (dia memperoleh) apa yang diatasnya itu (dan sujud) pada akhir shalatnya (kerana lupa itu), kerana salamnya jatuh selepas qudwah.

(وَسُجُودُ السَّهْوِ سُنَّةٌ) فلو تركه لا تبطل صلاته. (وَمَحَلُّهُ قَبْلَ السَّلَامِ، سَوَاءً سَهَا بِزِيَادَةٍ) كأن زاد ركعة سهوا (أَوْ نَقْصٍ) كأن ترك التشهد أو القنوت.

519. (Sujud sahwi itu sunat) maka kalau dia meninggalkannya tidak batal shalatnya. (Tempatnya sebelum salam, sama sahaja dia lupa dengan melakukan tambahan) seperti bahawa dia menambah rakaat diatas jalan lupa (atau dengan mengurangkan) seperti bahawa dia meninggalkan tasyahud atau qunut.

(فَإِنْ سَلَّمَ قَبْلَهُ)، أي قبل سجود السهو، (عَمْدًا مُطْلَقًا)، أي طال الفصل أم لا، (أَوْ) سلم (سَهْوًا) عن السجود (وَطَالَ الْفَصْلُ) بين السلام وبين إرادة فعله (فَاتَ) السجود. (وَإِنْ قَصَرَ) الفصل (وَأَرَادَ السُّجُودَ) إتيانا بالسنة (سَجَدَ وَكَانَ)، أي وصار، (عَائِدًا إِلَى الصَّلَاةِ). فلو أحدث حينئذ بطلت صلاته لأنه بالسجود تبين أنه في الصلاة (فِيَعِيدُ السَّلَامَ) لأن سلامه الأولى لغى.

520. (Maka jika dia memberi salam sebelumnya), iaitu sebelum sujud sahwi, (dengan sengaja semata-mata), iaitu panjang ceraian itu atau tidak, (atau) dia memberi salam (diatas jalan lupa) dengan meninggalkan sujud (dan panjang ceraian) di antara salam itu dan di antara kehendak melakukannya (luputlah) sujud itu. (Jika pendek) ceraian itu (dan dia hendak sujud) demi mendatangkan sunat (dia sujud dan adalah dia), iaitu jadilah dia, (seorang yang kembali kepada shalat), maka kalau dia berhadath ketika itu batal

shalatnya kerana dia dengan sujud itu ternyata bahawa dia didalam shalat, (**maka dia mengulang salam**) kerana salamnya yang pertama lagha.

(فَصَلِّ) في بيان حقيقة (سُجُودُ التَّلَاوَةِ) والشكر وبيان حكمهما. سجود التلاوة (سُنَّةٌ لِلْقَارِئِ وَالْمُسْتَمِعِ) القاصد لسماع القراءة (وَالسَّمَاعِ) الذي حصل له السمع من غير قصد. وهذا في غير الصلاة. وأما فيها فبين حكمه بقوله:

521. (Fasal) pada menerangkan hakikat (**sujud tilawah**) dan syukur dan menerangkan hukum keduanya. Sujud tilawah itu (**sunat bagi yang membaca dan yang menuntut dengar**) yang bermaksud mendengar bacaan itu (**dan yang mendengar**) yang mendengar tanpa kasad. Ini pada selain shalat. Adapun padanya maka dia menerangkan hukumnya dengan katanya:

(وَيَسْجُدُ الْمُصَلِّي الْمُنْفَرِدَ وَالْإِمَامَ لِقِرَاءَةِ نَفْسِهِ. فَإِنْ سَجَدَا) كل منهما (لِقِرَاءَةِ غَيْرِهِمَا بَطَلَتْ صَلَاتُهُمَا) لزيادتهما سجودا لا يطلب. وكذا تبطل الصلاة بسجودهما لقراءة أنفسهما إذا قرأ آية السجدة بقصد السجود في غير صبح يوم الجمعة. أما في صبحها فلا تبطل ولو بغير ألم تنزيل.

522. (Sujud mushalli munfarid dan imam kerana bacaan dirinya. Maka jika sujud) setiap daripada keduanya (**kerana bacaan selain mereka batal shalat mereka**) kerana mereka menambah sujud yang tidak dituntut. Begitu juga batal shalat dengan sujud mereka kerana bacaan diri mereka apabila mereka membaca ayat sajdah dengan kasad hendak sujud pada selain subuh hari Jumaat. Adapun pada subuhnya maka tidak batal ia walaupun dengan selain Alif Lam Mim Tanzil.

(وَيَسْجُدُ الْمَأْمُومُ لِقِرَاءَةِ إِمَامِهِ) فقط. إنما يسجد (مَعَهُ. فَلَوْ سَجَدَ) المأموم (لِقِرَاءَةِ نَفْسِهِ أَوْ غَيْرِ إِمَامِهِ)، محترز قوله لقراءة أمامه، (أَوْ سَجَدَ) المأموم (دُونَهُ) أي الإمام (أَوْ تَخَلَّفَ) المأموم (عَنْهُ) أي الإمام. وهذا محترز قوله معه. (بَطَلَتْ) صلاته لفحش المخالفة.

523. (Sujud makmum kerana bacaan imamnya) sahaja. Hanyasa dia sujud (**bersamanya. Maka kalau sujud**) makmum (**kerana bacaan dirinya atau selain imamnya**) –muhtaraz katanya “kerana bacaan imamnya”- (**atau sujud**) makmum (**tidak dia**), iaitu imamnya, (**atau menyalahi**) makmum (**darinya**), iaitu imamnya –ini muhtaraz katanya “bersamanya”- (**batal**) shalatnya kerana buruk mukhalafah itu.

(وَهُوَ) أي سجود التلاوة (أَرْبَعٌ عَشْرَةَ سَجْدَةً مِنْهَا ثِنْتَانِ فِي الْحَجِّ) الأولى عند قوله –إن الله يفعل ما يشاء– والثانية عند قوله –لعلكم تفلحون– (وَلَيْسَ مِنْهَا) أي سجودات التلاوة (سَجْدَةٌ صَ بَلْ هِيَ سَجْدَةٌ شُكْرٌ تَفْعَلُ خَارِجَ الصَّلَاةِ) شكرا على قبول توبة داود عليه السلام. (وَيَبْطُلُ تَعْمُدُهَا الصَّلَاةُ).

524. (Ia), iaitu sujud tilawah itu, (**empat belas sujud. Daripadanya dua pada al Hajj**) yang pertama di sisi katanya “إن الله يفعل ما يشاء” dan keduanya di sisi katanya “لعلكم تفلحون”. (**Bukanlah daripadanya**), iaitu sujud-sujud tilawah itu,

(sujud "ص", bahkan ia adalah sujud syukur yang dilakukan di luar shalat) kerana syukur diatas penerimaan taubat Daud alaihi salam. (Sengaja melakukannya membatalkan shalat).

(وَإِذَا سَجَدَ) للتلاوة (فِي الصَّلَاةِ كَبَّرَ) ناويا سجود التلاوة (لِلسُّجُودِ وَالرَّفْعِ نَذْبًا وَيَجِبُ أَنْ يَنْتَصِبَ قَائِمًا) إذا سجد وهو قائم. وإذا سجد وهو جالس وجب أن يجلس بعده. (وَيُنذَبُ أَنْ يَقْرَأَ شَيْئًا) بعد الانتصاب (ثُمَّ يَرْكَعُ). هذا في الصلاة. (وَفِي غَيْرِ الصَّلَاةِ تَجِبُ تَكْبِيرَةُ الْإِحْرَامِ) مع نية السجود للتلاوة والسلام.

525. (Apabila dia sujud) tilawah (didalam shalat dia bertakbir) seraya meniatkan sujud tilawah, (untuk sujud itu dan bangkitnya diatas jalan sunat. Wajib bahawa dia tegak berdiri) bila dia sujud sedang dia shalat berdiri. Apabila dia sujud sedang dia shalat duduk wajib bahawa dia duduk selepasnya. (Sunat bahawa dia membaca suatu) selepas tegak itu (kemudian dia rukuk). Ini didalam shalat. (Dan pada selain shalat wajib takbir ihram) berserta niat sujud tilawah, dan wajib salam.

(وَتُنذَبُ تَكْبِيرَةُ لِلسُّجُودِ) غير تكبيرة الإحرام (وَ) تكبيرة (لِلرَّفْعِ، لَا التَّشَهُدِ) فلا يندب. (وَإِنْ أَخَّرَ السُّجُودَ) عن وقت قراءة الآية (وَقَصَرَ الْفَصْلَ) بين الفراغ وبين إرادة السجود (سَجَدَ. وَإِلَّا لَمْ يَقْضِ) لأنه فات محله. (وَلَوْ كَرَّرَ آيَةً فِي مَجْلِسٍ أَوْ) فِي (رَكْعَةٍ وَلَمْ يَسْجُدْ لِأُولَى كَفَتْهُ سَجْدَةٌ). فلو سجد للأولى كررها.

526. (Sunat takbir untuk sujud itu) selain takbir ihram (dan) takbir (untuk bangkit, tidak tasyahud) maka tidak disunatkan ia. (Jika dia mentakhirkan sujud) dari waktu bacaan ayat itu (dan pendek ceraian) di antara selesai dan di antara hendak sujud itu (dia sujud. Jika tidak, dia tidak mengkadha) kerana luput tempatnya. (Kalau dia mengulangi ayat pada satu majlis atau) pada (satu rakaat dan dia tidak sujud bagi yang pertama memadainya satu sujud). Maka kalau dia sujud bagi yang pertama dia mengulanginya.

(وَيُنذَبُ لِمَنْ قَرَأَ فِي الصَّلَاةِ وَغَيْرِهَا آيَةَ رَحْمَةٍ أَنْ يَسْأَلَ اللَّهَ الرَّحْمَةَ، أَوْ آيَةَ عَذَابٍ أَنْ يَتَعَوَّذَ مِنْهُ) إماماً أو مأموماً أو منفرداً. (وَلِمَنْ تَجَدَّدَ لَهُ نِعْمَةٌ ظَاهِرَةٌ) كحدوث مولود و مال و جاه (أَوْ انْدَفَعَتْ عَنْهُ نِقْمَةٌ ظَاهِرَةٌ) كشفاء مريض، (وَمِنْهُ) أي اندفاع النعمة (رُؤْيَا مُبْتَلَى بِمَعْصِيَةٍ أَوْ مَرَضٍ أَنْ يَسْجُدَ شُكْرًا لِلَّهِ تَعَالَى)، أي يسن لمن ذكر أن يسجد. (وَيُخْفِيهَا) أي هذه السجدة (إِلَّا لِفَاسِقٍ فَيُظْهِرُهَا لِيُرْتَدَعَ إِنْ لَمْ يَخَفْ ضَرًّا).

527. (Sunat bagi orang yang membaca didalam shalat dan selainnya akan ayat rahmat bahawa dia memohon rahmat dari Allah, atau ayat azab bahawa dia berlinding diri darinya) imam atau makmum atau

munfarid. (**Bagi orang yang baru datang kepadanya ni'mat yang zahir**) seperti baharu mendapat anak dan harta dan pangkat, (**atau tertolak darinya bala yang zahir**) seperti sembuh orang yang sakit, (**dan daripadanya**), iaitu tertolak bala itu (**nampak orang yang dibala dengan maksiat atau sakit, bahawa dia sujud syukur kepada Allah taala**), iaitu disunatkan bagi orang yang disebutkan bahawa dia sujud. (**Dan dia menyembunyikannya**), iaitu sujud ini, (**melainkan kepada orang fasik maka dia menzahirkannya supaya dia menahan dirinya, jika dia tidak takutkan mudharat**).

(وَهِيَ)، أي سجدة الشكر في الأركان والشروط، (كَسَجْدَةِ التَّلَاوَةِ خَارِجِ الصَّلَاةِ). فينوي ويكبر للإحرام ويسلم. هذه هي الأركان. والسنن مثل ما تقدم. 528. (**Ianya**), iaitu sujud syukur itu pada rukun-rukunnya dan syarat-syaratnya, (**sama seperti mana sujud tilawah di luar shalat**). Maka dia berniat dan bertakbir ihram dan memberi salam. Ini adalah rukun-rukunnya. Sunat-sunatnya seumpama apa yang telah terdahulu.

(وَتَبْطُلُ بِفِعْلِهَا الصَّلَاةُ) كالتلاوة إذا قصد بالقراءة السجود في غير صبح يوم الجمعة. (وَلَوْ خَضَعَ)، أي ذل وتمكن، (فَتَقَرَّبَ لِلَّهِ بِسَجْدَةٍ مُنْفَرِدَةٍ بِأَسْبَبِ حَرْمٍ) كما لو ركع قاصداً ذلك.

529. (**Batal shalat dengan melakukannya**) sama seperti sujud tilawah bila dia bertujuan untuk sujud dengan membaca ayatnya pada selain subuh hari Jumaat. (**Kalau seorang merendah diri**), iaitu menghina diri, (**maka dia mendampingkan diri kepada Allah dengan sujud yang tersendiri tanpa sebab haram ia**), sama sepertimana kalau dia rukuk dengan tujuan demikian itu.

(وَحُكْمُ سُجُودِ التَّلَاوَةِ) وسجدة الشكر (حُكْمُ صَلَاةِ النَّفْلِ فِي الْقِبْلَةِ)، فيجب استقبالها في غير السفر، (وَالطَّهَارَةَ)، فلو كان متيمماً فله فعلها مراراً، (وَالسَّتْرَةَ) فيجب ستر العورة فيها على حسب ما مر من التفصيل بين المرأة والرجل.

530. (**Hukum sujud tilawah**) dan sujud syukur itu (**hukum shalat nafli pada kiblat**) maka wajib mengadap kiblat pada selain safar, (**dan suci**) maka kalau dia bertayamum maka boleh dia melakukannya beberapa kali, (**dan tutup aurat**) maka wajib tutup aurat padanya sekira-kira tafsilan yang telah lalu di antara perempuan dan lelaki.

(بَابُ صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ)

وهي الارتباط بين الإمام والمأموم. (هِيَ فَرَضٌ كِفَايَةٌ فِي حَقِّ الرِّجَالِ الْمُقِيمِينَ) لا المسافرين (فِي الْمَكْتُوباتِ الْخَمْسِ)، لا في المندوبات مثل العيدين فليست فيها فرض كفاية بل سنة، (الْمُؤَدِّيَاتِ). وأما المقضية فسيأتي حكمها.

531. @BAB SHALAT JAMAAH. Ia adalah pertambahan di antara imam dan makmum. (**Ianya fardu kifayah pada hak lelaki-lelaki yang bermukim**), tidak yang bermusafir, (**pada maktubah yang lima**), tidak pada yang sunat seumpama dua raya, maka ia bukannya fardu kifayah padanya, bahkan sunat. (**yang tunai**). Adapun yang dikadha maka akan datang hukumnya.

وتجب الجماعة (بِحَيْثُ يَظْهَرُ الشُّعَارُ) في محل إقامتها، فلا يكفي في البلدة الكبيرة إقامتها في محل واحد مثلاً. (وَتُسَنُّ لِلنِّسَاءِ وَالْمُسَافِرِينَ وَالْمَقْضِيَّةِ) إذا كانت (خَلْفَ مِثْلِهَا) من جنسها كظهر خلف ظهر مقضيتين، (لَا خَلْفَ مُؤَدَّاةٍ وَمَقْضِيَّةٍ غَيْرَهَا) كظهر خلف عصر فلا تسن في ذلك الجماعة.

532. Wajib jemaah (**sekira-kira zahir syiar**) pada tempat ia didirikan, maka tidak cukup pada satu negeri yang besar mendirikannya pada satu tempat sebagai contoh. (**Sunat ia bagi para wanita dan musafir dan bagi shalat yang dikadha**) bila adalah ia (**di belakang yang seumpamanya**) daripada jenisnya seperti zuhur dibelakang zuhur yang keduanya dikadha, (**tidak di belakang yang tunai dan yang dikadha selainnya**) seperti zuhur dibelakang asar, maka tidak disunatkan pada demikian itu akan jamaah.

(وَهِيَ فِي الْجُمُعَةِ فَرَضٌ عَيْنٌ) لأنها لا تصح بغير جماعة في ركعة منها. (وَأَكَّدَ الْجَمَاعَاتِ) في الصلوات (الصُّبْحِ ثُمَّ الْعِشَاءِ ثُمَّ الْعَصْرِ. وَأَقْلَاهَا)، أي أقل ما تتحقق به الجماعة، (إِمَامٌ وَمَأْمُومٌ)، فتحصل لهما فضيلة الجماعة. (وَهِيَ لِلرِّجَالِ فِي الْمَسَاجِدِ أَفْضَلُ) منها في البيوت، ولغير الرجال في البيوت أفضل.

533. (**Ianya pada Jumaat adalah fardu ain**) kerana ia tidak sah dengan tidak ada jemaah pada satu rakaat daripadanya. (**Paling muakkad daripada jemaah-jemaah**) pada shalat-shalat (**adalah subuh kemudian isyak kemudian asar. Sekurang-kurangnya**), iaitu sekurang-kurang apa yang sungguh dengannya jemaah itu (**adalah seorang imam dan seorang makmum**). Maka terhasil bagi kedua mereka fadhilat jemaah. (**Ia bagi lelaki-lelaki didalam masjid terafdhal**) daripadanya di rumah, dan bagi selain lelaki di rumah terafdhal.

(وَأَكْثَرُهَا جَمَاعَةٌ أَفْضَلُ) من قليل الجماعة. (فَبِإِنْ كَانَ بِجَوَارِهِ) أي المصلي (مَسْجِدٌ قَلِيلٌ أَلْجَمُ فَالْبَعِيدُ الْكَثِيرُ الْجَمْعُ أَوْلَى) من المسجد القليل الجمع، (إِلَّا أَنْ يَكُونَ إِمَامُهُ)، أي المسجد الكثير الجمع، (مُتَبَدِّعًا) ببدعة لا يكفر بها كعزتلي (أَوْ فَاسِدًا) كشارب خمر (أَوْ لَا يَعْتَقِدُ بَعْضَ الْأَرْكَانِ) كمالكي لا يرى البسملة من الفاتحة، (أَوْ يَنْعَطِلُ بَدَاهِيهِ إِلَى الْبَعِيدِ جَمَاعَةٌ مَسْجِدِ الْجَوَارِ فَمَسْجِدُ الْجَوَارِ أَوْلَى). وكذا قليل الجماعة مع السلامة مما ذكر أولى وإن كانت الصلاة خلف من ذكر يحصل بها فضيلة الجماعة.

534. **(Yang paling banyaknya nisbah ahli jamaah terafdhal)** dari yang sedikit ahli jamaah. **(Maka jika ada berhampirannya)**, iaitu mushalli, **(masjid yang sedikit jemaahnya maka yang jauh yang ramai jemaahnya terutama)** dari masjid yang sedikit jemaahnya itu, **(melainkan bahawa adalah imamnya)**, iaitu masjid yang ramai jemaah itu, **(ahli bid'ah)** dengan bid'ah yang dia tidak kufur dengannya seperti yang berfahaman Muktaizilah, **(atau fasik)** seperti peminum arak, **(atau dia tidak mengiktikadkan sebahagian rukun)** seperti yang bermazhab Maliki yang tidak memandang basmalah itu daripada fatihah, **(atau terabai dengan perginya oleh jemaah masjid yang dekat itu, maka masjid dekat itu terutama)**. Begitu juga sedikit jemaah berserta selamat daripada apa yang disebutkan itu terutama sekalipun adalah shalat di belakang orang disebutkan itu terhasil dengannya fadhilat jemaah.

وَاللِّسَاءِ فِي بُيُوتِهِنَّ أَفْضَلُ) مَذْهَبًا فِي غَيْرِهِنَّ بَأَنْ يُؤْمِنَنَّ رَجُلٌ أَوْ امْرَأَةٌ. وَيُكْرَهُ حُضُورُ الْمَسْجِدِ لِمُشْتَهَاةٍ أَوْ شَابَّةٍ لَا غَيْرِهِمَا) مِنْ عَجُوزِ هَرْمَةٍ (عِنْدَ أَمْنِ الْفِتْنَةِ).

535. **(Dan jemaah bagi wanita-wanita pada rumah mereka terafdhal)** daripada jemaah pada selainnya, dengan bahawa mengimamkan mereka lelaki atau perempuan. **(Makruh hadhir masjid bagi wanita yang diminati atau pemudi, tidak selain mereka)** daripada wanita sangat tua **(di sisi aman fitnah)**.

وَتَسْقُطُ الْجَمَاعَةُ) أَي طَلَبَهَا (بِالْعُذْرِ). وَذَلِكَ (كَمَطَرٍ أَوْ تَلْجٍ يَبُلُّ الثَّوْبَ أَوْ وَحْدٍ أَوْ رِيحٍ بِاللَّيْلِ أَوْ حَرٍّ أَوْ بَرْدٍ شَدِيدَيْنِ)، سِوَاءَ كَانَا بَلِيلٌ أَوْ نَهَارًا، (أَوْ حُضُورِ طَعَامٍ أَوْ شَرَابٍ يُتَوَقَّعُ إِلَيْهِ) أَي تَشْتَقُّ إِلَيْهِ نَفْسُهُ، (أَوْ مُدَافَعَةِ حَدَثٍ أَوْ خَوْفِ عَلَى نَفْسٍ أَوْ مَالٍ). وَمِنْهُ أَنْ يَخَافُ مِنْ احْتِرَاقِ طَعَامِهِ الَّذِي عَلَى النَّارِ لَوْ قَصَدَ الْجَمَاعَةَ أَوْ ضِيَاعَ أَجْرَتِهِ عِنْدَ مَنْ أَجْرَهُ،

536. **(Gugur jemaah)**, iaitu tuntutannya, **(dengan uzur)**. Demikian itu **(seperti hujan atau salju yang membasahkan kain atau selut atau angin pada waktu malam atau panas atau sejuk yang bersangatan)**, sama sahaja keduanya pada malam atau siang, **(atau hadhir makanan atau minuman yang diingini)**, iaitu teringin nafsu kepadanya, **(atau menolak-nolak hadath atau takut diatas nyawa atau harta)**. Daripadanya bahawa dia takut terbakar makanannya yang ada diatas api kalau dia menuju kepada jemaah atau sia-sia upahnya di sisi orang yang mengupahnya,

(أَوْ) يَخَافُ مِنْ (مَرَضٍ) يَلْحَقُهُ (أَوْ) يَخَافُ فَوْتَ (تَمْرِيضٍ مَنْ يَخَافُهُ ضِيَاعَهُ) لَوْ ذَهَبَ إِلَى الْجَمَاعَةِ بَأَنْ يَتَضَرَّرَ الْمَرِيضُ عِنْدَ ذَهَابِهِ (أَوْ كَانِ) الْمَرِيضُ لَا يَضِيْعُ بَأَنْ كَانَ عِنْدَهُ مَنْ يَخْدُمُهُ لَكِنْ (يَأْتِسُ بِهِ) فَيَتْرَكَ الْجَمَاعَةَ وَلَا يَفُوتُ عَلَيْهِ أَنْسَهُ (أَوْ) كَانَ الْعُذْرُ (حُضُورِ مَوْتٍ قَرِيبٍ أَوْ صَدِيقٍ) فَيَتْرَكَ الْجَمَاعَةَ لِحُضُورِهِ،

537. (atau) dia takut kerana (sakit) yang akan menghubunginya (atau) takut tidak dapat (merawat orang yang dia bimbangkan akan terbiar) kalau dia pergi kepada jemaah dengan bahawa orang sakit itu kemudharatan disisi perginya, (atau adalah) orang sakit itu tidak terbiar dengan bahawa ada di sisinya orang yang melayaninya akan tetapi (dia mesra dengannya), maka dia meninggalkan jemaah dan tidak dua melupakan diatasnya akan rasa mesranya itu, (atau) adalah uzur itu (hadhir kematian pada saudara maranya atau rakan baiknya) maka dia meninggalkan jemaah untuk menghadhirnya,

(أَوْ) كَانَ الْعِذْرُ (فَوْتُ رَفَقَةٍ تَرَحَّلَ) أَي تَذَهَبُ وَتَتْرِكُهُ لَوْ ذَهَبَ إِلَى الْجَمَاعَةِ (أَوْ أَكَلُ ذِي رَائِحَةٍ كَرِيهَةٍ) كَأَكْلِ بَصْلِ وَثُومِ ذِيئٍ (أَوْ مُلَازِمَةً غَرِيمِهِ وَهُوَ مُعْسِرٌ)، أَي عَاجَزٌ عَنِ الدَّفْعِ. فَبِأَيِّ عِذْرٍ مِنْ هَذِهِ الْأَعْذَارِ تَسْقُطُ الْجَمَاعَةُ.

538. (atau) adalah uzur itu (luput dari rakan-rakan yang berangkat), iaitu pergi mereka dan meninggalkannya kalau dia pergi jemaah, (atau makan makanan berbau busuk) seperti makan bawang dan bawang putih yang mentah, (atau melazimi tuan hutangnya sedang dia papa), iaitu lemah dari membayar. Maka dengan mana-mana uzur daripada uzur-uzur ini gugurlah jemaah.

(وَشُرُوطُ) صِحَّةِ (الْجَمَاعَةِ أَنْ يَنْوِيَ الْمَأْمُومُ الْاِقْتِدَاءَ) أَوْ الْاِئْتِمَامَ أَوْ الْجَمَاعَةَ مَعَ التَّحْرِمِ أَوْ بَعْدَهُ فِي غَيْرِ الْجُمُعَةِ. أَمَا فِيهَا فَلَا بَدَّ مِنْ نِيَةِ الْجَمَاعَةِ فِي تَحْرِمِهَا. (فَإِنْ أَهْمَلَهُ)، أَي تَرَكَ هَذَا الشَّرْطَ وَهُوَ نِيَةُ الْاِقْتِدَاءِ فِي التَّحْرِمِ، (انْعَقَدَتْ) الصَّلَاةُ (فُرَادَى).

539. (Dan syarat-syarat) sah (jemaah itu bahawa makmum berniat mengikut) atau berimam atau berjemaah beserta dengan taharrum atau selepasnya pada selain Jumaat. Adapun padanya maka tidak dapat tidak dari niat jemaah pada taharrumnya. (Maka jika dia mengosongkannya), iaitu meninggalkan syarat ini iaitu niat ikut pada taharrum itu, (terjadi) shalatnya (sendirian).

(فَإِنْ تَابَعَ بِلَا نِيَّةٍ) حِينَئِذٍ (بَطَلَتْ صَلَاتُهُ إِنْ اِنْتَهَرَ)، أَي الْمَأْمُومُ، (أَفْعَالُهُ)، أَي الْإِمَامُ، (إِنْتِظَارًا طَوِيلًا) عَرَفَا لِأَنَّهُ رُبَّمَا صَلَّاهُ بِصَلَاةٍ غَيْرِهِ مِنْ غَيْرِ نِيَّةٍ. (فَإِنْ قَلَّ) الْاِنْتِظَارُ (أَوْ اتَّفَقَ) فَعَلَهُ مَعَ فَعْلِهِ (فَلَا) تَبْطُلُ صَلَاتُهُ.

540. (Maka jika dia mengikut tanpa niat) ketika itu (batal shalatnya jika dia menunggu), iaitu makmum menunggu, (perbuatannya), iaitu imam, (dengan tunggu yang panjang) pada uruf kerana dia menambatkan shalatnya dengan shalat orang lain tanpa niat. (Maka jika sedikit) tunggu itu (atau kebetulan) perbuatannya dengan perbuatan imam (maka tidak) batal shalatnya.

(وَلَوْ اِقْتَدَى بِمَأْمُومٍ حَالَ اِقْتِدَائِهِ بِطَلَّتْ صَلَاتُهُ)، بِخِلَافِ مَا إِذَا اِقْتَدَى بِهِ بَعْدَ مَفَارِقَتِهِ لِلْإِمَامِ فَلَا تَبْطُلُ. (وَلْيُنَوِّ الْإِمَامُ الْإِمَامَةَ) حُوزًا لِلْفِضِيلَةِ. (فَإِنْ أَهْمَلَهُ)، أَي الْمَنُوعِ وَهُوَ نِيَةُ الْجَمَاعَةِ، (انْعَقَدَتْ) صَلَاةُ الْإِمَامِ (فُرَادَى). وَصَحَّ الْاِقْتِدَاءُ

بِهِ وَفَاتَ الْإِمَامُ ثَوَابَ الْجَمَاعَةِ). وَيُصَحُّ لَهُ نِيَّةُ الْجَمَاعَةِ أَثْنَاءَ الصَّلَاةِ. (وَيُشْتَرَطُ) فِي حَقِّ الْإِمَامِ (نِيَّةُ الْإِمَامَةِ فِي الْجُمُعَةِ) وَلَوْ زَائِدًا عَلَى الْأَرْبَعِينَ.

541. (Kalau dia mengikut seorang makmum pada ketika dia mengikut imamnya batal shalatnya), bersalahan keadaan apabila dia mengikutnya selepas mufaraqahnya dari imamnya maka tidak batal ia. (Hendaklah imam meniatkan imamah) untuk mencapai fadhilat. (Maka jika dia mengosongkannya), iaitu apa yang diniatkan itu iaitu niat jamaah, (terjadi) shalat imam itu (dalam keadaan sendirian, dan sah mengikutnya, dan luput dari imam itu pahala jamaah). Sah bagi dia niat jamaah di tengah-tengah shalat. (Disyaratkan) pada hak imam (niat imamah pada jumaat) walaupun dia lebih diatas empat puluh.

(وَيُذَبُّ لِقَاصِدِ الْجَمَاعَةِ الْمَشْيُ بِسَكِينَةٍ)، أَي وَقَارٌ، وَلَوْ فَاتَتْهُ الرُّكْعَةُ مَعَ الْإِمَامِ. (وَ) يَنْدُبُ لَهُ أَنْ (يُحَافِظَ عَلَى إِدْرَاكِ فَضِيلَةِ تَكْبِيرَةِ الْإِحْرَامِ) مَعَ الْإِمَامِ. (وَتَحْصُلُ) تِلْكَ الْفَضِيلَةُ (بِأَنْ يَشْتَغَلَ بِالتَّحَرُّمِ عَقِبَ تَحَرُّمِ الْإِمَامِ). فَتَفُوتُ تِلْكَ الْفَضِيلَةُ الْغَائِبُ عِنْدَ تَحَرُّمِ الْإِمَامِ وَالمُتْرَاحِي عَنْهُ بِغَيْرِ وَسُوسَةِ خَفِيفَةٍ.

542. (Sunat bagi orang yang menuju kepada jamaah berjalan dengan tenang), iaitu tetap, walaupun luput darinya rakaat bersama imamnya. (Dan) sunat baginya (memelihara diatas mendapatkan fadhilat takbir ihram) bersama imamnya. (Terhasil) fadhilat itu (dengan bahawa dia sibuk dengan taharrum mengiringi taharrum imamnya). Maka luputlah fadhilat itu dari orang yang tidak hadhir di sisi taharrum imamnya dan orang yang lewat darinya dengan selain waswas yang ringan.

(وَلَوْ دَخَلَ) الْقَاصِدُ لَصَلَاةِ الْجَمَاعَةِ (فِي نَفْلِ فَأَقِيمَتِ الْجَمَاعَةُ أَتَمَّهُ إِنْ لَمْ يَخْشَ فَوَاتَ الْجَمَاعَةَ)، بِأَنْ لَمْ يَدْرِكْ تَكْبِيرَةَ التَّحَرُّمِ مَعَ الْإِمَامِ قَبْلَ سَلَامِهِ. (وَإِلَّا) بِأَنْ خَشِيَ ذَلِكَ (قَطْعَهُ)، أَي قَطَعَ مَا صَلَّاهُ مِنَ النَّفْلِ وَأَدْرَكَ الْجَمَاعَةَ.

543. (Kalau masuk) seorang yang hendak shalat jamaah (pada nafli maka didirikan jamaah dia menyempurnakannya jika dia tidak bimbang luput jamaah itu), dengan bahawa dia mendapat takbir ihram bersama imam sebelum salamnya. (Jika tidak) dengan bahawa dia bimbangkan demikian itu (dia memutuskannya), iaitu memutuskan apa yang dia telah shalatkannya daripada nafli itu dan dia memperdapatkan jamaah itu.

(وَلَوْ دَخَلَ فِي الْفَرْضِ مُنْفَرِدًا فَأَقِيمَتِ الْجَمَاعَةُ نُذِبَ قَلْبُهُ) أَي الْفَرْضِ (نَفْلًا) مُطْلَقًا (رَكَعَتَيْنِ، ثُمَّ يَقْتَدِي) بَعْدَ تَسْلِيمِهِ. (فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ) الْقَلْبُ (وَنَوَى الْإِقْتِدَاءَ فِي أَثْنَاءِ الصَّلَاةِ) بِقَلْبِهِ (صَحَّ وَكُرِّهَ)، وَلَا يَحُوزُ فَضِيلَةَ الْجَمَاعَةِ. (وَلَزِمَهُ الْمُتَابَعَةُ. فَإِنْ تَمَّتْ صَلَاةُ الْمُقْتَدِي) الَّذِي نَوَى الْجَمَاعَةَ فِي الْأَثْنَاءِ (أَوَّلًا) قَبْلَ الْإِمَامِ (إِنْتِظَرَهُ) (فِي التَّشَهُدِ) لِيَسْلَمَ مَعَهُ (أَوْ سَلَّمَ) بَعْدَ نِيَّةِ الْمَفَارِقَةِ.

544. (Kalau dia masuk pada shalat fardhu sendirian maka didirikan jamaah sunat membalikkannya) iaitu fardhu itu (kepada nafli) mutlak (dua

rakaat, kemudian dia mengikut imam) selepas memberi salam. (Maka jika dia tidak buat) balikkan itu (dan dia niat mengikut imam di tengah-tengah shalatnya) didalam hatinya (sah ia serta makruh), dan dia tidak mencapai fadhilat jamaah, (dan lazim dia mengikutnya. Maka jika sempurna shalat orang yang mengikut) yang berniat jamaah di tengah-tengah shalatnya itu (dulu), sebelum salam imamnya, (dia menunggu)nya (pada tasyahud) untuk dia salam bersamanya (atau dia memberi salam) selepas niat mufaraqah.

وَلَوْ أَحْرَمَ مَعَ الْإِمَامِ ثُمَّ أَخْرَجَ نَفْسَهُ مِنَ الْجَمَاعَةِ (بِنِيَّةِ الْمَفَارِقَةِ) وَأَتَمَّ مُنْفَرِدًا جَازًا، لَكِنْ يُكْرَهُ) لَهُ ذَلِكَ (بِلَا عُذْرٍ). وَأَمَّا بَعْدُ كِتَابُ الْإِمَامِ وَرَمَضَ لِحَقِّهِ وَتَرَكَ الْإِمَامَ سَنَةَ مَقْصُودَةً كَقَنُوتٍ فَلَا تَكْرَهُ لَهُ نِيَّةَ الْمَفَارِقَةِ.

545. (Kalau dia berihram bersama imam kemudian dia mengeluarkan dirinya dari jamaah) dengan niat mufaraqah (dan menyempurnakan sendirian harus ia, akan tetapi makruh) baginya demikian itu (tanpa uzur). Adapun dengan uzur seperti imam memanjangkan shalat dan sakit yang menghubunginya dan imam meninggalkan sunat yang dimaksudkan seperti qunut maka tidak makruh baginya niat mufaraqah itu.

وَلَوْ وَجَدَ الْإِمَامَ رَاكِعًا أَحْرَمَ مُنْتَصِبًا ثُمَّ كَبَّرَ) ثَانِيًا (لِلرُّكُوعِ). وَلَوْ كَبَّرَ تَكْبِيرَةً وَاحِدَةً وَنَوَى بِهَا تَكْبِيرَةَ الْإِحْرَامِ وَهُوَ مُنْتَصِبٌ أَجْزَأَتَهُ. وَإِلَّا فَلَا تَتَعَقَّدُ صَلَاتَهُ. (فَإِنْ وَقَعَ بَعْضُ تَكْبِيرَةِ الْإِحْرَامِ فِي غَيْرِ الْقِيَامِ لَمْ تَتَعَقَّدْ)، لَا فَرَضًا وَلَا نَفْلًا.

546. (Kalau dia mendapati imam rukuk dia berihram dalam keadaan berdiri tegak kemudian dia bertakbir) kali kedua (untuk rukuk). Kalau dia bertakbir satu takbir dan berniat dengannya takbir ihram sedang dia berdiri tegak ia memadainya. Jika tidak, maka tidak terjadi shalatnya. (Maka jika jatuh sebahagian takbir ihram pada selain qiam tidak terjadi ia), tidak fardhu dan tidak nafli.

ثُمَّ فَرَعَ عَلَى قَوْلِهِ ثُمَّ كَبَّرَ ثَانِيًا قَوْلُهُ: (فَإِنْ وَصَلَ إِلَى حَدِّ الرُّكُوعِ الْمُجْزِي وَاطْمَأَنَّ قَبْلَ رَفْعِ الْإِمَامِ عَنِ حَدِّ الرُّكُوعِ الْمُجْزِي حَصَلَتْ لَهُ الرُّكُوعَةُ) وَتَحْمَلُ عَنْهُ الْإِمَامُ قِرَاءَةَ الْفَاتِحَةِ.

547. Kemudian dia mencabangkan diatas katanya "kemudian dia bertakbir kali kedua" akan katanya: (Maka jika dia sampai kepada had rukuk yang memada dan dia tama'ninah sebelum imam bangkit dari had rukuk yang memada terhasi baginya satu rakaat), dan imam itu menanggung darinya bacaan fatihah.

(فَإِنْ شَكَّ هَلْ رَفَعَ الْإِمَامُ عَنِ الْحَدِّ الْمُجْزِي) لِلرَّاكِعِ (قَبْلَ وَصُولِهِ إِلَى الْحَدِّ الْمُجْزِي أَوْ بَعْدَهُ) أَوْ هَلْ اِطْمَأَنَّ مَعَهُ قَبْلَ رَفْعِهِ أَمْ رَفَعَ قَبْلَ أَنْ يَطْمَأَنَّ (أَوْ كَانَ الرُّكُوعُ غَيْرَ مَحْسُوبٍ لِلْإِمَامِ كَمُحَدِّثٍ وَكَذَا مَنْ بِهِ نَجَاسَةٌ خَفِيَّةٌ أَوْ رُكُوعٌ خَامِسَةٌ لَمْ يُدْرِكْ) الرُّكُوعَةَ فِي ذَلِكَ كُلِّهِ.

548. **(Maka jika dia syak adakah imam telah bangkit dari had yang memada)** bagi orang yang rukuk (**sebelum dia sampai kepada had yang memada atau selepasnya**), atau adakah dia tama'ninah bersamanya sebelum dia bangkit atau dia bangkit sebelum bahawa dia tama'ninah, (**atau adalah rukuk itu tidak dikira bagi imam seperti imam yang berhadath begitu juga orang yang ada najis ringan padanya atau rukuk kelima dia tidak mendapat**) rakaat itu pada semua masalah itu.

(وَمَتَى أَدْرَكَ) الإمام في (الإِعْتِدَالِ) أو (فَمَا بَعْدَهُ) من الهوي للسجود (إِنْتَقَلَ مَعَهُ مُكَبِّرًا) موافقة للإمام. (وَيُسَبِّحُ وَيَتَشَهَّدُ مَعَهُ فِي غَيْرِ مَوْضِعِهِ)، أي التشهد للمأموم. (وَلَوْ أَدْرَكَهُ سَاجِدًا أَوْ مُتَشَهِّدًا سَجَدَ) معه (أَوْ جَلَسَ بِإِلَّا تَكْبِيرٍ) لأن هذا الهوى ليس محلًا للتكبير.

549. **(Bila dia mendapat)** imam pada (i'tidal) atau **(apa yang selepasnya)** daripada turun sujud (**dia berpindah bersamanya seraya bertakbir**) untuk muafakat dengan imam itu, (**dan dia bertasbih dan bertasyahud bersamanya pada selain tempatnya**), iaitu tasyahud bagi makmum itu. **(Kalau dia mendapatnya dalam keadaan sujud atau bertasyahud dia sujud)** bersamanya (**atau dia duduk tanpa takbir**) kerana turun ini bukan tempat takbir.

(وَلَوْ سَلَّمَ الْإِمَامُ وَهُوَ مَوْضِعُ جُلُوسِ الْمَسْبُوقِ) بأن أدرك مع الإمام ركعتين (قَامَ مُكَبِّرًا) لإدراك ما بقي عليه من الصلاة. (فَإِنْ لَمْ يَكُنْ) الجلوس مع الإمام (مَوْضِعَهُ)، أي موضع جلوس المأموم، كأن أدرك معه ركعة أو ثلاثًا، (فَلَا تَكْبِيرٍ) يطلب منه حال قيامه.

550. **(Kalau imam memberi salam dan ia tempat duduk bagi masuk)** dengan bahawa dia mendapat bersama imam dua rakaat (**dia berdiri seraya bertakbir**) untuk mendapatkan apa yang berbaki di atasnya daripada shalatnya. **(Maka jika tidak adalah)** duduk bersama imamnya itu (**tempatnya**), iaitu tempat duduk makmum, seperti bahawa dia mendapat bersamanya satu rakaat atau tiga rakaat, (**maka tidak ada takbir**) yang dituntut darinya beserta qiamnya.

(وَإِنْ أَدْرَكَ الْإِمَامَ قَبْلَ أَنْ يُسَلَّمَ)، أي قبل تمامه، (أَدْرَكَ فَضِيلَةَ الْجَمَاعَةِ) لإدراكه معه النية وتكبير الإحرام. (وَمَا أَدْرَكَهُ) المأموم مع الإمام (فَهُوَ أَوَّلُ صَلَاتِهِ) فيأتي فيه بالاستفتاح. (وَمَا يَأْتِي بِهِ بَعْدَ سَلَامِ الْإِمَامِ فَهُوَ آخِرُ صَلَاتِهِ فَيُعِيدُ فِيهِ الْقنُوتَ)، ولو قنت مع الإمام.

551. **(Jika dia mendapat imam sebelum bahawa dia memberi salam)**, iaitu sebelum sempurnanya, (**dia mendapat fadhilat jemaah**) kerana dia mendapat bersamanya niat dan takbir ihram. **(Apa yang didapat)** oleh makmum bersama imamnya (**maka ia adalah awal shalatnya**). Maka dia mendatangkan iftitah padanya, (**dan apa yang dia datangkan selepas salam**

imamnya maka ia akhir shalatnya maka dia mengulang padanya akan qunut) walaupun dia telah qunut bersama imamnya.

(وَيَجِبُ مُتَابَعَةُ الْإِمَامِ فِي الْأَفْعَالِ، وَلَيْكُنْ ابْتِدَاءُ فِعْلِهِ، أَيِ الْمَأْمُومِ، مُتَأَخِّرًا عَنِ ابْتِدَائِهِ)، أي ابتداء فعل الإمام حتى يحوز فضيلة الجماعة، (وَمُتَقَدِّمًا عَلَى فِرَاعِهِ). فيجعل ركوعه مثلا متأخرا عن ابتداء الإمام بركوعه وقبل رفعه للاعتدال. فإن قارنه في أفعاله فاتته فضيلة الجماعة.

552. (Wajib ikut imam pada semua perbuatan-perbuatan. Dan hendaklah mula perbuatannya), iaitu makmum, (terkemudian dari permulaannya), iaitu permulaan perbuatan imamnya, supaya dia mencapai fadhilat jamaah, (dan terdahulu diatas selesainya). Maka dia menjadikan rukuknya sebagai contoh terkemudian dari permulaan rukuk imamnya dan sebelum bangkitnya untuk i'tidal. Maka jika dia menyertainya pada perbuatan-perbuatannya luputlah darinya fadhilat jamaah.

(وَيُتَابَعُهُ فِي الْأَقْوَالِ أَيْضًا) فلا يقارنه فيها، سواء كانت واجبة كقراءة الفاتحة أو مندوبة كالتكبيرات، (إِلَّا التَّامِينَ فَ) إنه يُقَارَنُ فِيهِ. وَلَوْ قَارَنَهُ فِي تَكْبِيرَةٍ الْإِحْرَامِ أَوْ شَكَّ هَلْ قَارَنَهُ فِيهَا (لَمْ تَنْعَقِدْ) صلاته (أَوْ فِي غَيْرِهِ)، أي التحريم، (كُرْهًا) وصحت القدوة (وَفَاتَتْهُ فَضِيلَةُ الْجَمَاعَةِ)، لكن وقع في الأقوال خلاف في المقارنة.

553. (Dia mengikutnya pada bacaan juga), maka dia tidak menyertainya padanya, sama sahaja adalah ia wajib seperti bacaan fatihah atau sunat seperti takbir-takbir, (melainkan ucapan amin maka) dia (menyertainya padanya. Kalau dia menyertainya pada takbir ihram atau dia syak adakah dia menyertainya) padanya (tidak terjadi) shalatnya, (atau pada selainnya), iaitu taharum, (dimakruhkan ia) serta sah qudwah itu (dan luput darinya fadhilat jamaah). Walaubagaimanapun jatuh pada bacaan itu oleh khilaf pada berserta dengan imam.

(وَإِنْ سَبَقَهُ إِلَى رُكْنٍ بِأَنْ رَكَعَ قَبْلَهُ). وهذا هو السبق ببعض الركن (كُرْهًا). وقيل حرم واعتمده النووي. (وَيُذَبُّ الْعَوْدُ إِلَى مُتَابَعَتِهِ) ليدرك فضيلة متابعة الإمام في هذا الركن. (وَإِنْ سَبَقَهُ بِرُكْنٍ) وذلك مصور (بِأَنْ رَكَعَ وَرَفَعَ ثُمَّ مَكَثَ) في الاعتدال (حَتَّى رَفَعَ الْإِمَامُ حَرْمًا). وهذا هو السبق بركن. (وَلَمْ تَبْطُلْ) صلاة المأموم،

554. (Jika dia menduluinya kepada satu rukun dengan bahawa dia rukuk sebelumnya), yang mana ini adalah mendahului dengan sebahagian rukun, (makruh ia). Dikatakan haram, dan memegangnya Nawawi. (Dan sunat kembali kepada mengikutnya) supaya dia mendapat fadhilat ikut imam pada rukun ini. (Dan jika dia mendahuluinya dengan satu rukun) yang mana itu digambarkan (dengan bahawa dia rukuk dan bangkit kemudian diam)

pada i'tidal (**sehingga imamnya bangkit haram ia**). Ini adalah mendahului dengan satu rukun. (**dan tidak batal**) shalat makmum itu, (أَوْ) سبقه (بِرُكْنَيْنِ عَمْدًا) وذلك لا يكون إلا شروعه في الثالث كأن ركع واعتدل وشرع في الهوى للسجود والإمام قائم في القراءة (بَطَلَتْ أَوْ) سبقه بالركنين (سَهْوًا فَلَا) تبطل (وَلَا يُعْتَدُّ بِهَذِهِ الرَّكْعَةِ) فيأتي بعد سلام إمام برُكْعَةٍ.

555. (atau) dia mendahuluinya (**dengan dua rukun dengan sengaja**) yang mana demikian itu tidak adalah ia melainkan masuknya pada rukun ketiga seperti bahawa dia rukuk dan i'tidal dan masuk pada turun untuk sujud sedang imam berdiri pada qiraat (**batal ia, atau**) dia mendahuluinya dengan dua rukun (**dias atas jalan lupa maka tidak**) batal ia (**dan tidak dikira rakaat ini**) maka dia mendatangkan selepas salam imamnya akan satu rakaat.

(وَإِنْ تَخَلَّفَ بِرُكْنٍ بِلَا عُدْرٍ كُرْهُ أَوْ بِرُكْنَيْنِ بَطَلَتْ) صلاته لانخرام المتابعة. (فَإِنْ رَكَعَ) الإمام (وَاعْتَدَلَ وَالْمَأْمُومُ بَعْدَ قَائِمٍ لَمْ تَبْطُلْ) لأنه لم يسبقه بركنين إلا إذا شرع في الثالث. (فَإِنْ هَوَى) الإمام (لِيَسْجُدَ) بأن صار إلى محل لا تجزئ فيه الفاتحة (وَهُوَ بَعْدَ قَائِمٍ بَطَلَتْ) وَإِنْ لَمْ يَبْلُغِ السُّجُودَ لِأَنَّهُ كَمَّلَ الرُّكْنَيْنِ) بانفصاله عن القيام.

556. (Jika dia ketinggalan dengan satu rukun tanpa uzur makruh ia, atau dengan dua rukun batal) shalatnya kerana tercarik-carik ikutannya. (Maka jika) imam (rukuk dan i'tidal sedang makmum selepas itu berdiri tidak batal ia) kerana imam itu tidak mendahuluinya dengan dua rukun, melainkan apabila dia masuk pada yang ketiga. (Maka jika) imam (turun untuk sujud) dengan bahawa dia sampai kepada tempat yang tidak memada padanya fatihah (**dan makmum selepas itu masih berdiri batal ia, sekalipun dia belum sampai kepada sujud kerana dia telah menyempurnakan dua rukun**) dengan terpisahnya dari qiam.

(وَإِنْ تَخَلَّفَ) المأموم (بِعُدْرٍ) وذلك العذر (كَبَطْءِ قِرَاءَتِهِ لِعَجْزٍ) خَلْقِي (لَا لَوْسُوسَةٍ) ظاهرة (حَتَّى رَكَعَ) الإمام لَزِمَهُ إِتْمَامُ الْفَاتِحَةِ وَيَسْعَى خَلْفَهُ مَا لَمْ يَسْبِقْهُ بِأَكْثَرَ مِنْ ثَلَاثَةِ أَرْكَانٍ) طويلة. فليس مذهب الاعتدال والجلوس بين السجدين.

557. (Jika ketinggalan) makmum (**dengan uzur**) yang mana uzur itu (**seperti lambat bacaannya kerana lemah**) semula jadi (**bukan kerana waswas**) yang zahir (**sehingga imamnya rukuk lazim dia menyempurnakan fatihah dan terus shalat di belakangnya selama mana dia tidak mendahuluinya dengan lebih dari tiga rukun**) yang panjang. Maka bukan daripadanya i'tidal dan duduk di antara dua sujud.

(فَإِنْ زَادَ) على الثلاثة (وَإِفْقَهُ)، أي وافق المأموم الإمام، (فِيمَا هُوَ فِيهِ)، كأن استمر في قراءة الفاتحة حتى سجد الإمام السجود الثاني ورفع منه فيوافقه

حينئذ في الجلوس للتشهد أو في القيام للفتحة، وفاتته الركعة. (ثُمَّ يَتَدَارَكُ مَا فَاتَهُ بَعْدَ سَلَامِهِ) أي سلام إمامه.

558. (**Maka jika lebih**) diatas tiga (**dia muafakat dengannya**), iaitu makmum itu muafakat dengan imamnya, (**pada apa yang dia berada padanya**) seperti bahawa dia masih pada bacaan fatihah hingga imamnya sujud dengan sujud kedua dan bangkit darinya maka dia muafakat dengannya ketika itu pada duduk tasyahhud atau pada qiam untuk fatihah, dan luputlah darinya rakaat itu. (**Kemudian dia memperoleh apa yang luput darinya selepas salamnya**), iaitu salam imamnya.

(وَإِذَا أَحَسَّ الْإِمَامُ بِدَاخِلٍ) يريد الاقتداء به (وَهُوَ رَاكِعٌ أَوْ فِي التَّشَهُدِ الْأَخِيرِ نُدْبٌ) له (أَنْتَظَرُهُ) الله تعالى إعانة على إدراك الركعة أو الجماعة (بِشَرِّطِ أَنْ يَكُونَ) هذا الشخص (قَدْ دَخَلَ الْمَسْجِدَ)، أي محل الصلاة، (وَأَنْ لَا يَفْحُشَ الطَّوْلُ) فيتضرر الحاضرون (وَأَنْ يَقْصِدَ الطَّاعَةَ) الله تعالى (لَا تَمْيِيزُهُ وَإِكْرَامَهُ بِأَنْ يَنْتَظِرَ الشَّرِيفَ دُونَ الْحَقِيرِ) أو ينتظر بعضهم لصدقة، ويخشى على من يفعل ذلك الشرك. ومثل الإمام المذفرد إذا أحس بمن يقتدي به. (وَيُكْرَهُ) الانتظار (فِي غَيْرِ الرُّكُوعِ وَالتَّشَهُدِ) لأنه لا فائدة فيه.

559. (**Apabila imam merasakan ada orang masuk**) hendak mengikutnya (**sedang dia rukuk atau pada tasyahud akhir sunat**) dia (**menunggunya**) kerana Allah taala kerana membantu diatas mendapatkan rakaat atau jemaah, (**dengan syarat bahawa adalah**) orang ini (**telah masuk masjid**), iaitu tempat shalat, (**dan bahawa tidak keji panjang masanya**) maka kemudharatan orang-orang yang hadir, (**dan bahawa dia mengkasad taat**) kepada Allah (**bukan mengistimewakannya dan memuliakannya dengan bahawa dia menunggu orang yang mulia tidak yang lekeh**) atau dia menunggu sebahagian mereka kerana hubungan rakan, yang mana ditakuti diatas orang yang melakukan demikian itu akan syirik. Seumpama imam itu adalah munfarid bila dia merasakan ada orang hendak mengikutnya. (**Makruh**) tunggu (**pada selain rukuk dan tasyahud**) kerana tidak ada faedah padanya.

(وَلَوْ كَانَ لِمَسْجِدٍ إِمَامٌ رَاتِبٌ وَلَمْ يَكُنْ مَطْرُوقًا)، أي محلا لطروق الناس بأن يدخله جماعة بعد أخرى مثل مساجد العشائر، (كُرْهٌ لِغَيْرِهِ)، أي الراتب، (إِقَامَةُ الْجَمَاعَةِ فِيهِ بِغَيْرِ إِذْنِهِ. وَإِنْ كَانَ مَطْرُوقًا أَوْ لَا إِمَامَ لَهُ لَمْ يُكْرَهُ) ما ذكر من إقامة الجماعة أو تعددها فيه.

560. (**Kalau ada pada satu masjid imam ratib dan ia tidak dikunjungi**), iaitu bukan tempat kunjungan orang ramai dengan bahawa memasukinya satu jemaah selepas satu jemaah seumpama masjid Asyaier^{vi} (**makruh bagi selainnya**), iaitu imam ratib, (**mendirikan jemaah padanya tanpa izinnnya. Jika ia dikunjungi orang ramai atau tidak ada imam baginya tidak dimakruhkan**) apa yang disebutkan itu, daripada mendirikan jemaah atau berbilang-bilangnya padanya.

(وَمَنْ صَلَّى مُنْفَرِدًا أَوْ) صلى (فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ وَجَدَ جَمَاعَةً تُصَلِّي نُدْبًا أَنْ يُعِيدَ مَعَهُمْ) صلاته (بِنِيَّةِ الْفَرِيضَةِ). ويشترط أيضا أن تقع الثانية جماعة من أولها إلى آخرها وأن تقع في الوقت وأن تعاد مرة واحدة.

561. (Orang yang telah shalat sendirian atau) telah shalat (pada satu jemaah kemudian dia mendapati jemaah lain dishalatkan sunat dia mengulang bersama mereka) akan shalatnya (dengan niat fardu). Disyaratkan juga bahwa jatuh yang kedua itu berjamaah dari awalnya hingga akhirnya dan bahwa ia jatuh didalam waktu dan bahwa ia diulang sekali.

(يُنْدَبُ لِلْإِمَامِ التَّخْفِيفُ) بأن يخفف القراءة والأذكار ولا يقتصر على الأقل ولا يستوفى الأكمل. (فَإِنْ عَلِمَ رِضًا مَحْضُورِينَ بِالتَّطْوِيلِ نُدْبٌ حِينَئِذٍ) التطويل، فيستوفى الأكمل. ولو كانوا يؤثرون التطويل ولكن المسجد مطروق لم يطول.

562. (Sunat bagi imam meringankan) dengan bahwa dia meringankan bacaan dan zikir dan tidak menghadkan diatas sekurang-kurangnya dan tidak mencukupkan yang sempurnanya. (Maka jika dia tahukan redha makmum mahshur dengan memanjangkan sunat ketika itu) memanjangkan, maka dia mencukupkan yang paling sempurna. Kalau mereka memilih untuk memanjangkan akan tetapi masjid itu dikunjungi orang ramai dia tidak memanjangkan.

(وَيُنْدَبُ تَلْقَيْنُ إِمَامِهِ إِنْ وَقَفَتْ قِرَاءَتُهُ) بأن تردد فيها وسكت ولا يلقنه ما دام مترددا. (وَإِنْ نَسِيَ) الإمام (ذِكْرًا) كالتسبيح (جَهَرَ بِهِ الْمَأْمُومُ لِيَسْمِعَهُ) الإمام فيأتي به، (أَوْ فِعْلًا) من أفعال الصلاة واجبا كان أو مندوبا (سَبَّحَ) المأموم.

563. (Sunat mentalkinkan imamnya jika terhenti bacaannya) dengan bahwa dia berulang alik padanya dan diam. Tidak dia mentalkinkannya selama mana dia berulang alik membacanya. (Jika lupa) imam itu (akan zikir) seperti tasbih (makmum menyaringkannya supaya mendengar) imam itu lalu dia mendatangkannya, (atau satu perbuatan) daripada perbuatan-perbuatan shalat, wajib adalah ia atau sunat, (bertasbih) makmum.

(فَإِنْ تَذَكَّرَهُ الْإِمَامُ عَمِلَ بِهِ)، أي بما تذكره، (وَإِنْ لَمْ يَتَذَكَّرْهُ لَمْ يَجْزِ الْعَمَلُ بِقَوْلِ الْمَأْمُومِينَ وَلَا غَيْرِهِمْ) ولا بفعلهم أيضا (وَإِنْ كَثُرُوا). لكن إن بلغوا حد التواتر جاز العمل بقولهم وكذا بفعلهم.

564. (Maka jika imam itu ingatkannya dia melakukannya), iaitu apa yang dia ingat, (dan jika dia tidak ingatkannya tidak harus dia beramal dengan kata para makmum dan tidak selain mereka), dan tidak dengan perbuatan mereka juga, (sekalipun mereka itu ramai). Akan tetapi jika mereka sampai kepada had tawatir harus beramal dengan kata mereka, begitu juga perbuatan mereka.

(وَإِنْ تَرَكَ فَرَضًا) كأن قعد في موضع القيام (وَجَبَ) على المأموم (فِرَاقُهُ) بأن لا يتابعه في ذلك، بل يمضي على الصواب، (أَوْ) ترك (سُدَّةً لَا تُفَعَّلُ إِلَّا بِتَخَلُّفٍ فَاحِشٍ) من المأموم (كَتَشَهُدٍ) أول تركه الإمام (حَرَمَ فِعْلَهَا)، أي تلك السنة، فلا يفعل التشهد إذا تركه الإمام، بل يقوم معه. (فَإِنْ فَعَلَهَا بَطَلَتْ صَلَاتُهُ. وَلَهُ فِرَاقُهُ) بأن ينوي بقلبه فراقه (لِيَفْعَلَهَا)، أي تلك السنة.

565. (Jika dia meninggalkan fardhu) seperti bahawa dia duduk pada tempat berdiri (**wajib**) diatas makmum (**berpisah darinya**) dengan bahawa dia tidak mengikutnya pada demikian itu, bahkan dia terus shalat diatas yang betul, (atau) dia meninggalkan (**sunat yang tidak boleh dibuat melainkan dengan ketinggalan yang keji**) dari makmum (**seperti tasyahud**) awal yang imam tinggalkan (**haram melakukannya**), iaitu sunat itu. Maka dia tidak buat tasyahud apabila imam meninggalkannya, bahkan dia bangun bersamanya. (Maka jika dia melakukannya batal shalatnya. Boleh dia berpisah darinya) dengan bahawa dia niat dengan hatinya akan berpisah darinya (**untuk dia melakukannya**), iaitu sunat itu.

(فَإِنْ أَمَكَنْتَ) تلك السنة (قَرِيبًا) أي من غير تخلف فاحش (كَجَلْسَةِ الْإِسْتِرَاحَةِ) فإنه يمكن فعلها إذا تركها الإمام من غير تخلف فاحش (فَعْلَهَا) من غير نية مفارقة. ومثل جلسة الاستراحة القنوات. فإذا تركه الإمام ندب للمأموم فعله إذا لحقه في السجدة الأولى، وجاز إذا لحقه في الثانية.

566. (Maka jika terbole) sunat itu (**dalam masa singkat**), iaitu tanpa ketinggalan yang keji, (**seperti duduk istirahat**) maka ia boleh dilakukan bila imam meninggalkannya tanpa ketinggalan yang keji (**dia melakukannya**) tanpa niat mufaraqah. Seumpama duduk istirahat itu adalah qunut. Maka apabila imam meninggalkannya sunat makmum melakukannya bila dia boleh menghubungi imam pada sujud pertama, dan harus ia apabila dia boleh menghubunginya pada sujud kedua.

(وَمَتَى قَطَعَ الْإِمَامُ صَلَاتَهُ بِحَدَثٍ أَوْ بَعْيَرِهِ) كَطَرَوْ نَجَاسَةً (فَلَهُ)، أي للإمام، (اسْتِخْلَافٌ مَنْ يُتِمُّهَا)، أي يقيم خليفة ليكمل الصلاة للمأمومين منهم أو من غيرهم، (بِشَرَطِ صَلَاحِيَّتِهِ لِإِمَامَةِ هَذِهِ الصَّلَاةِ) بأن لا يكون امرأة وهم رجال مثلاً. وأشار لشرط من شروط الاستخلاف بقوله:

567. (Bilamana imam memutuskan shalatnya dengan sebab hadath atau dengan selainnya) seperti kedatangan najis (**maka baginya**), iaitu bagi imam, (**menggantikan orang lain untuk yang menyempurnakannya**), iaitu dia mendirikan pengganti supaya dia menyempurnakan shalat itu untuk para makmum, dari kalangan mereka atau dari selain mereka, (**dengan syarat sesuainya untuk menjadi imam shalat itu**) dengan bahawa dia bukannya perempuan sedang mereka itu lelaki sebagai contoh. Dia mengisyarat kepada satu syarat daripada syarat-syarat penggantian itu dengan katanya:

(فَإِنْ فَعَلُوا رُكْنَآ قَبْلَ الْإِسْتِخْلَافِ اِمْتَنَعَ الْإِسْتِخْلَافُ). فشرطه الفورية بأن لا يفعل المأمومون بعد قطع الإمام الصلاة ركنا وهم منفردون. فلو فعلوا لم يصح الاستخلاف. (فَإِنْ كَانَ الْخَلِيفَةُ مَأْمُومًا) مسبوقا أو موافقا (جَازُ اسْتِخْلَافُهُ مُطْلَقًا)، أي في سائر ركعات الصلاة من أولى وغيرها.

568. (Maka jika mereka melakukan satu rukun sebelum penggantian itu tertegah penggantian itu). Maka syaratnya adalah segera, dengan bahwa para makmum tidak melakukan satu rukun selepas imam memutuskan shalatnya itu sedang mereka sendiri-sendiri. Maka kalau mereka lakukan tidak sah penggantian itu. (Maka jika adalah pengganti itu makmum) yang masbuk atau yang muafik (harus penggantinya semata-mata), iaitu pada sekalian rakaat-rakaat shalat daripada rakaat yang pertama dan selainnya.

(وَيُرَاعَى الْمَسْبُوقُ نَظْمَ) صلاة (الإمام)، فيقعد عند قعوده ويقنت عند قنوته. فلو استخلفه في الصبح في ثانيته وهي أولى له قنت فيها وقعد للتشهد. (فَبَادَا فَرَعٌ مِنْهُ)، أي من نظم صلاة الإمام، (قَامَ وَأَشَارَ لِيُفَارِقُوهُ)، أي ينووا المفارقة ويسلموا لأنفسهم، (أَوْ يَنْتَظِرُوهُ) حتى يكمل ما عليه من الركعة ويسلموا معه. (وَهُوَ)، أي الانتظار، (أَفْضَلُ) من المفارقة. (وَإِنْ جَهَلَ) المسبوق (نَظْمَ) صلاة (الإمام رَاقِبَهُمْ فَإِنْ هَمُّوا بِالْقِيَامِ قَامَ وَإِلَّا قَعَدَ). ولو أخبره الإمام بما عليه جاز اعتماده.

767. (Yang terafdhal bahawa ditanggung jenazah itu sekali oleh empat orang sebagai tiang-tiangnya^x, dan sekali lima orang, dan yang kelima itu di antara dua kayu pengusung yang depan). Disana ada kaifiat ketiga, seorang didepan dan dua orang di belakang.

(وَيُنْدَبُ الْإِسْرَاعُ فَوْقَ) مشى (الْعَادَةُ نُؤْنُ الْخَبَبِ) و هو الإسراع الشديد، (إِنْ لَمْ يُضْرَّ الْمَيِّتَ. وَإِنْ خِيفَ أَنْفَجَارُهُ زَيْدٌ عَلَى الْإِسْرَاعِ).

768. (Sunat laju melebihi) jalan (yang biasa, tidak lari anak), iaitu cepat yang keras, (jika tidak memudharatkan mayat. Jika ditakuti pecahnya dilebihkan cepat itu).

(وَيُنْدَبُ لِلرِّجَالِ اتِّبَاعُهَا) ويستمرون (إِلَى الدَّفْنِ)، بخلاف النساء فلا يسن لهن اتباعها. ويمشي الرجال (بِقُرْبِهَا بِحَيْثُ يُنْسَبُ إِلَيْهَا). فإن لم ينسب لها بأن بعد عنها لم تحصل سنة تشييع الجنابة. (وَيُكْرَهُ اتِّبَاعُهَا بِنَارٍ، وَ) كذا يكره اتباعها (بِالْبُخُورِ فِي الْمَجْمَرَةِ) أو غيرها. (وَكَذَا) يكره اتباعها بما ذكر (عِنْدَ الدَّفْنِ).

769. (Sunat bagi lelaki mengikutnya) dan terus (kepada kebuminya), bersalahan perempuan, maka tidak disunatkan bagi mereka mengikutnya. Berjalan lelaki (dekat dengannya sekira-kira dibangsakan dia kepadanya). Maka jika tidak dibangsakan dia kepadanya dengan bahawa dia jauh darinya tidak terhasil sunat mengiringi jenazah. (Makruh mengikutnya dengan api dan) begitu juga makruh mengikutnya (dengan perdupaan pada bekas bara) atau selainnya. (Begitu juga) makruh mengikutnya dengan apa yang disebutkan (di sisi kebumi).

(فَصَلُّ) فِي الدَّفْنِ. (ثُمَّ يُدْفَنُ) المیت وجوبا (وَفِي الْمَقْبَرَةِ أَفْضَلُ) منه في غيرها. (وَلَا يُدْفَنُ مَيِّتٌ عَلَى مَيِّتٍ) ولو من جنسه أو مع المحرمية، (إِلَّا أَنْ يَبْلَى الْأَوَّلُ كُلَّهُ) ولا يبقى له أثر. (وَلَا) يدفن (مَيِّتَانِ) معا (فِي قَبْرِ وَاحِدٍ) إِلَّا لَضُرُورَةٍ كَثْرَةَ الْقَتْلِ وَالْفَنَاءِ، أي الوباء.

770. (Fasal) pada tanam mayat. (Kemudian ditanam) mayat diatas jalan wajib. (Dan pada kawasan kuburan terafdhal) dari tanam pada selainnya. (Tidak ditanam satu mayat diatas mayat lain) walaupun dari jenisnya atau serta ada hubungan mahram, (melainkan bahawa reput yang pertama kesemuanya) dan tidak tinggal baginya satu kesan. (Dan tidak) ditanam (dua mayat) bersama-sama (pada satu kubur melainkan kerana dharurat seperti banyak pembunuhan dan kebinasaan), iaitu wabak.

(و) إذا دفن اثنان لهذا السبب (يُجْعَلُ بَيْنَهُمَا حَائِلٌ مِنْ تُرَابٍ)، بأن يجمع التراب حتى يصير حاجزا. (و) جعل ذلك (بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَالرَّجُلِ آكَدُ لَأَسِيْمًا الْأَجْنَبِيِّنَ). فمتى مات اثنان حرم دفنهما ولو مع المحرمية. وقال شيخ الإسلام بالكراهة.

771. (Dan) apabila dikebumikan dua orang kerana sebab ini (**dibuatkan di antara keduanya penghadang dari tanah**) dengan bahawa dihimpunkan tanah sehingga jadi penghadang. (Dan) menjadikan demikian itu (**di antara perempuan dan lelaki lebih kuat dituntut apatah pula dua yang ajnabi**). Maka bila mati dua orang haram tanam keduanya walaupun serta ada hubungan mahram. Berkata syeikh Islam dengan karahahnya.

(وَأَوْ مَاتَ فِي سَفِينَةٍ وَلَمْ يُمْكِنْ دَفْنُهُ فِي الْبَرِّ جُعِلَ بَيْنَ لَوْحَيْنِ وَالْقِي فِي الْبَحْرِ) ليصل إلى البر فيدفنه من وجده. ولو ألقى وثقل بحجرين فلا إثم.

772. (Kalau seorang mati didalam kapal dan tidak terbolehd menanamnya didarat diletakkan dia di antara dua papan dan dicampakkan dia kelaut) supaya sampai kedarat maka menanamnya orang yang menemuinya. Kalau dicampakkan dia dan diberatkan dengan dua ketul batu maka tidak ada dosa.

(وَأَقْلُّ الْقَبْرِ مَا يَكْتُمُ الرَّائِحَةَ وَيَمْنَعُ السَّبَاعَ)، فلا بد منهما. فلو منع السباع كالفساقي ولم يمنع الرائحة أو منع الرائحة ولم يمنع السباع كالقبور التي يطمونها حرم. وكذا لا يكفي وضعه على الأرض والبناء فوقه.

773. (Sekurang-kurang kubur itu apa yang menyembunyikan bau dan menegah binatang buas). Maka tidak dapat tidak daripada keduanya. Maka kalau ia menghalang binarang buas seperti fasaki^{xi} dan tidak menghalang bau, atau menghalang bau dan tidak menghalang binatang buas seperti kubur yang mereka tambunkan tanahnya haram ia. Begitu juga tidak memada meletakkannya diatas tanah dan dibuat binaan diatasnya.

(وَيُذَدَّبُ تَوْسِيعُهُ وَتَعْمِيقُهُ)، أي زيادته في الوسع و صح النزول إلى أسفل بمقدار يكون (قَامَةً وَبَسْطَةً)، أي قدر قامة رجل معتدل يقف باسطة يديه إلى أعلى.

774. (Sunat meluaskannya dan mendalamkannya), iaitu melebihkannya pada luas dan boleh turun ke bawahnya dengan kadar (**seperdirian tubuh dan hampan tangan**), iaitu kadar tinggi sebatang tubuh seorang yang sederhana yang berdiri dalam keadaan menghamparkan dua tangannya keatas.

(و) دفنه في (اللِّحْدِ أَفْضَلُ مِنَ الشَّقِّ). واللاحد هو أن يحفر في أسفل جانب القبر القبلي قدر ما يسع الميت. والشق هو أن يحفر في وسط القبر مثال النهر وتبني حافظاه ويوضع الميت بينهما. (إِلَّا أَنْ تَكُونَ الْأَرْضُ رَخْوَةً) لا صلابة فيها (فَيُذَدَّبُ الشَّقُّ) حينئذ.

775. **(Dan)** menamamnya **(pada lahad terafdhal dari parit)**. Lahad adalah bahawa digali pada bawah dinding kubur yang mengadap kiblat kadar yang memuatkan mayat. Parit adalah bahawa digali di tengah kubur seumpama parit dan dibina dua tebingnya dan diletakkan mayat di antara keduanya. **(Melainkan adalah bumi itu peroi)**, tidak keras **(maka disunatkan parit)** ketika itu.

(وَيُكْرَهُ) الدفن (فِي تَابُوتٍ)، أي صندوق، **(إِلَّا أَنْ تَكُونَ الْأَرْضُ رَحْوَةً أَوْ نَدِيَّةً)** فيها رطوبة.

776. **(Makruh)** tanam **(pada keranda)**, iaitu peti, **(melainkan adalah bumi itu peroi atau lembap)**, padanya ada basahan.

(وَيَتَوَلَّاهُ)، أي الدفن، **(الرَّجَالُ وَلَوْ لِامْرَأَةٍ)** متى وجدوا. **(وَأَوْلَاهُمْ الزَّوْجُ إِنْ صَلَّحَ لِلدَّفْنِ)**، بأن يكون عاقلاً بالغاً له معرفة بأحكامه وقدره عليه. **(ثُمَّ)** بعد الزوج **(أَوْلَاهُمْ بِالصَّلَاةِ)** عليه. وقد تقدم أنه الأب ثم الجد إلخ. **(لَكِنَّ الْأَفْقَهُ)** هنا أي في الدفن **(مُقَدَّمٌ عَلَى الْأَسَنِ، عَكْسُ الصَّلَاةِ)** حيث قدم فيها السن على الأفقه.

777. **(Menguruskannya)**, iaitu pengkebumian itu, **(lelaki-lelaki walaupun pengkebumian wanita)** bila mereka itu ada. **(Yang terutama daripada mereka itu adalah suami jika dia sesuai untuk mengkebumikannya)** dengan bahawa adalah dia berakal baligh mempunyai pengetahuan berkenaan hukum-hukumnya dan kuasa di atasnya. **(Kemudian)**, selepas suami, **(orang yang terutama daripada mereka itu dengan shalat)** keatasnya. Sungguh telah lalu bahawa dia adalah bapa kemudian datuk hingga akhir. **(Akan tetapi yang lebih fekah)** di sini iaitu pada tanam mayat **(didulukan di atas yang lebih tua. 'Akas shalat)** sekira-kira didulukan padanya akan tua di atas yang lebih fekah.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَكُونُوا)، أي الدافنون، **(وِثْرًا)** بقدر الحاجة. **(وَيُعْطَى بِثَوْبٍ عِنْدَ الدَّفْنِ. وَيُوضَعُ رَأْسُهُ)**، أي الميت، **(عِنْدَ رِجْلِ الْقَبْرِ)**، أي الذي سيصير عند أسفله رجل الميت. **(وَيُسَدُّ مِنْ جِهَةِ رَأْسِهِ)**، أي يندب أن يخرج الميت من النعش من جهة رأسه.

778. **(Sunat bahawa adalah mereka itu)**, iaitu orang-orang yang menanam mayat itu, **(ganjil)** dengan kadar hajat. **(Ditutupi ia dengan kain di sisi tanam, dan diletakkan kepalanya)**, iaitu mayat, **(di sisi kaki kubur)**, iaitu yang akan menjadi tempat kaki mayat di bawah kubur itu. **(dan diluncurkan ia dari pihak kepalanya)**, iaitu sunat bahawa dikeluarkan mayat dari pengusung dari pihak kepalanya.

(وَيَقُولُ الدَّافِنُ بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِدَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَيَدْعُو لَهُ وَيُوسِدُهُ)، أي جعل تحت رأسه، **(الْبِنَاءُ، وَيُفْضِي بِخَدِّهِ إِلَى الْأَرْضِ)** بعد كشف الكفن عنه. **(وَيُوضَعُ عَلَى جَنْبِهِ الْأَيْمَنِ نَدْبًا مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ حَتْمًا)** وجوبا.

779. (Orang yang menanam itu mengatakan "dengan nama Allah dan diatas agama rasulullah sawm", dan dia berdoa untuknya, dan dia membantalkannya), iaitu meletakkan di bawah kepalanya, (dengan bata, dan menyentuhkan pipinya kepada bumi) selepas membuka kafan darinya. (Diletakkan dia diatas lambungnya yang kanan diatas jalan sunat, mengadap kiblat diatas jalan wajib).

(وَيَنْصَبُ عَلَيْهِ اللَّبْنَ)، أي يوضع على باب القبر اللبن ونحوه، (وَيَحْتَوُ) أي يهيل (مَنْ دَنَا) أي قرب (ثَلَاثَ حَثَيَاتٍ. ثُمَّ يَهَالُ) عليه التراب (بِالْمَسَاحِي) أي الفؤس.

780. (Didirikan diatasnya bata), iaitu diletakkan diatas pintu kubur itu akan bata dan umpamanya, (dan maraup), mencurahkan, (orang yang dekat akan tiga raup, kemudian dicurahkan) keatasnya akan tanah (dengan cangkul).

(وَ) يسن أن (يَمَكُثُ) الدافن (سَاعَةً بَعْدَ الدَّفْنِ يُلَقِّنُهُ وَيَدْعُو لَهُ) بالثبوت، (وَيَسْتَعْفِرُ لَهُ. وَ) يسن أن (يُرْفَعُ الْقَبْرُ شِبْرًا إِلَّا فِي بِلَادِ الدَّرْبِ) فيخفي. (وَتَسْطِیحُهُ أَفْضَلُ) من تسنيمه أي جعله كسنام البعير. (وَلَا يَزَادُ فِيهِ)، أي القبر، (عَلَى تُرَابِهِ. وَيُرَشُّ عَلَيْهِ الْمَاءُ) القَرَا ح (وَيُوضَعُ عَلَيْهِ حَصَارٌ).

781. (Dan) sunat bahawa (diam) orang yang menanam mayat (dalam satu masa selepas menanamnya, dia mentalkinkannya dan berdoa untuknya) dengan tetap (dan meminta ampun untuknya. Dan) sunat bahawa (ditinggikan kubur itu sejengkal melainkan pada negeri harbi) maka ia disulitkan. (Meratakan atasnya terafdhal) dari membonggolkannya iaitu menjadikannya seperti bonggol unta. (Tidak ditambahkan padanya), iaitu pada kubur, (diatas tanahnya. Dipercikkan keatasnya air) murni (dan diletakkan diatasnya kepungan).

(وَيُكْرَهُ تَجْصِيصُ) القبر أي تبييضه بجبس (وَبَدَاءُ) كقبة وبيت (وَخُلُوقٌ)، نوع من الطيب، (وَمَاءٌ وَرِدٍ وَكِتَابَةٌ) على القبر أو على لوح عند القبر. (وَ) كره أيضا وضع (مَخْدَّةٌ) تحت رأسه (وَ) وضع (مُضْرَبَةٌ) تفرش (تَحْتَهُ) كطراحة.

782. (Makruh mesimin) kubur iaitu memutihkannya dengan kapur, (dan binaan) seperti kubah dan bilik (dan khuluk) iaitu satu bagai daripada wangian, (dan air mawar dan tulisan) diatas kubur atau diatas papan disisi kubur, (dan) makruh juga meletakkan (bantal) di bawah kepalanya (dan) meletakkan (selimut kapas) yang dihamparkan (di bawahnya) seperti xx^{xii}.

(وَيُنْدَبُ لِلرَّجَالِ زِيَارَةُ الْقُبُورِ، وَلَا بِأَسْ بِمَشِيهِ)، أي الرجل عند الزيارة (فِي النَّعْلِ) بين القبور، ولا كراهة فيه.

783. (Sunat bagi lelaki ziarah kubur. Tidak mengapa berjalannya), iaitu lelaki di sisi ziarah, (dengan berselipar) di antara kubur, dan tidak ada karahah padanya.

(وَيَذْنُو) الزائر (منه) أي الميت (كحَيَاتِهِ). فإذا كان للميت في حياته منزلة تقضي بالبعد عنه عمل معه ذلك في الزيارة.

784. (Dekat) penziarah (dengannya), iaitu mayat, (sama seperti hidupnya). Maka apabila ada bagi mayat itu pada masa hidupnya satu kedudukan yang menuntut duduk jauh darinya diamalkan bersama mayatnya akan demikian itu pada ziarahnya.

(وَيَقُولُ إِذَا زَارَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ دَارَ)، أي يا أهل دار، (قَوْمٌ مُؤْمِنِينَ. وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ. وَيَقْرَأُ وَيَدْعُو لَهُمْ بِالْمَغْفِرَةِ. وَتَكَرَّرَهُ) الزيارة (لِلنِّسَاءِ) لكن في غير قبره ﷺ وقبر من يتبرك به من الصالحين.

785. (Dia berkata ketika ziarah akan "assalamualikum negeri), iaitu wahai penduduk negeri, (kaum yang beriman, dan sesungguhnya Aku insya-Allah akan menghubungi kamu". Dia membaca ayat-ayat Quran dan berdoa untuk mereka dengan keampunan. Makruh) ziarah (bagi perempuan), akan tetapi pada selain kubur nabi sawm dan kubur orang yang diambil berkat dengannya daripada orang-orang soleh.

(فَصَلِّ. يُنْدَبُ تَعْزِيَةً كُلُّ أَقْرَبِ الْمَيِّتِ إِلَّا الشَّابَّةَ الْأَجْنَبِيَّةَ) من المعزي، فهي لا يعزيها إلا محارمها. والتعزية عبارة عن الأمر بالصبر والتحذير من الجزع المفوت للأجر، والدعاء للميت بالرحمة وللمصاب بجبر المصيبة.

786. (Fasal. Sunat takziah setiap saudara-mara mayat melainkan perempuan muda yang ajnabi) dari yang mengucap takziah, maka tidak mentakziahkannya melainkan mahram-mahramnya. Takziah itu ibarat dari suruh dengan sabar dan amaran dari keluh kesah yang meluputkan pahala, dan doa bagi mayat dengan rahmat dan bagi yang kena musibah dengan tampungan musibah itu.

وتندب التعزية (من) وقت (الموت إلى ثلاثة أيام تقريباً)، وكونها (بعد الدفن) أولى. (ويكره الجلوس لها) بأن يجتمع أهل الميت ليأتيهم الناس للتعزية. (فلو كان) المعزى أو المصاب (عائياً فقدم بعد مدة) التعزية الثلاثة الأيام (عزاه).

787. Sunat takziah itu (mula dari) waktu (kematian hingga tiga hari lebih kurang). Dan keadaannya (selepas kebumi) terutama. (Makruh duduk untuknya) dengan bahawa berhimpun ahli mayat supaya orang ramai datang kepada mereka untuk menucapkan takziah. (Maka kalau adalah) yang mentakziah itu atau yang ditimpa musibah (ghaib maka dia tiba selepas tempoh) takziah tiga hari itu (dia mentakziahkannya).

(وَيَقُولُ فِي تَعْزِيَةِ الْمُسْلِمِ بِالْمُسْلِمِ: أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ وَأَحْسَنَ عَزَاكَ وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ، وَفِي) تعزية (المسلم بالكافر أعظم الله أجرك وأحسن عزاءك، وفي) تعزية (الكافر بالمسلم أحسن الله عزاءك وغفر لميتك، وفي) تعزية (الكافر بالكافر أخلف الله عليك ولا نقص عددك. ويذوي) المعزى (به)، أي القول

المذكور، (تَكْثِيرَ الْجِزْيَةِ) لأن إخلاف الله عليه بغير الميت فيه دعاء بإكثار الكافرين فيقصد لازمه وهو نفعنا بجزيتهم.

788. (Berkata seorang pada takziah seorang Islam dengan sebab seorang Islam "moga Allah membesarkan ganjaran kamu dan mengelokkan keselesaan kamu dan mengampunkan mayat kamu", dan pada) takziah (orang kafir dengan sebab orang Islam "moga Allah mengelokkan keselesaan kamu dan mengampunkan mayat kamu", dan pada) takziah (kafir dengan sebab kafir "moga Allah menggantikan kamu dan tidak mengurangkan bilangan kamu", dan berniat) orang yang mengucap takziah itu (dengannya), iaitu ucapan yang tersebut itu, (akan membanyakkan jizyah) kerana penggantian oleh Allah di atasnya dengan yang tidak mati terkandung doa dengan membanyakkan orang kafir maka dimaksudkan perkara yang melaziminya iaitu manfaat kita dengan jizyah mereka. (وَالْبُكَاءُ) عليه أي المحتضر (قَبْلَ الْمَوْتِ جَائِزٌ وَبَعْدَهُ) أي الموت (خِلَافُ الْأَوْلَى) لأنه شبه الأسف على ما فات.

789. (Menangis di atasnya), iaitu orang yang dihadhiri kematian, (sebelum matinya adalah harus, dan selepasnya), iaitu matinya, (menyalahi utama) kerana ia menyerupai kesal di atas suatu yang luput.

(وَيَحْرُمُ النَّدْبُ)، وهو عدّ محاسنه كأن يقول وا كَهْفَاهُ، (وَالنِّيَاحَةُ) وهي رفع الصوت بالندب، (وَاللِّطْمُ) وهو ضرب الخد (وَشَقُّ الثُّوبِ وَنَشْرُ الشَّعْرِ) وهو فكه.

790. (Haram berbiji saba), iaitu membilang-bilang kebajikannya seperti bahawa dia kata "xxx",^{xiii} (dan meratap), iaitu mengangkat suara dengan berbiji saba, (dan menampar), iaitu memukul pipi, (dan mengoyakkan baju dan menguraikan rambut) iaitu merungkainya.

(وَيُنْدَبُ لِأَقْرَابِ الْمَيِّتِ الْبُعْدَاءِ وَجِيرَانِهِ أَنْ يُصَلِّحُوا طَعَامًا لِأَهْلِ الْمَيِّتِ الْأَقْرَبِينَ يَكْفِيهِمْ يَوْمَهُمْ وَلَيْلَتَهُمْ، وَيُلْبِحُ عَلَيْهِمْ لِيَأْكُلُوا). واللح الإكثار من طلب الشيء. (وَمَا يَفْعَلُهُ أَهْلُ الْمَيِّتِ مِنْ إِصْلَاحِ الطَّعَامِ وَجَمْعِ النَّاسِ عَلَيْهِ بِدَعَا غَيْرِ حَسَنَةٍ)، بل تحرم إن كان في الورثة قاصر وعمل ذلك من التركة. وكذلك الجمع والوحشة والكفارة.

791. (Sunat bagi kaum kerabat mayat yang jauh dan jirannya menyediakan makanan untuk keluarga mayat yang dekat yang mencukupi mereka siang dan malam mereka, dan menggesa mereka makan). Gesa itu adalah banyak menyuruh sesuatu. (Apa yang dibuat oleh keluarga mayat daripada menyediakan makanan dan mengumpulkan orang ramai di atasnya adalah bid'ah yang tidak elok), bahkan haram jika ada pada para waris orang yang kurang dan demikian itu dibuat dari harta peninggalan. Begitu juga xxx^{xiv}.

(كِتَابُ الزَّكَاةِ)

وهي لغة التطهير والبركة والمدح وشرعاً اسم لما يخرج عن مال أو بدن على وجهه مخصوص.

792. @KITAB ZAKAT. Ia pada lughah adalah menyucikan dan keberkatan dan kepujian, dan pada syara' nama bagi barang yang dikeluarkan dari harta atau tubuh diatas wajahnya yang khusus.

(تَجِبُ الزَّكَاةُ عَلَى كُلِّ حُرٍّ مُسْلِمٍ) ولو صغيراً (تَمَّ مَلِكُهُ عَلَى نِصَابٍ حَوْلًا. فَلَا تُلْزَمُ الْمُكَاتَبُ) لفقد الحرية، (وَلَا) تلزم (الْكَافِرُ) الأصلي لفقد الإسلام. (وَأَمَّا الْمُرْتَدُّ فَإِنْ رَجَعَ إِلَى الْإِسْلَامِ لَزِمَهُ) إخراج الزكاة (لِمَا مَضَى، وَإِنْ مَاتَ مُرْتَدًّا فَلَا) تلزم فيه زكاة لأنه تبين أن لا مال له لأن ماله فيء للمسلمين.

793. (Wajib zakat keatas setiap orang merdeka yang Islam) walaupun budak kecil (yang sempurna pemilikannya diatas dishab selama satu haul. Maka ia tidak mezalimi mukatab) kerana luput sifat merdeka, (dan tidak) ia melazimi (kafir) asli kerana luput Islam. (Adapun kafir murtad maka jika dia kembali kepada Islam lazim dia) mengeluarkan zakat (pada apa yang telah lalu. Jika dia mati dalam keadaan murtad maka tidak) lazim zakat padanya kerana ternyata bahawa tidak ada harta baginya kerana hartanya menjadi fai' bagi orang Islam.

(وَيُلْزَمُ الْوَالِيَّ إِخْرَاجُهَا مِنْ مَالِ الصَّبِيِّ وَالْمَجْنُونِ. فَإِنْ لَمْ يُخْرِجْ عَصَى).
وقيم الحاكم يراجعه ويعمل بقوله. وهل العبرة بعقيدة الصبي أو الولي بأن كان أحدهما شافعيًا يرى الوجوب والآخر حنفيًا لا يرى الوجوب؟ وقد يقال العبرة في اللزوم وعدمه بعقيدة الصبي. (وَيُلْزَمُ الصَّبِيُّ وَالْمَجْنُونُ إِذَا صَارَا مُكَلَّفَيْنِ إِخْرَاجَ مَا أَهْمَلَهُ الْوَالِيُّ) من الزكاة في المدة الماضية.

794. (Lazim wali mengeluarkannya dari harta kanak-kanak dan orang gila. Maka jika dia tidak mengeluarkannya dia maksiat). Petugas dari pihak hakim merujuk kepada hakim dan beramal dengan katanya. Adakah perkiraan itu dengan pegangan kanak-kanak atau wali, dengan bahawa seorang daripada mereka bermazhab Syafi'e yang berpendapat wajibnya dan yang seorang lagi bermazhab Hanafi yang tidak memandang wajibnya? Dikatakan perkiraan pada lazim dan tidaknya adalah dengan pegangan kanak-kanak itu. (Lazim kanak-kanak dan orang gila apabila kedua mereka menjadi mukallaf mengeluarkan apa yang diabaikan oleh walinya) daripada zakat pada tempoh yang lalu.

(وَلَوْ غُصِبَ مَالُهُ أَوْ سُرِقَ أَوْ ضَاعَ أَوْ وَقَعَ فِي الْبَحْرِ أَوْ كَانَ لَهُ دَيْنٌ عَلَى مَمَاطِلٍ) لا يؤدي الحق بسهولة، (فَإِنْ قَدَرَ عَلَيْهِ)، أي على المال بأن صار تحت يده (بَعْدَ ذَلِكَ لَزِمَهُ زَكَاةُ مَا مَضَى) بين السنين. (وَالِإِلا)، بأن لم يقدر عليه (فَلَا) تلزمه الزكاة.

795. (Kalau hartanya dirampas atau dicuri atau hilang atau jatuh ke dalam laut atau ada baginya hutang keatas seorang yang pidai) yang tidak membayar hak dengan mudah (maka jika dia kuasa di atasnya), iaitu diatas harta itu dengan bahawa ia jadi berada di bawah tangannya, (selepas itu melaziminya zakat apa yang telah lalu) di antara tahun-tahun itu. (Jika tidak) dengan bahawa dia tidak kuasa di atasnya (maka tidak) melaziminya zakat itu.

(وَلَوْ آجَرَ دَارًا) له (سَنَتَيْنِ بِأَرْبَعِينَ دِينَارًا وَقَبْضَهَا)، أي الدنانير، (وَبَقِيَتْ فِي مَلِكِهِ إِلَى آخِرِ السَّنَتَيْنِ) لم يتصرف فيها وقد تساوت أجرة السنتين، (فَإِذَا حَالَ الْحَوْلُ الْأَوَّلُ زَكَى عَشْرِينَ فَقَطْ). ويعتبر الحول من وقت قبضها لاستقرار ملكه عليها من حينئذ. وأما قبل ذلك فملكه لها ضعيف يشبه ملك المكاتب لجواز هلاك العين المؤجرة فتفسخ الإجارة فتعود لمالكها.

796. (Kalau dia menyewakan sebuah rumah) miliknya (selama dua tahun dengan empat puluh dinar dan dia menggenggamnya), iaitu dinar-dinar itu, (dan kekal ia didalam pemilikannya hingga akhir dua tahun itu), dia tidak tasarruf padanya, dan sungguh sama banyaklah sewa dua tahun itu, (maka apabila cukup haul pertama dia zakatkan dua puluh sahaja). Dikiraan haul itu dari waktu dia menggenggamnya kerana jadi tetap pemilikannya diatas dinar itu mula dari waktu itu. Adapun sebelum demikian itu maka pemilikan dia diatasnya lemah, menyerupai pemilikan mukatab, kerana harus binasa ain yang disewakan itu maka terfasakh sewaanannya maka ia kembali kepada pemilikannya.

(وَإِذَا حَالَ الْحَوْلُ الثَّانِي) أي تم (زَكَى الْعَشْرِينَ الَّتِي زَكَاهَا لِسَنَةِ)، أي يخرج عنها زكاة سنة. (وَزَكَى الْعَشْرِينَ الَّتِي لَمْ يُزَكَّهَا لِسَنَتَيْنِ)، أي يخرج عنها زكاة سنتين لتبين أنه استقر ملكه عليها من منذ سنتين.

797. (Apabila sampai haul kedua), iaitu sempurna ia, (dia zakatkan dua puluh yang telah dia zakatkannya bagi setahun), iaitu dia mengeluarkan darinya akan zakat setahun, (dan dia zakatkan dua puluh yang belum dia zakatkan bagi dua tahun itu), iaitu dia keluarkan darinya zakat dua tahun kerana ternyata bahawa telah tetap pemilikan dia diatasnya sejak dua tahun itu.

(وَلَوْ مَلَكَ نَصَابًا فَقَطْ وَعَلَيْهِ مِنَ الدَّيْنِ مِثْلُهُ لَزِمَهُ زَكَاةُ مَا بِيَدِهِ، وَالَّذِينَ لَا يَمْنَعُ الْوَجُوبَ)، أي وجوب الزكاة فيما بيده.

798. (Kalau dia memilik satu nishab sahaja dan ada diatasnya hutang seumpama banyaknya melazimi dia oleh zakat apa yang ada pada tangannya, dan hutang itu tidak menegah wajibnya), iaitu wajib zakat pada apa yang pada tangannya.

(وَلَا تَجِبُ الزَّكَاةُ إِلَّا فِي الْمَوَاشِي) الإبل والبقر والغنم (و) ما يقات من (النَّبَاتِ، وَالذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَعُرُوضِ التِّجَارَةِ وَمَا يُوجَدُ مِنَ الْمَعْدِنِ، وَالرِّكَازِ) الذي هو دفين الجاهلية.

799. **(Tidak wajib zakat melainkan pada haiwan ternakan)**, unta dan lembu dan kambing, **(dan)** apa yang dijadikan makanan mengenyangkan daripada **(tumbuh-tumbuhan, dan emas dan perak dan barangan perniagaan dan apa yang didapati daripada galian-galian, dan rikaz)** yang ianya adalah harta yang ditanam oleh kaum jahiliyah

(وَتَجِبُ الزَّكَاةُ فِي عَيْنِ الْمَالِ) إِن تَعَلَّقْتَ بِالْعَيْنِ وَهُوَ مَا عَدَا التَّجَارَةَ، (لَكِنْ لَوْ أَخْرَجَ) الْمَالِكُ الزَّكَاةَ (مِنْ غَيْرِهِ)، أَي مِنْ غَيْرِ مَا تَعَلَّقْتَ بِهِ، (جَازٌ)، كَأَنْ أُخْرِجَ شَاةٌ عَنْ أَرْبَعِينَ عَنَزًا تَسَاوَى قِيَمَةَ الْعَنَزِ.

800. **(Wajib zakat pada ain harta)** jika ia bergantung dengan ain itu dan ia ia selain barang perniagaan, **(akan tetapi kalau mengeluarkan)** pemilik akan zakat **(dari selainnya)**, iaitu selain apa yang bergantung ia dengannya, **(harus ia)**, seperti bahawa dia mengeluarkan seekor kambing jantan dari empat puluh kambing betina yang menyamai nilai kambing betina.

(فَبِمُجَرَّدِ حَوْلَانِ الدَّوْلِ يَمْلِكُ الْفُقَرَاءُ مِنَ الْمَالِ قَدْرَ الْفَرَضِ) وَيَصِيرُونَ شُرَكَاءَ مَعَ الْمَالِكِ فَيَنْقُصُ مَلَكَهُ، (حَتَّى لَوْ مَلَكَ مِائَتِي دِرْهَمٍ فَقَطْ وَلَمْ يُزَكَّهَا أَحْوَالًا لَزِمَهُ الزَّكَاةُ لِلْسَّنَةِ الْأُولَى فَقَطْ) لِنَقْصِ مَلَكَهُ بِمَقْدَارِ مَا مَلَكَهُ الْفُقَرَاءُ فَنَقْصَ النَّصَابِ.

801. **(Maka dengan semata-mata cukup haul para fakir memilik daripada harta itu akan kadar fardhu zakat)** dan jadilah mereka rakan syarikat pemilikinya lalu kurang pemilikannya, **(hinggakan kalau dia memilik dua ratus dirham sahaja dan dia tidak menzakatkannya selama beberapa haul melazimi dia zakat tahun pertama sahaja)** kerana kurang pemilikannya dengan kadar apa yang dimiliki oleh para fakir itu, maka kuranglah nishabnya.

(وَلَوْ تَلَفَ مَالُهُ كُلَّهُ بَعْدَ الدَّوْلِ وَقَبْلَ التَّمَكُّنِ مِنَ الْإِخْرَاجِ سَدَقْتَ الزَّكَاةَ) لَوْجُودِ التَّلَفِ مِنْ غَيْرِ تَقْصِيرٍ، (وَإِنْ تَلَفَ بَعْضُهُ بِحَيْثُ نَقَصَ عَنِ النَّصَابِ لَزِمَهُ) أَنْ يَخْرُجَ (بِقِسْطِ الْبَاقِيِ وَسَدَقْتَ بِقِسْطِ التَّالِفِ) كَأَنْ كَانَ مَالُهُ مِائَتَيْنِ فَتَلَفَ مِائَةً بَعْدَ الدَّوْلِ لَزِمَهُ زَكَاةُ الْبَاقِيِ وَهُوَ وَاحِدٌ وَنِصْفٌ. (وَإِنْ تَلَفَ مَالُهُ كُلَّهُ أَوْ بَعْضُهُ بَعْدَ الدَّوْلِ وَالتَّمَكُّنِ لَزِمَهُ زَكَاةُ الْبَاقِيِ وَالتَّالِفِ) فَيَلْزِمُهُ فِي الْمِثَالِ الْمَتَقَدِّمِ اثْنَانِ وَنِصْفٌ.

802. **(Kalau semua hartanya binasa selepas haul dan sebelum terbolehdikeluarkan gugurlah zakat itu)** kerana ujud binasa tanpa kecuaiannya, **(dan jika binasa sebahagiannya sekira-kira kurang ia dari nishab lazim dia)** mengeluarkan **(agihan yang berbaki dan gugur agihan yang binasa itu)** seperti bahawa hartanya dua ratus maka binasa seratus selepas haul melazimi dia zakat yang berbaki iaitu satu setengah. **(Jika binasa hartanya semuanya atau sebahagiannya selepas haul dan terbolehdikeluarkannya melaziminya zakat yang berbaki dan yang binasa itu)** maka melaziminya pada contoh yang terdahulu dua dan setengah.

وَلَوْ زَالَ مِلْكُهُ فِي الْحَوْلِ وَلَوْ لَحْظَةً كَانَ وَهَبَ مَا يَمْتَلِكُهُ (ثُمَّ عَادَ إِلَى مِلْكِهِ فِي الْحَوْلِ أَوْ لَمْ يَعْذُ أَوْ مَاتَ فِي أَثْنَاءِ الْحَوْلِ سَقَطَتِ الزَّكَاةُ) فِي تِلْكَ الصُّورِ. وَيَبْتَدِئُ الْمُشْتَرِي وَالْوَارِثُ الْحَوْلَ مِنْ حِينَ مَلَكَ الْمَالَ) بِالشَّرَاءِ وَالْوَرَاثَةِ.

803. (Kalau pemilikannya hilang didalam haul walaupun sedetik) seperti bahawa dia menghibahkan apa yang dia miliki (kemudian ia kembali kepada pemilkannya pada haul itu atau tidak kembali atau dia mati di tengah haul itu gugurlah zakatnya) pada rupa-rupa masalah ini. (Pembeli dan waris memulakan haul dari saat dia memilik harta itu) dengan beli atau pusaka

(لَكِنْ لَوْ أَزَالَ) الشَّخْصَ (مِلْكُهُ فِي الْحَوْلِ فِرَارًا مِنَ الزَّكَاةِ) وَحِيلَةً لِدَفْعِهَا عَنْهُ (فَأَنَّهُ يُكْرَهُ) تَنْزِيهًا. (وَالْأَصْحَحُّ أَنَّهُ حَرَامٌ) لِأَنَّ حِكْمَةَ الْإِشْرَاعِ فِي الزَّكَاةِ نَفْعُ الْمُسْتَحِقِّ وَتَطْهِيرُ الدَّافِعِ مِنَ الْبُخْلِ وَقَدْ فَاتَ ذَلِكَ بِمَا فَعَلَهُ فَحَرَّمَ. (وَ) مَعَ الْحَرَمَةِ (يَصِحُّ الْبَيْعُ) وَكُلُّ عَقْدٍ يَزِيلُ الْمَلَكَ.

804. (Akan tetapi kalau) seorang (menghilangkan pemilikannya didalam haul kerana hendak lari dari zakat) dan berhela untuk menolaknya dari dirinya (maka ia makruh) sebagai makruh tanzih. (Yang paling sahih bahawa ianya haram) kerana hikmah syari' pada zakat adalah manfaat bagi orang yang berhak dan penyucian diri orang yang mengeluarkannya dari sifat bakhil yang mana demikian itu luput dengan apa yang dia lakukan maka ianya haram. (Dan) serta haram itu (sah jualannya) dan setiap akad yang menghilangkan pemilikannya.

(وَلَوْ بَاعَ) الشَّيْءَ الَّذِي تَجِبُ الزَّكَاةُ فِي عَيْنِهِ (بَعْدَ الْحَوْلِ وَقَبْلَ الْإِخْرَاجِ بَطُلٌ) الْبَيْعِ (فِي قَدْرِ الزَّكَاةِ) لِمَلِكِ الْمُسْتَحِقِّ لَهُ، (وَصَحَّ فِي الْبَاقِي) وَهُوَ مَا يَخْصُ الْمَالِكِ.

805. (Kalau dia menjual) barang yang wajib zakat padanya ainnya (selepas haul dan sebelum ia dikeluarkan batal) jualan itu (pada kadar zakatnya) kerana pemilkkan orang-orang yang berhak terhadapnya, (dan sah ia pada bakinya), iaitu apa yang khusus buat pemiliknya.

(بَابُ صَدَقَةِ الْمَوَاشِي)

(لَا تَجِبُ الزَّكَاةُ إِلَّا فِي الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ وَالْغَنَمِ)، فَلَا تَجِبُ فِي الْخَيْلِ مِثْلًا. (فَمَتَى مَلَكَ مِنْهَا)، أَيِ الْإِبِلِ وَمَا بَعْدَهَا، (نِصَابًا). شَرْطُ أَوَّلٍ. فَلَوْ مَلَكَ أَقْلَ مِنْهُ لَمْ تَجِبْ. (حَوْلًا كَامِلًا). شَرْطُ ثَانٍ. (وَإِسَامَةً). شَرْطُ ثَالِثٍ. (كُلُّ الْحَوْلِ). شَرْطُ رَابِعٍ. (لِزِمَتِهِ الزَّكَاةُ). فَلَا تَجِبُ الزَّكَاةُ فِي الْمَوَاشِي إِلَّا بِهَذِهِ الشَّرُوطِ.

806. @BAB SEDEKAH TERNAKKAN. (Tidak wajib zakat melainkan pada unta dan lembu dan kambing), maka tidak wajib ia pada kuda sebagai contoh. (Maka bila dia memilik daripadanya), iaitu unta dan apa yang selepasnya, (satu nishab) -syarat pertama, maka kalau dia memilik kurang

daripadanya tidak wajib ia- (**selama satu haul cukup**) -syarat kedua- (**dan dia meragut dipadang**) -syarat ketiga- (**sepanjang haul**) -syarat keempat- (**melaziminya zakatnya**). Maka tidak wajib zakat pada ternakan melainkan dengan syarat-syarat ini.

(إِلَّا أَنْ تَكُونَ مَاشِيَتُهُ عَامِلَةً مِثْلُ أَنْ تَكُونَ مُعَدَّةً لِلْحَرَاثَةِ أَوْ الْحَمَلِ) عَلَيْهَا أَوْ لِلنَّضْحِ أَيْ إِخْرَاجِ الْمَاءِ مِنَ الْبَيْرِ مِثْلًا (فَلَا زَكَاةَ فِيهَا).

807. (**melainkan bahawa adalah ternakannya bekerja seumpama bahawa ia disediakan untuk kerja tenggalaan atau ditanggungkan barang**) diatasnya atau untuk mengambil air iaitu mengeluarkan air dari telaga sebagai contoh. (**Maka tidak ada zakat padanya**).

(وَالْمُرَادُ بِالْإِسَامَةِ أَنْ تُرْعَى مِنَ الْكَلَاءِ) أَيْ الْحَشِيشِ (الْمُبَاحِ) فَلَوْ عَلَفَهَا زَمَانًا طَوِيلًا (لَا تَعِيشُ) الْمَعْلُوفَةُ (دُونَهُ)، أَيْ دُونَ الْعَلْفِ فِي هَذَا الزَّمَانِ، (لَوْ تَرَكْتَ الْأَكْلَ سَقَطَتِ الزَّكَاةُ) لِأَنَّهَا خَرَجَتْ بِذَلِكَ عَنْ كَوْنِهَا سَائِمَةً كُلِّ الْحَوْلِ. (وَإِنْ كَانَ) الزَّمَانُ الَّذِي عَلَفْتَ فِيهِ (أَقْلًا) بِأَنْ عَلَفْتَ زَمَانًا لَوْ تَرَكْتَ الْأَكْلَ فِيهِ تَعِيشَ بِلَا ضَرَرٍ وَلَمْ يَقْصِدْ بِهِ قَطْعَ السَّمُومِ (فَلَا يُؤَثِّرُ) ذَلِكَ الْعَلْفَ فِي وَجُوبِ الزَّكَاةِ.

808. (**Yang dikehendaki dengan makan dipadang itu bahawa ia digembalai dipadang**), iaitu pada rumput (**yang mubah. Maka kalau dia memberinya umpan dalam satu masa**) yang panjang yang (**tidak hidup**) ternakan yang diberi umpan itu (**tanpanya**), iaitu tanpa umpan itu dalam masa ini, (**kalau ia tidak makan gugurlah zakatnya**) kerana ia keluar dengan demikian itu dari keadaannya makan dipadang sepanjang tahun. (**Jika adalah**) masa yang ia diberi umpan padanya (**singkat**) dengan bahawa ia diberi umpan dalam masa yang jikalau ia meninggalkan makan padanya nescaya ia hidup tanpa mudharat dan tidak dimaksudkan dengannya untuk memutuskan gembalaan (**maka tidak berkesan**) umpan itu pada wajib zakatnya.

(وَأَوَّلُ نِصَابِ الْإِبِلِ خَمْسٌ، فَتَجِبُ فِيهَا شَاةٌ مِنْ غَنَمِ الْبِلَادِ وَهِيَ جَذَعَةٌ مِنَ الضَّأْنِ وَهِيَ مَا لَهَا سِنَّةٌ، أَوْ ثَنِيَّةٌ مِنَ الْمَعَزِّ وَهِيَ مَا لَهَا سِنْتَانِ. وَيُجْزَى الذَّكْرُ) مِنْ جَذَعِ الضَّأْنِ أَوْ ثَنَى الْمَعَزِّ. (وَلَوْ كَانَتِ الْإِبِلُ إِنَاثًا. وَفِي عَشْرِ شَاتَانِ وَفِي خَمْسَةِ عَشْرٍ ثَلَاثَ شِيَاهِ وَفِي عَشْرَيْنِ أَرْبَعَ شِيَاهِ. فَإِنْ أَخْرَجَ عَنِ الْعَشْرَيْنِ فَمَا دُونَهَا بَعِيرًا يُجْزَى عَنْ خَمْسٍ وَعَشْرَيْنِ) وَهِيَ بِنْتُ مَخَاضٍ (قَبْلَ مِنْهُ) وَوَقَعَ جَمِيعُهُ فَرَضًا.

809. (**Awal nishab unta lima ekor, maka wajib padanya seekor kambing daripada kambing tempatan, iaitu biri-biri jaz'ah iaitu yang berumur setahun atau kambing kacang ma'iez iaitu yang berumur dua tahun. Memada yang jantan**) daripada bebiri jaz'ah atau kambing ma'iez (**walaupun adalah unta-unta itu betina, dan pada dua puluh ekor dua ekor kambing, dan pada lima belas tiga ekor kambing, dan pada dua puluh**

empat ekor kambing. Maka jika dia mengeluarkan dari dua puluh maka kurang daripadanya seekor unta yang memada dari dua puluh lima) iaitu unta binti makhad (diterima ia darinya) dan jatuhlah semuanya sebagai fardhu.

(وَ) يجب (فِي خَمْسٍ وَعِشْرِينَ) مِنَ الْإِبِلِ (بِنْتُ مَخَاضٍ وَهِيَ الَّتِي لَهَا سِنَّةٌ وَدَخَلَتْ فِي الثَّانِيَةِ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي إِبِلِهِ بِنْتُ مَخَاضٍ أَوْ كَانَتْ) موجودة (وَ) لكن (هِيَ مَعِيْبَةٌ قَبْلَ مِنْهُ ابْنُ لَبُونٍ ذَكَرًا أَوْ خُنْثَى) عن بنت المخاض. (وَهُوَ)، أي ابن اللبون، (مَا لَهُ سِنَتَانِ وَدَخَلَ فِي الثَّالِثَةِ).

810. (Dan) wajib (pada dua puluh lima) ekor unta (seekor binti makhad iaitu unta yang berumur setahun dan masuk pada tahun yang kedua. Maka jika tidak ada pada unta-untanya binti makhad atau ianya) ada akan tetapi (ia cacat diterima darinya seekor ibnu labun, jantan atau khunsa) ganti dari binti makhad. (Ianya) iaitu ibnu labun itu (unta yang berumur dua tahun dan masuk pada tahun ketiga).

(وَلَوْ مَلَكَ بِنْتُ مَخَاضٍ كَرِيمَةً) بأن كانت سمينة (لَمْ يُكَلِّفْ إِخْرَاجَهَا) عن إبله المهازيل (لَكِنْ لَيْسَ لَهُ الْعُدُولُ إِلَى ابْنِ لَبُونٍ فَيَلْزِمُهُ تَحْصِيلُ بِنْتِ مَخَاضٍ) مهزولة (أَوْ يَسْمَحُ بِالْكَرِيمَةِ إِنْ شَاءَ).

811. (Kalau dia memilik binti makhad yang elok) dengan bahawa ia gemuk (tidak diberati dia mengeluarkannya) dari unta-untanya yang kurus, (akan tetapi tidak boleh dia berpaling kepada ibni labun, maka lazim dia menghasilkan binti makhad) yang kurus (atau dia membenarkan yang elok itu jika dia mahu),

(وَ) يجب (فِي سِتِّ وَثَلَاثِينَ بِنْتُ لَبُونٍ، وَفِي سِتِّ وَأَرْبَعِينَ حِقَّةً وَهِيَ الَّتِي ثَلَاثَ سِنِينَ وَدَخَلَتْ فِي الرَّابِعَةِ، وَفِي إِحْدَى وَسِتِّينَ جَذَعَةً وَهِيَ الَّتِي لَهَا أَرْبَعُ سِنِينَ وَدَخَلَتْ فِي الْخَامِسَةِ، وَفِي سِتِّ وَسَبْعِينَ بِنْتًا لَبُونٍ، وَفِي إِحْدَى وَتِسْعِينَ حِقَّتَانِ، وَفِي مِائَةٍ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ ثَلَاثَ بَنَاتِ لَبُونٍ).

812. (Dan) wajib (pada tiga puluh enam seekor binti labun, dan pada empat puluh enam seekor hiqqah iaitu unta yang berumur tiga tahun dan masuk pada tahun keempat, dan pada enam puluh satu seekor jaz'ah iaitu unta yang berumur empat tahun dan masuk pada tahun kelima, dan pada tujuh puluh enam dua ekor binti labun, dan pada sembilan puluh satu dua ekor hiqqah, dan pada seratus dua puluh satu tiga ekor binti labun).

(فَإِنْ زَادَتْ إِبِلُهُ عَلَى ذَلِكَ) تسعا بعد الواحدة ثم عشرة فلا يتغير الحساب إلا بذلك (وَجَبَ فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ بِنْتُ لَبُونٍ، وَ) يجب (فِي كُلِّ خَمْسِينَ حِقَّةً. فَفِي مِائَةٍ وَثَلَاثِينَ حِقَّةً وَبِنْتًا لَبُونٍ، وَفِي مِائَةٍ وَأَرْبَعِينَ بِنْتُ لَبُونٍ وَحِقَّتَانِ، وَفِي

مِائَةٌ وَخَمْسِينَ ثَلَاثُ حِقَاقٍ، وَفِي مِائَتَيْنِ أَرْبَعُ حِقَاقٍ) باعتبار حسابها،
(خَمْسِينَ، أَوْ خَمْسُ بَنَاتٍ لِبُؤْنٍ) باعتبار حسابها (أَرْبَعِينَ).

813. (Maka jika bertambah untanya diatas demikian itu), sembilan selepas satu kemudian sepuluh, maka tidak berubah kiraan melainkan dengan demikian itu (wajib pada setiap empat puluh ekor seekor binti labun, dan) wajib (pada setiap lima puluh ekor seekor hiqqah. Maka pada seratus tiga puluh ekor seekor hiqqah dan dua ekor binti labun, dan pada seratus empat puluh ekor seekor binti labun dan dua ekor hiqqah, dan pada seratus lima puluh ekor tiga ekor hiqqah, dan pada dua ratus ekor empat ekor hiqqah) dengan iktibar kiraannya (lima puluh lima puluh lima puluh, atau lima binti labun) dengan iktibar kiraannya (empat puluh empat puluh empat puluh).

(فَإِنْ كَانَ فِي مِلكِهِ خَمْسُ بَنَاتٍ لِبُؤْنٍ وَأَرْبَعُ حِقَاقٍ لَزِمَهُ الْأَعْبَاطُ لِلْفُقَرَاءِ)، أَي الْأَحْظَ، بَأَن كَانَ أَحَدُهُمَا أَعْلَى قِيمَةً مِنَ الْآخِرِ. (فَإِنْ قَدَدَهُمَا حَصَلَ مَا شَاءَ مِنْهُمَا) وَلَا يَتَّقِدُ بِالْأَحْظِ.

814. (Maka jika ada dalam miliknya lima ekor binti labun dan empat ekor hiqqah melaziminya yang paling menguntungkan bagi para fakir), iaitu yang paling sesuai habuannya, dengan bahawa adalah satu daripada keduanya lebih tinggi nilai dari yang satu lagi. (Maka jika dia luputkan keduanya dia menghasilkan apa yang dia mahu daripada keduanya) dan tidak terkait ia dengan yang paling menguntungkan.

(وَإِنْ كَانَ فِي مِلكِهِ أَحَدُ الصَّنْفَيْنِ دُونَ الْآخَرِ دَفَعَهُ) وَلَا يَلْزِمُهُ تَحْصِيلُ الصَّنْفِ الْآخَرِ وَإِنْ كَانَ أَنْفَعُ (وَمَنْ لَزِمَهُ سِرٌّ) كَبِنْتِ مَخَاضٍ (وَلَيْسَ عِنْدَهُ صِعْدٌ دَرَجَةً وَاحِدَةً) بَأَن يَصْعَدَ لِبِنْتِ لِبُؤْنٍ (وَأَخَذَ شَاتَيْنِ) مِنَ الْإِبِلِ (تُجْزِيَانِ فِي عَشْرِ مِنَ الْإِبِلِ) بَأَن تَكُونَ الْأَشَاةُ جِذَعَةً (أَوْ عَشْرَيْنِ دِرْهَمًا) وَيُقَالُ لَمَّا أَخَذَهُ جِبْرَانٌ وَالِدَافِعَ لَهُ هُنَا السَّاعِي، (أَوْ نَزَلَ دَرَجَةً) بَأَن لَزِمَهُ حَقَّةٌ وَلَمْ تَكُنْ عِنْدَهُ فَنَزَلَ إِلَى بِنْتِ لِبُؤْنٍ (وَدَفَعَ شَاتَيْنِ أَوْ عَشْرَيْنِ دِرْهَمًا) وَالِدَافِعَ هُنَا الْمَرْكِي

815. (Dan jika ada didalam miliknya satu daripada dua jenis itu tidak yang satu lagi dia memberikannya), dan tidak lazim dia menghasilkan jenis yang satu lagi, sekalipun adalah ia lebih bermanfaat. (Orang yang melazimnya satu umur) seperti binti makhad (sedang ia tidak ada di sisinya dia naik kepada satu darjat) dengan bahawa dia naik kepada binti labun (dan dia mengambil dua ekor kambing) dari seekor unta (yang memada pada sepuluh ekor unta), dengan bahawa adalah kambing itu jaz'ah, (atau dua puluh dirham). Dipanggil apa yang dia ambil itu tampungan. Yang memberikan kepada dia di sini adalah amil zakat. (atau dia turun satu darjat), dengan bahawa melazimnya hiqqah sedang ia tidak ada di sisinya maka dia turun kepada binti labun (dan dia memberikan dua ekor kambing

atau dua puluh dirham). Yang memberikan di sini adalah orang yang mengeluarkan zakat.

(وَلَوْ أَرَادَ أَنْ يَنْزُلَ أَوْ يَصْعَدَ دَرَجَتَيْنِ) بَانَ لَزِمَهُ حَقَّةٌ وَلَمْ تَكُنْ عِنْدَهُ فَأَرَادَ أَنْ يَنْزُلَ إِلَى بِنْتِ مَخَاضٍ، أَوْ لَزِمَهُ بِنْتُ لَبُونٍ وَلَمْ يَجِدْهَا فَأَرَادَ أَنْ يَصْعَدَ إِلَى جَذْعَةٍ وَيَكُونُ ذَلِكَ (بِجَبْرَانَيْنِ، فَإِنْ فَقَدَ أَيْضًا الدَّرَجَةَ الْقُرْبَى) بَانَ فَقَدَ فِي بِنْتِ الْمَخَاضِ بِنْتُ اللَّبُونِ وَفِي الْجَذْعَةِ الْحَقَّةُ (جَازَ. وَإِنْ وَجَدَهَا فَلَا. وَالْإِخْتِيَارُ فِي الصُّعُودِ وَالنُّزُولِ لِلْمُرَكِّي وَفِي الْغَنَمِ وَالذَّرَاهِمِ لِمَنْ أَعْطَاهُ) سَاعِيًا أَوْ مَرْكَبِيًا. (وَلَا يَدْخُلُ الْجَبْرَانُ) بِالرَّفْعِ أَوْ النُّزُولِ (فِي الْغَنَمِ وَالْبَقَرِ).

816. (Kalau dia hendak turun atau naik kepada dua darjat) dengan bahawa melaziminya hiqqah dan ianya tidak ada di sisinya maka dia hendak turun kepada binti makhad, atau melaziminya binti labun dan dia tidak mendapatnya maka dia hendak naik kepada jaz'ah yang mana adalah demikian itu (dengan dua tampungan, maka jika tidak didapati juga darjat yang dekat) dengan bahawa dia tidak mendapat pada binti makhad akan binti labun dan pada jaz'ah akan hiqqah (harus ia. Dan jika dia mendapatnya maka tidak harus. Pilihan pada naik dan turun itu bagi si pemberi zakat, dan pada kambing dan dirham-dirham bagi orang yang dia berikan kepadanya), amil zakat atau orang yang diberikan zakat. (Tidak masuk tampungan itu) dengan naik atau turun (pada kambing dan lembu).

(وَأَوَّلُ نِصَابِ الْبَقَرِ ثَلَاثُونَ) بَقْرَةٌ ذَكَرًا أَوْ أُنْثَى، (فَيَجِبُ فِيهَا تَبِيعٌ، وَهُوَ مَا) مَضَى (لَهُ سَنَةٌ وَدَخَلَ فِي الثَّانِيَةِ، وَفِي أَرْبَعِينَ مُسِنَّةً وَهِيَ مَا لَهَا سَدَّتَانِ وَدَخَلَتْ فِي الثَّلَاثَةِ، وَفِي سِتِّينَ تَبِيعَانِ. وَعَلَى هَذَا) فَفَسَ (أَبَدًا، فِي كُلِّ ثَلَاثِينَ تَبِيعٌ وَفِي كُلِّ أَرْبَعِينَ مُسِنَّةً).

817. (Awal nishab lembu tiga puluh) ekor lembu, jantan atau betina. (Maka wajib padanya seekor tabi' iaitu lembu) yang berlalu (baginya setahun dan masuk ia pada tahun kedua, dan pada empat puluh ekor seekor musinnah iaitu lembu yang baginya dua tahun dan masuk pada tahun ketiga, dan pada enam puluh ekor dua ekor tabi'. Diatas ini) maka kiaskanlah (selama-lama, pada setiap tiga puluh ekor seekor tabi' dan pada setiap empat puluh ekor seekor musinnah).

فَإِذَا بَلَغَتْ مِائَةً وَعِشْرِينَ فَهِيَ كِبْلُوغُ الْإِبِلِ مَائَتَيْنِ. فَيَلْزِمُهُ هُنَا ثَلَاثُ مَسْنَاتٍ أَوْ أَرْبَعَةٌ أَتْبَعَةٌ. فَإِنْ كَانُوا فِي مَلِكِهِ جَمِيعًا لَزِمَهُ الْأَحْظُ لِلْفُقَرَاءِ، وَإِنْ كَانَ فِي مَلِكِهِ أَحَدُ الصَّنْفَيْنِ دَفَعَهُ، وَلَا يَلْزِمُهُ الْآخَرُ وَإِنْ كَانَ أَحْظُ لِلْفُقَرَاءِ.

818. Maka apabila ia sampai seratus dua puluh maka ia sama seperti sampai unta dua ratus ekor, maka melaziminya di sini tiga ekor musinnah atau empat ekor tabi'. Maka jika mereka ada pada miliknya semua sekali melaziminya yang lebih menguntungkan bagi para fakir. Jika ada pada miliknya satu daripada dua jenis itu dia memberikannya, dan tidak melaziminya yang satu lagi sekalipun ia lebih menguntungkan bagi fakir-fakir.

(وَأَوَّلُ نِصَابِ الْغَنَمِ أَرْبَعُونَ. فَتَجِبُ فِيهَا شَاةٌ جَذَعَةٌ ضَانٌّ أَوْ ثَبِيَّةٌ مَعَزٌ، وَفِي مِائَةٍ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ شَاتَانِ، وَفِي مِائَتَيْنِ وَوَاحِدَةٍ ثَلَاثَ شِيَاهٍ، وَفِي أَرْبَعِمِائَةٍ أَرْبَعُ شِيَاهٍ. ثُمَّ هَكَذَا أَبَدًا فِي كُلِّ مِائَةٍ شَاةٍ). فلو ملك أربعين ضأنًا، أجزاء معازة، وبالعكس لأن الجنس واحد. (وَهَذِهِ الْأَوْقَاصُ)، جمع وقص، وهو ما بين الفرضيين من الأعداد كما بين أربعين ومائة وإحدى وعشرين، فهذه الأعداد وأمثالها (الَّتِي بَيْنَ النَّصَبِ عَفْوٌ لَا شَيْءَ فِيهَا).

819. (Awal nishab kambing empat puluh ekor, maka wajib padanya seekor kambing, bebiri jaz'ah atau kambing kacang thaniyyah, dan pada seratus dua puluh satu dua ekor kambing, dan pada dua ratus satu tiga ekor kambing, dan pada empat ratus empat ekor kambing. Kemudian beginilah selama-lama, pada setiap seratus ekor seekor). Maka kalau dia memiliki empat puluh kambing bebiri memadainya seekor kambing kacang, dan sebaliknya kerana jenisnya satu. (Ini always), iaitu apa ang di antara dua fardhu daripada bilang-bilangan seperti mana di antara empat puluh dan seratus dua puluh satu, maka bilangan ini dan yang seumpamanya (yang di antara nishab-nishab adalah dimaafkan tidak ada suatu padanya).

(وَمَا يَنْتُجُ مِنَ النَّصَابِ) كأن كان عنده أربعون شاة فولدت (فِي أَثْنَاءِ الْحَوْلِ) ما بلغت به مائة وإحدى وعشرين فإن هذا الزائد (يُزَكِّي لِحَوْلِ أَصْلِهِ)، بأن يجعل حول أصله حولا له، (وَأِنْ لَمْ يَمْضِ عَلَيْهِ حَوْلٌ. سِوَاءَ بَقِيَّتِ الْأُمَّهَاتِ أَوْ مَاتَتْ كُلُّهَا. فَلَوْ مَلَكَ أَرْبَعِينَ شَاةً فَوَلَدَتْ قَبْلَ تَمَامِ الْحَوْلِ بِشَهْرٍ أَرْبَعِينَ) سخلة (وَمَاتِ الْأُمَّهَاتُ لَزِمَهُ شَاةٌ لِلنَّتَاجِ) لا للأمهات.

820. (Apa yang terhasil daripada nishab) seperti bahawa ada di sisinya empat puluh ekor kambing maka beranak (di tengah haul) apa yang sampai dengannya seratus dua puluh satu maka tambahan ini (dizakat menurut haul asalnya), dengan bahawa dijadikan haul asalnya sebagai haulnya, (sekalipun tidak berlalu diatasnya satu haul, sama sahaja kekal induk-induknya atau telah mati kesemuanya. Maka kalau dia memilik empat puluh ekor kambing maka beranak sebelum sempurna haul didalam sebulan akan empat puluh ekor) anak kambing (dan mati induk-induknya melaziminya seekor kambing kerana anak-anak itu), bukan kerana induk-induknya.

(فَإِنْ كَانَتْ مَاشِيَّتُهُ مَرَاضًا أَخَذَ مِنْهَا مَرِيضَةً مُتَوَسِّطَةً) لو كانت غنمه متوسطة المرض، (أَوْ) كانت ماشيته (صِحَاحًا أَخَذَ مِنْهَا صَحِيحَةً، أَوْ بَعْضُهَا صِحَاحًا وَبَعْضُهَا مَرَاضًا أَخَذَ) منها (صَحِيحَةً بِالْقِسْطِ)، أي برعاية القيمة،

821. (Maka jika adalah ternakannya sakit-sakit diambil daripadanya seekor yang sederhana sakit) kalau adalah kambingnya sederhana sakit, (atau) adalah ternakannya (sihat-sihat diambil daripadanya yang sihat,

atau sebahagiannya sihat dan sebahagiannya sakit diambil) daripadanya (yang sihat dengan agihan), iaitu dengan memeljhara nilainya.

(فَإِذَا مَلَكَ أَرْبَعِينَ) شاة (يَصِفُهَا صِحَاحٌ قُلْنَا لَوْ كَانَتْ كُلُّهَا صِحَاحًا كَمْ تُسَاوِي وَاحِدَةً مِنْهَا؟ فَإِذَا قِيلَ أَرْبَعَةٌ دَرَاهِمٌ مَثَلًا، قُلْنَا لَوْ كَانَتْ كُلُّهَا مَرَاضًا كَمْ تُسَاوِي وَاحِدَةً مِنْهَا؟ فَإِذَا قِيلَ دِرْهَمَيْنِ مَثَلًا، قُلْنَا لَهُ حَصَلَ لَنَا شاةٌ صَحِيحَةٌ بِثَلَاثَةِ دَرَاهِمٍ) باعتبار القيمة. وقوله لو كانت كلها صحاحا وكذا مقابله حشو لا فائدة فيه. فالمدار على كون الصحيحة تساوي كذا وكذا المريضة.

822. (Maka apabila dia memiliki empat puluh) ekor kambing (setengahnya sihat kita katakan: kalau adalah semuanya sihat berapa dirham menyamai seekor daripadanya? Maka apabila dikatakan empat dirham sebagai contoh, kita katakan pula: kalau adalah semuanya sakit-sakit berapa menyamai seekor daripadanya? Maka apabila dikatakan dua dirham sebagai contoh, kita katakan kepadanya terhasil bagi kami seekor yang sihat dengan tiga dirham) dengan iktibar nilai. Katanya "kalau adalah semuanya sihat" begitu juga muqabilnya adalah selitan yang tidak ada faedah padanya. Maka pusingan hukum ini diatas keadaan yang sihat menyamai sekian-sekian yang sakit.

(وَلَوْ كَانَتْ الصَّحَاحُ ثَلَاثِينَ لَزِمَهُ شاةٌ تُسَاوِي ثَلَاثَةَ دَرَاهِمٍ وَنِصْفًا) باعتبار ثلاثة أرباع الصحيحة وربع المريضة. (وَمَتَى قَوْمَ الْجُمَلَةِ)، أي مجموع الصحاح والأمراض، (وَأُخْرِجَ صَحِيحَةً تُسَاوِي رُبْعَ عَشْرٍ) الجملة (كَفَى)، كأن كان عنده أربعون شاة صحاحا ومراضا وقيمة جميعها ألف درهم فأخرج صحيحة منها تساوي خمسة وعشرين كفته.

823. (Kalau adalah yang sihat itu tiga puluh melaziminya seekor yang menyamai tiga dirham dan setengah) dengan iktibar tiga perempat yang sihat dan satu perempat yang sakit. (Bila dinilai jumlah itu), iaitu keseluruhan yang sihat dan yang sakit, (dan dikeluarkan yang sihat yang menyamai suku satu persepuluh) jumlah itu (ia memada), seperti bahawa ada di sisinya empat puluh ekor kambing yang sihat dan yang sakit dan nilai semuanya seribu dirham maka dikeluarkan yang sihat daripadanya yang menyamai dua puluh lima ekor nescaya ia memadainya.

(نَعَمْ، لَوْ كَانَ الصَّحَاحُ فِيهَا دُونَ الْوَاجِبِ) كأن وجب شاتان في ماشية ليس فيها إلا صحيحة (أَجْزَاهُ صَحِيحَةً) بالقسط (وَمَرِيضَةً. وَإِنْ كَانَتْ إِنَاثًا أَوْ ذُكُورًا وَإِنَاثًا لَمْ يُؤْخَذْ فِي فَرَضِهَا إِلَّا أَنْثَى إِلَّا مَا تَقَدَّمَ فِي خَمْسٍ وَعِشْرِينَ عِنْدَ فَقْدِ بِنْتِ مَخَاضٍ، وَفِي ثَلَاثِينَ بَقْرَةً وَفِي خَمْسٍ مِنَ الْإِبِلِ فَإِنَّهُ يُجْزَى ابْنُ لَبُونٍ) عند فقد بنت المخاض (وَتَبْيَعُ) ذكر في ثلاثين بقرة (وَجَدُّعُ ضَانٍ أَوْ نَثَى مَعَزٍ) في خمس من الإبل.

824. (Na'am, kalau adalah yang sehat-sehat padanya kurang daripada yang wajib) seperti bahawa wajib dua ekor kambing pada satu ternakan yang tidak ada padanya melainkan yang sehat, (memadainya yang sehat itu) dengan agihan (dan yang sakit. Jika adalah ternakannya betina-betina atau jantan-jantan tidak diambil pada fardhunya melainkan yang betina, melainkan apa yang telah terdahulu pada dua puluh lima ekor unta di sisi luput binti makhad, dan pada tiga puluh ekor lembu dan pada lima ekor unta, maka memada seekor ibnu labun) di sisi luput binti makhad, (dan seekor bebiri jaz'ah dan kambing kacang mai'ez) pada lima ekor unta.

(وَإِنْ تَمَحَّضَتْ) ماشيته (ذَكَوْرًا أَجْزَأَهُ الذَّكَرُ مُطْلَقًا)، اتحد نوع الماشية أو اختلف، (لَكِنْ يُؤْخَذُ فِي سِتِّ وَثَلَاثِينَ) من الإبل الذكور (ابْنُ لَبُونٍ أَكْثَرُ قِيَمَةٍ مِنْ ابْنِ لَبُونٍ يُؤْخَذُ فِي خَمْسٍ وَعِشْرِينَ) عند فقد بنت المخاض (بِالتَّقْوِيمِ وَالنَّسْبَةِ).

825. (Dan jika semata-mata) ternakannya (jantan memadainya yang jantan tanpa kait), sama bagi ternakannya atau berbeza. (Akan tetapi diambil pada tiga puluh enam) ekor unta yang jantan (seekor ibnu labun yang lebih nilainya dari ibnu labun yang diambil pada dua puluh lima ekor) di sisi luput binti makhad (dengan nilai dan nisbah).

(وَإِنْ كَانَتْ كُلُّهَا صِغَارًا دُونَ سِنِّ الْفَرَضِ أَخَذَ مِنْهَا صَغِيرَةً). ويتأتى وجوب الزكاة في الصغار إذا ماتت الأمهات قبل الحول بزمن يسير. (وَيَجْتَهِدُ) الساعي عند أخذ الصغار (بِحَيْثُ لَا يُسَوِّي بَيْنَ الْقَلِيلِ وَالْكَثِيرِ. فَفَصِيلُ سِتِّ وَثَلَاثِينَ) من الإبل إذا كانت كلها صغارا لا بد أن (يَكُونُ خَيْرًا مِنْ فَصِيلِ خَمْسٍ وَعِشْرِينَ. وَإِنْ كَانَتْ كِبَارًا وَصِغَارًا لَزِمَهُ كِبِيرَةٌ، وَهُوَ سِنُّ الْفَرَضِ الْمُتَقَدِّمِ) باعتبار القيمة.

826. (Dan jika adalah semuanya kecil-kecil, kurang dari umur fadhu, diambil daripadanya yang kecil). Terdatang wajib zakat pada yang kecil-kecil apabila induk-induknya mati sebelum haul dalam masa yang dekat. (Berijtihadhlah) amil zakat di sisi mengambil yang kecil-kecil itu (sekira-kira dia tidak menyamakan di antara yang sedikit dan yang banyak, maka seekor anak unta daripada tiga puluh enam ekor) unta bila adalah semuanya kecil-kecil tidak dapat tidak bahawa (adalah ia lebih baik dari yang kecil bagi dua puluh lima ekor. Jika adalah unta-unta itu besar dan kecil melaziminya yang besar iaitu yang berumur fardu ang terdahulu itu) dengan iktibar nilai.

(وَإِنْ كَانَتْ مَعِيْبَةً أَخَذَ الْأَوْسَطُ فِي الْعَيْبِ). والمراد بالعيب ما يثبت به الرد في البيع. (وَإِنْ كَانَتْ أَنْوَاءًا كَضَائِنٍ وَمَعَزٍ أَخَذَ مِنْ أَيِّ نَوْعٍ شَاءَ بِالْقِسْطِ)

يعني باعتبار القيمة. (فَيُقَالُ لَوْ كَانَتْ كُلُّهَا ضِدًّا كَمْ تُسَاوِي وَاحِدَةً مِنْهَا إِلَى آخِرِ مَا تَقَدَّمَ)، أي فيما إذا كانت الماشية بعضها صحاح وبعضها مراض.

827. (Dan jika adalah ternakkannya cacat diambil yang sederhana pada cacat). Yang dikehendaki dengan cacat itu apa yang sabit dengannya pemulangan pada jualan. (Dan jika adalah ia beberapa bagai seperti bebiri dan kambing kacang diambil dari mana-mana bagai yang dia mahukan dengan agihan), iaitu dengan iktibar nilai. (Maka dikatakan kalau adalah ia semuanya bebiri "berapa menyamai satu daripadanya" hingga akhir apa yang telah lalu itu), iaitu pada keadaan apabila adalah ternakan itu sebahagiannya sihat dan sebahagiannya sakit.

(وَلَا تُؤْخَذُ الْحَامِلُ وَلَا الَّتِي وَلَدَتْ) رفقا للمزكى، (وَلَا الْفَحْلُ) الذي أعد للضراب، (وَلَا الْخِيَارُ). وهذا يعم ما تقدم وغيره. (وَلَا الْمُسَمَّنَةُ لِأَكْلِهَا إِلَّا أَنْ يَرْضَى الْمَالِكُ) في ذلك كله.

828. (Tidak diambil yang bunting dan tidak yang telah melahirkan anak) kerana belas dengan pemberi zakat, (dan tidak bapak jantan) yang disediakan untuk mengawan, (dan tidak yang terbaik). Ini meratai apa yang telah lalu itu dan selainnya. (dan tidak yang digemukakan untuk dimakan, melainkan apabila si pemilik redha) pada demikian itu semuanya.

(وَلَوْ كَانَ بَيْنَ نَفْسَيْنِ) أي شخصين (مِنْ أَهْلِ الزُّكَاةِ) بأن يكونا مسلمين حرين وبينهما شركة في (نِصَابٍ مُشْتَرَكٍ مِنَ الْمَاشِيَةِ أَوْ غَيْرِهَا) كالنقد و عرض التجارة والشركة تستوجب عدم التميز بشيء

829. (Kalau ada di antara dua orang), iaitu dua individu, (daripada ahli zakat), dengan bahawa keduanya muslim merdeka dan di antara kedua mereka ada perkongsian pada (nishab yang dikongsikan, berupa ternakan atau selainnya) seperti duit dan barang perniagaan, dan perkongsian itu mewajibkan tidak ada terbeza dengan sesuatu,

(مِثْلَ أَنْ وَرَثَاهُ أَوْ) كان النصاب (غَيْرَ مُشْتَرَكٍ بَلْ لِكُلِّ مِنْهُمَا عَشْرُونَ شاةً مَثَلًا مُتَمَيِّزَةً إِلَّا أَنَّهُمَا إِشْتَرَكَا فِي الْمُرَاحِ) بأن يكون مراح واحد لماشيتهما وهو المحل الذي تأوي إليه ليلا (وَ) في (الْمَسْرَحِ) هو الموضع الذي تجتمع فيه الماشية ثم تساق إلى المرعى (وَ) في (الْمَرْعَى) أي مكان لكلأ (وَ) في (الْمَشْرَبِ وَ) في (مَوْضِعِ الْحَلْبِ) هو المكان الذي تحلب فيه الماشية

830. (seumpama bahawa kedua mereka mewarisinya atau) adalah nishab itu (tidak dikongsikan bahkan bagi setiap daripada kedua mereka dua puluh ekor kambing sebagai contoh yang terbeza, cuma bahawa kedua mereka bersyarikat pada murah) dengan bahawa adalah murahnyanya satu bagi ternakan mereka, iaitu tempat yang kembali ternakan kepadanya pada waktu malam, (dan) pada (masrah) iaitu tempat yang dihimpunkan ternakan padanya kemudian dihambat kepada tempat gembalaan, (dan) pada (tempat

gembalaan) iaitu tempat padang rumput, (**dan**) pada (**tempat minum, dan**) pada (**tempat perah**), iaitu tempat yang diperah susu ternakan padanya, (وَ) فِي (الْفَحْلِ) هُوَ الذَّكَرُ الَّذِي يَنْزُو عَلَى الْإِنَاثِ (وَالرَّاعِي وَ) اشْتَرَكَا (فِي) غَيْرِهَا) أَي الْمَذْكُورَاتِ (مِنَ النَّاطُورِ) هُوَ حَافِظُ الشَّجَرِ وَالزَّرْعِ (وَالجَرِينِ) مَوْضِعٌ تَخْفِيفُ الثَّمَرِ وَتَخْلِيفُ الْحَبِّ (وَالدُّكَّانِ) الْمَحَلُّ الَّذِي تَوْضَعُ فِيهِ الْأَمْتَعَةُ لِلْبَيْعِ (وَمَكَانِ الْحِفْظِ) أَي مَكَانٌ تَحْفَظُ فِيهِ الْأَمْتَعَةُ كَالْمَخْزَنِ،

831. (**dan**) pada (**bapak jantan**), iaitu jantan yang memanjat betina, (**dan pada penggembala, dan**) bersyariat kedua mereka (**pada selainnya**), iaitu pada selain yang disebutkan itu, (**daripada natur**), iaitu penjaga pokok dan tanaman, (**dan jarin**), tempat jemur buah dan irik bijian, (**dan pada kedai**), tempat yang diletakkan padanya barang-barang untuk dijual, (**dan tempat simpan**), iaitu tempat yang disimpan padanya barang-barang seperti setor, وهذه شروط لو اجتمعت في شخصين (زَكَاةَ الرَّجُلِ الْوَاحِدِ)، فيصير ماله كمال رجل واحد. فقد تستوجب الشركة ثقلا كما لو كان عند كل واحد عشرون شاة، فإذا اشتركا وجب على كل نصف شاة، بخلاف ما لو افترقا فلا يجب عليهما شيء. وقد تفيد تخفيفا كما لو كان عند كل واحد أربعون، فلو اشتركا وجب على كل نصف شاة، بخلاف ما لو افترقا فيجب على كل شاة.

832. Syarat-syarat ini kalau berhimpun pada dua orang, (**mereka mengeluarkan zakat sebagai zakat seorang**), maka jadilah harta kedua mereka seperti harta seorang. Maka terkadang perkongsian mewajibkan berat seperti mana kalau ada di sisi setiap seorang dua puluh ekor kambing maka bila kedua mereka berkongsi wajib diatas tiap seorang setengah ekor kambing, bersalahan keadaan kalau kedua mereka terpisah maka tidak wajib diatas mereka sesuatu. Terkadang ia berfaedah meringankan seperti mana kalau ada di sisi setiap mereka empat puluh ekor kambing maka kalau mereka berkongsi wajib diatas tiap seorang setengah ekor, bersalahan keadaan kalau mereka terpisah maka wajib diatas tiap seorang seekor kambing.

(بَابُ زَكَاةِ النَّبَاتِ)

(لَا تَجِبُ الزَّكَاةُ فِي الزَّرْعِ إِلَّا فِيمَا يُقْتَاتُ) بِهِ (مِنْ جِنْسِ مَا يَسْتَنْبِتُهُ الْأَدْمِيُونَ وَيَبْسُ وَيُدْخَرُ). فَلَا تَجِبُ الزَّكَاةُ فِيمَا لَا يُقْتَاتُ مِنَ الزَّرْعِ كَحَبِّ الْقَطَنِ، وَلَا فِيمَا يُؤْكَلُ تَدَاوِيَا كَالكَّرَاوِيَا وَالْكَمُّونِ، وَلَا فِيمَا يُؤْكَلُ تَنْعَمًا كَالْبَطِيخِ وَالْكَمَثْرِ، وَلَا فِيمَا يُؤْكَلُ تَأْدَمًا كَالزَّيْتُونِ. فَالمدار على الاقتيات اختيارا. ويلزم ذلك كونه مما يستنبته الأدميون وكونه ييبس ويدخر.

833. @BAB ZAKAT TUMBUHAN. (Tidak wajib zakat pada tanaman melainkan pada apa yang dibuat kenyang) dengannya (**daripada jenis apa yang dituntut tumbuh oleh anak adam dan dikeringkan dan disimpan lama**). Maka tidak wajib zakat pada apa yang tidak dijadikan

makanan mengenyangkan daripada tanaman seperti biji kapas dan tidak pada apa yang dimakan untuk perubatan seperti jemuju/jintan dan jintan manis, dan tidak pada apa yang dimakan untuk bersedap-sedap seperti tembikai dan pear, dan tidak pada apa yang dimakan sebagai lauk seperti zaitun. Maka putaran hukum adalah diatas mengenyangkan diatas jalan pilihan. Melazimi demikian itu oleh keadaannya daripada apa yang dituntut tumbuh oleh anak adam dan keadaannya dikeringkan dan disimpan lama.

وذلك (كَحِنْطَةٍ وَشَعِيرٍ وَذُرَّةٍ وَأُرْزٍ وَعَدَسٍ وَحِمَصٍ وَبَاقِلًا) وهو الفول (وَجُلْبَانَ) بضم الجيم نوع من النبات ويسمى بالكشري، (وَعَلْسٍ) هو نوع من الحنطة.

834. Demikian itu (**seperti barli dan gandum dan jagung dan beras dan kacang 'adas [lentil] dan kacang panjang dan kacang buncis**) iaitu ful (**dan julban**) – "جلبان" dengan dhammah jim satu bagai daripada tumbuhan, dan dinamakan ia *kusyra*- (**dan alas**) iaitu satu bagai daripada gandum.

(وَلَا تَجِبُ) الزكاة (في الثمار) أي ثمار الأشجار (إلا في الرطب والعنب. وَلَا تَجِبُ فِي الْخَضِرَوَاتِ) كالبنامية والبطيخ، (وَلَا) في (الأبازير مثل الكمون والكزبرة).

835. (**Tidak wajib**) zakat (**pada buah-buahan**), iaitu buah pokok, (**melainkan pada rutob dan inab, dan tidak wajib ia pada sayuran**) seperti bendi dan timun (**dan tidak**) pada (bijian rempah seumpama jintan manis dan jintan putih).

(فَمَنْ انْعَقَدَ فِي مَلِكِهِ نِصَابٌ حُبًّا أَوْ بَدَا) أي ظهر (صَدَاحُ نِصَابٍ رُطْبٍ أَوْ عِنَبٍ لَزِمَتْهُ الزَّكَاةُ. وَإِلَّا) بأن لم ينعقد أو انعقد في ملك غيره أو لم يبد صلاح الرطب والعنب (فَلَا) تلزمه الزكاة.

836. (**Maka siapa terhasil pada miliknya satu nishab bijian atau nyata**) iaitu nampak (**elok nishab rutob atau inab melaziminya zakat. Jika tidak**) dengan bahawa ia tidak terhasil atau terhasil pada pemilikan orang lain atau tidak nyata elok rutob dan `inab (**maka tidak**) melaziminya zakat.

(وَالنِّصَابُ أَنْ يَبْلُغَ) المزكى حالة كونه (جَافًا خَالِصًا مِنَ الْقَشْرِ وَالتَّبْنِ حَمْسَةَ أَوْسُقٍ)، جمع وسق وهو ستون صاعا. (وَهُوَ)، أي النصاب بالوزن، (أَلْفٌ وَسِتِّمِائَةٌ رَطْلٍ بَغْدَادِيَّةٍ). والرطل البغدادي مائة وثمانية وعشرون درهما وأربعة أسباع درهم. وذلك في سائر الأصناف.

837. (**Nishabnya bahawa sampai**) apa yang dizakatkan hal keadaannya (**kering murni dari kulit dan jerami kepada sukatan lima wasaq**) – "أوسق" – iaitu enam puluh gantang. (**Ianya**), iaitu nishab itu dengan timbangan, (**seribu enam ratus kati Baghdad**). Sekati Baghdad itu seratus dua puluh lapan dan empat pertujuh dirham. Demikian itu pada sekalian jenis-jenis hasil tanaman.

(إِلَّا الْأُرْزَ وَالْعَلَسَ وَهُوَ صِنْفٌ مِنَ الْحِنْطَةِ يُدْخَرُ مَعَ قَشْرِهِ فَنِصَابُهُمَا عَشْرَةٌ أَوْسُقٍ بِقَشْرِهِمَا. وَلَا تَخْرُجُ الزَّكَاةُ فِي الْحَبِّ إِلَّا بَعْدَ التَّصْفِيَةِ) من التبن (ولا في الثمرة إلا بعد الجفاف).

838. (melainkan beras dan alas iaitu satu bagai daripada gandum yang disimpan bersama kulitnya, maka nishab keduanya sepuluh wasaq bersama dengan kulitnya. Tidak dikeluarkan zakat pada bijirin melainkan selepas murni) dari jeraminya (dan tidak pada buah melainkan selepas kering).

(وَتُضْمُ ثَمَرَةُ الْعَامِ الْوَاحِدِ بَعْضُهَا إِلَى بَعْضٍ فِي تَكْمِيلِ النَّصَابِ) لأن الثمار لا تخرج مرة واحدة بل متسلسلة، (حتى لو أطلع البعض بعد جذاذ البعض لاختلاف نوعه أو بديده والعام واحد والجنس واحد ضمه إليه في تكميل النصاب. ويضم أنواع الزرع بعضه إلى البعض في النصاب إن اتفق حصادهما في عام واحد).

839. (Dicampurkan buah tahun yang satu sebahagiannya kepada sebahagian yang lain pada menyempurnakan nishab) kerana buah itu tidak keluar sekali gus bahkan bersiri-siri, (hinggakan kalau muncul sebahagiannya selepas potong sebahagiannya kerana berbeza bagainya atau tempatnya walhal tahunnya satu dan jenisnya satu dia mencampurkannya kepadanya pada menyempurnakan nishab. Dicampurkan bagai-bagai tanaman sebahagiannya kepada sebahagiannya pada nishab jika sama tuaian keduanya pada tahun yang satu).

فالمدة في الثمر على الاطلاق في عام وفي الزرع على الحصاد. فمثل الذرة تزرع في الخريف والصيف، فإذا كان بين حصادي الزرعين سنة فأقل ضما في النصاب بأن كان أحد الزرعين لا يخرج منه خمسة أوسق، لكن بانضمام الزرع الثاني تتم الخمسة وجبت الزكاة إذا كان بين حصاديهما ما ذكر. وإلا فلا.

840. Maka putaran hukum pada buah adalah diatas kemunculannya pada satu tahun dan pada tanaman diatas tuaianya. Maka seumpama jagung yang ditanam pada musim sejuk dan panas, maka apabila ada di antara dua tuaian bagi dua tanaman itu tempoh setahun maka kurang lagi dicampurkan keduanya pada nishabnya dengan bahawa adalah satu daripada dua tanaman itu tidak terhasil daripadanya oleh lima wasaq, akan tetapi dengan dicampurkan tanaman kedua sempurna lima wasaq itu wajib zakatnya apabila di antara dua tuaianya ada apa yang disebutkan tadi. Jika tidak maka tidak.

(وَلَا تُضْمُ ثَمَرَةُ عَامٍ أَوْ زَرْعُهُ إِلَى ثَمَرَةِ عَامٍ آخَرَ أَوْ زَرْعُهُ وَلَا عِنَبٌ لِرُطْبٍ) في إكمال النصاب لاختلاف جنسهما، (ولا بر لشعير) كذلك لاختلاف الجنس.

841. **(Tidak dicampurkan buah setahun atau tanamannya kepada buah tahun lain atau tanamannya dan tidak inab kepada rutob)** pada menyempurnakan nishabnya kerana berlainan jenis keduanya **(dan tidak gandum kepada barli)** begitu juga kerana berlainan jenisnya.

(ثُمَّ الْوَاجِبُ) فِي زَكَاةِ النَّبَاتِ (الْعُشْرُ إِنْ سُقِيَ بِبِلَا مُؤْنَةٍ كَالْمَطَرِ وَنَحْوِهِ) كَالسَّيْلِ أَوْ كَوْنِ الزَّرْعِ مِمَّا يَشْرَبُ بِنَفْسِهِ بِلَا وَاسِطَةٍ، (وَيَنْصَفُ الْعُشْرُ إِنْ سُقِيَ بِمُؤْنَةٍ كَسَاقِيَةٍ وَنَحْوِهَا) كَدُولَابٍ وَوَابُورٍ، (وَالْقِسْطُ إِنْ سُقِيَ بِهِمَا) أَيِّ بِمُؤْنَةٍ وَبِغَيْرِ مُؤْنَةٍ. وَيَعْتَبَرُ الْقِسْطُ بِعَيْشِ الزَّرْعِ وَالثَّمْرِ وَنَمَائِهِمَا. فَلَوْ كَانَتْ يَمُكْتُ سِتَّةَ أَشْهُرٍ وَسُقِيَ بِالْمَطَرِ مَا يَمُكْتُ بِهِ ثَلَاثَةَ أَشْهُرٍ وَبِالدُّوَلَابِ مَا يَمُكْتُ بِهِ ثَلَاثَةَ وَجِبَ ثَلَاثَةَ أَرْبَاعِ الْعُشْرِ.

842. **(Kemudian yang wajib)** pada zakat tanaman **(adalah satu persepuluh jika ia dijirus tanpa belanja seperti hujan dan umpamanya)** seperti air yang mengalir atau keadaan tanaman itu daripada apa yang menyerap air dengan sendirinya tanpa perantaraan, **(dan setengah satu persepuluh jika ia dijirus dengan belanja seperti tali air dan umpamanya)** seperti kincir air dan pam enjin, **(dan agihan jika ia dijirus dengan keduanya)**, iaitu dengan belanja dan tanpa belanja. Diiktibarkan agihan itu dengan tempoh hidup tanaman dan buah itu dan kesuburan keduanya. Maka kalau ia hidup enam bulan dan dijirus ia dengan hujan kadar yang hidup ia dengannya selama tiga bulan dan dengan kincir air kadar yang ia hidup dengannya tiga bulan wajib tiga perempat daripada satu persepuluh.

(ثُمَّ) بَعْدَ إِخْرَاجِ زَكَاةِ النَّابِتِ أَوَّلَ خُرُوجِهِ (لَا شَيْءَ فِيهِ) مِنَ الزَّكَاةِ وَإِنْ مَكْتُ سِنِينَ (وَإِنْ دَامَ فِي مَلِكِهِ سِنِينَ).

843. **(Kemudian)** selepas dikeluarkan zakat tanaman itu pada awal keluarnya **(tidak ada suatu padanya)** daripada zakat, sekalipun ia kekal beberapa tahun, **(dan sekalipun terus ia didalam pemilikannya beberapa tahun).**

(وَيَحْرُمُ عَلَى الْمَالِكِ أَنْ يَأْكُلَ شَيْئًا مِنَ الثَّمَرَةِ) وَمِثْلَهَا الزَّرْعُ، فَيَحْرَمُ عَلَيْهِ أَنْ يَأْكُلَ الْعَنْبَ وَالْبَلْحَ وَالْفَرِيكَ وَالْفُولَ الْأَخْضَرَ، (أَوْ يَتَصَدَّرَفَ فِيهِمَا بِبَيْعٍ أَوْ غَيْرِهِ) كَهَبَةِ (قَبْلَ الْحَرِصِ)، أَيِ الْحَزْرِ وَالتَّقْدِيرِ وَالتَّضْمِينِ لِلْمَالِكِ فِي ذِمَّتِهِ. (فَإِنْ فَعَلَ) شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ (ضَمِنَهُ)، أَيِ مَا أَتْلَفَهُ.

844. **(Haram diatas pemilik memakan suatu daripada buah)** dan seumpamanya hasil tanaman, maka haram diatasnya memakan inab dan balah dan gandum dan ful hijau **(atau melakukan tasarruf pada keduanya dengan jual atau selainnya)** seperti hibah **(sebelum dijangka)**, iaitu diandaikan dan dijaminan didalam zimmahnya. **(Maka jika dia lakukan)** suatu daripada demikian itu **(dia menjaminnya)**, iaitu apa yang dia binasakan.

وَيُنْدَبُ لِلْإِمَامِ أَنْ يَبْعَثَ خَارِصًا عَدْلًا يَخْرُصُ الثَّمَارَ). فالخرص لا يتأتى في الزرع. فمثل الفول الأخضر والفريك لا يتأتى فيهما حل إلا إذا كان زرعهما لا تجب فيه الزكاة لنقصه عن خمسة أوسق.

845. (Sunat bagi imam menghantar tukang jangka yang adil untuk menjangka buah-buah). Maka jangkaan itu tidak terdatang pada tanaman. Maka seumpama ful hijau dan gandum tidak terdatang halal pada keduanya melainkan apabila adalah tanaman keduanya tidak wajib zakat padanya kerana kurangnya dari lima wasaq.

(وَمَعْنَاهُ)، أي الخرص، (أَنَّهُ يَدُورُ حَوْلَ النَّخْلَةِ) أو العذبة (فَيَقُولُ فِيهَا مِنْ الرُّطْبِ كَذَا، وَيَأْتِي مِنْهُ مِنَ التَّمْرِ كَذَا، وَيُضَمَّنُ) الإمام أو الساعي (الْمَالِكُ نَصِيبَ الْفُقَرَاءِ بِحِسَابِهِ)، أي الخارص، (فِي ذِمَّتِهِ)، أي يجعل نصيب الفقراء في ذمته لا في العين المخروصة. (وَيَقْبَلُ الْمَالِكُ ذَلِكَ) التضمين (فَيُنْتَقَلُ حِينَئِذٍ حَقُّ الْفُقَرَاءِ مِنْهُ)، أي الرطب، (إِلَى ذِمَّتِهِ. وَلَهُ بَعْدَ ذَلِكَ) التضمين (التَّصَرُّفُ) بأكل وبيع وغيره من سائر التصرفات.

846. (Maknanya), iaitu jangkaan itu, (bahawa dia berpusing sekeliling pokok tamar) atau inab (maka dia kata "padanya ada rutob sekian banyak, dan akan terhasil tamar daripadanya sekian banyak", dan) imam atau amil zakat (menanggungkan keatas pemiliknya akan habuan para fakir menurut kiraannya), iaitu tukang jangka itu, (didalam zimmahnya), iaitu dia menjadikan habuan para fakir didalam zimmah pemilik bukan pada 'ain apa yang dijangka itu. (dan pemilik menerima demikian itu), tanggungan itu, (maka berpindahlah ketika itu hak para fakir darinya), iaitu dari rutob itu, (kepada zimmahnya. Dan baginya selepas itu), tanggungan itu, (oleh tasarruf) dengan makan dan jual dan selainnya daripada bentuk-bentuk tasarruf.

(فَإِنْ تَلَفَ) الرطب (بِأَفَةِ سَمَاوِيَّةٍ بَعْدَ ذَلِكَ سَقَطَتِ الزَّكَاةُ) لأنه لا تقصير منه. فإن قصر بأن وضعها في غير حرز مثلها ضمن.

847. (Maka jika binasa) rutob itu (dengan bencana langit) selepas demikian itu (gugurlah zakatnya) kerana tidak ada kecuaiian dari pihaknya. Maka jika dia cuai dengan bahawa dia meletakkannya pada selain tempat simpan yang selayaknya dia menjamin.

(بَابُ زَكَاةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ)

والتعبير بذلك أولى من النقد لقصوره على المضروب. (مَنْ مَلَكَ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ) الواو بمعنى أو (نِصَابًا حَوْلًا)، أي عامًا، (لَزِمَتْهُ الزَّكَاةُ) في ذلك المملوك.

848. @BAB ZAKAT EMAS DAN PERAK. Membuat ibarat dengan "الذهب" terutama dari "النقد" kerana terhadnya diatas emas yang telah dicetak. (Orang

yang memiliki daripada emas dan perak) –wau dengan makna atau- (satu nishab selama satu haul), iaitu setahun, (melaziminya zakat) pada barang miliknya itu.

(وَنِصَابُ الذَّهَبِ عِشْرُونَ مِثْقَالًا)، و هو در هم وثلاثة أسباع در هم، (وَزَكَاتُهُ نِصْفُ مِثْقَالٍ. وَنِصَابُ الْفِضَّةِ مِائَتَا دِرْهَمٍ خَالِصَةٍ) من الغش، (وَزَكَاتُهُ خُمْسَةٌ دَرَاهِمٍ خَالِصَةٌ. وَلَا زَكَاةَ فِيمَا دُونَ ذَلِكَ) ولو حبة أو بعضها.

849. (Nishab emas dua puluh mithqal), iaitu satu dan tiga pertujuh dirham, (dan zakatnya setengah mithqal, dan nishab perak dua ratus dirham yang murni) dari campuran, (dan zakatnya lima dirham yang murni. Tidak ada zakat pada apa yang kurang daripada demikian itu) walaupun seberat bijian atau sebahagiannya.

(وَتَجِبُ) الزكاة (فِيمَا زَادَ عَلَى النَّصَابِ بِحِسَابِهِ)، أي الزائد. فيجب فيه ربع العشر. ولا وقص في النقد أصلاً. (سِوَاءَ فِي ذَلِكَ الْمَضْرُوبِ) نقدا (وَالسَّبَائِكُ وَالْحُلِيِّ الْمَعْدُّ لِاسْتِعْمَالٍ مُحَرَّمٍ) كآنية للأكل (أَوْ مَكْرُوهٍ) كضبة فضة صغيرة للزينة (أَوْ لِلقَنِيَةِ) لا للاستعمال، فتحب الزكاة في ذلك كله.

850. (Wajib) zakat (pada apa yang lebih diatas nishab itu mengikut kiraannya), iaitu yang lebih itu. Maka wajib padanya suku satu persepuluh. Dan tidak ada waqs pada naqd sama sekali. (Sama pada demikian itu yang dicetak) menjadi duit (dan jongkong dan perhiasan yang dibuat untuk penggunaan yang haram) seperti bejana untuk makan (atau makruh) seperti tampalan perak yang kecil untuk hiasan, (atau untuk simpanan) bukan untuk digunakan. Maka wajib zakat pada demikian itu semuanya.

(فَإِنْ كَانَ الْحُلِيُّ مَعْدًا لِاسْتِعْمَالٍ مُبَاحٍ) كسوار لا امرأة (فَلَا زَكَاةَ فِيهِ) بشرط خلوه عن السرف.

851. (Maka jika adalah perhiasan itu disediakan untuk penggunaan yang mubah) seperti rantai tengkok bagi perempuan (maka tidak ada zakat padanya) dengan syarat sunyinya dari berlebih-lebih.

(بَابُ زَكَاةِ الْعُرُوضِ)

أي عروض التجارة. (إِذَا مَلَكَ عَرْضًا) من عروض التجارة وهي الأعيان التي يتجر فيها للربح، واستمر ملكه (حَوْلًا) كاملاً، (وَكَانَ قِيمَتُهُ فِي آخِرِ الْحَوْلِ نِصَابًا لَزِمَتْهُ زَكَاتُهُ، وَهِيَ رُبْعُ الْعَشْرِ)، لأن العرض يقوم في آخر الحول بأحدهما، فيزكي على حسبه.

852. @BAB ZAKAT BARANG-BARANG, iaitu barang-barang perniagaan. (Apabila seorang memilik satu barang) daripada barang-barang perniagaan iaitu benda yang diniagakan untuk mendapatkan untung, dan berterusan pemilikannya (selama satu haul) sempurna, (dan adalah nilainya pada akhir haul itu satu nishab melaziminya zakatnya iaitu suku satu

persepuluh) kerana barang perniagaan dinilai pada akhir haulnya dengan satu daripada keduanya maka dia mengeluarkan zakat menurut kiraannya.

لكن ذلك مشروط (بشْرَطَيْنِ أَنْ يَتَمَلَّكَهُ)، أي ذلك العرض، (بمُعَاوَضَةٍ) كِشْرَاءٍ (وَأَنْ يَنْوِيَ حَالَ التَّمَلُّكِ) للعرض (التَّجَارَةَ. فَلَوْ مَلَكَهُ بِإِرْتٍ أَوْ هِبَةٍ) فقد فقد فيه شرط العوض (أَوْ) ملكه بـ(بَيْعٍ وَلَمْ يَنْوِ التَّجَارَةَ) فقد فقد فيه شرط النية (فَلَا زَكَاةَ) فيه.

853. Akan tetapi demikian itu disyaratkan (**dengan dua syarat; bahawa dia memilikinya**) iaitu barangan itu (**dengan tukar-menukar**) seperti beli, (**dan bahawa dia niatkan ketika memilik**) barang itu (**untuk diniagakan. Maka kalau dia memilik dengan pusaka atau hibah**) maka sungguh luputlah padanya syarat tukaran itu, (**atau**) dia memilikinya (**dengan jualan dan dia tidak niatkan perniagaan**) maka sungguh luput padanya syarat niat itu, (**maka tidak ada zakat**) padanya.

ثم إذا استوفى الشرطين يفصل في ابتداء حوله ويقال (فإن اشتراه بنصاب كامل من النقدين بنى حوله)، أي عرض التجارة، (على حَوْلِ النِّقْدِ) كان وجد معه عشرون ديناراً أول المحرم واشترى بها عرض تجارة أول رجب فيقوم عرض التجارة أول المحرم وتخرج زكاته.

854. Kemudian apabila dia menyempurnakanh dua syarat itu dia tafsirkan pada permulaan haulnya dan dikatakan: (**maka jika dia membelinya dengan nishab yang sempurna daripada dua duit dibina haulnya**), iaitu barang perniagaan itu, (**diatas haul duit itu**), seperti bahawa didapati bersamanya dua puluh dinar pada awal muharram dan dia membeli dengannya akan barang pada awal rajab maka dinilai barang perniagaan itu pada awal muharram dan dikeluarkan zakatnya.

(وإن اشتراه بغير ذلك)، أي بغير نصاب كامل وذلك صادق بصورتين (إمّا بدُونِ نِصَابٍ) ولم يكن عنده ما يكمله (أو بغير نقد البلد، فحوله) بحسب (من الشراء، ويقوم مال التجارة آخر الحول) في الصورتين (بما اشتراه به)، أي النقد الذي دفعه في ثمنه، (إن اشتراه بنقد ولو بدُونِ النِصَابِ).

855. (**Jika dia membelinya dengan selain demikian itu**), iaitu dengan selain nishab yang sempurna yang mana itu terbenar dengan dua gambaran; (**sama ada tanpa nishab**) dan tidak ada di sisinya apa yang menyempurnakannya, (**atau dengan selain duit tempatan, maka haulnya**) sekira-kira (**belian. Dan dinilai harta perniagaan itu pada akhir haulnya**) pada dua gambaran ini (**dengan apa yang dibeli ia dengannya**), iaitu duit yang dia serahkan sebagai harganya, (**jika dia membelinya dengan duit walaupun tanpa nishab**).

(فَإِنْ اشْتَرَاهُ بِغَيْرِ نَقْدٍ) كَأَنْ أَخَذَهُ فِي عَوْضٍ خَلَعَ (قَوْمَهُ بِنَقْدِ الْبَلَدِ). فَإِنْ كَانَ فِي الْبَلَدِ نَقْدَانِ فَإِنْ غَلِبَ أَحَدُهُمَا قَوْمٌ بِهِ وَإِنْ تَسَاوَيَا فَإِذَا بَلَغَ بِأَحَدِهِمَا دُونَ الْآخَرِ قَوْمٌ بِمَا بَلَغَ بِهِ وَإِنْ بَلَغَ بِكُلِّ تَخِيرٍ.

856. **Maka jika dia membelinya dengan selain duit**) seperti bahawa dia mengambilnya pada bayaran tebus talak (**dia menilainya dengan duit tempatan**). Maka jika ada pada tempat itu dua duit maka jika termenang satu daripada keduanya dinilai ia dengannya, dan jika keduanya sama maka apabila sampai ia dengan satu daripada keduanya tidak yang satu lagi dinilai ia dengan apa yang ia sampai dengannya, dan jika ia sampai dengan setiap satu daripadanya dia memilih.

(فَإِذَا بَلَغَ نِصَابًا زَكَاةً. وَإِلَّا فَلَا زَكَاةَ حَتَّى يَحْوَلَ عَلَيْهِ دَوْلٌ آخَرَ فَيُقَوْمُ ثَانِيًا) تقويمًا آخر. (هَكَذَا) أبدا في الأحوال المستقبلية. (وَلَا يُشْتَرَطُ كَوْنُهُ نِصَابًا إِلَّا فِي آخِرِ الْحَوْلِ فَقَطْ) لا في أوله ولا في وسطه ولا في جميع الحول.

857. **(Maka apabila ia sampai nishab dia menzakatkannya. Jika tidak maka tidak ada zakat sehingga lalu di atasnya haul yang lain maka ia dinilai buat kali kedua)** dengan penilaian yang lain. **(Beginilah)** selama-lamanya pada haul-haul terkedepan. **(Tidak disyaratkan keadaannya satu nishab melainkan pada akhir haulnya sahaja)**, tidak pada awalnya dan tidak pada tengahnya dan tidak pada semua haulnya.

(وَلَوْ بَاعَ عَرَضَ التَّجَارَةِ فِي الْحَوْلِ بَعْرَضِ تِجَارَةٍ لَمْ يَنْقَطِعِ الْحَوْلُ. وَلَوْ بَاعَ الصَّيْرَفِيُّ النُّقُودَ بَعْضَهَا بِبَعْضٍ فِي الْحَوْلِ لِلتَّجَارَةِ انْقَطَعَ)، فلا تجب عليه زكاة التجارة لانقطاع الحول ولا زكاة العين للمبادلة الحاصلة بالصرف. فذلك نقل عن ابن سريج بشروا الصيارفة بأن لا زكاة عليهم.

858. **(Kalau dia menjual barang perniagaan pada tengah haul dengan barang perniagaan tidak putus haulnya. Kalau pengurup wang menjual duit sebahagiannya dengan sebahagian yang lain ditengah haul perniagaan terputus ia)**, maka tidak wajib zakat perniagaan di atasnya kerana terputus haul itu dan tidak ada zakat ain kerana tukar-ganti yang terhasil dengan jualan duit itu. Maka kerana ini dinakalkan dari Ibnu Suraij "gembirakanlah para pengurup wang dengan bahawa tidak ada zakat keatas mereka".

(وَلَوْ بَاعَ) عرض التجارة (في الحول بنقد وربح وأمسكه)، أي كلا منهما، (إلى آخر الحول زكى الأصل) وهو النقد (بحوله والربح بحوله)، كأن اشترى عرضا بمائتي درهم وباعه بعد ستة أشهر بثلاثمائة درهم وأمسكهما إلى آخر الحول فيزكي المائتين وبعد ستة أشهر يزكي المائة.

859. **(Kalau dia menjual)** barang perniagaan (**di tengah haul dengan duit dan mendapat untung dan dia menahannya**), iaitu setiap daripada keduanya, (**hingga akhir haul itu dia menzakatkan asalnya**), iaitu duit itu, (**dengan haulnya dan untung itu dengan haulnya**), sepertimana bahawa

dia membeli satu barang dengan dua ratus dirham dan menjualnya selepas enam bulan dengan tiga ratus dirham dan dia menahan keduanya hingga akhir haul itu maka dia menzakatkan dua ratus itu dan selepas enam bulan dia menzakatkan seratus itu.

(وَأَوَّلُ حَوْلِ الرَّبْحِ مِنْ حِينِ نُضُوذِهِ)، أي صيرورته نقدا يقوم به، (لَا مِنْ حِينِ ظُهُورِهِ) لأنه غير محقق.

860. (Awal haul untung adalah mula dari ketika jadi duitnya), iaitu menjadinya sebagai duit yang dinilai ia dengannya, (bukan dari ketika **zahirnya**) kerana ia tidak pasti.

(بَابُ زَكَاةِ الْمَعْدِنِ وَالرِّكَازِ)

المعدن هو اسم للمكان الذي تخلق فيه الجواهر من الذهب والفضة ويطلق على الجواهر نفسها، والركاز اسم لدفين الجاهلية.

861. @BAB ZAKAT GALIAN DAN RIKAZ. Ma'din i.e lombong adalah nama bagi tempat yang dijadikan padanya batu-batu permata berupa emas dan perak, dan ituturkan ia keatas permata itu sendiri, dan rikaz adalah nama bagi barang tanaman orang jahiliyah.

(إِذَا اسْتُخْرِجَ مِنْ مَعْدِنٍ) حاصل (فِي أَرْضٍ مُبَادَةٍ) للمستخرج (أَوْ مَمْلُوكَةٍ لَهُ)، أي للمستخرج، (نِصَابَ ذَهَبٍ أَوْ فِضَّةٍ فِي دَفْعَةٍ أَوْ دَفْعَاتٍ)، أي مرات، (لَمْ يَنْقَطِعْ) المستخرج (فِيهَا)، أي المرات، (عَنِ الْعَمَلِ)، والانقطاع يكون (بِتَرْكِ) للعمل (أَوْ إِهْمَالٍ) له (فَفِيهِ)، أي النصاب المستخرج، (فِي الْحَالِ) لا بعد عام لأنه نماء في نفسه فلم يشترط فيه الحول (رُبْعَ الْعَشْرِ. وَلَا تُخْرَجُ) الزكاة من المعدن (إِلَّا بَعْدَ التَّصْفِيَةِ) من الأوساخ.

862. (Apabila dikeluarkan dari lombong) yang berada (pada bumi yang **mubah**) bagi orang yang mengeluarkan (atau milik baginya), iaitu bagi yang mengeluarkan itu, (akan satu nishab emas atau perak sekali keluaran atau beberapa keluaran), iaitu beberapa kali, (yang tidak putus) orang yang mengeluarkannya (padanya), iaitu pada kali-kali itu, (dari kerja), yang mana putus itu adalah ia (dengan meninggalkan) kerja (atau mengabaikannya) (maka padanya), iaitu pada nishab benda yang dikeluarkan itu, (pada masa itu juga) tidak selepas setahun kerana kesuburan ada pada dirinya maka tidak disyaratkan padanya haul, (suku satu persepuluh. Dan tidak dikeluarkan) zakat dari galian itu (melainkan selepas disaring) dari kekotoran-kekotoran.

(فَإِنْ تَرَكَ الْعَمَلَ بَعْدَ كَسْفَرٍ وَإِصْلَاحِ آلَةِ ضُمَّ) ما يخرج بعد ذلك لما خرج قبله في إكمال النصاب. (وَإِنْ وَجَدَ) المعدن (فِي أَرْضٍ غَيْرِ فَهُوَ)، أي المستخرج مملوك، (لِصَاحِبِهَا) أي الأرض.

863. (Maka jika dia meninggalkan kerja itu dengan uzur seperti bermusafir dan membaiki peralatan dicampurkan) apa yang dia keluarkan selepas demikian itu kepada apa yang dia keluarkan sebelumnya pada menyempurnakan nishabnya. (Jika dia mendapat) galian itu (pada bumi orang lain maka ia), iaitu apa yang dia keluarkan itu (milik tuannya), iaitu bumi itu.

(وَإِنْ وَجَدَ رِكَازًا مِنْ دَفِينِ الْجَاهِلِيَّةِ) بشرط أن يعلم أن دافنه بلغته الدعوة، وإلا كان فيئا وهو لا زكاة فيه بل يرد لبیت المال، (وهو)، أي ما وجده (نصاب ذهب أو فضة في أرض موات) لا ملك عليها لأحد (ففيه) حينئذ (الخمس في الحال) لا بعد عام.

864. (Jika dia mendapat rikaz berupa harta tanaman orang jahiliyah), dengan syarat tidak diketahui bahawa penanamnya telah sampai kepadanya seruan Islam, jika tidak adalah ia fai' yang mana ia tidak ada zakat padanya bahkan dihantar ia kepada baitulmal, (dan ianya), iaitu apa yang dia dapati itu, (satu nishab emas atau perak, pada bumi mawat) yang tidak ada pemilikan di atasnya bagi sesaorang, (maka padanya) ketika itu (satu perlina pada masa itu juga), bukan selepas setahun.

(وَإِنْ وَجَدَهُ)، أي دفين الجاهلية، (في ملك فهو لصاحب الملك) إن ادعاه والإفلمن من فوقه. وهكذا حتى ينتهي للمحيي فهو له وإن لم يدعه.

865. (Jika dia mendapatinya), iaitu barang tanaman jahiliyah, (didalam pemilikan maka ia bagi tuan milik itu) jika dia mendakwanya. Jika tidak kembalilah ia kepada orang yang di atasnya. Beginilah sehingga sampai kepada orang yang menghidupkannya, maka ia miliknya, sekalipun dia tidak mendakwanya.

(أو) وجدته (في مسجد أو في شارع أو كان من دفين الإسلام)، بأن كان عليه علامة إسلام كنقش قرآن أو ذكر، وكذا إن لم يعلم أهو دفين جاهلية أو إسلام، (فهو لقطه)، فيعرفه سنة ويتملكه.

866. (atau) dia mendapatnya (didalam masjid atau pada jalan raya atau adalah ia barang tanaman orang Islam) dengan bahawa ada di atasnya tanda Islam seperti ukiran Quran atau zikir, begitu juga jika dia tidak mengetahui adakah ia barang tanaman jahiliyah atau Islam, (maka ianya luqathah), maka dia memperwawakannya setahun dan memilikinya.

(بَابُ زَكَاةِ الْفِطْرِ)

وأضيفت للفتور لأن من أسباب وجوبها الفتور. (تجب على كل حر مسلم إذا وجد ما يؤدّيه في الفطرة). فلا زكاة على رقيق ولو مبعضا ولا على كافر ولا على معسر. وأشار لما به الإيسار بقوله:

867. @BAB ZAKAT FITRI. Diidhafatkan zakat kepada "fitr" kerana daripada sebab-sebab ujudnya adalah fitrah manusia. (Wajib ia keatas setiap orang

merdeka yang Islam apabila dia mendapat apa yang boleh dia bayarkan pada zakat fitrah). Maka tidak ada zakat keatas hamba walaupun muba'ad dan tidak keatas kafir dan tidak keatas orang susah. Dia isyarat kepada apa yang dengannya ada sifat senang itu dengan katanya:

(فَاضِلًا عَنْ قُوْتِهِ وَقُوْتِ مَنْ تَلَزَمَهُ نَفَقَتُهُ وَكِسْوَتَهُمْ لَيْلَةَ الْعِيْدِ وَيَوْمِهِ)، فلا بد أن يكون ما يخرج فاضلا عن ذلك كله هذا الزمان.

868. (lebih dari makanan asas dirinya dan makanan asas orang yang melazimi dia nafkahnya dan pakaian mereka pada malam raya dan siangnya). Maka tidak dapat tidak bahawa adalah apa yang dia keluarkan itu lebih dari demikian itu semuanya dalam tempoh ini.

(وَ) أن يكون فاضلا (عَنْ دَيْنٍ). وهذا ما رجحه المصنف، ولكن المرجح عند المتأخرين أن الدين لا يمنع وجوب زكاة الفطر كزكاة النقد. (وَ) كذا يشترط أن يكون فاضلا عن (مَسْكَنٍ وَعَبْدٍ يَحْتَاجُهُ). فلو لم يكن عنده ما يفضل عن ذلك سقطت عنه الزكاة. (فَلَوْ فَضُلَ بَعْضُ مَا يُؤَدِّيهِ لَزِمَهُ إِخْرَاجُهُ)، أي البعض، كأن لزمه صاع فلم يجد إلا نصفه لزمه إخراج النصف.

869. (dan) bahawa adalah ia lebih (dari hutang). Ini apa ditarjihkan oleh musannif. Akan tetapi yang ditarjihkan di sisi ulamak mutakhir bahawa hutang tidak menghalang wajib zakat fitrah sama seperti zakat duit. (dan) begitu juga disyaratkan bahawa adalah ia lebih dari (tempat tinggal dan hamba yang dia perlukannya). Maka kalau tidak ada di sisinya apa yang lebih dari demikian itu gugurlah zakat itu darinya. (Maka kalau lebih sebahagian apa yang dia kena membayarnya lazim dia mengeluarkannya), iaitu sebahagian itu, seperti bahawa melaziminya satu gantang maka dia tidak mendapat melainkan setengahnya lazim dia mengeluarkan setengah itu.

(وَمَنْ لَزِمَتْهُ فِطْرَتُهُ) بأن تحققت فيه الشروط التي ذكرت (لَزِمَتْهُ فِطْرَةُ كُلِّ مَنْ تَلَزَمَهُ نَفَقَتُهُ مِنْ زَوْجَةٍ وَقَرِيبٍ وَمَمْلُوكٍ إِنْ كَانُوا مُسْلِمِينَ وَوَجَدَ مَا يُؤَدِّي عَنْهُمْ). فالزوجة كما يلزمه نفقتها يلزمه زكاتها، وكذا قريبه من ابن صغير أو كبير لا يمكنه الكسب، وكذا أب وأم فقراء ومملوك، (لَكِنْ لَا تَلَزِمُهُ فِطْرَةُ زَوْجَةِ الْأَبِ الْمُعْسِرِ وَمُسْتَوْلَدَتِهِ وَإِنْ لَزِمَتْهُ نَفَقَتُهُمَا).

870. (Orang yang melaziminya fitrah dirinya) dengan bahawa pasti padanya syarat-syarat yang disebutkan tadi (melazimi dia fitrah setiap orang yang melazim dia nafkahnya, daripada isterinya dan kerabatnya dan hambanya jika mereka itu muslim dan dia mendapat apa yang boleh dia bayar dari mereka itu). Maka isteri sepertimana melazimi dia nafkahnya melazimi dia zakatnya. Begitu juga kerabatnya, daripada anak yang kecil atau yang besar yang tidak mampu berusaha, begitu juga bapa dan ibu yang fakir dan hamba. (Akan tetapi tidak melazimi dia fitrah isteri bapa yang susah dan mustauladahnya sekalipun melazimi dia nafkah kedua mereka itu).

(وَمَنْ لَزِمَهُ فِطْرَةٌ وَوَجَدَ بَعْضَهَا بَدَأَ بِنَفْسِهِ ثُمَّ زَوْجَتِهِ ثُمَّ ابْنَهُ الصَّغِيرَ ثُمَّ أَبِيهِ ثُمَّ أُمَّهُ ثُمَّ ابْنَهُ الْكَبِيرَ) الذي لا كسب له و هو ز من أو مجنون. (وَلَوْ تَزَوَّجَ مُعْسِرٌ) بامرأة (مُوسِرَةً أَوْ بِأَمَةٍ لَزِمَتْ سَيِّدُ الْأَمَةِ فِطْرَةَ لِأَمَتِهِ) حيث كان الزوج معسرا، فترجع فطرتها على سيدها. (وَلَا تَلْزِمُ الْحُرَّةُ) التي زوجها معسر وهي موسرة (فِطْرَةَ نَفْسِهَا)، بل تسقط عنها كما سقطت عن الزوج. (وَقِيلَ تَلْزِمُهَا)، أي تلزم الزكاة الحرة المذكورة.

871. (Orang yang dilazimi oleh fitrah dan dia mendapat sebahagiannya dia mulakan dengan dirinya kemudian isterinya kemudian anaknya yang kecil kemudian bapanya kemudian emaknya kemudian anaknya yang besar) yang tidak ada usaha baginya walhal dia lumpuh atau gila. (Kalau seorang lelaki yang susah berkahwin) dengan perempuan (yang senang atau dengan amah melazimi penghulu amah itu oleh zakat amahnya) sekira-kira adalah suami itu susah, maka fitrahnya kembali kepada penghulunya. (Ia tidak melazimi perempuan merdeka) yang suaminya susah dan dia senang (oleh fitrah dirinya), bahkan ia gugur darinya sepertimana ia gugur dari suaminya. (Dikatakan ia melaziminya), iaitu zakat melazimi perempuan tersebut.

(وَسَبَبُ الْوُجُوبِ إِدْرَاكُ غُرُوبِ الشَّمْسِ لَيْلَةَ الْفِطْرِ). ولا بد من إدراك جزء من شوال مع الجزء المذكور. فالسبب الأول هو رمضان كلا أو بعضا بدليل أنه يجوز إخراجها من أول رمضان.

872. (Sebab wajibnya adalah mendapat ghurub matahari pada malam fitri). Dan tidak dapat tidak dari mendapat satu juzuk daripada syawal berserta satu juzuk yang disebutkan itu. Maka sebab pertama adalah ramadhan keseluruhannya atau sebahagiannya dengan dalil bahawa harus mengeluarkannya dari awal ramadhan.

(فَلَوْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ أَوْ تَزَوَّجَ أَوْ اشْتَرَى) عبدا وحصل كل ذلك المذكور (قَبْلَ الْغُرُوبِ وَمَاتَ عَقِبَ الْغُرُوبِ لَزِمَتْهُ فِطْرَتُهُمْ) لإدراكهم سبب الوجوب. (وَإِنْ وُجِدُوا بَعْدَ الْغُرُوبِ لَمْ تَجِبْ فِطْرَتُهُمْ) لعدم إدراك سبب الوجوب.

873. (Maka kalau dilahirkan bagi seorang akan seorang anak atau dia berkahwin atau membeli) hamba dan terhasil semua yang disebutkan itu (sebelum ghurub dan dia mati mengiringi ghurub itu melaziminya fitrah mereka itu) kerana mendapat mereka sebab wajibnya. (Jika mereka didapati selepas ghurub tidak wajib fitrah mereka itu) kerana tidak didapati sebab wajibnya.

(ثُمَّ الْوَاجِبُ صَاعٌ عَنِ كُلِّ شَخْصٍ) مما يقتات في بلد الوجوب من بر أو ذرة أو شعير أو غير ذلك. (وَهُوَ خَمْسَةٌ أَرْطَالٍ وَثُلُثُ بَغْدَادِيَّةٍ، وَبِالْمِصْرِيِّ) وهو مائة وأربعة وأربعون درهما (أَرْبَعَةٌ) أُرْطَالٍ (وَنِصْفٌ وَرُبْعٌ) من الرطل

وَسُبُعُ أَوْقِيَةٍ مِنَ الْأَقْوَاتِ الَّتِي تَجِبُ فِيهَا الزَّكَاةُ مِنْ غَالِبِ قُوْتِ الْبُلْدِ) أي بلد المؤدى عنه الزكاة.

874. (Kemudian yang wajib adalah satu gantang dari tiap seorang) daripada apa yang dijadikan makanan asas pada tempat wajibnya, berupa gandum atau jagung atau barli atau selain itu. (Ianya lima dan satu pertiga kati Baghdad, dan dengan kati Mesir) yang mana ia seratus empat puluh empat dirham (adalah empat) kati (dan setengah dan satu perempat) kati (dan satu pertujuh uqiah, berupa makanan-makanan asas yang wajib zakat padanya, daripada makanan asas tempatan yang ghalib), iaitu tempat orang yang dibayar zakat itu darinya

(وَيُجْزَى الْأَقْطُ وَاللَّبَنُ لِمَنْ قُوْتُهُمْ ذَلِكَ). وَالْأَقْطُ بفتح الهمزة وكسر القاف لين يابس. (فَإِنْ أَخْرَجَ مِنْ أَعْلَى قُوْتِ بَلَدِهِ أَجْزَأَهُ) وَأَعْلَى الْأَقْوَاتِ الْبَرِّ، (أَوْ) إِنْ أَخْرَجَ مِنْ (دُونِهِ) أَي قُوْتِ بَلَدِهِ (فَلَا) يَجْزَى كَأَنَّ كَانُوا يَقْتَاتُونَ الْبَرَّ فَأَخْرَجَ ذَرَّةً.

875. (Memada oleh aqit dan susu bagi orang yang makanan asas mereka demikian itu). "أقط" dengan fathah hamzah dan kasrah qaf adalah susu kering. (Maka jika dia mengeluarkan dari yang lebih tinggi daripada makanan asas tempatannya ia memadainya) –yang paling tinggi daripada makanan-makanan asas itu adalah gandum- (atau) jika dia mengeluarkan dari (yang lebih rendah daripadanya), iaitu makanan asas tempatannya, (maka tidak) memada ia, seperti bahawa adalah mereka memakan gandum maka dia mengeluarkan jagung.

(وَيَجُوزُ الْإِخْرَاجُ فِي جَمِيعِ رَمَضَانَ) لأنه بحلوله وجد أحد السببين فيه يدخل الجواز. (وَالْأَفْضَلُ) إِخْرَاجُهَا (يَوْمَ الْعِيدِ قَبْلَ الصَّلَاةِ). وَلَا يَجُوزُ تَأْخِيرُهَا عَنْ يَوْمِ الْفِطْرِ. فَإِنْ أَخْرَجَ عَنْهُ أَثِمَ) لفوات الغرض الشرعي وهو إغناء الفقراء ذلك اليوم، (وَلَزِمَهُ الْقَضَاءُ) لأنها حق مالي فلا تفوت بفوات وقتها.

876. (Harus mengeluarkannya sepanjang ramadhan) kerana dengan masuk ramadhan didapati satu daripada dua sebab padanya, masuk oleh harusnya. (Yang terafdhal) adalah mengeluarkannya (pada hari raya, sebelum shalat. Tidak harus melewatkannya dari hari raya fitri. Maka jika dia melewatkan darinya dia berdosa) kerana luput tujuan syara' iaitu menyenangkan para fakir pada hari itu, (dan lazim dia mengkadha) kerana ia adalah hak yang jenis harta maka tidak luput ia dengan luput waktunya.

(بَابُ قِسْمِ الصَّدَقَاتِ عَلَى مُسْتَحَقِّيْهَا)

(مَتَى حَالَ الْحَوْلِ) أَي مَضَى (وَقَدَرَ) الْمَالِكِ (عَلَى الْإِخْرَاجِ بِأَنْ وَجَدَ الْأَصْنَافَ) الثَّمَانِيَةَ أَوْ بَعْضَهُمْ (وَمَالُهُ حَاضِرٌ) غَيْرَ غَائِبٍ مَسَافَةً قَصْرًا وَبِهَذِهِ الْمَذْكُورَاتِ تَتِمُّ الْقُدْرَةُ عَلَى الْإِخْرَاجِ، وَإِذَا حَصَلَتِ الْقُدْرَةُ (حَرْمٌ عَلَيْهِ التَّأْخِيرُ)

عن صرفها (إِلَّا أَنْ يَنْتَظِرَ فَقِيرًا أَحَقَّ مِنَ الْمُؤْجُودِينَ كَقَرِيبٍ وَجَارٍ وَأَصْلَحٍ وَأُخْوَجٍ)، فلا يحرم التأخير لأجلهم إلا إذا اشتد ضرر الحاضرين.

877. @BAB PEMBAHAGIAN SEDEKAH KEPADA ORANG YANG BERHAK KEPADANYA. (Bila cukup haul), iaitu berlalu haul, (dan kuasa) pemilik harta (diatas mengeluarkan zakat dengan bahawa dia mendapati asnaf) yang lapan itu atau sebahagian mereka (dan hartanya hadir), tidak ghaib pada jarak qasar, yang mana dengan semua ini sempurna adalah kuasa diatas mengeluarkannya, dan apabila terhasil kuasa itu (haram diatasnya melewati) dari memalingkannya (melainkan bahawa dia menunggu fakir yang lebih berhak daripada yang ada seperti kerabatnya dan jirannya dan fakir yang lebih sesuai dan lebih berhajat), maka tidak haram melewati demi mereka, melainkan apabila kuat mudharat para fakir yang hadir.

(وَكُلُّ مَالٍ وَجَبَتْ زَكَاتُهُ بِحَوْلٍ وَنِصَابٍ) كالنقد و عروض التجارة لا الثمار والنبات (جَازَ تَقْدِيمُ الزَّكَاةِ عَلَى الْحَوْلِ)، أي تمامه. ويجوز تقديمها (بَعْدَ مَلِكِ النَّصَابِ لِحَوْلٍ وَاحِدٍ). فلا يجوز تقديمها لحولين فأكثر.

878. (Setiap harta yang wajib zakatnya dengan haul dan nishab) seperti duit dan barang perniagaan, tidak buah dan tumbuhan, (harus mendulukan zakat diatas haul), iaitu sempurna. Dan harus mendulukannya (selepas memilik nishab untuk satu haul), maka tidak harus mendulukannya untuk dua haul maka lebih.

(وَ) إذا قدمها يفصل ويقال (إِذَا حَالَ الْحَوْلُ) الذي قدمت على تمامه (وَالْقَابِضُ بِصِفَةِ الْأَسْتِحْقَاقِ) لم يتغير حاله من الفقر إلى الغنى (وَالدَّافِعُ) له هو المزكى (بِصِفَةِ الْوُجُوبِ) لم يتغير حاله من الغنى إلى الفقر (وَالْمَالُ بِحَالِهِ) لم ينقص عن نصاب ولم يخرج عن ملكه (وَقَعَ الْمُعْجَلُ عَنِ الزَّكَاةِ).

879. (Dan) apabila dia mendulukannya ditafsirkan dan dikatakan: (bila sampai haul) yang didulukan zakat diatas sempurna (walhal si penerimanya masih dengan sifat berhak) tidak berubah keadaannya dari fakir kepada kaya, (dan si pemberi)nya iaitu orang yang mengeluarkan zakat itu (masih dengan sifat wajibnya) tidak berubah keadaannya dari kaya kepada fakir, (dan hartanya dengan keadaannya) tidak kurang dari nishab dan tidak keluar dari pemilikannya, (jatuhlah yang disegerakan itu dari zakat),

(وَإِنْ مَاتَ الْفَقِيرُ أَوْ اسْتَعْنَى بِغَيْرِ الزَّكَاةِ). محترز قوله والقابض بصفة الاستحقاق. وأما لو استعنى بالزكاة بأن أعطى منها ما صار به غير فقير فلا يضر. (أَوْ مَاتَ الدَّافِعُ). محترز قوله والدافع بصفة الوجوب.

880. (Jika si fakir itu mati atau menjadi kaya dengan selain zakat) - muhtaraz dari katanya "penerima dengan sifat berhak". Adapun kalau dia kaya dengan zakat dengan bahawa diberikan dia daripadanya akan apa yang

dengannya dia menjadi tidak fakir maka tidak mudharat- (**atau mati si pemberi itu**) –muhtaraz katanya “dan pemberi dengan sifat wajibnya”-
(أَوْ نَقَصَ مَالَهُ عَنِ النَّصَابِ بِأَكْثَرِ مِنَ الْمُعْجَلِ). محترز قوله والمال بحاله.
 وأما لو نقص عن النصاب بالمعجل كأن كان عنده أربعون شاة فعجل منها شاة
 وحال الحول وهي تسعة وثلاثون فلا يضر. وأما إذا زاد النقص عن ذلك وتم
 الحول وهي بتلك الصفة فلا يقع المعجل عن الزكاة، بل هي غير واجبة.
(وَلَوْ) كان النقص المذكور (ببيع) كأن باع من التسعة والثلاثين واحدة

881. (**atau kurang hartanya dari nishab dengan lebih dari apa yang disegerakan itu**) –muhtaraz katanya “dan harta itu dengan keadaannya”.
 Adapun kalau ia kurang dari nishab dengan kadar yang disegerakan itu seperti
 bahawa ada disisinya empat puluh ekor kambing maka dia menyegerakan
 daripadanya seekor dan cukup haul sedang kambingnya tiga puluh sembilan ekor
 maka tidak memudharatkan. Adapun apabila kurang itu lebih dari demikian itu
 dan sempurna haul sedang ia dengan sifat itu maka tidak jatuh apa yang
 disegerakan itu dari zakat, bahkan ia sedekah yang tidak wajib. (**walaupun**)
 adalah kurang itu (**dengan jualan**) seperti bahawa dia menjual dari tiga puluh
 sembilan itu akan seekor

(لَمْ يَقَعْ الْمُعْجَلُ عَنِ الزَّكَاةِ) في تلك الصور. (وَيَسْتَرُدُّهُ) من الآخذ (إِنْ بَيَّنَّ
أَنَّهُ مُعْجَلٌ) عند الدفع كأن قال زكاتي المعجلة أو علم الآخذ ذلك.

882. (**tidak jatuh apa yang disegerakan itu dari zakat**) pada gambaran-
 gambaran ini, (**dan dia memintanya balik**) dari orang yang mengambilnya
(jika dia menerangkan bahawa ianya zakat yang disegerakan) ketika
 memberikannya seperti bahawa dia kata “zakat ku yang disegerakan” atau yang
 mengambil itu tahukan demikian itu.

(فَبِإِنْ كَانَ) المعجل (بِأَقْبِيَا رَدَّهُ بِزِيَادَتِهِ الْمُتَّصِلَةِ) به (كَالسَّمْنِ، لَا الْمُفْصَلَةِ
كَالْوَلَدِ. وَإِنْ تَلَفُ) المعجل و(أَخَذَ) الدافع (بَدَلَهُ) من مثل أو قيمة، والعبرة
بقيمته وقت القبض لا وقت التلف. (ثُمَّ) بعد قبضه (يُخْرِجُ ثَانِيًا) الزكاة (إِنْ
كَانَ) المزكى (بِصِفَةِ الْوَجُوبِ) من كونه مالكًا لنصاب.

883. (**Maka jika adalah**) yang disegerakan itu (**masih ada dia memulangkannya dengan tambahannya yang berhubung**) dengannya
(seperti gemuk, tidak yang tercerai seperti anak. Jika binasa) yang
 disegerakan itu dan (**mengambil**) si pemberi itu (**akan gantinya**) daripada
 yang seumpama atau nilai. Dan perkiraan nilainya adalah pada waktu ambil
 bukan waktu binasa. (**kemudian**) selepas dia mengambilnya (**dia**
mengeluarkan kali kedua) akan zakat (**jika adalah**) pemberi zakat itu
(dengan sifat wajib zakat) daripada keadaannya pemilik nishab.

(ثُمَّ الْمُخْرَجُ) المعجل (كَالْبَاقِي عَلَىٰ مَلِكِهِ حَتَّىٰ لَوْ عَجَّلَ شَاةً عَنْ مِائَةٍ وَعِشْرِينَ ثُمَّ وُلِدَ لَهُ سَخْلَةٌ) فتم له بها وبالمعجلة مائة وإحدى وعشرون وفيها شاتان أخرج واحدة (فَلَزِمَهُ شَاةٌ أُخْرَىٰ).

884. (Kemudian apa yang dikeluarkan) yang disegerakan itu (sama seperti apa yang kekal didalam pemilikannya, hinggakan kalau dia menyegerakan seekor dari seratus dua puluh ekor kemudian lahir baginya seekor anak kambing) maka sempurnalah baginya dengan anak kambing itu dan dengan apa yang telah disegerakan itu seratus dua puluh satu ekor yang mana padanya dua ekor kambing, dia mengeluarkan seekor (maka melaziminya seekor lagi).

(وَيَجُوزُ) للمالك (أَنْ يُفَرِّقَ زَكَاتَهُ بِنَفْسِهِ أَوْ بِوَكِيلِهِ. وَيَجُوزُ أَنْ يَدْفَعَهَا إِلَى الْإِمَامِ وَهُوَ أَفْضَلُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ) الإمام (جَائِرًا فَتَفْرِيقُهُ بِنَفْسِهِ أَفْضَلُ). لا فرق بين المال الباطن كعروض التجارة والنقد والظاهر كالأنعام.

885. (Harus) pemilik (mengagihkan zakatnya dengan sendiri atau dengan wakilnya, dan harus bahawa dia menyerahkannya kepada imam yang mana ia terafdhal, melainkan bahawa adalah) imam itu (zalim maka mengagihkannya sendiri terafdhal). Tidak ada beza di antara harta batin seperti barang perniagaan dan duit dan harta zahir seperti ternakan na'am.

(وَيُنْدَبُ لِلْفَقِيرِ وَالسَّاعِي) الآخذ للزكاة من طرف الإمام (أَنْ يَدْعُوَ لِلْمُعْطِي فَيَقُولُ أَجْرَكَ اللَّهُ فِيمَا أُعْطَيْتَ وَبَارَكَ لَكَ فِيمَا أَبْقَيْتَ وَجَعَلَهُ) أي ما أعطيته (لَكَ طَهُورًا) من الذنوب وداء البخل.

886. (Sunat bagi fakir dan amil) yang mengambil zakat dari pihak imam (bahawa mereka mendoakan pemberi zakat maka dia mengucapkan "moga Allah memberi ganjaran kepada kamu pada apa yang kamu berikan dan memberkati kamu pada apa yang kamu kekalkan dan menjadikannya), iaitu apa yang telah kamu berikan itu, (sebagai penyuci buat kamu) dari dosa dan penyakit tamak".

(وَمِنْ شُرُوطِ الْأَجْزَاءِ النَّيَّةُ) للزكاة (فَيَنْوِي عِنْدَ الدَّفْعِ إِلَى الْفَقِيرِ أَوْ) الدَّفْعِ (إِلَى الْوَكِيلِ أَنْ هَذَا) المخرج (زَكَاتَ مَالِي. فَإِذَا نَوَى الْمَالِكُ لَمْ تَجِبْ نِيَّةُ الْوَكِيلِ عِنْدَ الدَّفْعِ) إلى الفقير. وإن وكله بالذية وبالذفع جاز، فكما تجوز الوكالة في التفريق تجوز في النية.

887. (Daripada syarat-syarat memadanya adalah niat) zakat. (Maka dia berniat di sisi menyerahkannya kepada fakir atau) menyerahkan (kepada wakil bahawa ini) yang dikeluarkan (adalah zakat harta ku. Maka apabila pemilik berniat tidak wajib niat wakil di sisi menyerahkan) kepada fakir. Dan jika dia mewakilkannya dengan niat dan dengan penyerahan zakat harus ia. Maka sepertimana harus wakilan pada pengagihan harus ia pada niat.

(وَيُنْدَبُ لِلْإِمَامِ أَنْ يَبْعَثَ عَامِلًا) على الزكوات، بأن يأخذها ممن وجبت عليه من أربابها ليحضرها إليه. ولا بد أن يكون العامل (مُسْلِمًا حُرًّا عَدْلًا فَقِيهًا فِي الزَّكَاةِ غَيْرَ هَاشِمِيٍّ وَ) لا (مُطَّلِبِيٍّ) لأن العامل يأخذ قسطا من الزكاة وهما تحرم عليهما الزكاة.

888. (**Sunat bagi imam mengutus amil**) diatas zakat-zakat dengan bahawa dia mengambilnya dari orang yang wajib ia diatasnya daripada tuan-tuannya untuk dia menghadrirkan zakat itu kepadanya. Tidak dapat tidak bahawa adalah amil itu (**muslim merdeka adil fakih pada zakat, selain Bani Hasyim dan**) bukan (**Bani Muttalib**) kerana amil itu mengambil satu agihan daripada zakat yang mana keduanya haram zakat diatas mereka.

(وَيَجِبُ صَرْفُ الزَّكَاةِ إِلَى ثَمَانِيَةِ أَصْنَافٍ، لِكُلِّ صِنْفٍ ثَمْنُ الزَّكَاةِ) إن قسم الإمام المال واحتيج إلى العامل. وإلا سقط سهمه فتقسم على سبعة.

889. (**Wajib memalingkan zakat kepada lapan asnaf, bagi setiap asnaf satu perlapan zakat**) jika imam membahagikan harta itu dan diperlukan 'amil. Jika tidak gugur sahamnya maka dibahagikan ja keatas tujuh.

(أَحَدُهَا الْفُقَرَاءُ وَالْفَقِيرُ مَنْ لَا يَقْدِرُ عَلَى مَا يَقَعُ مَوْقِعًا مِنْ كِفَايَتِهِ)، أي لا يسد مسدا، بأن لم يكن له مال أصلا أو له لكن لا يبلغ من حاجته، (وَ) الحال أنه (عَجَزَ عَنِ كَسْبِ يَلِيْقٍ بِهِ أَوْ) قدر عليه لكن (شَغَلَهُ الْكَسْبُ عَنِ الْإِسْتِعَالِ بِعِلْمٍ شَرْعِيٍّ) يحتاجه لتصحيح عبادة أو ليكون ذا قدرة على الفتوى وهو من يرجى منه ذلك. فكل هؤلاء فقراء.

890. (**Satu daripadanya orang fakir. Fakir itu orang yang tidak mampu menghasilkan apa yang jatuh pada sebahagian daripada kecukupannya**), iaitu ia tidak menutupi keperluannya, dengan bahawa tidak ada baginya harta sama sekali atau ada ia baginya akan tetapi tidak sampai kepada hajatnya, (wal) hal (**dia lemah dari usaha yang layak dengannya atau**) kuasa dia diatasnya akan tetapi (**menyibukkan dia oleh usaha itu dari bersibuk dengan ilmu syara'**) yang dia perlukan untuk membetulkan ibadat atau untuk dia mampu berfatwa yang mana dia orang yang diharapkan demikian itu darinya. Maka semua itu adalah fakir.

(فَإِنْ شَغَلَهُ) عن (التَّعَبُّدِ) فقط (فَلَيْسَ بِفَقِيرٍ)، بل يكتسب ولا يأخذ من الزكاة. (وَلَوْ كَانَ لَهُ مَالٌ غَائِبٌ بِمَسَافَةِ الْقَصْرِ أُعْطِيَ) من الزكاة لأن ماله كالمعدوم. (وَإِنْ كَانَ مُسْتَعْنِيًا بِنَفَقَةٍ مَنْ تَزَمَّتْهُ نَفَقَتُهُ مِنْ زَوْجٍ وَقَرِيبٍ فَلَا) يعطى من الزكاة لغناه بالنفقة.

891. (**Maka jika ia menyibukkan dia**) dari (**beribadat**) sahaja (**maka dia bukan fakir**), bahkan dia kena berusaha dan tidak mengambil daripada zakat. (**Kalau ada baginya harta yang ghaib pada jarak qasar diberikan dia**) dari zakat kerana hartanya seperti tidak ada. (**Jika dia seorang yang cukup dengan nafkah orang yang dilazimi nafkahnya, berupa suami dan**

kerabat maka tidak) diberikan dia daripada zakat kerana kayanya dengan nafkah itu.

و(الثَّانِي) من الأصناف (المساكين. والمسدكين من وجد) له (ما يقع موقعا من كفايته)، أي وجد عنده مال، (ولا يكفي) لمؤنته ومؤنة من تلزمه نفقته، ولكن يسد محلا من حاجته بأن يكفي نصفها أو أكثر. (مثل أن يريد خمسة فيجد ثلاثة أو أربعة. ويأتي فيه ما قيل في الفقير)، مثل إن عجز عن كسب يليق به لزمانة أو اشتغال بعلم.

892. (Yang kedua) daripada asnaf-asnaf itu (**orang miskin. Miskin itu orang yang mendapat**) ada bagi dirinya (**apa yang jatuh pada juzuk daripada kecukupannya**), iaitu didapati di sisinya harta, (**serta ia tidak mencukupinya**) untuk saraannya dan saraan orang yang melazimi dia nafkahnya, akan tetapi ia menutupi satu juzuk daripada hajatnya dengan bahawa ia mencukupi setengahnya atau lebih. (**Seumpama bahawa dia hendak kepada lima maka dia mendapat tiga atau empat. Datang padanya apa yang dikatakan pada fakir**), seumpama jika dia lemah dari usaha yang layak dengannya kerana lumpuh atau sibuk dengan ilmu.

ويعطى الفقير والمسكين ما يزيل حاجتهما من عدة يكتسب بها أو مال يتجر به على حسب ما يليق به، فيتفاوت بين الجوهري والبرازي هو من يبيع البز أي القماش، (والبقال) من يبيع الحبوب والزيت، وهو خلاف البقلي وهو من يبيع البقل وهي خضراوات الأرض، (وعغيرهم) من أرباب التجارة.

893. (**Diberikan fakir dan miskin apa yang menghilangkan hajat kedua mereka berupa persiapan untuk bekerja dengannya, atau harta yang dia boleh berniaga dengannya mengikut apa yang layak dengannya, maka berlebih kurang ia di antara tukang permata dan bazzaz**) iaitu orang yang menjual kain (**dan baqqal**) iaitu orang yang menjual biji-bijian dan minyak, yang mana ia berbeza dengan baqliy iaitu orang yang menjual sayuran iaitu sayuran hijau, (**dan selain mereka**) daripada ahli-ahli perniagaan.

(فإن لم يخترف)، أي لم يحسن تجارة ولا صناعة، (أعطى كفاية العمر الغالب) وهو ستون سنة (لمثله)، من كفايته وكفاية ممونه على قدر أمثاله. (وقيل) يعطى (كفاية سنة فقط). والأول هو المشهور في المذهب.

894. (**Maka jika dia tidak ada kerjaya**), iaitu dia tidak pandai berniaga dan bertukang, (**diberikan dia kecukupan umur yang ghalib**), iaitu enam puluh tahun, (**bagi orang seumpamanya**), berupa kecukupannya dan kecukupan orang yang ditanggungnya mengikut kadar orang yang seumpama dengannya. (**Dikatakan**) diberikan (**kecukupan setahun sahaja**). Yang pertama itu adalah yang masyhur pada mazhab.

(وهذا)، أي إعطاء كفاية العمر الغالب، (مفروض مع كثرة الزكاة، إما بأن فرّق الإمام الزكاة أو رب المال وكان المال كثيرا. وإلا) بأن كان المفروق رب

المال وهو قليل (فَلِكُلِّ صِنْفٍ) من الأصناف (الثَّمْنُ كَيْفَ كَانَ) من كفاية ما ذكر أم لا.

895. (Ini), iaitu beri kecukupan umur yang ghalib, (difardhukan beserta banyak zakat itu, sama ada dengan bahawa imam yang membahagi-bahagikan zakat itu atau tuan harta dan adalah hartanya banyak. Jika tidak) dengan bahawa yang membahagi-bahagikan itu tuan harta dan ianya sedikit (maka bagi setiap asnaf) daripada asnaf-asnaf itu (satu perlapan betapa ada ia), daripada kecukupan apa yang disebutkan tadi.

(الثَّالِثُ) من الأصناف (الْعَامِلُونَ. وَهُمْ الَّذِينَ يَبِيعُهُمُ الْإِمَامُ كَمَا تَقَدَّمَ) أول الباب. (فَمِنْهُمْ)، أي العاملين، (السَّاعِي وَالْكَاتِبُ). الأول من يحصلها، والثاني من يكتب ما أعطاه أرباب الأموال. (وَالْحَاشِرُ) من يجمع أرباب الأموال أو ذوي السهمان. (وَالْقَاسِمُ) من يقسمها على أربابها.

896. (Yang ketiga) daripada asnaf-asnaf itu (amil. Mereka itu orang yang imam hantar seperti mana yang telah lalu) pada awal bab ini. (Maka daripada mereka itu), iaitu amil-amil itu, (sai'e dan tukang tulis). Yang pertama itu orang yang mendapatkannya dan yang keduanya orang yang menulis apa yang diberikan tuan harta. (dan tukang kumpul), iaitu orang yang menghimpunkan tuan harta atau tuan saham. (dan tukang bahagi) iaitu orang yang membahagi-bahagikannya keatas orang yang berhak zakat.

(فَيَجْعَلُ لِلْعَامِلِ) الشامل لما ذكر (الثَّمْنُ. فَإِنْ كَانَ الثَّمْنُ أَكْثَرَ مِنْ أَجْرَتِهِ رُدَّ الْفَاضِلُ عَلَى الْبَاقِينَ، وَإِنْ كَانَ أَقَلَّ كَمَلَهُ مِنَ الزَّكَاةِ. هَذَا إِذَا فَرَّقَ الْإِمَامُ فَإِنْ فَرَّقَ الْمَالِكُ قَسَمَ عَلَى سَبْعَةٍ وَسَقَطَ الْعَامِلُ) فيقسمها على سبعة.

897. (Maka diperuntukkan bagi amil) yang meliputi orang yang disebutkan itu (satu perlapan. Maka jika satu perlapan itu lebih dari upahnya dia menolak yang lebih itu keatas kelompok yang tinggal lagi, dan jika ia kurang dia menyempurnakannya dari zakat itu. Ini apabila imam yang membuat pembahagian. Maka jika pemilik yang membahagi-bahagikannya dia mengagihkan keatas tujuh dan gugur amil itu) maka dia membahagi-bahagikan keatas tujuh.

(الرَّابِعُ) من الأصناف (الْمَوْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ. فَإِنْ كَانُوا كُفَرًا لَمْ يُعْطُوا) من الزكاة شيئاً. (وَإِنْ كَانُوا مُسْلِمِينَ أُعْطُوا) تأليفاً لهم حتى يقوى يقينهم. (وَالْمَوْلَفَةُ) قلوبهم (قَوْمٌ أَشْرَافٌ)، أي ذوو سيادة، (يُرْجَى حُسْنُ إِسْلَامِهِمْ) بقوة يقينهم، (أَوْ) يرجى (إِسْلَامَ نَظَرَائِهِمْ، أَوْ يَجْبُونَ)، أي يأخذون، (الزَّكَاةَ مِنْ مَانِعِيهَا) عنا حال كونهم مستقرين (بِقُرْبِهِمْ، أَوْ يُقَاتِلُونَ عَنَّا عَدُوًّا يَحْتَاجُ فِي دَفْعِهِ إِلَى مُؤْنَةٍ ثَقِيلَةٍ) ولا نحتاج إلى الصراف إذا قاتله الأشراف، فنعطي هؤلاء الأشراف من الزكاة.

898. **(Yang keempat)** daripada asnaf-asnaf itu (**orang yang djinakkan hati mereka. Maka jika mereka itu kafir tidak diberikan mereka**) suatu daripada zakat, (**dan jika mereka itu muslim diberi mereka**) kerana menjinakkan mereka sehingga keyakinan mereka kuat. (**Yang dijinakkan**) hati mereka itu (**golongan yang mulia-mulia**), iaitu mempunyai status ketua, (**yang diharapkan elok Islam mereka**) dengan kuat keyakinan mereka, (**atau**) diharapkan (**akan Islam orang yang setaraf mereka, atau mereka akan mengambil zakat dari orang yang menegahnya**) dari kita, hal keadaan mereka menetap (**berdekatan mereka itu, atau mereka akan memerangi bagi pihak kita akan musuh yang perlu pada menolaknya kepada belanja yang berat**) dan kita tidak perlu kepada mengeluarkan belanja apabila golongan mulia itu memeranginya, maka kita beri mereka yang mulia itu akan zakat.

(الْخَامِسُ) مِنَ الْأَصْنَافِ (الرَّقَابُ). وَهُمْ الْمُكَاتِبُونَ. فَيُعْطُونَ مَا يُؤَدُّونَ إِنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُمْ مَا يُؤَدُّونَ لِسَادَاتِهِمْ لِيَعْتَقُوا.

899. **(Yang kelima)** daripada asnaf-asnaf itu (**riqab. Mereka itu adalah hamba-hamba mukatab. Maka diberi mereka apa yang boleh mereka bayar jika tidak ada bersama mereka apa yang boleh mereka bayar**) kepada penghulu mereka supaya mereka merdeka.

(السَّادِسُ الْغَارْمُونَ)، وَهُمْ ثَلَاثَةُ أَقْسَامٍ. (فَإِنْ غَرَّمَ لِإِصْلَاحِ بَأْنِ اسْتَدَانَ دَيْنًا لِتَسْكِينِ فِتْنَةٍ دَمٍ) أَيْ قَتَلَ (أَوْ) تَسْكِينِ فِتْنَةٍ (مَالٍ) بَأْنِ قَامَتْ فِتْنَةٌ وَشَرَّ بَيْنَ جَمَاعَتَيْنِ بِسَبَبِ قَتْلِ أَوْ مَالِ فَاسْتَدَانَ رَجُلٌ مَالًا وَدَفَعَهُ لِتَسْكِينِ الشَّرِّ بَيْنَهُمْ (دُفِعَ إِلَيْهِ) وَلَوْ (مَعَ الْغَنَى)، فَيُعْطَى مَا يُوْفِي بِهِ الدَّيْنَ إِذَا كَانَ بَاقِيًا. أَمَا لَوْ وَفَاهُ مِنْ عِنْدِهِ فَلَا يُعْطَى.

900. **(Keenamnya orang berhutang)**. Mereka itu tiga bahagian. (**Maka jika dia berhutang untuk membuat damai dengan bahawa dia berhutang untuk menenangkan fitnah darah**), iaitu pembunuhan, (**atau**) menenangkan fitnah (**harta**) dengan bahawa berlaku fitnah dan kejahatan di antara dua kumpulan dengan sebab pembunuhan atau harta maka seorang berhutang harta dan memberikannya untuk menenangkan kejahatan diantara mereka, (**diberikan kepadanya**) walaupun (**berserta kayanya**). Maka diberikan apa yang boleh dia bayar dengannya akan hutang itu apabila ia masih ada. Adapun kalau dia telah membayarnya dari sisinya maka tidak diberikan dia.

(وَإِنْ اسْتَدَانَ لِنَفَقَتِهِ وَنَفَقَةِ عِيَالِهِ دُفِعَ إِلَيْهِ) مِنَ الزَّكَاةِ (مَعَ الْفَقْرِ دُونَ الْغَنَى). وَإِنْ اسْتَدَانَ) لَمَّا ذَكَرَ أَوْ غَيْرَهُ مِنَ الْمَبَاحِ (وَصَرَّفَهُ فِي مَعْصِيَةٍ وَتَابَ دُفِعَ إِلَيْهِ فِي الْأَصَحِّ). وَلَا يُعْطَى مِنَ الزَّكَاةِ إِلَّا إِذَا كَانَ الدَّيْنُ حَالًا فَإِنْ كَانَ مُؤَجَّلًا لَمْ يُعْطَ.

901. **(Jika dia berhutang untuk nafkah dirinya dan nafkah keluarganya diberikan kepadanya)** dari zakat (**beserta papanya, tidak kayanya. Jika dia berhutang**) untuk apa yang disebutkan itu atau selainnya daripada perkara

mubah (dan dia memalingkannya pada maksiat dan telah bertaubat diberikan kepadanya, pada yang paling sah). Tidak diberikan dari zakat itu melainkan apabila adalah hutangnya sampai masa. Maka jika ia ditanggguhkan tidak diberikan dia.

(السَّابِعُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَهُمْ الْعُرَاةُ) أَي الْمَجَاهِدُونَ (الَّذِينَ لَا حَقَّ لَهُمْ فِي الدِّيَّانِ)، بَلْ هُمْ مَتَطَوِّعُونَ بِالْجِهَادِ. (فَيُعْطُونَ مَعَ الْغِنَى مَا يَكْفِيهِمْ لِعَزْوِهِمْ مِنْ سِلَاحٍ وَفَرَسٍ وَكِسْوَةٍ وَنَفَقَةٍ) لَهُ وَلِمَمُونِهِ ذَهَابًا وَإِيَابًا.

902. (Yang ketujuhannya fisabilillah. Mereka itu orang-orang yang berperang), iaitu mujahid-mujahid, (yang tidak ada hak buat mereka pada dewan), bahkan mereka itu sukarela dengan jihad. (Maka diberikan mereka beserta kaya akan apa yang mencukupi mereka untuk berperang, berupa senjata dan kuda dan pakaian dan nafkah) dirinya dan orang tanggungannya pergi dan balik.

(الثَّامِنُ ابْنُ السَّبِيلِ. وَهُوَ الْمُسَافِرُ الْمُجْتَازُ بِنَاءٍ) فِي بَلَدِ الزَّكَاةِ (أَوْ الْمُنْشَرِيُّ لِلْسَّفَرِ) مِنْ بَلَدِ الزَّكَاةِ (فِي غَيْرِ مَعْصِيَةٍ) بَأَنَّ كَانَ وَاجِبًا كَسْفَرِ الْحَجِّ أَوْ مَدْنُوبًا كزِيَارَةِ أَوْ مَبَاحًا كَتِجَارَةِ، (فَيُعْطَى) الْمَسَافِرَ الْمَذْكُورَ (نَفَقَةً وَمَرْكُوبًا مَعَ الْحَاجَةِ) لَا مَعَ الْغِنَى الْحَالِي، (وَإِنْ كَانَ) لَهُ (فِي بَلَدِهِ مَالٌ) فَهُوَ الْآنَ فَقِيرٌ.

903. (Kelapannya Ibnu sabil. Dia adalah musafir yang melintasi kita) dinegeri zakat (atau orang yang memulakan perjalanan) dari negeri zakat, (pada selain maksiat), dengan bahawa ianya wajib seperti safar haji atau sunat seperti ziarah atau mubah seperti berniaga. (Maka diberikan) musafir yang disebutkan itu (akan nafkah dan kenderaan beserta hajatnya), tidak beserta kaya pada ketika itu, (dan jika ada) baginya (pada negerinya harta sekalipun) maka dia sekarang ini fakir.

(وَمَنْ) كَانَ (فِيهِ سَبَبَان) كَفَقْرٍ وَغَرَمٍ (لَمْ يُعْطَ إِلَّا بِأَحَدِهِمَا. فَمَتَى وَجِدْتَ هَذِهِ الْأَصْنَافَ فِي بَلَدِ الْمَالِ فَنَقِلْ الزَّكَاةَ إِلَيْهِ غَيْرَهَا حَرَامًا. وَلَمْ يَجُزْ) نَقْلُهَا وَتَثَبِتُ فِي ذِمَّتِهِ، (إِلَّا أَنْ يُفَرِّقَ الْإِمَامُ، فَلَهُ النَّقْلُ) لِأَنَّهُ أَوْسَعُ نَظْرًا. (وَإِنْ كَانَ مَالُهُ بَبَادِيَةٍ أَوْ فَقَدَتْ الْأَصْنَافُ كُلُّهَا بِبَلَدِهِ نَقَلَ إِلَى أَقْرَبِ بَلَدٍ إِلَيْهِ) أَيِ الْمَرْكِيِّ.

904. (Orang) yang ada (padanya dua sebab) seperti fakir dan hutang (tidak diberikan dia melainkan dengan satu daripada keduanya. Maka bila didapati asnaf-asnaf ini pada negeri harta maka memindahkan zakat kepada selainnya haram. Tidak harus) memindahkannya, dan sabit ia didalam zimmahnya, (melainkan bahawa imam yang membuat agihan maka boleh dia memindahkannya) kerana dia lebih luas renungan. (Jika adalah hartanya di kawasan pedalaman atau luput asnaf-asnaf semuanya pada tempat tinggalnya dia pindahkan zakat kepada tempat yang paling dekat kepadanya), iaitu si pemberi zakat itu.

(وَيَجِبُ التَّسْوِيَةُ بَيْنَ الْأَصْنَافِ لِكُلِّ صِنْفٍ الثَّمَنُ، إِلَّا الْعَامِلَ فَقَدَّرَ أَجْرَتَهُ. فَإِنْ فَقَدَ صِنْفٌ فِي بَلَدِهِ، أَيِ الْمَرْكِيِّ، (فَرَّقَ نَصِيبَهُ عَلَى الْبَاقِينَ). وَكَذَا لَوْ زَادَ

عن حاجته. (فِيُعْطَى لِكُلِّ صِنْفٍ السَّبْعَ، أَوْ) فقد (صِنْفَانِ فَلِكُلِّ صِنْفٍ السُّدُسُ. وَهَكَذَا).

905. (Wajib menyamaratakan di antara asnaf-asnaf, bagi setiap asnaf satu perlapan, melainkan 'amil maka dikadarkan upahnya. Maka jika luput satu asnaf pada tempat tinggalnya) iaitu sipemberi zakat (diagihkan habuannya keatas yang tinggal lagi). Begitu juga kalau lebih ia dari keperluannya. (maka diberikan bagi setiap asnaf satu pertujuh, atau) luput (dua asnaf maka bagi setiap asnaf satu perenam. Beginilah selanjutnya).

(فَإِنْ قَسَمَ الْمَالِ وَأَحَادُ الصِّنْفِ مَحْصُورُونَ) بالعدد (أَوْ قَسَمَ الْإِمَامُ مُطْلَقًا)، أي وأحاد الصنف محصورون أو لا، (وَأَمَكَّنَ الْأَسْتَيْعَابُ)، أي إعطاء الأفراد جميعها، (لِكَثْرَةِ الْمَالِ) في صورتين (وَجَبَّ) استيعابهم.

906. (Kalau pemilik mengagihkan sedang ahli-ahli satu asnaf itu terhingga) dengan bilangan, (atau imam mengagihkan semata-mata) iaitu ahli-ahli asnaf itu terhingga atau tidak, (dan terbolelah meratakan), iaitu memberikan kesemua anggota-anggotanya, (kerana banyak harta itu) pada dua gambaran ini (wajib) meratai mereka.

(وَإِنْ قَسَمَ الْمَالِ وَهُمْ غَيْرُ مَحْصُورِينَ) أو قسم الإمام وليس في المال كثرة (فَأَقْلُ مَا يَجُوزُ أَنْ يَدْفَعَ إِلَى ثَلَاثَةٍ مِنْ كُلِّ صِنْفٍ، إِلَّا الْعَامِلَ فَيَجُوزُ) أن يكون (وَاحِدًا) بقدر الحاجة. وبما قدرناه من قولنا أو قسم الإمام إلخ ينتظم الاستثناء حيث قد علمت أن في تقسيم المالك لا يوجد عامل فلا يصح الاستثناء إلا بملاحظة ذلك المقدر.

907. (Jika pemilik yang membahagi-bahagikan sedang mereka itu tidak dapat dihingga) atau pun imam yang membahagi-bahagikan dan harta itu pula tidak banyak, (maka sekurang-kurang apa yang harus diberikan adalah kepada tiga orang dari setiap asnaf, melainkan 'amil maka harus) bahawa adalah dia (seorang) dengan kadar hajatnya. Dan dengan apa yang kita takdirkan dari kata kita "atau imam yang membahagi-bahagikan..." hingga akhir tersusun istithna sekira-kira kamu tahu bahawa pada pembahagian oleh pemilik tidak didapati 'amil maka tidak sah istithna melainkan dengan pemerhatian kepada apa yang ditakdirkan itu.

(وَيُنْدَبُ الصَّرْفُ لِأَقْرَبِهِ)، فيخصهم بالصرف، إذا لم يجب التعميم. لكن أقاربه (الذَّيْنِ لَا يَلْزِمُهُ نَفَقَتُهُمْ). وأما من تلزمه نفقتهم فلا يصح الصرف إليهم. (وَأَنْ يُفَرَّقَ عَلَى قَدْرِ الْحَاجَةِ فَيُعْطَى مَنْ يَحْتَاجُ إِلَى مِائَةٍ مَثَلًا قَدَرَ نِصْفٍ مَنْ يَحْتَاجُ مَائَتَيْنِ).

908. (Sunat memalingkannya kepada kaum kerabatnya). Maka dia mengkhususkan mereka dengan pemberian zakat apabila tidak wajib meratakan, akan tetapi kerabatnya (yang tidak melaziminya nafkah mereka). Adapun

orang yang melaziminya nafkah mereka maka tidak sah memalingkannya kepada mereka. (dan bahwa dia mengagihkan diatas kadar hajat, maka dia memberi orang yang berhajat kepada seratus sebagai contoh akan kadar setengah daripada orang yang berhajat kepada dua ratus).

(وَلَا يَجُوزُ أَنْ يَدْفَعَ لِكَافِرٍ وَلَا لِبَنِي هَاشِمٍ وَبَنِي الْمُطَّلِبِ وَلَا لِمَنْ تَلَزَمَهُ نَفَقَتُهُ كَزَوْجَةٍ وَقَرِيبٍ). فالزوجة والقريب الواجبة نفقتهما غديان بالنفقة فلا تدفع الزكاة لأحد منهما باسم الفقراء أو المساكين. ويجوز دفعها لهم باسم الغارم مثلا.

909. (Tidak harus bahwa dia memberikan kepada kafir dan tidak Bani Hasyim dan Bani Muttalib dan tidak bagi orang yang melazimi dia nafkahnya seperti isteri dan kerabatnya). Maka isteri dan kerabat yang wajib nafkah mereka adalah orang kaya dengan nafkah itu, maka tidak diberikan zakat kepada seorang daripada mereka dengan nama fakir atau miskin, dan harus memberikannya kepada mereka dengan nama orang berhutang sebagai contoh.

(وَلَوْ دَفَعَ لِفَقِيرٍ وَشَرَطَ أَنْ يَرُدَّهُ)، أي المدفوع، (عَلَيْهِ)، أي الدافع، (مِنْ دَيْنٍ لَهُ عَلَيْهِ، أَوْ قَالَ) المالك: (جَعَلْتُ مَا)، أي الشيء الذي (لِي فِي ذِمَّتِكَ زَكَاةً فَخُدُّهُ) عنها لنفسك، (لَمْ يَجُزْ) في صورتين.

910. (Kalau pemilik memberi zakat kepada fakir dan mensyaratkan agar dia memulangkannya), iaitu apa yang diberikan itu, (ke kepadanya), iaitu si pemberi itu, (dari hutang miliknya diatasnya, atau kata) pemilik (aku jadikan apa yang), iaitu suatu yang, (sabit bagi aku didalam zimmah kamu sebagai zakat maka ambillah ia) darinya untuk diri kamu, (tidak harus ia) pada gambaran ini.

(وَإِنْ دَفَعَ إِلَيْهِ) أي الفقير (بِنِيَّةٍ أَنَّهُ يَقْضِيهِ مِنْهُ) أي يؤديه له، (أَوْ قَالَ إِقْضَى مَالِي لِأَعْطَيْكَ زَكَاةً، أَوْ قَالَ الْمَدْيُونُ: أَعْطَيْ لِقَضِيكَ، جَازَ وَلَا يَلْزَمُ الْوَفَاءَ بِهِ) بالشروط الموعود به.

911. (Jika dia memberikan kepadanya), iaitu fakir, (dengan niat bahwa dia membayarnya darinya), iaitu memberikannya kepadanya, (atau dia kata: bayarlah harta aku untuk aku berikannya kepada kamu sebagai zakat, atau kata orang yang berhutang: berikan kepada aku supaya aku bayar kamu dengannya, harus ia dan tidak lazim bayar dengannya) dengan syarat yang dijanjikan itu.

(وَزَكَاةُ الْفِطْرِ فِي جَمِيعِ مَا ذَكَرْنَا) من التعميم أو الاقتصار على ثلاثة من كل صنف (كزكاة المال من غير فرق). فلو جمع جماعة فطرتهم وخطوها وفرقوها أو فرقها أحدهم بإذن الباقيين جاز. وهذه حيلة على التعميم في زكاة الفطر.

912. (**Zaka fitrah pada semua apa yang telah kami sebutkan itu**), daripada membuat rata atau menghadkan diatas tiga orang daripada setiap asnaf (**sama seperti zakat harta tanpa beza. Maka kalau sekumpulan orang menghimpunkan fitrah mereka dan menggaulkannya dan mengagihkannya, atau seorang daripada mereka mengagihkannya dengan izin yang tinggal lagi harus ia**). Ini helah diatas meratakan pada zakat fitrah.

(وَتُنْدَبُ صَدَقَةُ التَّطَوُّعِ). فيستحب أن يتصدق بما تيسر ولو قليلا، (كُلَّ وَقْتٍ. وَفِي رَمَضَانَ وَأَمَامَ الْحَاجَاتِ وَكُلَّ وَقْتٍ وَمَكَانٍ شَرِيفٍ) كعشر ذي الحجة وأيام الأعياد (أَكْثُ) من غيرها. يعني أن طلبها في هذه الأزمان أشد من طلبها في غيرها. (وَالصَّلْحَاءِ وَأَقْرَابِهِ وَعَدُوِّ مِنْهُمْ)، أي من أقاربه، (وَبِأَطْيَبِ مَالِهِ) في الحل (أَفْضَلُ) من المشبوه. ومثله الردئ.

913. (**Sunat sedekah tatawwu'**), maka sunat bahawa seorang bersedekah dengan apa yang termudah walaupun sedikit, (sepanjang masa. **Dan pada ramadhan dan di depan hajat-hajat dan setiap waktu dan tempat yang mulia**) seperti sepuluh zulkhijjah dan hari-hari perayaan, (**lebih kuat**) dari selainnya. Maksudnya bahawa tuntutan pada masa-masa ini lebih kuat dari tuntutan pada selainnya. (**Dan bagi orang-orang soleh dan kaum kerabatnya dan musuh daripada mereka**) iaitu daripada kaum kerabatnya (**dan dengan yang terbaik daripada hartanya**) pada masalah halalnya (**terafdhal**) dari yang syubhah. Seumpamanya yang buruk.

(وَيَحْرُمُ التَّصَدُّقُ بِمَا يُنْفِقُهُ عَلَى عِيَالِهِ أَوْ) بما (يَقْضِي بِهِ دَيْنَهُ الْحَدَالُ) لأنها واجبان والصدقة مندوبة. (وَيُنْدَبُ بِكُلِّ مَا فَضَّلَ إِنْ صَبَرَ عَلَى الْإِضَاقَةِ) واخلو يده.

914. (**Haram bersedekah dengan apa yang dia nafkahkan keatas keluarganya atau**) dengan apa (**yang dia bayar dengannya akan hutangnya yang sampai tempoh**) kerana keduanya wajib dan sedekah itu sunat. (**Sunat ia dengan setiap apa yang lebih jika dia sabar diatas kesempitan**) dan kosong tangannya.

(وَيُكْرَهُ أَنْ يَسْأَلَ بِوَجْهِ اللَّهِ عَيْرَ الْجَنَّةِ). يعني يكره للإنسان أن يتوسل بذات الله فيقول أسألك بوجه الله أن تعطيني كذا غير الجنة، فإنه لا يكره أن يتوسل بذاته تعالى في الجنة. (وَإِذَا سَأَلَ سَائِلٌ بِوَجْهِ اللَّهِ شَيْئًا) وتحمل الكراهة (كُرِهَ) للمسئول (رُدُّهُ) خائبا حيث توسل بذات الله.

915. (**Makruh meminta dengan wajah Allah selain syurga**). Maksudnya makruh bagi seorang bertawassul dengan zat Allah maka dia berkata: aku meminta kamu dengan wajah Allah agar kamu berikan aku sekian, selain syurga, maka tidak makruh bahawa dia bertawassul dengan zatnya taala pada syurga. (**Apabila seorang meminta dengan wajah Allah akan suatu**) dan dia

menanggung karahah itu (**makruh**) bagi orang yang diminta (**menolakny**) dalam keadaan kecewa kerana dia telah bertawassul dengan zat Allah.

(وَالْمَنُّ بِالصَّدَقَةِ حَرَامٌ)، بأن يذكر الصدقة التي أعطها لفلان، (وَيُبْطَلُ ثَوَابُهَا) حتى يصير كأنه لم يتصدق.

916. (**Mengungkit sedekah itu haram**), dengan bahawa dia menyebutkan sedekah yang telah dia berikan kepada si pulan, (**dan ia membatalkan pahalanya**) sehinggakan dia menjadi seolah-olah tidak bersedekah.

(كِتَابُ الصِّيَامِ)

هو لغة مطلق الإمساك، وشرعاً الإمساك عن المفطرات جميع النهار. (يَجِبُ صَوْمُ رَمَضَانَ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ بَالِغٍ عَاقِلٍ قَادِرٍ عَلَى الصَّوْمِ مَعَ الْخُلُوعِ عَنِ حَيْضٍ وَنِفَاسٍ. فَلَا يُخَاطَبُ بِهِ كَافِرٌ) أصلي بمعنى أننا لا نطالبه ولا يصح منه،

917. @KITAB PUASA. Ia pada lughah semata-mata menahan diri, dan pada syara' menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan sepanjang siang. (**Wajib puasa ramadhan keatas setiap orang Islam yang baligh yang berakal yang kuasa diatas puasa serta sunyi dari haid dan nifas. Maka tidak dikhitab dengannya akan kafir**) asli dengan makna bahawa kita tidak menuntutnya dan tidak sah ia darinya.

(وَصَبِيٌّ) غير مكلف و هو في حقه مندوب (وَمَجْنُونٌ) لأنه غير مكلف ولا يصح منه (و) لا يخاطب به (مَنْ أَجْهَدَهُ الصَّوْمُ لِكِبَرٍ أَوْ مَرَضٍ لَا يُرْجَى بُرُؤُهُ) لا (بِأَدَاءٍ وَلَا بِقَضَاءٍ لِكِنْ يَلْزَمُ مَنْ أَجْهَدَهُ الصَّوْمُ) بالكبر أو المرض المار (لِكُلِّ يَوْمٍ مَدُّ طَعَامٍ).

918. (**dan kanak-kanak**) yang tidak mukallaf. Ia pada haknya sunat. (**dan orang gila**) kerana ia tidak mukallaf dan tidak sah ia darinya, (**dan**) tidak dikhitab dengannya (**orang yang memenatkannya puasa kerana tua atau sakit yang tidak diharapkan sembuh**) tidak (**dengan tunai dan tidak dengan kadha, akan tetapi melazimi orang yang memenatkan dia oleh puasa**) dengan sebab tua atau sakit yang lalu itu (**bagi setiap hari secupak makanan**).

(وَيُخَاطَبُ) لعدم انتظار زمن يقضي فيه و(الْمَرِيضُ) الذي يرجى برؤه (وَالْمُسَافِرُ وَالْمُرْتَدُّ وَالْحَائِضُ وَالنَّفْسَاءُ) يخاطبون (بِالْقَضَاءِ دُونَ الْأَدَاءِ) فلا يطلب منهم الصوم حال وجوبه لعذرهم. (فَإِنْ تَكَلَّفَ الْمَرِيضُ وَالْمُسَافِرُ قَصَامًا صَحَّحَ) منهما الصوم، (دُونَ الْمُرْتَدِّ) لعدم صحة الذية منه (وَالْحَائِضُ وَالنَّفْسَاءُ) لمنافاة عذرهما الصوم فلا يصح منهم.

919. (**Dikhitab**) kerana ketiadaan tunggu masa yang dia kadha padanya (**akan orang sakit**) yang diharapkan sembuh, (**dan musafir dan kafir murtad**)

dan perempuan berhaid dan bernifas), dikhitab mereka (dengan kadha tidak dengan tunai). Maka tidak dituntut dari mereka puasa ketika wajibnya kerana uzur mereka itu. (Maka jika menanggung kesusahan oleh orang sakit dan musafir maka keduanya berpuasa sah) dari mereka puasa itu, (tidak kafir murtad) kerana ketiadaan sah niat darinya, (dan wanita berhaid dan bernifas) kerana uzur mereka menafikan puasa maka tidak sah ia dari mereka.

(فَبِإِنْ أُسْلِمَ) الكافر (أَوْ أَفَاقَ) المجنون (أَوْ بَلَغَ) الصبي (مُفْطِرًا) كل منهم (فِي أَثْنَاءِ النَّهَارِ نُدْبَ الْإِمْسَاكِ) بقية النهار عن المفطرات، (وَ) ندب (الْقَضَاءِ) لهذا اليوم (وَلَا يَجِبَانِ. وَإِنْ بَلَغَ) الصبي (صَائِمًا) بأن نام فاحتلم (لَزِمَهُ الْإِمْسَاكِ) بقية النهار (وَنُدْبَ) له (الْقَضَاءِ) لهذا اليوم.

920. (Maka jika memeluk Islam) orang kafir (atau siuman) orang gila (atau baligh) kanak-kanak (dalam keadaan tidak puasa) setiap mereka itu (di tengah siang sunat menahan diri) pada baki siang itu dari perkara membatalkan puasa, (dan) sunat (kadha) hari itu (dan tidak wajib keduanya. Jika baligh) kanak-kanak (dalam keadaan berpuasa) dengan bahawa dia tidur lalu bermimpi (lazim dia menahan diri) baki siang itu (dan sunat) dia (mengkadha) hari itu.

(وَلَوْ طَهَّرَتِ الْحَائِضُ) فِي أَثْنَاءِ الْيَوْمِ (أَمْسَكَتْ نَدْبًا) احتراماً لليوم (وَقَضَتْ) اليوم (حَتْمًا) لازماً (أَوْ قَدِمَ الْمُسَافِرُ أَوْ بَرِئَ الْمَرِيضُ وَهُمَا مُفْطِرَانِ أَمْسَكَ نَدْبًا وَقَضِيَا حَتْمًا أَوْ صَائِمَانِ أَمْسَكَ حَتْمًا) لزوال عذرهما.

921. (Kalau wanita berhaid suci) di tengah siang (dia menahan diri diatas jalan sunat) kerana memuliakan hari itu (dan dia mengkadha) hari itu (diatas jalan wajib) lagi lazim, (atau tiba musafir atau sembuh orang sakit sedang kedua mereka tidak puasa mereka menahan diri diatas jalan sunat dan mengkadha diatas jalan wajib, atau didalam keadaan mereka puasa mereka menahan diri diatas jalan wajib) kerana hilang uzur mereka.

(وَلَوْ قَامَتِ الْبَيْتَةُ بِرُؤْيَا) الهلال وشهدت (يَوْمَ الشَّكِّ وَجَبَ إِمْسَاكِ بِقِيَّتِهِ) احتراماً لرمضان (وَقَضَاؤُهُ) لأنه لم تبيت فيه الذية. (وَيُؤْمَرُ الصَّبِيُّ بِهِ) أي بصوم رمضان (لِسَبْعٍ وَيُضْرَبُ) لتمام (عَشْرٍ) إن أطاقه.

922. (Kalau berdiri bukti dengan kelihatan) hilal dan disaksikan (pada aing hari syak wajib menahan diri pada bakinya) kerana memuliakan ramadhan, (dan mengkadhanya) kerana dia tidak memalamkan niat padanya. (Disuruh kanak-kanak dengannya), iaitu dengan puasa ramadhan, (kerana tujuh tahun dan dipukul) kerana sempurna (sepuluh tahun), jika dia berdaya puasa.

(وَيُبِيحُ الْفِطْرَ غَلْبَةَ الْجُوعِ أَوْ الْعَطَشِ بَحَيْثُ يُخْشَى الْهَلَاكُ أَوْ الْمَرَضُ) لو لم يفعل، (وَلَوْ طَرَأَ) ما ذكر (فِي أَثْنَاءِ الْيَوْمِ إِذَا شَقَّ الصَّوْمُ) مسقة تبيح التيمم.

(وَ) يبيح الفطر أيضا (سَفَرُ الْقَصْرِ إِنْ فَارَقَ الْعِمْرَانَ) وخرج لمحل تقصر فيه الصلاة (قَبْلَ الْفَجْرِ وَ) الحال أنه (إِنْ نَوَاهُ)، أي الصوم، (مِنَ اللَّيْلِ). ومن باب أولى إذا لم ينوه. (فَبِإِنْ سَافَرَ بَعْدَهُ)، أي الفجر، (فَلَا) يجوز له الفطر. (وَالْفِطْرُ لِلْمُسَافِرِ أَفْضَلُ إِنْ ضَرَّهُ الصَّوْمُ. وَإِلَّا) بأن لم يضره الصوم (فَالصَّوْمُ أَفْضَلُ) لبراءة الذمة.

923. (Mengharuskan buka puasa oleh lapar atau dahaga yang tidak tertahan sekira-kira ditakuti binasa atau sakit) kalau dia tidak melakukannya, (walau pun datang) apa yang disebutkan itu (di tengah siang apabila puasa itu sukar) sebagai sukar yang mengharuskan tayammum. (Dan) mengharuskan buka puasa juga (safir qasar jika dia telah berpisah dari kawasan penempatan) dan keluar kepada tempat yang diqasar shalat padanya (sebelum fajar wal) hal (dia telah meniatkannya), iaitu puasa, (pada malamnya). Terutama lagi bila dia tidak meniatkannya. (Maka jika dia bermusafir selepasnya), iaitu fajar, (maka tidak) harus baginya tidak puasa. (Tidak puasa itu terafdhal bagi musafir jika puasa memudharatkannya. Jika tidak) dengan bahawa puasanya tidak memudharatkannya (maka puasa terafdhal) kerana bebas zimmahnya.

(وَلَوْ خَافَتْ مَرْضِعٌ أَوْ حَامِلٌ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمَا أَوْ) مع (وَلَدَيْهِمَا أَفْطَرْتَا وَقَضْتَا) في صورتين، (لَكِنْ تَفْذِيَانِ) مع القضاء (عِنْدَ الْخَوْفِ عَلَى الْوَالِدِ لِكُلِّ يَوْمٍ مُدًّا) تخرجه. بخلاف ما إذا خافتا على أنفسهما فقط أو مع الولد أو أفطرت لإنقاذ مال غير حيوان فلا فدية في ذلك.

924. (Kalau wanita yang menyusukan anak atau hamil bimbang diatas diri mereka atau) serta (anak mereka mereka berbuka dan mengkadha) pada dua gambaran ini, (akan tetapi mereka membayar fidyah) beserta kadha itu (di sisi takut keatas anaknya, bagi setiap hari secupak), mereka mengeluarkannya. Bersalahan keadaan apabila mereka takut keatas diri mereka sahaja atau berserta dengan anak mereka, atau seorang berbuka puasa untuk menyelamatkan harta yang bukan haiwan, maka tidak ada fidyah pada demikian itu.

(وَلَا يَجِبُ صَوْمُ رَمَضَانَ إِلَّا بِرُؤْيَا الْهِلَالِ). فيجب في حق من رآه ولو فاسقا. (فَبِإِنْ عَمَّ) الهلال أي استتر، (وَجِبَ اسْتِكْمَالُ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ) يوما، (ثُمَّ يَصُومُونَ). ويكفي في دخول رمضان شاهد واحد عدل شهادة فلا يقبل فيه عبد ولا امرأة.

925. (Tidak wajib puasa ramadhan melainkan dengan nampak hilal) maka wajib pada hak orang yang melihatnya walaupun seorang fasik. (Maka jika terlindung kabut) hilal itu iaitu tertutup, (wajib menyempurnakan sya'ban tiga puluh) hari, (kemudian mereka berpuasa). Memada pada masuk ramadhan oleh seorang yang adil syahadah. Maka tidak diterima padanya hamba dan juga tidak perempuan.

(فَإِنْ رُؤِيَ نَهَارًا فَهُوَ لِلَّيْلَةِ الْمُسْتَقْبَلَةِ) لا للماضية فلا يتغير حكم هذا النهار. (وَإِنْ رُؤِيَ فِي بَلَدٍ دُونَ بَلَدٍ فَإِنَّ تَقَارِبًا عَمَّ الْحُكْمَ) لهما. (وَإِلَّا) بأن لم يتقاربا (فَلَا) يعم الحكم لهما. (وَالتَّبَعْدُ بِاخْتِلَافِ الْمَطَالِعِ) بحيث لو رُؤِيَ في أحدهما لم يبر في الآخر غالباً، (كَالْحِجَازِ وَالْعِرَاقِ وَمِصْرَ. وَقِيلَ) يحصل البعد (بِمَسَافَةِ الْقَصْرِ).

926. (Maka jika ia dilihat pada siang hari maka ia bagi malam yang di depan), bukan bagi yang lepas. Maka tidak berubah hukum siang ini. (Dan jika ia dilihat pada satu tempat tidak pada tempat lain maka jika keduanya berdekatan meratai hukum itu) akan keduanya. (Jika tidak) dengan bahawa keduanya tidak berdekatan (maka tidak) meratai hukum akan keduanya. (Jauh itu dengan berbeza tempat terbit) sekira-kira kalau ia kelihatan pada satu daripada keduanya tidak dilihat pada yang satu lagi pada ghalibnya, (seperti Hijaz dan Iraq dan Mesir. Dikatakan) terhasil jauh itu (dengan jarak qasar).

(وَيُقْبَلُ فِي رَمَضَانَ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الصَّوْمِ) لا لغيره كتأجيل الديون وتعطيق الطلاق (عَدْلٌ وَاحِدٌ ذَكَرَ حُرٌّ مُكَلَّفٌ) يأتي بلفظ الشهادة. (وَلَا يُقْبَلُ فِي سَائِرِ الشُّهُورِ إِلَّا عَدْلَانِ).

927. (Diterima pada ramadhan dengan nisbah kepada puasa) tidak untuk selainnya seperti tempohan hutang dan ta'lik talak (seorang adil yang lelaki merdeka mualaf) yang mendatangkan lafaz saksian. (Tidak diterima pada baki bulan-bulan melainkan dua orang adil).

(وَلَوْ عَرَفَ رَجُلٌ بِالْحِسَابِ) لا عتماده منازل القمر وتقديره سيره (وَالنَّجُومِ) كان يعرف أول الشهر بحلول بعض النجوم في بعض المنازل، فلو عرف بذلك (أَنَّ عَدَا مِنْ رَمَضَانَ لَمْ يَجِبِ الصَّوْمُ) عليه ولا على الناس، و(لَكِنْ يَجُوزُ لِلْمَحَاسِبِ وَالْمُنْجِمِ فَقَطْ) لا لغيرهما العمل بحسابه.

928. (Kalau seorang pandai hisab) kerana berpegang dengan manzilah-manzilah bulan dan mentakdirkan perjalanannya, (dan bintang-bintang) seperti bahawa dia mengetahui awal bulan dengan tiba sebahagian bintang-bintang pada sebahagian manzilah-manzilahnya, maka kalau dia tahu dengan demikian itu (bahawa esok daripada ramadhan tidak wajib puasa) diatasnya dan tidak diatas orang ramai, (akan tetapi harus bagi yang pandai hisab dan bintang itu sahaja), tidak bagi selain mereka beramal dengan pengiraannya.

(وَإِنْ اشْتَبَهَتْ الشُّهُورُ عَلَى أَسِيرٍ) هو الذي وقع في يد الكفار (وَنَحْوِهِ)، كمن حبس في محل مظلم، (اجْتِهَادٌ) في رمضان (وَجُوبًا) بنحو حر وبرد وفواكه، (وَصَامًا) على حسب اجتهاده.

929. (Jika kesamaran bulan-bulan diatas orang yang ditawan), iaitu orang yang jatuh pada tangan kafir-kafir, (dan umpamanya), seperti orang yang

ditahan pada tempat gelap, (**dia berijtihad**) pada ramadhan (**diatas jalan wajib**) dengan umpama panas dan sejuk dan buah-buahan, (**dan dia puasa**) mengikut ijtihadnya.

(فَإِنْ اسْتَمَرَ الْإِشْكَالُ)، أي لم يظهر الحال أنه صام في رمضان أو قبله أو بعده، (أَوْ) ظهر الحال أنه (وَافَقَ رَمَضَانَ) في صومه (أَوْ) وافق (مَا بَعْدَهُ) من شوال وغيره (صَحَّ) صومه في هذه الصور الثلاث. (وَإِنْ وَافَقَ) صومه (مَا قَبْلَهُ) أي رمضان (لَمْ يَصِحَّ) صومه عن رمضان، ويقع له نفلان إن لم يكن عليه صوم فرض. وإلا وقع عنه.

930. (**Maka jika musykil itu berterusan**), iaitu tidak zahir keadaan bahawa dia puasa pada ramadhan atau sebelumnya atau selepasnya, (**atau**) zahir keadaan bahawa dia (**muafakat dengan ramadhan**) pada puasanya (**atau**) muafakat (**dengan apa yang selepasnya**) daripada syawal dan selainnya (**sah**) puasanya pada gambaran-gambaran yang tiga ini. (**Jika muafakat**) puasanya (**dengan apa yang sebelumnya**), iaitu ramadhan, (**tidak sah**) puasanya dari ramadhan, dan jatuh ia baginya sebagai sunat jika tidak ada diatasnya puasa fardhu. Jika tidak, jatuh ia darinya.

(وَشَرَطُ الصَّوْمِ) فرضا أو نفلا (النِّيَّةُ وَالْإِمْسَاكُ عَنِ الْمُفْطِرَاتِ. فَيَنْوِي لِكُلِّ يَوْمٍ. فَإِنْ كَانَ فَرَضًا وَجِبَ تَعْيِينُهُ وَتَبْيِيئُهُ)، أي تبديت نيته، (مِنَ اللَّيْلِ. وَأَكْمَلُهُ) أي التبييت (أَنْ يَنْوِي صَوْمَ عِدِّ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةَ لِلَّهِ تَعَالَى)، بإضافة رمضان. والفرض نية الصوم وكونه عن رمضان والباقي من الكمال.

931. (**Syarat puasa itu**) fardhu atau sunat (**adalah niat dan menahan diri dari perkara yang membatalkan. Maka dia berniat untuk setiap hari, maka jika ia fardhu wajib menta'yinkannya dan memalamkannya**), iaitu memalamkan niatnya, (**pada malam hari. Paling sempurna**) iaitu memalamkan niat, (**bahawa dia niatkan puasa esok hari kerana menunaikan fardhu ramadhan tahun ini kerana Allah taala**), dengan diidhafatkan ramadhan. Yang fardhu adalah niat puasa dan keadaannya dari ramadhan sedang bakinya kesempurnaan niat.

(وَلَوْ أَخْبَرَهُ بِالرُّؤْيَا) للهِلال (نَيْلَةَ الشَّكِّ) التي هي الثلاثون من شعبان (مَنْ يَثِقُ بِهِ)، أي يقع في قلبه صدقه، ولكن هو (مِمَّنْ لَا يَقْبَلُهُ الْحَاكِمُ) في الشهادة على الهلال، كأن كان (مِنْ نَسْوَةٍ وَعَبِيدٍ وَصِبْيَانٍ)، فإن هؤلاء لا تقبل شهادتهم (فَ) حين أخبر منهم بذلك (نَوَى بِنَاءٍ عَلَى ذَلِكَ) الخبر (فَ-) تبين أن يوم الشك المذكور (كَانَ مِنْهُ)، أي رمضان، (صَحَّ) الصوم عن رمضان.

932. (**Kalau mengkhabarkan seorang dengan kelihatan**) hilal (**pada malam syak**) yang mana ia tiga puluh daripada sya'ban (**oleh seorang yang dia kejam hati dengannya**), iaitu jatuh didalam hatinya oleh benarnya, akan tetapi dia (**daripada orang yang tidak diterima oleh hakim**) pada saksi

keatas hilal seperti bahawa adalah dia (**daripada perempuan-perempuan dan hamba dan kanak-kanak**), maka mereka itu tidak diterima saksi mereka, (**maka**) ketika mengkhobar seorang daripada mereka berkenaan demikian itu, (**dia berniat dengan membina diatas demikian itu**) khobar, (**maka**) ternyata bahawa hari syak tersebut (**adalah daripadanya**), iaitu ramadhan, (**sah**) puasanya dari ramadhan itu.

(وَإِنْ نَوَاهُ مِنْ غَيْرِ إِخْبَارِ أَحَدٍ فَكَانَ مِنْهُ لَمْ يَصِحَّ سِوَاءَ حَرَمِ النِّيَّةِ)، بَأَنْ نَوَى مِنْ غَيْرِ تَعْلِيْقٍ، (أَوْ تَرَدَّدَ) بِهَا (فَقَالَ إِنْ كَانَ عَدَا مِنْ رَمَضَانَ فَأَنَا صَائِمٌ، وَإِلَّا فَمُفْطِرٌ)، لِأَنَّ الْأَصْلَ بَقَاءُ شَعْبَانَ وَلَمْ يَسْتَنَّ إِلَى مَا يَفِيدُ الظَّنَّ. (وَلَوْ قَالَ لَيْدَةَ الثَّلَاثِينَ مِنْ رَمَضَانَ إِنْ كَانَ عَدَا مِنْ رَمَضَانَ فَأَنَا صَائِمٌ، وَإِلَّا فَمُفْطِرٌ، فَكَانَ مِنْ رَمَضَانَ صَحَّ) لِأَنَّ الْأَصْلَ بَقَاءُ رَمَضَانَ فَاسْتَنَّ إِلَى مَا يَفِيدُ الظَّنَّ.

933. (Jika dia niatkannya tanpa dikhabarkan oleh seorang lalu adalah ia daripada ramadhan tidak sah ia, sama sahaja haram niat itu) dengan bahawa dia berniat tanpa ta'lik (atau dia berbelah bagi) dengannya (maka katanya: jika esok daripada ramadhan maka aku puasa, dan jika tidak maka aku tidak puasa), kerana asalnya kekal sya'ban dan dia tidak bersandar kepada suatu yang menghasilkan zhan. (Kalau dia kata pada malam tiga puluh ramadhan: jika esok daripada ramadhan maka aku puasa, dan jika tidak maka aku tidak puasa, lalu adalah ia daripada ramadhan sah ia) kerana asalnya kekal ramadhan maka dia bersandar kepada apa yang menghasilkan zhan.

(وَيَصِحُّ النَّفْلُ بِنِيَّةٍ مُطْلَقَةٍ) عَنِ التَّعْيِينِ. وَلَا يَجِبُ فِيهَا التَّبْيِيتُ، بَلْ تَصِحُّ (قَبْلَ الزَّوَالِ) إِذَا لَمْ يَسْبِقْهَا مَنْفَعَةٌ لِلصَّوْمِ.

934. (Sah puasa sunat dengan niat yang mutlak) dari ta'yin, dan tidak wajib padanya memalamkan niat, bahkan sah ia (sebelum zawal) apabila tidak mendahuluinya perkara yang menafikan puasa.

(وَإِنْ أَكَلَ أَوْ شَرِبَ أَوْ اسْتَعَطَّ)، أَيِ أَدَخَلَ السَّعُوطَ كَالنَّشُوقِ أَنْفَهُ مَعَ جَذْبِهِ إِلَى الْخَيْشُومِ، (أَوْ اخْتَقَنَ). وَالْحَقْنَةُ دَوَاءٌ يَدْخُلُ فِي قَبْلِ الْمَرِيضِ أَوْ دَبْرِهِ بِأَلَةٍ. (أَوْ صَبَّ) مَاءً (فِي أُذُنِهِ فَوْصَلًا) إِلَى (دِمَاعِهِ أَوْ أَدَخَلَ إَصْبَعًا أَوْ غَيْرَهُ) كَعُودٍ (فِي دُبْرِهِ أَوْ) فِي (قَبْلِهَا)، أَيِ الْأَمْرَاءِ، وَدَخَلَ ذَلِكَ (وَرَاءَ مَا يَبْدُو)، أَيِ يَظْهَرُ، (عِنْدَ الْقَعْدَةِ)، أَيِ الْقَعُودِ لِقِضَاءِ الْحَاجَةِ، فَمَا وَرَاءَ ذَلِكَ يَعْدُ بَاطِنًا، (أَوْ وَصَلَ إِلَى جَوْفِهِ شَيْءٌ مِنْ طَعْنَةٍ أَوْ دَوَاءٍ). فَالْمَدَارُ عَلَى الْوَصُولِ إِلَى الْجَوْفِ وَلَوْ مِنْ غَيْرِ الْقَبْلِ وَالدَّبْرِ. (أَوْ تَقْيًا)، أَيِ تَسَبُّبِ فِي خُرُوجِ الْقِيءِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا خَرَجَ الْقِيءُ بِنَفْسِهِ،

935. (Jika dia makan atau minum atau mengambil sa'ut), iaitu menjadikan sa'ut sama seperti nasyuk pada hidungnya serta menyedutnya kepada haisyum, (atau mengambil huqnah), huqnah itu ubat yang dimasukkan pada kubul orang sakit atau duburnya dengan alat, (atau menuangkan) air (kedalam

telinganya lalu sampai ia) kepada (otaknya, atau memasukkan jarinya atau selainya) seperti ranting (pada duburnya atau) pada (kubulnya), iaitu perempuan, dan demikian itu masuk (melepasi apa yang nampak), iaitu zahir, (disisi duduk) untuk kadha hajat, maka apa yang di belakang demikian itu dikirakan batin, (atau sampai kepada rongganya suatu daripada tusukkan atau ubat), maka putaran hukumnya adalah diatas sampai kepada rongga walaupun dari selain kubul dan dubur, (atau dia muntah), iaitu menyebabkan keluar muntah, bersalahan apabila muntah itu keluar sendiri, (أَوْ جَامِعٍ أَوْ بَاشَرَ فِيمَا دُونَ الْفَرْجِ فَأَنْزَلَ) بسبب المباشرة، بخلاف ما إذا أنزل بالاحتلام (أَوْ اسْتَمْنَى فَأَنْزَلَ، أَوْ بَالَغَ فِي الْمَضْمُضَةِ) في الوضوء (أَوْ) الغسل أو (الاستنشاقِ فَنَزَلَ جَوْفَهُ) بسبب ذلك، بخلاف ما إذا سبقه ماء المضمضة أو الاستنشاق من غير مبالغة فلا يفطر،

936. (atau dia menjimak atau bersentuhan kulit pada apa yang selain faraj lalu dia inzal) dengan sebab sentuhan kulit itu, bersalahan apabila dia inzal dengan mimpi, (atau dia mengeluarkan mani lalu keluar maninya, atau dia bersungguh pada kumur-kumur) pada wudhuk (atau) mandi atau (istinsyak lalu ia turun kerongganya) dengan sebab demikian itu, bersalahan apabila terlajak air kumur-kumur atau istinsyak tanpa bersungguh-sungguh itu maka ia tidak membatalkan puasa,

(أَوْ خَرَجَ رَيْقُهُ مِنْ فَمِهِ كَمَا إِذَا جَرَّ الْخَيْطُ فِي فَمِهِ عِنْدَ قَتْلِهِ فَأَنْفَصَلَ عَلَيْهِ رَيْقٌ ثُمَّ رَدَّهُ) إلى فمه ثانيا (وَبَلَغَ رَيْقُهُ) الذي اختلط بما على الخيط، (أَوْ بَلَغَ رَيْقُهُ مُتَغَيَّرًا كَمَا إِذَا قَتَلَ خَيْطًا فَتَغَيَّرَ بِصَبْغَةٍ أَوْ كَمَا أَنَّ) الريق (نَجِسًا كَمَا إِذَا دُمِيَ فَمُهُ فَبَصَقَ حَتَّى صَفَا رَيْقُهُ وَلَمْ يَغْسِلْهُ) وبلعه بعد ذلك فإنه يفطر لبقاء نجاسة الريق، (أَوْ ابْتَلَعَ نُخَامَةً) آتية (مِنْ أَقْصَى الْفَمِ إِنْ قَدَرَ عَلَى قَطْعِهَا وَمَجَّهَا)، أي رميها، (فَتَرَكَهَا حَتَّى نَزَلَتْ) إلى حد الظاهر وهو مخرج الخاء ثم ابتلعها

937. (atau keluar air liurnya dari mulutnya seperti mana apabila dia menarik benang didalam mulutnya di sisi memintalnya lalu terpisah diatasnya air liurnya kemudian dia memulangkannya) kepada mulutnya kali kedua (dan menelan air liurnya) yang bergaul dengan apa yang ada diatas benang itu, (atau dia menelan air liurnya yang berubah sepertimana bila dia memintal benang lalu ia berubah dengan celupan, atau adalah) air liur itu (bernajis sepertimana apabila mulutnya berdarah maka dia meludah sehingga murni air liurnya dan tidak dia membasuhnya) dan menelannya selepas demikian itu maka batal puasanya kerana kekal najis air liur itu, (atau dia menelan kahak) yang datang dari (hujung mulutnya jika dia kuasa memutuskannya dan meluahkanya), iaitu melontarkannya, (maka dia meninggalkannya sehingga ia turun) kepada had zahir iaitu makhraj huruf kha' kemudian dia menelannya,

(أَوْ طَلَعَ الْفَجْرُ وَهُوَ مُجَامِعٌ فَاسْتَدَامَ وَلَوْ لَحْظَةً وَهُوَ فِي جَمِيعِ ذَلِكَ) المذكور من المسائل (ذَاكِرٌ لِلصَّوْمِ عَالِمٌ بِالتَّحْرِيمِ بَطْلَ صَوْمِهِ، وَعَلَيْهِ قَضَاءٌ) إن كان الصوم فرضاً، (وَأَمْسَاكَ بَقِيَّةِ النَّهَارِ) إن كان في رمضان.

938. (atau terbit fajar sedang dia berjimak maka dia meneruskannya walaupun sedetik, dan dia pada semua itu) yang disebutkan daripada masalah-masalah itu (seorang yang ingat akan puasa lagi tahu pengharamannya, batal puasanya, dan kena dia kadha) jika adalah puasa itu fardhu, (dan menahan diri pada baki siang itu) jika dia pada ramadhan. (وَصَابِطُ الْمُفْطِرِ وَصَوْلُ عَيْنٍ)، فخرج الريح فلا يفطر بوصوله، (وَإِنْ قَلَّتْ) العين ولم تؤكل كحبة رمل أو تراب، (مِنْ مَنْفَذٍ مَفْتُوحٍ). خرج وصول العين من المسام كنزوله في ماء فوصل من مسامه إلى باطنه فلا يفطر (إِلَى جَوْفٍ)، ولو لم يحل الغذاء كباطن الثدي والإحليل. وأما ما لا يسمى جوفاً كان جرح ساقه فوضع عليه دواء فوصل إلى مخ الساق فلا يفطر لأنه غير جوف.

939. (Dhabit pekara yang membatalkan puasa itu adalah sampai ain), maka keluar oleh angin maka tidak batal puasa dengan sampainya, (sekalipun sedikit) ain itu dan tidak dimakan seperti sebutir pasir atau tanah, (dari lowongan yang terbuka). Keluar oleh sampai ain dari liang roma seperti dia turun ke dalam air lalu sampai ia melalui liangnya kepada batinnya maka ia tidak membatalkan. (kepada rongga) walaupun tidak mengubah makanan seperti batin tetek dan lubang kencing. Adapun apa yang tidak dinamakan rongga seperti bahawa betisnya luka lalu dia meletakkan ubat di atasnya lalu ia sampai kepada sumsumnya maka tidak batal kerana ia bukannya rongga.

(وَ) كذلك من المفطر (الجماع والإذلال) للمني (عَنْ مُبَاشِرَةٍ)، أي التقاء بشرة ببشرة. وأما إذا كان الإنزال عن لمس بحائل كأن لمس امرأة بحائل فأنزل فلا يفطر. ومثل اللمس بحائل لمس المحرم والأمر إذا كان لشفقة فثارت شهوته فأنزل فلا يفطر. (أَوْ) عن (استمناء)، أي طلب الخروج المني ولو بيد زوجته.

940. (Dan) termasuk daripada perkara membatalkan puasa juga (jimak dan inzal), iaitu keluar mani, (kerana bersentuhan kulit), iaitu bertemu kulit dengan kulit. Adapun apabila adalah inzal itu kerana sentuh dengan ada lapik seperti bahawa dia menyentuh perempuan dengan lapik lalu dia inzal maka ia tidak membatalkan. Seumpama sentuh dengan lapik itu sentuh mahram dan budak remaja apabila ia kerana kasih sayang lalu bergelora syahwatnya lalu dia inzal maka ia tidak membatalkan. (atau) kerana (sengaja mengeluarkan mani) iaitu menuntut keluar mani walaupun dengan tangan isterinya.

ولا بد أن يكون الشخص في هذه المفطرات (عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ ذَاكِرًا لِلصَّوْمِ) ومختارًا. فلو فعل شيئًا مما ذكر وهو جاهل بأنه حرام أو ناسٍ للصوم أو مكره فلا فطر.

941. Tidak dapat tidak bahawa adalah seorang itu pada perkara-perkara yang membatalkan ini (**seorang yang tahu tentang haramnya lagi ingat akan puasanya**) lagi memilih. Maka kalau dia melakukan suatu daripada apa yang disebutkan itu sedang dia jahil dengan bahawa ianya haram atau dia lupa akan puasanya atau dipaksa maka tidak ada batal puasa.

(وَيَلْزَمُهُ لِإِفْسَادِ الصَّوْمِ فِي رَمَضَانَ بِالْجَمَاعِ مَعَ الْقَضَاءِ الْكُفَّارَةِ. وَهِيَ عِتْقُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ سَلِيمَةٍ مِنَ الْعُيُوبِ الْمُضِرَّةِ) بالكسب، فلا يكفي عتق رقبة كافرة ولا عتق من اتصف بعيب يخل بالعمل. (فَإِنْ لَمْ يَجِدْ) المكفر الرقبة (فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَاطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا) لكل مسكين مد. (فَإِنْ عَجَزَ) عن الخصال المذكورة (تَبَيَّنَتْ) الكفارة (فِي ذِمَّتِهِ).

942. (Lazim kerana merosakkan puasa pada ramadhan dengan jimak berserta kadha oleh kifarah. Ia adalah memerdekakan seorang hamba beriman yang selamat dari aib yang memudharatkan) kerja, maka tidak memada memerdekakan hamba kafir dan tidak memerdekakan orang yang bersifat dengan aib yang mencederakan kerja. (Maka jika tidak mendapat) pembayar kifarah itu akan hamba itu (maka puasa dua bulan berturut-turut. Maka jika dia tidak mampu maka beri makan enam puluh orang miskin), bagi tiap seorang miskin secupak. (Maka jika dia lemah) dari perkara-perkara tersebut (sabitlah) kifarah itu (didalam zimmahnya).

(وَلَا يَجِبُ عَلَى الْمُؤْتَوِّءَةِ كَفَّارَةٌ) للجماع لأنها أفطرت بدخول طرف الحشفة فرجها، فلم يتحقق الجماع إلا وهي مفطرة.

943. (Tidak wajib diatas perempuan yang disetubuhi oleh kifarah) kerana jimak itu, kerana dia telah batal puasa dengan masuk hujung hasyafah kedalam farajnya, maka tidak terpasti jimak melainkan sedang dia orang yang batal puasanya.

(فَإِنْ فَعَلَ جَمِيعَ ذَلِكَ) المذكور من قوله وإن شرب أو أكل إلخ (نَاسِيًا) للصوم (أَوْ جَاهِلًا) بتحريم تناوله المفطرات بان كان قريب عهد بالإسلام، (أَوْ مُكْرَهًا) على شيء من ذلك، (أَوْ غَلَبَهُ الْقَيْءُ أَوْ أَنْزَلَ بِإِحْتِلَامٍ) في النوم (أَوْ عَنْ فِكْرٍ) كأن فكر في حسن امرأة فأنزل (أَوْ نَظَرَ، أَوْ نَزَلَ جَوْفَهُ) ماء (بِمَضْمُضَةٍ وَاسْتِنشَاقٍ بِلَا مُبَالِغَةٍ أَوْ جَرَى الرَّيْقُ بِمَا بَقِيَ مِنَ الطَّعَامِ فِي خِلَالِ أَسْنَانِهِ بَعْدَ تَخْلِيلِهِ)، أي الطعام، (وَعَجَزَ عَنْ) تمييزه و(مَجَّه). فالمدار على عسر تمييز الطعام الخارج من بين الأسنان في حال جريان الريق ومجه، فلو وصل للباطن بهذا الشرط لا يفطر. وأما التخليل فلا يجب.

944. (**Maka jika dia melakukan semua itu**) yang disebutkan daripada katanya "dan jika dia minum atau makan" hingga akhir, (**dalam keadaan lupa**) akan puasanya (**atau jahil**) akan haram dia mencapai perkara-perkara yang membatalkan itu dengan bahawa adalah dia baru Islam (**atau dipaksa**) diatas suatu daripada demikian itu (**atau dikalahkan oleh muntah atau inzal dengan mimpi**) pada tidur (**atau kerana fikir**) seperti bahawa dia berfikir pada kecantikan perempuan lalu inzal (**atau kerana pandangan, atau turun kepada rongganya**) oleh air (**dengan sebab kumur-kumur dan istinskyak tanpa mubalaghah, atau mengalir air liurnya bersama apa yang tersisa daripada makanan dicelah giginya selepas dia menyelatinya**) iaitu makanan itu (**dan dia lemah dari**) membezakannya dan (**meludahkannya**), maka putaran hukum itu adalah diatas susah membezakan makanan yang keluar dari celah gigi pada masa mengalir air liurnya dan susah meludahkannya, maka kalau ia sampai kepada batinnya dengan syarat ini ia tidak membatalkan. Adapun menyelati makanan itu maka ia tidak wajib...

(أَوْ جَمَعَ رَيْقَهُ فِي فَمِهِ وَابْتَلَعَهُ صَرَفًا) خالصاً من مخالطة أجنبي (أَوْ أَخْرَجَهُ عَلَى لِسَانِهِ ثُمَّ رَدَّهُ)، أي لسانه، (وَبَلَعَهُ أَوْ أَقْتَلَعَ نُخَامَةً)، أي أخرجها، (مِنْ بَاطِنِهِ وَلَفَّظَهَا)، أي طردها، (أَوْ طَلَعَ الْفَجْرَ وَفِي فَمِهِ طَعَامٌ فَلَفَّظَهُ)، أي طرحه، (أَوْ كَانَ) فِي حَالِ طُلُوعِ الْفَجْرِ (مُجَامِعًا فَتَزَعُ فِي الْحَالِ أَوْ نَامَ جَمِيعَ النَّهَارِ أَوْ أَعْمِيَ عَلَيْهِ فِيهِ)، أي النهار، (وَ) الْحَالِ أَنَّهُ قَدْ (أَفَاقَ لَحْظَةً مِنْهُ)، أي النهار، ولو زما يسيرا، بخلاف ما إذا لم يفتق جميع النهار فإنه لا يصح صومه،

945. (**atau dia mengumpulkan air liurnya pada mulutnya dan menelannya dalam keadaan tulen**), murni dari bergaul dengan suatu yang asing, (**atau dia mengeluarkannya diatas lidahnya kemudian mengembalikannya**), iaitu lidahnya, (**dan dia menelannya, atau dia mencabut kahak**), iaitu mengeluarkannya, (**dari batinnya dan meluahkan**), iaitu melontarkannya, (**atau terbit fajar sedang didalam mulutnya ada makanan lalu dia meluahkan**), iaitu melontarkannya, (**atau adalah dia**) pada ketika terbit fajar (**sedang berjimak lalu dia mencabut pada masa itu juga, atau dia tidur sepanjang siang atau pengsan padanya**) iaitu siang (**wal**) hal dia (**sedar dalam satu masa daripadanya**), iaitu siang itu walaupun masa yang singkat, bersalahan apabila dia tidak sedar sepanjang siang maka tidak sah puasanya...

(لَمْ يَضُرَّهُ) ما فعله (فِي جَمِيعِ ذَلِكَ) المذكور من قوله فإن فعل جميع ذلك ناسيا إلخ (وَيَصِحُّ صَوْمُهُ).

946. (**tidak memudharatkannya**) apa yang dilakukannya (**pada semua itu**) yang disebutkan, daripada katanya "maka jika dia lakukan semua demikian itu dalam keadaan lupa" hingga akhir, (**dan sah puasanya**).

وَإِذَا أَكَلَ مُعْتَقِدًا أَنَّهُ لَيْلٌ فَبَانَ أَنَّهُ نَهَارٌ أَوْ أَكَلَ ظَانًّا لِلْغُرُوبِ وَاسْتَمَرَ (الإشكال) في الثانية، أي لم يتبين الواقع، (وَجِبَ الْقَضَاءُ) لأن الأصل بقاء النهار، (وَإِنْ ظَنَّ أَنَّ الْفَجْرَ لَمْ يَطْلُعْ فَأَكَلَ وَاسْتَمَرَ (الإشكال))، أي لم يظهر الأمر، (فَلَا قَضَاءَ) لأن الأصل بقاء الليل.

947. (Apabila dia makan dalam keadaan beriktikad bahawa ianya malam maka nyata bahawa ianya siang, atau dia makan dalam keadaan menyangkakan ghurub dan berterusan musykil itu) pada yang kedua iaitu keadaan tidak nyata yang sebenarnya, (wajib kadha) kerana asalnya kekal siang. (Dan jika dia sangka bahawa fajar belum terbit lalu dia makan dan berterusan musykil itu), iaitu tidak zahir perkara itu, (maka tidak ada kadha) kerana asalnya kekal malam itu.

(وَإِنْ طَرَأَ فِي أَثْنَاءِ الْيَوْمِ جُنُونٌ وَلَوْ فِي لَحْظَةٍ مِنْهُ أَوْ اسْتَغْرَقَ نَهَارَهُ بِالْإِعْمَاءِ أَوْ طَرَأَ حَيْضٌ أَوْ نَفَاسٌ بَطَلَ الصَّوْمُ) في هذه الصور جميعها. وكذلك لو ولدت ولدًا جافًا بطل صومها بناء على وجوب الغسل عليها بذلك.

948. (Jika mendatang di tengah siang oleh gila walaupun sedetik daripadanya atau dia menghabiskan siangnya dengan pitam atau datang haid atau nifas batal puasanya) pada gambaran-gambaran ini semuanya. Begitu juga kalau dia melahirkan anak dalam keadaan kering batal puasanya kerana bina diatas wajib mandi diatasnya dengan demikian itu.

(وَيُنْدَبُ السَّحُورُ) وهو الأكل ليلاً بعد النصف (وَإِنْ قَلَّ) لقصد إقامة البنية (وَلَوْ بِمَاءٍ). وينبغي إذا كان شعبان أن لا يتسحر. (وَالْأَفْضَلُ تَأْخِيرُهُ)، أي السحور، (مَا لَمْ يَخَفِ الصُّبْحَ). فإذا خاف أمسك عن السحور.

949. (Sunat sahur), iaitu makan malam selepas setengahnya, (sekalipun sedikit) kerana tujuan menguatkan tubuh, (walaupun dengan air). Sayugia apabila dia kenyang bahawa dia tidak bersahur. (Yang terafdhal mentakhirkannya), iaitu sahur, (selama mana dia tidak bimbangkan subuh). Maka apabila dia bimbang dia menahan diri dari sahur.

(وَالْأَفْضَلُ تَعْجِيلُ الْفِطْرِ إِذَا تَحَقَّقَ الْغُرُوبُ، وَ) أَنْ (يُفِطِرُ عَلَى تَمْرَاتٍ). ويندب أن تكون (وتراً). فَإِنْ لَمْ يَجِدْ) التمر (فَالْمَاءُ أَفْضَلُ)، فهو مقدم على غيره، والرطب مقدم على التمر.

950. (Yang terafdhal adalah menyegerakan buka puasa apabila telah pasti ghurub, dan) bahawa (dia berbuka diatas beberapa biji tamar. Sunat bahawa ianya ganjil. Maka jika dia tidak mendapat) tamar (maka air terafdhal). Maka ia didulukan diatas selainnya. Rutob didulukan diatas tamar.

(وَ) يَنْدَبُ أَنْ (يَقُولَ) إِذَا أَفْطَرَ (اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ. وَيُنْدَبُ كَثْرَةُ الْجُودِ)، أي فعل الصدقة، (وَصِلَةَ الرَّحِمِ)، أي مودة الأقارب، (وَكَثْرَةُ

تَلَاوَةِ الْقُرْآنِ وَالْإِعْتِكَافِ) لَا (سَيِّمًا الْعُشْرَ الْأَوَاخِرُ، وَأَنْ يُفِطَرَ الصَّوَامَ)، أَي يَهَيِّئُ لَهُمْ بِمَا يَفْطَرُونَ بِهِ، (وَلَوْ بِمَاءٍ. وَ) يَنْدُبُ (تَقْدِيمَ غَسَلِ الْجَنَابَةِ عَلَى الْفَجْرِ) لِيَكُونَ عَلَى طَهْرٍ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ.

951. (Dan) sunat bahawa (seorang membaca) apabila dia berbuka ("Ya Allah kerana Mu aku puasa dan diatas rezeki Mu aku berbuka". Sunat banyak bermurah hati), iaitu melakukan sedekah, (dan silaturahim), iaitu kasih sayang kepada kaum kerabat, (dan banyak baca Quran dan iktikaf apatah pula sepuluh yang akhir, dan bahawa dia menjamu orang-orang berpuasa), iaitu menyediakan bagi mereka apa yang mereka berbuka dengannya, (walaupun dengan air, dan) sunat (mendulukan mandi junub diatas fajar) supaya adalah dia diatas suci pada awal siang.

(وَ) يَنْدُبُ لِلصَّائِمِ مِنْ حَيْثُ الصَّوْمِ (تَرْكُ الْغَيْبَةِ وَالْكَذِبِ) وَإِنْ كَانَ تَرْكُهُمَا وَاجِبًا، لَكِنْ تَأَكَّدُ مِنْ حَيْثُ الصَّوْمِ، (وَ) يَنْدُبُ تَرْكُ (الْفُدْحِ) وَهُوَ الْكَلَامُ الرَّدِيُّ خُصُوصًا الْمَتَعَلِّقُ بِأَمْرِ النِّسَاءِ، (وَالشَّهَوَاتِ) مِنَ الْمَبْصِرَاتِ وَالْمَسْمُوعَاتِ وَالْمَشْمُومَاتِ كَشَمِّ الرِّيَاحِينَ وَالنَّظَرِ إِلَيْهَا. (وَ) يَنْدُبُ تَرْكُ (الْفُصْدِ وَالْحِجَامَةِ) لِلصَّائِمِ.

952. (dan) sunat bagi orang yang puasa dari sudut puasa itu (meninggalkan perbuatan mengumpat dan dusta) sekalipun adalah meninggalkan keduanya wajib akan tetapi ia menjadi kuat dituntut dari sudut puasa, (dan) sunat meninggalkan (perkara keji), iaitu kata-kata yang buruk khususnya yang berkaitan dengan urusan perempuan, (dan syahwat-syahwat) daripada apa yang dipandang dan didengar dan dihidu seperti hidu wangi-wangian dan memandang kepadanya. (dan) sunat meninggalkan (perbuatan petik dan bekam) bagi orang yang puasa.

(فَإِنْ شُوتِمَ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ، وَتَحْرُمُ الْقُبْلَةَ لِمَنْ حَرَّكَتْ شَهْوَتَهُ)، أَي هَيِّجَتْهَا، حَتَّى خَافَ الْإِنْزَالَ، سِوَاءَ كَانَ شَيْخًا أَوْ شَابًا. وَأَمَّا مَنْ لَمْ تَحْرُكْ شَهْوَتَهُ فَالْأَوْلَى تَرْكُهَا وَمِثْلُ الْقُبْلَةِ الْمُبَاشِرَةِ. فَإِنْ شُوتِمَ الصَّائِمُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ لِيَكْفِيَ نَفْسَهُ وَشَاتِمَهُ.

953. (Maka jika dia dicaci maki maka hendaklah dia kata: sungguhnya aku puasa. Haram kucup bagi orang yang ia mengerakkan syahwatnya), iaitu menggelorakannya sehingga dia bimbang akan inzal, sama sahaja adalah dia tua atau muda. Adapun orang yang ia tidak menggerakkan syahwatnya maka yang terutama adalah meninggalkannya. Seumpama kucup ini adalah bersentuhan kulit. Maka jika dia dimaki maka hendaklah dia kata: sungguhnya aku orang yang puasa, supaya dia dapat menahan dirinya dan orang yang memakinya.

(و) يحرم (الْوَصَالُ) بين يومين فأكثر. وذلك (بأنْ لَا يَتَدَاوِلُ فِي اللَّيْلِ شَيْئًا) من المفطرات ولو الجماع. (فَلَوْ شَرِبَ مَاءً وَلَوْ جُرْعَةً عِنْدَ السَّحُورِ فَلَا تَحْرِيمَ) لأنه انقطع به الوصال.

954. (Dan) haram (wishal) di antara dua hari maka lebih. Demikian itu (dengan bahawa dia tidak mengambil pada waktu malamnya akan sesuatu) daripada perkara yang membatalkan puasa walaupun jimak. (Maka kalau dia minum air walaupun seteguk di sisi sahur maka tidak haram) kerana terputus sambung itu dengannya.

(وَيُكْرَهُ) للصائم (ذَوْقُ الطَّعَامِ) وغيره (وَعَذُّكَ)، أي مضع لبدان وغيره، (و) استعمال (سِوَاكَ بَعْدَ الزَّوَالِ) إبقاء لرائحة فمه من الصيام، (لا كُحْلٌ وَاسْتِحْمَامٌ)، أي اغتسال.

955. (Makruh) bagi yang puasa (mengkecap makanan) dan selainnya (dan 'alk) iaitu kunyah getah damar dan selainnya, (dan) menggunakan (siwak selepas zawal) kerana mengekalkan bau mulutnya kerana puasa itu, (tidak bercelak dan masuk bilik mandi), iaitu mandi.

(وَيُكْرَهُ لِكُلِّ أَحَدٍ) صائم أو غيره (صِمْتُ يَوْمَ)، أي سكوته عن الكلام فيه، (إِلَى اللَّيْلِ) من غير حاجة، بل الأولى شغل لسانه بذكر أو قرآن فلا يتعبد بالسكوت. (وَمَنْ لَزِمَهُ قِضَاءُ شَيْءٍ مِنْ رَمَضَانَ يُنْدَبُ لَهُ أَنْ يَفْضِيَهُ مُتَّابِعًا)، أي متواليًا، (عَلَى الْفَوْرِ) بعد زوال عذره من غير تأخير.

956. (Makruh bagi setiap orang) yang puasa atau selainnya (diam disiang hari), iaitu diam dari bercakap padanya, (hingga kemalam) tanpa sebarang hajat, bahkan terutama sibuk lidahnya dengan zikir atau Quran, maka dia tidak beribadat dengan diam itu. (Orang yang melaziminya kadha suatu daripada ramadhan sunat dia mengkadhanya berturutan), iaitu berturut-turut, (dengan segera) selepas hilang uzurnya tanpa melewatkannya.

(وَلَا يَجُوزُ أَنْ يُؤَخَّرَ الْقِضَاءُ إِلَى رَمَضَانَ آخِرَ بَعِيرٍ عُدْرٍ). أما إذا كان هناك عذر كأن استدام مرضه إلى أن جاء رمضان آخر فلا يحرم. (فَإِنْ أَخَّرَ) بلا عذر (لَزِمَهُ مَعَ الْقِضَاءِ عَنْ كُلِّ يَوْمٍ مَدُّ طَعَامٍ) يدفعه للفقراء ولو لواحد. وهو أي المؤخر المذكور آثم. (فَإِنْ أَخَّرَ رَمَضَانَيْنِ فَمُدَّانِ) عن كل يوم. (وَهَكَذَا يَتَكَرَّرُ) المد (بِتَكَرُّرِ السَّنِينَ).

957. (Tidak harus dia melewatkan kadha kepada ramadhan yang lain tanpa uzur). Adapun apabila ada di sana suatu uzur seperti bahawa berpanjangan sakitnya hingga bahawa datang ramadhan yang lain maka tidak haram. (Maka jika dia melewatkan) tanpa uzur (melazimi dia serta kadha itu dari setiap satu hari secupak makanan), dia berikannya kepada para fakir, walaupun kepada seorang. Dan dia iaitu orang yang melewatkan itu berdosa. (Maka jika dia mentakhirkan dua ramadhan maka dua cupak)

dari setiap satu hari. (**Beginilah berulang**) cupak itu (**dengan berulang tahun-tahunnya**).

(وَمَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صَوْمٌ) واجب ولو نذرا (وَ) الحال أنه (تَمَكَّنَ مِنْ فِعْلِهِ) ولم يفعله (أُطِعِمَ عَنْهُ عَنْ كُلِّ يَوْمٍ مَدَّةً طَعَامًا). ولا يصام عنه على هذا القول. وجزم النووي بجواز الصيام تبعًا للقديم المؤيد بحديث الشيخين ((من مات وعليه صوم صام عنه وليه)).

958. (**Orang yang mati dan ada di atasnya puasa**) wajib, walaupun nazar, (**wal**) hal dia (**terboleh melakukannya**) dan dia tidak melakukannya (**diberi makan darinya dari setiap sehari secupak makanan**), dan tidak dipuaskan darinya di atas pendapat ini. Jazam Nawawi dengan harus puasa kerana mengikut qaul qadim yang dikuatkan dengan hadis dua syeikh ((siapa yang mati dan di atasnya ada puasa puasa darinya walinya)).

(فَصَلِّ) في صوم التطوع. و(يُنْدَبُ صَوْمُ سِنَّةٍ) أيام (مِنْ شَوَّالٍ. وَتُنْدَبُ) تِلْكَ السَّنَةِ (مُتَّابِعَةً) لا متفرقة، (تَلِي الْعِيدِ) لا فاصل بينها وبينه. (فَإِنْ فَرَّقَهَا جَازَ). وكذا إن أخر صومها عن العيد.

959. (**Fasal**) pada puasa sunat. Dan (**disunatkan puasa enam**) hari (**daripada syawal, dan disunatkan**) enam itu (**berturutan**) tidak terpecah-pecah, (**mengiringi hari raya**) tidak ada yang memisahkan diantaranya dan di antara raya. (**Maka jika dia memecah-mecahkannya harus ia**). Begitu juga jika dia melewati puasanya dari hari raya.

(وَ) يندب صوم (تَاسُوعَاءُ) وهو اليوم التاسع من المحرم، (وَ عَاشُورَاءُ) وهو العاشر منه. (وَ) يندب صوم (أَيَّامُ الْبَيْضِ فِي كُلِّ شَهْرٍ الثَّلَاثِ عَشَرَ وَتَالِيَيْهِ)، الرابع عشر والخامس عشر. (وَ) يندب صوم (الْإِثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ وَعَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ)، أي الثمانية منه بالنسبة للحاج والتسعة لغيره.

960. (**dan**) disunatkan puasa (**tasu'a**), iaitu hari kesembilan muharram, (**dan 'asyura**) iaitu yang kesepuluh daripadanya, (**dan**) disunatkan puasa (**hari-hari putih pada setiap bulan, yang ketiga belas dan dua yang mengiringinya**), iaitu yang keempat belas dan kelima belas, (**dan**) disunatkan puasa (**isnin dan khamis dan sepuluh daripada bulan zul hijjah**), iaitu lapan daripadanya dengan nisbah bagi jemaah haji dan sembilan bagi selainnya.

(وَ) يندب صوم (الْأَشْهُرِ الْحُرْمِ وَهِيَ أَرْبَعَةٌ: ذُو الْقَعْدَةِ، وَذُو الْحِجَّةِ، وَالْمُحَرَّمِ، وَرَجَبٍ) فهي من سنتين ثلاثة سرد وواحد فرد.

961. (**dan**) disunatkan puasa (**bulan-bulan haram iaitu empat, Zulkaedah dan zul hijjah dan dan muharram dan rajab**) maka ia dari dua tahun, tiga berturutan dan satu tunggal.

(وَأَفْضَلُ الصَّوْمِ بَعْدَ رَمَضَانَ) صوم (الْمُحَرَّمِ ثُمَّ رَجَبٍ ثُمَّ شَعْبَانَ).

962. (**Yang terafdhal adalah puasa selepas ramadhan**) puasa (**muharram kemudian rajab kemudian sya'ban**).

(و) يَنْدُب (صَوْمُ يَوْمِ عَرَفَةَ إِلَّا لِلْحَاجِّ) الْوَاقِفِ (بِعَرَفَةَ)، وَكَذَلِكَ الْمَسَافِرُ، فَفِطْرُهُ أَفْضَلُ) مِنَ الصِّيَامِ. (فَإِنْ صَامَ) الْحَاجُّ (لَمْ يُكْرَهُ لِكِنَّهُ تَرَكَ الْأَوْلَى).

963. (dan) disunatkan (puasa hari Arafah melainkan bagi yang mengerjakan haji) yang wukuf (diArafah), begitu juga yang bermusafir, (maka tidak puasa padanya terafdhal) dari puasa. (Maka jika berpuasa) yang mengerjakan haji (tidak makruh, akan tetapi meninggalkannya terutama).

(وَسُنَّتُهُ مَا تَقَدَّمَ) من المندوبات. (وَ) يسن (أَنْ يَكُونَ) في السعي (عَلَى طَهَارَةٍ وَسِتَارَةٍ) للعورة. فلو سعى بغير طهارة من الحدث والنجس كالحائض أو بغير ستر صح.

1099. (Sunat-sunatnya adalah apa yang telah terdahulu) daripada sunat-sunat itu. (Dan) sunat (**bahawa adalah dia**) pada sai'e itu (**diatas thaharah dan tutup aurat**). Maka kalau dia sai'e tanpa taharah dari hadath dan najis seperti perempuan berhaid atau dengan tidak tertutup aurat sah ia.

(وَ) أَنْ (يَقُولَ بَيْنَهُمَا)، أي الصفا والمروة، (رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ). اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ

حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَلَوْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَهُوَ أَفْضَلُ) من الذكر غير الوارد.
(وَلَا يُنْدَبُ تَكَرَّارُ السَّعْيِ). فهو كالوقوف لا يشرع تكريره، بخلاف الطواف.

1100. (dan) bahawa (dia membaca diantara keduanya), iaitu Safa dan Marwah itu, ("Tuhan kami ampunilah dan kasihanilah dan maafkanlah apa yang Engkau tahu. Sungguhnyanya Engkau maha mulia maha pemurah. Ya Allah ya Tuhan kami berikan kami didunia ini akan kebaikan dan diakhirat kebaikan dan pelihara kami azab neraka". Kalau dia membaca Quran maka ia terafdhal) dari zikir yang tidak warid itu. (Tidak sunat mengulang sai'e), maka ia sama seperti wukuf, tidak disyara'kan mengulangnya, bersalahan tawaf.

(فَإِذَا كَانَ سَابِعَ ذِي الْحِجَّةِ ذُيْبَ لِلْإِمَامِ)، أي السلطان أو نأدبه، (أَنْ يَخْطُبَ خُطْبَةً وَاحِدَةً بَعْدَ صَلَاةِ الظُّهْرِ بِمَكَّةَ، يُعَلِّمُهُمْ فِيهَا مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ مِنَ الْمَنَاسِكِ)، وتكون الخطبة عند الكعبة يجعل ظهره إليها. (وَيَأْمُرُهُمْ فِي الْخُطْبَةِ بِالْخُرُوجِ إِلَى مَنَى مِنَ الْعَدَا).

1101. (Maka apabila tiba hari ketujuh zulkhijjah sunat bagi imam), iaitu sultan atau naibnya, (berkhutbah dengan satu khutbah selepas shalat zuhur di Makkah, dia mengajari mereka padanya akan apa yang dihadapan mereka daripada amalan-amalan nusuk), dan adalah khutbah itu di sisi ka'bah, dia menjadikan belakangnya kepada ka'bah, (dan dia menyuruh mereka) didalam khutbah itu (supaya keluar ke Mina esok harinya).

(ثُمَّ يَخْرُجُ)، أي أول النهار، (يَوْمَ الثَّامِنِ) المسمى يوم التروية (بَعْدَ صَلَاةِ الصُّبْحِ إِلَى مَنَى فَيُصَلِّي الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِمَنَى، وَيَبِيتُ) أي الإمام ومن معه (بِهَا)، أي منى، (وَيُصَلِّي الصُّبْحَ) يوم عرفة.

1102. (Kemudian dia keluar), iaitu pada awal siang, (pada hari kelapan) yang dinamakan hari tarwiah (selepas shalat subuh ke Mina. Maka dia shalat zuhur dan asar dan maghrib dan isyak di Mina dan bermalam), iaitu imam itu dan orang yang besertanya, (padanya) iaitu di Mina, (dan dia shalat subuh) pada hari Arafah.

(فَإِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ عَلَى جَبَلِ بَمِنَى يُسَمَّى ثَبِيرًا سَارًا إِلَى الْمَوْقِفِ). ويسن أن يكون على طريق ضب، وعند رجوعهم إلى المزدلفة يرجعون من طريق المازمين.

1103. (Maka apabila matahari terbit diatas bukit Mina yang dinamakan Thabir dia berjalan ke tempat wukuf). Sunat bahawa adalah ia melalui jalan Dhab dan ketika balik mereka ke Muzdalifah mereka balik melalui jalan Mazamin.^{xxiv}

(وَهَذَا الْمَبِيتُ بِمَنَى وَالْإِقَامَةُ بِهَا إِلَى هَذَا الْوَقْتِ سُنَّةٌ. وَقَدْ تَرَكَهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَإِنَّهُ يَأْتُونَ الْمَوْقِفَ سَحْرًا بِالشَّمْعِ الْمَوْقِدِ. وَهَذَا الْإِقَادُ بِدَعَاةٍ قَبِيحَةٍ)،

فيه تشبه باليهود. ومن البدع ما اعتادوه من ذهابهم إلى الموقف قبل يوم التاسع بيوم أو يومين.

1104. (Ini mabit diMina dan menetap padanya sehingga waktu ini adalah sunat. Sungguh ramai orang meninggalkannya, maka mereka datang ke tempat wukuf pada waktu sahur dengan lilin yang dinyalakan, yang mana menyalakan lilin ini bid'ah yang keji). Padanya ada unsur penyerupaan dengan Yahudi. Daripada bid'ah itu apa yang mereka biasa lakukan daripada pergi mereka ke tempat wukuf sebelum hari kesembilan, sehari atau dua hari.

(وَ) يَسْنُ أَنْ (يَقُولَ فِي مَسِيرِهِ: اللَّهُمَّ إِلَيْكَ تَوَجَّهْتُ وَلِوَجْهِكَ الْكَرِيمِ أَرَدْتُ فَاجْعَلْ دُنْيِي مَغْفُورًا وَحَجِّي مَبْرُورًا وَارْحَمْنِي وَلَا تَخَيَّبْنِي، وَيُكْتَرُ) فِي مَسِيرِهِ (التَّلْبِيَّةَ وَالذِّكْرَ وَالِدُعَاءَ وَالصَّلَاةَ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ).

1105. (dan) sunat bahawa (dia mengucapkan pada perjalanannya "Ya Allah kepada Mu aku menuju dan akan wajah Mu yang mulia aku berkehendak maka jadikan dosa ku diampuni dan haji ku berkebajikan dan kasihanilah aku dan jangan Engkau kecewakan aku". Dan dia membanyakkan) pada perjalanannya (akan talbiah dan zikir dan doa dan selawat atas nabi sawm).

(فَإِذَا وَصَلُوا إِلَى مَوْضِعٍ يُسَمَّى نَمْرَةَ قَبْلَ دُخُولِ عَرَفَةَ نَزَلُوا هُنَاكَ) أَي فِي نَمْرَةَ، (وَلَا يَدْخُلُونَ حِينَئِذٍ عَرَفَةَ. فَإِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ فَالَسُنَّةُ أَنْ يَخْطُبَ الْإِمَامُ خُطْبَتَيْنِ) بِمَسْجِدِ إِبْرَاهِيمَ، يَبِينُ لَهُمْ فِي الْأُولَى كَيْفِيَّةَ الْوُقُوفِ وَأَدَابَهُ وَالْمَبْدِيتَ بِالْمَزْدَلِفَةِ وَيَحْرُضُهُمْ عَلَى إِكْثَارِ الدُّعَاءِ وَالتَّهْلِيلِ، وَيَجْلِسُ بَعْدَ فِرَاقِهَا بِقَدْرِ سُورَةِ الْإِخْلَاصِ. ثُمَّ يَشْرَعُ فِي الثَّانِيَةِ، وَيَأْخُذُ الْمُؤَذِّنُ فِي الْأُذَانِ، وَيَخَفِّفُهَا بِحَيْثُ يَفْرَغُ مِنْهَا مَعَ فِرَاقِ الْمُؤَذِّنِ.

1106. (Maka apabila mereka sampai kepada tempat yang dinamakan Namirah sebelum masuk Arafah mereka singgah di sana), iaitu di Namirah itu, (dan mereka tidak masuk ketika itu kepada Arafah. Maka apabila gelincir matahari maka sunat bahawa imam berkhotbah dua khutbah) di Masjid Ibrahim, menerangkan kepada mereka pada yang pertama akan kaifiat wukuf dan adab-adabnya dan mabit di Muzdalifah dan menggesa mereka membanyakkan doa dan tahlil, dan dia duduk selepas selesainya kadar surah ikhlas, kemudian dia masuk pada khutbah yang kedua, dan masuklah muazzin pada azan, dan dia meringnkannya sekira-kira dia selesai darinya berserta selesai muazzin itu.

(ثُمَّ يُصَلِّي الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمْعًا)، أَي جَمْعَ تَقْدِيمٍ. وَهَذَا لَمَنْ كَانَ مَسَافِرًا بِأَنْ أَتَى مَكَّةَ وَلَمْ يَقُمْ أَرْبَعَةَ أَيَّامٍ سِوَى يَوْمِي الدُّخُولِ وَالخُرُوجِ. وَأَمَّا مَنْ كَانَ مُقِيمًا وَخَرَجَ لِعَرَفَةَ فَلَا يَجْمَعُ هَذَا الْجَمْعَ لِأَنَّهُ لِلسَّفَرِ لَا لِلنَّسْكِ.

1107. (**Kemudian dia shalat zuhur dan asar secara jamak**), iaitu jamak taqdim. Ini bagi orang yang bermusafir dengan bahawa dia datang ke Makkah dan tidak bermukim selama empat hari selain dua hari masuk dan keluar. Adapun orang yang sedia bermukim dan dia keluar ke Arafah maka dia tidak menjamak dengan jamak ini kerana ia kerana safar bukan kerana nusuk.

(وَهِيَ)، أي هذه الطريقة من خطبة الإمام وصلاة جمع التقديم، (سُنَّةٌ، قَلَّ مَنْ يَفْعَلُهَا أَيْضًا. ثُمَّ يَدْخُلُونَ عَرَفَةَ بَعْدَ أَنْ يَغْتَسِلُوا لِلْوُقُوفِ). وتحصل السنة بالغسل في أي وقت من اليوم التاسع وبأي مكان. ويدخلون عرفة (مُلبَّينَ خَاضِعِينَ)، أي متواضعين.

1108. (**Ianya**), iaitu cara ini, berupa khutbah imam dan shalat jamak taqdim, (**adalah sunat, sedikit orang yang melakukannya juga. Kemudian mereka masuk Arafah selepas bahawa mereka mandi untuk wukuf**). Terhasil sunat dengan mandi pada mana-mana waktu, mula dari hari kesembilan, dan pada makna-mana tempat. Dan mereka masuk Arafah (**dalam keadaan bertalbiah lagi merendah diri**), berasa tawadhu'.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَقِفَ) الشخص (بَارِزًا لِلشَّمْسِ) لا يستظل تحت خيمة (مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ حَاضِرَ الْقَلْبِ فَارِعًا مِنْ) علائق (الدُّنْيَا، وَيُكْثِرُ التَّلْبِيَةَ وَالصَّلَاةَ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ وَالِاسْتِغْفَارَ وَالِدُعَاءَ وَالْبُكَاءَ فَنَمَّ)، أي في هذا المكان، (تَسْكُبُ)، أي تصب، (الْعَبْرَاتُ)، أي الدموع جمع عبرة وهي الدمع، (وَتُقَالُ)، بمعنى تلقى وتزال، (الْعَثْرَاتُ)، جمع عثرة وهي الزلة والخطيئة.

1109. (**Sunat bahawa wukuf**) seorang (**dalam keadaan dia terdedah kepada matahari**) tidak berteduh di bawah kemah (**dalam keadaan mengadap kiblat hadhir hati kosong dari**) sangkutan-sangkutan (**dunia, dan dia membanyakkan talbiah dan selawat keatas nabi sawm dan istighfar dan doa dan tangisan, kerana di sana**), iaitu pada tempat ini (**bercucuran**), iaitu tercurahlah, (**air mata**) - "العبرات" dengan makna "دموع", jamak "عبرة" iaitu air mata- (**dan diluahkanlah**) iaitu dicampakkan dan dihilangkanlah (**keterlanjuran**) - "العثرات" jamak "عثرة" iaitu gelincir dan salah silap.

(وَلْيَكُنْ أَكْثَرَ قَوْلِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ) يحيي ويميت وهو حي لا يموت بيده الخير (وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَلْيَدْعُ أَهْلَهُ وَأَصْحَابَهُ وَلسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ).

1110. (**Hendak adalah yang banyak ucapannya** " له لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد يحيي ويميت وهو حي لا يموت بيده الخير وهو على كل شيء قدير dan hendaklah dia berdoa untuk keluarganya dan sahabatnya dan sekalian orang-orang Islam.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَقِفَ عِنْدَ الصَّخْرَاتِ الْكِبَارِ الْمَفْرُوشَةِ أَسْفَلَ جَبَلِ الرَّحْمَةِ)، وهو جبل بوسط عرفات. (وَأَمَّا الصُّعُودُ إِلَى جَبَلِ الرَّحْمَةِ الَّذِي) هو (فِي وَسْطِ

عَرَفَةَ فَلَيْسَ فِي طُلُوعِهِ فَضِيلَةٌ زَائِدَةٌ. فَالْوُقُوفُ صَحِيحٌ فِي جَمِيعِ تِلْكَ الْأَرْضِ الْمُتَّسِعَةِ) التي هي أرض عرفة، (وَدَلِّكَ الْجَبَلُ جُزْءٌ مِنْهَا، هُوَ وَغَيْرُهُ سَوَاءٌ. وَالْوُقُوفُ عِنْدَ الصَّخْرَاتِ أَفْضَلُ. وَالْأَفْضَلُ أَنْ يَكُونَ رَاكِبًا مُفْطِرًا. وَالْأَفْضَلُ لِلْمَرْأَةِ الْجُلُوسُ فِي حَاشِيَةِ النَّاسِ)، أي في أطرافهم لأنه أستر.

1111. (Sunat bahawa dia wukuf di sisi batu-batu besar yang terhampar dikaki bukit rahmah), iaitu bukit di tengah-tengah Arafah. (Adapun naik kebukit rahmat yang) ianya (di tengah Arafah maka tidak ada fadhilat yang lebih pada naik padanya. Maka wukuf itu sah pada semua bumi yang luas itu), yang ianya bumi Arafah, (dan bukit itu satu juzuk daripadanya, dan ia dan selainnya sama. Wukuf di sisi batu-batu besar itu terafdhal. Yang terafdhal bahawa dia menunggang lagi tidak puasa. Yang terafdhal bagi perempuan adalah duduk di dipinggir orang ramai), iaitu tepi-tepi kumpulan mereka kerana ia lebih menutupi diri.

(وَوَاجِبَاتُ الْوُقُوفِ) ثلاثة. الأول (حُضُورُ جُزْءٍ مِنْ عَرَفَاتٍ) لمن كان متلبسا بنسك. ولا بد أن يكون (عَاقِلًا)، فهو الواجب الثاني. (وَوَقْتُهُ مِنَ الزَّوَالِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ الثَّانِي مِنْ يَوْمِ النَّحْرِ)، وهو الواجب الثالث.

1112. (Wajib-wajib wukuf itu) tiga. Pertamanya (hadhir pada satu juzuk daripada Arafah) bagi orang yang telah bersepakai dengan nusuk. Tidak dapat tidak bahawa adalah dia (berakal), maka ia wajib yang kedua. (dan waktunya mula dari zawal hingga terbit fajar yang kedua daripada hari nahar) yang mana ia adalah wajib ketiga.

(فَمَنْ حَضَرَ بَعْرَفَةَ فِي شَيْءٍ مِنْ هَذَا الْوَقْتِ وَهُوَ عَاقِلٌ وَلَوْ مَرًّا فِي لَحْظَةٍ فَقَدْ أُدْرِكَ الْحَجُّ وَمَنْ فَاتَهُ ذَلِكَ، أَوْ وَقَفَ مُغْمَى عَلَيْهِ) أو سكران (فَقَدْ فَاتَهُ الْحَجُّ). وأما المجنون إذا وقف مجنوناً فقد انقلب حجه نفلاً ولا يفوته.

1113. (Maka apabila dia hadhir di Arafah pada suatu daripada waktu ini sedang dia berakal walaupun dia hanya lalu pada masa yang singkat maka sungguh dia telah mendapat haji, dan siapa yang luput demikian itu darinya atau dia wukuf dalam keadaan pitam) atau mabuk (maka sungguh luputlah haji darinya). Adapun orang gila apabila dia wukuf dalam keadaan gilanya maka terbaliklah hajinya menjadi sunat dan ia tidak luput darinya.

وإذا فاتته الحج (فَيَتَحَلَّلُ بِفِعْلِ عُمْرَةٍ فَيَطُوفُ وَيَسْعَى وَيَحْلِقُ وَقَدْ حَلَّ مِنْ إِحْرَامِهِ) التحلل الثاني. (وَيَجِبُ عَلَيْهِ الْقَضَاءُ) في العام القابل (وَدَمٌ لِلْفَوَاتِ مِثْلُ دَمِ التَّمَتُّعِ) في الترتيب والتقدير. فعليه شاة يذبحها في حجة القضاء، فإن عجز صام ثلاثة في الحج وسبعة إذا رجع.

1114. Apabila luput haji itu darinya (maka dia bertahalul dengan amalan umrah lalu dia tawaf dan sai'e dan mencukur, dan sungguh telah halal dia dari ihramnya) sebagai halal pada tahallul kedua. (dan wajib di atasnya

kadha) pada tahun depan, (**dan dam kerana luput haji yang seumpama dam tamattu'**) pada tertib dan takdir. Maka kena di atasnya seekor kambing yang dia sembelih pada haji kadha. Maka jika dia lemah dia puasa tiga hari pada haji dan tujuh hari apabila dia balik.

(فَإِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ) من تاسع عرفة وهم وقوف (أَفَاضُوا إِلَى مُزْدَلِفَةَ) عَلَى طَرِيقِ الْمَازِمِينَ (ذَاكِرِينَ) اللهُ تَعَالَى (مُتَبِّينَ بِسَكِينَةٍ وَوَقَارٍ)، أَي بَدَلٍ وَانْكَسَارٍ، (بِغَيْرِ مُزَاحَمَةٍ وَإِيذَاءٍ) لِأَحَدٍ (وَضَرْبِ دَوَابِّ). فَمَنْ وَجَدَ فُرْجَةً أَسْرَعَ) بِتَحْرِيكِ دَابَّتِهِ، (وَيُؤَخَّرُونَ) صَلَاةَ (الْمَغْرِبِ) وَلَيَجْمَعُونَهَا بِمُزْدَلِفَةَ مَعَ (الْعِشَاءِ) جَمْعَ تَأْخِيرٍ، إِذَا كَانَ مَسَافِرًا سَفَرًا طَوِيلًا. وَإِلَّا فَلَا يَجُوزُ الْجَمْعُ.

1115. (**Maka apabila matahari tenggelam**) pada hari kesembilan di Arafah sedang mereka wukuf (**mereka berangkat ke Muzdalifah**) melalui jalan Ma'zamain (**dalam keadaan berzikir**) menyebut Allah taala (**bertalbiah dengan tenang dan kecut hati**), iaitu dengan hina dan terpecah hati, (**tanpa bersesak-sesak-sesak dan menyakiti**) seorang lain (**dan memukul tunggangan. Maka siapa yang mendapat ruang kosong dia mempercepatkan jalan**) dengan menggerakkan tunggangannya. (**Dan mereka mentakhirkan**) shalat (**maghrib dan hendaklah mereka menjamakannya di Muzdalifah dengan isyak**) sebagai jamak takhir, apabila dia bermusafir pada safar yang panjang. Jika tidak, maka tidak harus jamak itu.

(فَإِذَا وَصَلْتُمْهَا)، أَي مُزْدَلِفَةَ، (نَزَلُوا) بِهَا (وَصَلُّوا) الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ (وَبَاتُوا بِهَا وَصَلُّوا الصُّبْحَ أَوَّلَ الْوَقْتِ). وَهَذَا هُوَ الْأَكْمَلُ. وَإِلَّا فَالْوَاجِبُ يَتَأَدَّى بِالنَّزُولِ فِيهَا وَلَوْ لِحِظَةِ فِي النِّصْفِ الْإِثْنَانِي. (وَيَأْخُذُونَ مِنْهَا حَصِيَّ الْجَمَارِ) لَيْلًا. وَلَا يَأْخُذُونَ إِلَّا (سَبْعَ حَصِيَّاتٍ لِقَطًّا لَا تَكْسِيرًا) لِلْأَحْجَارِ. (وَالْأَفْضَلُ) أَنْ يَكُونَ الْحَصِيُّ (بِقَدْرِ الْبَاقِلَا)، وَهِيَ حَبَّةُ الْفُولِ.

1116. (**Maka apabila mereka sampai padanya**), iaitu Muzdalifah, (**mereka berhenti**) padanya (**dan shalat**) maghrib dan isyak (**dan bermalam padanya, dan mereka shalat subuh pada awal waktunya**). Ini yang paling sempurna. Jika tidak, maka apa yang wajib tertunai dengan turun singgah padanya walaupun sedetik pada setengah kedua. (**Mereka mengambil anak-anak batu darinya**) pada waktu malam, dan tidak mereka ambil melainkan (**tujuh ketul anak batu yang sebiji-sebiji, bukan pecahan**) daripada batu besar. (**Yang terafdhal**) bahawa adalah anak batu itu (**sekadar baqila**), iaitu bijian kacang ful.

(وَيَقْفُونَ بَعْدَ الصَّلَاةِ) الَّتِي هِيَ الصُّبْحُ (عَلَى الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَهُوَ جَبَلٌ صَغِيرٌ فِي آخِرِ الْمُزْدَلِفَةِ. وَيُنْدَبُ صُعُودُهُ إِنْ أَمَكَنَ. وَهُنَاكَ بَدَاءُ مُحَدَّثٍ يَقُولُ الْعَوَامُ إِنَّهُ الْمَشْعَرُ الْحَرَامُ وَلَيْسَ كَذَلِكَ). وَتَحْصُلُ السَّنَةُ بِالْوُقُوفِ عَلَى هَذَا الْبِنَاءِ.

1117. (**Mereka wukuf selepas shalat**) yang ianya subuh (**diatas Mas'aril Haram iaitu bukit kecil pada akhir Muzdalifah. Sunat menaikinya jika**

boleh. Di sana ada bangunan baru yang dikatakan orang awam bahawa ia Masy'aril Haram sedang ia bukan seperti demikian itu). Terhasil sunat dengan wukuf diatas binaan ini.

(وَيُكْتَرُونَ) هناك (التَّالِيَةَ وَالِدُعَاءَ وَالذِّكْرَ مُسْتَقْبِلِينَ الْقِبْلَةَ، وَيَقُولُونَ: اللَّهُمَّ كَمَا أَوْقَفْتَنَا فِيهِ وَأَرَيْتَنَا إِيَّاهُ فَوَفَّقْنَا لِدُكْرِكَ كَمَا هَدَيْتَنَا، وَاعْفُرْ لَنَا وَارْحَمْنَا كَمَا وَعَدْتَنَا بِقَوْلِكَ وَقَوْلِكَ الْحَقُّ "فَإِذَا أَفْضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ" إِلَى قَوْلِهِ "عَفُورٌ رَحِيمٌ". رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ).

1118. (Mereka membanyakkan) disana (akan talbiah dan doa dan zikir dalam keadaan mengadap kiblat dan mengucapkan "Ya Allah seperti mana Engkau hentikan kami padanya dan perlihatkan kami akannya maka taufikkan kami untuk mengingati Mu sepertimana telah Engkau hidayahkan kami, dan ampuni kami dan kasihani kami sepertimana Engkau janjikan kami dengan kata-kata Mu, sedang kata-kata Mu itu benar, "غفور رحيم" hingga katanya "فإذا أفضتم من عرفات" Tuhan kami datangkan kepada kami kebaikan didunia dan kebaikan diakhirat dan peliharalah kami dari azab neraka"

(فَإِذَا أَسْفَرَ) النهار (جِدًّا)، أي اشتدت إضاءته، (سَارُوا إِلَى مَنَى بِوَقَارٍ وَسَكِينَةٍ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ. فَإِذَا وَصَلُوا إِلَى وَادِي مُحَسَّرٍ وَهُوَ بِقَرْبِ مَدْيِ أَسْرَعُوا قَدْرَ رَمِيَةِ حَجَرٍ). هذا للماشي والراكب يحرك دابته.

1119. (Maka apabila) siang (benar-benar terang), iaitu kuat cerahnya, (mereka berjalan ke Mina dengan hati yang kecil dan dengan tenang sebelum terbit matahari. Maka apabila mereka sampai di Wadi Muhassar yang dekat dengan Mina mereka mempercepatkan jalan kadar satu lontaran batu). Ini bagi yang berjalan kaki, sedang yang menunggang menggerakkan binatang tunggangannya.

(ثُمَّ يَسْلُكُونَ الطَّرِيقَ الْوَسْطَى الَّتِي تَرْمِيهِمْ)، أي توصلهم، (عَلَى جَمْرَةِ الْعَقْبَةِ. فَكَمَا يَأْتُونَهَا وَهُمْ رُكْبَانٌ يَرْمُونَ جَمْرَةَ الْعَقْبَةِ)، أي يرمون جمرة العقبة كما يأتونها. فإن كانوا ركباناً رموها كذلك، وإن أتوها مشاة رموها كذلك. ولا يخفي ما في عبارة المصنف من القلاقة وعدم إفادة المراد.

1120. (Kemudian mereka melalui jalan yang tengah yang melontarkan mereka), iaitu menyampaikan mereka, (kepada jamrah Aqabah. Maka seperti mana mereka mendatangnya walhal mereka menunggang mereka melontar jamrah Aqabah itu), iaitu mereka melontar jamrah Aqabah seperti mana cara mereka datang kepadanya, maka jika mereka menunggang mereka melontarnya dengan keadaan itu, dan jika mereka datang kepadanya berjalan kaki mereka melontarnya seperti cara itu. Tidak tersulit pada ibarat musannif terdapat kejanggalan dan tidak memahamkan maksud.

(وَيَرْمُونَ) بِتِلْكَ الْحَصِيَّاتِ السَّبْعِ الْمُتَلَقَّطَةِ مِنَ الْمُزْدَلِفَةِ. وَمِنْ أَيِّ مَكَانِ الدَّقْطِ الْحَصَى جَازٌ، مِنْ الْمُزْدَلِفَةِ (وَ) مِنْ (عَیْرِهَا. وَلَكِنْ يُكْرَهُ أَخْذُهَا مِنَ الْمَرْمَى)،

أي المكان الذي يرمى فيه. (وَ) يكره أخذها أيضا من (الْحَشِّ وَ) من (الْمَسْجِدِ). والحش المكان الذي تقضي فيه حاجة الإنسان. ومع الكراهة يعتد بالرمي بما ذكر.

1121. Mereka melontar (**dengan tujuh anak-anak batu yang dipungut di Muzdalifah itu. Dimana-mana tempat dia pungut anak batu itu harus ia, di Muzdalifah dan**) di(**tempat selainnya. Akan tetapi makruh mengambilnya dari tempat lontar**), iaitu tempat yang dilontar padanya, (**dan**) makruh mengambilnya juga dari (**al hash dan**) dari (**masjid**). al Hash itu tempat yang dikadha hajat manusia padanya. Dan serta karahah itu dikira lontaran dengan apa yang disebutkan itu.

(وَكُلَّمَا يَشْرَعُ فِي الرَّمِيِّ يَفْطَعُ التَّلْبِيَةَ)، أي عند الشروع في الرمي. فالكاف بمعنى عند. (وَلَا يُلَبِّي بَعْدَ ذَلِكَ) لأن الرمي من أسباب التحلل. والمعتمر يقطع التلبية بالشروع في الطواف.

1122. (**Bilamana dia masuk pada melontar dia memutuskan talbiah**), iaitu di sisi dia masuk pada melontar. Maka huruf kaf "كلما" dengan makna di sisi. (**dan dia tidak bertalbiah selepas itu**) kerana lontaran itu sebahagian daripada sebab-sebab tahallul. Orang yang mengerjakan umrah memutuskan talbiah dengan masuk pada tawaf.

(وَصُورَةُ الرَّمِيِّ) لجمرة العقبة (أَنْ يَقِفَ بِبَطْنِ الْوَادِي بَعْدَ ارْتِفَاعِ الشَّمْسِ) بقدر رمح (بِحَيْثُ تَكُونُ عَرَفَةَ عَنْ يَمِينِهِ وَمَكَّةَ عَنْ يَسَارِهِ وَيَسْتَقْبِلُ الْجَمْرَةَ). وهذا في يوم النحر. وأما في باقي الأيام فيستقبل القبلة. (وَيَرْمِي حَصَاةً حَصَاةً). فإذا رمي حصاتين أو أكثر حسبت حصاة.

1123. (**Rupa perbuatan lontar**) jamrah Aqabah itu (**bahawa seorang berdiri pada batin lembah selepas matahari tinggi**) kadar segalah (**sekira-kira adalah Arafah di kanannya dan Makkah di kirinya dan dia mengadap kepada jamrah**). Ini pada hari nahar. Adapun pada baki hari-hari lonntar maka dia mengadap kiblat. (**dan dia melontarkan anak batu satu demi satu**). Maka apabila dia melontar dua anak batu atau lebih dikira satu anak batu.

ويسن أن يكون الرمي (بِيَمِينِهِ، وَيُكَبِّرُ مَعَ كُلِّ حَصَاةٍ وَيَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يَرَى بَيَاضَ إِبْطَيْهِ). ولا ترفع المرأة والخذثي. (وَيَرْمِي رَمِيًّا)، أي شديدا بحيث يسمى رميا، (وَلَا يَنْفُذُ نَفْذًا) بحيث لا يسمى رميا، بأن يكون مثل نقد الدراهم.

1124. Sunat bahawa adalah lontaran itu (**dengan kanannya, dan dia bertakbir serta setiap satu anak batu, dan mengangkat dua tangannya hingga kelihatan putih dua ketiaknya**). Perempuan dan khunsa tidak mengangkat tangannya. (**Dia melontar sebenar-benar lontar**), iaitu dengan lontaran yang keras sekira-kira ia dinamakan lontar, (dan tidak dia mencampakkan), sekira-kira tidak dinamakan ia lontar dengan bahawa adalah ia seumpama mencampakkan_duit-duit dirham.

(فَإِذَا فَرَغَ مِنَ الرَّمِيِّ ذَبَحَ هَدْيًا إِنْ كَانَ مَعَهُ)، سواء كان ندبا أو واجب نذر، (أَوْ ضَحَّى. ثُمَّ يَخْلُقُ الرَّجُلُ جَمِيعَ رَأْسِهِ. هَذَا هُوَ الْأَفْضَلُ)، أي حلق الجميع. (وَلَهُ أَنْ يَقْتَصِرَ عَلَى ثَلَاثِ شَعْرَاتٍ مِنْهُ)، أي الرأس لا من غيره كاللحية، (أَوْ تَقْصِيرِهَا. وَالْأَفْضَلُ فِي التَّقْصِيرِ قَدْرُ أُنْمَلَةٍ مِنْ جَمِيعِ شَعْرِهِ. وَأَمَّا الْمَرْأَةُ فَالْأَفْضَلُ لَهَا التَّقْصِيرُ عَلَى هَذَا الْوَجْهِ)، ولا تؤمر بالحلق.

1125. (Maka apabila dia selesai dari melontar dia menyembelih hadiah jika ada bersamanya), sama sahaja ianya sunat atau wajib nazar, (atau menyembelih korban. Kemudian orang lelaki mencukur seluruh kepalanya. Ini adalah yang terafdhal), iaitu cukur semuanya. (Boleh dia menghadkan diatas tiga helai rambut daripadanya), iaitu kepalanya, tidak dari selainnya seperti janggut, (atau diatas menggungingnya. Yang terafdhal pada gunting itu adalah kadar satu ruas jari dari semua rambutnya. Adapun perempuan maka yang terafdhal baginya adalah gunting diatas wajah ini), dan tidak disuruh dia bercukur.

(وَيَكُونُ حَالُ الْحَلْقِ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ مُكَبِّرًا. وَيَبْدَأُ الْحَالِقُ بِشِقَةِ الْأَيْمَنِ. وَيَذْفَنُ شَعْرَهُ. وَالْحَلْقُ رُكْنٌ لَا يَتِمُّ الْحَجُّ إِلَّا بِهِ وَيَبْقَى مُحْرَمًا إِلَيَّ أَنْ يَأْتِيَ بِهِ) لأن التحلل موقوف عليه (وَمَنْ لَا شَعْرَ لَهُ أَمَرَ الْمُوسَى عَلَى رَأْسِهِ) ندباً

1126. (Dan adalah dia ketika bercukur itu mengadap kiblat, lagi bertakbir. Tukang cukur memulakan dengan belahan kepalanya yang kanan, dan ditanam rambutnya. Cukur itu rukun tidak sempurna haji melainkan dengannya, dan dia kekal berihram sehingga bahawa dia mendatangkannya) kerana tahallul dihentikan diatasnya. (Orang yang tidak ada rambut baginya memperlalukan pisau cukur diatas kepalanya) diatas jalan sunat.

(ثُمَّ يَأْتِي مَكَّةَ فِي يَوْمِهِ فَيَطُوفُ طَوَافَ الْإِفَاضَةِ وَهُوَ رُكْنٌ لَا يَتِمُّ الْحَجُّ إِلَّا بِهِ وَيَبْقَى مُحْرَمًا إِلَيَّ أَنْ يَأْتِيَ بِهِ. وَصِفَتُهُ كَمَا تَقَدَّمَ). ووقته موسع إلى ما لا نهاية له. (ثُمَّ) بعد الطواف (يُصَلِّي رُكْعَتَيْنِ)، سنة الطواف.

1127. (Kemudian dia datang ke Makkah pada harinya itu lalu melakukan tawaf ifadhah. Ianya rukun yang tidak sempurna haji melainkan dengannya, dan dia kekal berihram sehingga dia mendatangkannya. Sifatnya sepertimana yang telah lalu). Waktunya luas hingga kepada apa yang tidak ada kesudahan baginya. (Kemudian) selepas tawaf (dia shalat dua rakaat), sunat tawaf.

(ثُمَّ إِنْ كَانَ كَانَ سَعَى مَعَ طَوَافِ الْقُدُومِ لَمْ يُعِدْهُ)، بل يكره إعادته. (وَالْإِلَّا) بأن لم يكن سعى بعد القدوم (سَعَى) بعد الإفاضة، (لِأَنَّ السَّعْيَ أَيْضًا رُكْنٌ لَا يَتِمُّ الْحَجُّ إِلَّا بِهِ، وَيَبْقَى مُحْرَمًا إِلَيَّ أَنْ يَأْتِيَ بِهِ). ويتأتى له التحلل الأول وعليه السعي، بأن يرمى ويحلق ويبقى عليه طواف الإفاضة والسعي.

1128. (Kemudian jika dia telah sa'ie berserta tawaf qudum dia tidak mengulanginya), bahkan makruh mengulanginya. (Jika tidak), dengan bahawa dia belum sa'ie selepas qudum (dia sa'ie) selepas ifadhah (kerana sa'ie itu juga rukun yang tidak sempurna haji melainkan dengannya dan dia kekal berihram sehingga dia mendatangkannya). Terhasil baginya tahalul awal dan di atasnya sa'ie, dengan bahawa dia melontar dan bercukur dan tinggal lagi di atasnya tawaf ifadhah dan sa'ie.^{xxv}

(وَاعْلَمْ أَنَّ الرَّمِيَّ وَالْحَلْقَ وَطَوَافَ الْإِفَادَةِ) كل منها يسن فعله في هذا اليوم، ولكن (الأفضل تقديم الرمي ثم الحلق ثم الطواف. فلو أتى بها على غير هذا الترتيب فقدّم وأخر جاز).

1129. (Ketahuilah bahawa melontar dan bercukur dan tawaf ifadhah) setiap satu daripadanya sunat dilakukan pada hari ini, walau bagaimanapun (yang terafdhal adalah mendulukan lontar kemudian cukur kemudian tawaf. Maka kalau dia mendatangkannya diatas selain aturan ini maka dia mendulukan dan mentakhirkan harus ia).

(وَيَدْخُلُ وَقْتُ الثَّلَاثَةِ بِنِصْفِ اللَّيْلِ مِنْ لَيْلَةِ النَّحْرِ) إن كان قد وقف قبل ذلك. وإلا فلا يدخل حتى يقف. (ويخرج وقت رمي جمرة العقبة) الفاضل بالزوال يوم النحر ويخرج الاختيار (بإخراج يوم النحر). وأما وقت الجواز فيمتد إلى آخر أيام التشريق. (ويبقى وقت الحلق والطواف متراخياً ولو إلى سنين).

1130. (Masuk waktu tiga ini dengan setengah malam daripada malam nahar) jika dia telah wukuf sebelum demikian itu. Jika tidak, maka ia tidak masuk sehingga dia wukuf. (Keluar waktu lontar jamrah Aqabah), iaitu waktu fadhilatnya dengan gelincir matahari pada hari nahar, dan keluar waktu ikhtiarnya (dengan keluar hari nahar). Adapun waktu jawaznya maka ia berpanjangan hingga kepada akhir hari-hari tasyrik. (Kekal waktu bercukur dan tawaf berterusan walaupun hingga beberapa tahun).

(وَالْحَجَّ تَحْلُلَانِ أَوَّلٌ وَثَانٍ. فَالأَوَّلُ يَحْصُلُ بِاثْنَيْنِ مِنْ هَذِهِ الثَّلَاثَةِ أَيَّهَا كَانَ، إِمَّا حَلْقٍ وَرَمِيٍّ أَوْ حَلْقٍ وَطَوَافٍ أَوْ رَمِيٍّ وَطَوَافٍ. فَمَتَى فَعَلَ اثْنَيْنِ مِنْهَا حَصَلَ التَّحْلُلُ الأَوَّلُ. وَيَحِلُّ بِهِ، أَي بِالتَّحْلُلِ الأَوَّلِ، (جَمِيعُ مَا حَرَّمَ عَلَيْهِ) بالإحرام كالطيب والدهان والستر (مَا عَدَا النَّسَاءِ)، أي ما يتعلق بهن، (مِنْ وَطْءٍ وَعَقْدِ نِكَاحٍ وَمُبَاشَرَةٍ)، أي بشهوة.

1131. (Bagi orang yang mengerjakan haji ada dua tahallul, tahalul awal dan tahalul thani. Maka yang awal itu terhasil dengan dua daripada tiga ini, mana-mana satu daripadanya, sama ada cukur dan lontar atau cukur dan tawaf atau lontar dan tawaf. Maka bila dia melakukan dua daripadanya terhasillah tahallul awal. Halal dengannya), iaitu dengan tahalul awal itu, (semua apa yang haram di atasnya) dengan sebab ihram seperti wangian dan minyak dan pakaian berjahit, (selain perempuan), iaitu

apa yang berkaitan dengan mereka itu, (**daripada setubuh dan akad nikah dan bersentuhan kulit**), dengan syahwat.

(فَادَا فَعَلَ الثَّلَاثَ) من الثلاثة المتقدمة (حَلَّ لَهُ كُلُّ مَا حَرَّمَهُ الْإِحْرَامُ)، أي ما حرم بسببه، ولا يبقى للإحرام أثر بالنسبة للمحرمات، وإن وجب عليه ما بقي من الرمي لأيام التشريق.

1132. (**Maka apabila dia melakukan yang ketiga**) daripada tiga yang terdahulu itu (**halal baginya setiap apa yang diharamkan oleh ihram**), iaitu apa yang haram dengan sebabnya, dan tidak kekal bagi ihram itu oleh satu kesan dengan nisbah kepada perkara-perkara yang diharamkan, sekalipun wajib di atasnya apa yang masih tinggal lagi, daripada lontar jamrah pada hari-hari tasyrik.

(فَصَلِّ) فيما يتعلق بالرمي. (فَادَا فَرَعَ مِنْ طَوَافِ الْإِفَاضَةِ وَالسَّعْيِ رَجَعَ إِلَى مَنَى وَبَاتَ بِهَا). ويستحب كون الرجوع قبل الظهر ليدرك صلاته بها. (وَيَنْتَقِطُ فِي) أول (أَيَّامِ التَّشْرِيقِ وَهُوَ ثَانِي الْعِيدِ إِحْدَى وَعِشْرِينَ حَصَاةً مِنْ مَنَى. وَيَتَجَنَّبُ) أخذ الحصى من (المَوَاضِعِ الثَّلَاثَةِ الْمُتَقَدِّمَةِ) وهي المسجد وبيت الخلاء والمرمى.

1133. (**Fasal**) pada apa yang berkaitan dengan lontar jamrah. (**Maka apabila dia selesai dari tawaf ifadhah dan sai'e dia balik ke Mina dan bermalam padanya**). Sunat keadaan baliknya itu sebelum zohor supaya dia mendapat shalatnya di sana. (**Dan dia memungut pada**) yang pertama daripada (**hari-hari tasyrik iaitu yang kedua daripada hari raya akan dua puluh satu anak batu di Mina, dan dia mengelakkan**) dari mengambil anak batu itu dari (**tiga tempat yang terdahulu itu**), iaitu masjid dan tandas dan tempat lontar.

(فَادَا زَالَتِ الشَّمْسُ رَمَى بِهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ)، أي صلاة الظهر، (فَيَرْمِي الْجَمْرَةَ الْأُولَى وَهِيَ الَّتِي تَلِي مَسْجِدَ الْخَيْفِ)، بفتح الخاء وإسكان الياء مسجد معروف بمنى. (فَيَصْعَدُ إِلَيْهَا) لأنها على محل مرتفع (وَيَجْعَلُهَا عَنْ يَسَارِهِ وَيَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ)، ويكون شقه الأيمن جهة الجبل الذي فيه المذبح. (وَيَرْمِيهَا بِسَبْعِ حَصِيَّاتٍ حَصَاةٍ حَصَاةٍ كَمَا تَقَدَّمَ).

1134. (**Maka apabila matahari gelincir dia melontarnya sebelum shalat**), iaitu shalat zuhur, (**maka dia melontar jamrah pertama iaitu yang mengiringi masjid Khaif**) – “الخيف” – dengan fathah kha' dan sukun ya'- masjid yang terkenal di Mina. (**Maka dia mendaki kepadanya**) kerana ia di atas tempat yang tinggi, (**dan dia menjadikannya dikirinya serta dia mengadap kiblat**), dan adalah sebelah tubuhnya yang kanan pada pihak bukit yang padanya ada mazbah. (**Dia melontarnya dengan tujuh anak batu, seketul demi seketul seperti mana telah lalu**).

ثم يتقدم عن محل موقفه، (ثُمَّ يَنْحَرِفُ) عن استقبال القبلة (قَلِيلًا بِحَيْثُ لَا يَنَالُهُ الْحَصَى الَّذِي يَرْمِيهِ النَّاسُ وَتَبْقَى الْجَمْرَةُ خَلْفَهُ وَيَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ وَيَدْعُو وَيَذْكُرُ) الله تعالى (بِخُشُوعٍ وَتَضَرُّعٍ بِقَدْرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ).

1135. Kemudian dia maju ke depan dari tempat berdirinya (kemudian dia berpaling) dari menghadap kiblat (sedikit, sekira-kira tidak mencapainya anak batu yang dilontarkan oleh orang ramai. Dan jadilah jamrah itu berada di belakangnya, dan dia menghadap kiblat dan berdoa dan berzikir) menyebut nama Allah taala (dengan khusyu' dan tadarru' sekadar surah al Baqarah).

(ثُمَّ يَأْتِي الْجَمْرَةَ الثَّانِيَةَ)، وتسمى الجمرة الوسطى، والأولى الكبرى، (فِيَفْعَلُ كَمَا فَعَلَ فِي الْأُولَى. فَإِذَا فَرَعٌ مِنْهَا وَقَفَ وَدَعَا قَدْرَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ).

1136. (Kemudian dia datang kepada jamrah kedua) yang dinamakan jamrah wustha, dan yang pertama tadi jamrah kubro. (Maka dia melakukan seperti mana dia telah lakukan pada yang pertama tadi. Maka apabila dia selesai darinya dia berdiri dan berdoa kadar surah alBaqarah).

(ثُمَّ يَأْتِي الْجَمْرَةَ الثَّلَاثَةَ وَهِيَ جَمْرَةُ الْعُقْبَةِ الَّتِي رَمَاهَا يَوْمَ النَّحْرِ فَيَرْمِيهَا بِسَبْعِ كَمَا فَعَلَ يَوْمَ النَّحْرِ سِوَاءً، فَيَسْتَقْبِلُهَا وَالْقِبْلَةَ عَنْ يَسَارِهِ). هذا خلاف الأفضل، فإن الأفضل في أيام التشريق استقبال القبلة فيها كالأولى والثانية، وإن كان الأفضل يوم النحر جعلها عن يساره. (فَإِذَا فَرَعٌ لَا يَقِفُ عِنْدَهَا) كالأولين.

1137. (Kemudia dia datang kepada jamrah ketiga iaitu jamrah yang telah dia lontarkannya pada hari nahar, maka dia melontarnya dengan tujuh biji seperti mana telah dia lakukan pada hari nahar, hal keadaan sama. Maka dia menghadapnya dan kiblat di kirinya). Ini menyalahi yang terafdhal, maka yang terafdhal pada hari-hari tasyrik adalah menghadap kiblat padanya sama seperti jamrah pertama dan kedua, sekalipun yang terafdhal pada hari nahar menjadikannya dikirinya. (Maka apabila dia selesai dia tidak berdjiri di sisinya) sepertimana pada dua yang pertama itu.

(وَيَبِيْتُ) الحاج وجوبا (بِمَنَى) الليلة الثانية من ليالي التشريق. (ثُمَّ يَلْتَقِطُ مِنَ الْعَدِّ وَهُوَ ثَانِي أَيَّامِ التَّشْرِيقِ إِحْدَى وَعِشْرِينَ حَصَاةً، فَيَرْمِي بِهَا الْجَمْرَاتِ الثَّلَاثَ، كُلَّ جَمْرَةٍ مِنْهَا) (بِسَبْعِ بَعْدَ الزَّوَالِ كَمَا تَقَدَّمَ. وَلَا يَجُوزُ)، أي لا يصح، (رَمَى الْجِمَارِ فِي أَيَّامِ التَّشْرِيقِ إِلَّا بَعْدَ الزَّوَالِ).

1138. (Bermalamlah) orang yang mengerjakan haji diatas jalan wajib (di Mina) pada malam kedua daripada malam-malam tasyrik. (Kemudian dia memungut esoknya iaitu hari kedua daripada hari-hari tasyrik akan dua puluh satu anak batu. Maka dia melontar dengannya akan jamrah-jamrah yang tiga itu, setiap satu jamrah) daripadanya (dengan tujuh biji, selepas gelincir matahari seperti mana yang telah lalu. Tidak harus),

iaitu tidak sah, (**lontar jamrah-jamrah itu pada hari-hari tasyrik melainkan selepas gelincir matahari**).

(وَيَجِبُ التَّرْتِيبُ) في الرمي في المكان (فَيْرَمِي مَا)، أي الجمرة التي، (تَلِي مَسْجِدِ الْخَيْفِ أَوْلًا وَالْوُسْطَى ثَانِيًا وَالْعَقَبَةَ ثَالِثًا). فلو ترك حصة من الأولى سهوا ثم رمى ما بعدها لم يصح الرمي. فيلزمه أن يكمل رمى الأولى ثم يعيد ما بعده.

1139. (**Wajib aturan**) pada lontar pada tempatnya (**maka dia melontar apa**), iaitu jamrah yang, (**mengiringi masjid Khaif mula-mula dan wustha yang kedua kali dan Aqabah yang ketiga kali**). Maka kalau dia meninggalkan satu anak batu dari yang pertama diatas jalan lupa kemudian dia melontar apa yang selepasnya tidak sah lontaran itu. Maka lazim dia menyempurnakan lontaran pertama itu kemudian dia mengulang apa yang selepasnya.

(وَيُنْدَبُ الْغُسْلُ كُلَّ يَوْمٍ لِلرَّمْيِ. فَإِذَا رَمَى فِي ثَانِي التَّشْرِيقِ نُدِبَ لِلْإِمَامِ أَنْ يَخْطُبَ خُطْبَةً يَعْلَمُهُمْ فِيهَا جَوَازَ النَّفْرِ)، وهو أن يكون واقعا بعد الزوال وبعد الرمي. (وَيُودَّعُهُمْ) بعد الخطبة.

1140. (**Sunat mandi setiap hari untuk melontar. Maka apabila dia telah melontar pada hari tasyrik yang kedua sunat bagi imam berkhotbah satu khutbah yang dia mengajarkan mereka padanya tentang harus nafar**), iaitu bahawa adalah ia jatuh selepas zawal dan selepas lontar. (**Dan dia mengucap perpisahan dengan mereka**) selepas khutbah itu.

(ثُمَّ يَتَخَيَّرُ) الشخص (بَيْنَ أَنْ يَتَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ وَبَيْنَ أَنْ يَتَأَخَّرَ. فَإِذَا أَرَادَ التَّعْجِيلَ. فَلْيُنْفِرْ) مذهب أي منى إلى مكة (بشَرْطِ أَنْ يَرْتَحِلَ مِنْ مَدْيَ قَبْلَ) (الْغُرُوبِ) للشمس، ولو لم ينفصل منها إلا بعد الغروب. فإذا وجد هذا الشرط سقط عنه مبيت الليلة الثالثة ورمى يومها.

1141. (**Kemudian**) seorang (**memilih di antara dia segera nafar pada dua hari itu dan di antara bahawa dia lewat. Maka apabila dia hendak segera maka hendaklah dia nafar**) darinya iaitu dari Mina ke Makkah (**dengan syarat bahawa dia berangkat dari Mina sebelum tenggelam matahari**), walaupun dia tidak terpisah darinya melainkan selepas tenggelam matahari. Maka apabila didapati syarat ini gugurlah darinya bermalam pada malam ketiga dan melontar pada harinya.

(فَإِنْ غَرَبَتْ وَهُوَ بِمَنَى امْتَنَعَ التَّعْجِيلُ وَلَزِمَهُ الْمَبِيتُ وَرَمَى الْغَدِ. وَإِنْ لَمْ يَرِدِ التَّعْجِيلُ بَاتَ بِمَنَى وَالتَّقَطُّ إِحْدَى وَعِشْرِينَ حِصَاةً يَرْمِيهَا مِنْ الْغَدِ بَعْدَ الزَّوَالِ كَمَا تَقَدَّمَ ثُمَّ يَنْفِرُ). ولا يشترط في هذا النفر شيء.

1142. (**Maka jika matahari tenggelam sedang dia masih berada di Mina tertegah segera nafar itu dan lazim dia bermalam dan melontar esoknya. Jika dia tidak mahu segera nafar dia bermalam di Mina dan**

dia memungut dua puluh satu biji anak batu untuk dia lontarkan esoknya selepas gelincir matahari seperti mana telah lalu kemudian dia nafar). Tidak disyaratkan pada nafar ini akan sesuatu.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَنْزِلَ الْمُحَصَّبَ وَهُوَ عِنْدَ الْجَبَلِ الَّذِي) هو (عِنْدَ مَقَابِرِ مَكَّةَ، وَقَدْ فَرَعَ مِنْ حَجِّهِ) وتمت أعماله. (وَإِذَا أَرَادَ الْإِعْتِمَارَ اعْتَمَرَ مِنَ الْحِلِّ كَمَا سَيَأْتِي ذَلِكَ فِي صِفَةِ الْعُمْرَةِ).

1143. (Sunat bahawa dia berhenti singgah di al Muhassab yang mana ia berada disisi bukit yang) ianya (berada disisi kuburan Makkah, dan sesungguhnya dia telah selesai dari hajinya) dan tamat amalan-amalannya. (Apabila dia hendak melakukan umrah dia melakukan umrah dari tanah halal seperti mana akan datang demikian itu pada sifat umrah).

(فَإِذَا أَرَادَ الرَّجُوعَ إِلَى بَلَدِهِ أَتَى مَكَّةَ وَطَافَ لِلْوَدَاعِ) وجوبا، (ثُمَّ رَكَعَ رَكَعَتَيْهِ وَوَقَّفَ فِي الْمُنْتَزِمِ بَيْنَ الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ وَالْبَابِ)، أي باب الكعبة، وهو من المواضع التي يستجاب فيها الدعاء، (وَقَالَ اللَّهُمَّ إِنَّ الْبَيْتَ بَيْتَكَ وَالْعَبْدَ عَبْدَكَ وَابْنَ عَبْدِكَ حَمَلْتَنِي عَلَى مَا سَخَرْتَ لِي مِنْ خَلْقِكَ حَتَّى صَيَّرْتَنِي فِي بِلَادِكَ وَبَلَّغْتَنِي بِنِعْمَتِكَ حَتَّى أَعْتَدْتَنِي عَلَى قَضَاءِ مَنَاسِكَكَ. فَإِنْ كُنْتَ رَضِيتَ عَنِّي فَازِدْ عَنِّي رِضًا وَإِلَّا فَمَنْ)، بتشديد النون من الامتنان، (الآن) بالرضا (قَبْلَ أَنْ تَنَائِي)، أي تبعد، (عَنْ بَيْتِكَ دَارِي وَيَبْعُدَ عَنْهُ مَزَارِي) أي مكان زيارتي.

1144. (Maka apabila dia hendak balik kenegerinya dia datang ke Makkah dan melakukan tawaf wada') diatas jalan wajib, (kemudian dia rukuk dua rakaat tawaf dan berdiri di Multazam diantara hajar aswad dan pintu) Ka'bah, yang mana ia satu daripada tempat-tempat yang diperkenankan doa padanya, (dan mengucapkan "Ya Allah sesungguhnya rumah ini rumah Mu dan hamba ini hamba-Mu dan anak bagi dua orang hamba-Mu, Engkau tanggungkan aku keatas apa yang Engkau permudahkan buat ku daripada makhluk Mu sehingga Engkau jadikan aku berada pada negeri Mu dan sampaikan aku dengan ni'mat Mu sehingga Engkau bantu aku diatas menunaikan ibadat nusuk Mu. Maka jika Engkau redhai aku maka tambahkan buat ku redha Mu, dan jika tidak maka kurniakanlah) -"امتنان" من- (sekarang ini) dengan redha (sebelum bahawa jauh dari rumah Mu oleh rumah ku, dan jauh darinya oleh tempat ziarah ku).

(هَذَا أَوْ أَنْ أَنْصِرَافِي إِنْ أَذِنْتَ لِي غَيْرَ مُسْتَبَدِّلِ بِكَ) غيرك (وَلَا بَيْتِكَ وَلَا رَاغِبِ عَنكَ وَلَا عَنْ بَيْتِكَ)، أي كارها له. (اللَّهُمَّ فَأَصْحِبْنِي الْعَافِيَةَ فِي بَدَنِي وَالْعِصْمَةَ)، أي الحفظ عن المعاصي، (فِي دِينِي وَأَحْسِنْ مُنْقَلَبِي)، أي أحسن انقلابي إلى وطني، (وَارْزُقْنِي الْعَمَلَ بِطَاعَتِكَ مَا أَبْقَيْتَنِي، وَاجْمَعْ لِي خَيْرِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ).

1145. (Inilah masa aku berpaling pergi jika Engkau izinkan buat ku, dalam keadaan aku tidak menggantikan Engkau) dengan selain Engkau (dan tidak menggantikan rumah Mu, dan tidak gemar dari Mu dan tidak juga gemar dari rumah Mu) iaitu benci kepadanya. (Ya Allah maka sertakan aku dengan kesihatan pada tubuh ku dan dengan peliharaan) dari maksiat (pada agama ku, dan elokkanlah perjalanan balik ku) ke tanah air ku (dan razeikanlah buat ku amalan pada mentaati Mu selama mana Engkau kekalkan aku, dan himpulkanlah buat ku kebaikan dunia dan kebaikan akhirat, sesungguhnya Engkau maha kuasa diatas segala suatu).

(ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ ثُمَّ يَمْضِي)، أي يمشي، (عَلَى عَادَتِهِ) من جعل ظهره للبيت، (وَلَا يَرْجِعُ الْفَهْقَرِي) بأن يجعل وجهه للبيت وظهره لباب الوداع.

1146. (Kemudian dia berselawat keatas nabi sawm kemudian berlalu), iaitu berjalan, (diatas cara biasa) daripada menjadikan belakangnya kepada Baitullah, (dan dia tidak berundur ke belakang) dengan bahawa dia menjadikan mukanya kepada Baitullah dan belakangnya kepada pintu wada'.

(ثُمَّ يُعْجَلُ الرَّحِيلَ. فَإِنْ وَقَفَ بَعْدَ ذَلِكَ أَوْ تَشَاعَلَ بِشَيْءٍ لَا تَعْلَقَ لَهُ بِالرَّحِيلِ) كَشِرَاءِ شَيْءٍ أَوْ قِضَاءِ دَيْنٍ (لَمْ يُعْتَدَ بِطَوَافِهِ عَنِ الْوَدَاعِ وَتَلَزَمَهُ إِعَادَتُهُ. فَإِنْ تَعْلَقَ بِالرَّحِيلِ كَشَدَّ رَحْلَ وَشِرَاءِ زَادٍ وَنَحْوِهِ لَمْ يَضُرَّ. وَلِلْحَائِضِ أَنْ تَنْفَرِ بِإِلَّا وَدَاعٍ) ومثلها النفساء (وَلَا دَمَ عَلَيْهَا).

1147. (Kemudian dia menyegerakan keberangkatan. Maka jika dia berhenti selepas itu atau sibuk dengan suatu yang tidak berkaitan dengan berangkat) seperti membeli sesuatu atau membayar hutang (tidak dikirakan tawafnya itu dari wada' dan lazim dia mengulanginya. Maka jika berkaitan ia dengan berangkat seperti mengikat tunggangan dan membeli bekalan dan umpamanya tidak memudharat ia. Perempuan berhaid boleh berangkat balik tanpa wada', dan seumpamanya yang bernafas, (dan tidak ada dam diatasnya).

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَدْخُلَ الْبَيْتَ)، أي الكعبة، (حَافِيًا) للتبرك، ولكن ذلك مشروط بعدم الإيذاء، (بِأَنْ لَمْ يُؤْذِ أَحَدًا وَنَحْوَهَا. فَإِذَا دَخَلَ مَشَى تَلْقَاءَ وَجْهِهِ حَتَّى يَبْقَى بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجِدَارِ الْمُقَابِلِ لِلْبَابِ ثَلَاثَةَ أَدْرُعٍ فَهَنَّاكَ يُصَلِّي، فَهُوَ مُصَلِّي النَّبِيِّ ﷺ).

1148. (Sunat dia masuk ke Baitullah), iaitu ka'bah, (tanpa berkasut) kerana tabarruk, akan tetapi demikian itu disyaratkan dengan tidak menyakiti orang lain, (dengan bahawa dia tidak menyakiti seorang dan seumpamanya. Maka apabila dia masuk dia berjalan ke depan sehingga tinggal di antara dia dan diantara dinding yang setentang dengan pintu itu tiga hasta, maka di sana dia shalat, maka ia adalah tempat shalat nabi sawm).

(وَيُكْثِرُ مِنَ الْإِعْتِمَارِ) مدة إقامته (وَ) من (النَّظَرِ إِلَى الْبَيْتِ وَ) يسن أن يكثر (الطَّوَافَ) بالبيت (وَ) من (شُرْبِ مَاءِ زَمْزَمَ لِمَا أَحَبَّ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالْدُّنْيَا وَأَنْ يَتَضَلَّعَ مِنْهُ). ويقول عند شربه: اللَّهُمَّ إِنَّهُ بَلَغَنِي عَنْ نَبِيِّكَ ﷺ أَنَّهُ قَالَ مَاءُ زَمْزَمَ لِمَا شُرِبَ لَهُ وَإِنِّي أَشْرَبُ لِتَغْفِرَ لِي، ويذكر ما يريد من الشرب دينا ودنيا.

1149. (**Sunat bahawa seorang banyak melakukan umrah**) dalam tempoh bermukimnya, (**dan**) banyak (**memandang kepada Baitullah. Dan**) sunat bahawa dia banyak (**tawaf**) di Baitullah (**dan**) banyak (**minum air zamzam kerana apa yang dia kasihi daripada urusan agama dan dunia, dan bahawa dia bermewah dengannya**), dan sunat dia ucapkan disisi meminumnya "ya Allah sesungguhnya telah sampai kepada aku dari nabi Mu sawm bahawa dia berkata: air zam-zam itu untuk apa yang ia diminum kerananya, dan sesungguhnya aku meminumnya supaya Engkau mengampuni aku", dan dia menyebutkan apa yang dia hendak dari meminumnya, urusan agama dan dunia. (وَ) يسن أن (يَرْوَرَ الْمَوَاضِعَ الشَّرِيفَةَ بِمَكَّةَ) كمولد النبي ﷺ ومولد علي وخديجة رضي الله عنهما (وَيَحْرُمُ أَخْذَ شَيْءٍ مِنْ طِيبِ الْكَعْبَةِ) ولو للتبرك، ومن أخذه لزمه رده. (وَ) كذلك يحرم أخذ شيء من (تُرَابِ الْحَرَمِ وَأَحْجَارِهِ) احتراماً له عن أن ينقل. (وَلَا يَسْتَنْحَبُ شَيْئاً مِنَ الْأَكْوِزَةِ وَالْأَبَارِيْقِ الْمَعْمُولَةِ مِنْ طِينِ حَرَمِ الْمَدِينَةِ أَيْضًا)، فيحرم نقل شيء من تراب حرمها وأحجاره كمْكَة.

1150. (**dan**) sunat bahawa (**dia melawat tempat-tempat yang mulia di Makkah**) seperti tempat lahir nabi sawm dan tempat lahir Ali dan Khadijah r.anhuma. (**Haram mengambil suatu daripada wangian ka'bah**) walaupun untuk tabarruk, dan orang yang mengambilnya lazim memulangkannya, (**dan**) begitu juga haram mengambil suatu daripada (**tanah Tanah Haram dan batu-batunya**) kerana memuliakannya daripada bahawa ia dipindahkan. (**Tidak dibawa bersama suatu daripada kendi dan cerek yang diperbuat daripada tanah Tanah Haram Madinah juga**), maka haram memindahkan suatu daripada tanah Tanah Haramnya dan batu-batunya sama seperti Makkah.

(فَصَلِّ) في صفة العمرة والإحصار وزيارة قبره ﷺ. (صِفَةُ الْعُمْرَةِ أَنْ يُحْرِمَ بِهَا كَمَا يُحْرَمُ بِالْحَجِّ) في وجوب النية والتجرد وسنة الغسل. (فَإِنْ كَانَ مَكِّيًّا فَمِنْ أَدْنَى الْحِلِّ)، أي من أي مكان من الحل يكون أقرب، (وَإِنْ كَانَ أَفَاقِيًّا فَمِنْ الْمَيْقَاتِ كَمَا تَقَدَّمَ) الذي جعل للحاج.

1151. (**Fasal**) pada sifat umrah dan sekatan perjalanan dan ziarah kubur nabi sawm. (**Sifat umrah itu bahawa seorang berihram dengannya seperti mana dia ihram dengan haji**) pada wajib niat dan sunyi dari yang berjahit dan sunat mandi. (**Maka jika dia orang Makkah maka dari sedekat-dekat**

tanah halal), iaitu dari mana-mana tempat daripada tanah halal yang paling dekat. (Dan jika dia orang luar maka dari miqat-miqat itu seperti mana telah lalu) yang dijadikan bagji orang yang mengerjakan haji.

(وَيَحْرُمُ بِإِحْرَامِهَا جَمِيعُ مَا حَرَّمَ بِإِحْرَامِ الْحَجِّ. ثُمَّ يَدْخُلُ مَكَّةَ فَيَطُوفُ طَوَافَ الْعُمْرَةِ وَلَا يُشْرَعُ لَهَا طَوَافُ قُدُومٍ ثُمَّ يَسْعَى ثُمَّ يَحْلُقُ رَأْسَهُ أَوْ يَقْصُرُ وَقَدْ حَلَّ مِنْ إِحْرَامِهِ مِنْهَا).

1152. (Haram dengan ihramnya semua apa yang haram dengan ihram haji. Kemudian dia masuk Makkah lalu tawaf akan tawaf umrah. Tidak disyara'kan baginya tawaf qudum. Kemudian dia sa'ie kemudian dia bercukur kepala atau menggunting rambut, dan sungguh dia telah halal dari) ihramnya (daripada umrah itu).

(وَأَرْكَانُهَا) أَرْبَعَةٌ (إِحْرَامٌ وَطَوَافٌ وَسَعْيٌ وَحَلْقٌ). وَأَرْكَانُ الْحَجِّ هَذِهِ الْأَرْبَعَةُ (وَالْوُقُوفُ) بِعَرَفَةَ. وَيَزَادُ التَّرْتِيبَ فِي الْمَعْظَمِ.

1153. (Rukun-rukunnya) empat, (ihram dan tawaf dan sa'ie dan cukur rambut. Rukun-rukun haji empat ini dan wukuf) di Arafah, dan ditambahkan tertib pada kebanyakannya.

(وَوَاجِبَاتُهُ كَوْنُ الْإِحْرَامِ مِنَ الْمَيْقَاتِ، وَرَمْيُ الْجِمَارِ الثَّلَاثِ، (وَالْمَيْبِيتِ بِمُزْدَلِفَةَ وَ) الْمَيْبِيتِ (لَيْلِي مَنَى، وَطَوَافُ الْوُدَاعِ). وَلَيْسَ مِنْ مَنَاسِكِ الْحَجِّ، بَلْ كُلُّ مَنْ أَرَادَ مَفَارِقَةَ مَكَّةَ إِلَى مَسَافَةِ الْقَصْرِ لَزِمَهُ، سِوَاءَ كَانَ مَكِّيًّا أَوْ غَيْرِهِ. (وَمَا عَدَا ذَلِكَ سُنُّنٌ). (فَإِنْ تَرَكَ رُكْنًا) مِنْ أَرْكَانِ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ (لَمْ يَحِلَّ مِنْ إِحْرَامِهِ حَتَّى يَأْتِيَ بِهِ. وَمَنْ تَرَكَ وَاجِبًا لَزِمَهُ دَمٌ، وَمَنْ تَرَكَ سُنَّةً لَمْ يَلْزَمَهُ شَيْءٌ).

1154. (Wajib-wajib haji adalah keadaan ihramnya dari miqat dan melontar jamrah-jamrah) yang tiga (dan bermalam di Muzdalifah dan) bermalam (pada malam-malam Mina, dan tawaf wada'). Ianya bukan daripada amal-amalan nusuk haji, bahkan setiap orang yang hendak berpisah dari Makkah kepada jarak qasar lazim melakukannya, sama sahaja adalah ia orang Makkah atau selainnya. (Apa yang selain demikian itu adalah sunat-sunat). (Maka jika dia meninggalkan satu rukun) daripada rukun-rukun haji dan umrah (tidak halal dia dari ihramnya sehingga dia mendatangkannya, dan orang yang meninggalkan perkara wajib melaziminya dam, dan orang yang meninggalkan sunat tidak melaziminya sesuatu).

(وَمَنْ أَحْصَرَهُ)، أَي مَنَعَهُ، (عَدُوٌّ عَنْ مَكَّةَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ طَرِيقٌ آخَرَ تَحَلَّلَ بِأَنْ يَنْوِيَ التَّحَلُّلَ)، أَي الْخُرُوجَ مِنَ الْإِحْرَامِ، (وَيَحْلُقُ رَأْسَهُ) بَعْدَ الذَّبْحِ وَتَكُونُ النِّيَّةُ مَقَارَنَةً لِلذَّبْحِ وَاللِّحَاقِ. (وَيُرِيقُ دَمًا مَكَانَهُ إِنْ وَجَدَهُ).

1155. (Dan orang yang dikepong), iaitu dihalang, (oleh musuh dari datang ke Makkah dan dia tidak punya jalan lain dia bertahallul dengan

bahawa dia niatkan tahallul), iaitu keluar dari ihram, (**dan dia mencukur kepalanya**) selepas menyembelih. Adalah niat itu berserta dengan perbuatan sembelih dan cukur itu. (**Dia mengalirkan darah pada tempatnya jika dia mendapatnya**).

وأما إن أحصر بالمرض فإنه لا يتحلل به إلا إذا شرطه بأن قال في نيته: نويت كذا، وإذا مرضت تحللت بنفس المرض. فإذا مرض صار حلالا ولا يتوقف على ذبح. وإذا أحصر عن الوقوف ولم يحصر عن مكة دخلها وتحلل بعمل عمرة.

1156. Adapun jika dia disekat dengan sakit maka dia tidak bertahallul dengannya melainkan apabila dia mensyaratkannya dengan bahawa dia kata pada niatnya "aku berniat sekian, dan apabila aku sakit aku bertahallul dengan diri sakit itu", maka apabila dia sakit jadilah dia halal, dan tidak terhenti ia diatas perbuatan sembelih. Apabila dia disekat dari wukuf dan tidak disekat dari Makkah dia memasukinya dan bertahallul dengan amalan umrah.

(وَالْإِلاَ)، بأن فقد الدم ولم يجده أو وجده زائداً عن ثمن المثل، (أَخْرَجَ) المثل (طَعَامًا بِقِيَمَتِهِ)، أي يشتري بقيمته بعد التقويم طعاما، ويتصدق به على فقراء الحرم. (وَإِنْ عَجَزَ صَامَ لِكُلِّ مَدَّةٍ يَوْمًا. وَلَا) يجب عليه ال(قَضَاءُ) إن كان تطوعا. وأما إن كان فرضا ففي ذمته إن استقر عليه.

1157. (**Jika tidak**), dengan bahawa dia luput akan dam dan tidak mendapatnya atau dia mendapatnya lebih dari harga seumpama (**dia mengeluarkan**) yang seumpamanya (**nisbah makanan dengan nilainya**), iaitu dia membeli dengan nilainya selepas ia dinilai akan makanan dan dia bersedekah dengannya keatas para fakir tanah haram. (**Jika dia lemah dia puasa bagi setiap secupak sehari. Tidak**) wajib diatasnya (**kadha**) jika ianya sunat. Adapun jika ianya fardhu maka didalam zimmahnya jika ia telah tetap^{xxvi} diatasnya.

(وَيَذَّبُ إِذَا فَرَغَ مِنْ حَجِّهِ زِيَارَةَ قَبْرِ النَّبِيِّ ﷺ) لأنها من أكبر القربات. (فَيُصَلِّي تَحِيَّةَ مَسْجِدِهِ، ثُمَّ يَأْتِي الْقَبْرَ الشَّرِيفَ الْمَكْرَمَ فَيَسْتَدْبِرُ الْقِبْلَةَ وَيَجْعَلُ) ال(قِنْدِيلِ) الذي في (الْقِبْلَةَ الَّذِي عِنْدَ رَأْسِ الْقَبْرِ عَلَى رَأْسِهِ، وَيَطْرُقُ رَأْسَهُ وَيَسْتَحْضِرُ) في قلبه (الْهَيْبَةَ وَالْخُشُوعَ، ثُمَّ يُسَلِّمُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ بِصَوْتٍ مُتَوَسِّطٍ وَيَدْعُو بِمَا أَحَبَّ).

1158. (**Sunat apabila dia selesai dari hajinya ziarah kubur nabi sawm**) kerana ia daripada sebesar-besar dampingan diri. (**Maka dia shalat tahiyat masjidnya kemudian dia datang kepada kuburnya yang mulia maka dia membelakangkan kiblat dan menjadikan pelita**) yang pada arah (**kiblat yang di sisi kepala kubur itu diatas kepalanya, dan dia menundukkan kepalanya dan menghadhirkkan**) didalam hatinya (**rasa gerun dan khusyuk**).

(ثُمَّ يَتَأَخَّرُ إِلَى جِهَةِ يَمِينِهِ قَدْرَ ذِرَاعٍ فَيُسَلِّمُ عَلَى أَبِي بَكْرٍ) لَأَن رَأْسَهُ عِنْدَ كَتِفِهِ الشَّرِيفِ. (ثُمَّ يَتَأَخَّرُ قَدْرَ ذِرَاعٍ فَيُسَلِّمُ عَلَى عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا) لَأَن رَأْسَهُ عِنْدَ كَتِفِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا.

1159. (Kemudian dia mengucapkan salam keatas nabi sawm dengan suara sederhana dan berdoa dengan apa yang dia suka. Kemudian dia berundur kepihak kanannya kadar sehasta maka dia mengucapkan salam keatas Abu Bakar) kerana kepalanya di sisi kepala bahu nabi yang mulia. (Kemudian dia berundur kadar sehasta maka dia mengucapkan salam keatas Umar r.anhuma) kerana kepalanya di sisi kepala bahu Abu Bakar r.anhuma.

(ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى مَوْقِفِهِ الْأَوَّلِ) الَّذِي وَقَفَ فِيهِ عِنْدَ رَأْسِ النَّبِيِّ ﷺ (وَيُكْثِرُ الدُّعَاءَ وَالتَّوَسُّلَ وَالصَّلَاةَ عَلَيْهِ. ثُمَّ يَدْعُو عِنْدَ الْمِنْبَرِ وَفِي الرَّوْضَةِ. وَلَا يَجُوزُ الطَّوَافُ بِالْقَبْرِ. وَيُكْرَهُ الْصَّاقُ الظُّهْرِ وَالْبَطْنَ بِهِ وَلَا يُقْبَلُهُ وَلَا يَسْتَلِمُهُ. وَمَنْ أَقْبَحَ الْبِدْعِ أَكَلُ التَّمْرِ فِي الرَّوْضَةِ).

1160. (Kemudian dia kembali ke tempat berdirinya yang mula-mula tadi) yang dia berdiri padanya disisi kepala nabi sawm (dan dia membanyakkan doa dan tawassul dan selawat keatasnya. Kemudian dia berdoa di sisi mimbar dan di raudhah. Tidak harus tawaf mengelilingi kuburnya. Makruh mendempekan belakang dan perut dengannya, dan tidak dia mengucupnya dan tidak istilam kepadanya. Daripada sekeji-keji bid'ah itu adalah memakan tamar di Raudhah).

(وَيَزُورُ الْبَقِيْعَ. فَإِذَا أَرَادَ الرَّحِيلَ وَدَعَّ الْمَسْجِدَ بِرُكْعَتَيْنِ وَ) وَدَعَّ (الْقَبْرَ الْكَرِيمَ بِالزِّيَارَةِ) لَهُ (وَالدُّعَاءِ) عِنْدَهُ. وَيَنْصَرَفُ مَتَحْزِنًا عَلَى فِرَاقِ الْقَبْرِ الْكَرِيمِ. (وَاللَّهُ أَعْلَمُ).

1161. (Dan dia menziarahi baqi'. Maka apabila dia hendak berangkat dia membuat perpisahan dengan masjid itu dengan dua rakaat dan) dia membuat perpisahan (dengan kubur yang mulia itu dengan menziarahi)nya (dan berdoa) disisinya. Dan dia berpaling pergi dalam rasa sedih kerana berpisah dengan kubur yang mulia itu. (Wallahu a'lam).

(بَابُ الْأُضْحِيَّةِ)

(هِيَ سُنَّةٌ مُؤَكَّدَةٌ. يُذَدَّبُ لِمَنْ أَرَادَهَا أَنْ لَا يَحْلُقَ شَعْرَهُ وَلَا يُقَلِّمَ ظُفْرَهُ فِي عَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ حَتَّى يُضْحِيَ). فَإِنْ أزال شيئاً من ذلك كره كراهة تنزيه.

1162. @BAB UDHIAH. (Ianya sunat muakkad. Disunatkan bagi orang yang hendak melakukannya bahawa dia tidak mencukur rambutnya dan tidak mengerat kukunya pada selupuh zulhijjah sehigga dia menyembelih udhiahnya). Maka jika dia menghilangkankan suatu daripada demikian itu dimakruhkan ia sebagai makruh tanzih.

وَيَدْخُلُ وَقْتَهَا إِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ وَمَضَى قَدْرُ صَلَاةِ الْعِيدِ وَالْخُطْبَتَيْنِ). فَإِنْ دَخَلَ قَبْلَ ذَلِكَ لَمْ يَجْزِهِ وَلَمْ يَسْمِ أَضْحِيَةَ. (وَيَخْرُجُ) وَقْتَهَا (بِخُرُوجِ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ وَهِيَ ثَلَاثَةٌ بَعْدَ) يَوْمِ (الْعِيدِ).

1163. (Masuk waktunya apabila matahari terbit dan berlalu kadar shalat hari raya dan dua khutbah). Maka jika dia menyembelih sebelum demikian itu ia tidak memadai buatnya dan tidak dinamakan ia sebagai udhiah. (Keluar) waktunya (dengan keluar hari-hari tasyrik iaitu tiga hari yang selepas) hari (raya).

(وَلَا تَجُوزُ)، وَلَا تَصِحُّ، (إِلَّا بِإِبِلٍ أَوْ بَقَرٍ أَوْ غَنَمٍ. وَأَقْلُّ سِدْنِهِ فِي الْإِبِلِ خَمْسُ سِنِينَ وَدَخَلَ فِي السَّادِسَةِ، وَفِي الْبَقَرِ وَالْمَعَزِ سَنَتَانِ وَدَخَلَ فِي الثَّالِثَةِ، وَفِي الضَّانِ سَنَةٌ وَدَخَلَ فِي الثَّانِيَةِ). وَتَجْزَى الْجَذْعَةَ وَهِيَ مَا أَجْدَعَتْ مَقْدَمَ أَسْنَانِهَا وَإِنْ لَمْ تَسْتَكْمَلْ سَنَةً.

1164. (Tidak harus) dan tidak sah ia (melainkan dengan unta atau lembu atau kambing. Sekurang-kurang umurnya pada unta lima tahun dan masuk pada yang keenam, dan pada lembu dan kambing kacang dua tahun dan masuk pada yang ketiga, dan pada biri-biri setahun dan masuk pada yang kedua). Memada oleh jaz'ah iaitu apa yang tertanggal gigi depannya sekalipun belum sempurna setahun.

(وَتُجْزَى الْبَدْنَةُ)، أَيِ الْوَاحِدَةِ مِنَ الْإِبِلِ، (عَنْ سَبْعَةٍ) مِمَّنْ تَسْنُ لَهُمُ الْأَضْحِيَةَ. (وَ) كَذَلِكَ الْبَقَرَةُ عَنْ سَبْعَةٍ. وَلَا تُجْزَى شَاةٌ إِلَّا عَنْ وَاحِدٍ. وَشَاةٌ فِي الْأَضْحِيَةِ (أَفْضَلُ مِنْ شِرْكَةٍ فِي بَدْنَةٍ).

1165. (Memada badanah) iaitu seekor daripada unta (dari tujuh orang) daripada orang yang disunatkan udhiah bagi mereka. (dan) begitu juga (lembu dari tujuh orang. Tidak memada kambing melainkan dari seorang. Seekor kambing) pada udhiah itu (terafdhal dari berkongsi pada seekor unta).

(وَأَفْضَلُهَا)، أَيِ الْأَضْحِيَةِ مِنْ حَيْثُ كَثْرَةُ اللَّحْمِ، (الْبَدْنَةُ ثُمَّ الْبَقَرَةُ ثُمَّ الضَّانُ ثُمَّ الْمَعَزُ. وَأَفْضَلُهَا)، أَيِ الشَّيْءِ مِنْ حَيْثُ اللَّوْنُ، (الْبَيْضَاءُ ثُمَّ الصَّفْرَاءُ ثُمَّ الْبُلْقَاءُ)، أَيِ الَّتِي فِيهَا سَوَادٌ وَبِيضٌ، (ثُمَّ السَّوْدَاءُ).

1166. (Yang terafdhalnya), iaitu udhiah itu dari sekira-kira banyak daging, (adalah unta kemudian lembu kemudian bebiri kemudian kambing kacang. Yang terafdhalnya), iaitu kambing dari sekira-kira warna, (adalah yang putih kemudian yang kuning kemudian yang balqa') iaitu yang ada padanya hitam dan putih, (kemudian yang hitam).

(وَتُسْتَرَطُّ سَلَامَةً الْأَضْحِيَّةِ عَنِ الْعُيُوبِ الَّتِي تُنْقِصُ اللَّحْمَ، فَلَا تُجْزَى الْعَرَجَاءُ)، أَيِ الْبَيْنِ عَرَجُهَا. وَأَمَّا الْعَرَجُ الْخَفِيفُ فَلَا يَضُرُّ. (وَالْعَوْرَاءُ وَالْمَرِيضَةُ. فَإِنْ قَلَّتْ هَذِهِ الْأَشْيَاءُ جَانَ) أَنْ يَضْحِيَ بِمَنْ هِيَ بِهِ.

1167. (Disyaratkan selamat udhiah itu dari cacat yang mengurangkan daging, maka tidak memada yang capek), iaitu yang jelas capeknya. (Adapun yang sedikit capek maka ia tidak memudharatkan. (dan yang buta sebelah mata dan yang sakit. Maka jika sedikit perkara-perkara ini harus) bahawa menyembelih korban orang yang ia ada padanya.

(وَلَا تُجْزَى الْعَجْفَاءُ) وهي ذاهبة المخ من شدة هزالها، (وَالْمَجْنُونَةُ وَالْجَرْبَاءُ) وإن لم يكن بيضا (وَالَّتِي قُطِعَ بَعْضُ أُذُنِهَا وَأُذُنُهَا) أي انفصل، (وَأِنْ قَلَّ، أَوْ قِطْعَةً مِنْ فَخْذِهَا وَنَحْوِهِ) من كل عضو كبير (إِنْ كَانَتْ) القطعة (كَبِيرَةً. وَتُجْزَى مَشْرُوطَةَ الْأُذَانِ)، أي مشقوقتها، (وَمَكْسُورَةَ كُلِّ الْقَرْنِ أَوْ بَعْضِهِ).

1168. (Tidak memada ajfa') iaitu yang hilang otaknya kerana sangat kurusnya, (dan yang gila dan yang berkurap) sekalipun ia tidak jelas, (dan yang dipotong sebahagian telinganya dan putus), iaitu terpisah, (sekalipun sedikit, atau sepotong daripada pehanya dan umpamanya) daripada setiap anggota yang besar, (jika adalah) potongan itu (besar. Memada yang koyak carik telinga) iaitu pecahnya, (dan yang pecah semua tanduknya atau sebahagiannya).

(وَالْأَفْضَلُ أَنْ يَذْبَحَ بِنَفْسِهِ) إن أحسن. (فَإِنْ لَمْ يُحْسِنْ فَلْيَحْضُرْهَا)، أي الضحية من لم يذبح بنفسه. (وَيَجِبُ) على المضحى إذا كانت الضحية غير معينة بالنذر (أَنْ يَنْوِيَ عِنْدَ الذَّبْحِ) حتى تقع ضحية. أما التي عينت بالنذر فتكفي النية فيها قبل الذبح. وتكفي نية الموكل عند التوكيل. ويصح أن يفوض النية لغيره.

1169. (Yang terafdhal bahawa dia menyembelih sendiri) jika dia pandai. (Maka jika dia tidak pandai maka hendaklah dia menghadhirinya), iaitu sembelihan itu oleh orang yang tidak menyembelihnya sendiri. (Wajib) diatas yang menyembelih korban apabila adalah haiwan udhiah itu tidak ditentukan dengan nazar (bahawa dia berniat ketika ia sembelihan) supaya ia jatuh sebagai udhiah. Adapun yang tertentu dengan nazar maka cukup niat padanya sebelum ia disembelih. Cukup niat orang yang mewakili ketika menyerahkan wakilan, dan sah bahawa dia menyerahkan niat itu kepada orang selain dia.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَأْكَلَ التَّلْتَّ وَيُهْدِيَ التَّلْتَّ وَيَتَصَدَّقُ بِالتَّلْتِّ) نِيًّا. (وَيَجِبُ التَّصَدُّقُ بِشَيْءٍ) مِذْهَا نِيًّا (وَأِنْ قَلَّ. وَالْجَدُّ يُتَصَدَّقُ بِهِ أَوْ يَنْتَفِعُ بِهِ فِي الْبَيْتِ. وَلَا يَجُوزُ بَيْعُهُ وَلَا بَيْعُ شَيْءٍ مِنَ اللَّحْمِ). والشحم مثله وكذلك الصوف.

1170. (Sunat bahawa dia memakan satu pertiganya dan menghadaikan satu pertiganya dan mendedekahkan satu pertiganya) dalam keadaan mentah. (Wajib bersedekah dengan suatu) daripadanya dalam keadaan mentah (sekalipun sedikit. Kulit dia sedekahkan atau dia manfaatkannya pada kegunaan rumahnya. Tidak harus menjualnya

dan tidak juga menjual suatu daripada dagingnya). Lemak sama sumpamanya, begitu juga bulunya.

(وَلَا يَجُوزُ لَهُ الْأَكْلُ مِنَ الْأُضْحِيَّةِ الْمَنْذُورَةِ) بالتعيين كأن قال: هذه الشاة لله علي نذر أن أذبحها. ومثلها المعينة عما في الذمة كأن قال: لله علي نذر أن أذبح شاة، ثم جاء لشاة معينة وجعلها عما في ذمته. فكلا القسمين لا يجوز الأكل منه وكذلك الهدي المنذور للحرم.

1171. (Tidak harus dia makan dari udhiahnya yang dinazarkan) dengan dia menentukannya seperti bahwa dia kata "kambing ini nazar diatas ku bagi Allah, bahwa aku menyembelihnya". Sama seumpamanya adalah yang ditentukan dari apa yang sabit didalam zimmah seperti bahwa dia kata "didasar aku nazar bagi Allah, bahwa aku menyembelih seekor kambing". Kemudian dia pergi kepada seekor kambing yang tertentu dan dia menjadikannya dari apa yang sabit didalam zimmahnya. Maka setiap daripada dua bahagian ini tidak harus makan darinya. Begitu juga hadiah yang dinazarkan bagi tanah haram.

(فَصَلِّ) في العقيقة. وهي لغة الشعر الذي على رأس الولد حين ولادته، وشرعا ما يذبح عند حلق شعره.

1172. (Fasal) pada aqiqah. Ia pada lughah rambut yang ada diatas kepada anak yang dilahirkan, dan pada syara' apa yang disembelih disisi mencukur rambutnya itu.

(يُذَبُّ لِمَنْ وُلِدَ لَهُ وَوَلَدٌ أَنْ يَخْلُقَ رَأْسَهُ يَوْمَ السَّابِعِ) ولو أذنى (وَيَصَدَّقُ) بِوِزْنِ شَعْرِهِ ذَهَبًا أَوْ فِضَّةً، وَأَنْ يُؤَدَّنَ فِي أُذُنِهِ الْيُمْنَى وَ) أَنْ (يُقِيمَ فِي) أُذُنِهِ (الْيُسْرَى. ثُمَّ إِنْ كَانَ) المولود (عَلَامًا ذَبِحَ عَنْهُ شَاتَانِ تَجْزِئَانِ فِي الْأُضْحِيَّةِ. وَإِنْ كَانَتْ جَارِيَةً فَشَاةٌ).

1173. (Sunat bagi orang yang dilahirkan anak baginya bahwa dia mencukur kepala anak itu pada hari ketujuh) walaupun ia perempuan, (dan bersedekah setimbangan rambutnya itu dengan emas atau perak, dan bahwa dia azan pada telinganya yang kanan dan) bahwa (dia iqamat pada) telinganya (yang kiri. Kemudian jika adalah) anak yang baru lahir itu (lelaki dia sembelih darinya dua ekor kambing yang memada pada udhiah. Jika anak itu perempuan maka seekor kambing).

(وَتُطْبَخُ بِحَدْوِ) إِلَّا رَجُلُهَا فَتُعْطَى نِيَّةً لِلْقَابِلَةِ، (وَلَا يُكْسَرُ الْعَظْمُ، وَيُفَرَّقُ) لِحْمَهَا مَطْبُوحًا (عَلَى الْفُقَرَاءِ، وَيُسَمِّيهِ)، أَي المولود، (بِاسْمِ حَسَنٍ كَمُحَمَّدٍ وَعَبْدِ الرَّحْمَنِ) وعبدا لله. ولو مات قبل التسمية استحبت تسميته وتسمية السقط. والمخاطب بالعقيقة من تلزمه نفقته لو كان فقيرًا إذا كان موسرًا وقت استحبابها.

1174. (Dan sunat dimasak ia dengan manisan) melainkan kakinya, maka diberikan dalam keadaan mentah kepada bidan, (dan tidak dipecahkan tulangnya. Dibahagi-bahagikan) dagingnya dalam keadaan dimasak (keatas

para fakir. Dia meletakkan namanya), yaitu anak yang dilahirkan itu, (dengan nama yang elok seperti Muhammad dan Abdul Rahman) dan Abdullah. Kalau anak itu mati sebelum diberi nama sunat juga menamakannya, dan menamakan juga anak guguran. Orang yang ditunjukkan sunat aqiqah ini adalah orang yang melazimi dia nafkahnya, walaupun dia fakir, apabila dia kaya pada waktu dihukumkan sunatnya.

(بَابُ الْأَطْعِمَةِ)

أَيُّ مَا يَحِلُّ مِنْهَا وَمَا يَحْرَمُ. وَمَعْرِفَةٌ ذَلِكَ مِنْ آكِدِ الْوَأَجِبَاتِ. (يُؤْكَلُ بَقَرٌ الْوَحْشِ وَحَمَارُ الْوَحْشِ)، وَلَا يَمْنَعُ اسْتِنَاسَهَا حَلَّهَا. (وَ) يُؤْكَلُ (الضَّبْعُ وَالتَّلْبُ وَالْأَرْنَبُ وَالْقَنْفُذُ وَالْوَبْرُ)، دَوِيَّةٌ أَصْغَرُ مِنَ الْهَرِّ لَا ذَنْبَ لَهَا، (وَالتَّيْبِيُّ وَالضَّبُّ وَالنَّعَامَةُ وَالْخَيْلُ. وَلَا يُؤْكَلُ السَّنُورُ وَلَا الْحَشْرَاتُ الْمُسْتَحْبِثَةُ كَالنَّمْلِ). وَيَحْرَمُ قَتْلُ النَّمْلِ الْكَبِيرِ السَّلِيمَانِيِّ، بِخِلَافِ الصَّغِيرِ كَالْقَمَلِ.

1175. @BAB MAKANAN-MAKANAN, yaitu apa yang halal daripadanya dan apa yang haram. Mengetahui demikian itu adalah perkara yang paling dituntut daripada perkara-perkara wajib. (Dimakan lembu liar dan himar liar), dan menjinakkannya tidak menghalang dari halalnya. (dan) dimakan (dubuk dan musang dan arnab dan landak dan wabar), haiwan yang lebih kecil dari kucing yang tidak ada ekor baginya, (dan kijang dan dhab dan burung unta dan kuda. Dan tidak dimakan sinnur dan tidak serangga yang dianggap keji seperti semut). Haram bunuh semut yang besar seperti semut sulaiman, bersalahan yang kecil, sama seperti kutu.

(وَ) كَذَلِكَ يَحْرَمُ مِثْلُ (الدُّبَابِ وَنَحْوِهِمَا) مِنَ الْحَشْرَاتِ الْمُسْتَحْبِثَةِ كَالْخَنْفَسَاءِ. وَالْحَشْرَاتُ هِيَ صَغَارُ دَوَابِّ الْأَرْضِ. وَمِنْهَا مُسْتَحْبِثٌ وَهُوَ الْأَحْرَامُ. وَمِنْهَا غَيْرُ مُسْتَحْبِثٍ وَهُوَ كَالْجِرَادِ وَالْقَنْفُذِ فَهُوَ حَلَالٌ.

1176. (Dan) begitu juga haram seumpama (lalat dan umpama keduanya) daripada serangga-serangga yang dianggap keji seperti lipas. Serangga itu binatang merayap diatas bumi yang kecil. Daripadanya ada yang dianggap keji yang mana ianya haram dan daripadanya tidak dianggap keji yang mana ia seperti belalang dan landak, maka ia halal.

(وَلَا) أَيُّ يَحْرَمُ أَيْضًا (مَا يَتَّقَوِي) وَيَعْتَدِي (بِنَابِهِ كَالْأَسَدِ وَالْفَهْدِ وَالنَّمْرِ وَالدَّبِّ وَالدَّبِّ وَالْقَرْدِ وَنَحْوِهِمَا) كَالْفَيْلِ وَالنَّمْسِ، وَهِيَ حَيَوَانَاتٌ يَعْرِفُهَا أَهْلُ الصَّيْدِ. (وَ) كَذَلِكَ يَحْرَمُ (مَا يَصْطَادُ بِالْمَخْلَبِ)، أَيُّ بِظْفَرِهِ، (كَالصَّقْرِ وَالشَّاهِينِ وَالْحِدَاةِ وَالْغُرَابِ إِلَّا غُرَابَ الزَّرْعِ) وَهُوَ أَسْوَدٌ صَغِيرٌ وَقَدْ يَكُونُ مَحْمَرُ الْمَنْقَارِ وَالرَّجْلَيْنِ، وَيَسْمَى الزَّرَاعُ، وَلَا يَأْكُلُ الْجَيْفَ بَلْ لَا يَتَنَاوَلُ غَيْرَ الزَّرْعِ. وَلِذَا قَالَ (فَيُؤْكَلُ).

1177. (**dan tidak**) iaitu haram juga (**apa yang berkuat**), iaitu menyerang, (**dengan taringnya seperti singa dan ceetah dan harimau dan serigala dan beruang dan monyet dan umpamanya**) seperti gajah dan mangoose, iaitu haiwan-haiwan yang dikenali oleh ahli berburu. (**dan**) begitu juga haram (**apa yang memburu dengan kuku seperti helang dan siawah dan gagak, melainkan gagak ladang**), iaitu gagak yang hitam yang kecil dan terkadang merah paruh dan dua kakinya, dan dinamakan ia zagh, ia tidak memakan bangkai bahkan tidak mencapai selain tanaman. Kerana ini dia mengatakan: (**maka ia dimakan**)^{xxvii}

(و) يحرم أيضا (مَا تَوَلَّدَ مِنْ) حيوان (مَأْكُولٍ وَغَيْرِ مَأْكُولٍ) فهو (لَا يُؤْكَلُ كَالْبَعْلِ) فإنه متولد من الفرس والحمار (وَالْيَعْفُورِ). ذكر الجوهري أن اليعفور ذكر الحجل. وعليه فلا يصح التمثيل به لأنه طاهر وليس متولدا مما ذكر.

1178. (**Dan**) haram juga (**apa yang lahir dari**) haiwan (**yang dimakan dan yang tidak dimakan**) maka ia (**tidak dimakan seperti baghal**) maka ia kacukkan dari kuda dan himar, (**dan ya'fur** [gazelle arab, semacam rusa]). Al Jauhari menyebutkan bahawa ya'fur itu hajal^{xxviii} jantan. Diatasnya maka tidak sah bercontoh dengannya kerana suci dan bukan kacukkan dari apa yang disebutkan itu.

(وَيُؤْكَلُ كُلُّ صَيْدِ الْبَحْرِ إِلَّا الضَّفْدَعُ وَالتَّمْسَاحُ) والسُلْحَفَةُ فَإِنَّهَا تَعِيشُ فِي الْبَرِّ. (وَكُلُّ مَا ضَرَّ أَكْلُهُ كَالسَّمِّ وَالزُّجَاجِ وَالتُّرَابِ أَوْ كَانَ نَجَسًا) كلبن الأتان (أَوْ طَاهِرًا مُسْتَقْدَرًا كَالْبَصَاقِ وَالْمَنِيِّ لَا يَحِلُّ أَكْلُهُ)، خبر كل. فجميع ما ذكر من مضرة الأكل أو النجاسة أو الاستنذار من أسباب حرمة الأكل.

1179. (**Dimakan buruan laut melainkan katak dan buaya**) dan kura-kura, maka ia hidup didarat. (**Setiap apa yang memakannya memudharatkan seperti racun dan kaca dan tanah atau adalah ia najis**) seperti susu keldai betina (**atau suci yang dianggap cemar seperti kahak dan mani tidak halal memakannya**). "كل" khabar "لا يحل". Maka semua apa yang disebutkan berupa mudharat memakannya atau najis atau cemar adalah sebab-sebab haram memakannya.

(فَإِنْ اضْطَرَّ إِلَى أَكْلِ الْمَيْتَةِ) بَأَنْ خَافَ الْهَلَاكَ أَوْ زِيَادَةَ الْمَرَضِ (أَكَلَ مِنْهَا مَا يَسُدُّ رَمَقَهُ)، أي يقي روحه من الهلاك ولا يشبع إلا إن خاف محذورا من عدم الشبع فإنه حينئذ يشبع. (فَإِنْ وَجَدَ مَيْتَةً وَطَعَامَ الْغَيْرِ أَوْ مَيْتَةً وَصَيْدًا وَهُوَ مُحْرَمٌ أَكَلَ الْمَيْتَةَ) لأنها أخف، إذ حرمتها لنجاستها. وأما طعام الغير فحرمة لتعلق حق الله وحق الأدمي، والصيد بعد حرمة فيه الضمان.

1180. (**Maka jika dia terdesak kepada memakan bangkai**) dengan bahawa dia bimbang akan binasa atau bertambah sakit (**dia memakan daripadanya akan apa yang menyumbat nafas terakhirnya**), iaitu memelihara nyawanya daripada binasa, dan dia tidak makan sampai kenyang melainkan jika dia takut bahaya kerana tidak kenyang, maka ketika itu dia mengenyangkan dirinya.

(Maka jika dia mendapat bangkai dan makanan lain atau bangkai dan binatang buruan sedang dia berihram dia memakan bangkai itu) kerana ia lebih ringan, kerana haramnya kerana najisnya, adapun makanan lain maka haramnya kerana pergantungan hak Allah dan hak anak adam, dan binatang buruan itu selepas haramnya ada dhaman padanya.

(بَابُ الصَّيْدِ وَالذَّبَائِحِ)

(لَا يَحِلُّ الْحَيَوَانُ) المأكول (إِلَّا بِالذَّكَاةِ)، أي الذبح، (إِلَّا السَّمَكَ وَالْجَرَادَ فَتَحِلُّ مَيْتَتُهُمَا). ولو وجدت سمكة في جوف سمكة جاز أكلها إلا أن تتغير. (وَيَحْرُمُ مَا ذَبَحَهُ مَجُوسِيٌّ) ولو بالاشتراك مع المسلم (وَمُرْتَدٌّ وَعَابِدُ وَثَنٍ وَنَصْرَانِيٍّ الْعَرَبِ) لأن نصارى العرب لم تدخل الدين المسيحي إلا بعد تبديله فلا يكون لهم حرمة أهل الكتاب، فلا تحل ذبائحهم ولا التزويج منهم.

1181. @BAB BURUAN DAN SEMBELIHAN. (Tidak halal haiwan) yang boleh dimakan (melainkan dengan sembelihan) – “ذكاة” iaitu sembelihan (melainkan ikan dan belalang, maka halal bangkai keduanya). Kalau didapati ikan didalam rongga perut ikan lain harus memakannya melainkan bahawa ia telah berubah. (Haram apa yang disembelih oleh majusi) walaupun bersama dengan orang Islam (dan kafir murtad dan penyembah berhala dan nasrani arab) kerana Nasrani arab tidak memeluk agama Masihi melainkan selepas pengubahannya, maka tidak ada bagi mereka kehormatan ahli kitab lalu tidak halal sembelihan mereka dan tidak perkahwinan dengan mereka.

(وَيَجُوزُ الذَّبْحُ بِكُلِّ مَا لَهُ حَدٌّ) يجرح و(يَقْطَعُ) به، (إِلَّا السِّنَّ وَالْعَظْمَ وَالظَّفَرَ مِنَ الْإِنْسَانِ وَالْأَدَمِيِّ وَغَيْرِهِ، مُتَّصِلًا) بصاحبه (أَوْ مُفْصَلًا) عنه.

1182. (Harus sembelih dengan setiap apa yang tajam) yang melukakan (dan memotong) dengan ketajamannya, (melainkan gigi dan tulang dan kuku dari anak adam dan selainnya, berhubung ia) dengan pemiliknya (atau terpisah) darinya.

(وَمَا قَدَرَ عَلَى ذَبْحِهِ) من الحيوان سواء كان إنسياً أو وحشياً (أَشْطَرَطُ قَطْعُ حَلْقُومِهِ) وهو مجرى النفس، (وَمَرِيئِهِ) وهو مجرى الطعام والشراب. ولا يشترط قطع الودجين وهما عرقان يحيطان بالحلقوم. فمتى ترك شيئاً من الحلقوم أو المرئ ومات الحيوان أو وصل إلى حركة مذبوح لم يحل.

1183. (Apa yang dapat disembelih) daripada haiwan-haiwan, sama sahaja adalah ia jinak atau liar (disyaratkan memutuskan halkumnya) iaitu tempat lalu nafas (dan mari'nya) iaitu tempat lalu makanan dan minuman. Tidak disyaratkan putus dua wadajnya iaitu dua urat yang mengapit halkum. Maka bila dia meninggalkan suatu daripada halkum atau mari' dan haiwan itu mati atau sampai kepada gerakkan haiwan kena sembelih tidak halal ia.

وإذا رفع الأسكين ثم أعادها فوراً لا يضر. وأما إذا تأنى فيشترط أن يكون الحيوان عند وضعها ثانياً فيه حياة مستقرة وهي التي فيها إبطار وحركة اختيارية.

1184. Apabila dia mengangkat pisaunya kemudian mengembalikannya dengan segera ia tidak memudharatkan. Adapun bila dia lambat maka disyaratkan bahawa adalah haiwan itu ketika dia meletakkan pisau itu semula masih ada nyawa mustaqirrah padanya, iaitu nyawa yang ada padanya kekuatan memandang dan gerakkan pilihan.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يُوجَّهَ) أي المذبح (إِلَى الْقِبْلَةِ، وَأَنْ يُحَدِّدَ)، أي يسن، (الشَّفْرَةَ) بفتح الشين هي السكين العظيمة، (وَ) يندب أن (يُسْرِعَ إِمْرَارَهَا) إسراعاً زائداً على ما يجب، (وَ) يندب أيضاً أن (يُسَمِّيَ اللَّهَ تَعَالَى وَيُصَلِّيَ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ) فيقول: باسم الله اللهم صلِّ على سيدنا محمد.

1185. (Sunat bahawa dia mengadapkan) tempat sembelih (ke arah kiblat dan bahawa dia menajamkan) – "شفرة" – (syafrah) – "سن يسن" – dengan fathah syin- iaitu pisau besar, (dan) sunat bahawa (dia mencepatkan perbuatan melalukannya) dengan kecepatan yang lebih diatas apa yang wajib, (dan) sunat bahawa (dia menyebut nama Allah taala dan berselawat keatas nabi sawm) maka dia mengucapkan "بسم الله الرحمن الرحيم اللهم صل على محمد".

(وَيَقْطَعُ الْأَوْدَاجَ كُلَّهَا). قد عرفت أن الودج عرق بجانب الحلقوم وأن الحيوان له ودجان فجمعها باعتبار الحيوانات.

1186. (dan dia memotong semua urat-urat wadaj). Sungguh kamu telah tahu bahawa wadaj itu urat di sisi halkum dan bahawa haiwan itu mempunyai dua wadaj, maka jamaknya adalah dengan iktibar haiwan-haiwan.

(وَ) يندب (أَنْ يُنْحَرَ الْإِبِلُ قَائِمَةً مُعْقَلَةً). النحر هو الطعن في أسفل العنق. ومثل الإبل كل ما طال عنقه من الحيوان كالإوز. والمعقلة المربوطة إحدى يديها. وهذا خاص بالإبل. فينحرها حالة كونها قائمة على ما فضل لها بعد العقل وذلك ثلاث قوائم.

1187. (dan) sunat (bahawa dia menyembelih unta dalam keadaan berdiri lagi ter'iqal). "النحر" adalah tusukkan pada bawah tengkok. Seumpama unta itu setiap apa panjang tengkoknya daripada haiwan-haiwan seperti angsa. "المعقلة" adalah diikat satu daripada dua tangannya. Ini khas dengan unta. Maka dia menyembelihnya dalam keadaan ia berdiri diatas apa yang lebih baginya selepas di'iqal yang mana demikian itu tiga kaki.

(وَيُدْبِحُ مَا عَدَاهَا)، ما لحيوان، (مُضْطَجِعَةً عَلَى جَنْبِهَا الْأَيْسَرِ). ويسن أن تكون مشدودة القوائم غير الرجل اليمنى لتستريح بها. (وَ) يندب أن (لَا يُكْسَرُ عُنُقُهَا) لأنه تعذيب، (وَلَا يُسَلِّخُهَا حَتَّى تَمُوتَ) لئلا تتألم.

1188. (Dia menyembelih apa yang selainnya), iaitu haiwan, (dalam keadaan baring diatas lambungnya yang kiri). Sunat bahawa diikatkan kaki-kakinya selain kaki kanannya supaya dia berasa rehat dengannya, (**dan**) sunat bahawa (dia tidak memecahkan tengkoknya) kerana ia mengazab, (**dan tidak menyiat kulitnya sehingga ia mati**) supaya dia tidak kesakitan.

(وَيُشْتَرَطُ أَنْ لَا يَرْفَعَ يَدَهُ فِي أَثْنَاءِ الذَّبْحِ. فَإِنْ رَفَعَهَا قَبْلَ تَمَامِ قَطْعِ الْحَلْقُومِ وَالْمَرِيءِ ثُمَّ) بعد الرفع أتم (قَطْعُهُمَا)، أي الحلقوم والمريء، (لَمْ تَحِلَّ) الذبيحة. وهذا إذا رجع وليس فيه حياة مستقرة بأن رجع إلى الذبح وحركته حركة مذبوح. وأما إذا رجع وفيه حياة مستقرة فتحل الذبيحة.

1189. (Disyaratkan bahawa dia tidak mengangkat tangannya di tengah-tengah sembelih. Maka jika dia mengangkatnya sebelum sempurna putus halkum dan mari' kemudian) selepas angkat itu dia menyempurnakan (potongan keduanya), iaitu halkum dan mari', (tidak halal) sembelihan itu. Ini apabila dia kembali sedang tidak ada padanya nyawa mustaqirrah dengan bahawa dia kembali menyembelih sedang gerakannya gerak binatang kena sembelih. Adapun bila dia kembali menyembelih dan padanya ada nyawa mustaqirrah maka halal binatang sembelihan itu.

(وَأَمَّا الصَّيْدُ) ومثله البعير الناد (فَحَيْثُ أَصَابَهُ السَّهْمُ أَوْ) أصابته (الْجَارِحَةُ الْمُعْلَمَةُ فَمَاتَ) بذلك (قَبْلَ الْقُدْرَةِ عَلَى ذُبْحِهِ حَلًّا، إِذَا أُرْسِلَهُ)، أي الأسهم، (بَصِيرًا). فلو أرسل السهم أعمى فأصاب صيدا لا يحل. فلا بد أن يكون بصيرا. (تَحِلُّ ذَكَاتُهُ). وأما من لا تحل ذكاته كمجوسي ووثني ومرتد فلا يحل صيده.

1190. (Adapun binatang buruan), seumpamanya unta yang jadi liar, (maka sekira-kira mengenainya anak panah atau) mengenainya (haiwan pemburu yang terlatih maka ia mati) dengan demikian itu (sebelum dapat disembelih halal ia, apabila melepaskannya), iaitu anak panah itu, (orang yang celik), maka kalau melepaskan anak panah itu orang yang buta lalu ia kena binatang buruan tidak halal ia, maka tidak dapat tidak bahawa adalah dia orang yang melihat. (yang halal sembelihannya). Adapun orang yang tidak halal sembelihannya seperti majusi dan wathani dan murtad maka tidak halal binatang buruannya.

(وَ) كذا يشترط في الصيد أنه (لَمْ يَمْتِ الصَّيْدُ بِثِقَلِ السَّهْمِ بَلْ بَحْدِهِ، وَلَا أَكَلَتْ الْجَارِحَةُ مِنْهُ شَيْئًا)، لا قليلا ولا كثيرا. (فَإِنْ مَاتَ بِثِقَلِ الْجَارِحَةِ حَلًّا).

1191. (Dan) begitu juga disyaratkan pada berburu bahawa (tidak mati binatang buruan dengan berat anak panah, bahkan dengan ketajamannya, dan binatang pemburu tidak memakan daripadanya akan sesuatu), tidak sedikit dan tidak banyak. (Maka jika ia mati dengan berat binatang pemburu itu halal ia).

(وَإِنْ أَصَابَهُ)، أي الصيد، (السَّهْمُ فَوْقَ فِي مَاءٍ أَوْ عَلَى جَبَلٍ ثُمَّ تَرَدَّى)، أي سقط، (مِنْهُ فَمَاتَ أَوْ غَابَ) الصيد (عَنْهُ)، أي الرامي، (بَعْدَ أَنْ جَرَحَ) بما أرسله (ثُمَّ وَجَدَهُ مَيِّتًا لَمْ يَحِلَّ) للشك في سبب موته، هل هو الماء أو الترددي أو سبب آخر أو السهم.

1192. (**Dan jika mengenainya**), iaitu binatang buruan itu, (**oleh anak panah lalu dia jatuh pada air atau pada atas bukit kemudian menggelongsor kebawah**), iaitu jatuh, (**darinya lalu mati, atau ghaib**) binatang buruan itu (**darinya**), iaitu dari yang memanah itu, (**selepas bahawa ia luka**) dengan panah yang dia lepaskannya, (**kemudian dia mendapatinya mati tidak halal ia**), kerana syak pada sebab matinya, adakah ia air atau jatuh dari atas bukit atau sebab lain atau anak panah.

(وَإِذَا نَدَّ)، أي هرب، (بِعَيْرٍ وَنَحْوَهُ) كشاة (وَتَعَدَّرَ رَدُّهُ أَوْ تَرَدَّى فِي بئرٍ وَتَعَدَّرَ إِخْرَاجُهُ فَرَمَاهُ بِحَدِيدَةٍ) جارحة (فِي أَيِّ مَوْضِعٍ كَانَ مِنْ بَدَنِهِ)، مذبح أو غيره، (فَمَاتَ) بذلك الإرسال (حَلَّ. وَاللَّهُ أَعْلَمُ). وكذلك يحل بإرسال الجارحة في الناد لا في المتردي في البئر. ولو تحقق العجز في الحال لا في المال فهو كالصيد.

1193. (**Apabila jadi liar**), iaitu melarikan diri, (**unta dan umpamanya**) seperti kambing (**dan teruzur mengawalnya atau ia jatuh ke dalam telaga dan teruzur mengeluarkannya maka dia melontarnya dengan suatu yang tajam**) yang melukakan (**pada mana-mana tempat ada ia daripada tubuhnya**), tempat sembelih atau selainnya, (**maka ia mati**) dengan lontaran itu (**halal ia. Wallahu a'lam.**) Begitu juga halal ia dengan dilepaskan haiwan pemburu pada yang jadi liar itu, tidak pada yang jatuh ke dalam telaga. Kalau terpasti lemah pada masa yang hadhir tidak pada masa yang akan datang maka ia seperti binatang buruan.

(بَابُ النَّذْرِ)

هو لغة الوعد بخير أو شر، وشرعا التزام قرابة لم تلزم بأصل الشرع. (لَا يَصِحُّ النَّذْرُ إِلَّا مِنْ مُسْلِمٍ)، فلا ينعقد نذر الكافر. (مُكَلَّفٍ) فلا يصح نذر الصبي والمجنون والمغمى عليه. وأما السفية فيصح نذره في القرب البدنية لا المالية. والعبد يصح نذره بإذن سيده. وكذا يشترط في الناذر الاختيار. (فِي قُرْبَةٍ)، أي طاعة ليست واجبة بأصل الشرع. فخرج المباح والمعاصي والواجبات، فلا يصح نذرها إلا الواجب الكفائي.

1194. @**BAB NAZAR**. Ia pada lughah adalah janji dengan kebaikan atau kejahatan, dan pada syara' melazimi satu dampingan diri yang tidak lazim pada asal syara'. (**Tidak sah nazar melainkan dari orang Islam**), maka tidak terjadi nazar orang kafir. (**yang mukallaf**), maka tidak sah nazar kanak-kanak

dan orang gila dan orang yang pitam. Adapun sah maka sah nazarnya pada dampingan yang jenis tubuh, tidak yang jenis harta. Hamba sah nazarnya dengan izin penghulunya. Begitu juga disyaratkan pada yang bernazar itu akan pilihan hati. (**pada dampingan**), yaitu ketaatan yang bukan wajib pada asal syara'. Maka keluar oleh yang mubah dan yang maksiat dan yang wajib, maka tidak sah menazarkannya, melainkan yang wajib kifayah.

وكذا يشترط في انعقاد النذر أن يكون **(بِالْفِطْر)**، فلا ينعقد بالذية. ولا بد أن يكون فيه التزام. **(وَهُوَ لِلَّهِ عَلَيَّ كَذَا أَوْ عَلَيَّ كَذَا)** من غير لفظ الجلالة. **(فَيُلْزِمُهُ الْإِتْيَانُ بِهِ)**، أي بما التزمه. وهذا يسمى نذر التبرر المنجز. وهناك نذر تبرر معلق وهو ما أشار إليه المصنف بقوله:

1195. Begitu juga disyaratkan pada terjadi nazar itu bahawa adalah ia (**dengan lafaz**), maka tidak terjadi ia dengan niat. Dan tidak dapat tidak bahawa ada padanya makna iltizam i.e tanggungjawab. (**Ia adalah "bagi Allah diatas aku sekian" atau "didasar atas aku sekian"**) tanpa lafaz jallalah. (**Maka lazim dia mendatangkannya**), yaitu apa yang dia laziminya. Ini dinamakan nazar tabarrur yang lurus. Di sana adalah nazar tabarrur yang digantungkan iaitu apa yang musannif isyaratkan dengan katanya:

(وَمَنْ عَلَّقَ النَّذْرَ عَلَيَّ شَيْءٍ فَقَالَ: إِنْ شَفَى اللَّهُ مَرِيضِيَّ فَعَلَيَّْ كَذَا، لَزِمَهُ الْوَفَاءُ بِمَا التَّزَمَهُ عِنْدَ الشِّفَاءِ). فيفعل ما ينطلق عليه اسم القربة التي التزمها. كأن قال: إن شفى الله مريضى فعلى صدقة، لزمه التصدق بما يتمول. وفي الصوم يوم وفي الصلاة ركعتان.

1196. (**Orang yang menggantungkan nazar diatas suatu maka dia kata "jika Allah sembuhkan aku maka diatas aku sekian" maka lazim dia menunaikan apa yang dia lazimi ketika sembuh**). Maka dia buat apa yang tertutur diatasnya nama dampingan diri yang dia lazimi itu. Seperti bahawa dia kata "Jika Allah sembuhkan aku maka diatas aku sedekah" maka lazim dia bersedekah dengan apa yang dikirakan harta, dan pada puasa sehari dan pada shalat dua rakaat.

(وَمَنْ نَذَرَ عَلَى وَجْهِ اللَّجَاجِ)، أي الخصومة، **(وَالْعَضْبِ فَقَالَ: إِنْ كَلَّمْتُ زَيْدًا فَعَلَيَّْ كَذَا)**، أي صدقة مثلا، وهذا هو نذر اللجاج، وهو ما تعلق به حث على فعل شيء أو منع منه أو تحقيق خبر. ولا يشترط فيه إسلام الناذر، فيصح من الكافر. وإذا تحقق نذر اللجاج **(فَهُوَ بِالْخِيَارِ إِذَا كَلَّمَهُ بَيْنَ الْوَفَاءِ)** بما التزمه **(وَبَيْنَ كَفَارَةِ الْيَمِينِ)**. وسيأتي بيانها.

1197. (**Barangsiapa bernazar diatas wajah lajjaj**), iaitu perbalahan, (**dan marah**) maka katanya **"jika aku bercakap dengan Zaid maka diatas aku sekian"**), iaitu sedekah contohnya, yang mana ini adalah nazar lajjaj iaitu apa yang bergantung dengannya galakkan diatas melakukan suatu atau halangan darinya atau tindakan memastikan khabar. Tidak disyaratkan padanya akan Islam yang bernazar itu maka sah ia dari kafir. Apabila terjadi sungguh nazar

lajjaj itu (maka dia mempunyai pilihan apabila dia bercakap dengannya di antara menunaikan) apa yang dia lazimi (dan diantara kifarah sumpah). akan datang keterangannya.

(فَإِنْ نَذَرَ الْحَجَّ رَاكِبًا فَحَجَّ مَاشِيًا أَوْ نَذَرَ الْحَجَّ مَاشِيًا فَحَجَّ رَاكِبًا أَجْزَأُهُ وَعَلَيْهِ دَمٌ) كَدَمِ التَّمَتُّعِ. (وَإِنْ نَذَرَ الْمُضِيِّ إِلَى الْكَعْبَةِ أَوْ مَسْجِدِ الْمَدِينَةِ أَوْ الْأَقْصَى لَزِمَهُ ذَلِكَ)، وَهُوَ مَا التَّزَمَهُ مِنَ الذَّهَابِ. (وَيَجِبُ أَنْ يَقْصِدَ الْكَعْبَةَ بِحَجٍّ أَوْ عُمْرَةٍ) لِأَنَّ الْأَصْلَ فِي الْإِتْيَانِ إِلَيْهَا ذَلِكَ.

1198. (Maka jika dia bernazar haji berkenderaan maka dia pergi haji berjalan kaki atau bernazar haji berjalan kaki maka dia pergi haji berkenderaan ia memadainya, dan kena di atasnya dam) yang sama seperti dam tamattu'. (Jika dia bernazar pergi ke Ka'bah atau masjid Madinah atau Aqsa melazimi dia demikian itu), iaitu apa yang dia laziminya daripada pergi itu.

(و) يَجِبُ (أَنْ يُصَلِّيَ فِي مَسْجِدِ الْمَدِينَةِ أَوْ الْأَقْصَى أَوْ يَعْتَكِفَ)، فَهُوَ مَخِيرٌ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالْإِعْتِكَافِ. (وَإِنْ نَذَرَ الْمُضِيِّ إِلَى غَيْرِهَا مِنَ الْمَسَاجِدِ لَمْ يَلْزَمَهُ) لِأَنَّهُ لَيْسَ فِي قِصْدِهِ قُرْبَةٌ لِأَنَّ الْمَسَاجِدَ كُلَّهَا بَعْدَ الْمَسَاجِدِ الثَّلَاثَةِ مُسْتَوِيَةٌ.

1199. (Wajib dia menuju ke Ka'bah dengan haji atau umrah) kerana asal pada datang kepadanya adalah demikian itu, (dan) wajib (dia shalat didalam masjid Madinah atau Aqsa atau dia beriktikaf), maka dia diberi pilih diantara shalat dan iktikaf. (Jika dia bernazar pergi kepada selainnya, daripada masjid-masjid, ia tidak melaziminya) kerana tidak ada pada menuju kepadanya sebarang dampingan diri kerana masjid-masjid semuanya selepas tiga masjid itu adalah sama.

(وَمَنْ نَذَرَ صَوْمَ سَنَةٍ بَعَيْنِهَا لَمْ يَقْضِ أَيَّامَ الْعِيدَيْنِ وَالتَّشْرِيقِ وَرَمَضَانَ وَأَيَّامَ الْحَيْضِ وَالنَّفَاسِ. وَمَنْ نَذَرَ صَلَاةً لَزِمَهُ رَكَعَتَانِ) لِأَنَّهُمَا أَقْلُ مَجْزِيٍّ، (أَوْ) نَذَرَ (عِتْقًا أَجْزَأُهُ مَا يَقَعُ عَلَيْهِ الْأِسْمُ) فَيَعْتَقُ رَقَبَةً أَيْ كَانَتْ، مُسْلِمَةً أَوْ كَافِرَةً صَغِيرَةً أَوْ كَبِيرَةً. وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

1200. (Orang yang bernazar puasa setahun dengan tentunya dia tidak mengkadha hari-hari dua raya dan tasyrik dan ramadhan dan hari-hari haid dan nifas. Orang yang nazar shalat melazimi dia dua rakaat) kerana keduanya adalah sekurang-kurang apa yang memada, (atau) dia nazar (memerdekakan hamba memadainya apa yang jatuh keatasnya nama memerdekakan hamba), maka dia memerdekakan seorang hamba, mana-mana hamba adalah dia, muslimah atau kafir atau kecil atau besar. Wallahu a'lam.

(كِتَابُ الْبَيْعِ)

هو لغةً مقابلةً شيءٍ بشيءٍ، وشرعاً مقابلةً مالٍ بمالٍ على وجه مخصوص. و(لَا يَصِحُّ إِلَّا بِالْإِجَابِ وَالْقَبُولِ) ولو في المحقرات. وذهب جمع إلى جواز التعاطي في المحقرات كالخبز واللحم، بخلاف الدواب والعقارات.

1201. @BAB JUAL BELI. Ia pada lughā adalah membetuli suatu dengan suatu, dan pada syara' membetuli harta dengan harta diatas wajah yang khusus. (Tidak sah ia melainkan dengan ijab dan qabul) walaupun pada benda-benda yang lekeh. Berjalan sekumpulan ulamak kepada harus hulur-menghulur pada benda-benda yang lekeh seperti roti dan daging, bersalahan haiwan dan aqar.

(فَالْإِجَابُ هُوَ قَوْلُ الْبَائِعِ أَوْ وَكَيْدُهُ: بَعْتُكَ) ذَا بَكَذَا (أَوْ مَلَكَتُكَ، وَالْقَبُولُ هُوَ قَوْلُ الْمُشْتَرِيِّ أَوْ وَكَيْدِهِ إِشْتَرَيْتُ أَوْ تَمَلَّكَتُ أَوْ قَبِلْتُ. وَيَجُوزُ أَنْ يَتَقَدَّمَ لَفْظُ الْمُشْتَرِيِّ مِثْلُ أَنْ يَقُولَ إِشْتَرَيْتُ بَكَذَا فَيَقُولُ) الْبَائِعُ (بَعْتُكَ. وَيَجُوزُ أَنْ يَقُولَ بَعْثِي بَكَذَا، فَيَقُولُ: بَعْتُكَ. فَهَذِهِ) كَلْمَا (صَرَاحٌ).

1202. (Maka ijab itu adalah kata penjual atau wakilnya "aku jual kepada kamu" akan ini dengan sekian" (atau "aku milikan kamu", dan qabul itu adalah kata pembeli atau wakilnya "aku beli" atau "aku memilik" atau "aku terima". Harus terdahulu lafaz pembeli seumpama bahawa dia kata "aku beli dengan sekian" maka kata) penjual ("aku jual kepada kamu", dan harus dia kata "jual kepada aku dengan sekian", maka katanya "aku jual kepada kamu". Maka ini) semuanya adalah lafaz-lafaz (yang jelas).

(وَيَنْعَقِدُ أَيْضًا بِالْكِنَايَةِ مَعَ النَّيَّةِ، مِثْلَ خُذْهُ بَكَذَا أَوْ جَعَلْتَهُ لَكَ بَكَذَا، وَيَدْوِي بِذَلِكَ الْبَيْعُ فَيَقْبَلُ) الْمُشْتَرِي. (فَإِنْ لَمْ يَنْوِ بِهِ الْبَيْعَ فَلَيْسَ بِشَيْءٍ) فَهُوَ لَعْو.

1203. (Terjadi ia juga dengan kinayah serta niat umpama "ambil ia dengan sekian" atau "aku jadikannya bagi kamu dengan sekian", dan dia niatkan jualan dengan demikian itu, maka menerima) si pembeli. (Maka jika dia tidak niatkan jual dengannya maka ia tidak jadi apa-apa), maka ia lagha.

(وَيَجِبُ أَنْ لَا يَطُولَ الْفَصْلُ بَيْنَ الْإِجَابِ وَالْقَبُولِ عُرْفًا). فَمِنَ الطُّوْلِ أَنْ يَتَخَلَّلَ كَلَامَ أَجْنَبِيٍّ عَنِ الْعَقْدِ مِمَّنْ يَرِيدُ أَنْ يَتِمَّهَ وَلَوْ قَلِيلًا. وَالْأَجْنَبِيُّ هُوَ الَّذِي لَا تَعْلُقُ لَهُ بِالْعَقْدِ بَأَنْ لَا يَكُونُ مِنْ مَقْتَضَايَاهُ وَلَا مِنْ مَصَالِحِهِ وَلَا مِنْ مَسْتَحْبَاتِهِ. وَيَشْتَرَطُ أَنْ يَكُونَ الْأَوَّلُ بَاقِيًا عَلَى أَهْلِيَّتِهِ إِلَى وَجُودِ الشَّقِّ الْآخِرِ، وَأَنْ يَكُونَ الْقَبُولُ مِمَّنْ صَدَرَ مَعَهُ الْخَطَابُ. فَلَوْ قِيلَ غَيْرَهُ لَمْ يَنْعَقِدْ. (وَإِشَارَةٌ الْأَخْرَسِ كَلْفِظِ النَّاطِقِ).

1204. (Wajib tidak panjang ceraian di antara ijab dan qabul pada 'uruf). Maka daripada panjang itu bahawa menyelangi kalam yang asing dari akad dari orang yang hendak menyempurnakannya walaupun sedikit. Yang asing itu adalah kalam yang tidak berkaitan dengan akad dengan bahawa ia bukan

daripada kehendak-kehendaknya dan bukan daripada maslahatnya dan bukan daripada perkara yang elok ada padanya. Disyaratkan bahawa orang yang pertama itu kekal diatas kelayakannya hingga ujud pihak yang satu lagi, dan bahawa adalah qabul itu dari orang yang keluar khitab itu bersamanya. Maka kalau orang lain menerimanya tidak terjadi ia. **(Isyarat orang bisu sama seperti lafaz orang yang bertutur).**

(وَشَرَطُ الْمُتَبَاعِينَ الْبُلُوغُ وَالْعَقْلُ وَعَدَمُ الرَّقِّ وَ) عدم (الْحِجْرُ)، سواء كان للفلس فلا يصح بيعه لأعيان ماله أو للسفه لأن عبارته لاغية. (وَ) عدم (الإكراه بغير حق)، فلا يصح عقد مكره على بيع ماله، لكن إذا كان الإكراه بحق كأن توجه عليه بيع ماله لوفاء دينه فتوقف فأكرهه القاضي عليه فيصح.

1205. **(Syarat dua orang yang berjual beli adalah baligh dan akal dan tidak ada sifat kehambaan dan)** tidak ada (**hijir**), sama ada ianya kerana muflis maka tidak sah jualannya akan ain hartanya, atau kerana safih kerana ibaratnya lagha. (**dan**) ketiadaan (**paksaan tanpa hak**), maka tidak sah akad orang yang dipaksa diatas menjual hartanya, akan tetapi apabila adalah paksaan itu dengan hak seperti bahawa mengadap keatasnya oleh jual hartanya untuk bayaran hutangnya maka dia tidak peduli maka qadhi memaksa dia diatasnya maka ianya sah.

(وَيَشْتَرُطُ أَيْضًا الْإِسْلَامَ فَيَمَنْ يَشْتَرِي لَهُ مُصْحَفًا). ومثل المصحف كتب الحديث وآثار السلف. والمراد بالمصحف ما فيه قرآن. (أَوْ) عبد (مُسْلِمٌ لَا يَعْتَقُ عَلَيْهِ)، فلو اشترى الكافر أباه أو ابنه المسلم صح لعنته عليه بمجرد الشراء. (وَ) يشترط أيضا (عَدَمُ الْحَرَابَةِ فِي شِرَاءِ السَّلَاحِ) من سيف ورمح وغيرهما. فلو كان الشاري لهما محاربا لم يصح البيع.

1206. **(Disyaratkan juga Islam pada orang yang dibelikan mushaf baginya)**, seumpama mushaf itu adalah kitab hadith dan athar salaf. Yang dikehendaki dengan mushaf itu adalah apa yang ada Quran padanya. (**atau**) hamba (**yang muslim yang tidak merdeka diatasnya**), maka kalau seorang kafir membeli bapanya atau anaknya yang muslim sah ia kerana merdeka dia diatasnya dengan semata-mata belian itu. (**dan**) disyaratkan juga (**tidak ada peperangan pada belian senjata**) berupa pedang dan tombak dan selain keduanya. Maka kalau adalah pembeli keduanya memerangi Islam tidak sah jualan itu.

(فَإِنْ أَدَانَ السَّيِّدُ لِعَبْدِهِ الْبَالِغِ فِي التَّجَارَةِ تَصَرَّفَ) العبد (بِحَسَبِ الْإِذْنِ) له ولا يتعداه فهو كالوكيل. فإذا قيد الإذن بنوع أو بزمان أو بمكان تقيد. والأمة كالعبد.

1207. **(Maka jika penghulu mengizinkan hambanya yang baligh pada berniaga bertasarruf)** hamba itu (**menurut izin**) baginya, dan dia tidak boleh melampauinya, maka dia sama seperti wakil. Maka apabila dikaitkan izin itu

dengan satu bagai atau satu masa atau satu tempat terkaitlah ia. Amah sama seperti hamba lelaki.

(وَلَا يَجُوزُ لِأَحَدٍ مُعَامَلَةٌ عَبْدٍ إِلَّا أَنْ يَعْلَمَ أَنَّ سَيِّدَهُ أَذِنَ لَهُ بِبَيِّنَةٍ أَوْ بِقَوْلِ السَّيِّدِ. وَلَا يُقْبَلُ فِيهِ قَوْلُ الْعَبْدِ) أَنْ سَيِّدَهُ أَذِنَ لَهُ لِأَنَّهُ يَدْعِي حَقًّا، وَالْأَصْلُ عَدَمُهُ. (وَالْعَبْدُ لَا يَمْلِكُ شَيْئًا وَإِنْ مَلَكَهُ سَيِّدُهُ) لِأَنَّهُ مَمْلُوكٌ فَأَشْبَهَ الْبَهِيمَةَ.

1208. (**Tidak harus seorang bermuamalah dengan hamba melainkan dia tahu penghulunya mengizinkannya dengan bukti atau dengan kata penghulu itu sendiri. Tidak diterima padanya kata hamba itu**) bahawa penghulunya mengizinkannya kerana dia mendakwa satu hak, yang mana asalnya tidak ujudnya. (**Hamba tidak memilik sesuatu sekalipun penghulunya memilikkannya**) kerana dia dimiliki maka dia menyerupai bahimah.

(وَإِذَا انْعَقَدَ الْبَيْعُ) وَاسْتَوْفَى الْأَرْكَانَ وَالشَّرُوطَ (تُبَيِّنُ لِكُلِّ مِّنَ الْبَائِعِ وَالْمُشْتَرِي خِيَارَ الْمَجْلِسِ)، فَلَكَ فسخُهُ، لَكِنْ بِشَرُوطِ ثَلَاثَةٍ: (مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا)، فَإِذَا فَارَقَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ بِاخْتِيَارِهِ انْقَطَعَ خِيَارُ الْمَجْلِسِ، (أَوْ يَخْتَارَا الْإِمْرَاءَ جَمِيعًا)، فَإِنْ اتَّفَقَا عَلَى لَزُومِهِ انْقَطَعَ الْخِيَارُ. وَإِذَا اخْتَارَ أَحَدُهُمَا لَزُومَهُ انْقَطَعَ خِيَارُهُ دُونَ الْآخَرِ. (أَوْ يَفْسَخُهُ أَحَدُهُمَا). فَإِنْ فَسَخَهُ ارْتَفَعَ الْبَيْعُ وَلَا خِيَارَ. فَتُبَيِّنُ الْخِيَارَ لِهَذَا مَشْرُوطٌ بِهَذِهِ الْأُمُورِ الثَّلَاثَةَ.

1209. (**Apabila berlaku akad jualan**) dan cukup rukun-rukun dan syarat-syaratnya (**sabitlah bagi setiap daripada penjual dan pembeli itu oleh khiar majlis**). Maka setiap seorang berhak memfasakhkannya, akan tetapi dengan tiga syarat; (**selama mana mereka belum berpisah**), maka apabila seorang daripada mereka berpisah dari rakannya dengan pilihannya putuslah khiar majlis itu, (**atau mereka memilih untuk meneruskan jualan itu, kedua-dua mereka sekali**), maka jika mereka sepakat diatas lazimnya terputuslah khiar itu. Apabila seorang daripada mereka memilih lazimnya terputuslah khiarnya, tidak yang seorang lagi. (**atau seorang daripada mereka memfasakhkannya**), maka jika dia memfasakhkannya terangkatlah jualan itu dan tidak ada khiar. Maka sabit khiar bagi kedua mereka disyaratkan dengan tiga perkara ini.

(وَلِكُلِّ مِّنَ الْبَائِعِ وَالْمُشْتَرِي شَرْطُ الْخِيَارِ فِي الْبَيْعِ ثَلَاثَةٌ أَيَّامٌ فَمَا دُونَهَا)، أَيِ الثَّلَاثَةِ. وَهَذَا خِيَارُ الشَّرْطِ. فَلَوْ شَرَطَا مَدَّةً مَجْهُولَةً أَوْ أَطْلَقَا الشَّرْطَ أَوْ زَادَتْ الْمَدَّةَ عَلَى الثَّلَاثَةِ فَلَا يَصِحُّ الشَّرْطُ.

1210. (**Setiap daripada penjual dan pembeli berhak mensyaratkan khiar pada jualan selama tiga hari maka kurang daripadanya**), iaitu tiga hari. Khiar ini adalah khiar syarat. Maka kalau kedua mereka mensyaratkan satu tempoh yang majhul atau mengitlakkan syarat itu atau melebihi tempoh itu diatas tiga hari maka tidak sah syarat itu.

ويجوز شرط الخيار (لَهُمَا أَوْ لِأَحَدِهِمَا) أو لأجنبي (إِلَّا إِذَا كَانَ الْعَقْدُ مِمَّا يَحْرُمُ فِيهِ التَّفَرُّقُ قَبْلَ الْقَبْضِ كَمَا فِي الرَّبَا وَالسَّلَامِ). فإذا بيع ذهب بذهب اشترط في صحة بيعه القبض قبل التفرق ولا يصح فيه شرط الخيار. وكذلك إذا أسلم مائة ريال في عشرة أرباب ذرة اشترط قبض رأس السلم في المجلس قبل التفرق ولا يصح شرط الخيار.

1211. Harus syarat khiaar (**bagi kedua mereka atau bagi seorang daripada mereka**) atau bagi ajnabi, (**melainkan apabila adalah akad itu daripada apa yang haram berpisah padanya sebelum diterima barang jualan sepertimana pada riba dan salam**). Maka apabila dijual emas dengan emas disyaratkan pada sah jualannya akan terima barang sebelum berpisah, dan tidak sah padanya syarat khiaar. Begitu juga apabila seorang menyerahkan [salam] seratus rial pada sepuluh irdab jagung [إردب] satu sukatan yang besar], disyaratkan terima modal salam itu didalam majlis sebelum berpisah dan tidak sah syarat khiaar.

(ثُمَّ إِذَا كَانَ الْخِيَارُ لِلْبَائِعِ وَحْدَهُ فَالْمَبِيعُ فِي زَمَنِ الْخِيَارِ مِلْكُهُ)، فيكون له فوائده و عليه نفقته، (وَإِنْ كَانَ لِلْمُشْتَرِي وَحْدَهُ فَالْمَبِيعُ فِي زَمَنِ الْخِيَارِ مِلْكُهُ)، فيكون له فوائده و عليه نفقته، (وَإِنْ كَانَ لَهُمَا فَالْمِلْكُ فِيهِ مَوْقُوفٌ، إِنْ تَمَّ الْبَيْعُ تَبَيَّنَ) لنا أنه كان ملكا للمشتري، وإن فسخ البيع تبين (أَنَّهُ كَانَ مِلْكًا لِلْبَائِعِ)، يعني لم يخرج عن ملكه. وحيث حكمنا في المبيع لأحدهما حكمنا في الثمن بالملك للآخر، وحيث وقفنا ملكه وقفنا الملك في الثمن.

1212. (Kemudian apabila khiaar itu bagi si penjual sahaja maka barang jualan pada masa khiaar itu miliknya), maka adalah faedah-faedahnya baginya dan nafkahnya diatasnya, (dan jika ia bagi si pembeli sahaja maka barang jualan pada masa khiaar itu miliknya), maka adalah faedah-faedahnya baginya dan nafkahnya diatasnya, (dan jika ia bagi kedua mereka maka pemilikan padanya dibekukan, jika sempurna jualan itu ternyata) bagi kita bahawa ia milik si pembeli dan jika jualan itu difasakhkan ternyata (bahawa ia adalah milik si penjual), maknanya ia tidak keluar dari pemilikannya. Sekira-kira kita hukumkan pada barang jualan bagi seorang daripada kedua mereka kita hukumkan pada harganya dengan pemilikan bagi yang seorang lagi, dan sekira-kira kita bekukan pemilikannya kita bekukan pemilikan pada harganya.

(فَصَلِّ لِلْمَبِيعِ شُرُوطَ خَمْسَةٍ: أَنْ يَكُونَ طَاهِرًا)، أي عينه طاهرة، (مُنْتَفَعًا بِهِ، مَقْدُورًا عَلَى تَسْلِيمِهِ) للمشتري. ويكفي قدرة المشتري على تسلمه بأن يكون في يد غاصب وللمشتري قدرة على انتزاعه فيجوز بيعه إليه. (مَمْلُوكًا لِلْعَاقِدِ أَوْ لِمَنْ نَابَ) إنبابة شرعية، بأن يكون وكيلاً أو ولياً على المالك فناب

(الْعَاقِدُ عَنْهُ)، أي المالك، فلا يصح بيع الفضولي وإن أجازهُ المالك، (مَعْلُومًا) للعاقدين.

1213. (Fasal. Bagi barang jualan itu syarat-syarat yang lima; bahawa adalah ia suci), iaitu ainnya suci, (bermanfaat, kuasa diserahkan) kepada pembeli. Memada kuasa pembeli diatas menerima serahannya dengan bahawa adalah ia pada tangan seorang perampas dan pembeli itu mampu mengambilnya, maka harus menjualkannya kepadanya, (milik orang yang mengakadkan atau orang yang menggantikan) sebagai penggantian syari'e dengan bahawa adalah dia wakil atau wali diatas pemiliknya, maka mengganti (orang yang berakad darinya), iaitu dari si pemilik itu, maka tidak sah jualan fudhuli sekalipun si pemilik meluluskannya. (dimaklumi) bagi dua yang berakad.

(فَلَا يَصِحُّ بَيْعُ عَيْنٍ نَجَسَةٍ كَالْكَلْبِ) والسرجين (أَوْ مُتَنَجِّسَةٍ وَلَمْ يُمْكِنَ تَطْهِيرُهَا كَاللَّبَنِ وَالذَّهْنِ مَثَلًا، فَإِنْ أُمِّدَّ كَثُوبٌ مُتَنَجِّسٌ جَازَ، وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ مَا لَا يُنْتَفَعُ بِهِ كَالْحَشْرَاتِ) كحبة وعقرب وفأرة (وَحَبَّةٌ حِنْطَةٍ). ولا نظر لما يعرض من الذفع بها كوضعها في فخ مثلا لأنها منفعة لا تقصد. (وَأَلَاتِ الْمَلَاهِي الْمَحْرَمَةِ) كمزمار. فالنفع في المبيع لا بد أن يكون شرعيًا وذفع الملاهي غير شرعي.

1214. (Maka tidak sah jual ain najis seperti anjing) dan tahi haiwan (atau benda mutanajis dan tidak terbolehdisucikan seperti susu dan minyak contohnya, maka jika terbolehdisucikan seperti kain yang kena najis harus ia, dan tidak sah jual apa yang tidak boleh dimanfaatkan seperti serangga) seperti ular dan kala dan tikus, (dan sebutir gandum). Tidak ditilik kepada manfaatnya yang mendatang seperti boleh diletakkan ia pada perangkap haiwan contohnya kerana ia manfaat yang tidak dimaksudkan. (dan alat-alat kelalaian yang haram) seperti serunai, maka manfaat pada barang jualan tidak dapat tidak bahawa ianya syari'e sedangkan alat-alat kelalaian itu tidak syari'e.

(وَلَا) يَصِحُّ (بَيْعُ مَا لَا يَقْدَرُ عَلَيَّ تَسْلِيمِهِ كَعَبْدٍ أَبْقَى وَطَيْرٍ طَائِرٍ وَمَغْصُوبٍ، لَكِنْ إِنْ بَاعَ الْمَغْصُوبُ مِمَّنْ يَقْدِرُ عَلَيَّ انْتِزَاعِهِ جَازَ. فَإِنْ تَبَيَّنَ) بعد العقد (عَجْزُهُ فَلَهُ الْخِيَارُ).

1215. (Tidak) sah (jual apa yang tidak mampu diserahkan seperti hamba yang melarikan diri dan burung yang terbang dan barang yang dirampas, akan tetapi jika dia menjual barang rampasan kepada orang yang mampu mengambilnya harus ia. Maka jika ternyata) selepas akad itu (oleh lemahnya maka baginya khiaf).

(وَلَا) يَصِحُّ (بَيْعُ نِصْفٍ مُعَيَّنٍ مِنْ إِنْءَاءٍ أَوْ سَيْفٍ أَوْ ثَوْبٍ) ينقص بالفصل إذ التسلم لا يتأتى إلا بالفصل و هو ينقص فصار معجوزا عنه. (وَكَدَا كُلُّ مَا

تَنْقُصُ قِيَمَتَهُ بِالْقَطْعِ وَالْكَسْرِ. فَإِنْ لَمْ تَنْقُصْ) ما بيع منه جزء معين بالفصل
(كَتُوبٍ تَخِينِ جَازٍ) بيعه.

1216. (Dan tidak) sah (jual bahagian yang tertentu daripada satu bejana atau pedang atau kain) yang jadi kurang dengan dipisah-pisahkan kerana penyerahannya tidak terbolelah melainkan dengan dipisah-pisahkan dan ia menjadi kurang nilai, maka jadilah ia benda yang tidak dapat serahkan. (Begitu juga setiap apa yang kurang nilainya dengan dipotong dan dipecahkan. Maka jika tidak jadi kurang nilai) apa yang dijual satu jujuk yang tertentu daripadanya dengan dipisah-pisahkan (seperti kain yang tebal harus) jualannya.

(وَلَا يَجُوزُ بَيْعُ الْمَرْهُونِ) للراهن بـ(دُونِ إِذْنِ) من (الْمُرْتَهِنِ) للعجز عن تسليمه إذ فيه تفويت حق المرتهن. (وَلَا) يصح (بَيْعُ الْفَضُولِيِّ وَهُوَ أَنْ يَبِيعَ مَالَ غَيْرِهِ بِغَيْرِ وِلَايَةٍ وَلَا وَكَالَةٍ).

1217. (Dan tidak harus jual barang gadaian), bagi penggadai dengan (tidak ada izin) dari (pemegang gadai) kerana lemah dari menyerahkannya, kerana penyerahan itu meluputkan hak pemegang gadai itu. (Dan tidak) sah (jual fudhuli iaitu bahawa seorang menjual harta orang lain tanpa wilayah dan tanpa wakilan).

(وَلَا) يصح (بَيْعُ مَا لَمْ يُعَيَّنْ). هذا محترز الشرط الخامس وهو أن يكون معلومًا. فأما إذا كان مجهولًا (كَأَحَدِ الْعَبْدَيْنِ) فلا يصح.

1218. (Dan tidak) sah (jual apa yang tidak ditentukan). Ini muhtaraz syarat kelima iaitu bahawa adalah ia dimaklumi. Maka adapun apabila ianya majhul, (seperti seorang daripada dua orang hamba) maka tidak sah ia.

(وَلَا) يصح (بَيْعُ عَيْنٍ غَائِبَةٍ عَنِ الْعَيْنِ)، أي لم تشاهد لهما أو لأحدهما. وذلك (مِثْلُ بَعْثِكَ الثَّوْبَ الْمَرْوُزِيِّ)، نسبة إلى مرو الروز مدينة عظيمة بخراسان، (الَّذِي فِي كُمِّي، وَالْفَرَسَ الْأَدْهَمَ الَّذِي فِي إِصْطَبْلِي). فعدم الصحة فيه لخفائه وعدم رؤيته وهو معين. (فَإِنْ كَانَ الْمُشْتَرِي رَأَاهَا قَبْلَ ذَلِكَ وَهِيَ مِمَّا لَا يَنْغَيِّرُ فِي مَدَّةِ الْغَيْبَةِ غَالِبًا جَازًا) البيع وصح اعتمادا على الرؤية السابقة.

1219. (Dan tidak) sah (jual ain yang ghaib dari mata), iaitu yang tidak disaksikan oleh kedua mereka atau seorang daripada mereka. Demikian itu (umpama "aku jual kepada kamu kain marwazi"), nisbah kepada Marwa Ruz^{xxix} satu bandar besar di Khurasan, (yang ada didalam lengan baju aku, dan kuda hitam yang ada didalam kandang kuda ku"). Maka tidak sah padanya adalah kerana tersembunyinya dan tidak dilihat walaupun ia ditentukan. (Maka jika pembeli melihatnya sebelum demikian itu dan ia adalah barang yang tidak berubah didalam tempoh ghaib itu pada ghalibnya harus) jualan itu, dan sah ia dengan berpegang diatas lihat yang terdahulu.

(وَلَوْ بَاعَ عُرْمَةً حِنْطَةً)، أي كوماً منها، ومعلوم أنها لا تختلف حباتها، (وَنَحْوَهَا) مما لا تختلف أفرادها، (وَهِيَ مُشَاهِدَةٌ) بظاهرها لهما (وَلَمْ يُعْلَمْ كَيْلُهَا) فهي مجهولة المقدار، (أَوْ بَاعَ شَيْئًا بَعْرْمَةً فِضَّةً مُشَاهِدَةً وَلَمْ يُعْلَمْ وَزْنُهَا جَازَ) البيع في المسألتين لأن الأجزاء لا تختلف، بخلاف عرمة سفرجل ورمان وبطيخ لا بد من رؤية كل واحدة.

1220. (**Kalau seorang menjual selenggok gandum**), iaitu setimbun daripadanya, dan diketahui bahawa ia tidak berbeza biji-bijiannya, (**dan umpamanya**) daripada benda yang tidak berbeza butir-butirannya, (**dan ia disaksikan**) zahirnya oleh kedua mereka, (**dan tidak diketahui sukatanya**) maka ia dijahilkan kadarnya, (**atau dia menjual suatu dengan setompok perak yang disaksikan dan tidak diketahui timbangannya harus**) jualan pada dua masalah ini kerana jujuk-jujuknya tidak berbeza, bersalahan selenggok buah safarjal dan limau dan tembikai, tidak dapat tidak dari lihat setiap unitnya.

والرؤية في كل شيء بحسب ما يليق به ففي شراء الدار يشترط رؤية البيوت والسقوف والسطوح والجدران داخلا وخارجا والمستحم والبالوعة، وفي شراء المصحف والكتب تقلب الأوراق واحدة واحدة. (وَتَكْفِي الرُّؤْيَةَ).

1221. Lihat pada setiap suatu itu mengikot apa yang layak dengannya. Maka pada beli rumah disyaratkan lihat bilik-biliknya dan bumbungnya dan sutuhnya dan dindingnya dalam dan luar dan bilik air dan tandas, sementara pada jual mushaf dan kitab disyaratkan membolak-balikkan helai-helaiannya satu demi satu. (**Memada oleh lihat**).

(وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ الْأَعْمَى وَلَا شِرَاؤُهُ. وَطَرِيقُهُ)، أي طريق بيعه وشراءه، (التَّوَكُّيلُ. وَيَصِحُّ سَلْمُهُ) سواء كان مسلما أو مسلما إليه (بِعَوِضٍ فِي ذِمَّتِهِ)، ويوكل من يقبض عنه أو يقبض له. وصح سلمه لأن السلم يعتمد الوصف لا الرؤية.

1222. (**Tidak sah jualan orang buta dan tidak beliannya. Jalannya**), iaitu jalan bagi jualannya dan beliannya, (**adalah lantikan wakil. Sah salamnya**), sama ada dia muslim atau muslim ilaih, (**dengan tukaran pada zimmahnya**), dan dia mewakilkan orang pada menerima tukar ganti itu darinya atau memberi terima akannya. Sah salamnya kerana salam itu yang dipegangi adalah sifat bukan lihat.

(فَصْلٌ فِي الرِّبَا). هو لغة الزيادة، وشرعا عقد على عوض مخصوص غير معلوم التماثل في معيار الشرع حالة العقد أو مع تأخير في البدلين أو أحدهما. (لَا يَحْرُمُ الرِّبَا إِلَّا فِي الْمَطْعُومَاتِ وَالذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ) ولو غير مضروبين.

1223. (**Fasal pada riba**). Ia pada lughah adalah lebih/tambahan, dan pada syara' akad diatas satu tukarganti yang khusus yang tidak diketahui persamaan pada ukuran syara' ketika akad itu atau serta terkemudian pada dua tukarganti

itu atau satu daripada keduanya. **(Tidak haram riba melainkan pada barangan makanan dan emas dan perak)** walaupun yang tidak ditempa **(وَالْعَلَّةُ فِي تَحْرِيمِ الْمَطْعُومَاتِ الطَّعْمِ وَفِي تَحْرِيمِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ كَوْنُهُمَا قِيمَ الْأَشْيَاءِ. فَأَذَا بَيْعَ مَطْعُومٍ) للآدمي على وجه التَّقْوَتِ كَالْبُرِّ أَوْ عَلَى وَجْهِ التَّفَكِّهِ وَالتَّادِمِ كَالْتَمْرِ أَوْ عَلَى وَجْهِ الإِصْلَاحِ كَالْمَلْحِ وَالزَّعْفَرَانِ (بِمَطْعُومٍ مِنْ جِنْسِهِ كَبُرُّ بَيْرٍ أُشْتَرِطَ) لدفع الربا (ثَلَاثَةُ أُمُورٍ):**

1224. **(Illat pada pengharaman barang makanan adalah keadaannya makanan dan pada pengharaman emas dan perak keadaan keduanya adalah nilai bagi segala sesuatu. Maka apabila dijual barang makanan)** kepada anak adam diatas wajah keadaannya mengenyangkan seperti gandum atau diatas wajah bersedap-sedap seperti tamar atau diatas wajah mengelokkan tubuh seperti garam dan za'faran **(dengan makanan dari jenisnya seperti gandum dengan gandum disyaratkan)** untuk menolak riba **(tiga perkara:)**

(الْمُمَاتَّةُ فِي الْقَدْرِ) يقينا حتى لو باع ربويا بجذسه جزا فا لم يصح وإن تبين أنهما سواء، **(وَالْتَقَابُضُ قَبْلَ التَّفَرُّقِ)**. والمدار على حصول القبض في مجلس البيع ولو لمأذونه أو وارثه. **(وَالْحُلُولُ)** بأن لا يشترطا أجلا في العقد.

1225. **(sama pada kadarnya)** dengan yakin, hinggakan kalau seorang menjual barang ribawi dengan jenisnya dengan cara jangkaan tidak sah ia sekalipun ternyata bahawa keduanya sama banyak, **(dan terima menerima sebelum berpisah)**. Putarannya adalah diatas tehasil terima barang didalam majlis jualan walaupun bagi orang izinannya atau warisnya. **(dan hulul)** dengan bahawa mereka tidak mensyaratkan tempoh masa didalam akad itu.

(وَإِنْ كَانَ) المطعوم (مِنْ غَيْرِ جِنْسِهِ كَبُرُّ بِشَعِيرٍ أُشْتَرِطَ شَرْطَانِ الْحُلُولِ وَالتَّقَابُضُ قَبْلَ التَّفَرُّقِ، وَجَازَ التَّفَاضُلُ). فيجوز أن يبيع أردبين ذرة بأردب قمح إذا تحقق الحلول والتقابض في المجلس.

1226. **(Jika adalah)** barang makanan itu **(dari selain jenisnya seperti gandum dengan barli disyaratkan dua syarat: hulul dan terima menerima sebelum berpisah, dan harus lebih kurang)**. Maka harus dia menjual dua irdab [sukatan besar] gandum dengan satu irdab gandum apabila dipastikan hulul dan terima-menerima didalam majlis itu.

(وَإِنْ بَاعَ نَقْدًا بِجِنْسِهِ كَذَهَبٍ بِذَهَبٍ أُشْتَرِطَ الشَّرْطُ الثَّلَاثَةُ الْمُتَقَدِّمَةُ، وَإِنْ بَاعَ) نقدا (بِغَيْرِ جِنْسِهِ كَذَهَبٍ بِفِضَّةٍ أُشْتَرِطَ الشَّرْطَانِ) الحلول والتقابض، (وَجَازَ التَّفَاضُلُ) بينهما فيجوز أن يبيع مثقالا من ذهب بعشرة من الفضة بأزيد وبأقل إذا وجد الحلول والتقابض. **(وَإِنْ بَاعَ مَطْعُومًا بِنَقْدٍ صَحَّ مُطْلَقًا)**، أي من غير اشتراط شرط من الشروط الثلاثة. فلا ينافي أنه لا بد من شروط البيع كالرؤية والقدرة على التسليم.

1227. **(Jika dia menjual duit dengan jenisnya seperti emas dengan emas disyaratkan syarat-syarat yang tiga tadi, dan jika dia menjual duit (dengan selain jenisnya seperti emas dengan perak disyaratkan dua syarat) hulul dan terima menerima, (dan harus berlebih kurang) di antara keduanya. Maka harus bahawa dia menjual satu mithqal emas dengan sepuluh mithqal perak dengan lebih dan kurang apabila ada hulul dan terima menerima. (Dan jika dia menjual barang makanan dengan duit sah ia semata-mata) iaitu tanpa disyaratkan satu syarat daripada tiga syarat itu. Maka ia tidak menafikan bahawa tidak dapat tidak daripada syarat-syarat jualan seperti lihat dan kuasa diatas penyerahan.**

(وَيُعْتَبَرُ التَّمَاثُلُ) حديث شرطناه (فِي الْمَكِيلِ بِالْكَيْلِ)، وَإِنْ لَمْ يَعْتَدِ الْكَيْلُ بِهِ، وَإِنْ زَادَ وَزَنَا، (وَفِي الْمَوْزُونِ بِالْوَزْنِ). فَمَتَى كَانَ الْمَبِيعُ مَكِيلًا فِي عَهْدِهِ ﷺ، أَعْتَبِرَ فِيهِ الْكَيْلُ وَلَوْ بَغَيْرِ الْأَلَةِ الَّتِي كَيْلُ بِهَا فِي عَهْدِهِ ﷺ، وَكَذَا الْمَوْزُونِ. (فَلَا يَصِحُّ رَطْلٌ بَرٌّ بِرَطْلٍ بَرٍّ إِذَا كَانَ يَتَفَاوَتُ بِالْكَيْلِ) أَوْ يَجْهَلُ. (وَيَجُوزُ أَرْدَبٌ بِأَرْدَبٍ وَإِنْ تَفَاوَتَ الْوَزْنُ) لِأَنَّ مَعْيَارَهُ الْكَيْلُ.

1228. **(Diiktibarkan sama banyak) sekira-kira kita mensyaratkannya (pada benda yang disukat dengan sukatan), sekalipun tidak diadatkan sukatan padanya dan sekalipun ia lebih pada timbangan, (dan pada yang ditimbang dengan timbangan). Maka apabila barang jualan itu disukat pada masa nabi sawm diiktibarkan padanya akan sukatan juga, walaupun dengan selain alat yang disukat ia dengannya pada masanya sawn. Begitu juga barang yang ditimbang. (Maka tidak sah sekati gandum dengan sekati gandum apabila ia berlebih kurang dengan sukatan) atau dijahilkan. (Harus satu ardab dengan satu ardab sekalipun berlebih kurang timbangannya) kerana ukurannya adalah sukat.**

(وَالْمُرَادُ بِالْمَكِيلِ وَالْمَوْزُونِ) مَا كَانَ يُوزَنُ أَوْ يُكَالُ فِي الْحِجَازِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. فَإِنْ جُهِلَ حَالُهُ أَوْ لَمْ يَكُنْ فِي عَهْدِهِ ﷺ أَوْ اسْتَعْمَلَ الْكَيْلُ وَالْوَزْنُ فِيهِ سِوَاءِ (أُعْتَبِرَ بِبَدَدِ الْبَيْعِ. وَإِنْ كَانَ مِمَّا لَا يُوزَنُ وَلَا يُكَالُ فِي الْعَادَةِ وَلَا جَفَافَ لَهُ كَالْقِتَاءِ وَالسَّفَرَجَلِ وَالْأْتَرَجِ لَمْ يَصِحَّ بَيْعُ بَعْضِهِ بِبَعْضٍ) لَجْهَلِ التَّمَاثُلِ.

1229. **(Yang dikehendaki) dengan barang yang disukat dan ditimbang itu (apa yang dulu ditimbang atau disukat diHijaz pada masa rasulullah sawm. Maka jika dijahilkan keadaannya) atau ia tidak ujud pada masanya sawm atau penggunaan sukatan dan timbangan padanya sama (diiktibarkan tempat jualannya. Jika ia barang yang tidak ditimbang dan tidak disukat menurut adat dan tidak boleh kering seperti timun dan safarjal dan citrus tidak sah jual sebahagiannya dengan sebahagian yang lain) kerana dijahilkan kesaamaannya.**

(فَلَوْ بَاعَ بُرًّا بِبُرٍّ جُزَافًا لَمْ يَصِحَّ) للجهل بالمماثلة، (وَإِنْ ظَهَرَ مِنْ بَعْدِ)، أي من بعد العقد، (تَسَاوَيْهِمَا كَثِيرًا) بأن اتفقا في الكيل. (وَإِنَّمَا تُعْتَبَرُ الْمُمَاتَلَةُ) الْمَشْرُوطَةُ (حَالَةَ الْكَمَالِ) للثمن والمثمن.

1230. (Maka kalau seorang menjual gandum dengan gandum dengan cara jangkaan tidak sah ia) kerana dijahilkan kesamaannya, (sekalipun ternyata selepas itu), iaitu selepas akad itu. (keduanya sama menurut sukatan), dengan bahawa keduanya sama pada sukatan. (Hanya sanya diiktibarkan kesamaan) yang disyaratkan itu (pada ketika sempurna) harga dan barang yang dihargakan.

(فَحَالَةُ كَمَالِ الثَّمَرَةِ الْجَفَافِ، فَلَا يَصِحُّ) بِيَعِ (رُطْبٍ بِرُطْبٍ) لَجَهْلِ التَّمَاتِلِ عِنْدَ الْجَفَافِ، (أَوْ رُطْبٍ بِتَمْرٍ، وَكَذَا عِنَبٍ بِعِنَبٍ أَوْ) عِنَبِ (بِزَيْبٍ وَإِنْ تَمَاتَلًا) حَالَةَ الْعَقْدِ لِأَنَّ هَذِهِ الْحَالَةَ لَيْسَتْ حَالَةَ كَمَالٍ. (فَبِإِنْ لَمْ يَجِئْ مِنْهُ تَمْرٌ وَلَا زَيْبٌ لَمْ يَصِحَّ بِيَعِ بَعْضُهُ بِبَعْضٍ).

1231. (Maka keadaan sempurna buah-buahan adalah yang keringnya, maka tidak sah) jual (rutob dengan rutob) kerana dijahilkan kesamaannya ketika keringnya, (atau rutob dengan tamar, begitu juga inab dengan inab atau) inab (dengan zabib sekalipun keduanya sama banyak) pada ketika akad kerana keadaan ini bukan keadaan sempurna. (Maka jika tidak boleh terdatang darinya oleh tamar dan tidak zabib tidak sah jual sebahagiannya dengan sebahagian yang lain).

(وَلَا يُبَاعُ دَقِيقٌ بِدَقِيقٍ) عِنْدَ اتِّحَادِ جَنْدَسِهِ (وَلَا) دَقِيقٌ (بِبُرٍّ وَلَا) خُبْزٌ بِخُبْزٍ إِنْ اتَّحَدَ جَنْسُهُ. فَإِنْ اخْتَلَفَ جَازَ. (وَلَا) يُبَاعُ (خَالِصٌ بِمَشْوَبٍ) كَالْبِنِّ بِلَبْنٍ وَفِي أَحَدِهِمَا مَاءٌ. (وَلَا) يُبَاعُ (مَطْبُوخٌ) كَالْحَمِّ (بِنِيِّءٍ وَلَا) بِمَطْبُوخٍ) لِلْجَهْلِ بِالْمُمَاتَلَةِ فِي الْجَمِيعِ بِسَبَبِ تَفَاوُتِ النُّعُومَةِ فِي الدَّقِيقِ وَتَأْتِيرِ النَّارِ فِي الْخُبْزِ. (إِلَّا أَنْ) يَخْفَ الطَّبْخُ كَتَمْيِيزِ الْعَسَلِ) مِنَ الشَّمْعِ (وَالسَّمْنِ) مِنَ اللَّبَنِ.

1232. (Tidak dijual tepung dengan tepung) di sisi satu jenisnya, (dan tidak) tepung (dengan gandum dan tidak roti dengan roti) jika satu jenisnya. Maka jika ia berbeza harus ia. (dan tidak) dijual (yang murni dengan yang bercampur) sama seperti susu dengan susu yang pada satu daripada keduanya ada air. (dan tidak) dijual (yang dimasak) seperti daging (dengan yang mentah, dan tidak dengan yang dimasak) kerana dijahilkan kesamaan pada semua itu dengan sebab berlebih kurang kehalusan pada tepung dan kesan api pada roti. (melainkan bahawa ringan masakannya itu seperti proses membezakan madu) dari lilin (dan minyak sapi) dari susu.

(وَلَا يَجُوزُ مَدُّ عَجْوَةٍ وَدِرْهَمٌ بِدِرْهَمَيْنِ) لِأَنَّهُ قَدْ اشْتَمَلَ الْبَيْعُ عَلَى نَوْعَيْنِ مِنَ الرِّبَوِيَّاتِ وَالثَّمَنِ عَلَى نَوْعٍ مِنْهَا مَوْجُودٌ فِي الْمُبَيْعِ فَتَقَدَّرَتْ الْمُمَاتَلَةُ لِمُقَابَلَةِ الثَّمَنِ لِجَمِيعِ الْمُبَيْعِ فَبَطَلَ الْبَيْعُ. وَهَكَذَا فِي كُلِّ مَا يَشْبَهُهُ، (أَوْ بِمُدَّيْنِ، وَلَا مَدُّ)

من عجوة (وَدِرْهَمٌ بِمُدٍّ وَدِرْهَمٌ، وَلَا مُدٌّ وَثَوْبٌ بِمُدَيْنٍ، وَلَا دِرْهَمٌ وَثَوْبٌ بِدِرْهَمَيْنِ).

1233. (Tidak harus secupak tamar [yang dimampatkan] dan satu dirham dengan dua dirham) kerana jualan itu melengkapi dua bagai daripada benda ribawi dan harganya satu bagai daripada yang ujud pada barang jualan lalu diandaikan kesamaan supaya harga itu membetuli semua barang jualan itu maka batal jualan itu. Beginilah pada setiap apa yang menyerupainya. (atau dengan dua cupak, dan tidak satu cupak) daripada tamar (dan satu dirham dengan secupak dan satu dirham, dan tidak satu cupak dan sehelai kain dengan dua cupak, dan tidak satu dirham dan sehelai kain dengan dua dirham).

وضابط هذه المسألة أن يتفق المبيع والثمن على نوع ربوي ويزيد كل بنوع آخر ربوي أو بغير ربوي أو يزيد أحدهما كذلك.

1234. Dhabit masalah ini bahawa sama barang jualan dan harga diatas satu bagai ribawi dan lebih setiap satunya dengan satu bagai ribawi yang lain atau dengan selain benda ribawi atau lebih satu daripada keduanya seperti demikian itu.

(وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ اللَّحْمِ بِالْحَيَوَانِ) ولو غير جنسه أو غير مأكول. ولا فرق بين أن يكون اللحم ثمنًا أو مئمنًا.

1235. (Dan tidak sah jual daging dengan haiwan) walaupun yang selain jenisnya atau yang tidak dimakan. Tidak ada beza di antara bahawa adalah daging itu harga atau yang dihargakan.

(فَصَلِّ) في البيوع المنهي عنها. (لَا يَصِحُّ بَيْعُ نِتَاجِ النَّتَاجِ كَقَوْلِهِ: إِذَا وُلِدَتْ نَأْفَتِي وَوُلِدَ وَلَدُهَا فَقَدْ بَعْتُكَ الْوَلَدَ)، لأنه باع ما ليس بمملوك ولا مقدور على تسليمه. (وَلَا) يصح (أَنْ يَبِيعَ شَيْئًا وَيُوجَلُّ الثَّمَنُ بِذَلِكَ)، أي لزم من ولد الولد للجهل.

1236. (Fasal) pada jualan-jualan yang ditegah darinya. (Tidak sah jual anak bagi anak haiwan seperti katanya "bila unta aku beranak dan anaknya beranak maka aku jual kepada kamu anaknya"), kerana dia menjual apa yang tidak dimiliki dan tidak mampu diserahkan. (dan tidak) sah (bahawa dia menjual suatu serta menempohkan harganya dengan demikian itu), iaitu dengan masa lahir anak bagi anak haiwan itu kerana majhul.

(وَلَا) يصح (بَيْعُ الْمُلَامَسَةِ) وهي أن يلمس ثوبًا لم يره لكونه في ظلمة أو مطويًا ثم يشتريه على أن لا خيار إذا رآه اكتفاءً بلمسه، أو يقول: إذا لمسته فقد بعته، اكتفاءً بلمسه عن الصيغة.

1237. (dan tidak) sah (jual mulamasah), iaitu bahawa seorang menyentuh sehelai kain yang dia tidak melihatnya kerana keadaannya didalam gelap atau berlipat kemudian dia membelinya diatas bahawa tidak ada khiar bila dia melihatnya kerana memadakan dengan sentuhnya, atau seorang berkata "bila

kamu menyentuhnya maka sungguh aku jualkannya kepada kamu” kerana memadakan dengan sentuhnya dari sighthah.

(و) لا يصح بيع (الْمُنَابَذَةِ) بأن يجعل العاقدان النبذ بيعًا اكتفاء به عن الصيغة فيقول أحدهما: أنبذ إليك ثوبي بعشرة فيأخذه الآخر، أو يقول: بعثك هذا بكذا على أني إذا نبذته إليك لزم البيع وانقطع الخيار. (و) لا يصح بيع (الْحَصَاةِ)، وهو أن يقول: بعثك من هذه الأثواب ما تقع عليه الحصاة.

1238. (dan) tidak sah jual (**munabazah**) dengan bahawa dua orang yang berakad menjadikan campak barang sebagai suatu yang memada dari sighthah, maka kata seorang daripada mereka “aku campakkan kepada kamu kain aku dengan sepuluh” maka seorang lagi mengambilnya, atau dia kata “aku jual kepada kamu akan ini dengan sekian diatas bahawa aku bila melontarkannya kepada kamu lazim jualannya dan terputus khiarnya”. (dan) tidak sah jualan (**anak batu**), iaitu seorang berkata “aku jual kepada kamu daripada kain-kain ini akan apa yang jatuh anak batu keatasnya.

(وَلَا) يصح بيع (بِيعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ كَقَوْلِكَ بِعُتْكَ هَذَا بِأَلْفٍ نَقْدًا أَوْ بِأَلْفَيْنِ مُوَجَّلًا) لسنة مثلا، فخذ بأيهما شئت للجهل بالعوض، (أَوْ بِعُتْكَ ثَوْبِي بِأَلْفٍ عَلَى أَنْ تَبِيعَنِي عَبْدَكَ بِخَمْسِمِائَةٍ. وَلَا) يصح (بِيعٌ وَشَرْطٌ مِثْلُ بِعُتْكَ بِشَرْطِ أَنْ تُقْرَضَنِي مِائَةً) لأنه جعل انتفاعه بالعقد الثاني من ضمن الثمن وشرطه باطل فبطل الثمن.

1239. (dan tidak) sah jualan (**dua jualan dalam satu jualan seperti kata kamu “aku jual kepada kamu kain aku dengan seribu tunai atau dengan dua ribu bertempoh**) setahun sebagai contoh, “maka ambil dengan mana satu daripada keduanya yang kamu mahu, kerana majhul bayarannya, (atau aku jual kepada kamu kain aku dengan seribu diatas bahawa kamu jual kepada aku hamba kamu dengan lima ratus”, dan tidak) sah (jual serta syarat seumpama “aku jual kepada kamu dengan syarat kamu beri hutang kepada aku seratus) kerana dia menjadikan pengambilan manfaatnya dengan akad kedua didalam kandungan harga itu sedangkan mensyaratkannya adalah batil maka batal harganya itu.

(وَيَصِحُّ بَيْعٌ وَشَرْطٌ فِي صُورٍ. وَهِيَ شَرْطُ الْأَجَلِ فِي الثَّمَنِ بِشَرْطِ أَنْ يَكُونَ الْأَجَلُ مَعْلُومًا، وَ) شرط (أَنْ يَرَهْنَ بِهِ رَهْنًا) غير المبيع. أما إذا شرط رهن المبيع فلا يصح.

1240. (Sah jual dan syarat pada beberapa rupa masalah. Ianya syarat tempohan pada harga dengan syarat bahawa adalah tempohan itu dimaklumi, dan) syarat (bahawa dia menggadaikan padanya satu gadaian) yang selain barang jualan itu. Adapun apabila dia mensyaratkan gadai barang jualan itu maka ia tidak sah.

(أَوْ) بشرط أن (يَضْمَنُهُ)، أي المشتري، (بِهِ)، أي الثمن، (زَيْدٌ) مثلاً، (أَوْ) بشرط (أَنْ يَعْتَقَ الْعَبْدَ الْمَبِيعَ، أَوْ شَرَطَ مَا يَقْتَضِيهِ الْعَقْدُ كَالرَّدِّ بِالْعَيْبِ وَنَحْوِهِ) كالقبض والإقباض. فاشتراط هذه الأشياء لا يضر في صحة العقد ولا يفسده، إلا شرط لا يقتضيه العقد ولا يتعلق بمصلحته، ولكن يتعلق به غرض يورث التنازع بعد العقد وهو غير عتق كشرط أن يقرضه مائة أو أن لا يبطأ الجارية.

1241. (atau) dengan syarat (**menjaminnya**), iaitu bagi si pembeli, (**padanya**), iaitu pada harga barang itu, (**oleh si Zaid**) contohnya, (atau) dengan syarat (**dia memerdekakan hamba yang dijual atau dia mensyaratkan apa yang dituntut oleh akad itu seperti pemulangan dengan aib dan umpamanya**) seperti terima barang dan serahan barang. Maka mensyaratkan perkara-perkara ini tidak memudharatkan pada sah akad itu dan tidak merosakkannya, melainkan syarat yang tidak dituntut oleh akad dan tidak berkaitan dengan maslahatnya, sebaliknya berta'luk dengannya tujuan yang membawa kepada pertengkaran selepas akad dan ianya bukan memerdekakan hamba seperti syarat bahawa dia menghutangkannya seratus atau bahawa dia tidak boleh menyetubuhi jariah yang dijual.

(فَبِأَنْ بَاعَ وَشَرَطَ الْبِرَاءَةَ مِنَ الْعُيُوبِ صَحَّ، وَبَرِيٌّ مِنْ كُلِّ عَيْبٍ بَاطِنٍ فِي الْحَيَّوَانِ لَمْ يُعْلَمَ بِهِ الْبَائِعُ وَلَا يَبْرَأُ مِمَّا سِوَاهُ) من كل عيب ظاهر في الحيوان وغيره، ومن العيب الباطن في غير الحيوان، ومن العيب الباطن فيه إذا علمه.

1242. (Maka jika dia menjual dan mensyaratkan bebas dari aib sah ia dan bebaslah penjual itu dari setiap aib batin pada haiwan yang dia tidak tahukannya, dan tidak dia bebas dari apa yang selainnya), daripada setiap aib zahir pada haiwan dan selainnya, dan daripada aib batin pada selain haiwan, dan daripada aib batin padanya bila dia mengetahuinya.

(وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ الْعَرَبُونَ)، بفتح العين والراء. وهو مصور (بأن يشتري سلعة ويدفع دبرهما) مثلاً (على أنه إن رضي) المشتري (بالسلعة فالدبرهم من الثمن، وإلا) بأن لم يرض (فهو) يكون (للبيع مجاناً)، أي من غير مقابل جزاء عدوله. وعدم الصحة لاشتمال العقد على شرط لا يقتضيه وليس من مصلحته.

1243. (Tidak sah jual 'arabun). "العربون" dengan fathah ain dan ra'. Ia digambarkan (dengan bahawa seorang membeli satu barang dan menyerahkan dirham), contohnya, (diatas bahawa jika redha) pembeli itu (dengan barang itu maka dirham itu sebahagian daripada harga barang, jika tidak), dengan bahawa dia tidak redha, (maka ia) adalah (bagi penjual dengan percuma), iaitu tanpa ada sebarang yang membetulinya sebagai balasan dari berpaling pembeli itu. Ketiadaan sahnya adalah kerana akad

itu melengkapi syarat yang ia tidak menuntutnya dan bukan daripada maslahatnya.

(وَلَوْ فَرَّقَ بَيْنَ الْجَارِيَةِ وَوَلَدِهَا قَبْلَ سِنِّ التَّمْيِيزِ)، والمدار على التمييز ولو قبل سنة، (بِبَيْعٍ أَوْ هِبَةٍ). وأما التفريق بغيرهما كالعتق والوقف والوصية فلا يبطل. (بَطْلُ الْعَقْدِ) المذكور، ولو رضيت به الأم. والأب كالأم عند عدمها. (وَبَعْدَ التَّمْيِيزِ يَصِحُّ) التفريق. وكذا يجوز التفريق بين المحارم غير الأم والأب.

1244. (Kalau dipisahkan di antara jariah dan anaknya sebelum umur **tamyiz**). Dan putaran hukum itu adalah diatas tamyiz walaupun sebelum setahun. (**dengan jualan atau hibah**). Adapun memisahkan dengan selain keduanya seperti merdeka dan wakaf dan wasiat maka ia tidak membatalkan. (**batal akad**) tersebut itu, walaupun si ibu itu redha dengannya. Bapa sama seperti ibu di sisi ketiadaannya. (**Dan selepas tamyiz sah**) pemisahan itu. Begitu juga harus memisahkan diantara mahram-mahram yang selain ibu dan bapa.

(وَيَحْرُمُ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ)، من يسكن البلدان، (لِبَادٍ) من يسكن البادية وهي الصحراء. وذلك (بأن يقول الحاضر للبَدَوِيِّ الَّذِي قَدِمَ بِسِدْعَةٍ) مقيدة بأنها تحدث سعة (وهي مما يحتاج إليها في البلد) كالطعام فيقول له الحاضر: (لَا تَبِعْ الْآنَ حَتَّى أَبِيعَهَا لَكَ قَلِيلًا قَلِيلًا بِثَمَنٍ غَالٍ).

1245. (Haram bahawa menjual orang hadhir), iaitu orang yang mendiami negeri, (**untuk orang pedalaman**), iaitu orang yang mendiami kawasan pedalaman iaitu padang belantara. Demikian itu (**dengan bahawa seorang hadhir berkata kepada orang badwi yang tiba dengan barang dagangan**), yang dikaitkan dengan bahawa ianya berlaku pada masa barang melimpah ruah, (**dan ia daripada apa yang diperlukan kepadanya pada negeri itu**) seperti makanan, maka orang hadhir itu berkata kepadanya: (**jangan kamu jual sekarang supaya aku menjualkannya untuk kamu sedikit sedikit dengan harga yang mahal**).

وحرمة ذلك لما فيه من التضيق على الناس. وأما لو ابتدأ البادي بقوله: أتركه عندك لتبيعه أو انتفى عموم الحاجة إليه أو قصد بيعه حالا فأخذ الحاضر لبيعه كذلك فلا يحرم في الجميع.

1246. Haram demikian itu kerana padanya ada unsur menyempitkan orang ramai. Adapun kalau orang badwi itu mula dengan katanya "aku tinggalkannya disisi kamu untuk kamu jualkannya, atau ternafi hajat yang meratai kepadanya, atau dia bermaksud menjualkannya pada masa itu lalu orang hadhir itu mengambilnya untuk dia menjualnya juga pada masa itu maka tidak haram pada semua ini.

(و) يحرم (أَنْ يَتَلَقَّى الرُّكْبَانَ) الحاضرين بمتاع (فَيُخْبِرُهُمْ بِكَسَادِ مَا مَعَهُمْ) من المتاع القاصدين ببيعه (لِيَشْتَرِي مِنْهُمْ بَعْضِينَ) وهم لا يعرفون السعر. فإذا اشتري منهم خيروا فوراً.

1247. (dan) haram (**bahawa seorang menyambut rombongan**) yang hadir membawa barang dagangan (**maka dia memberitahu mereka dengan tidak laku apa yang ada bersama mereka**) daripada barang-barang dagangan yang mereka hendak jual itu, (**untuk dia membelinya dari mereka dengan harga murah sekali**) sedang mereka itu tidak tahukan harga sebenar. Maka apabila dia membeli dari mereka itu mereka berhak khair dengan segera.

(و) يحرم (أَنْ يَسُومَ عَلَى سَوْمِ أَخِيهِ بِأَنْ يَزِيدَ فِي) ثمن (السَّلْعَةِ بَعْدَ اسْتِقْرَارِ الثَّمَنِ)، بِأَنْ يَقُولَ لِلْبَائِعِ: افسخ البيع حتى أشتري منك بأكثر. (و) يحرم (أَنْ يَبِيعَ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ بِأَنْ يَقُولَ لِلْمُشْتَرِي: افسخ البيع وأنا أبيعك بأرخص منه) أي من هذا الثمن.

1248. (dan) haram **bahawa (seorang membuat tawaran diatas tawaran saudaranya dengan bahawa dia melebihi pada) harga (barang jualan selepas tetap harganya)**, dengan bahawa dia berkata kepada penjual "fasakhkan jualan itu supaya aku beli dari kamu dengan harga yang lebih. (dan) haram (**bahawa dia menjual diatas jualan saudaranya dengan bahawa dia kata kepada pembeli "fasakhkan jualan itu dan aku akan menjual kepada kamu yang lebih murah daripadanya)**, iaitu dari harga ini.

(و) يحرم (أَنْ يَنْجِشَ) من باب نصر (بِأَنْ يَزِيدَ فِي السَّلْعَةِ وَهُوَ غَيْرَ رَاغِبٍ فِيهَا لِيُغَرَّ بِهَا غَيْرُهُ). وإذا اشتراها من غر بها فلا خيار له. (و) يحرم (أَنْ يَبِيعَ الْعَنْبَ مِمَّنْ يَتَّخِذُهُ خُمْرًا)، بِأَنْ يَعْلَمَ أَوْ يَظُنَّ ذَلِكَ. فَإِنْ تَوَهَّمَهُ أَوْ شَكَ فِيهِ فَالْبَيْعُ لَهُ مَكْرُوهٌ.

1249. (dan) haram (**bahawa dia mengelirukan**) –"ينجش"– daripada bab "نصر" –(**dengan bahawa dia menawarkan harga lebih barang jualan sedang dia tidak gemar kepadanya untuk dia memperdaya orang lain**), dan apabila membelinya orang yang terpedaya padanya maka tidak ada khair baginya. (dan) haram (**bahawa dia menjual inab kepada orang yang membuatnya menjadi arak**), dengan bahawa dia tahu atau kuat menyangkakan demikian itu. Maka jika dia merasakannya maka jualan itu makruh baginya.

(فَإِنْ بَاعَ فِي هَذِهِ الصُّورِ الْمُحَرَّمَةِ صَحَّ الْبَيْعُ. وَإِنْ جَمَعَ فِي عَقْدٍ وَاحِدٍ مَا يَجُوزُ) العقد عليه (وَمَا لَا يَجُوزُ) إيراد العقد عليه (مِثْلُ عَبْدِهِ وَعَبْدِ غَيْرِهِ بغير إيدئه) في عقد واحد، (أَوْ خُمْرٍ وَخَلٍّ. صَحَّ فِيمَا يَجُوزُ بِقِسْطِهِ مِنَ الثَّمَنِ، وَبَطُلَ فِيمَا لَا يَجُوزُ) إعطاء لكل واحد منهما حكمه. (وَالْمُشْتَرِي الْخِيَارُ إِنْ جَهِلَ) الحال بين الفسخ والإجازة.

1250. (Maka jika dia menjual pada rupa-rupa masalah yang haram ini sah jualannya itu. Jika dia menghimpunkan pada satu akad akan apa yang harus) diakadkan (dan apa yang tidak harus) mendatangkan akad keatasnya, (umpama hambanya dan hamba orang lain tanpa izinnya) pada satu akad, (atau arak dan cuka. Sah ia pada apa yang harus itu dengan agihannya daripada harganya, dan batal ia pada apa yang tidak harus), sebagai memberikan kepada setiap satu daripada keduanya akan hukumnya. (Pembeli berhak khiair jika dia jahilkan) keadaan itu, diantara memfasakhkan dan meluluskannya.

(وَإِنْ جَمَعَ فِي عَقْدَيْنِ مُخْتَلَفِي الْحُكْمِ مِثْلُ: بَعْتُكَ عَبْدِي وَأَجْرْتُكَ دَارِي سَدَنَةً بِكَدًّا، فَإِنْ حَكَمَ الْبَيْعَ وَالْإِجَارَةَ مُخْتَلَفًا، (أَوْ زَوَّجْتُكَ ابْنَتِي وَبَعْتُكَ عَبْدَهَا بِكَدًّا، صَحَّ وَقَسَّطَ الْعَوْضُ عَلَيْهِمَا) باعتبار قيمتهما. ففي البيع والنكاح يوزع المسمى على قيمة المبيع ومهر المثل.

1251. (Jika dihimpunkan didalam dua akad akan dua yang berbeza hukum seumpama "aku jual kepada kamu akan hamba ku dan aku sewakan kamu akan rumah ku setahun dengan sekian"), maka hukum jualan dan sewaan itu berbeza, (atau "aku kahwinkan kamu dengan anak perempuan ku dan aku jual kepada kamu akan hambanya dengan sekian", sah ia, dan diagihkan bayaran itu keatas keduanya) dengan iktibar nilai keduanya. Maka pada jualan dan nikah itu diagihkan harga yang disebutkan itu keatas nilai barang jualan dan mahar mithli.

(فَصَلِّ) في خيار النقيصة. (مِنْ عِلْمٍ بِالسَّلْعَةِ غَيْبًا) وهو يريد بيعها (لِزْمَةِ أَنْ يُبَيِّنَهُ) للمشتري. (فَإِنْ لَمْ يُبَيِّنْهُ) فقد غش. والبيع صحيح. (فَإِذَا أُطْلِعَ الْمُشْتَرِي عَلَى غَيْبِ كَأَنَّ عِنْدَ الْبَائِعِ فَلَهُ الرَّدُّ)، سواء كان العيب قبل البيع أو بعد البيع وقبل القبض.

1252. (Fasal) pada khiair barang yang kurang. (Orang yang tahukan aib pada barangnya) dan dia hendak menjualnya (lazim dia menerangkannya) kepada pembeli. (Maka jika dia tidak menerangkannya) maka sungguh dia mengecoh, dan jualannya sah. (Maka apabila pembeli melihat aib yang telah ada di sisi penjual itu maka dia berhak memulangkan), sama sahaja aib itu sebelum jual atau selepas jual dan sebelum terimaserahan.

(وَضَابِطُهُ)، أي العيب الذي يستوجب الرد، (مَا نَقَصَ الْعَيْنَ أَوْ الْقِيَمَةَ نَقْصَانًا يَفُوتُ بِهِ غَرَضٌ صَحِيحٌ). فخرج ما لا يفوت به ذلك كقطع أصبع زائدة وطلاقة يسيرة من فخذ أو ساق. (وَالْغَالِبُ فِي مِثْلِ ذَلِكَ الْمَبِيعِ عَدْمُهُ). فخرجت ثبوبة الأمة في أو انها فلا خيار بمثل ذلك.

1253. (Dhabitnya), iaitu aib yang mewajibkan pulang barang, (apa yang mengurangkan ain atau nilai dengan kurang yang luput dengannya tujuan yang sah). Maka keluar apa yang tidak luput dengannya demikian itu seperti terpotong jari yang lebih dan sedikit robek dari peha atau betis, (dan

yang ghalib pada barang jualan itu adalah tidak adanya). Maka keluar oleh keadaan janda bagi amah pada masa-masanya, maka tidak ada khair dengan umpama demikian itu.

(فَيْرُدُّ إِنْ بَانَ الْعَبْدُ حَاصِيًا) لنقص عينه وإن زادت قيمته. والخصاء حرام إلا في مأكول صغير في زمن معتدل، (أو سارِقًا) صغيراً أو كبيراً، (أو يَبُولُ فِي الْفَرَاشِ وَهُوَ كَبِيرٌ) بأن بلغ سبع سنين.

1254. (Maka dikembalikan ia jika ternyata hamba itu dikhasi) kerana kurang ainnya sekalipun nilainya bertambah. Khasi itu haram melainkan pada haiwan yang dimakan yang kecil pada umur sederhana, (atau mencuri), kecil atau besar, (atau kencing dihamparan walhal dia besar) dengan bahawa dia telah sampai tujuh tahun.

(فَلَوْ أَطَّلَعَ) المشتري (عَلَى الْعَيْبِ بَعْدَ تَلْفِ الْمَبِيعِ) بأن مات أو أعتق (تَعَيَّنَ الْأَرْضُ). وهو جزء من الثمن نسبته إليه كنسبة ما نقص المعيب من القيمة. ومحل ذلك في غير الربوي المبيع بجنسه. أما هو كحلي ذهب بيع بوزنه ذهباً فبان معيباً بعد تلفه فلا أرش له لنقص الثمن فيصير الباقي منه مقابلاً بأكثر منه وذلك ربا، بل يفسخ العقد ويسترد الثمن ويغرم بدل التالف،

1255. (Maka kalau) pembeli (melihat aib selepas binasa barang jualan) dengan bahawa ia mati atau merdeka (tertentu imbuhan), iaitu satu jujuk daripada harga yang nisbahnya kepada barang itu seperti nisbah apa yang aib itu kurangkan daripada nilainya. Tempat demikian itu adalah pada selain barang ribawi yang dijual dengan sejenisnya. Adapun ia seperti barang perhiasan emas yang dijual dengan emas setimbangnyanya maka jika nyata ia aib selepas binasanya maka tidak ada imbuhan baginya kerana kurang harganya, maka jadilah yang berbaki daripadanya membetuli akan yang lebih daripadanya yang mana demikian itu adalah riba, bahkan rosak akad itu dan diminta balik harganya dan dia membayar ganti barang yang binasa itu.

(أَوْ) اطلع علي العيب (بَعْدَ زَوَالِ الْمَلِكِ عِنْدَهُ بِبَيْعِ أَوْ غَيْرِهِ لَمْ يَكُنْ لَهُ طَلَبُ الْأَرْضِ الْآنَ. فَإِنْ رَجَعَ إِلَيْهِ) المبيع (بَعْدَ ذَلِكَ فَادُّهُ الرَّدُّ) على البائع بسبب العيب المتقدم.

1256. (atau) dia nampak aibnya (selepas hilang pemilikan darinya dengan jualan atau selainnya tidak boleh dia menuntut imbuhan pada masa sekarang ini. Maka jika kembali kepadanya) barang jualan itu (selepas demikian itu maka boleh dia memulangkan) keatas penjual dengan sebab aib yang dulu itu.

(وَإِنْ حَدَّثَ عِنْدَ الْمُشْتَرِي عَيْبٌ آخَرٌ مِثْلُ أَنْ يَفْتَضَ الْبَكْرَ)، أي يزيل عذرتها، (تَعَيَّنَ الْأَرْضُ وَامْتَنَعَ الرَّدُّ) القهري. (فَإِنْ رَضِيَ الْبَائِعُ بِالْعَيْبِ) الحديث عند المشتري (لَمْ يَكُنْ لِلْمُشْتَرِي طَلَبُ الْأَرْضِ) للعيب القديم، بل هو مخير بين رده وأخذ الثمن وبين رضاه به بلا أرش.

1257. (Jika berlaku aib lain di sisi pembeli umpama bahawa dia memecah daranya), iaitu menghilangkan selaput daranya, (tertentu imbuhan dan tertegah pemulangan) secara paksa itu. (Maka jika penjual redha dengan aib) baru yang terjadi di sisi pembeli (tidak boleh pembeli menuntut imbuhan) kerana aib yang dulu itu, bahkan dia diberi pilih di antara memulangkannya dan mengambil harganya dan di antara redha dengannya tanpa sebarang imbuhan.

(فَإِنْ كَانَ الْعَيْبُ الْحَادِثُ لَا يُعْرَفُ الْعَيْبُ الْقَدِيمُ إِلَّا بِهِ كَكَسْرِ الْبَطِيخِ) المدود أو بعضه (أو البَيْضِ) المعيب (وَنَحْوَهُمَا) كالجوز واللوز المعيب (لَمْ يَمْنَعِ) العيب الحادث (الرَّدَّ) قهرا. (فَإِنْ زَادَ) الحادث (عَلَى مَا يُمَكِّنُ الْمَعْرِفَةَ بِهِ) كأن كسر من البطيخ مقداراً كبيراً يمكن الاستدلال على العيب في باطنه بأقل منه (فَلَا رَدَّ) قهرياً. والبطيخ والبيض المدود كله أو المفسود داخله لا يصح بيعه، ويرجع بجميع ثمنه لورود العقد على غير متقوم.

1258. (Maka jika adalah aib baru itu tidak diketahui aib lama melainkan dengannya seperti dipecahkan tembikai) yang berulat sebahagiannya (atau telur) yang buruk (dan umpama keduanya) seperti kelapa yang aib, (tidak menghalang) aib baru itu (akan pemulangan) dengan paksa. (Maka jika lebih) yang baru (diatas apa yang terbolehdiketahui [akan aib lama] dengannya) seperti pecah pada tembikai dengan kadar yang besar yang terbolehditunjukkan aib yang ada pada batinnya dengan yang kurang daripadanya (maka tidak ada pulangan) dengan paksa. Tembikai dan telur yang berulat semuanya atau yang buruk dalamannya tidak sah dijual, dan dikembalikan ia dengan semua harganya kerana berjalan akad itu diatas benda yang tidak layak diperharga.

(وَشَرَطُ الرَّدِّ) بالعيب (أَنْ يَكُونَ عَلَى الْفَوْرِ). فَإِنْ أَخْرَبَ بِلَا عَذْرِ بَطَلَ الرَّدُّ. (وَيُشْهَدُ فِي طَرِيقِهِ) إِلَى الذِّصْمِ أَوْ الْقَاضِي (أَنَّهُ فَسَخَ) عَدْلَيْنِ عَلَى الْفَسْخِ. (فَلَوْ عَرَفَ الْعَيْبَ وَهُوَ يُصَلِّي أَوْ يَأْكُلُ أَوْ يَقْضِي حَاجَتَهُ أَوْ لَيْلًا فَلَهُ التَّأْخِيرُ إِلَى زَوَالِ الْعَارِضِ). نعم، لو أمكنه السير ليلاً بلا كلفة لم يعذر. والتأخير المذكور لا يجوز إلا (بشروط ترك الاستعمال) للمبيع (والانتفاع) به. فلا يركب الدابة ولا يستخدم العبد. (فإن أخرج) الرد (متمكناً سقط الرد) القهري (و) سقط (الأرض) عند تعذر الرد.

1259. (Syarat pulangan) dengan sebab aib itu (bahawa adalah ia dengan segera), maka jika dia melewatkan tanpa uzur batal pemulangan itu. (Dan dia mempersaksikan pada jalannya) kepada lawannya atau qhadi (bahawa dia telah memfasakhkan) kepada dua orang adil diatas fasakhnya itu. (Maka kalau dia mengetahui ada aib sedang dia shalat atau makan atau mengkadha hajatnya atau pada malam hari maka boleh dia melewatkan kepada hilang hal yang merintanginya itu). Na'am, kalau terbolehdia berjalan pada malam hari tanpa sebarang keberatan tidak diuzurkan

dia. Perbuatan melewati itu tidak harus melainkan (**dengan syarat meninggalkan penggunaan**) barang jualan itu (**dan ambilan manfaat**) dengannya. Maka dia tidak menunggang haiwan tunggangan dan tidak menyuruh hamba bekerja. (**Maka jika dia melewati**) pulangan itu (**dalam keadaan ianya terbolelah gugurlah pemulangan**) secara paksa (**dan**) gugur (**imbuhan**) pula di sisi teruzur pemulangan itu.

(وَتَحْرُمُ التَّصْرِيَّةُ وَهِيَ أَنْ يَشُدَّ الْبَائِعُ أَخْلَافَ)، جمع خلفه، وهي حلمة الثدي، (الْبَهِيمَةِ) من النعم أو غيرها، (وَيَتْرُكُ حَلْبَهَا أَيَّامًا لِيَعْرِىَ غَيْرَهُ بِكَثْرَةِ اللَّبَنِ. فَإِذَا أَطْلَعَ عَلَيْهِ)، أي ما ذكر، (الْمُشْتَرِي فُلَّهُ الرَّدُّ مُطْلَقًا)، حلبها أم لا. (فَإِنْ كَانَ) الرد (بَعْدَ حَلْبِهَا وَ) اللبن الذي حلبه (تَلَفَ) أي اللبن (رَدَّ) المشتري معها (صَاعًا مِنْ تَمْرٍ). وذلك الصاع يكون (بَدَلَ اللَّبَنِ إِنْ كَانَ الْحَيَوَانُ مَأْكُولًا) ولو من غير النعم.

1260. (**Haram tashriah, iaitu bahawa penjual mengikat puting susu**) – “أخلاف” jamak “خلفة” iaitu puting tetek, (**bahimah**), daripada binatang na’am atau selainnya, (**dan tidak memerah susunya beberapa hari untuk memperdaya orang lain dengan bahawa susunya banyak. Maka apabila pembeli menyedarinya**), iaitu apa yang disebutkan itu, (**maka dia berhak memulangkan, semata-mata**), dia telah memerahnya atau tidak. (**Maka jika adalah**) pemulangan itu (**selepas ia diperah dan**) susu yang dia perah itu (**telah binasa**), iaitu susu itu, pembeli (**memulangkan**) bersamanya (**segantang tamar**). Satu gantang itu adalah (**ganti susu itu jika haiwan itu boleh dimakan**) walaupun daripada selain na’am.

والمراد بتلف اللبن حلبه لأنه يسري إليه التلف بمجرد الحلب. ولا يكلف المشتري رد اللبن لأنه قد اختلط بما حدث بعد البيع وهو ملكه وتعذر تمييزه فكان كالتالف. ولذلك لا يرده على البائع قهرا وإن لم يحمض.

1261. Yang dikehendaki dengan binasa susu itu adalah perbuatan perahnya kerana ia membawa kepada binasa dengan semata-mata perah. Tidak diberati pembeli memulangkan susu itu kerana ia telah bergaul dengan apa yang berlaku selepas jual yang mana ia miliknya dan teruzur membezakannya maka adalah ia sama seperti suatu yang binasa. Kerana itu dia tidak memulangkannya kepada penjual dengan paksa sekalipun ia belum masak.

(وَيُلْحَقُ بِالتَّصْرِيَّةِ فِي الرَّدِّ) قهرا (تَحْمِيرُ وَجْهِ الْجَارِيَةِ) ليتخيل للإشاري أنها صبية أو جميلة (وَتَسْوِيْدُ الشَّعْرَ وَنَحْوَهُمَا) كحبس ماء القناة. فكل ذلك تلبيس يستوجب الرد قهرا. بخلاف ما لو لطح ثوب العبد بالمداد ليوهم كتابته فليس ذلك من التلبيس الموجب للرد.

1262. (**Dihubungkan dengan tashriah pada pemulangan barang jualan**) dengan paksa (**akan perbuatan memerahkan muka jariah**) untuk membayangkan kepada pembeli bahawa dia masih muda atau cantik (**dan menghitamkan rambut dan umpama keduanya**) seperti menahan air pada

tali air. Maka setiap demikian itu tindakan mengelirukan yang mewajibkan pemulangan dengan paksa. Bersalahan keadaan kalau dia melumurkan kain hamba dengan dakwat untuk mewahamkan kebolehannya menulis, maka demikian itu bukan daripada perbuatan mensamarkan yang mewajibkan pemulangan barang jualan.

(وَيَلْزَمُ الْبَائِعُ أَنْ يُخْبَرَ فِي بَيْعِ الْمُرَابَحَةِ) وهو عقد بالثمن الأول مع زيادة مخصوصة، فيلزمه أن يخبر (بِالْعَيْبِ الَّذِي حَدَثَ عِنْدَهُ فَيَقُولُ: إِشْتَرَيْتُهُ بِعَشْرَةِ مَثَلًا) وبعثته بما اشتريت وربح درهم لكل عشرة، (لَكِنْ حَدَثَ عِنْدِي فِيهِ الْعَيْبُ الْفُلَانِيُّ) كالسرقة مثلا، (وَ) أَنْ (يُبَيِّنَ الْأَجَلَ)، أي كون الثمن الذي وقع عليه عقد الشراء مؤجلا إلى شهر مثلا، (أَيْضًا) كما يلزمه الإخبار بالعيب،

1263. (**Penjual lazim mengkhabarkan pada jualan murabahah**), iaitu akad dengan harga yang pertama serta lebih yang khusus, maka lazim dia mengkhabarkan (**aib yang baru terjadi di sisinya, maka dia kata "aku membelinya dengan sepuluh"** sebagai contoh) "dan aku jualkannya kepada kamu dengan apa yang aku beli dan untung satu dirham bagi setiap sepuluh dirham, (**akan tetapi berlaku di sisi ku padanya oleh aib sekian**)", seperti perandai mencuri sebagai contoh, (**dan**) bahawa (**dia menerangkan tempohannya**), iaitu keadaan harga yang jatuh akad belian itu di atasnya yang ditempokkan kepada sebulan sebagai contoh, (**juga**), seperti mana lazim dia mengkhabarkan aib itu,

لأن المشتري بالمرابحة يعتمد أمانته فيخبره بذلك محافظة على الصدق لأن الأجل يقابله قسط من الثمن والعيب الحادث تنقص القيمة به عما كان. فلو ترك الإخبار بذلك فالبيع صحيح، ولكن للمشتري الخيار.

1264. kerana orang yang membeli dengan cara murabahah itu berpegang kepada amanah penjual maka dia mengkhabarkan kepadanya tentang demikian itu demi kerana memelihara kejujurannya, kerana tempohan itu membetulinya oleh satu agihan daripada harga sedang aib yang baru terjadi itu jadi kurang nilai barang itu dengan sebabnya dari nilai yang asal. Maka kalau dia tidak mengkhabarkan demikian itu maka jualan itu sah akan tetapi pembeli berhak khiair.

(فَصَلِّ) فِي بَيْعِ الثَّمَارِ. (بَيْعِ الثَّمَرَةِ وَحَدَّهَا عَلَى الشَّجَرَةِ إِنْ كَانَ قَبْلَ بَدْوِ الصَّلَاحِ) لِلثَّمَرَةِ (لَمْ يَجُزْ، إِلَّا بِشَرَطِ الْقَطْعِ) مِنَ الْبَائِعِ. فَلَا يَجُوزُ مِنْ غَيْرِ شَرَطٍ وَلَا بِشَرَطِ الْإِبْقَاءِ. (وَإِنْ كَانَ بَعْدَهُ) أَي بَدْوِ الصَّلَاحِ (جَازَ مُطْلَقًا)، أَي بِشَرَطٍ وَبِغَيْرِ شَرَطٍ.

1265. (**Fasal**) pada jualan buah-buahan. (**Jualan buah sahaja diatas pokok jika ia sebelum jelas elok**) buah itu (**adalah tidak harus, melainkan dengan syarat potong**) dari penjual. Maka tidak harus ia tanpa syarat itu dan

tidak dengan syarat mengekalkannya. (**Jika ia selepasnya**), iaitu jelas eloknya, (**harus ia semata-mata**), iaitu dengan syarat dan tanpa syarat itu.

(وَبَدُوُّ الصَّلَاحِ هُوَ أَنْ يَطِيبَ أَكْلُهُ فِيمَا لَا يَتَلَوَّنُ) كالعنب والقثاء (أَوْ يَأْخُذَ بِالتَّلْوِينِ فِيمَا يَتَلَوَّنُ) كبلح ومشمش. (وَإِنْ بَاعَ الشَّجْرَةَ وَثَمَرَتَهَا جَازَ مِنْ غَيْرِ شَرْطِ الْقَطْعِ) ولو قبل بدو الصلاح.

1266. (**Nyata eloknya itu adalah bahawa elok kecapannya pada apa yang tidak berwarna**) seperti anggur dan timun, (**atau mula berwarna pada apa yang berwarna**) seperti buah balah dan aprikot. (**Jika dijual pokok beserta buahnya harus ia tanpa syarat potong**) walaupun sebelum nyata eloknya.

(وَالزَّرْعُ الْأَخْضَرُ كَالثَّمَرَةِ قَبْلَ بُدُوِّ الصَّلَاحِ)، فيجري فيه ما قيل فيها. فحيثُذُ (لَا يَجُوزُ إِلَّا بِشَرْطِ الْقَطْعِ. وَبَعْدَ اشْتِدَادِ الْحَبِّ يَجُوزُ)، أي يصح البيع، (مُطْلَقًا)، أي بشرط وبغير شرط.

1267. (**Tanam-tanaman hijau sama seperti buah yang belum nyata eloknya**) maka berjalan padanya apa yang dikatakan pada buah. Maka ketika itu (**tidak harus ia melainkan dengan syarat potong. Dan selepas keras bijiannya harus**), iaitu sah jualan itu, (**semata-mata**), iaitu dengan syarat dan tanpa syarat.

(وَلَا يَجُوزُ)، أي لا يصح، (بِيعِ الْحَبِّ فِي سُنْبُلِهِ) كبر و عدس. (وَلَا) يصح بيع (الْجُوزِ وَاللُّوزِ وَالْبَاقِلَا)، أي الفول، (الْأَخْضَرِ فِي الْقَشْرَيْنِ)، سواء بيع على الأرض أم على الشجر لاستنتار كل واحد مما ذكر في قشره.

1268. (**Tidak harus**), iaitu tidak sah, (**jual bijian pada tangkainya**) seperti gandum dan kacang `adas [lentil] (**dan tidak**) sah jual (**kacang tanah dan badam dan baqila**) iaitu ful (**yang hijau pada kulitnya**) sama sahaja ia dijual diatas tanah atau diatas pokok, kerana tersembunyi setiap satu daripada apa yang disebutkan itu didalam kulitnya.

(فَصَلِّ) فِي أَحْكَامِ الْمَبِيعِ قَبْلَ الْقَبْضِ. (الْمَبِيعُ قَبْلَ قَبْضِهِ مِنْ ضَمَانِ الْبَائِعِ. فَإِنْ تَلَفَ) بِنَفْسِهِ أَوْ بِأَفَةِ (أَوْ أَتْلَفَهُ الْبَائِعُ أَنْفَسَخَ الْبَيْعَ وَسَقَطَ الثَّمَنُ. وَإِنْ أَتْلَفَهُ الْمُشْتَرِي اسْتَقَرَّ عَلَيْهِ الثَّمَنُ) وَإِنْ جَهَلَ أَنَّهُ الْمَبِيعُ. (وَيَكُونُ إِتْلَافُهُ قَبْضًا لَهُ).

1269. (**Fasal**) pada hukum-hukum barang jualan sebelum serahan. (**Barang jualan sebelum serahannya adalah pada dhaman penjual. Maka jika ia binasa**) sendiri atau dengan malapetaka (**atau penjual membinasakannya terfasaklah jualan itu dan gugur harganya. Jika pembeli membinasakannya tetaplh harganya diatasnya**) sekalipun dia tidak tahu bahawa ia adalah barang jualan itu, (**dan pembinasaannya adalah terima serahannya**).

(وَإِنْ أَتْلَفَهُ أَجْنَبِيٌّ لَمْ يَنْفَسِخْ بَلْ يُخَيَّرُ الْمُشْتَرِي بَيْنَ أَنْ يَفْسَخَ) عقد البيع لفوات غرضه بتلف المبيع. (فَيُعْرَمُ الْأَجْنَبِيُّ) المتلف (لِلْبَائِعِ الْقِيَمَةَ أَوْ يُجِيزُ) عقد البيع (وَيُعْطَى الثَّمَنَ) للبائع (وَيُعْرَمُ الْأَجْنَبِيُّ الْقِيَمَةَ).

1270. (Jika seorang ajnabi yang membinasakannya tidak terfasakh ia, sebaliknya pembeli diberi pilih di antara memfasakhkan) akad jual beli itu kerana luput tujuannya dengan binasa barang jualan itu (maka membayar ganti rugi ajnabi) yang membinasakan itu (kepada penjual akan nilainya, atau dia meluluskan) akad jual beli itu (dan dia memberikan harganya) kepada penjual, (sementara ajnabi itu membayar nilainya).

(وَإِذَا اشْتَرَى شَيْئًا) من عقار أو مذقول (لَمْ يَجُزْ أَنْ يَبِيعَهُ حَتَّى يَقْبِضَهُ). ومثل البيع سائر التصرفات، وذلك لضعف الملك. فلا يجوز أن يؤجره ولا يرهنه ولا يهبه إلا العتق فيجوز قبل القبض. ومثل المبيع الثمن فيمنع فيه ما ذكر.

1271. (Apabila seorang membeli satu barang) berupa 'aqar atau manqul (tidak harus dia menjualnya sehingga dia menerima serahannya). Seumpama jualan adalah sekalian tasarruf-tasarruf. Demikian itu kerana lemah pemilikannya. Maka tidak harus dia menyewakan dan tidak menggadaikan dan tidak menghebahkannya, melainkan memerdekakannya, maka harus ia sebelum penyerahan. Seumpama barang jualan itu adalah harganya, maka ditegah padanya apa yang disebutkan itu.

(لَكِنِ الْبَائِعُ إِذَا كَانَ الثَّمَنُ فِي الثَّمَنِ فِي الدِّمَّةِ أَنْ يَسْتَبَدِّلَ عِنْدَهُ قَبْلَ قَبْضِهِ، مِثْلُ أَنْ يَبِيعَ بِدَرَاهِمٍ فَيَعْتَاضُ عَنْهَا ذَهَبًا). وحينئذ لا بد أن يقبض الذهب في المجلس فراراً من الربا، (أَوْ ثَوْبًا أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ). ولا يشترط حينئذ قبض في المجلس.

1272. (Akan tetapi si penjual apabila harga itu didalam zimmah boleh dia menukarganti darinya sebelum terimaserahannya seumpama dia menjual dengan dirham maka dia menukar ganti darinya dengan emas). Dan ketika itu tidak dapat tidak bahawa diterima serahan emas itu didalam majlis akad kerana lari dari riba. (atau dengan kain atau umpama demikian itu), dan tidak disyaratkan ketika itu akan penyerahan didalam majlis.

(وَالْقَبْضُ فِيمَا يُنْقَلُ) يكون بـ (النَّقْلِ مِثْلُ الْقَمْحِ وَالشَّعِيرِ) والحيوان فلا يحصل قبضه إلا بنقله من موضع لموضع (وَ) الأقبض (فِيمَا يُتَدَاوَلُ بِالْيَدِ التَّدَاوُلُ مِثْلُ الثُّوبِ وَالْكِتَابِ، وَ) الأقبض (فِيمَا سِرَوَاهُمَا التَّخْلِيَّةُ مِثْلُ الدَّارِ وَالْأَرْضِ).

1273. (Terima serahan itu pada apa yang boleh dipindah) adalah dengan (dipindahkan seumpama gandum dan barli) dan haiwan, maka tidak terhasil terimaserahannya melainkan dengan memindahkannya dari satu tempat kepada satu tempat lain, (dan) terimaserahan (pada apa yang dicapai

dengan tangan adalah dengan mencapainya seumpama kain dan kitab, dan) terimaserahan (pada apa yang selain keduanya adalah dengan takhliyah [tidak menghalang diantaranya dan di antara pembeli] seumpama rumah dan tanah).

(فَلَوْ قَالَ الْبَائِعُ: لَا أَسَدُّمُ الْمَبِيعَ حَتَّى أَقْبِضَ الثَّمَنَ، وَقَالَ الْمُشْتَرِي لَا أَسَدُّمُ الثَّمَنَ حَتَّى أَقْبِضَ الْمَبِيعَ، فَإِنْ كَانَ الثَّمَنُ فِي الذِّمَّةِ)، بَأْنِ عَقْدِ الْعَقْدِ عَلَى غَيْرِ مَعِينٍ، (أَلْزِمَ الْبَائِعُ بِالتَّسْلِيمِ أَوَّلًا) لِأَنَّهُ رَضِيَ بِكَوْنِ الثَّمَنِ فِي ذِمَّةِ الْمُشْتَرِي، (ثُمَّ يَلْزَمُ الْمُشْتَرِي بِالتَّسْلِيمِ) لِلثَّمَنِ.. فَإِذَا غَابَ مَالُهُ إِلَى مَسَافَةِ الْقَصْرِ كَانَ لِلْبَائِعِ الْفَسْخَ، وَلَا يَكْلَفُ الصَّبْرَ وَلَا تَبَاعَ الْعَيْنِ وَيُوفَى مِنْ ثَمْنِهَا.

1274. (Maka kalau penjual kata "aku tidak akan serahkan barang jualan sehingga aku terima harganya" dan kata pembeli "aku tidak akan serahkan harganya hingga aku terima barang jualan", maka jika harga itu didalam zimmah) dengan bahawa akad itu diakadkan diatas harga yang tidak ditentukan (dilazimkan penjual menyerahkan mula-mula) kerana dia redha dengan keadaan harga itu didalam zimmah pembeli, (kemudian dilazimkan pembeli menyerahkan) harganya. Maka apabila harta itu ghaib pada jarak qasar pembeli berhak fasakh, dan tidak diberati dia bersabar dan tidak dijualkan ain itu dan dibayarkan dari harganya.

(وَإِنْ كَانَ الثَّمَنُ مُعَيَّنًا) نَقْدًا أَوْ عَرْضًا (أَلْزِمًا مَعًا، بِأَنْ يُؤْمَرَ فَيُسَدَّمَا إِلَى عَدْلٍ ثُمَّ الْعَدْلُ يُعْطَى لِكُلِّ وَاحِدٍ) مِنْهُمَا (حَقُّهُ). وَلَا يَضُرُّهُمَا الْإِبْدَاءُ بِوَاحِدٍ مَعِينٍ.

1275. (Jika harga itu tertentu), duit atau barang, (dilazimkan kedua-dua mereka sekali, dengan bahawa diperintahkan mereka lalu mereka menyerahkan kepada orang adil itu kemudian dia berikan kepada setiap seorang) daripada mereka (akan haknya). Tidak memudharatkan kedua mereka oleh mula dengan seorang yang tertentu.

(فَصَلِّ) فِي اخْتِلَافِ الْمُتَبَايِعِينَ. (إِذَا اتَّفَقَا عَلَى صِحَّةِ الْعَقْدِ وَاخْتَلَفَا فِي كَيْفِيَّتِهِ) مِنْ كَوْنِ الثَّمَنِ حَالًا أَوْ مُؤَجَّلًا، (بَأْنِ قَالَ: الْبَائِعُ بَعْتُكَ بِ-) ثَمْنٍ (حَالًا، فَقَالَ) الْمُشْتَرِي: (بَلِّ) بَعْتَنِيهِ (ب-) ثَمْنٍ (مُؤَجَّلٍ)، فَقَدْ اتَّفَقَا عَلَى الصَّحَّةِ وَاخْتَلَفَا فِي الْحُلُولِ وَالتَّأْجِيلِ وَهُوَ مِنَ الْكَيْفِيَّاتِ،

1276. (Fasal) pada perselisihan dua orang yang berjual beli. (Apabila kedua mereka sepakat diatas sah akad dan berbeza pada kaifatnya), daripada keadaan harga itu hulul atau muajjal (dengan bahawa penjual berkata "aku jualnya kepada kamu dengan) harga (yang tunai" maka kata) pembeli ("bahkan) kamu jual kepada aku (dengan) harga (bertempoh"), maka sesungguhnya mereka sepakat diatas sahnya dan berbeza pada hulul dan ta'jil yang mana ia adalah sebahagian daripada kaifat-kaifat,

(أَوْ) قال البائع: (بِعْتِكَ بِعَشْرَةٍ، فَقَالَ) المشتري: (بَلْ بِخُمْسَةٍ، أَوْ) قال البائع: (بِعْتِكَ بِشَرْطِ الْخِيَارِ) لي أو مطلقا، (فَقَالَ) المشتري: (بَلْ بِلَا خِيَارٍ، وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ) كالإختلاف في الصحة والتكسير أو في الجنس كالدراهم والدنانير، (وَلَمْ يَكُنْ ثَمَّ بَيِّنَةٌ) لأحدهما أو لكل بينة وتعارضتا بأن لم تؤرخا (تَحَالُفًا)، أي البائع والمشتري.

1277. (atau) penjual berkata ("aku jual kepada kamu dengan sepuluh" maka kata) pembeli ("bahkan dengan lima", atau) penjual berkata ("aku jualkan kepada kamu dengan syarat khiaar) bagi aku" atau semata-mata, (maka kata) pembeli ("bahkan tanpa khiaar", dan apa yang menyerupai demikian itu) seperti berbeza pada sahih dan taksir atau pada jenis seperti dirham dan dinar, (dan tidak ada di sana sebarang bukti) bagi seorang daripada kedua mereka atau ada bukti bagi setiap mereka dan kedua-dua bukti itu bertentangan dengan bahawa keduanya tidak bertarih, (keduanya sama-sama bersumpah), iaitu penjual dan pembeli itu.

(فَيَبْدَأُ الْبَائِعُ فَيَقُولُ: وَاللَّهِ مَا بَعْتُكَ بَكْدًا وَلَقَدْ بَعْتُكَ بَكْدًا. ثُمَّ يَقُولُ الْمُشْتَرِي: وَاللَّهِ مَا اشْتَرَيْتُ بَكْدًا وَلَقَدْ اشْتَرَيْتُ بَكْدًا. وَهِيَ يَمِينٌ وَاحِدَةٌ يُجْمَعُ فِيهَا بَيْنَ نَفْيِ قَوْلِ صَاحِبِهِ وَإِثْبَاتِ قَوْلِهِ وَيَقْدَمُ النَّفْيُ. فَإِذَا تَحَالَفَا فَإِنْ تَرَاضِيَا بَعْدَ ذَلِكَ فَلَا فَسْخَ لِلْعَقْدِ) ويفعلان ما تراضيا عليه، (وَالْإِلا فَيُفْسَخَانِهِ)، أي كل يفسخه، (أَوْ) يفسخه (أَحَدُهُمَا أَوْ الْحَاكِمُ).

1278. (Maka penjual mula maka dia berkata "demi Allah aku tidak jual kepada kamu dengan sekian dan sungguh aku jual kepada kamu dengan sekian", kemudian kata pembeli "demi Allah aku tidak membeli dengan sekian dan sungguh aku beli dengan sekian. Ianya sumpah yang satu yang dihipunkan padanya di antara penafian kata rakannya dan penetapan katanya, dan didulukan nafi itu. Maka apabila kedua mereka sama-sama bersumpah maka jika mereka saling redha selepas itu maka tidak ada fasakh akad) dan mereka melakukan apa yang mereka redha diatasnya. (Jika tidak, maka mereka menfasakhkannya), iaitu tiap seorang memfasakhkannya (atau) memfasakhkannya (seorang daripada mereka atau hakim).

(فَلَوْ ادَّعَى أَحَدُهُمَا) أي المتبايعين (شَيْئًا يَقْتَضِي أَنَّ الْبَيْعَ وَقَعَ فَاسِدًا وَكَذِبَهُ الْآخَرُ)، كأن ادعى أحدهما أن العقد وقع بشرط الخيار أربعة أيام مثلا، وقال الآخر: بل بثلاثة مثلا (صَدَّقَ مُدَّعِي الصَّحَّةِ)، وهو مدعي الثلاثة (بِيَمِينِهِ)، سواء كان بائعا أو مشتريا.

1279. (Maka kalau mendakwa seorang daripada mereka), iaitu dua yang berjual beli, (akan suatu yang menuntut bahawa jualan itu jatuh dalam keadaan fasid sementara seorang lagi mendustakannya), seperti bahawa seorang daripada mereka mendakwa bahawa akad itu jatuh dengan syarat khiaar

selama empat hari contohnya, dan kata seorang lagi "bahkan dengan tiga hari" contohnya, (**diperbenarkan orang yang mendakwa sahnya**), iaitu yang mendakwa tiga hari, (**dengan sumpahnya**), sama sahaja adalah dia penjual atau pembeli.

(وَلَوْ جَاءَهُ)، أي المشتري، (بِمَعِيْبٍ لِيُرِدَّهُ فَقَالَ الْبَائِعُ: لَيْسَ هُوَ الَّذِي بَعْتَكُهُ، صَدَّقَ الْبَائِعُ) بيمينه. (وَلَوْ اخْتَلَفَا)، أي العاقدان، (فِي عَيْبٍ يُمَكِّنُ حُدُوْثَهُ عِنْدَ الْمُشْتَرِي) كعمي العبد (فَقَالَ الْبَائِعُ: حَدَّثَ) العيب (عِنْدَكَ، وَقَالَ الْمُشْتَرِي: بَلْ كَانَ) كل العيب (عِنْدَكَ، صَدَّقَ الْبَائِعُ) بيمينه لأن الأصل لزوم البيع.

1280. (Kalau pembeli datang kepadanya), iaitu penjual, (**dengan satu barang yang aib untuk dia mengembalikannya maka kata penjual "ia bukan yang aku jualkan kepada kamu" dibenarkan penjual itu**) dengan sumpahnya. (Kalau berselisih) dua yang berakad (**pada satu aib yang terbolehd baru berlakunya di sisi pembeli**) seperti buta pada seorang hamba (**maka kata penjual "berlaku) aib itu (disisi kamu" dan kata pembeli "bahkan telah ada) seluruh aib itu (disisi kamu", dibenarkan si penjual**) dengan sumpahnya kerana asal masalaahnya adalah lazim jualan.

(بَابُ السَّلْمِ) وَيُقَالُ لَهُ السَّلْفُ.

(هُوَ بَيْعٌ مَوْصُوفٌ فِي الذَّمَّةِ)، أي بلفظ السلم. وأما بلفظ البيع فهو بيع فيشترط فيه شروطه، لا شروط السلم.

1281. @BAB SALAM. Juga dipanggil salaf. (**Ia adalah jualan yang disifatkan didalam zimmah**), iaitu dengan lafaz salam. Adapun dengan lafaz jual maka ia jualan, maka disyaratkan syarat-syaratnya, bukan syarat-syarat salam.

(وَيُشْتَرَطُ فِيهِ مَعَ شُرُوطِ الْبَيْعِ أُمُورٌ) سبعة. (أَحَدُهَا قَبْضُ الثَّمَنِ فِي الْمَجْلِسِ) وهو المعبر عنه برأس مال السلم. (وَتَكْفِي رُؤْيَا الثَّمَنِ، وَإِنْ لَمْ يُعْرَفْ قَدْرُهُ) بالعد.

1282. (**Disyaratkan padanya berserta syarat-syarat jualan itu beberapa perkara**) yang tujuh. (**Satu daripadanya terima harga didalam majlis**). Diibaratkan darinya dengan "kepala harta". (**Memada lihat harga itu, sekalipun tidak diketahui kadarnya**) dengan bilangan.

(وَالثَّانِي كَوْنُ الْمُسْلِمِ فِيهِ)، وهو المبيع الموصوف، (دَيْنًا)، أي في الذمة لا معيناً، (وَيَجُوزُ) كونه (حَالًا وَمَوْجَلًا إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ) يعلمه كل منهما أو عدلان غيرهما. (فَلَوْ قَالَ: أَسْلَمْتُ إِلَيْكَ هَذِهِ الدَّرَاهِمَ فِي هَذَا الْعَبْدِ، لَمْ يَجُزْ) لفقء الشرط وهو كونه ديناً، بل هو عين.

1283. (**Keduanya keadaan muslim fih**), iaitu barang jualan yang disifatkan, (**adalah hutang**), iaitu didalam zimmah, bukannya tertentu. (**Harus**) keadaannya (**pada masa itu juga dan ditempokan kepada tempohan**)

yang maklum) yang diketahui oleh setiap daripada kedua mereka atau dua orang adil selain mereka. (Maka kalau dia kata "aku salamkan [serahkan] kepada kamu dirham-dirham ini pada hamba ini" tidak harus ia) kerana luput syarat itu iaitu keadaan muslim fih itu hutang, sebaliknya ia adalah ain.

(الثَّالِثُ إِذَا أَسْلَمَ فِي مَوْضِعٍ لَا يَصْلُحُ لِلتَّسْلِيمِ مِثْلُ الْبَرِّيَّةِ أَوْ يَصْلُحُ لَكِنْ لِنَقْدِهِ إِلَيْهِ مُؤَدَّةً أَشْتَرَطَ بَيَانَ مَوْضِعِ التَّسْلِيمِ) لَتَفَاوُتِ الْأَغْرَاضِ فِيمَا يَرَادُ مِنَ الْأَمْكَنَةِ. وَهَذَا فِي الْأَسْلَمِ الْمُؤَجَّلِ. وَأَمَّا الْأَحَالُ فَلَا يَشْتَرَطُ فِيهِ بَيَانَ مَوْضِعِ التَّسْلِيمِ. وَيَتَعَيَّنُ مَحَلُّ الْعَقْدِ لَهُ إِلَّا أَنْ عِينَا مَوْضِعًا فَيَتَعَيَّنُ.

1284. (Ketiganya apabila seorang membeli secara salam pada tempat yang tidak sesuai untuk serahan barang seumpama kawasan pedalaman atau sesuai akan tetapi perlu belanja untuk membawa kepadanya disyaratkan keterangan tempat serahan itu) kerana berbeza tujuan-tujuan pada apa yang dikehendaki dari tempat-tempat itu. Ini pada salam yang bertempoh, adapun yang semasa maka tidak disyaratkan padanya keterangan tempat serahan barang, dan tertentu tempat akad itu untuknya, melainkan dia menentukan satu tempat lain maka ia jadi tertentu.

(وَشَرَطُ الْمُسْلِمِ فِيهِ كَوْنُهُ مَعْلُومَ الْقَدْرِ كَيْلًا أَوْ وَزْنًا أَوْ عَدًّا أَوْ ذَرْعًا بِمِقْدَارِ مَعْلُومٍ). هَذَا هُوَ الشَّرْطُ الرَّابِعُ. وَقَوْلُهُ بِمِقْدَارِ مَعْلُومٍ رَاجِعٌ لِلْمَكِيلِ وَمَا بَعْدَهُ. فَلَا بَدَّ أَنْ يَكُونَ الْكَيْلُ مَعْلُومًا لَا مَطْلُقَ الْكَيْلِ وَمَا بَعْدَهُ. فَلِذَا قَالَ: (فَلَوْ قَالَ) شَخْصٌ: أَسْلَمْتُ إِلَيْكَ عَشْرَةَ دِرَاهِمٍ فِي (زِنَةِ هَذِهِ الصَّخْرَةِ) جُوزًا (أَوْ) بِمِقْدَارِ (مِلءِ هَذَا الزَّنْبِيلِ) بَرًّا (وَلَا يُعْرَفُ وَزْنُهَا)، أَيْ الصَّخْرَةَ، (وَلَا مَا يَسَعُ الزَّنْبِيلَ لَمْ يَصِحَّ) لَفَقْدِ الْعِلْمِ بِأَلَةِ الْوِزْنِ أَوْ الْكَيْلِ.

1285. (Syarat muslim fih keadaannya diketahui, nisbah kadar atau timbangan atau bilangan atau hasta dengan kadar yang diketahui). Ini adalah syarat keempat. Katanya "dengan kadar yang maklum" kembali kepada benda yang disukat dan apa yang selepasnya, maka tidak dapat tidak bahawa adalah sukatan itu dimaklumi, bukannya semata-mata sukatan dan apa yang selepasnya. Maka kerana ini kata musannif: (Maka kalau berkata) seorang "aku salamkan kepada kamu sepuluh dirham pada (setimbang batu besar ini) nisbah kacang tanah, (atau) sekadar (penuh bakul ini) nisbah gandum, (dan tidak diketahui timbangannya), iaitu batu itu, (dan tidak apa yang memuat bakul itu tidak sah ia) kerana luput pengetahuan dengan alat timbangan atau sukatan itu.

(وَ) خَامِسُهَا (أَنْ يَكُونَ) الْمُسْلِمُ فِيهِ (مَقْدُورًا عَلَيْهِ عِنْدَ وَجُوبِ التَّسْلِيمِ). فَلَوْ أَسْلَمَ فِي مَنَقَطٍ عِنْدَ الْحُلُولِ كَالرُّطْبِ فِي الشِّتَاءِ لَمْ يَصِحَّ. وَأَشَارَ إِلَى الْأَسَادِسِ بِقَوْلِهِ (مَأْمُونِ الْأَنْقِطَاعِ)، أَيْ يَقْدَرُ عَلَى تَحْصِيلِهِ بِسَهُولَةٍ. فَشَرَطَ الْمُسْلِمَ فِيهِ أَنْ لَا يَنْقَطِعَ عِنْدَ التَّسْلِيمِ. وَمَعَ كَوْنِهِ لَا يَنْقَطِعُ يَكُونُ سَهْلَ التَّحْصِيلِ. (فَبِإِنْ كَانَ

عَزِيْزَ الْوُجُوْدِ كَجَارِيَةٍ وَبِنْتِهَا) أَوْ أَخْتَهَا (أَوْ لَا يُؤْمَنُ انْقِطَاعُهُ كَثْمَرَةَ نَخْلَةٍ بِعَيْنِهَا لَمْ يَجُزْ).

(فَإِنْ عَزَلَ أَحَدُهُمَا الْآخَرَ عَنِ التَّصَرُّفِ انْعَزَلَ) فلا ينفذ تصرفه. (وَلِلْآخَرِ) الذي عزله (التَّصَرُّفُ إِلَى أَنْ يَعْزِلَهُ صَاحِبُهُ. وَلِكُلِّ مِنْهُمَا فَسْخُهَا مَتَى شَاءَ) لأنها عقد جائز.

1353. (Maka jika seorang daripada mereka memecat yang seorang lagi dari melakukan tasarruf terpecatlah dia) maka tidak lulus tasarrufnya. (Yang seorang lagi) iaitu yang memecatnya (boleh melakukan tasarruf sehingga rakannya memecatnya. Setiap daripada kedua mereka berhak memfasakhkan bila dia hendak) kerana ia akad yang harus.

(وَأَمَّا شَرَكَةُ الْأَبْدَانِ) وهي أن يشترك اثنان من أرباب الحرف على أن ما يكتسبانه بأبدانها فهو شرك بينهما سواء اتفقا في الحرفة أم لا (فَبَاطِلَةٌ، كَشَرَكَةِ الْحَمَّالَيْنِ وَعَيْرِهِمْ مِنْ دَوِي الْحَرْفِ)، أي الصنائع، (عَلَى أَنْ يَكُونَ الْكَسْبُ بَيْنَهُمْ).

1354. (Adapun syarikat abdan i.e tubuh-tubuh badan), iaitu bahawa bersyarikat dua orang yang punya perusahaan diatas bahawa apa yang mereka usahakan dengan tubuh mereka maka ia disyarikatkan di antara mereka, sama sahaja berbetulan mereka pada pekerjaan itu atau tidak, (maka batil, seperti bersyarikat dua tukang tanggung barang dan selain mereka daripada orang-orang yang punya pekerjaan), iaitu perusahaan, (diatas bahawa hasil usaha mereka diantara mereka).

(وَشَرَكَةُ الْوُجُوهِ) بأن يشترك وجهان في ربح ما يشتريانه لأجل، (وَالْمُفَاوَضَةِ) بأن يشترك عاملان فيما يكتسبانه وفي غرم ما يغرمانه كالغصب (أَيْضًا بِاطْنَانِ) كَشَرَكَةِ الْأَبْدَانِ لَمَا فِي جَمِيعِهَا مِنَ الْغُرْرِ.

1355. (Dan syarikat wujuh) dengan bahawa bersyarikat dua orang bangsawan pada untung dari apa yang mereka beli bertempoh, (dan syarikat mufawadhah i.e rundingan) dengan bahawa bersyarikat dua orang yang bekerja pada apa yang mereka usahakannya dan pada bayaran apa yang mereka bayar seperti rampasan (adalah juga batil) sama seperti syarikat abdan itu kerana pada semuanya terdapat tipudaya.

(بَابُ الْوَكَالَةِ)

هي بفتح الواو وكسرها لغة: الحفظ والتفويض، وشرعاً: تفويض شخص أمره إلى آخر فيما يقبل النيابة ليفعله في حياته.

1356. @BAB WAKALAH. "الوكالة" dengan fathah wau dan kasrahnya pada lughah: memelihara dan menyerahkan, dan pada syara': penyerahan seorang akan urusannya kepada orang lain pada apa yang menerima gantian untuk dia melakukannya pada masa hidupnya.

يُشْتَرَطُ فِي الْمَوْكَلِ وَالْوَكِيلِ أَنْ يَكُونَا جَائِزِي التَّصَرُّفِ فِيمَا يُوَكَّلُ فِيهِ، فلا يصح من الصبي والمجنون أن يكون كل منهما موكلا ولا وكيلا، ولا من المرأة والمحرم أن يوكلا أو يتوكلا في عقد النكاح.

1357. (**Disyaratkan pada yang mewakilkan dan wakil bahawa keduanya orang yang harus tasarruf pada apa yang diwakilkan padanya**). Maka tidak sah dari anak-kanak dan orang gila bahawa adalah setiap daripada mereka itu orang yang mewakilkan dan tidak juga wakil, dan tidak daripada perempuan dan muhrim bahawa mereka mewakilkan atau menerima wakilan pada akad nikah.

ثم استثنى من هذا الضابط بعض أفراد فقال **(وَتَصِحُّ وَكَالَةُ الصَّبِيِّ فِي الْإِذْنِ فِي دُخُولِ الدَّارِ)**، بأن يقول له الولي: وكلتك لتأذن لفلان في دخول الدار. فإذا أذن جاز له الدخول إذا لم يعهد عليه كذب. **(وَ)** تصح وكالة الصبي في إيصال أي **(حِلِّ الهَدِيَّةِ)** بأن يقول له: أوصل هذا لفلان، ولو كانت الهدية أمة صغيرة، فجاءت لرجل وأخبرته أن سيدها أهداها إليه، جاز له اعتماد قولها ووطؤها. **(وَ)** تصح وكالة **(العَبْدِ فِي قَبُولِ النِّكَاحِ)** لغيره بغير إذن سيده، لا في إيجابه.

1358. Kemudian dia kecualikan dari dhabit ini sebahagian butir-butiran masalah maka katanya: (**sah mewakilkan kanak-kanak pada masuk rumah**) dengan bahawa walinya berkata kepadanya "aku wakikan kamu untuk mengizinkan si pulan masuk rumah". Maka apabila dia izinkan harus si pulan itu masuk bila tidak diketahui dusta padanya. (**dan**) sah mewakilkan kanak-kanak pada menyampaikan iaitu pada (**halal hadiah**), dengan bahawa dia kata kepadanya "sampaikan ini kepada si pulan", walaupun adalah hadiah itu jariah, maka dia datang kepada seorang lelaki dan mengkhabarkanya bahawa penghulu jariah itu menghadiahkan dia kepadanya, harus lelaki itu berpegang pada katanya dan menyetubuhinya. (**dan**) sah mewakilkan (**hamba pada menerima nikah**) untuk orang lain tanpa izin penghulunya, tidak pada mengijabkannya.

وَيَجُوزُ التَّوَكُّلُ فِي الْعُقُودِ كبيع وهبة ونكاح **(وَالْفُسُوحِ)** كرد بعيب **(وَ)** في **(الطَّلَاقِ وَالْعَتَقِ وَ)** في **(إثباتِ الحُقُوقِ)** بالدعوى **(وَأَسْتَيْفَانِهَا)** ممن هي عليه **(وَفِي تَمْلِيكِ الْمَبَادِحِ كَالصَّيْدِ وَالْحَشْيِشِ وَالْمِيَاهِ)**، بأن يوكل رجلا يملك له المياه أو الحشيش.

1359. (**Harus mewakilkan pada akad-akad**) seperti jual dan hibah dan nikah (**dan fasakh-fasakh**) seperti memulangkan dengan aib (**dan**) pada (**talak dan memerdekakan hamba, dan**) pada (**mensabitkan hak-hak**) dengan dakwaan (**dan menyempurnakannya**) dari orang yang ia diatasnya (**dan pada memiliki perkara-perkara yang mubah seperti haiwan buruan dan**

rumpun dan air) dengan bahawa dia mewakilkan kepada seorang untuk menerima milik bagi dirinya akan air atau rumput.

(وَأَمَّا حُقُوقُ اللَّهِ تَعَالَى فَإِنْ كَانَتْ عِبَادَةً) كصلاة (لَمْ يَجُزْ) للشخص أن يوكل في فعلها، (إِلَّا فِي تَفْرِيقِ الزَّكَاةِ) والكفارة (وَ) إِلَّا فِي (الْحَجِّ) عن المعسوب وعن الميت، ويتبع الحج ركعتا الطواف والطهارة، (وَ) إِلَّا فِي (دُبْحِ الْأُضْحِيَّةِ)، فيجوز التوكيل في جميع ذلك وإن كان عبادة.

1360. (**Adapun hak-hak Allah taala maka jika ianya ibadat**) seperti shalat (**tidak harus**) seorang mewakilkan pada melakukannya (**melainkan pada membahagi-bahagikan zakat**) dan kifar (dan) melainkan pada (**haji**) dari orang yang lumpuh dan dari mayat yang mengikuti haji itu oleh dua rakaat tawaf dan thaharah, (dan) melainkan pada (**sembelihan korban**), maka harus mewakilkan pada semua itu sekalipun ianya ibadat.

(وَإِنْ كَانَ) حَقُّ اللَّهِ (حَدًّا جَازًا) التوكيل من الإمام مثلا (فِي اسْتِنْفَائِهِ، دُونَ) التوكيل في (إثباته)، بأن يقول رجل لآخر "وكلتك لتثبت زنا فلان" مثلا.

1361. (**Jika adalah**) hak Allah itu (**had harus**) mewakilkan dari imam contohnya (**pada menyempurnakannya, tidak**) mewakilkan pada (**mensabitkannya**) dengan bahawa seorang berkata kepada seorang lain "aku wakilkkan kamu untuk mensabitkan zina si pulan" contohnya.

(وَشَرْطُهَا)، أي الوكالة، (الإيجاب باللفظ من غير تعليق) لها (كوكلتك) بكذا (أَوْ) يقول الموكل (بِغِ هَذَا الثَّوْبِ) وهو متضمن للإيجاب.

1362. (**Syaratnya**), iaitu wakilan, (**adalah ijab i.e menjadikan dengan lafaz tanpa menta'likkan**)nya (**seperti "aku wakilkkan kamu**) dengan sekian" (**atau**) kata tuan wakil ("**jualkan kain ini**") yang mana ia mengandungi ijab.

(وَ) شرطها أيضا (القبول باللفظ) بأن يقول: قبلت، (أَوْ الْفِعْلِ وَهُوَ امْتِثَالُ مَا وَكَلَّ بِهِ). فالشرط عدم الرد. (وَلَا يُشْتَرَطُ الْفَوْرُ فِي الْقَبُولِ)، ولا القبول في المجلس. (فَإِنْ نَجَزَهَا)، أي الوكالة، (وَعَلَّقَ التَّصَرُّفَ عَلَى شَرْطِ جَازِ كَقَوْلِهِ: وَكَلَّتْكَ وَلَا تَبِعْ إِلَى شَهْرٍ).

1363. (dan) syaratnya juga (**qabul dengan lafaz**) dengan bahawa dia kata "aku terima" (**atau dengan perbuatan iaitu menuruti apa yang dia diwakilkkan dengannya**). Maka syaratnya adalah tidak ada tolakkan. (**Tidak disyaratkan segera pada qabul itu**) dan tidak qabul didalam majlis. (**Maka jika dia meluluskannya**), iaitu wakilan itu, (**dan menta'likkan tasarruf diatas syarat harus ia, seperti katanya "aku wakilkkan kamu dan jangan kamu jual sehingga sebulan"**).

(وَلَيْسَ لِلْوَكِيلِ أَنْ يُوَكَّلَ) فيما وكل فيه (إِلَّا بِإِذْنِ. وَإِنْ كَانَ) الشيء الموكل فيه (مِمَّا لَا يَتَوَلَّاهُ بِنَفْسِهِ)، لكونه لا يحسنه أو يليق به، (أَوْ) كان الشيء

الموكل فيه مما (لَا يَتَمَكَّنُ مِنْهُ لِكَثْرَتِهِ). فله حينئذ التوكيل عن موكله دون نفسه.

1364. (Tidak boleh wakil mewakilkan) pada apa yang dia diwakilkan padanya (melainkan dengan izin. Jika adalah) perkara yang diwakilkan padanya (perkara yang tidak boleh dia uruskannya sendiri) kerana dia tidak pandai padanya atau tidak layak ia dengannya, (atau) adalah perkara yang diwakilkan padanya itu perkara (yang tidak terbolehnya ia dari dirinya kerana banyaknya), maka ketika itu boleh dia melantik wakil dari pihak orang yang mewakilkan dia, bukan dari pihak dirinya.

(وَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَبِيعَ مَا وَكَّلَ فِيهِ لِنَفْسِهِ أَوْ لِابْنِهِ الصَّغِيرِ) للتهمة، (وَلَا بِدُونِ ثَمَنِ مِثْلِهِ)، بأن ينقص عنه نقصا لا يحتمل غالبا في المعاملة، كأن يبيع ما يساوي عشرة بثمانية. ولو باعه بتسعة صح. (وَلَا بِمَوْجَلٍ) ولو بأكثر من ثمن المثل للخطر. (وَلَا) يبيع (بِغَيْرِ نَقْدِ الْبَدْلِ) وهو ما يتعامل به أهلها (إِلَّا أَنْ يَأْذَنَ لَهُ فِي ذَلِكَ) المذكور في قوله من دون ثمن المثل وما بعده.

1365. (Tidak boleh dia menjual apa yang diwakilkan dia padanya kepada diri sendiri atau kepada anaknya yang kecil) kerana tohmahan, (dan tidak dengan selain harga yang seumpamanya) dengan bahawa dia mengurangkan darinya akan kurang yang tidak boleh diterima ghalibnya pada muamalah, seperti bahawa dia menjual apa yang menyamai sepuluh dengan lapan. Kalau dia menjualnya dengan sembilan sah ia. (dan tidak dengan tempoh) walaupun dengan yang lebih dari harga seumpama kerana bahaya. (dan tidak boleh) dia menjual (dengan selain duit tempatan) iaitu apa yang penduduknya guna pada bermuamalah (melainkan bahawa tuan wakil mengizinkan dia pada demikian itu) yang disebutkan pada katanya "dengan selain harga seumpama" dan apa yang selepasnya.

(وَلَوْ نَصَّ لَهُ) أي الموكل (عَلَى جِنْسِ الثَّمَنِ فَخَالَفَ لَمْ يَصِحَّ الْبَيْعُ، كَبِيعَ بِأَلْفٍ دِرْهَمَ فَبَاعَ بِأَلْفٍ دِينَارًا). ويضمن الوكيل المبيع إن سلمه بقيمته يوم التسليم للحيلولة. (وَإِنْ نَصَّ عَلَى الْقَدْرِ فزَادَ مِنَ الْجِنْسِ صَحَّ كَبِيعَ بِأَلْفٍ) درهم (فَبَاعَ بِأَلْفَيْنِ إِلَّا إِنْ يَنْهَاهُ)، فلا يصح البيع.

1366. (Kalau) tuan wakil (menentukan baginya jenis harga maka dia menyalahi, tidak sah jualan itu, seperti "jual dengan seribu dirham" maka dia menjual dengan seribu dinar). Dan wakil itu mendhaman barang juala itu jika dia menyerahkannya dengan nilainya pada hari penyerahan kerana halangan itu. (Jika dia menentukan kadar maka dia melebihi dari jenis yang sama sah ia seperti "jualkan dengan seribu) dirham" (maka dia menjual dengan dua ribu, melainkan jika dia menegahnya), maka tidak sah jualan itu.

(وَلَوْ قَالَ) الموكل للوكيل (اشْتَرَى) لي شاة مثلا (بِمِائَةٍ، فَاشْتَرَى بِمَا يُسَاوِيهَا)، أي شاة تساوي المائة، (بِدُونِ مِائَةٍ صَحَّ) لأنه حصل مقصوده

وزاد خيرا. (وَإِنْ اشْتَرَى) في الصورة المتقدمة (بِمِائَتَيْنِ مَا يُسَاوِي مِائَتَيْنِ فَلَا) يصح للمخالفة لنصه الأمر بالشراء بمائة.

1367. (Kalau berkata) tuan wakil kepada wakil ("beli) untuk aku seekor kambing" contohnya ("dengan seratus", maka dia membeli apa yang menyamainya), iaitu seekor kambing yang menyamai seratus, (dengan kurang dari seratus, sah ia), kerana dia telah menghasilkan maksudnya dan melebihi kebaikan. (Jika dia membeli) pada rupa masalah ini (dengan dua ratus akan apa yang menyamai dua ratus maka tidak) sah ia, kerana menyalahi penentuannya iaitu suruhan beli dengan seratus.

(وَإِنْ قَالَ: اشْتَرِ بِهَذَا الدِّينَارِ شَاةً فَأَشْتَرَى بِهِ شَاتَيْنِ تُسَاوِي كُلَّ وَاحِدَةٍ دِينَارًا صَحَّ، وَكَانَتْ،) أَي الشَّاتَانِ، (لِلْمَوْكَلِّ. فَإِنْ لَمْ تُسَاوِ كُلَّ وَاحِدَةٍ دِينَارًا لَمْ يَصِحَّ الْعَقْدُ. وَإِنْ قَالَ بَع لَزَيْدٍ فَبَاعَ لِغَيْرِهِ لَمْ يَجُزْ)، أَي لَمْ يَصِحَّ الْبَيْعُ لِأَنَّهُ رُبَّمَا قَصِدَ إِرْفَاقَهُ. وَلَوْ بَاعَ لَوْكَيْلَهُ فَإِنْ قَدَّمَ الْقَبُولَ وَصَرَحَ بِالسَّفَارَةِ صَحَّ. وَإِلَّا فَلَا.

1368. (Jika dia kata "beli dengan dinar ini seekor kambing" maka dia beli dengannya dua ekor kambing yang setiap seekornya menyamai satu dinar sah ia, dan adalah keduanya), iaitu dua kambing itu, (bagi tuan wakil itu. Maka jika tiap seekor tidak menyamai satu dinar tidak sah akad itu. Jika dia kata "jual kepada Zaid" maka dia jual kepada orang lain tidak harus ia), iaitu tidak sah jualan itu kerana terkadang dia bertujuan simpati kepadanya. Kalau dia menjual kepada wakil Zaid maka jika dia melakukan qabul dan dia menjelaskan dengan bermusafirnya sah ia. Jika tidak maka tidak.

(وَإِنْ قَالَ: اشْتَرِ هَذَا الثَّوْبَ، فَأَشْتَرَاهُ فَوَجَدَهُ مَعْيَبًا فَلَاهُ الرَّدُّ)، أَي لِلْوَكِيلِ وَلِلْمَوْكَلِّ أَيْضًا، (أَوْ) قَالَ الْمَوْكَلُّ لِلْوَكِيلِ (اشْتَرِ ثَوْبًا لَمْ يَجُزْ شِرَاءً مَعْيَبٍ) وَإِنْ سَاوَى أَكْثَرَ مِمَّا اشْتَرَاهُ بِهِ.

1369. (Jika dia kata "beli kain ini" maka dia membelinya lalu mendapatinya aib maka baginya memulangkannya), iaitu bagi wakil dan bagi tuan wakil itu juga, (atau) kata tuan wakil kepada wakil ("beli kain" tidak harus beli yang aib) sekalipun ia menyamai yang lebih dari apa yang dia boleh beli dengannya.

(وَيُشْتَرَطُ كَوْنُ الْمَوْكَلِّ فِيهِ مَعْلُومًا) وَلَوْ (مِنْ بَعْضِ الْوُجُوهِ) تَقْلِيلًا لِلْغُرْرِ. (فَلَوْ قَالَ: وَكَانَتْكَ فِي بَيْعِ مَالِي وَعِدَّتِي عَبْدِي وَطَلَّاقِ زَوْجَاتِي،) وَلَهُ مَا ذَكَرَ (صَحَّ) لِأَنَّهُ مَعْلُومٌ مِنْ جِهَةِ نَسْبَتِهِ إِلَيْهِ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَعْلُومًا بِالْجِنْسِ وَالْقَدْرِ وَالصِّفَةِ، (أَوْ) قَالَ الْمَوْكَلُّ: وَكَانَتْكَ (فِي كُلِّ قَلِيلٍ وَكَثِيرٍ أَوْ فِي كُلِّ أُمُورِي، لَمْ يَصِحَّ) التَّوَكُّيلُ بِمَا فِيهِ مِنَ الْجَهَالَةِ الَّتِي لَا تَحْتَمِلُ.

1370. (Disyaratkan keadaan perkara yang diwakilkan padanya diketahui) walaupun (dari sebahagian wajah-wajah) kerana mensesdikitkan tipudaya. (Maka kalau seorang kata "aku wakikan kamu pada menjual

harta ku dan memerdekakan hamba ku dan mentalakkan isteri-isteri ku”) dan dia mempunyai apa yang disebutkan itu (**sah ia**) kerana ia diketahui dari pihak ternisbahnya kepada orang itu, sekalipun ia tidak diketahui dari sudut jenis dan kadar dan sifat, (**atau**) kata tuan wakil “aku wakikan kamu (**pada setiap yang sedikit dan yang banyak” atau “pada setiap urusan ku” tidak sah**) lantikan wakil itu dengan sebab padanya terdapat kejahilan yang tidak boleh diterima.

(وَيْدُ الْوَكِيلِ) عَلَى الْمَالِ الْمَوْكَلِ فِيهِ (يَدُ أَمَانَةٍ) وَلَوْ كَانَ لَهُ جَعَلَ. (فَمَا يَتَذَفُّ مَعَهُ بِأَلَا تَفْرِيطُ لَا يَضْمَنُهُ) كَسَائِرِ الْأَمْنَاءِ. (وَالْقَوْلُ فِي) دَعْوَى (الْهَلَاكِ) لِلْمَوْكَلِ فِيهِ (وَالرَّدِّ)، أَي رَدَّهُ عَلَى الْمَوْكَلِ، (وَمَا يَدَّعِي عَلَيْهِ مِنَ الْخِيَانَةِ قَوْلُهُ)، فَهُوَ الْمَصْدَقُ بِيَمِينِهِ.

1371. (**Tangan wakil**) diatas harta yang diwakilkan padanya (**adalah tangan amanah**) walaupun baginya upah. (**Maka apa yang binasa bersama dengannya tanpa kecuiaan dia tidak mendhamannya**), sama seperti sekalian orang-orang yang diamanahkan, (**dan kata-kata pada**) dakwaan (**binasa**) barang yang diwakilkan padanya (**dan pemulangan**) barang itu keatas tuan wakil (**dan apa yang didakwakan keatasnya berupa tindakan khianat adalah kata-katanya**), maka dia diperbenarkan dengan sumpahnya.

(وَلِكُلِّ مِنْهُمَا)، أَي الْمَوْكَلِ وَالْوَكِيلِ، (الْفَسْخُ مَتَى شَاءَ) لِأَنَّ الْوَكَالَةَ عَقْدُ جَائِزٍ. (فَإِنْ عَزَلَهُ) الْمَوْكَلُ (وَلَمْ يَعْذَمْ) بِالْعِزْلِ (فَتَصَرَّفَ) فَيَمَّا وَكَلَّ فِيهِ (لَمْ يَصِحَّ التَّصَرُّفُ) لِأَنَّهُ غَيْرُ مَالِكٍ لِلتَّصَرُّفِ فِي الْوَأَقَعِ.

1372. (**Bagi setiap daripada kedua mereka**), iaitu tuan wakil dan wakil, (**fasakh, bila dia mahu**) kerana wakilan itu akad yang harus. (**Maka jika**) tuan wakil (**memecatnya dan dia tidak tahukan**) pemecatan itu (**maka dia melakukan tasarruf**) pada apa yang dia diwakilkan padanya (**tidak sah tasarruf itu**) kerana dia bukan pemilik tasarruf itu pada hakikatnya.

(وَإِنْ مَاتَ أَحَدُهُمَا) الْمَوْكَلُ أَوْ الْوَكِيلُ (أَوْ جُنَّ أَوْ أُغْمِيَ عَلَيْهِ) انْفَسَخَتْ الْوَكَالَةُ حَالًا. وَتَنْفَسَخُ أَيْضًا بِتَعَمُّدِ إِنْكَارِهَا بِأَلَا غَرَضٍ، وَبِزَوَالِ شَرْطِ مَنْ شَرُوطِ الْمَوْكَلِ أَوْ الْوَكِيلِ وَغَيْرِ ذَلِكَ مِمَّا هُوَ مَذْكَورٌ فِي الْمَطْوَلَاتِ.

1373. (**Jika mati seorang daripada mereka**), tuan wakil atau wakil, (**atau gila atau pitam terfasaklah**) wakilan itu serta-merta. Terfasakh ia juga dengan sengaja ingkarkannya tanpa tujuan dan dengan hilang satu syarat daripada syarat-syarat tuan wakil atau wakil dan selain demikian itu daripada apa yang disebutkan didalam kitab-kitab yang panjang.

(بَابُ الْوَدِيْعَةِ)

تطلق على المصدر وعلى الشيء المودع، من ودع بمعنى سكن. والإيداع شرعاً: هو التوكيل الخاص في حفظ المال. والوديعة هي المال الموضوع عند الغير ليحفظ.

1374. @**BAB WADIAH** i.e taruh barang. Diturunkan wadiah keatas masdhar dan keatas suatu yang disimpan taruh, dari "ودع" dengan makna mendiami. "إيداع" i.e simpan taruh itu pada syara' adalah lantikan wakil yang khas pada menjaga harta, dan wadiah adalah harta yang diletakkan di sisi orang lain untuk dia menjaganya.

(لَا تَصِحُّ) الوديعة بمعنى الإيداع (إِلَّا مِنْ جَائِزِ التَّصَرُّفِ عِنْدَ جَائِزِ التَّصَرُّفِ. فَإِنْ أُوْدِعَ صَبِيٌّ أَوْ سَفِيهٌ عِنْدَ بَالِغٍ شَيْئاً فَلَا يَقْبَلُهُ. فَإِنْ قَبِلَهُ دَخَلَ فِي ضَمَانِهِ)، فيضمنه إذا تلف لأنه وضع يده عليه بغير إذن معتبر.

1375. (Tidak sah) wadiah dengan makna simpan taruh (melainkan dari orang yang harus tasarrufnya disisi seorang yang harus tasarrufnya. Maka jika kanak-kanak atau safih menyimpan taruh di sisi seorang baligh akan suatu barang maka tidak boleh dia menerimanya. Maka jika dia menerimanya ia masuk pada jaminannya). Maka dia menjamin bila ia binasa kerana dia meletakkan tangannya keatas barang itu tanpa izin yang muktabar.

(وَلَا يَبْرَأُ) بعد دخوله في ضمانه (إِلَّا بِدَفْعِهِ لَوْلِيِّهِ)، أي الصبي أو السفیه. (فَلَوْ رَدَّهُ لِلصَّبِيِّ لَمْ يَبْرَأْ). ولو أخذه ممن ذكر على وجه أن يحفظه من الضياع لا على وجه الإيداع فلا ضمان عليه حينئذ.

1376. (Tidak bebas dia) selepas masuknya pada jaminannya (melainkan dengan menyerahkannya kepada walinya), iaitu kanak-kanak atau safih itu. (Maka kalau dia memulangkannya kepada kanak-kanak itu tidak bebas dia). Kalau dia mengambilnya dari orang yang disebutkan tadi diatas wajah bahawa dia hendak memeliharanya dari sia-sia, bukan diatas wajah menyimpan taruhnya maka tidak ada jaminan diatasnya ketika itu.

(وَإِنْ أُوْدِعَ بَالِغٌ عِنْدَ صَبِيٍّ فَتَلَفَ) المودع (عِنْدَ الصَّبِيِّ لِتَفْرِيطٍ أَوْ غَيْرِهِ لَمْ يَضْمَنْهُ الصَّبِيُّ) وذحوه لأنه لم يلزمه حفظه. (وَإِنْ أَتْلَفَهُ) الصبي وذحوه بالتعدي (ضَمْنَهُ) لأن المودع لم يسلطه على تلفه.

1377. (Jika seorang baligh menyimpan taruh barang di sisi kanak-kanak maka binasa) barang yang ditaruhkan itu (di sisi kanak-kanak itu kerana cuai atau selainnya tidak menjaminnya kanak-kanak itu) dan yang seumpamanya kerana tidak lazim dia menyimpannya. (Jika membinasakannya) kanak-kanak itu dan orang yang seumpamanya dengan melampau (dia mendhamannya) kerana orang yang menyimpankan barang itu tidak memberinya kuasa diatas membinasakannya.

(وَمَنْ عَجَزَ عَنِ حِفْظِ الْوَدِيْعَةِ حَرَمَ عَلَيْهِ قَبُوْلُهَا، وَإِنْ قَدَرَ وَلَمْ يَثِقْ بِأَمَانَةِ نَفْسِهِ وَخَافَ أَنْ يَخُونَهُ لَهُ أَخْذُهَا)، إِلَّا أَنْ يَعْلَمَ الْمَالِكُ حَالَهُ فَلَا حَرَمَةَ وَلَا كِرَاهَةَ. (فَإِنْ وَثِقَ) بِنَفْسِهِ أَنْ يَحْفَظَهَا وَلَا يَخُونُ فِيهَا (أَسْتَحَبَّ) لَهُ أَخْذُهَا إِنْ لَمْ يَتَّعِينَ بِأَنْ كَانَ هُنَاكَ غَيْرُهُ. وَإِلَّا فَيَجِبُ عَلَيْهِ أَخْذُهَا، وَلَا يَجْبُرُ حَيْثُذُ عَلَى إِتْلَافِ مَنَفْعَتِهِ مَجَانًا.

1378. (Orang yang lemah dari memelihara wadiah haram dia menerimanya, dan jika dia kuasa dan tidak kejam dengan amanah dirinya dan dia bimbang akan khianat makruh dia mengambilnya), melainkan bahawa pemiliknya tahu keadaannya maka tidak haram dan tidak makruh. (Maka jika dia kejam) dengan dirinya bahawa dia boleh memeliharanya dan tidak akan khianat padanya (sunat) dia mengambilnya, jika dia tidak tertentu, dengan bahawa ada di sana orang lain. Jika tidak, maka wajib dia mengambilnya. Dan tidak dipaksa dia ketika itu diatas membinasakan manfaat miliknya dengan percuma.

ثُمَّ يَلْزَمُهُ الْحِفْظُ فِي حَرْزِ مِثْلِهَا. فَإِنْ أَرَادَ السَّفَرَ أَوْ خَافَ الْمَوْتَ أَوْ حَرِيْقًا (فَلْيُرِدَّهَا إِلَى صَاحِبِهَا) أَوْ وَكَيْلِهِ. (فَإِنْ لَمْ يَجِدْهُ وَلَا وَكَيْلَهُ سَلَّمَهَا إِلَى الْحَاكِمِ. فَإِنْ فَقَدَ فَالَى أَمِينٍ). وَلَا يَكْفَى تَأْخِيرَ السَّفَرِ. وَلَوْ سَلَّمَهَا إِلَى أَمِينٍ مَعَ وَجُودِ الْحَاكِمِ الْمَأْمُونِ ضَمْنًا. أَمَا غَيْرُ الْمَأْمُونِ فَكَالْعَدَمِ.

1379. (Kemudian lazim dia menyimpannya pada tempat simpan barang yang seumpamanya. Maka jika dia hendak bermusafir atau takut akan mati) atau kebakaran (maka dia memulangkannya kepada tuannya) atau wakilnya. (Maka jika dia tidak mendapatinya dan tidak wakilnya dia menyerahkannya kepada hakim. Maka jika tidak ada maka kepada seorang amanah). Tidak diberati dia mentakhirkan safarnya. Kalau dia menyerahkannya kepada seorang amanah serta ujud hakim yang amanah dia mendhaman. Adapun yang tidak amanah maka seperti tidak adanya.

(فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ) مَا تَقَدَّمَ (فَمَاتَ وَلَمْ يُوصَ بِهَا أَوْ سَافَرَ بِهَا) فِيمَا إِذَا أَرَادَ السَّفَرَ (ضَمْنَهَا، فَإِنْ سَلَّمَهَا إِلَى أَمِينٍ مَعَ وَجُودِ الْحَاكِمِ ضَمْنًا، إِلَّا أَنْ يَمُوتَ فَجَاءَةً أَوْ يَقَعَ فِي الْبِلَادِ نَهَبًا أَوْ حَرِيْقًا وَلَمْ يَتِمَّكَنْ مِنْ شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ) كَالرَّدِّ إِلَى الْحَاكِمِ أَوْ إِلَى الْأَمِينِ (فَسَافَرَ بِهَا) فَإِنَّهُ لَا يَضْمَنُ. وَهَذَا فِي غَيْرِ الْقَاضِي فِي مَالِ الْيَتِيمِ. أَمَا هُوَ فِيهِ فَلَا يَضْمَنُ وَإِنْ مَاتَ مِنْ غَيْرِ وَصِيَّةٍ.

1380. (Maka jika dia tidak buat) apa yang telah terdahulu itu (lalu dia mati dan dia tidak mewasiatkannya, atau dia bermusafir dengannya) pada keadaan apabila dia hendak bermusafir, (dia mendhamannya, maka jika dia menyerahkannya kepada orang amanah serta ada hakim dia mendhaman, melainkan bahawa dia mati mengejut, atau berlaku pada negeri itu rompakan atau kebakaran dan tidak terbolehdia dari membuat suatu daripada demikian itu) seperti menghantarkannya kepada

hakim atau kepada orang amanah, (**maka dia bermusafir dengannya**) maka dia tidak mendhaman. Ini pada selain qadhi pada harta anak yatim. Adapun dia padanya maka dia tidak mendhaman sekalipun dia mati tanpa wasiat.

(وَمَتَى طَلَبَهَا الْمَالِكُ لَزِمَهُ الرَّدُّ، بِأَنْ يُخَلِّيَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا) لا حملها وتسليمها. (فَإِنْ أَخَّرَ) الوديع الرد المذكور (بِلاَ عُذْرٍ)، وأما إذا كان له عذر في التأخير كأن طلبها وهو في صلاة أو في حمام فلا يضمن بالتأخير. (أَوْ أَوْدَعَهَا عِنْدَ غَيْرِهِ بِلاَ سَفَرٍ وَلَا ضَرُورَةٍ أَوْ خَلَطَهَا بِمَالٍ لَّهُ)، أي للوديع، (أَوْ لِلْمُودِعِ أَيْضًا بِحَيْثُ لَا يَتَمَيَّزُ) المالان بعد الخلط، (أَوْ اسْتَعْمَلَهَا أَوْ أَخْرَجَهَا مِنَ الْحِرْزِ لِيَنْتَفِعَ بِهَا) كأن أخرج الدابة المودعة من الاصطبل ليربكها (فَلَمْ يَنْتَفِعْ) بها ولم يركبها ضمنها في هذه الصور،

1381. (**Bila pemiliknya menuntutnya lazim dia memulangkan dengan bahawa dia membiarkan di antara pemilik itu dan di antaranya**), bukan menanggungnya dan menyerahkannya. (**Maka jika dia melewatkan**), iaitu orang yang menyimpan itu, akan pulangan yang disebutkan itu (**tanpa uzur**) – Adapun apabila ada baginya uzur pada mentakhirkan itu seperti bahawa dia menuntutnya sedang dia didalam shalat atau bilik mandi maka tidak ada dhaman dengan melewatkan itu- (**atau dia menyimpannya di sisi orang lain tanpa bermusafir dan tanpa dharurat atau dia menggaulkannya dengan hartanya**), iaitu harta tukang menyimpan itu, (**atau harta orang yang menyimpan itu juga sekira-kira tidak terbeza**) dua harta itu selepas digaulkan, (**atau dia menggunakannya atau mengeluarkannya dari tempat simpan untuk dia manfaatkannya**) seperti dia mengeluarkan haiwan tunggangan dari kandang untuk dia tungganginya (**maka dia tidak mengambil manfaat**) dengannya dan tidak menunggangnya dia mendhamannya pada rupa-rupa masalah ini,

(أَوْ حَفِظَهَا فِي دُونِ حِرْزِهَا أَوْ قَالَ لَهُ الْمَالِكُ إِحْفَظْهَا فِي هَذَا الْحِرْزِ فَوَضَعَهَا فِي دُونِهِ وَهُوَ حِرْزُهَا أَيْضًا) الذي وضعها فيها (ضَمْنَهَا) أيضا في هاتين الصورتين.

1382. (**atau dia memeliharanya pada tempat simpan yang kurang daripada tempat simpannya atau kata pemilik kepadanya "peliharalah ia didalam tempat simpan ini" maka dia meletakkannya pada yang kurang daripadanya dan ia tempat simpan barang itu juga**) yang dia letakkannya didalam nya, (**dia mendhamannya**) juga pada dua rupa masalah ini.

(وَلِكُلِّ مِنْهُمَا) الامودع والوديع (الْفَسْخُ) لعقدها (مَتَى شَاءَ)، إلا إن تعينت على الوديع كما تقدم. (فَإِنْ مَاتَ أَحَدُهُمَا أَوْ جُنَّ أَوْ أَعْمِيَ عَلَيْهِ أَنْفَسَخَتْ) لأنها جائزة فتبطل بذلك. ولو عزل الوديع نفسه فإن قلنا إنها مجرد إذن لا

عقد فهو لغو، كما لو أذن في طعامه للضيفان فقال بعضهم عزلت نفسي فهو لغو.

1383. (**Bagi setiap daripada kedua mereka**) yang menyimpan dan yang menyimpan (**fasakh**) akan akadnya (**bila dia hendak**) melainkan jika ia tertentu diatas orang yang menyimpan seperti mana telah lalu. (**Maka jika mati seorang daripada mereka atau gila atau pitam terfasakhlah ia**) kerana ianya harus maka batal ia dengan demikian itu. Kalau orang yang menyimpan memecat dirinya maka jika kita katakan wadiah itu semata-mata izin bukan akad maka ia lagha sepertimana kalau seorang memberi izin pada makanannya kepada para tetamu maka kata sebahagian mereka "aku pecat diri ku" maka ia lagha.

(وَيَدُّ الْمُؤَدَّعِ)، أي الوديع، يد (أمانةً) فقولُه المصدق بيمينه. (فَالْقَوْلُ فِي أَصْلِ الإِيْدَاعِ) كَانَ قَالَ: أودعتك كذا، فقال: لم تودعني، (أَوْ فِي الرَّدِّ) عَلَى مَنْ اتَّيَمَنَهُ (أَوْ) فِي (التَّلْفِ قَوْلُهُ)، أي الوديع. فهو المصدق فيما يدعيه من ذلك. (فَلَوْ قَالَ: مَا أودعني شيئاً أَوْ رَدَدْتُهَا إِلَيْكَ أَوْ تَلَفْتُ بِلا تَفْرِيطِ صُدَّقَ بيمينه).

1384. (**Tangan muwadda'**), iaitu orang yang menaruh itu, adalah tangan (**amanah**). Maka katanya adalah yang diperbenarkan dengan sumpahnya. (**Maka kata-kata pada asal simpan taruh itu**) seperti bahawa kata seorang "aku simpan pada kamu akan sekian" maka katanya "kamu tidak menyimpan pada aku", (**atau pada pemulangan**) keatas orang yang mengamanahkannya (**atau**) pada (**binasanya adalah kata-katanya**), iaitu orang yang menyimpan itu. Maka dia diperbenarkan pada apa yang dia dakwa daripada demikian itu. (**Maka kalau dia kata "kamu tidak menaruh pada aku sesuatu"**, atau "aku telah pulangnya kepada kamu" atau "ia telah binasa tanpa kecuaiian" diperbenarkan dia dengan sumpahnya).

(وَيُشْتَرَطُ لَفْظٌ مِنَ الْمُؤَدَّعِ كَأَسْتَوْدَعْتُكَ وَاسْتَحْفَظْتُكَ) أَوْ أَحْفَظْهُ. (وَلَا يُشْتَرَطُ الْقَبُولُ) مِنَ الْوَدِيعِ (بَلْ يَكْفِي الْقَبْضُ) مِنْ غَيْرِ لَفْظٍ. وَلِذَلِكَ اِخْتَلَفَ فِيهَا هَلْ هِيَ عَقْدٌ أَوْ إِذْنٌ.

1385. (**Disyaratkan lafaz dari orang yang menaruhkan seperti "aku taruhkan pada kamu dan aku minta kamu memelihara**), iaitu peliharalah ia, (**dan tidak disyaratkan qabul**) dari yang menyimpan, (**bahkan cukup ambil barang itu**) tanpa lafaz. Kerana itu dikhilafkan padanya adakah ianya akad atau izin.

(بَابُ الْعَارِيَةِ)

هي بتشديد الياء، وقد تخفف. (تَصِحُّ مِنْ كُلِّ جَائِزِ التَّصَرُّفِ) وهو البالغ العاقل الرشيد، (مَالِكٌ لِلْمَنْفَعَةِ وَذُو بِيَاغِرَةٍ) أو وصية أو وقف. فلكل منهم أن يعير إذا كان الوقف مطلقاً.

1386. @BAB 'ARIAH i.e pinjam barang. "العارية" dengan tasydid ya' dan terkadang diringkankan. (**Sah ia dari setiap orang yang harus tasarrufnya**), iaitu orang yang baligh berakal cerdas, (**pemilik manfaat walaupun dengan sewa**) atau wasiat atau wakaf. Maka bagi setiap daripada mereka boleh meminjamkan apabila adalah wakaf itu mutlak.

(وَيَجُوزُ إِعَارَةُ كُلِّ مَا يُنْتَفَعُ بِهِ مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ). ولا بد أن تكون منفعته مباحة كركوب الدابة مثلاً. فلا يعار ما لا ينتفع به ولا ما لا يباح الانتفاع به كآلة لهو ولا ما تذهب عينه عند الذفع كالطعام. ويجوز إعارة الذقدين للترين بهما أو للضرب على صورتها.

1387. (**Harus meminjamkan setiap apa yang boleh diambil manfaat dengannya serta kekal ainnya**). Tidak dapat tidak bahawa adalah manfaat itu mubah seperti tunggang kenderaan contohnya, maka tidak boleh dipinjamkan apa yang tidak boleh diambil manfaat dengannya dan tidak apa yang tidak mubah ambilan manfaat dengannya seperti alat kelalaian, dan tidak apa yang hilang ainnya ketika diambil manfaat seperti makanan. Harus meminjamkan duit emas perak untuk berhias dengannya atau untuk kerja tempa menurut rupa keduanya.

ولا تجوز الإعارة إلا (بِشْرَطِ لَفْظٍ مِنْ أَحَدِهِمَا)، بأن يقول المستعير للمعير: أعرني دابتك مثلاً لأركبها، فيدفعها إليه، أو يقول المعير خذ هذه الدابة وانتفع بركوبها فيأخذها.

1388. Tidak harus pinjaman melainkan (**dengan syarat lafaz dari seorang daripada dua mereka**) dengan bahawa yang meminjam berkata kepada yang meminjamkan "pinjamkan aku tunggangan kamu" contohnya "untuk aku menunggangnya" maka dia menyerahkannya kepadanya, atau kata pemberi pinjam "ambil tunggangan ini dan gunakan ia dengan menunggangnya" maka dia mengambilnya.

(وَيُنْتَفَعُ بِهِ)، أي المعار، (بِحَسَبِ الْإِذْنِ) له، أي علي وفقه. (فَيَفْعَلُ الْمَادُونُ فِيهِ أَوْ مِثْلَهُ أَوْ دُونَهُ، إِلَّا أَنْ يَنْهَاهُ) المعير (عَنِ الْغَيْرِ)، فلا يفعل مثله أو دونه.

1389. (**Diambil manfaat ia**), iaitu barang pinjaman itu, (**sekira-kira izin**) baginya, iaitu diatas menepatinya. (**Maka dibuat apa yang diizinkan padanya atau yang seumpamanya atau yang kurang daripadanya, melainkan bahawa menegahnya**), oleh si pemberi pinjam itu, (**dari yang selainnya**) maka tidak dibuat seumpamanya atau yang kurang daripadanya.

(فَإِنْ قَالَ إِزْرَعْ حِنْطَةً جَازَ) للمستعير إذا لم يكن نهي عن غيرها زرع (الشَّعِيرُ، لَا عَكْسُهُ)، وهو ما إذا قال ازرع الشعير لا يزرع الحنطة لأن الحنطة أكثر ضررا على الأرض. (فَإِنْ قَالَ إِزْرَعْ وَأَطْلَقَ زَرَعَ مَا شَاءَ).

1390. (Maka jika dia kata "tanamlah gandum" harus) bagi yang meminjam bila tidak ada tegahan dari selainnya menanam (barli, tidak sebaliknya), iaitu keadaan apabila dia kata "tanamlah barli", tidak boleh dia menanam gandum kerana gandum lebih memudharatkan tanah. (Maka jika dia kata "tanamlah" dan dia mengitlak boleh dia menanam apa yang dia mahukan).

(فَإِنْ رَجَعَ) المستعير في الأرض التي أذن في زرعها وأطلق (قَبْلَ وَقْتِ الْحَصَادِ) للزرع (بَقِيَّ) الزرع (إِلَى الْحَصَادِ لَكِنْ بِأَجْرَةٍ) تلزم الزارع (إِنْ أَذِنَ) المعير إذنا (مُطْلَقًا، وَبِغَيْرِهَا إِنْ أَذِنَ فِي مُعَيَّنٍ فَرَزَعَهُ) بأن قال ازرع شعيرا فزرعه ثم رجع قبل حصاده.

1391. (Maka jika merujuk) pemberi pinjam itu pada tanah yang dia izinkan pada menanamnya serta dia mengitlak, (sebelum waktu tuaian) tanaman itu (dikekalkan) tanaman itu (sehingga tuaian, akan tetapi dengan sewaan) yang melazimi orang yang menanamnya, (jika mengizin) pemberi pinjam dengan izin (yang mutlak, dan dengan tidak ada sewaan jika dia mengizin pada tanaman tertentu maka yang meminjam itu menanamnya), dengan bahawa dia kata "tanamlah barli" maka dia menanamnya kemudian dia merujuk sebelum masa tuaiannya.

(وَإِنْ قَالَ) المعير: (أُغْرَسَ) الأرض شجرا (أَوْ ابْنِ) عليها بيتا (ثُمَّ رَجَعَ) المعير في الأرض، (فَإِنْ كَانَ) المعير (شَرَطَ عَلَيْهِ)، أي المستعير، (الْقَلْعَ)، أي قلع الغراس أو البناء، (قَلَعَ) ما ذكر وجوبا عملا بالشرط، ولزمه تسوية الحفر الناشئة من القلع.

1392. (Jika) pemberi pinjam (berkata "tanamilah) tanah itu dengan pokok" (atau "binalah) rumah di atasnya" (kemudian) pemberi pinjam tanahnya itu (merujuk, maka jika adalah) pemberi pinjam itu (mensyaratkan keatasnya), iaitu peminjam, (akan cabut), iaitu cabut pokok atau binaan itu, (dia mencabut) apa yang disebutkan itu diatas jalan wajib kerana mengamalkan syarat itu, dan lazim dia meratakan lubang-lubang yang terjadi dari kerja mencabutnya.

(وَإِنْ لَمْ يَشْرَطْ) عليه (وَاخْتَارَ الْمُسْتَعِيرُ الْقَلْعَ قَدَحًا) مجاناً. (وَإِنْ لَمْ يَخْتَرْ) فالمعير بالخيار بين تَبَقِيَّتِهِ، أي الغراس والبناء، (بِأَجْرَةٍ) للأرض (وَبَيْنَ قَلْعِهِ وَضَمَانِ أَرْضٍ مَا نَقَصَ بِالْقَلْعِ) لأن قيمته مقلوعاً أنقص من قيمته وهو في الأرض.

1393. (Jika dia tidak mensyaratkan) keatasnya (dan peminjam memilih cabut dia mencabut) dengan percuma. (Jika dia tidak memilih maka pemberi pinjam itu memilih diantara mengekalkannya), iaitu pokok dan

binaan itu, (dengan sewaan) tanah (dan diantara cabut dan dhaman imbuh apa yang kurang dengan cabut itu) kerana nilainya dalam keadaan dicabut lebih rendah dari nilainya walhal ia pada tanah itu.

(وَلَهُ)، أي المعير، (الرُّجُوعُ فِي الإِعَارَةِ مَتَى شَاءَ إِلاَّ أَنْ يُعِيرَ أَرْضًا لِلدَّفْنِ)، فلا يجوز له الرجوع إذا وضع الميت فيها وورى بالتراب (مَا لَمْ يَبَلِّ الْمَيِّتَ). فإن بلى جاز الرجوع.

1394. (Baginya), iaitu pemberi pinjam, (rujuk pada pinjamannya bila dia mahu, melainkan dia meminjamkan tanah untuk tanam mayat). Maka tidak harus dia merujuk apabila telah diletakkan mayat padanya dan ditutupi dengan tanah (selama mayat itu tidak reput). Maka jika ia telah reput harus rujuk.

(وَالْعَارِيَةُ مَضْمُونَةٌ) عَلَى الْمُسْتَعِيرِ (فَإِنْ تَلَفَتْ بِغَيْرِ الإِسْتِعْمَالِ الْمَأْدُونِ فِيهِ وَلَوْ بِغَيْرِ تَفْرِيطٍ) كَأَنْ تَلَفَتْ بِأَفَةِ سَمَاوِيَةٍ (ضَمَّنَهَا) الْمُسْتَعِيرِ (بِقِيَمَتِهَا يَوْمَ التَّلَفِ) بَدَلًا وَأَرْشًا. وتضمن بالقيمة وإن كانت مثلية.

1395. (Pinjaman itu didhamankan) keatas peminjam. (Maka jika ia binasa tanpa penggunaan yang diizinkan padanya walaupun tanpa melampau) seperti bahawa ia binasa dengan malapetaka langit (mendhamannya) peminjam (dengan nilainya pada hari binasanya), nisbah gantian dan imbuhan. Didhaman ia dengan nilai sekalipun adalah ia jenis mithli.

(فَإِنْ تَلَفَتْ بِالإِسْتِعْمَالِ الْمَأْدُونِ فِيهِ) كَانَ رَكِبَ الدَّابَّةِ فَعَرَجَتْ (لَمْ يَضْمَنْ). ومؤنة المعار على المالك (ومؤنة الرد على المستعير. وليس له)، أي المستعير، (أن يعير) بغير إذن. والله أعلم.

1396. (Maka jika ia binasa dengan penggunaan yang diizinkan padanya) seperti bahawa dia menunggang tunggangan maka ia jadi capek (dia tidak mendhaman). Belanja barang pinjaman itu diatas pemiliknya (dan belanja memulangkan barang itu keatas peminjam. Tidak boleh dia), iaitu peminjam, (meminjamkan) tanpa izin. Wallahu a'lam.

(بَابُ الْغَضَبِ)

هو كبيرة ولو كان المغصوب قليلا. واشترط بعضهم في كونه كبيرة أن يبلغ المغصوب نصاب سرقة. (هُوَ الإِسْتِيْلَاءُ عَلَى حَقِّ الْغَيْرِ عُدْوَانًا)، وإن كان الحق منفعة كإقامة من قعد بحق في مسجد أو سوق.

1397. @BAB RAMPASAN. Ianya dosa besar walaupun yang dirampas itu sedikit. Sebahagian mereka mensyaratkan pada keadaannya dosa besar bahawa barang rampasan itu sampai nishab curi. (Ia adalah menguasai hak orang lain dengan melampau) sekalipun adalah hak itu manfaat seperti mendirikan orang yang telah duduk dengan hak didalam masjid atau pasar.

(فَمَنْ غَصَبَ شَيْئًا لَهُ قِيَمَةٌ وَإِنْ قَلَّتْ لَزِمَهُ رَدُّهُ). لزوم الرد ووجوبه لا يتوقف على كون المغصوب له قيمة، فيلزم رد كلب وزبل وإن لم يكن لهما قيمة. والرد لا تبرأ به ذمة الغاصب إلا إن كان على المالك أو وكيله. فلو غصب من المستعير فرد عليه ففي براءته وجهان.

1398. (Maka barang siapa merampas suatu yang ada baginya nilai sekalipun sedikit lazim dia memulangkannya). Lazim dan wajib memulangkannya tidak terhenti diatas keadaan barang rampasan itu mempunyai nilai, maka lazim memulangkan anjing dan najis haiwan sekalipun keduanya tidak mempunyai nilai. Pemulangan itu tidak bebas dengannya oleh zimmah perampas melainkan jika ianya kepada pemiliknya atau wakilnya. Maka kalau dia merampas dari orang yang meminjam maka dia memulangkan kepadanya maka pada bebas zimmahnya ada dua wajah.

وقيد وجوب الرد بقوله (إِلَّا أَنْ يَتَرْتَبَ عَلَى رَدِّهِ تَلْفٌ حَيَوَانٍ أَوْ مَالٍ مَعْصُومِينَ) بأن كان الحيوان غير عاد ولا يجوز قتله والمال لغير حربي، (مِثْلُ إِنْ غَصَبَ لَوْحًا فَسَمَّرَهُ عَلَى خَرْقٍ سَفِينَةٍ فِي وَسْطِ الْبَدْرِ وَفِيهَا مَالٌ لِغَيْرِ الْغَاصِبِ)، وكذا إن كان للغاصب على الأصح، (أَوْ) فيها (حَيَوَانٌ مَعْصُومٌ)، أي محترم، فلا يجب عليه خلع اللوح ورده للمغصوب منه، بل تجب عليه قيمته للحيلولة، ويملكها المغصوب منه ملك القرض. ثم إن وصلت السفينة سالمة أخرجته وسلمه لصاحبه ورد القيمة.

1399. Musannif mengkaitkan wajib pulangan itu dengan katanya: (melainkan bahawa tersusun diatas memulangkannya oleh binasa haiwan atau harta yang maksum), dengan adalah haiwan itu tidak menyerang dan tidak harus dibunuh dan harta itu bagi selain kafir harbi, (seumpama jika dia merampas papan lalu dia memakukannya pada kapal yang berlubang di tengah laut dan padanya ada harta bagi selain perampas itu), begitu juga jika ia bagi si perampas itu diatas yang paling sah, (atau) padanya (ada haiwan yang maksum), iaitu yang dihormati, maka tidak wajib dia menanggalkan papan itu dan memulangkannya kepada orang yang dicuri darinya, bahkan wajib diatasnya nilainya kerana ada halangan, dan orang yang dicuri darinya memilikinya sebagai pemilikan hutang. Kemudian jika kapal itu sampai dalam keadaan selamat dia mengeluarkannya dan menyerahkannya kepada tuannya dan dia pula memulangkan nilainya.

(فَإِنْ تَلَفَ) المغصوب (عِنْدَهُ) ولو بأفة سماوية (أَوْ أَتْلَفَهُ) الغاصب (فَإِنْ كَانَ مِثْلِيًّا) وهو ما حصره كيل أو وزن وجاز السلم فيه (ضَمْنَهُ بِمِثْلِهِ. فَإِنْ تَعَدَّرَ) رد (الْمِثْلِ) بأن فقد أو وجد بأكثر من ثمن المثل (فَبِالْقِيَمَةِ)، أي يضمه بقيمته. ومن المعلوم ارتفاعها وانخفاضها فأشار بقوله (أَكْثَرَ مَا كَانَتْ مِنْ الْغَصْبِ إِلَى تَعَدُّرِ الْمِثْلِ).

1400. (**Maka jika binasa**) barang rampasan itu (**di sisinya**) walaupun dengan malapetaka langit (**atau**) perampas itu (**membinasakannya maka jika ianya mithli**) iaitu apa yang boleh dibataskan oleh sukatan dan timbangan dan harus salam padanya (**dia mendhaman dengan yang seumpamanya. Maka jika teruzur**) memulangkan (**yang seumpamanya**) dengan bahawa ia tidak kedapatan atau didapati dengan lebih dari harga seumpama (**maka dengan nilai**), iaitu dia mendhamannya dengan nilainya, dan sedia dimaklumi nilai itu tinggi dan rendah, maka dia mengisyarat dengan katanya: (**yang paling tinggi daripada nilainya sejak dari rampas hingga teruzur yang seumpama dengannya**).

فمن أعطى أردب قمح مثلاً فيلزمه رده. فإن تلف لزمه رد مثله. فإن فقد المثل يقال: من يوم غصبته إلى أن فقد كيف كانت قيمته؟ فننظر إلى أرفع قيمة من يوم الغصب إلى يوم فقد المثل فيلزمه دفعها.

1401. Maka siapa merampas satu irdab gandum contohnya maka lazim dia memulangkannya. Maka jika ia binasa lazim dia memulangkan yang seumpamanya, maka jika luput yang seumpama itu dikatakan: mula dari hari kamu merampasnya hingga bahawa ia luput bagaimana adalah nilainya? Maka kita tilik kepada nilai yang paling tinggi mula dari hari rampas hingga kepada hari luput yang seumpamanya maka lazim dia memberikannya. ^{xxx}

(وَإِنْ كَانَ) الْمَغْصُوبِ (مُتَقَوِّمًا ضَمَّنَهُ بِقِيَمَتِهِ أَكْثَرَ مَا كَانَتْ مِنْ الْعُصْبِ إِلَى التَّلْفِ، حَتَّى لَوْ زَادَ عِنْدَ الْغَاصِبِ بِأَنْ سَدَّ مِنْ لَزَمَهُ قِيَمَتُهُ سَدْمِينًا، سِوَاءَ هَزَلٍ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْ لَا. فَإِنْ اخْتَلَفَا فِي قَدْرِ الْقِيَمَةِ أَوْ فِي التَّلْفِ فَأَلْقُوا قَوْلَ الْغَاصِبِ) بِيَمِينِهِ، (أَوْ) اِخْتَلَفَا (فِي الرَّدِّ فَقَوْلُ الْمَالِكِ)، فَيَصْدُقُ فِي عَدَمِ الرَّدِّ.

1402. (**Jika adalah**) barang rampasan itu (**dinilai dia mendhamannya dengan nilainya, yang paling tinggi nilai yang ada mula dari rampas hingga kepada binasanya, sehingga kalau ia bertambah disisi si perampas itu dengan bahawa ia jadi gemuk melaziminya nilainya dalam keadaan gemuk, sama sahaja ia kurus selepas itu atau tidak. Maka jika kedua mereka berselisih pada kadar nilai atau pada binasa maka kata yang dipegang adalah kata si perampas itu**) dengan sumpahnya, (**atau**) kedua mereka berselisih (**pada pemulangan maka kata pemilik**), maka dibenarkan dia pada tidak ada pemulangannya

(وَإِنْ رَدَّهُ نَاقِصَ الْعَيْنِ أَوْ الْقِيَمَةِ لِعَيْبٍ أَوْ نَاقِصِهِمَا)، أَيِ الْعَيْنِ وَالْقِيَمَةِ، كَأَنْ غَصِبَ مِنْهُ أَرْدَبَ قَمْحٍ يَسَاوِي مِائَةَ فَرْدٍ نِصْفَهُ وَهُوَ يَسَاوِي ثَلَاثِينَ (ضَمَّنَ الْأُرْشَ)، وَهُوَ النِّصْفُ وَمَا نَقَصَ مِنْ قِيَمَةِ النِّصْفِ وَهُوَ عِشْرُونَ. وَهَكَذَا إِذَا نَقَصَ الْعَيْنَ فَقَطْ أَوْ الْقِيَمَةَ فَقَطْ.

1403. (**Dan jika dia memulangkannya dalam keadaan kurang ainnya atau nilainya kerana aib, atau dalam keadaan kurang kedua-duanya**), iaitu ain dan nilai, seperti bahawa dia merampas darinya satu irdab gandum yang menyamai seratus maka dia memulangkan setengahnya yang menyamai

tiga puluh (**dia mendhaman imbuhan**nya), iaitu setengah irdab dan apa yang kurang daripada nilai setengah itu iaitu dua puluh. Beginilah apabila kurang ainnya sahaja atau nilainya sahaja.

(وَإِنْ) رده و(نَقَصَتِ الْقِيَمَةَ) لا لعيب بل (بِإِنْخِفَاضِ السَّعْرِ فَقَطْ)، كأن غصب أردب قمح وهو يساوي مائة فرده وهو كاسد الجنس لا لعيب فيه، بل لهبوط السعر صار يساوي خمسين (لَمْ يَلْزَمَهُ شَيْءٌ).

1404. (Dan jika) dia memulangkannya sedang (**nilainya kurang**) bukan kerana aib bahkan (**dengan sebab rendah harganya sahaja**), seperti bahawa dia merampas satu irdab gandum yang menyamai seratus maka dia memulangkannya sedang ia tidak laku jenis yang, bukan kerana aib padanya, bahkan kerana harganya jatuh sehingga ia menyamai lima puluh (**tidak melaziminya suatu**).

(وَإِنْ كَانَ لَهُ مَنَفَعَةٌ) كدار ودابة (ضَمِنَ أَجْرَتَهُ لِلْمَدَّةِ الَّتِي قَامَ فِي يَدِهِ، سَوَاءً اِنْتَفَعَ بِهِ أَمْ لَا) لأن المنافع تقوّم كالأعيان، (لَكِنْ لَا يَلْزَمُهُ مَهْرُ الْجَارِيَةِ الْمَعْصُوبَةِ إِلَّا أَنْ يَطَّأَهَا). وأما فوات منفعة البضع على المالك من غير وطء فلا شيء فيه كمسجد منع الناس من الصلاة فيه لا يلزمه أجرته إلا إذا شحنه بأمتعة.

1405. (Jika ada baginya manfaat) seperti rumah dan haiwan tunggangan (**dia mendhaman sewaan**nya bagi tempoh yang ia berada pada tangannya, sama sahaja dia mengambil manfaat dengannya atau tidak) kerana manfaat-manfaat itu diperharga sama seperti ain-ain. (**Walaubagaimana pun tidak melaziminya mahar jariah yang dirampas melainkan bahawa dia menyetubuhinya**). Adapun luput manfaat kemaluannya keatas pemilik tanpa ada setubuh maka tidak ada suatu padanya, samalah seperti masjid yang dia tegah manusia dari shalat padanya, tidak melaziminya sewaan

nya melainkan apabila dia memenuhkannya dengan barang-barang. ولا يلزمه مهر الجارية إلا إذا وطئها (وهي غير مطاوعة)، بأن كانت مكرهة. وأما المطاوعة فلا مهر لها لأنها زانية والزانية لا مهر لها. وإذا كانت بكرا لزمه أرش بكارتها ومهر ثيب.

1406. Dan tidak melazimnya mahar jariah itu melainkan apabila dia menyetubuhinya (**sedang dia tidak patuh**), dengan bahawa dia dipaksa. Adapun yang menurut maka tidak ada mahar baginya kerana dia berzina, dan perempuan yang berzina itu tidak ada mahar baginya. Apabila adalah dia dara melaziminya imbuhan daranya dan mahar perempuan janda.

(وَالْمِثْلِيُّ هُوَ مَا حَصَرَهُ كَيْلٌ أَوْ وَزْنٌ وَجَازَ فِيهِ السَّلْمُ كَالْحُبُوبِ)، مثال لما حصره كيل، (وَالنَّقُودِ)، مثال لما حصره وزن، (وَعَيْرِ ذَلِكَ) كسائر الفواكه

والتمر والزبيب. (وَالْمَتَقَوُّمُ غَيْرُ ذَلِكَ) كالمعيب من المثليات و(كَالْحَيَوَانَاتِ وَالْمُخْتَلِطَاتِ كَالْهَرَيْسَةِ وَغَيْرِ ذَلِكَ).

1407. (**Benda mithli itu adalah apa yang dibatasi oleh sukatan atau timbangan dan harus salam padanya seperti bijian**), contoh bagi apa yang dibatasi sukatan, (**dan duit**), contoh bagi apa yang dibatasi timbangan, (**dan selain demikian itu**), seperti sekalian buah-buahan dan tamar dan zabib. (**Barang yang dinilai itu selain demikian itu**) seperti benda yang aib daripada benda yang jenis mithli dan (**seperti haiwan-haiwan dan benda-benda yang bercampur gaul seperti bubur dan selain itu**).

(وَكُلُّ يَدٍ تَرْتَبَتْ عَلَى يَدِ الْغَاصِبِ فَهِيَ يَدُ ضَمَانٍ، سَوَاءٌ عَلِمَتْ بِالْغَصَبِ أَمْ لَا)، كَأَن اشْتَرَى شَخْصٌ مِنَ الْغَاصِبِ وَلَوْ مِنْ غَيْرِ عِلْمٍ بِغَصْبِهِ فَيَكُونُ ضَامِنًا مِثْلَ الْغَاصِبِ. (فَلِلْمَالِكِ أَنْ يُضَمَّنَ الْأَوَّلَ وَ) أَنْ يُضَمَّنَ (الثَّانِي).

1408. (**Setiap tangan yang tersusun diatas tangan perampas maka ia tangan dhaman, sama sahaja dia tahukan rampasan itu atau tidak**), seperti bahawa seorang membeli dari seorang perampas walaupun tanpa tahukan rampasannya, maka jadilah dia orang yang mendhaman seumpama si perampas itu. (**Maka pemilik barang berhak menuntut dhaman tangan pertama dan**) menuntut dhaman (**yang kedua**).

(لَكِنْ إِنْ كَانَتْ الْيَدُ الثَّانِيَّةُ عَالِمَةً بِالْغَصَبِ أَوْ جَاهِلَةً وَهِيَ يَدُ ضَمَانٍ كَغَصَبِ) كَأَن غَصِبَ الْمَغْصُوبُ غَاصِبًا (أَوْ عَارِيَةً) كَأَن اسْتَعَارَ الْمَغْصُوبُ مِنَ الْغَاصِبِ فَأَعَارَهُ إِيَّاهُ، (أَوْ لَمْ تَكُنْ) يَدُ الثَّانِيَّةُ يَدُ ضَمَانٍ كَأَن أُوْدِعَ الْغَاصِبُ الْعَيْنَ الْمَغْصُوبَةَ عِنْدَهُ (وَ) لَكِنْ (بِاشْرَافِ) يَدِهِ (الِاتِّلَافِ، فَفَقَرَارُ الضَّمَانِ عَلَى الثَّانِي، أَي إِذَا عَرَّمَهُ الْمَالِكُ لَا يَرْجِعُ عَلَى الْأَوَّلِ، وَإِنْ عَرَّمَهُ الْأَوَّلُ رَجَعَ عَلَيْهِ).

1409. (**Akan tetapi jika tangan kedua tahukan rampasan itu, atau jahil dan dia adalah tangan dhaman juga seperti rampasan**), iaitu seperti merampas satu barang rampasan oleh perampas yang lain, (**atau seperti pinjaman**), seperti bahawa dia meminjam barang rampasan itu dari perampasnya maka dia meminjamkannya kepada dia, (**atau tidak adalah**) tangan kedua itu tangan dhaman seperti bahawa si perampas menaruhkan ain yang dirampas disisinya, (**akan**) tetapi tangannya pula (**mengerjakan pembinaannya, maka tetapan dhaman itu diatas tangan yang kedua, dengan makna apabila pemilik barang menuntut tangan yang kedua membayar dia tidak boleh merujuk keatas tangan pertama, dan jika si pemilik menuntut tangan pertama membayar dia boleh merujuk keatas tangan yang kedua**).

(وَإِنْ جَهَلَتْ) الثانية (الْغَضَبَ وَهِيَ يَدُ أَمَانَةٍ كَوَدِيْعَةٍ فَالْقَرَارُ) في الضمان (عَلَى الْأَوَّلِ) فيرجع عليه الثاني إن غرم، (أَيَّ إِذَا غَرِمَ الثَّانِي رَجَعَ عَلَى الْأَوَّلِ. وَإِنْ غَرِمَ الْأَوَّلُ) وهو الغاصب (فَلَا) يرجع على الثاني.

1410. (Jika jahil) tangan yang kedua (akan rampasan itu dan dia adalah tangan amanah seperti wadiah, maka tetapan) pada dhaman itu (adalah diatas yang pertama), maka yang kedua merujuk keatasnya jika dia membayar, (magnanya apabila yang kedua membayar dia boleh merujuk keatas yang pertama, dan jika yang pertama) yang mana dia adalah perampas itu (membayar maka tidak) dia merujuk keatas yang kedua.

(وَإِنْ غَضَبَ كَلْبًا فِيهِ مَنَفَعَةٌ) لِحِرَاسَةِ أَوْ صَيْدٍ (أَوْ) غَضَبَ (جِدْدَ مَيْدَةٍ أَوْ خَمْرًا مِنْ نَمِيٍّ) ولم يظهرها، (أَوْ) غَضَبَهَا (مِنْ مُسْلِمٍ وَهِيَ مُحْتَرَمَةٌ لِرِمَّةِ الرَّدِّ). وأما إذا كان الكلب ليس فيه منفعة أو الخمر من ذمي يظهرها أو من مسلم وهي غير محترمة بأن عصرت لا يقصد الخليفة فلا يجب الرد، بل تراق الخمر ولا يجوز اقتناء الكلب. (فَإِنْ أَتَفَّ ذَلِكَ) المذكور من الثلاثة (لَمْ يَضُمَّهُ) لأنه لا قيمة له.

1411. (Jika seorang merampas anjing yang ada manfaat padanya) untuk berkawal atau berburu, (atau) meramps (kulit bangkai atau arak dari seorang zimmi) dan dia tidak menzahirkannya, (atau) dia merampasnya (dari seorang muslim walhal ia dihormati lazim dia memulangkannya). Adapun apabila adalah anjing itu tidak ada manfaat padanya atau arak itu dari zimmi yang menzahirkannya atau dari muslim walhal ia tidak dihormati dengan bahawa dia memerah bukan dengan tujuan buat cuka maka tidak wajib memulangkannya, bahkan dituangkan arak itu, dan tidak harus memelihara anjing itu. (Maka jika dia membinasakan demikian) yang disebutkan daripada tiga itu (dia tidak mendhamannya) kerana tidak ada nilai baginya.

(فَإِنْ دَبَّ الْجَدُّ أَوْ تَخَلَّتِ الْخَمْرَةُ فَهُمَا لِلْمَغْضُوبِ مِنْهُ) لأنهما فرع ما كان مستحقا له. ولو غصب عصيرا فتخمر ثم تذل رده للمالك مع أرش لنقصه إذا كانت قيمته أنقص من قيمة العصير. والله أعلم.

1412. (Maka jika dia menyamak kulit itu atau arak itu menjadi cuka maka keduanya bagi orang yang dirampas daripadanya) kerana keduanya adalah cabang benda yang dulu hak miliknya. Kalau dia merampas perahan anggur maka ia jadi arak kemudian jadi cuka dia memulangkannya kepada sipemilik serta imbuhan kurangnya apabila adalah nilai cuka itu kurang dari nilai perahan itu. Wallahu a'lam.

(بَابُ الشُّفْعَةِ)

هي بإسكان الفاء لغة الضم، وشرعاً حق تملك قهري يثبت للشريك القديم على الشريك الحادث فيما ملك بعوض.

1413. @BAB SYUF'AH. "شفعة" dengan disukunkan fa', pada lughah adalah himpun, dan pada syara': hak memilik dengan paksaan yang sabit bagi rakan syarikat yang lama diatas rakan syarikat yang baru pada apa yang dia miliki dengan bayaran.

(إِنَّمَا تَجِبُ)، أي تثبت، (فِي جُزْءٍ مُّشَاعٍ مِنْ أَرْضٍ) وتابع الأرض كالبناء ملحق بها، فلا تثبت الشفعة في البناء مذفرًا كعلو بيت بيع دون قراره، ولا في منقول. ولا بد أن تكون الأرض (تَحْتَمِلُ الْقِسْمَةَ) بأن يمكن الانتفاع بها بعد القسمة من الوجه الذي كان ينتفع به قبلها. فلا تثبت في حمام صغير بيع نصفه ولو قسم لا يمكن أن لا يكون حماما. (إِذَا مُلِكَتْ بِمَعَاوَضَةٍ). وأما إذا ملكت بإرث أو هبة فلا شفعة فيها.

1414. (Hanya sanya wajib ia), iaitu sabit ia, (pada jujuk yang meratai daripada bumi) dan apa yang mengikut bumi seperti bangunan yang dihubungkan dengannya. Maka tidak sabit syuf'ah pada bangunan yang tersendiri seperti bilik atas yang dijual, tidak bawahnya, dan tidak pada apa yang boleh dipindah. Tidak dapat tidak bahawa adalah bumi itu (menerima pembahagian) dengan bahawa boleh diambil manfaat dengannya selepas pembahagian pada wajah yang ia diambil manfaat sebelumnya. Maka tidak sabit ia pada bilik mandi kecil yang dijual setengahnya yang kalau ia dibahagikan tidak boleh menjadi bilik mandi. (apabila ia dimiliki dengan tukar menukar). Adapun apabila ia dimiliki dengan pusaka atau hibah maka tidak ada syuf'ah padanya.

(فِيأخذها)، أي الأرض وما يتبعها إذا تمت هذه الشروط فيها وبيع جزؤها (الشريك أو الشركاء) إن كانوا متعددين (على قدر حصصهم بالعوض الذي استقر عليه العقد. والقول قول المشتري في قدره) بيمينه. فإن نكل عن اليمين حلف الشفيع على مدعاه وأخذه بما حلف عليه.

1415. (Maka mengambilnya), iaitu bumi itu dan apa yang mengikutnya apabila sempurna syarat-syarat syuf'ah ini dan dijual jujuknya, (oleh seorang rakan kongsi atau beberapa orang) jika mereka berbilang-bilang (diatas kadar habuan-habuan mereka dengan bayaran yang tetap akad itu diatasnya. Kata yang dipegang adalah kata pembeli pada kadarnya) dengan sumpahnya. Maka jika dia enggan sumpah syafi' bersumpah diatas apa yang didakwanya dan dia mengambilnya dengan apa yang dia bersumpah diatasnya.

(وَيُشْتَرَطُ) في الأخذ بالشفعة (اللفظ كتملكت أو أخذت بالشفعة) مع قبض المشتري الثمن من الشفيع، حتى لو أمر المشتري على عدم أخذ الثمن وضعه بين يديه أو رفعه إلى الحاكم.

1416. (Disyaratkan) pada pengambilan dengan syuf'ah itu (akan lafaz seperti "aku memilik" atau "aku ambil dengan syuf'ah" serta pembeli itu mengambil akan harganya dari syafi', hinggakan kalau pembeli menyuruh dengan tidak perlu

ambil harga itu dia meletakkannya di hadapannya atau dia mengangkatnya kepada hakim.

وقد أشار المصنف لذلك بقوله (وَيَجِبُ مَعَ ذَلِكَ) أي اللفظ (إِمَّا تَسْلِيمَ الْعَوْضِ) وهو الثمن (إِلَى الْمُشْتَرِي أَوْ رِضَاهُ)، أي المشتري، (بِكَوْنِهِ)، أي الثمن، (فِي ذِمَّةِ الشَّفِيعِ أَوْ) بِ(قَضَاءِ الْقَاضِي لَهُ بِالشَّفَعَةِ، فَحِينَئِذٍ يَمْلِكُ). وأما بغير ذلك فلا يتم الملك.

(وَهُوَ) أَيْ الْإِجَابِ الْمُنْجَزِ مِثْلَ قَوْلِ السَّيِّدِ لِعَبْدِهِ: (كَاتَبْتُكَ عَلَى كَذَا)، كَأَلْفِ دِينَارٍ، (تُؤَدَّى فِي نَجْمَيْنِ)، أَيْ وَقَتَيْنِ مَعْلُومَيْنِ كَسَنْتَيْنِ مِثْلًا سَنَةً كَذَا وَسَنَةً كَذَا، (كُلُّ نَجْمٍ كَذَا) أَيْ خَمْسَمِائَةٍ مِثْلًا. (فَبِأَدَا أَدَيْتَ) ذَلِكَ الْعَوْضَ (فَأَدَّتْ حُرٌّ. وَقَبُولٍ)، يَقُولُ ذَلِكَ فِي الْعَقْدِ أَوْ يَنْوِيهِ.

1543. (**Ianya**), iaitu ijab yang lurus itu seumpama kata seorang penghulu kepada hambanya ("aku kitabahkan kamu di atas sekian"), seperti seribu dinar, ("yang kamu bayarnya pada dua ansuran") iaitu dua waktu yang maklum seperti dua tahun contohnya setahun sekian dan setahun sekian,

("setiap kali bayaran sekian"), iaitu lima ratus contohnya. ("Maka apabila kamu tunaikan) bayaran itu (maka kamu merdeka". dan qabul) yang dia katakan demikian itu didalam akad atau dia menjatkannya.

وَلَا يَجُوزُ كِتَابَةٌ بَعْضُ عَبْدٍ إِلَّا أَنْ يَكُونَ بَاقِيَهُ حُرًّا، فَتَصِحُّ حَيْثُ ذُكِرَتْ كِتَابَةٌ بَعْضُهُ الْبَاقِي. (وَلَا تُسْتَحَبُّ إِلَّا لِمَنْ يُعْرَفُ كَسْبُهُ وَأَمَانَتُهُ)، بَأَنْ يَكُونَ قَادِرًا عَلَى الْكَسْبِ وَحَرِيصًا عَلَى مَا يَكْسِبُهُ لِتَأْدِيَتِهِ فِي نَجْوَمِهِ.

1544. (Tidak harus kitabah sebahagian hamba melainkan bahawa adalah bakinya merdeka), maka sah ketika itu kitabah sebahagiannya yang baki itu. (Tidak sunat ia melainkan bagi orang yang diketahui boleh berusaha dan amanah) dengan bahawa adalah dia kuasa diatas usaha dan haloba diatas apa yang dia usahakan untuk dia menunaikan bayarannya.

وَالْعَبْدُ فَسْخُهَا مَتَى شَاءَ، فَهِيَ جَائِزَةٌ فِي حَقِّهِ، (وَلَيْسَ لِلسَّيِّدِ فَسْخُهَا)، فَهِيَ لِأَزْمَةٍ فِي حَقِّهِ، (إِلَّا أَنْ يَعْجَزَ الْمُكَاتَبُ عَنِ الْأَدَاءِ) لِلنَّجُومِ وَلَوْ بَعْضُهَا، فَلِلسَّيِّدِ حَيْثُ ذُكِرَتْ فَسْخُهَا. (وَإِنْ مَاتَ الْعَبْدُ أَنْفَسَخَتْ، أَوْ السَّيِّدُ فَلَا). وَيَقُومُ الْوَارِثُ مَقَامَهُ فِي قَبْضِ النَّجُومِ.

1545. (Hamba berhak memfasakhkannya bila dia mahu), maka ia harus pada haknya, (dan tidak boleh penghulu memfasakhkannya), maka ia lazim pada haknya, (melainkan mukatab itu lemah dari menunaikan) bayaran walaupun sebahagiannya. Maka ketika itu penghulu itu berhak memfasakhkannya. (Jika mati hamba itu terfasakhlah ia, atau penghulu itu maka tidak), dan waris berdiri pada tempatnya pada mengambil bayaran itu.

(وَيَلْزِمُ السَّيِّدُ أَنْ يَحْطَّ عَنْهُ)، أَيِ الْمُكَاتَبِ، (جُزْءًا مِنَ الْمَالِ) الْمَنْجَمِ، (وَإِنْ قَلَّ قَبْلَ الْعِتْقِ)، بَأَنْ يَتَمَوَّلَ، (أَوْ يَدْفَعَهُ إِلَيْهِ). وَيَكُونُ ذَلِكَ الْمَدْفُوعُ مِنْ جَنْسِ النَّجُومِ. (وَفِي النَّجْمِ الْأَخِيرِ) الْحَطُّ عَنْهُ أَوْ الدَّفْعُ إِلَيْهِ (أَلْيَقُ) مِنْ غَيْرِهِ، لِأَنَّ الْإِعَانَةَ فِيهِ عَلَى الْعِتْقِ أَقْرَبُ.

1546. (Lazim penghulu menggugurkan darinya), iaitu mukatab, (satu juzuk daripada harta) yang diansurkan, (sekalipun sedikit sebelum dia merdeka), dengan bahawa ia dikira sebagai harta, (atau memberikannya kepadanya), dan adalah apa yang diberikan itu dari jenis bayaran ansuran itu. (Dan pada bayaran yang akhir) menggugurkannya atau memberi kepadanya (lebih layak) dari selainnya, kerana bantuan pada yang akhir itu diatas merdekanya lebih dekat lagi.

(وَيُنْدَبُ) أَنْ يَكُونَ الْمَحْطُوطُ عَنْهُ (الرُّبْعَ) فَبَعْدَهُ السَّبْعَ. (فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ حَتَّى قَبْضَ الْمَالِ) جَمِيعَهُ (رَدًّا عَلَيْهِ بَعْضَهُ) وَلَوْ قَلِيلًا. (وَلَا يَعْتَقُ الْمُكَاتَبُ وَلَا شَيْءٌ مِنْهُ مَا بَقِيَ عَلَيْهِ شَيْءٌ) مِنَ النَّجُومِ وَلَوْ قَلِيلًا.

1547. (Sunat) bahawa adalah yang digugurkan darinya (satu perempat) maka selepasnya satu pertujuh. (Maka jika dia tidak buat sehingga dia

menerima harta itu) semuanya (dia memulangkan keatasnya sebahagiannya) walaupun sedikit. (Tidak merdeka mukatab dan tidak suatu daripadanya selama kekal diatasnya suatu) daripada ansuran-ansuran itu walaupun sedikit.

(وَيَمْلِكُ) المكاتب (بِالْعَقْدِ مَنَافِعَهُ وَأَكْسَابَهُ) وهي قبل العقد ملك سيده. (وَهُوَ مَعَ السَّيِّدِ) في البيع والشراء وسائر المعاملات (كَالْأَجْنَبِيِّ).

1548. Seorang mukatab (**memilik dengan akad itu akan manfaat-manfaat dirinya dan hasil-hasil usahanya**) yang mana ia sebelum akad itu adalah milik penghulunya. (**Dan dia bersama dengan penghulunya**) pada jual beli dan sekalian muamalah adalah (**seperti orang asing**).

(وَلَا يَتَزَوَّجُ) المكاتب (وَلَا يَهَبُ) لأنه ليس من أهل التبرع (وَلَا يُعْتَقُ) غيره (وَلَا يُجَابِي) في المعاملة (إِلَّا بِإِذْنِ السَّيِّدِ)، فيصح جميع ذلك بإذنه.

1549. (**Tidak boleh berkahwin**) mukatab itu (**dan tidak menghibah**) kerana dia bukan daripada ahli tabarru', (**dan tidak memerdekakan**) selain dirinya (**dan tidak bermudah-mudah**) pada bermu'amalah (**melainkan dengan izin penghulunya**), maka sah semua itu dengan izinnya.

(وَلَا يَجُوزُ بَيْعُ الْمُكَاتِبِ وَلَا بَيْعُ مَا فِي ذِمَّتِهِ مِنَ النَّجُومِ) لما في الأخير من الغرر. (وَوَلَدُ الْمُكَاتِبَةِ) الذي أتت به بعد الكتابة (يَعْتَقُ إِذَا عَتَقَتْ). أما الولد الموجود قبل الكتابة فهو باق على ملك السيد. والله أعلم.

1550. (**Tidak harus menjual mukatab dan tidak menjual apa yang didalam zimmahnya daripada bayaran-bayaran ansuran itu**) kerana sabit ghurur pada yang akhir itu. (**Anak amah mukatabah**) yang lahir selepas kitabah (**merdeka bila dia merdeka**). Adapun anak yang ada sebelum kitabah maka dia kekal diatas pemilikan penghulunya. Wallahu a'lam.

(فَصَلِّ) في حكم أمهات الأولاد. (إِذَا أَوْلَدَ جَارِيَتَهُ أَوْ جَارِيَةَ يَمْلِكُ بَعْضَهَا أَوْ جَارِيَةَ ابْنِهِ) وهو حر (فَأَوْلَادُ حُرٍّ) نسيب. وأما إذا كان الأب رقيقاً فالابن رقيق لأن أبويه رقيقان.

1551. (**Fasal**) pada hukum ummu walad i.e ibu bagi anak. (**Apabila seorang membuat jariahnya melahirkan anak, atau jariah yang dia miliki sebahagiannya atau jariah anaknya**) dan dia seorang merdeka (**maka anak itu merdeka**) lagi bertitihan. Adapun apabila si bapa itu hamba maka anaknya hamba kerana dua ibu bapanya hamba.

(وَالْجَارِيَةُ أُمَّمٌ وَلِدٌ لَهَا فَتَعْتَقُ بِمَوْتِهِ)، أي الواطئ لها، ولو كان الوطاء حراما كأن كانت مجوسية أو محرما له بنسب أو رضاع. (وَيَمْتَنِعُ بِبَيْعِهَا وَهَبَتِهَا) لأنها لا تقبل النقل.

1552. (**Jariah itu adalah ibu bagi anaknya, maka dia merdeka dengan sebab matinya**), iaitu orang yang menyetubuhiya, sekalipun adalah persetubuhan itu haram seperti bahawa jariah itu majusi atau mahramnya

dengan titihan atau susuan. (**Tidak boleh menjualkannya dan menghibahkannya**) kerana dia tidak menerima pindah milik.

(وَيَجُوزُ اسْتِخْدَامُهَا وَإِجَارَتُهَا) لغير نفسها. وإذا قتلها شخص استحق سيدها قيمتها وغرمها له. (وَ) يجوز لسيدها (تَرْوِجُهَا) ولو بغير رضاها. (وَكَسْبُهَا لِلسَّيِّدِ) ومهرها كذلك.

1553. (**Harus mengkhadamkannya dan menyewakannya**) kepada orang lain. Apabila seorang membunuhnya penghulunya berhak kepada nilainya, dan bayaran ganti ruginya bagi penghulu itu. (**Dan**) harus penghulunya (**mengahwinkannya**) walaupun dengan tidak ada redhanya. (**Dan hasil usahanya bagi penghulunya**), dan begitu juga maharnya.

(وَسَوَاءٌ وُلِدَتْهُ حَيًّا أَوْ مَيِّتًا). ولا يشترط كماله، بل لو ألقته مضغة فيها خلق آدمي أو ظهر فيها التخطيط ولو للقوابل كانت أم ولد. (لَكِنْ لَوْ لَمْ يُتَّصَرَّ فِيهِ خَلْقٌ آدَمِيٌّ لَمْ تَصِرْ أُمَّ وَالدِّ).

1554. (**sama sahaja dia melahirkan anak itu dalam keadaan ia hidup atau mati**). Tidak disyaratkan sempurnanya, bahkan kalau dia melahirkan mudghah yang padanya ada bentuk kejadian anak adam, atau zahir padanya gambaran kasar walaupun bagi para bidan jadilah dia ummu walad. (**Akan tetapi kalau tidak tergambar padanya bentuk anak adam dia tidak menjadi ummu walad**).

(وَلَوْ أَوْلَدَ جَارِيَةً أَجْنَبِيًّا بِنِكَاحٍ أَوْ بَزْنًا فَأَلْوَدُ مِنْكَ لِسَيِّدِهَا)، فلا تصير مستولدة، (أَوْ) أولدها أجنبي (بشبهة فهو حرٌّ) كأن ظن أنها جاريته فوطئها فحملت فالولد حر. (فَلَوْ مَلَكَهَا بَعْدَ ذَلِكَ لَمْ تَصِرْ أُمَّ وَالدِّ). يعني لو وطئ جارية غيره بشبهة فجاءت بولد وحكمتنا بحريته ثم هذا الواطئ ملك تلك الجارية لم تكن أم ولد له بالحمل السابق.

1555. **Kalau seorang ajnabi membuat jariah orang lain beranak dengan nikah atau dengan zina maka anak itu milik penghulunya**), maka dia tidak menjadi ummu walad, (**atau**) seorang ajnabi membuatnya beranak (**dengan syubhah maka anaknya merdeka**), seperti bahawa dia menyangka bahawa seorang jariah itu jariahnya maka dia menyetubuhinya lalu dia hamil, maka anaknya merdeka. (**Maka kalau dia memilikinya selepas itu dia tidak menjadi ummu walad**). Maknanya kalau seorang menyetubuhi jariah orang lain dengan syubhah maka amah itu melahirkan anak dan kita hukumkan anak itu merdeka, kemudian orang yang menyetubuhi ini memilik jariah itu dia tidak menjadi ummu waladnya dengan hamil yang lalu itu.

(بَابُ الوَصِيَّةِ)

هي لغة: الإيصال يقال: وصى الشيء، بمعنى وصله، وشرعاً: تبرع بحق مضاف لما بعد الموت وليس بتدبير ولا تعليق عتق. وأركانها أربعة: موص، وموصى له، وموصى به، وصيغة.

1556. @**BAB WASIAT**. Ia pada lughah: menyampaikan, dikatakan "وصى الشيء" i.e mewasiatkan suatu dengan makna menyambungnya, dan pada syara': tabarru' dengan satu hak yang disandarkan kepada apa yang selepas mati dan ia bukannya tadbiran hamba dan bukan ta'lik akan merdeka. Rukun-rukunnya empat: yang berwasiat dan yang diwasiatkan baginya dan yang diwasiatkan dengannya dan sighth.

(تَصِحُّ مِنَ الْمُكَلَّفِ الْحُرُّ وَلَوْ مُبَدَّرًا)، أي مدجورا عليه حجر سفه أو فلس ولو كافرا.

1557. (**Sah ia dari mukallaf yang merdeka walaupun yang membazir**), iaitu yang dihijir sebagai hijir safih atau muflis, walaupun orang kafir.

(ثُمَّ الْكَلَامُ) على الوصية (فِي فَصْلَيْنِ)، لأنها تطلق على الإيضاء بمعنى إقامة وصي، وعلى الشيء الذي يتبرع به بعد الموت. فلذلك عقد لها فصلين. (أَحَدُهُمَا فِي نَصْبِ الْوَصِيِّ)، أي إقامة شخصا بعد موته ينظر في أمر أولاده الصغار وتنفيذ وصيته ووفاء ما عليه من الديون وقبض ماله على الناس.

1558. (**Kemudian bicara**) diatas wasiat adalah itu (**pada dua fasal**) kerana ia dituturkan keatas "mewasiatkan" dengan makna melantik orang yang memegang wasiat, dan keatas satu yang ditabarru'kan dengannya selepas kematiannya. Maka kerana itu dibuatkan baginya dua fasal. (**Satu daripada keduanya adalah pada melantik pemegang wasiat**), iaitu mendirikan seorang selepas kematiannya untuk menilik urusan anak-anaknya yang kecil dan melaksanakan wasiatnya dan memenuhi apa yang sabit diatas dirinya berupa hutang-hutang dan tugas mengambil hartanya dari orang ramai.

(وَشَرْطُهُ)، أي الوصي، (التَّكْلِيفُ وَالْحُرِّيَّةُ)، فلا يصح أن يكون الوصي رقيقاً، (وَالْعَدَالَةُ) فلا يصح أن يكون الوصي فاسقاً أو مجهول الحال، (وَالْإِهْتِدَاءُ لِلْمُوصَى بِهِ)، فلا يصح لمن لا هداية له كالهرم والسنفيه. ويصح إيضاء الذمي لذمي عدل في دينه.

1559. (**Syaratnya**), iaitu pemegang wasiat itu (**adalah taklif dan merdeka**), maka tidak sah bahawa adalah pemegang wasiat itu hamba, (**dan sifat adil**) maka tidak sah bahawa adalah pemegang wasiat itu fasik atau majhul keadaannya, (**dan upaya kepada apa yang diwasiatkan dengannya**) maka tidak sah ia bagi orang yang tidak ada kemampuan baginya seperti sangat tua dan safih. Sah wasiat zimmi bagi zimmi yang adil pada agamanya.

(فَلَوْ أَوْصَى لِغَيْرِ أَهْلِ فَصَارَ عِنْدَ الْمَوْتِ أَهْلًا) بأن كان فاسقاً ثم تاب وصار عدلاً، (أَوْ أَوْصَى لِجَمَاعَةٍ) معينين، (أَوْ) أوصى (لِزَيْدٍ ثُمَّ مِنْ بَعْدِهِ لِعَمْرٍو، أَوْ

جَعَلَ لِلْوَصِيِّ أَنْ يُوصِيَ مَنْ يَخْتَارُ صَدَقَ). ولا يضر كون الوصي أعمى أو أنثى. وتكون الجماعة الموصى إليهم واجبا عليهم الاجتماع ولا ينفرد أحدهم بالتصرف، إلا إذا نص على ذلك الموصى.

1560. (Maka kalau seorang mewasiatkan kepada orang yang bukan ahli maka jadilah dia disisi kematiannya orang yang ahli) dengan bahawa dulu dia fasik kemudian dia taubat dan menjadi adil, (atau dia mewasiatkan kepada satu kumpulan) yang tertentu (atau) dia wasiatkan (kepada Zaid kemudian selepasnya kepada Umar, atau dijadikan pemegang wasiat itu berhak mewasiatkan kepada orang yang dia pilih, sah ia). Tidak mudharat keadaan pemegang amanah itu buta atau perempuan. Dan adalah kumpulan yang diwasiatkan kepada mereka wajib diatas mereka berhimpun dan tidak bersendirian seorang daripada mereka pada melakukan tasarruf melainkan apabila orang yang berwasiat menerangkan diatas demikian itu.

(وَلَا يَتِمُّ إِلَّا بِالْقَبُولِ بَعْدَ مَوْتِ الْمُوصِي، وَلَوْ عَلَي التَّرَاخِي). فلا يشترط فيه الفور. (وَلِكُلِّ مِنْهُمَا)، أي الموصى والوصي، (الْعَزْلُ مَتَى شَاءَ) فهي جائزة من الطرفين كالوكالة إلا أن يتعين الوصي أو يغلب على ظنه تلف المال إذا عزل فيحرم عليه عزل نفسه ولا ينفذ العزل.

1561. (Tidak sempurna ia melainkan dengan qabul selepas kematian orang yang berwasiat, walaupun lewat). Maka tidak disyaratkan padanya akan segera. (Boleh setiap daripada mereka), iaitu yang berwasiat dan yang diwasiatkan, (memecat bila dia hendak), maka ianya harus dari dua tepi sama seperti wakilan, melainkan bahawa tertentu pemegang wasiat itu atau kuat pada sangkaannya harta itu akan binasa bila dia menarik diri, maka haram dia memecat dirinya dan tidak lulus pemecatan itu.

(وَلَا تَصِحُّ الْوَصِيَّةُ بِمَعْنَى الْإِبْصَاءِ (إِلَّا فِي مَعْرُوفٍ)، أي خير، (وَبِرٍّ) هو الخير. وذلك (كَقَضَاءِ دَيْنٍ وَحَجٍّ وَالنَّظْرُ فِي أَمْرِ الْأَوْلَادِ) الأصغار والمجانين، (وَشَبْهَهُ)، أي شبه ما ذكر كرد العواري وكل تصرف مالي. (وَلَيْسَ لَهُ أَنْ يُوصِيَ عَلَي) نحو (الأولاد) من المجانين (وَصِدْيًا وَالْجَدُّ أَبُو الْأَبِ حَيُّ أَهْلٌ لِلْوَالِيَةِ) بالشروط المتقدمة.

1562. (Tidak sah wasiat) dengan makna "berwasiat" (melainkan pada perkara makruf), iaitu baik, (dan kebajikan) iaitu kebaikan. Demikian itu (seperti bayar hutang dan haji dan menilik urusan anak-anak) yang kecil dan gila, (dan yang menyerupainya), iaitu menyerupai apa yang disebutkan itu seperti memulangkan barang-barang pinjaman dan setiap tasarruf berbentuk harta. (Tidak boleh seorang mewasiatkan keatas) umpama (anak-anak), daripada orang-orang gila, (kepada seorang pemegang wasiat sedangkan datuk iaitu bapa bagi bapa masih hidup lagi ahli bagi penjagaan) dengan syarat-syarat yang terdahulu tadi.

(الفصلُ الثاني في الموصى به. تجوز الوصية بثُلث المالَ فما دونه)، أي أقل منه. (ولا تجوز بالزيادة عليه)، أي الثلث. (والميراثُ ثلثه) الحاصل (عند الموت. فإن كان ورثته أغنياءً ندب) له (استيفاء الثلث)، أي يندب له أن لا ينقص عن الثلث. (وإلا) بأن لم يكونوا أغنياءً (فلا).

1563. (Fasal kedua pada apa yang diwasiatkan dengannya. Harus wasiat dengan satu pertiga harta, maka kurang daripadanya, dan tidak harus ia dengan lebih di atasnya), iaitu satu pertiga itu. (Yang dikehendaki adalah satu pertiganya) yang terhasil (di sisi kematian. Maka jika para warisnya kaya maka sunat) dia (mencukupkan satu pertiga itu), iaitu sunat dia tidak mengurangkan dari satu pertiga itu. (Jika tidak), dengan bahawa mereka bukan orang kaya (maka tidak).

(فإن زاد عليه بطلت في الزائد إن لم يكن له وارث) خاص، (وكذا إن كان) له وارث (ورد الزائد. فإن أجازة)، أي الموارث الخاص أجاز الزائد، (صح. ولا تصح الإجازة والرد) من الوارث (إلا بعد الموت).

1564. (Maka jika dia melebihkan di atasnya batal ia pada yang lebih, jika tidak ada disana waris) khas, (begitu juga jika ada) baginya waris (dan dia menolak yang lebih itu. Maka jika dia meluluskannya), iaitu waris khasnya meluluskan yang lebih itu, (sah ia. Dan tidak sah kelulusan dan penolakan) dari waris itu (melainkan selepas matinya).

(وما وصى به من التبرعات يُعتبر من الثلث)، كالوقف والهبة والصدقة. فإذا أوصى بشيء من ذلك بعد موته يعتبر من الثلث، إن وفى به أخرج، ولو كانت الوصية. وهو صحيح.

1565. (Apa yang dia wasiatkannya daripada tabarru'-tabarru' diiktibarkan ia dari satu pertiga) sama seperti wakaf dan hibah dan sedekah. Maka apabila dia wasiatkan suatu daripada demikian itu selepas kematiannya diiktibarkan ia dari satu pertiga hartanya, jika ia mencukupinya dikeluarkan ia, walaupun ianya wasiat. Ini adalah yang sah.

(وكذا) إن أوصى بشيء (من الواجبات) كأداء الدين والحج والزكاة، يعتبر من الثلث، (إن قيده بالثلث). فإن لم يف الثلث بها تمت من رأس المال.

1566. (Begitu juga) jika dia berwasiat dengan suatu (daripada perkara-perkara wajib) seperti bayar hutang dan haji dan zakat, diiktibarkan ia dari satu pertiga, (jika dia mengkaitkannya dengan satu pertiga). Maka jika tidak cukup satu pertiga itu dengannya disempurnakan ia dari kepala harta.

وفائدة اعتبارها من الثلث تظهر فيما لو كان هناك تبرعات فتزاحمها الواجبات حتى إذا ضاق الثلث قدمت الواجبات فتقضى. فإن استوفت الثلث سقطت التبرعات، ويكون تقييده للرفق بالورثة.

1567. Faedah mengktibarkannya dari satu pertiga zahir pada keadaan kalau ada disana tabarru'-tabarru' lain maka ibersesak dengannya oleh perkara-perkara

wajib itu sehingga apabila sempit satu pertiga itu didulukan perkara-perkara wajib itu maka ia ditunaikan. Maka jika ia menghabisi satu pertiga gugurlah tabarru'-tabarru' itu, dan adalah mengkaitkannya itu untuk belas kasihan kepada para waris.

(فَبِأَن أُطْلِقَهُ)، أي أطلق الوصية بالواجب، بأن قال أو وصى بإخراج الزكاة، (فَمِنْ رَأْسِ الْمَالِ) يحسب.

1568. (Maka jika dia mengitlakkannya), iaitu dia mengitlakkan wasiat dengan perkara wajib, dengan bahawa dia kata "aku wasiatkan agar dikeluarkan zakat" (maka dari kepala harta) dikirakan ia.

(وَمَا نَجَّزَهُ فِي حَيَاتِهِ مِنَ التَّبَرُّعَاتِ كَالْوَقْفِ وَالْعَتَقِ وَالْهَبَةِ وَغَيْرِهَا) كَصَدَقَةِ التَّطَوُّعِ (فَبِأَن فَعَلَهُ فِي الصَّحَّةِ)، أي فعل ما نجزه وهو صحيح، (أُعْتَبِرَ مِنْ رَأْسِ الْمَالِ) لأنه لا حق لأحد فيه. وكذا يعتبر من رأس المال لو نجز عتق أم ولده في مرض موته.

1569. (Dan apa yang dia luluskan pada masa hidupnya, berupa tabarru'-tabarru' seperti wakaf dan memerdekakan hamba dan hibah dan selainnya) seperti sedekah sunat (maka jika dia melakukannya pada ketika sihat), iaitu dia melakukan apa yang dia luluskan itu sedang dia sihat, (diiktibarkan ia dari kepala harta) kerana tidak ada hak bagi seorang lain padanya. Begitu juga diktibarkan dari kepala harta kalau dia meluluskan perbuatan memerdekakan ummu walad pada ketika sakit kematiannya.

(وَإِنْ فَعَلَهُ فِي مَرَضِ الْمَوْتِ)، أي فعل ما نجزه من التبرعات وهو مريض مَرَضِ الْمَوْتِ، (أَوْ فِي حَالِ التَّحَامِ الْحَرْبِ أَوْ تَمَوْجِ الْبَحْرِ أَوْ التَّقْدِيمِ لِلْقَتْلِ أَوْ الطَّلْقِ)، كأن تصدقت بمائة درهم وهي تطلق، (أَوْ بَعْدَ الْوِلَادَةِ وَقَبْلَ انْفِصَالِ الْمَشِيمَةِ) المسماة بالخالص (وَإِصْلَتْ هَذِهِ الْأَشْيَاءُ بِالْمَوْتِ أُعْتَبِرَ) ما نجز في هذه المذكورات (مِنَ التَّلْتِ) لالتحاقها بمرض الموت. (وَإِلَّا) بَأَن لَمْ تَتَّصِلْ بِالْمَوْتِ (فَلَا) تحسب من التلث، بل تحسب من رأس المال.

1570. (Jika dia melakukannya pada sakit kematiannya), iaitu dia melakukan apa yang dia luluskan daripada tabarru'-tabarru' itu sedang dia sakit dengan sakit kematiannya, (atau pada ketika berkecamuk perang atau bergelora laut atau dibawa untuk dibunuh atau sakit melahirkan anak) seperti bahawa seorang perempuan bersedekah dengan seratus dirham sedang dia sakit beranak (atau selepas melahirkan dan sebelum tercerai uri) yang dinamakan dengan "khalas", (dan bersambung perkara-perkara ini dengan kematiannya diiktibarkan) apa yang dia luluskan pada segala yang disebutkan ini (daripada satu pertiga) kerana berhubungnya dengan sakit kematiannya. (Jika tidak), dengan bahawa ia tidak bersambung dengan kematiannya (maka tidak) dikirakan ia dari satu pertiga, bahkan dikirakan ia dari kepala harta.

(فَإِنْ عَجَزَ الثُّلُثُ عَمَّا نَجَزَهُ فِي الْمَرَضِ) وكانت التبرعات مرتبة (بُدْءِ بِالْأَوَّلِ فَأَلَّوْلٍ)، كأن أوصى بعق زيد ثم عمرو ثم خالد فعجز الثلث عنهم فبيدأ أولاً بزید ثم بعمر و ثم بخالد إن بقي من الثلث شيء.

1571. (Maka jika lemah satu pertiga itu dari apa yang dia luluskannya pada ketika sakit itu) dan adalah ia tabarru'-tabarru' yang diaturkan (dimulakan dengan yang pertama maka yang pertama), seperti bahawa dia berwasiat dengan memerdekakan Zaid kemudian Umar kemudian Khalid maka lemah satu pertiga itu dari semua mereka maka dimulakan mula-mula dengan Zaid kemudian dengan Umar kemudian dengan Khalid, jika berbaki daripada satu pertiga itu oleh sesuatu.

(فَإِنْ وَقَعَتْ) التبرعات (دَفْعَةً) بَأَنْ أَوْصَى بِعِثْقِ الثَّلَاثَةِ (أَوْ عَجَزَ الثُّلُثُ عَنِ الْوَصَايَا) الَّتِي صَدَرَتْ مِنْهُ، (مُتَفَرِّقَةً كَأَنَّهُ أَوْ دَفْعَةً قَسَمَ الثُّلُثُ بَيْنَ الْكُلِّ، سَوَاءً كَانَ ثُمَّ عِثْقٌ أَمْ لَا).

1572. (Maka jika jatuh) tabarru'-tabarru' itu (sekali gus) dengan bahawa dia berwasiat dengan memerdekakan tiga orang hamba, (atau lemah satu pertiga itu dari wasiat-wasiat) yang keluar darinya, (dalam keadaan ia terpisah-pisah atau sekali gus, dibahagi-bahagikan satu pertiga itu diantara setiap satunya, sama sahaja adalah di sana memerdekakan hamba atau tidak).

ففي مسألة وصيته بعق الثلاثة وعجز الثلث عنهم يقرع بينهم. فمن خرجت قرعته عتق منه ما يفي به الثلث. ولا يعتق من كل شقص. وفي التبرعات إذا ضاق الثلث عنها يقسم الثلث بينها بالقسط كمال المفلس.

1573. Maka pada masalah wasiatnya dengan memerdekakan tiga orang hamba itu dan lemah satu pertiga hartanya dari mereka diundi diantara mereka, maka siapa yang keluar undiannya dimerdekakan darinya apa yang cukup dengannya satu pertiganya, dan tidak dimerdekakan dari setiap seorang satu bahagian. Dan pada tabarru'-tabarru' itu bila sempit satu pertiga itu darinya dibahagi-bahagikan satu pertiga itu di antara kesemuanya dengan agihan, sama seperti harta orang muflis.

(وَتَلَزَمُ الْوَصِيَّةُ بِالْمَوْتِ إِنْ كَانَتْ لِغَيْرِ مُعَيَّنٍ كَالْفُقَرَاءِ). فيملكون الموصى به بمجرد موت الموصى ولا يتوقف على قبولهم. (فَإِنْ كَانَتْ) الْوَصِيَّةُ (لِغَيْرِ كَزَيْدٍ فَالْمَلِكُ) لَهُ (مُوقُوفٌ) عَلَى الْقَبُولِ مِنْهُ. (فَإِنْ قَبَلَ بَعْدَ الْمَوْتِ وَلَوْ مُتَرَاخِيًا حُكِمَ بِأَنَّهُ)، أَيِ الْمَوْصَى بِهِ، (مَلِكُهُ مِنْ حِينِ الْمَوْتِ). فله زوائده الحادثة بعد الموت وقبل القبول.

1574. (Lazim wasiat itu dengan matinya, jika adalah ia bagi orang yang tidak tertentu seperti para fakir). Maka mereka memiliki benda yang diwasiatkan dengannya dengan semata-mata mati orang yang berwasiat itu, dan tidak terhenti ia diatas penerimaan mereka. (Maka jika adalah) wasiat itu

(bagi orang yang tertentu seperti Zaid maka pemilikan)nya (dihentikan) diatas penerimaannya. (Maka jika dia menerima selepas mati yang berwasiat itu walaupun terkemudian dihukumkan dengan bahawa ia), iaitu benda yang diwasiatkan dengannya (miliknya mula dari saat kematian itu), maka baginya tambahan-tambahan yang baru ujud selepas kematian itu dan sebelum terima.

(وَإِنْ رَدَّهُ)، أي رد الموصي له العين الموصي به، (حُكِمَ بِالْمِذْكِ لِلذَّوَارِثِ) وتكون منافعه له (وَإِنْ قَبِلَ وَرَدَّ قَبْلَ الْقَبْضِ سَقَطَ الْمِذْكُ)، أي ملك الموصي به فهو وإن ثبت بالقبول لكنه بالرد قبل القبض أشبه الوقف على معين فسقط الملك، (أَوْ) رده (بَعْدَهُ)، أي القبض، (فَلَا) يسقط الملك.

1575. (Dan jika dia menolaknya), iaitu orang yang diwasiatkan baginya menolak akan barang yang diwasiatkan, (dihukumkan pemilikan itu bagi para waris) dan adalah manfaat-manfaatnya bagi para waris itu. (Jika dia menerima dan menolak sebelum terima barang gugurlah pemilikan itu), iaitu pemilikan terhadap benda yang diwasiatkan, maka ianya sekalipun sabit dengan qabul akan tetapi ia dengan sebab ditolak sebelum terima barang adalah menyerupai wakaf keatas orang yang tertentu, maka gugurlah pemilikan itu. (atau) dia menolaknya (selepasnya), iaitu terima barang, (maka tidak) gugur pemilikan itu.

(وَيَجُوزُ تَغْلِيْقُ الوَصِيَّةِ عَلَى شَرْطِ فِي الْحَيَاةِ)، كَانِ دَخَلَ زَيْدٌ دَارَ عَمْرٍو فَقَدْ أَوْصِيَتْ لَهُ بِأَلْفِ دِرْهَمٍ، (أَوْ بَعْدَ الْمَوْتِ)، كَانِ دَخَلَ زَيْدٌ دَارَ عَمْرٍو بَعْدَ مَوْتِي فَقَدْ أَوْصِيَتْ لَهُ بِكَذَا.

1576. (Harus menta'likkan wasiat diatas syarat pada masa hidupnya) seperti "jika Zaid masuk rumah Umar maka sungguh aku wasiatkan baginya seribu dirham", (atau selepas matinya) seperti "jika Zaid masuk rumah Umar selepas aku mati maka aku wasiatkan baginya sekian".

(وَيَجُوزُ بِالْمَنْدَافِعِ) فقط، كأوصيت لزيد بمنافع هذه الجارية فيملك منافعها وأكسابها، وعلى مالك عينها مؤنتها.

1577. (Harus ia dengan manfaat-manfaat) sahaja, seperti "aku wasiatkan bagi Zaid manfaat jariah ini" maka dia memilik manfaat-manfaatnya dan hasil usahanya, dan diatas pemilik ainnya perbelanjaanya.

(وَ) تصح بـ(الأعيان)، كأن أوصي بمنافع عبده لزيد وبعينه لعمر، (وَبِالْمَعْدُومِ كَالْوَصِيَّةِ بِمَا تَحْمِلُ هَذِهِ الْجَارِيَةُ أَوْ) هذه (الشَّجَرَةُ) من الثمرة قبل وجودها، (وَبِالْمَجْهُولِ) كأوصيت له بما في ضرع ناقتي من اللبن.

1578. (Dan) sah ia dengan (ain-ain) seperti bahawa dia wasiatkan manfaat hambanya bagi Zaid dan ainnya bagi Umar, (dan dengan yang ma'dum seperti wasiat dengan apa yang akan dihamilkan oleh jariah ini atau) ini (pokok) daripada buahnya sebelum ujudnya, (dan dengan suatu yang

majhul) seperti "aku wasiatkan baginya dengan apa yang ada pada labu susu unta ku", berupa susu.

(وَبِمَا لَا يَقْدَرُ عَلَى تَسْلِيمِهِ كَالْأَبْقِ وَبِمَا لَا يَمْلِكُهُ الْآنَ) عند الوصية ثم ملكه عند الموت، (وَبِمَا يَجُوزُ الْإِنْتِفَاعُ بِهِ مِنَ النَّجَاسَاتِ كَالْكَذِبِ) المعلم (وَالزَّيْتِ النَّجَسِ) وكجلد ميتة قابل للذبح، (لَا بِمَا لَا يُنْتَفَعُ بِهِ مِنْهَا كَالْخَمْرِ وَالْخِذْرِيرِ) ولو كانت الخمر محترمة.

1579. (dan dengan apa yang tidak kuasa diserahkan seperti hamba yang lari, dan dengan apa yang dia tidak miliki sekarang ini) di sisi wasiat kemudian dia memilikinya di sisi mati, (dan dengan apa yang harus diambil manfaat dengannya daripada najis-najis seperti anjing) yang terlatih (dan minyak bernajis) dan seperti kulit bangkai yang boleh disamak (tidak dengan apa yang tidak boleh dimanfaatkan daripadanya seperti arak dan babi) walaupun adalah arak itu dihormati.

(وَتَجُوزُ الْوَصِيَّةُ لِلْحَرْبِيِّ) كأن يوصي لزيد و هو حربى، لا أن يقول لزيد الحربى أو المرتد فإنه لا يصح، (وَ) تجوز (لِذِمِّيِّ وَ) (لِمُرْتَدِّ وَلِقَاتِلِهِ) كأن يوصي لرجل فيقتله، (وَكَذَا لِوَارِثِهِ عِنْدَ الْمَوْتِ إِنْ أَجَازَهَا)، أي الوصية لو ارث، (بَقِيَّةِ الْوَرِثَةِ).

1580. (Harus wasiat bagi kafir harbi) seperti bahawa dia wasiatkan bagi Zaid walhal dia harbi, bukan bahawa dia kata "bagi Zaid yang harbi" atau "yang murtad" maka ianya tidak sah, (dan) harus ia (bagi kafir zimmi dan) bagi (kafir murtad dan bagi orang yang membunuhnya) seperti bahawa dia berwasiat bagi seorang lelaki maka dia membunuhnya, (begitu juga bagi waris disisi kematiannya jika meluluskannya), iaitu wasiat bagi waris itu, (baki para warisnya).

(وَ) تصح (لِلْحَمَلِ). فَتُدْفَعُ لِمَنْ عِلْمَ وَجُودِهِ عِنْدَ الْوَصِيَّةِ إِذَا انفصل حياً) بأن عطس أو صرخ. وعلم وجوده مصور (بأن تلد) هـ (لِدُونَ سِتَّةِ أَشْهُرٍ مِنْ) حين (الْوَصِيَّةِ أَوْ فَوْقَهَا)، أي الستة الأشهر، (وَدُونَ أَرْبَعِ سِنِينَ وَلَا زَوْجَ لَهَا وَلَا سَيِّدَ يَطُوهَا). وأما إذا وضعته لفق ستة أشهر وأقل من أربع سنين ولها زوج أو لأربع سنين وإن لم يكن لها زوج ولا سيد لم تصح الوصية. (وَإِنْ أَوْصَى لِعَبْدٍ فقبل) العبد (دفع إلى سيده) بعد موت الموصى.

1581. (dan) sah ia (bagi kandungan, maka diberikan ia kepada kandungan yang diketahui ujudnya disisi wasiat itu bila dia terpisah dalam keadaan hidup), dengan bahawa dia bersin atau menjerit. Tahukan ujudnya tergambar (dengan bahawa ibunya melahirkan)nya (kurang dari enam bulan mula dari) saat (wasiat itu atau diatasnya), iaitu enam bulan, (dan dibawah empat tahun serta tidak ada suami bagi ibu itu dan tidak ada penghulu yang menyetyubuhnya). Adapun apabila dia melahirkannya diatas enam bulan dan kurang dari empat tahun dan ada baginya suami, atau

empat tahun sekalipun tidak ada baginya suami dan tidak penghulu tidak sah wasiat itu. **(Jika seorang berwasiat bagi seorang hamba maka)** hamba itu **(menerima diserahkan ia kepada penghulunya)** selepas mati orang yang berwasiat itu.

(وَإِنْ وَصَّى بِشَيْءٍ ثُمَّ رَجَعَ عَنِ الْوَصِيَّةِ) كقوله نقضتها أو أبطلتها (صَحَّ الرَّجُوعُ وَبَطَلَتِ الْوَصِيَّةُ) لأنها عقد تبرع لم يتصل به القبض فاشبه الهبة قبل القبض.

1582. **(Dan jika dia berwasiat dengan suatu kemudian dia merujuk dari wasiat itu)** seperti katanya "aku batalkannya" **(sah rujuk itu dan batal wasiat itu)** kerana ia akad tabarru' yang tidak bersambung dengannya oleh terima barang, maka ia menyerupai hibah sebelum terima barang.

(وَإِزَالَةُ الْمَلِكِ فِيهِ)، أي الموصى به، (كَالْبَيْعِ وَالْهَبَةِ) مع القبض أو الإقباض، وكذلك جعله أجره أو عوضا في خلع، (أَوْ تَغْرِيضُهُ)، أي الموصى به، (لِزَوَالِهِ)، أي الملك، (بِأَنْ دَبَّرَهُ أَوْ كَاتَبَهُ أَوْ رَهْنَهُ أَوْ عَرَّضَهُ عَلَى الْبَيْعِ أَوْ أَوْصَى بِبَيْعِهِ أَوْ أزالَ اسْمَهُ)، أي اسم الموصى به، وذلك (بِأَنْ طَحِنَ الْقَمْحَ أَوْ عَجَنَ الدَّقِيقَ أَوْ نَسَجَ الْغَزْلَ أَوْ خَلَطَهُ إِذَا كَانَ مُعَيَّنًا بغيره) ولو أجود منه، كل ذلك (رُجُوعٌ) عن الوصية. فهو خبر عن قوله وإزالة الملك وما عطف عليه.

1583. **(Dan menghilangkan milik padanya)**, iaitu benda yang diwasiatkan **(seperti jual dan hibah)** beserta terima serahannya atau menyerahkannya, begitu juga menjadikannya upah atau bayaran tebus talak, **(atau merintangkannya)**, iaitu benda yang diwasiatkan, **(kepada hilangnya)**, iaitu milik, **(dengan bahawa dia mentadbirkannya atau mengkitabkannya atau menggadaikannya atau menawarkannya untuk dijual atau berwasiat dengan menjualkannya, atau menghilangkan namanya)**, iaitu nama benda yang diwasiatkan, yang mana demikian itu **(dengan bahawa dia mengisar gandum atau menguli tepung atau menenun benang atau mengaulkannya apabila ianya tertentu dengan selainnya)** walaupun yang lebih baik daripadanya, semua demikian itu **(adalah rujuk)** dari wasiat. Maka "rujuk" khabar dari katanya "menghilangkan milik" dan apa yang diatafkan keatasnya.

(وَإِنْ مَاتَ الْمُوصَى لَهُ قَبْلَ الْمُوصِي بَطَلَتِ الْوَصِيَّةُ)، إذ شرطها القبول بعد موت الموصي وقد فات ذلك. (وَإِنْ مَاتَ بَعْدَهُ)، أي الموصي، (وَقَبْلَ الْقَبُولِ) من الموصى له (فَلِوَارِثِهِ)، أي وارث الموصى له، (قَبُولُهَا)، أي الوصية، (وَرَدُّهَا). فإن كان الوارث بيت المال فالقابل والراد الإمام.

1584. **(Jika mati orang yang diwasiatkan baginya sebelum orang yang berwasiat batal wasiat itu)** kerana syarat wasiat adalah qabul selepas kematian orang yang berwasiat yang mana demikian itu luput. **(Jika dia mati**

selepasnya), iaitu orang yang berwasiat, (**dan sebelum qabul**) dari orang yang diwasiatkan baginya (**maka warisnya**), iaitu waris orang yang diwasiatkan baginya, (**berhak menerimanya**), iaitu wasiat itu, (**dan menolaknya**). Maka jika waris itu baitulmal maka yang menerima dan menolak adalah imam.

(كِتَابُ الْفَرَائِضِ)

هي جمع فريضة. والفريضة معناها في اللغة المقدرة، وفي الاصطلاح نصيب مقدر شرعاً. وأريد بالفرائض هنا: المسائل التي تبين فيها المواريث ولو بالتعصيب. فغلبت مسائل الفرائض على غيرها، وسمى الكل فرائض لأن مسائل الفرائض أكثر من مسائل التعصيب.

1585. @KITAB FARAI DH. "فريضة" jamak "فرائض". yang maknanya pada lughah adalah "suatu yang dikadarkan", dan pada istilah habuan yang ditetapkan kadanya menurut syara'. Dikehendaki dengan faraid di sini: masalah-masalah yang diterangkan padanya segala hal-hal berkaitan pusaka walaupun dengan ta'shib. Maka dimenangkan masaalah-masaalah faraidh diatas selainnya dan dinamakan semuanya faraidh kerana masaalah-masaalah faraidh itu lebih banyak dari masaalah ta'shib.

(يُبْدَأُ مِنْ تَرْكَةِ الْمَيِّتِ بِمُؤْنَةٍ تَجْهِيْزِهِ) ككفنه وثمان ماء غسله وكذلك مؤن تجهيز من يمونه كزوجته وابنه الصغير وعبده لو ماتوا قبله ثم مات، (وَ) مؤن (دَفْنِهِ) كأجرة من يحفر القبر ويلحده.

1586. (Dimulakan dengan harta peninggalan mayat dengan belanja mempersiapkan pengkebumiannya) seperti kafannya dan harga air begitu juga belanja mempersiapkan pengkebumian orang yang dia tanggung seperti isterinya dan anaknya yang kecil dan hambanya kalau mereka itu mati sebelumnya kemudian dia mati, (**dan**) belanja (**pengkebumiannya**) seperti upah menggali kubur dan memasukkannya ke liang lahad.

يبدأ بهذه المؤن (قَبْلَ الدِّيُونِ وَالْوَصَايَا وَالْإِرْثِ إِلَّا أَنْ يَتَعَلَّقَ بِعَيْنِ التَّرْكَةِ حَقٌّ كَالزَّكَاةِ). فإذا مات وعنده نصاب مر عليه حول فقد تعلقت الزكاة بعين المال، فبيدأ بإخراجها قبل مؤن التجهيز.

1587. (Dimulakan dengan belanja-belanja ini (**sebelum hutang dan wasiat dan pusaka, melainkan bahawa bergantung dengan ain peninggalan itu oleh hak zakat**)). Maka apabila dia mati dan di sisinya ada satu nishab dan telah berjalan diatasnya satu haul maka bergantunglah zakat dengan ain harta itu, maka dimulakan dengan mengeluarkannya sebelum belanja-belanja persiapan pengkebumiannya.

(وَ) كذلك (الرَّهْنُ) كما إذا مات وعين ماله مرهونة، (وَالْجَانِي) كأن يجني عبده جناية تتعلق برقبته ثم يموت السيد فلا يبدأ بمؤن تجهيزه من ثمن العبد بل يبدأ بأرش جنايته، (وَالْمَبِيْعُ إِذَا مَاتَ الْمُشْتَرِي مُفْلِسًا) ولم يدفع ثمنه

ووجد بعينه في تركته ولم يتعلق به حق لازم ككتابتة. (فَإِنَّ حُقُوقَ هَؤُلَاءِ) وأمثالهم (تُقَدَّمُ عَلَى مُؤْنَةِ التَّجْهِيزِ وَ) على مؤنة (الدَّفْنِ).

1588. (**dan**) begitu juga (**gadaian**), sepertimana apabila dia mati sedang ain hartanya digadaikan, (**dan jenayah**) seperti bahawa hambanya mengerjakan jenayah yang bergantung pada tengkoknya, kemudian penghulu itu mati, maka tidak dimulakan dengan belanja persiapannya daripada harga hamba itu, bahkan dimulakan dengan imbuhan jenayahnya, (**dan barang jualan apabila si pembeli mati dalam keadaan muflis**) dan dia belum memberikan harganya dan didapati ainnya pada peninggalannya dan tidak bergantung dengannya hak yang lazim seperti kitabah, (**maka hak-hak mereka itu**) dan yang sebanding mereka (**didulukan diatas belanja persiapan mayat dan**) diatas belanja (**pengkebumiannya**).

(ثُمَّ بَعْدَ ذَلِكَ)، أي بعد مؤنة التجهيز والدفن، (تُقَضَى دِيُونُهُ) المتعلقة بدمته، لا فرق بين دين الله ودين الآدمي. (ثُمَّ) بعد قضاء ديونه (تُنْفَذُ وَصَايَاهُ) من ثلث ما بقي، (ثُمَّ تُقَسَّمُ تَرَكَتُهُ بَيْنَ وَرَثَتِهِ) على ما يأتي تفصيله.

1589. (**Kemudian, selepas demikian itu**), iaitu selepas belanja persiapan dan pengkebumiannya, (**dibayarkan hutang-hutangnya**) yang bergantung dengan zimmahnya, tidak ada beza di antara hutang Allah dan hutang anak adam. (**Kemudian**) selepas bayar hutangnya (**dilaksanakan wasiat-wasiatnya**) dari satu pertiga apa yang masih tinggal, (**kemudian dibahagi-bahagikan peninggalannya di antara para warisnya**) menurut apa yang akan datang perinciannya.

(وَالْوَارِثُونَ مِنَ الرَّجَالِ عَشْرَةٌ) بالإجمال وبالتفصيل خمسة عشر (•الابن •وَابْنُهُ وَإِنْ سَفَلَ •وَالْأَبُ •وَأَبُوهُ وَإِنْ عَلَا •وَالْأَخُ شَقِيقًا كَانَ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لِأُمِّ) فَعَدَهُ وَاحِدًا وَهُوَ ثَلَاثَةٌ بِالتَّفْصِيلِ (•وَابْنُ الْأَخِ الشَّقِيقِ أَوْ لِأَبٍ) فَهُوَ اثْنَانِ بِالتَّفْصِيلِ. وَأَمَّا ابْنُ الْأَخِ لِأُمِّ فَلَا يَرِثُ لِأَنَّهُ مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ. (•وَالْعَمُّ الشَّقِيقُ) أَخُو أَبِيهِ لِأُمِّهِ وَأَبِيهِ (أَوْ لِأَبٍ) فَهُوَ اثْنَانِ بِالتَّفْصِيلِ (•وَابْنُهُمَا) أَي الْعَمُّ الشَّقِيقُ أَوْ لِأَبٍ فَهُوَ بِالتَّفْصِيلِ اثْنَانِ (•وَالزَّوْجُ •وَالْمُعْتَقُ).

1590. (**Waris-waris dari kalangan lelaki sepuluh**) dengan ijmal dan dengan tafsil lima belas: (•anak lelaki •dan anaknya sekalipun menurun ke bawah, •dan bapa •dan bapanya sekalipun menaik keatas, •dan saudara lelaki syaqiq adalah dia atau sebapa atau seibu), maka bilangannya satu sedang dia tiga orang dengan tafsil, (•dan anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa atau sebapa), maka dia dua orang dengan tafsil. Adapun anak lelaki saudara lelaki seibu maka dia tidak mewarisi kerana dia dari pada zawil arham, (•dan bapa saudara syaqiq), iaitu saudara bapanya yang seibu sebapa (atau sebapa), maka dia dua orang dengan tafsil, (•dan anak lelaki kedua mereka) iaitu bapa saudara syaqiq atau sebapa maka dia dengan tafsil dua orang, (•dan suami •dan mu'tiq).

(وَالْوَارِثَاتُ مِنَ النِّسَاءِ سَبْعٌ) بالإجمال وبالتفصيل عشرة (•الْبَنَاتُ •وَبَنَاتُ
الْإِبْنِ وَإِنْ سَقَلَ •وَالْأُمُّ •وَالْجَدَّةُ أُمُّ الْأُمِّ وَأُمُّ الْأَبِ وَإِنْ عَدَّتْ)، أي الجدة فهي
بالتفصيل اثنان (•وَالْأُخْتُ شَقِيْقَةٌ كَانَتْ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لِأُمِّ) فهي بالتفصيل ثلاثة
(•وَالزَّوْجَةُ •وَالْمُعْتَقَةُ).

1591. (Waris-waris dari kalangan perempuan tujuh) dengan ijmal dan
dengan tafsil sepuluh: (•anak perempuan •dan anak perempuan bagi
anak lelaki sekalipun terkebawah, •dan ibu, •dan nenek emak bagi
emak dan emak bagi bapa sekalipun menaik), iaitu nenek itu, maka dia
dengan tafsil dua orang, (•dan saudara perempuan syaqiqah adalah dia
atau sebapa atau seibu), maka dia dengan tafsil tiga orang (•dan isteri, dan
•mu'tiqah).

(وَأَمَّا ذُوو وَالْأَرْحَامِ وَهُمْ •أَوْلَادُ الْبَنَاتِ) •وَبَنُو الْإِخْوَةِ لِلْأُمِّ (•وَأَوْلَادُ
الْأَخَوَاتِ وَبَنُوهُنَّ)، أي أولاد الأخوات (•وَبَنَاتُهُنَّ) أي بنات أولاد الأخوات
(•وَبَنَاتُ الْإِخْوَةِ •وَبَنَاتُ الْأَعْمَامِ وَالْعَمِّ لِلْأُمِّ أَوْ لِأَبٍ لِأُمِّهِ •وَأَبُو الْأُمِّ
•وَالْخَالَ •وَالْخَالَةَ •وَالْعَمَّةَ •وَمَنْ أَدْلَى بِهِمْ) كابت بنت الاعم وابن الخال
والخاله والعمه.

1592. (Adapun zawil arham maka mereka itu •anak-anak bagi anak
perempuan) •dan anak-anak lelaki bagi saudara lelaki seibu (•dan anak-anak
bagi saudara perempuan dan anak-anak mereka) iaitu anak-anak
lelaki bagi saudara perempuan (•dan anak-anak perempuan mereka) iaitu
anak-anak perempuan bagi anak-saudara lelaki bagi saudara perempuan (•dan
anak-anak perempuan bagi saudara lelaki •dan anak-anak perempuan
bagi bapa saudara dan bapa saudara seibu iaitu saudara lelaki bapa
yang seibu •dan bapa emak •dan bapa saudara belah emak •dan emak
saudara belah emak •dan emak saudara belah bapa •dan orang yang
menjulus dari mereka) seperti •anak lelaki bagi anak perempuan bagi bapa
saudara •dan anak lelaki bagi bapa saudara belah emak dan bagi emak saudara
belah emak dan emak saudara belah bapa.

(فَلَا يَرِثُونَ عِنْدَنَا بِطَرِيقِ الْإِصَالَةِ، بَلْ) يرثون (إِذَا فَسَدَ بَيْتُ الْمَالِ) بأن لم
يكن هناك إمام أو كان ولم يعط كل ذي حق حقه وسيأتي بيان إرثهم.

1593. (Maka mereka tidak mewarisi di sisi kita dengan jalan asal
bahkan) mereka mewarisi (bila rosak baitulmal) dengan bahawa tidak ada di
sana imam atau ada tetapi dia tidak memberikan setiap yang berhak akan
haknya. Akan datang keterangan pusaka mereka.

(وَمَوَانِعُ الْإِرْثِ أَرْبَعَةٌ)، يعني الأوصاف التي إذا قامت بشخص فيه مقتضى
الإرث تمذعه من إرثه. (الْأَوَّلُ الْقَتْلُ. فَمَنْ قَتَلَ مُورِثَهُ لَمْ يَرِثْهُ سِوَاءَ قَتْلِهِ
بِحَقِّ كَالْقِصَاصِ أَوْ فِي الْحَدِّ) بالرجم، (أَوْ بغيرِهِ) أي بغير حق، (خَطَأً كَانَ)
القتل (أَوْ عَمْدًا، مُبَاشَرَةً كَانَ) القتل كأن رمى صيدا فأصاب مورثه (أَوْ سَبَبًا

مَثَلُ أَنْ يُشْهَدَ عَلَيْهِ بِمَا يُوجِبُ الْقِصَاصُ أَوْ حَفَرَ بَدْرًا فَوَقَعَ) الامورث (فِيهَا. وَالْحَاصِلُ أَنَّهُ لَا يَرِثُهُ مَتَى كَانَ لَهُ مَدْخَلٌ فِي قَتْلِهِ بِأَيِّ طَرِيقٍ كَانَ).

1594. (**Perkara-perkara yang menghalang pusaka itu empat**), iaitu sifat-sifat yang bila berdiri pada seorang yang ada padanya perkara yang memberikan hak pusaka ia menghalangnya dari hak pusakanya. (**Pertamanya bunuh. Maka siapa membunuh pewarisnya dia tidak mewarisinya, sama sahaja dia membunuhnya dengan hak seperti qisas atau pada had**) dengan rejam (**atau dengan tidak adanya**), iaitu tanpa hak, (**tidak sengaja adalah**) bunuh itu (**atau sengaja, dilakukan sendiri adalah**) bunuh itu seperti bahawa dia memarah buruan lalu mengenai pewarisnya, (**atau diatas jalan sebab seumpama bahawa dia bersaksi diatasnya dengan apa yang mewajibkan qisas atau dia menggali telaga lalu jatuh**) pewarisnya (**kedalamnya**). Kesimpulannya bahawa dia tidak boleh mewarisinya bila dia terlibat dengan pembunuhannya dengan apa cara sekalipun.

(الثَّانِي الْكُفْرُ فَلَا يَرِثُ مُسْلِمٌ مِنْ كَافِرٍ) وَإِنْ أَسْلَمَ قَبْلَ قِسْمَةِ التَّرَكَةِ، (وَلَا كَافِرٌ مِنْ مُسْلِمٍ. وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْحَرْبِيُّ إِلَّا مِنَ الْحَرْبِيِّ) سِوَاءَ كَانَا مَتَّفِقِي الدَّارِ أَوْ مُخْتَلِفِيهَا، فَلَا يَرِثُ الْحَرْبِيُّ مِنَ الذَّمِيِّ وَالْمَعَاهِدِ وَالْمُسْتَأْمَنِ. (وَأَمَّا الذَّمِيُّ وَالْمَعَاهِدُ وَالْمُسْتَأْمَنُ فَيَتَوَارَثُونَ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ، وَإِنْ اِخْتَلَفَتْ مِلَّتُهُمْ) كَالْيَهُودِيِّ مِنَ النَّصْرَانِيِّ وَالْمَجُوسِيِّ (وَدَارُهُمْ)، أَي مَحَلِّ سَكْنَاهُمْ. وَأَمَّا الْمُرْتَدُّ (فَلَا يَرِثُ) وَلَا يُوْرَثُ.

1595. (**Keduanya kufur maka muslim tidak mewarisi dari kafir**) sekalipun dia memeluk Islam sebelum pembahagian harta peninggalan itu, (**dan tidak kafir dari muslim, dan tidak mewarisi kafir harbi melainkan dari harbi**), sama sahaja keduanya sama negeri atau berbeza, maka tidak mewarisi harbi dari zimmi dan mu'ahad dan musta'man. (**Adapun zimmi dan mu'ahad dan musta'man maka sebahagian mereka mewarisi dari sebahagian yang lain, sekalipun berbeza agama-agama mereka**) seperti Yahudi dari Nasrani dan Majusi, (**dan negeri mereka**), iaitu tempat tinggal mereka. Adapun kafir murtad (**maka dia tidak mewarisi**) dan tidak diwarisi.

(وَالثَّلَاثُ الرَّقُّ. فَالرَّقِيقُ لَا يَرِثُ وَلَا يُوْرَثُ، وَمَنْ بَعْضُهُ حُرٌّ لَا يَرِثُ، لَكِنْ يُوْرَثُ بِمَا جَمَعَهُ بِبَعْضِهِ الْحُرُّ) لَتَمَامِ مَلِكِهِ لَهُ.

1596. (**Ketiganya kehambaan. Maka hamba tidak mewarisi dan tidak diwarisi. Dan orang yang sebahagiannya merdeka tidak mewarisi, akan tetapi diwarisi dengan apa yang dia himpunkan dengan sebahagiannya yang merdeka**), kerana sempurna pemilikannya keatasnya.

(الرَّابِعُ. اسْتِبْهَامٌ وَقَتِ الْمَوْتِ. فَإِذَا مَاتَ مُتَوَارِثَانِ بَغْرَقٍ أَوْ تَحْتَ هَدْمٍ وَدَمٍ يُعْلَمُ السَّابِقُ مِنْهُمَا لَمْ يَرِثْ أَحَدُهُمَا مِنَ الْآخَرِ). وَقَدْ جَعَلَ بَعْضُهُمْ أَنْتِفَاءً

الإرث في هذه الصورة لانتفاء الشرط، إذ شرط الإرث تحقق حياة الوارث عند موت المورث. وعلى كل حال فيجعل كل كأنه لم يخلف الآخر.

1597. (**Keempatnya kesamaran pada waktu kematian. Maka apabila mati dua yang waris mewarisi dengan karam atau di bawah runtuh dan tidak diketahui yang terdahulu daripada kedua mereka itu, tidak mewarisi seorang daripada mereka dari yang lain**). Sungguh sebahagian ulamak menjadikan ternafi pusaka pada gambaran masalah ini kerana ternafi syaratnya, kerana syarat pusaka itu pasti hidup waris disisi kematian pewaris, dan diatas setiap keadaan maka dijadikan setiap mereka seolah-olah tidak meninggalkan yang seorang lagi.

(فَصَلِّ فِي مِيرَاتِ أَهْلِ الْفُرُوضِ) جمع فرض بمعنى الأنصباء (أَعْنِي الْفُرُوضِ السُّدَّةِ الْمَذْكُورَةَ فِي الْقُرْآنِ). احترز بذلك عن ثلث ما يبقى في بعض مسائل الجد وعن ثلث الباقي في الغراوين فإنهما ثبتا بالاجتهاد لا بنص القرآن.

1598. (**Fasal pada pusaka ahli fardhu-fardhu**). "فروض" jamak "الفروض" dengan makna habuan-habuan itu. (**Aku maksudkan fardhu-fardhu yang enam itu yang disebutkan didalam Quran**). Dia menjaga dengan demikian itu dari satu pertiga apa yang berbaki pada sebahagian masalah-masalah datuk, dan dari satu pertiga yang baki pada masalah gharawain, maka keduanya sabit dengan ijtihad bukan dengan Quran .

(وَهِيَ النِّصْفُ وَالرُّبْعُ وَالثَّمْنُ وَالثُّلْثَانُ وَالثُّلْثُ وَالسُّدُسُ. وَهِيَ لِعَشْرَةٍ. الزَّوْجَانِ وَالْأَبْوَانِ وَالْبَنَاتِ وَبَنَاتِ الْإِبْنِ وَالْأَخَوَاتِ وَالْجَدُّ وَالْجَدَّاتُ وَالْإِخْوَةُ وَالْأَخَوَاتُ مِنَ الْأُمِّ).

1599. (**Ianya setengah dan satu perempat dan dua pertiga dan satu pertiga dan satu perenam. Ia bagi sepuluh: dua suami isteri dan dua ibu bapa dan anak-anak perempuan dan anak-anak perempuan bagi anak lelaki dan datuk dan nenek dan saudara lelaki dan saudara perempuan seibu**).

(فَأَمَّا الزَّوْجُ فَلَهُ النِّصْفُ مَعَ عَدَمِ وِلْدٍ أَوْ وِلْدِ ابْنٍ وَارِثٍ) لزوجته، وإن كان من غيره. وخرج بالوارث من قام به مانع فإنه كالأعدم. (وَلَهُ الرُّبْعُ مَعَ الْوَالِدِ أَوْ وِلْدِ الْإِبْنِ).

1600. (**Maka adapun suami maka baginya setengah serta ketiadaan anak atau anak bagi anak lelaki yang mewarisi**) isterinya, sekalipun dia dari selain dia. Keluar dengan "yang mewarisi" oleh orang yang berdiri padanya suatu yang menghalang, maka dia seperti tidak ujud. (**Dan baginya satu perempat bersama dengan anak atau anak bagi anak lelaki**).

وَأَمَّا الزَّوْجَةُ فَلَهَا الرُّبْعُ مَعَ عَدَمِ الْوَلَدِ أَوْ وَلَدِ ابْنٍ) له (وَارِثٍ. وَلَهَا الثُّمْنُ مَعَ الْوَلَدِ أَوْ وَلَدِ ابْنٍ). والولد وولد الابن فيهما يشمل الذكر والأنثى. وَلِلزَّوْجَتَيْنِ وَالثَّلَاثِ وَالْأَرْبَعِ مَا لِلوَاحِدَةِ مِنَ الرُّبْعِ وَالثُّمْنِ).

1601. (Adapun isteri maka baginya satu perempat serta ketiadaan anak atau anak bagi anak lelaki) baginya (yang mewarisi. Dan baginya satu perlapan bersama dengan anak atau anak bagi anak lelaki). Anak dan anak bagi anak lelaki pada kedua suami isteri itu meliputi yang lelaki dan yang perempuan. (Dan bagi dua isteri dan tiga dan empat apa yang bagi seorang, daripada satu perempat dan satu perlapan itu).

وَأَمَّا الْأَبُ فَلَهُ السُّدُسُ مَعَ ابْنِ ابْنٍ وَابْنِ ابْنِ ابْنٍ، ومع البنت وبنت الابن يستحق ذلك أيضا، لكن إن لم يكن معه غيره يستحق الباقي بالتعصيب. (فَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُ ابْنٌ) ولا ابن (ابن فهو عَصَبَةٌ كَمَا سَيَأْتِي).

1602. (Adapun bapa maka baginya satu perenam hal keadaan dia bersama dengan anak lelaki dan anak lelaki bagi anak lelaki), dan bersama dengan anak perempuan dan anak perempuan bagi anak lelaki, dia berhak kepada demikian itu juga. Akan tetapi jika tidak ada bersamanya selainnya berhaklah dia kepada bakinya dengan jalan asabah. (Maka jika tidak ada bersamanya anak lelaki) dan tidak anak lelaki (bagi anak lelaki maka dia adalah asabah seperti mana akan datang).

وَأَمَّا الْأُمُّ فَلَهَا الثُّلُثُ إِذَا لَمْ يَكُنْ مَعَهَا وَلَدٌ وَلَا وَلَدُ ابْنٍ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أَنْثَى، وَلَا مَعَهَا (إِثْنَانِ مِنَ الْإِخْوَةِ وَالْأَخَوَاتِ سِوَاءَ كَانُوا أَشِقَاءَ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لِأُمٍّ)، كانوا وارثين أو لا. فعند وجود العدد المذكور تحجب من الثلث إلى السدس.

1603. (Adapun ibu maka baginya satu pertiga apabila tidak ada bersamanya anak dan tidak anak bagi anak lelaki, lelaki adalah dia atau perempuan, dan tidak ada) bersamanya (dua orang daripada saudara lelaki dan saudara perempuan, sama sahaja adalah mereka itu seibu sebapa atau sebapa atau seibu), adalah mereka itu, mewarisi atau tidak. Maka disisi ada bilangan tersebut itu dihijab dia dari satu pertiga kepada satu perenam.

(وَ) يقيد أخذها الثلث أيضا بما إذا (لَمْ تَكُنْ) الأم وارثة (فِي مَسْأَلَةِ زَوْجٍ وَأَبْوَيْنِ) والميت فيها الزوجة وهي بنتها، (وَلَا) في مسألة (زَوْجَةٍ وَأَبْوَيْنِ) والميت فيها الزوج وهو ابنها. (فَإِنْ كَانَ مَعَهَا وَلَدٌ أَوْ وَلَدُ ابْنٍ أَوْ اثْنَانِ مِنَ الْإِخْوَةِ وَالْأَخَوَاتِ فَلَهَا)، أي الأم، (السُّدُسُ).

1604. (dan) dikaitkan hak mengambilnya akan satu pertiga juga dengan keadaan apabila (tidak adalah) ibu itu mewarisi (pada masalah suami dan dua ibu bapa) sedang mayat padanya adalah isteri yang dia itu anak perempuannya, (dan tidak) pada masalah (isteri dan dua ibu bapa) sedang mayat padanya adalah suami dan dia itu anak lelakinya. (Maka jika ada bersamanya anak atau anak bagi anak lelaki atau dua orang daripada

saudara lelaki dan perempuan maka baginya), iaitu ibu itu, (satu perenam).

(وَإِنْ كَانَتْ فِي مَسْأَلَةِ زَوْجٍ وَأَبْوَيْنِ أَوْ زَوْجَةٍ وَأَبْوَيْنِ) وهي الغراوان (فَلَهَا) أي للأم (ثُلُثٌ مَّا بَقِيَ بَعْدَ فَرَضِ الزَّوْجِ). فقد ماتت بنتها عندها و عن أبيها وزوجها، فيأخذ الزوج النصف ثلاثة لأن مسألتهم من ستة إذ فيها نصف وثلث فيضرب اثنان في ثلاثة. فإذا أخذ الزوج النصف بقي ثلاثة، فلو أخذت الثلث و هو اثنان لزادت على الأب و هو غير معهود في الشرع لأنه في درجتها و هو ذكر فيستحق مثلها فأعطيناها ثلث الباقي و هو واحد وأخذ هو اثنان.

1605. (Dan jika dia berada pada masalah suami dan dua ibu bapa, atau isteri dan dua ibu bapa) yang mana ia adalah masalah gharawan, (maka baginya), iaitu ibu, (satu pertiga apa yang berbaki selepas fardhu suami). Maka sungguh mati anak perempuannya meninggalkan dia dan bapanya dan suaminya, maka suami itu mengambil setengah iaitu tiga kerana masalah mereka ini dari enam kerana padanya setengah dan satu pertiga, maka didarabkan dua pada tiga, maka apabila suami mengambil setengah tinggal lagi tiga, maka kalau ibu itu mengambil satu pertiga iaitu dua nescaya dia lebih diatas bapa yang mana ia tidak dimaklumi pada syara' kerana bapa itu pada tingkatan ibu dan dia lelaki maka dia berhak kepada dua kali gandanya, maka kita berikan si ibu itu satu pertiga daripada yang berbaki iaitu satu dan bapa mengambil dua.

(أَوْ الزَّوْجَةِ)، أي فرض الزوجة و هو الربع. ومسألتها من اثني عشر لأن فيها ربعا و هو نصيب الزوجة وثلاثا و هو نصيب الأم، فيضرب ثلاثة في أربعة باثني عشر، يعطى ربعها و هو ثلاثة للزوجة ويقسم ما بقي على الأم والأب للذكر مثل حظ الأنثيين فتأخذ ثلاثة، (وَالْبَاقِي لِلْأَبِ).

1606. (atau isteri), iaitu selepas fardhu isteri iaitu satu perempat. Masalahnya dari dua belas kerana padanya satu perempat iaitu habuan isteri dan dua pertiga iaitu habuan ibu, maka didarabkan tiga pada empat menghasilkan dua belas, diberikan satu perempatnya iaitu tiga kepada isteri, dan dibahagi-bahagikan apa yang tinggal keatas ibu dan bapa, bagi lelaki seumpama habuan dua perempuan, maka ibu itu mengambil tiga, (bakinya bagi bapa).

(فَيَأْخُذُ الزَّوْجُ فِي الْأُولَى النِّصْفَ) وهو ثلاثة من ستة كما تقدم (وَلَهَا السُّدُسُ) و هو واحد (لأنه ثُلُثٌ مَّا بَقِيَ، وَالْبَاقِي لِلْأَبِ) و هو الثلث. (وَفِي الثَّانِيَةِ تَأْخُذُ الزَّوْجَةُ الرَّبْعَ) و هو ثلاثة (وَالْأُمُّ الرَّبْعَ لِأَنَّهُ ثُلُثٌ مَّا بَقِيَ) و هو ثلاثة، (وَالْبَاقِي) وهو النصف ستة (لِلْأَبِ).

1607. (Maka suami mengambil pada masalah yang pertama itu akan setengah) iaitu tiga dari enam seperti mana yang telah lalu, (dan bagi ibu satu perenam) iaitu satu (kerana ia satu pertiga apa yang berbaki), iaitu

tiga, (dan bakinya) iaitu setengah daripada enam (bagi bapa). (Dan pada masalah kedua isteri mengambil satu perempat) iaitu tiga (dan ibu mengambil satu perempat kerana ia satu pertiga daripada apa yang berbaki) iaitu tiga, (dan bakinya) iaitu setengah iaitu enam (bagi bapa).

(وَأَمَّا الْبِنْتُ الْمُفْرَدَةُ) عمن يعصبها كأخيها و عن أخت تكون معها (فَلَهَا النِّصْفُ وَلِلْبُنْتَيْنِ فَصَاعِدًا الثَّلَاثَانِ، وَلِلْبِنْتِ الْإِبْنِ فَصَاعِدًا مَعَ بِنْتِ الصُّلْبِ الْمُفْرَدَةِ السُّدُسُ تَكْمِلَةَ الثَّلَاثَيْنِ). وأما لو كانت بنت الابن مع بنتين فأكثر فلا شيء لها.

1608. (Adapun seorang anak perempuan yang tunggal) dari orang yang menjadikannya asabah seperti saudara lelakinya, dan dari saudara perempuan lain yang bersamanya (maka baginya setengah, dan bagi dua anak perempuan maka lebih dua pertiga, dan bagi seorang anak perempuan bagi anak lelaki maka lebih bersama dengan anak perempuan sulbi yang tunggal satu perenam, kerana menyempurnakan dua pertiga). Adapun kalau anak perempuan bagi anak lelaki itu bersama dua anak perempuan, maka lebih maka tidak ada suatu baginya.

(وَأَمَّا الْأُخْتُ الْمُفْرَدَةُ الشَّقِيقَةُ فَلَهَا النِّصْفُ، وَلِلْأُخْتَيْنِ فَصَاعِدًا الثَّلَاثَانِ. وَإِنْ كَانَتْ مِنَ الْأَبِ فَلَهَا النِّصْفُ وَلِلْأُخْتَيْنِ فَصَاعِدًا الثَّلَاثَانِ، وَلِلْأُخْتِ مِنَ الْأَبِ فَصَاعِدًا الثَّلَاثَانِ، وَلِلْأُخْتِ مِنَ الْأَبِ فَصَاعِدًا مَعَ الشَّقِيقَةِ الْمُفْرَدَةِ السُّدُسُ تَكْمِلَةَ الثَّلَاثَيْنِ). وليس للأخت من الأب شيء إذا كان مع الشقيقة أخ أو أخت.

1609. (Adapun saudara perempuan syaqiqah yang tunggal maka baginya setengah, dan bagi dua orang maka lebih dua pertiga, dan jika dia sebapa maka baginya setengah dan bagi dua orang maka lebih dua pertiga. Dan bagi seorang saudara perempuan sebapa maka lebih bersama dengan saudara perempuan syaqiqah yang tunggal satu perenam sebagai menyempurnakan dua pertiga). Tidak ada suatu bagi saudara perempuan sebapa apabila dia bersama dengan saudara perempuan syaqiqah seorang saudara lelaki atau seorang saudara perempuan yang lain.

(وَالْأَخْوَاتِ الْأَشِقَاءِ مَعَ الْبَنَاتِ عَصَبَةٌ). الجمع ليس بقيد فيهما. فلو كانت أخت شقيقة وبنت وزوجة وأخ لأب فالبنت لها النصف والزوجة الثمن والباقي للأخت الشقيقة، ولا شيء للأخ من الأب.

1610. (Saudara-saudara perempuan syaqiqah bersama dengan anak-anak perempuan adalah asabah). Jamak ini bukannya kait pada keduanya. Maka kalau didapati seorang saudara perempuan syaqiqah dan seorang anak perempuan dan isteri dan saudara sebapa maka anak perempuan itu baginya setengah dan isteri satu perlapan dan bakinya bagi saudara perempuan syaqiqah dan tidak ada suatu bagi saudara lelaki sebapa itu.

(فَإِنْ فَقَدْنَ)، أي الشقيقات، (فَالْأَخْوَاتُ مِنَ الْأَبِ) يقمن مقامهن في التعصيب. (مِثْلُهُ)، أي مثال وجود العصبية مع الغير: (بِنْتُ وَأُخْتُ) لأبوين أو لأب،

(لِلْبَنَاتِ النَّصْفُ وَالْبَاقِي لِلْأَخْتِ) تعصيباً، (بِنْتَانِ وَأُخْتُ شَقِيقَةٍ وَأُخْتُ) من (الْأَبِ لِلْبَنَاتَيْنِ التُّنْتَانِ) فرضاً (وَالْبَاقِي لِلشَّقِيقَةِ) تعصيباً (وَلَا شَيْءَ لِلْأُخْرَى) وهي الأخت من الأب لحجبها بالشقيقة ويقال للأخت عصبه مع الغير.

1611. (**Maka jika luput mereka**), iaitu saudara perempuan syaqiqah, (**maka saudara perempuan sebapa**) berdiri pada tempat mereka itu pada mengambil asabah. (**Contohnya**), iaitu contoh adanya asabah bersama orang lain; (**anak perempuan dan saudara perempuan**) seibu sebapa atau sebapa, (**bagi anak perempuan setengah dan baki peninggalan bagi saudara perempuan**) diatas jalan asabah; ([contohnya juga] **dua anak perempuan dan seorang saudara perempuan syaqiqah dan seorang saudara perempuan**) dari (**bapa, bagi dua anak perempuan itu dua pertiga**) diatas jalan fardhu (**dan bakinya bagi syaqiqah itu**) diatas jalan asabah, (**dan tidak ada suatu bagi yang seorang lagi**), iaitu saudara perempuan sebapa kerana terhibabnya dengan syaqiqah itu. Dipanggil saudara perempuan itu asabah bersama dengan orang lain.

(وَأَمَّا الْجِدُّ فَتَارَةٌ يَكُونُ مَعَهُ إِخْوَةٌ وَأَخَوَاتٌ) أشقاء أو لأب (وتارة لا) يكون معه. (فإن لم يكونوا معه فله السدس مع الابن) أو (وابن الابن) ومع عديمهما) ولو مع وجود بنت أو بنت ابن (هو عصبه). إن انفرد أخذ المال وإن كان معه بنت أو بنت ابن أخذ السدس فرضاً وما يبقى تعصيباً.

1612. (**Adapun datuk maka sekali ada bersamanya saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan**), syaqiqah atau sebapa, (**dan sekali tidak**) ada sesiapa bersamanya. (**Maka jika mereka itu tidak bersamanya maka baginya satu perenam, hal keadaan dia bersama dengan anak lelaki**) atau (**anak lelaki bagi anak lelaki. Dan serta ketiadaan kedua mereka**) walaupun beserta ada anak perempuan atau anak perempuan bagi anak lelaki (**dia adalah asabah**). Jika dia sendirian dia mengambil baki harta dan jika ada bersamanya anak perempuan atau anak perempuan bagi anak lelaki dia mengambil satu perenam diatas jalan fardhu dan apa yang berbaki diatas jalan asabah.

(وإن كان معه إخوة وأخوات أشقاء أو لأب فتارة يكون معهم ذو فرض) كزوج أو زوجة (وتارة لا) يكون معهم. (فإن لم يكن معهم ذو فرض) بأن كان الجد والإخوة لا غير (قاسم الجد للإخوة) الذكور (وعصب إنائهم) فيأخذ مثل حظ الأنثيين

1613. (**Jika ada bersamanya saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan, syaqiqah atau sebapa, maka sekali ada bersama mereka tuan fardhu**) seperti suami atau isteri (**dan sekali tidak**) ada dia bersama mereka. (**Maka jika tidak ada bersama mereka tuan fardhu**) dengan bahawa didapati datuk dan saudara lelaki, tidak seorang lain, (**berbahagilah datuk dengan saudara-saudara**) lelaki, (**dan**

mengasabahkan yang perempuan-perempuan daripada mereka itu) lalu dia mengambil seumpama habuan dua orang perempuan...

(مَا لَمْ يَنْقُصْ مَا يَخْصُهُ بِالْمُقَاسَمَةِ) لِلذَّكَورِ أَوْ بِالتَّعْصِيبِ لِلنَّاتِ (عَنْ ثَلَاثِ جَمِيعِ الْمَالِ)، سواء ساوى الثلث أو زاد عليه. (فَإِنْ نَقَصَ فَأَدَّهٗ يُفْرَضُ لَهُ التَّلَاثُ وَيُجْعَلُ الْبَاقِي لِلْأَخْوَةِ وَالْأَخْوَاتِ الذَّكَرُ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ).

1614. (...selama mana tidak kurang apa yang khusus buatnya dengan **berbahagi**) dengan saudara-saudara lelaki atau dengan mengasabahkan saudara-saudara perempuan (**dari satu pertiga semua harta**), sama ada ia menyamai satu pertiga atau lebih di atasnya. (**Maka jika ia kurang maka difardhukan baginya satu pertiga dan dijadikan baki harta bagi saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan**).

(مِثَالُهُ)، أي مثال كون المقاسمة أحسن للجد: (جَدُّ وَأُخْتٌ) فيأخذ الثلثين و هي الثلث فالمقاسمة أحظ له، (أَوْ) جد و(أُخْتَانِ)، فله النصف ولهما النصف فالمقاسمة له أحظ، (أَوْ) جد و(ثَلَاثِ) أخوات، فله الخمسان ولهن ثلاثة أخماس فالمقاسمة له أحظ من الثلث، (أَوْ) جد و(أَرْبَعِ) من الأخوات، فله الثلث ولهن الثلثان فلم ينقص عن الثلث، (أَوْ) جَدُّ وَأَخٌ أَوْ أَخْوَانٌ أَوْ أَخٌ وَأُخْتٌ أَوْ أَخٌ وَأُخْتَانِ، فَيُقَاسِمُ فِي هَذِهِ الصُّورِ الثَّمَانِيَةِ (لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ). هذا حكمه إذا لم يكن معه ذو فرض.

1615. (**Contohnya**), iaitu contoh keadaan muqasamah itu lebih elok bagi datuk: (**datuk dan seorang saudara perempuan**) maka dia mengambil dua pertiga dan saudara perempuan mengambil satu pertiga, maka muqasamah lebih menguntungkan baginya, (**atau**) datuk dan (**dua saudara perempuan**) maka baginya setengah dan bagi dua mereka setengah maka muqasamah lebih untung untuk baginya, (**atau**) datuk dan (**tiga**) saudara perempuan maka baginya dua perlima dan bagi mereka tiga perlima maka muqasamah lebih untung baginya dari satu pertiga, (**atau**) datuk dan (**empat**) saudara perempuan maka baginya satu pertiga dan bagi mereka dua pertiga maka ia tidak kurang dari satu pertiga, (**atau datuk dan seorang saudara lelaki atau dua saudara lelaki atau seorang saudara lelaki dan seorang saudara perempuan atau seorang saudara lelaki dan dua saudara perempuan, maka dia berbahagi pada rupa-rupa masalah ini**) yang lapan, (**bagi yang lelaki seumpama habuan dua yang perempuan**). Ini hukumnya bila tidak ada bersamanya tuan fardhu.

(وَإِنْ كَانَ مَعَهُ) أَي الْجَدِ (ذُو فَرَضٍ) وَاحِدٌ أَوْ مُتَعَدِّدٌ (فَرَضَ)، أَي قَدْرٌ، (لِذِي الْفَرَضِ) فَرَضُهُ ثُمَّ يُعْطَى الْجَدُّ مِنَ الْبَاقِي) بَعْدَ إِخْرَاجِ الْفَرَضِ (الْأَوْفَرَ لَهُ)، أَي الْأَحْظَ لَهُ، (مِنْ ثَلَاثَةِ أَشْيَاءَ، إِمَّا الْمُقَاسَمَةَ أَوْ ثَلَاثَ مَا يَبْقَى أَوْ سُدُسَ جَمِيعِ الْمَالِ).

1616. (**Jika ada bersamanya**) iaitu datuk (**tuan fardhu**) seorang atau berbilang-bilang (**difardhukan**), iaitu dikadarkan, (**bagi tuan fardhu itu akan fardhunya kemudian diberikan datuk daripada yang berbaki**) selepas dikeluarkan fardhu itu (**akan yang paling sempurna buatnya**), iaitu yang paling untung baginya, (**daripada tiga perkara, sama ada muqasamah atau satu pertiga daripada apa yang berbaki atau satu perenam daripada semua harta itu**).

(مِثَالُهُ)، أي مثال ما إذا كان مع الجد والإخوة ذو فرض، (•زَوْجٌ وَجَدٌّ وَأَخٌ). مسألتهم من اثنين وتصح من أربعة. للزوج النصف. والجد إذا قاسم أخذ الربع وهو أحظ له من سدس المال وثالث ما يبقى وهو سدس أيضا. (المُقَاسَمَةُ خَيْرٌ لَهُ).

1617. (**Contohnya**), iaitu contoh keadaan apabila ada bersama datuk dan saudara lelaki tuan fardhu: (**•suami dan datuk dan saudara lelaki**). Masalah mereka dari dua dan sah ia dari empat. Bagi suami setengah, dan datuk bila bermuqasamah mengambil satu perempat yang mana ia lebih menguntungkan baginya dari satu perenam harta dan dari satu pertiga apa yang berbaki iaitu satu perenam juga. (**Muqasamah lebih baik baginya**).

(بِنْتَانِ وَأَخَوَانِ وَجَدٍّ. سُدُسُ جَمِيعِ الْمَالِ خَيْرٌ لَهُ). أصلها من ستة لأن سدس المال خير للجد. فله واحد، وللبننتين أربعة وللأخوين واحد ينكسر على مخرج النصف فيضرب اثنان في أصل المسألة فتصح من اثني عشر. فالجد الأحظ له السدس وهو اثنان فهما خير له من المقاسمة لأنه ينوبه فيها واحدٌ وثالث. وكذلك ثالث ما يبقى.

1618. (**•dua anak perempuan dan dua saudara lelaki dan datuk. Satu perenam semua harta lebih baik baginya**). Asal masalah ini dari enam kerana satu perenam harta lebih bagi datuk, maka baginya satu dan bagi dua anak perempuan empat dan bagi dua saudara lelaki satu, terpecah ia diatas makhraj setengah maka dikalikan dua pada asal masalah maka sah ia dari dua belas. Maka datuk lebih untung baginya satu perenam iaitu dua, kerana dua itu lebih baik baginya dari muqasamah kerana menggantikannya pada muqasamah oleh satu satu pertiga. Begitu juga apa yang berbaki.

(زَوْجَةٌ وَثَلَاثَةٌ إِخْوَةٌ وَجَدٌّ ثُلُثُ الْبَاقِي خَيْرٌ لَهُ).

1619. (**•isteri dan tiga saudara lelaki dan datuk. Satu pertiga baki lebih baginya**).

(بِنْتَانِ وَأُمَّ وَجَدٍّ وَإِخْوَةٌ) ثلاثة فأكثر. (لِلْبَنَيْنِ الثُّلُثَانِ وَلِلْأُمَّ السُّدُسُ وَلِلْجَدِّ السُّدُسُ. وَتَسْقُطُ الْإِخْوَةُ).

1620. (**•dua anak perempuan dan emak dan datuk dan saudara lelaki**) tiga orang maka lebih. (Bagi dua anak perempuan dua pertiga dan bagi emak satu perenam dan bagi datuk satu perenam, dan gugur saudara lelaki).

(وَإِنْ اجْتَمَعَ مَعَهُ الْإِخْوَةُ الْأَشِقَاءُ وَالْإِخْوَةُ لِلْأَبِ فَإِنَّ الْأَشِقَاءَ عِنْدَ الْمُقَاسِمَةِ يُعَدُّونَ عَلَى الْجَدِّ الْإِخْوَةَ مِنَ الْأَبِ ثُمَّ يَأْخُذُونَ نَصِيبَهُمْ. مِثْلُهُ جَدٌّ وَأَخٌ شَقِيقٌ وَأَخٌ لِأَبٍ. لِلْجَدِّ الثَّلَاثُ وَاللِّثْنَانِ لِلْأَخِ الشَّقِيقِ الثَّلَاثُ الَّذِي خَصَّهُ بِالْقِسْمَةِ وَالثَّلَاثُ الَّذِي هُوَ نَصِيبُ الْأَخِ مِنَ الْأَبِ لِأَنَّ الشَّقِيقَ يَحْجُبُهُ فَيَعُودُ نَفْعُهُ إِلَيْهِ).

1621. (Jika berhimpun bersama datuk saudara-saudara lelaki syaqiq dan saudara-saudara lelaki sebapa, maka saudara-saudara lelaki syaqiq itu di sisi muqasamah dikirakan diatas datuk sebagai saudara sebapa kemudian mereka mengambil habuan mereka. Contohnya datuk dan saudara lelaki syaqiq dan saudara lelaki sebapa, bagi datuk satu pertiga dan dua pertiga bagi saudara syaqiq, satu pertiga itu yang khusus buatnya dengan muqasamah dan satu pertiga lagi yang ia habuan saudara lelaki sebapa kerana saudara syaqiq itu menghibabnya maka kembali manfaat yang sebapa itu kepadanya).

(فَإِنْ كَانَ الشَّقِيقُ أُخْتًا فَرَدَّةً كَمَلَّ لَهَا الْأَخُ مِنَ الْأَبِ النِّصْفَ وَالْبَاقِي لَهَا)،
ولولاه لأعطاها الجد الثلث. فلما وجد عدته على الجد فأصل المسألة من خمسة عدد الرؤوس وتصح من عشرة فتأخذ هي اثنين في المقاسمة ويأخذ الأخ أربعا يعطيها منها ثلاثة ويأخذ سهما واحدا.

1622. (Maka jika adalah saudara lelaki syaqiq itu saudara perempuan yang tunggal saudara lelaki sebapa menyempurnakan baginya akan setengah dan baki harta baginya), yang mana kalau saudara lelaki sebapa itu tidak ujud nescaya datuk memberikan kepadanya akan satu pertiga itu. Maka apabila didapat bilangannya diatas datuk maka asal masalah adalah dari lima iaitu bilangan kepala-kepala, dan sah ia dari sepuluh, maka saudara perempuan mengambil dua pada muqasamah dan saudara lelaki mengambil empat yang dia berikan kepada saudara perempuan itu daripadanya akan tiga, dan datuk mengambil satu saham.

(وَلَا يُفْرَضُ لِلْأَخْتِ) الشَّقِيقَةُ أَوْ لِأَبٍ (مَعَ الْجَدِّ إِلَّا فِي الْأَكْدَرِيَّةِ. وَهِيَ زَوْجٌ وَأُمٌّ وَجَدٌّ وَأَخْتُ شَقِيقَةٍ. فَلِلزَّوْجِ النِّصْفُ وَلِلْأُمِّ الثَّلَاثُ وَلِلْجَدِّ السُّدُسُ، إِسْتَعْرَقَ الْمَالَ) ولم يبق منه شيء، (وَلَيْسَ هُنَا مَنْ يَحْجُبُ الْأَخْتَ عَنْ فَرْضِهَا فَتَعُولُ الْمَسْأَلَةُ بِنَصِيبِ الْأَخْتِ). أصلها من ستة وتعول بثلاثة.

1623. (Tidak difardhukan bagi saudara perempuan) syaqiqah atau sebapa (bersama datuk melainkan pada masalah akdariah. Ia adalah suami dan emak dan datuk dan saudara perempuan syaqiqah. Maka bagi suami setengah dan bagi emak satu pertiga dan bagi datuk satu perenam, habislah harta itu) dan tidak tinggal daripadanya suatu, (sedangkan tidak ada di sini orang yang menghibab saudara perempuan dari fardhunya, maka masalah ini meningkat dengan habuan saudara perempuan). Asalnya dari enam dan meningkat dengan tiga.

(فَتَقَسَّمُ مِنْ تِسْعَةٍ، لِلزَّوْجِ ثَلَاثَةً مِنَ التَّسْعَةِ وَلِلْأُمِّ اثْنَانِ، يَبْقَى أَرْبَعَةٌ وَهِيَ نَصِيبُ الْأَخْتِ وَالْجَدِّ، فَتُجْمَعُ وَتُقَسَّمُ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ)، أي الجد، فتنكسر على مخرج الثالث، فتضرب ثلاثة في تسعة فتبلغ سبعا وعشرين، ومنها تصح، (لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ).

1624. (Maka dibahagikan ia dari sembilan, bagi suami tiga dari sembilan dan bagi emak dua, tinggal lagi empat yang mana ia habuan saudara perempuan dan datuk, maka dihimpunlah ia dan dibahagikan diantara dia dan diantara dia), iaitu datuk, maka terpecahlah ia diatas makhraj satu pertiga, maka dikalikah tiga pada sembilan maka sampailah ia dua puluh tujuh yang daripadanya masalah ini sah, (bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan).

(وَأَمَّا الْجِدَّةُ فَإِنْ كَانَتْ أُمُّ الْأُمِّ أَوْ أُمُّ الْأُمِّ وَهَكَذَا، أَوْ أُمُّ الْأَبِ أَوْ أُمُّ أُمِّ الْأَبِ وَهَكَذَا، أَوْ أُمُّ أَبِي الْأَبِ وَهَكَذَا، فَلَهَا السُّدُسُ) فرضا.

1625. (Adapun nenek, maka jika dia emak emak atau emak emak emak dan seterusnya, atau emak bapa atau emak emak bapa dan seterusnya, atau emak bapa bapa dan seterusnya, maka baginya satu perenam) diatas jalan fardhu.

(وَإِنْ اجْتَمَعَ جَدَّتَانِ فِي دَرَجَةٍ فَلَهُمَا السُّدُسُ) اشتراكا، (مِثْلُ أُمِّ أَبِي وَأُمِّ أُمِّ أَوْ أُمِّ أُمِّ أَبِي وَأُمِّ أَبِي أَبِي).

1626. (Jika berhimpun dua nenek pada satu tingkatan maka bagi kedua mereka satu perenam) diatas jalan kongsi, (contohnya emak bapa dan emak emak, atau emak emak bapa dan emak bapa bapa).

(وَإِنْ كَانَتْ إِحْدَاهُمَا أَقْرَبَ، فَإِنْ كَانَتْ الْقُرْبَى مِنْ جِهَةِ الْأُمِّ أَسْقَطَتِ الْبُعْدَى) من جهة الأب (مِثْلُ أُمِّ أُمِّ وَأُمِّ أُمِّ أَبِي. وَإِنْ كَانَتْ الْقُرْبَى مِنْ جِهَةِ الْأَبِ لَمْ تُسْقَطِ الْبُعْدَى) من جهة الأم، (بَلْ يَشْتَرِكَانِ فِي السُّدُسِ. مِثْلُ أُمِّ أَبِي وَأُمِّ أُمِّ أُمِّ).

1627. (Maka jika adalah satu daripada keduanya lebih dekat maka jika yang dekat itu dari pihak emak dia menggugurkan yang jauh) dari pihak bapa, (contohnya emak emak dan emak emak bapa. Jika) yang dekat itu (dari pihak bapa dia tidak menggugurkan yang jauh) dari pihak emak, (bahkan kedua mereka berkongsi pada satu perenam).

(وَأَمَّا الْجِدَّةُ الَّتِي هِيَ أُمُّ أَبِي الْأُمِّ فَلَا تَرِثُ بَلْ هِيَ مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ كَمَا سَبَقَ).

1628. (Adapun nenek yang dia itu emak bapa emak maka dia tidak mewarisi, bahkan dia daripada zawil arham seperti mana telah lalu).

(وَأَمَّا الْأَخْوَةُ وَالْأَخَوَاتُ مِنَ الْأُمِّ فَلِلْوَالِدِ مِنْهُمُ السُّدُسُ وَلِلْأَخَوَاتِ فَصَاعِدًا الثَّلَاثُ، ذُكُورُهُمْ وَإِنَاثُهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ).

1629. (Adapun saudara lelaki dan saudara perempuan dari ibu maka bagi seorang daripada mereka satu perenam dan bagi dua orang maka lebih satu pertiga, lelaki mereka dan perempuan mereka sama padanya.

فَتَخْلَصُ مِنْ ذَلِكَ، أي تحصل وعلم، **(أَنَّ النِّصْفَ فَرَضُ خَمْسَةِ، الزَّوْجُ فِي حَالَةٍ)** وهي ما إذا لم يكن لزوجته فرع وارث، **(وَالْبِنْتُ وَبِنْتُ الْإِبْنِ وَالْأَخْتُ الشَّقِيقَةُ أَوْ لِأَبٍ)**،

1630. **(Maka dirumuskan dari demikian itu)**, iaitu terhasil dan diketahui, **(bahawa setengah itu fardhu bagi lima: •suami pada satu keadaan)**, iaitu apabila isterinya tidak punya anak yang mewarisi, **(•dan anak perempuan •dan anak perempuan bagi anak lelaki •dan saudara perempuan syaqqiqah •atau sebapa)**,

وَالرُّبْعُ فَرَضُ اثْنَيْنِ، الزَّوْجُ فِي حَالَةٍ) وهي ما إذا كان لزوجته فرع وارث، **(وَالزَّوْجَةُ فِي حَالَةٍ)** وهي ما إذا كان الزوج ليس له فرع وارث.

1631. **(dan satu perempat fardhu dua orang: •suami pada satu keadaan)** iaitu apabila isterinya mempunyai anak yang mewarisi, **(•dan isteri pada satu keadaan)** iaitu apabila suaminya tidak punya anak yang mewarisi.

وَالثُّمْنُ فَرَضُ الزَّوْجَةِ فِي حَالَةٍ)، وهي ما إذا كان لزوجها فرع وارث.

1632. **(dan satu perlapan fardhu isteri pada satu keadaan)**, iaitu apabila suaminya mempunyai anak yang mewarisi.

وَالثُّلْثَانُ فَرَضُ أَرْبَعَةٍ: الْبَنَاتُ فَصَاعِدًا، أَوْ بَنَاتُ الْإِبْنِ فَصَاعِدًا، وَالْأَخْتَانِ فَصَاعِدًا الشَّقِيقَتَانِ أَوْ لِلْأَبِ).

1633. **(dan dua pertiga itu fardhu bagi empat: •anak perempuan maka lebih^{xxxiii} •atau anak perempuan bagi anak lelaki maka lebih, •dan dua saudara perempuan maka lebih, yang syaqqiqah atau yang sebapa.**

وَالثُّلْثُ فَرَضُ اثْنَيْنِ، الْأُمُّ فِي حَالٍ) وهي ما إذا لم يكن للميت فرع وارث ولا عدد من الإخوة والإخوات، **(وَإِثْنَانِ فَأَكْثَرَ مِنْ وَلَدِ الْأُمِّ وَقَدْ يُفَرَضُ لِلْجَدِّ مَعَ الْإِخْوَةِ).** وذلك إذا زادوا على مثليه كجد وعشرة إخوة.

1634. **(dan satu pertiga itu fardhu bagi dua: •emak pada satu keadaan)** iaitu apabila mayat tidak punya anak yang mewarisi dan tidak bilangan daripada saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan, **(•dan dua orang maka lebih daripada anak emak walhal difardhukan bagi datuk yang bersama dengan saudara-saudara lelaki)**, yang mana demikian itu apabila mereka itu lebih diatas dua kali gandanya seperti datuk dan sepuluh saudara lelaki.

وَالسُّدُسُ فَرَضُ سَبْعَةٍ، الْأَبُ فِي حَالَةٍ) وهي ما إذا كان للميت ولد أو ولد ابن، **(وَالْجَدُّ فِي حَالَةٍ)** وهي ما إذا مات الميت عن ذكر في الأب، **(وَالْأُمُّ فِي حَالَةٍ)** وهي ما إذا مات عن ذكر في الأب أو كان للميت عدد من الإخوة والأخوات، **(وَالْجَدَّةُ فِي حَالَةٍ)** وهي ما إذا انفردت، **(وَلِبْنَتِ الْإِبْنِ فَصَاعِدًا مَعَ**

بَذَتْ الصُّلْبِ، وَلَأْذَتْ أَوْ أَخَوَاتٍ لِأَبٍ مَعَ شَقِيقَةٍ فَرْدَةٍ، وَلِوَاحِدٍ مِنَ الْإِخْوَةِ لِلْأُمِّ).

1635. (dan satu perenam itu fardhu bagi tujuh: •bapa pada satu keadaan) iaitu apabila mayat mempunyai anak atau anak bagi anak lelaki, (•dan datuk pada satu keadaan) iaitu apabila mayat mati meninggalkan orang yang disebutkan pada bapa itu, (•dan emak pada satu keadaan) iaitu apabila mayat mati meninggalkan orang yang disebutkan pada bapa itu atau ada bagi mayat bilangan daripada saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan, (•dan nenek pada satu keadaan) iaitu apabila dia sendirian, (•dan bagi seorang anak perempuan bagi anak lelaki maka lebih yang bersama anak perempuan sulbi, •dan bagi saudara perempuan atau beberapa saudara perempuan sebapa yang bersama seorang saudara perempuan syaqiqah, •dan bagi seorang daripada saudara-saudara lelaki seibu).

(فَصْلٌ فِي الْحُجْبِ). وَهُوَ مِنَ الْمَهْمَاتِ فِي الْفَرَائِضِ. (لَا يَرِثُ الْأَخُ مِنَ الْأُمِّ مَعَ أَرْبَعَةٍ: الْوَلَدُ) ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى، (وَوَلَدُ الْإِبْنِ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى، وَالْأَبُ وَالْجَدُّ). فَكُلٌ وَاحِدٌ مِنْ هَؤُلَاءِ يَحْجِبُهُ حَجْبُ حَرَمَانَ.

1636. (Fasal pada hijab-hijab). Ianya satu daripada perkara-perkara penting didalam faraidh. (Tidak mewarisi saudara lelaki seibu yang bersama dengan empat: •anak), lelaki adalah dia atau perempuan, (•dan anak bagi anak lelaki, lelaki adalah dia atau perempuan, •dan bapa •dan datuk). Maka setiap seorang daripada mereka menghijabnya sebagai hijab halang.

(وَلَا يَرِثُ الْأَخُ الشَّقِيقَ مَعَ ثَلَاثَةٍ: الْإِبْنُ وَابْنُ الْإِبْنِ وَالْأَبُ. وَلَا يَرِثُ الْأَخُ مِنَ الْأَبِ مَعَ أَرْبَعَةٍ: هَؤُلَاءِ الثَّلَاثَةُ وَالْأَخُ الشَّقِيقُ. وَلَا يَرِثُ ابْنُ الْإِبْنِ فَسَادِفًا مَعَ الْإِبْنِ، وَلَا مَعَ ابْنِ ابْنِ أَقْرَبِ مِنْهُ).

1637. (Tidak mewarisi saudara syaqiq bersama dengan tiga: •anak lelaki •dan anak lelaki bagi anak lelaki •dan bapa. Tidak mewarisi saudara lelaki sebapa bersama empat: mereka itu tiga •dan saudara lelaki syaqiq. Tidak mewarisi anak lelaki bagi anak lelaki maka menurun ke bawah keduanya bersama dengan •anak lelaki dan tidak bersama dengan •anak lelaki bagi anak lelaki yang lebih dekat daripadanya).

(وَلَا) تَرِثُ (الْجَدَّاتُ كُلُّهُنَّ مِنْ أَيِّ جِهَةٍ كُنَّ مَعَ) وجود (الْأُمِّ، وَلَا الْجَدُّ وَالْجَدَّةُ الَّتِي مِنْ جِهَةِ الْأَبِ مَعَ الْأَبِ). وَلَا يَحْجِبُ الْأَبُ وَلَا الْجَدَّةُ الْجَدَّةَ مِنْ جِهَةِ الْأُمِّ.

1638. (Dan tidak) mewarisi (nenek-nenek kesemua mereka, dari mana-mana pihak adalah mereka itu bersama) ada (emak, dan tidak datuk dan nenek yang dari pihak bapa bersama ada bapa). Dan tidak menghijab bapa dan tidak nenek akan nenek dari pihak emak.

(وَإِذَا اسْتَكْمَلَتِ الْبَنَاتُ الثَّلَاثِينَ لَمْ تَرِثْ بَنَاتُ الْإِبْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ فِي دَرَجَتِهِنَّ أَوْ أَسْفَلَ مِنْهُنَّ ذَكَرًا) فَإِنَّهُ (يُعَصَّبُهُنَّ، لِلذَّكَرِ مِثْلَ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ).

1639. (Apabila anak-anak perempuan menyempurnakan dua pertiga tidak mewarisi anak-anak perempuan bagi anak lelaki melainkan bahawa ada pada tingkatan mereka atau lebih bawah daripada mereka seorang lelaki) maka dia (mengasabahkan mereka, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan).

(مِثَالُهُ)، أي مثال حجب بنات الابن مع أكثر من بنت، (بِنْتَانِ وَبِنْتُ ابْنِ، لِلْبِنْتَيْنِ التُّلْثَانِ وَلَا شَيْءَ لِبِنْتِ الْإِبْنِ). أصلها من ثلاثة مخرج الثلث، لهما الثلثان، فيبقى واحد، فيرد عليهما فينكسر على مخرج النصف وهو اثنان، فيضرب في أصل المسألة فتصح من ستة.

1640. (Contohnya), iaitu contoh terhibab anak perempuan bagi anak lelaki beserta lebih daripada seorang anak perempuan adalah (dua anak perempuan dan seorang anak perempuan bagi anak lelaki, bagi dua anak perempuan itu dua pertiga dan tidak ada satu bagi anak perempuan bagi anak lelaki itu). Asal masalaunya dari tiga, makhraj satu pertiga, bagi kedua mereka dua pertiga maka tinggal lagi satu maka dihantarkan ia keatas kedua mereka lalu terpecahlah ia diatas makhraj setengah iaitu dua maka didarabkan ia pada asal masalah itu maka sahlah ia dari enam.

(فَلَوْ كَانَ مَعَهَا)، أي بنت الابن، (إِبْنِ ابْنِ) كأخيها أو ابن عمها وهو في درجتها (أو ابْنِ ابْنِ ابْنِ) كابن أخيها أو ابن ابن عمها وهو أنزل منها في الدرجة (كَانَ الْبَاقِي) بعد فرض البنين وهو الثلث (لَهَا وَلَهُ، لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ).

1641. (Maka kalau ada bersamanya), iaitu anak perempuan bagi anak lelaki, (seorang anak lelaki bagi anak lelaki) seperti saudara lakinya atau anak lelaki bagi bapa saudaranya yang mana dia pada tingkatannya, (atau anak lelaki bagi anak lelaki bagi anak lelaki) seperti anak lelaki saudara lakinya atau anak lelaki bagi anak lelaki bapa saudaranya yang mana dia lebih rendah daripadanya pada tingkatan, (adalah baki harta) selepas fardhu dua anak perempuan itu, iaitu satu pertiga, (bagi dia dan baginya, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan).

(وَإِذَا اسْتَكْمَلَتِ الْأَخَوَاتُ الْأَشْقَاءَ التُّلْثَيْنِ لَمْ تَرِثِ الْأَخَوَاتُ مِنَ الْأَبِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَعَهُنَّ أَخٌ لَهُنَّ فَيُعَصَّبُهُنَّ، لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ). ولا يعصبن إلا أخوهن المساوي لهن.

1642. (Apabila saudara-saudara perempuan syaqiqah menghabisi dua pertiga tidak mewarisi saudara-saudara perempuan sebapa melainkan bahawa ada bersama mereka itu saudara lelaki mereka maka dia mengasabahkan mereka itu, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan). Tidak mengasabahkan mereka itu melainkan saudara mereka yang sama tingkat dengan mereka.

(وَمَنْ لَا يَرِثُ أَصْلًا) كمن قام به مانع من كفر أو قتل أو رق (لَا يَحْجُبُ أَحَدًا) من الورثة، لا حجب حرمان ولا حجب نقصان. (وَمَنْ يَرِثُ لَكِنَهُ مَحْجُوبٌ) حجب حرمان (لَا يَحْجُبُ) غيره (أَيْضًا حُجْبَ حَرَمَانٍ، لَكِنَهُ قَدْ يَحْجُبُ) غيره (حُجْبَ تَنْقِيسٍ. مِثْلُ الْإِخْوَةِ مِنَ الْأُمِّ مَعَ الْأَبِ وَالْأُمِّ، لَا يَرِثُونَ) لاجب الأب لهم، (وَيَحْجُبُونَ الْأُمَّ مِنَ الثَّلَاثِ إِلَى السُّدُسِ) لأنهم عدد من الإخوة. وكل عدد منهم يحجبها من الثلث إلى السدس.

1643. (Orang yang tidak mewarisi sama sekali) seperti orang yang berdiri padanya suatu penghalang berupa kufur atau bunuh atau hamba, (dia tidak menghijab seorang pun) daripada para waris, tidak hijab hirman dan tidak hijab nuqshan. (Orang yang mewarisi akan tetapi dia terhijab) sebagai hijab hirman (tidak dia menghijab) orang lain (juga sebagai hijab hirman, akan tetapi terkadang dia menghijab) orang lain (sebagai hijab nuqshan. Contohnya saudara-saudara lelaki seibu bersama dengan bapa dan emak, mereka tidak mewarisi) kerana hijab bapa akan mereka (serta mereka menghijab emak dari satu pertiga kepada satu perenam) kerana mereka itu bilangan daripada saudara-saudara lelaki, dan setiap bilangan daripada mereka itu menghijabnya dari satu pertiga kepada satu perenam.

(وَمَتَى زَادَتِ الْفَرُوضُ)، أي أصحابها، (عَلَى السَّهَامِ)، أي الأنصباء، (أَعِيلَتْ)، أي زيد في سهامها، (بِالْجُزْءِ الزَّائِدِ). وحينئذ يدخل النقص على جميع الورثة كما يدخل على أرباب الديون في التقليل. (مِثْلُ مَسْأَلَةِ الْمُبَاهَلَةِ وَهِيَ زَوْجٌ وَأُمٌّ وَأَخْتُ شَقِيقَةٍ. فَلِلزَّوْجِ النِّصْفُ وَلِلْأَخْتِ الشَّقِيقَةِ النِّصْفُ اسْتَعْرَقَ الْمَالُ، وَ) بقيت (الْأُمُّ) وهي (لَا تُحْجَبُ).

1644. (Bila lebih fardhu-fardhu), iaitu tuan-tuannya, (diatas saham-saham), iaitu habuan-habuan, (ditingkatkan ia), iaitu ditambah pada saham-sahamnya, (dengan jujuk yang lebih itu). Ketika itu masuk oleh kurang keatas semua para waris seperti mana ia masuk keatas tuan-tuan hutang pada hukum muflis. (Seumpama masalah mubahalalah, iaitu suami dan emak dan saudara perempuan syaqiqah, maka bagi suami setengah dan bagi saudara perempuan) syaqiqah (setengah, habislah harta itu, dan) tinggal lagi (emak) yang mana (dia tidak dihijab).

أصل المسألة من ستة بضرب مخرج النصف وهو اثنان في مخرج الثلث ثلاثة، نصفها ثلاثة للزوج وثلاثة للشقيقة، فلا يبقى للأم شيء، (فَيُفْرَضُ لَهَا الثَّلَاثُ) وهو اثنان، (فَتُعَالُ بِفَرْضِ الْأُمِّ، فَتُقَسَّمُ مِنْ ثَمَانِيَةٍ، لِلزَّوْجِ ثَلَاثَةٌ وَلِلْأَخْتِ ثَلَاثَةٌ وَلِلْأُمِّ اثْنَانِ).

1645. Asal masalah ini dari enam dengan didarabkan makhraj setengah iaitu dua pada makhraj satu pertiga iaitu tiga. Setengahnya iaitu tiga daripada masalah ini bagi suami, dan tiga bagi syaqiqah, maka tidak tinggal bagi emak oleh sesuatu, (lalu difardhukan baginya satu pertiga) iaitu dua, (maka ditingkatkan

masalah ini dengan fardhu emak itu, maka dibahagikan ia dari lapan. Bagi suami tiga dan bagi saudara perempuan tiga dan bagi emak dua).

وسميت هذه المسألة بالمباهلة لأن ابن عباس خالف فيها بعد موت عمر رضي الله عنهما، ف قيل له: الناس على خلاف رأيك، فقال: إن شأؤوا فلندع أبناءنا إلخ الآية.

1646. Dinamakan masalah ini dengan mubahalah kerana Ibnu Abbas bersalahan padanya selepas kematian Umar r.anhuma, maka dikatakan kepadanya: orang ramai menyalahi pendapat kamu! Maka katanya: jika mereka hendak maka kita panggil anak-anak kita...hingga akhir ayat.^{xxxiv}

(فَصَلِّ فِي الْعَصَبَاتِ)، أي عن بيان إرثهم. وهي ثلاثة: عصبه بنفسه، وعصبه بغيره، وعصبه مع غيره.

1647. (Fasal pada asabah-asabah), iaitu berkenaan keterangan pusaka mereka itu. Asabah itu tiga: •asabah dengan diri sendiri •dan asabah dengan orang lain •dan asabah bersama orang lain.

(وَالْعَصَبَةُ) بنفسه (مَنْ يَأْخُذُ جَمِيعَ الْمَالِ إِذَا انْفَرَدَ أَوْ مَا يَفْضُلُ عَنْ صَاحِبِ الْفَرَضِ إِذَا اجْتَمَعَ مَعَهُ. فَإِنْ لَمْ يَفْضُلْ عَنْ صَاحِبِ الْفَرَضِ شَيْءٌ سَقَطَتْ الْعَصَبَاتُ).

1648. (Asabah) dengan diri sendiri adalah (orang yang mengambil semua harta bila dia sendirian atau apa yang lebih dari tuan fardhu bila dia berhimpun bersamanya. Maka jika tidak lebih dari tuan fardhu oleh suatu gugurlah asabah itu).

(أَقْرَبُهُمُ الْإِبْنُ ثُمَّ ابْنُ الْإِبْنِ وَإِنْ سَفَلَ، ثُمَّ الْأَبُ ثُمَّ الْجَدُّ) أَبُو الْأَبِ (وَإِنْ عَلَا، وَالْأَخُ لِلْأَبَوَيْنِ ثُمَّ لِلْأَبِ ثُمَّ ابْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ، ثُمَّ الْعَمُّ، ثُمَّ ابْنُهُ وَإِنْ سَفَلَ ثُمَّ عَمُّ الْأَبِ ثُمَّ ابْنُهُ وَهَكَذَا. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ عَصَبَاتٌ نَسَبٍ فَعَصَبَاتُ الْوَالِدِ). يرجع إليها عند فقد عصابات النسب.

1649. (Paling dekat daripada mereka itu adalah •anak lelaki kemudian •anak lelaki bagi anak lelaki sekalipun merendah kemudian •bapa kemudian •datuk) bapa bagi bapa (sekalipun terkeatas, •dan saudara lelaki seibu sebapa kemudian •sebapa kemudian •anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa kemudian •anak lelaki saudara lelaki sebapa, kemudian •bapa saudara kemudian •anak lelakinya sekalipun terkebawah, kemudian •bapa saudara sebapa kemudian •anak lelakinya seperti demikian itu. Maka jika tidak ada baginya asabah titihan maka asabah wala'). Dirujuk kepadanya di sisi luput asabah-asabah titihan.

(فَمَنْ عَتَقَ عَلَيْهِ عَبْدٌ إِمَّا بِإِعْتَاقِي) منه (أَوْ تَدْبِيرِي) بَأَنْ قَالَ مَالِكُ الْعَبْدِ لَهُ: أَنْتَ حُرٌّ بَعْدَ مَوْتِي، فَيَعْتَقُ بِمَوْتِهِ، (أَوْ كِتَابِيَةً) بَأَنْ كَاتَبَهُ عَلَى مِائَةِ دِرْهَمٍ فِي شَهْرَيْنِ

فأداها، (أو استيلاذ) منه لجاريته فعتقت بموته، (أو غير ذلك) كالتعليق بصفة (فولأوه)، أي العبد، (له)، أي للسيد.

1650. (Maka orang yang merdeka di atasnya seorang hamba sama ada dengan dimerdekakan) olehnya, (atau dengan tadbir) dengan bahawa kata pemilik hamba kepadanya "kamu merdeka selepas kematian ku" maka dia merdeka dengan kematiannya, (atau dengan kitabah) dengan bahawa dia mengkitabkannya diatas seratus dirham pada dua bulan lalu dia membayarnya, (atau dengan istilad) darinya akan jariahnya maka dia merdeka dengan kematiannya (atau selain itu) seperti ta'lik dengan sifat (maka wala'nya), iaitu hamba itu, (baginya), iaitu penghulu itu.

(فَإِذَا مَاتَ هَذَا الْعَتِيقُ وَدَيْسَ لَهُ وَارِثٌ ذُو فَرْصٍ وَلَا) وارث (عَصَبَةٌ وَرَثَةٌ الْمُعْتَقُ بِالْوَلَاءِ. فَإِنْ كَانَ الْمُعْتَقُ مَيِّتًا انْتَقَلَ الْوَلَاءُ إِلَى عَصَبَاتِهِ) المتعصبين بأنفسهم (ذُونَ سَائِرِ الْوَرَثَةِ) كالبنات والأخت.

1651. (Maka apabila 'atiq ini i.e hamba yang dimerdekakan ini mati walhal tidak ada baginya waris yang memilik fardhu dan tidak) waris (asabah mu'tiq itu mewarisinya dengan jalan wala'. Maka jika mu'tiq i.e yang memerdekakan itu mati berpindah wala' itu kepada asabahnya) yang mengambil asabah dengan diri mereka, (tidak sekalian waris-waris) seperti anak perempuan dan saudara perempuan.

(يُقَدِّمُ الْأَقْرَبُ فِ الْأَقْرَبِ عَلَى التَّرْتِيبِ الْمُتَقَدِّمِ) في النسب، (إِلَّا أَنَّ الْأَخَ) في باب النسب (يُشَارِكُ الْجَدَّ وَهَذَا الْأَخُ مُقَدِّمٌ عَلَى الْجَدِّ)، سواء كان الأخ شقيقاً أو لأب. وكذا ابنه يقدم على الجد. (فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لِلْمُعْتَقِ عَصَبَةٌ نَسَبَ انْتَقَلَ) الْوَلَاءُ (إِلَى مُعْتَقِ الْمُعْتَقِ. ثُمَّ) إن لم يكن معتق المعتق موجودا انتقل (إِلَى عَصَبَتِهِ).

1652. (Didulukan yang paling dekat maka yang paling dekat diatas susunan yang terdahulu) pada titihan, (melainkan bahawa saudara lelaki) pada bab titihan (bersyarikat dengan datuk sedangkan di sini saudara lelaki didulukan diatas datuk), sama sahaja saudara lelaki itu syaqiq atau sebapa. Begitu juga anak lelakinya, didulukan dia diatas datuk. (Maka jika mu'tiq itu tidak mempunyai asabah titihan berpindahlah) wala' itu (kepada mu'tiq bagi mu'tiq itu. Kemudian) jika tidak ada mu'tiq bagi mu'tiq itu berpindahlah ia (kepada asabahnya).

(وَالْمُعْتَقُ أَيْضًا الْوَلَاءُ عَلَى أَوْلَادِ الْعَتِيقِ) كما له الولاء على العتيق. (فَيُقَدِّمُ مُعْتَقُ الْأَبِ عَلَى مُعْتَقِ الْأُمِّ. فَلَوْ تَزَوَّجَ عَبْدٌ بِمُعْتَقَةٍ فَأَدَّتْ بَوْلِدٍ فَوَلَّأُوهُ لِمُعْتَقِ الْأُمِّ. فَلَوْ عَتَقَ أَبُوهُ بَعْدَ ذَلِكَ انْجَرَ الْوَلَاءُ مِنْ مُعْتَقِ الْأُمِّ إِلَى مُعْتَقِ الْأَبِ) لما تقدم من تقديم معتق الأب على معتق الأم.

1653. (Bagi mu'tiq juga wala' diatas anak-anak 'atiq) sepertimana baginya wala' diatas 'atiq. (Maka didulukan mu'tiq bapa diatas mu'tiq emak. Maka

kalau seorang hamba berkahwin dengan seorang perempuan yang dimerdekakan lalu dia melahirkan anak maka wala' anak itu bagi mu'tiq emak itu. Maka kalau merdeka bapanya selepas demikian itu tertariklah wala' itu dari mu'tiq emak kepada mu'tiq bapa) kerana apa yang telah lalu daripada didulukan mu'tiq bapa diatas mu'tiq emak.

(وَلَا تَرِثُ الْمَرْأَةُ بِالْوَلَاءِ إِلَّا مِنْ عَتِيقِهَا وَأَوْلَادِهِ) الذين ليس لهم ورثة من النسب، (وَعَتَقَائِهِ) كَانَ أَعْتَقَ عَتِيقَهَا عِبْدًا وَمَاتَ عَتِيقَهَا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَرِثَةٌ مِنَ النِّسْبِ ثُمَّ مَاتَ عَتِيقُ الْعَتِيقِ كَذَلِكَ وَهِيَ مَوْجُودَةٌ فَتَرِثُهُ بِالْوَلَاءِ. وَأَمَّا عِتْقَاءُ أَصُولِهَا فَلَا تَرِثُهُمُ بِالْوَلَاءِ.

1654. (Tidak mewarisi perempuan dengan wala' melainkan dari 'atiqnya dan anak-anaknya) yang tidak ada bagi mereka waris dari titihan, (dan 'atiq bagi 'atiqnya), seperti bahawa 'atiqnya memerdekakan hamba dan 'atiqnya itu mati dan dia tidak punya waris titihan kemudian mati 'atiq bagi 'atiqnya itu begitu juga keadaannya sedang perempuan itu masih ujud maka dia mewarisinya dengan wala'. Adapun 'atiq bapanya maka dia tidak mewarisi mereka dengan wala'.

(فَإِذَا لَمْ يَكُنْ لِلْمَيِّتِ أَقْرَابٌ وَلَا وَلاَءٌ عَلَيْهِ انْتَقَلَ مَالُهُ)، كله أو ما بقي منه، (إِلَى بَيْتِ الْمَالِ إِرْثًا لِلْمُسْلِمِينَ)، يصرف في مصالحهم. ويجوز تخصيص طائفة منهم به. (إِنْ كَانَ السُّلْطَانُ عَادِلًا) يعطى كل ذي حق حقه. (فَإِنْ لَمْ يَكُنْ عَادِلًا رُدَّ) الفاضل (عَلَى ذَوِي الْفُرُوضِ) حالة كونهم (مِنْ غَيْرِ الزَّوْجَيْنِ) لأنهما ليسا من الأقارب.

1655. (Maka apabila mayat tidak punya kerabat dan tidak ada wala' diatasnya berpindahlah hartanya) semuanya atau apa yang berbaki daripadanya (kepada baitulmal sebagai pusaka bagi kaum Muslimin), dipalingkan ia pada maslahat-maslahat mereka, dan harus mengkhususkan sekumpulan daripada mereka dengannya. (jika adalah sultan seorang yang adil) yang memberi kepada setiap orang yang berhak akan haknya. (Maka jika dia tidak adil dipulangkan) yang lebih itu (keatas tuan-tuan fardhu) hal keadaan mereka itu (selain dua suami isteri) kerana kedua mereka bukannya kerabat.

ويكون الرد (عَلَى قَدْرِ فُرُوضِهِمْ)، كَأُمٍ وَبِنْتٍ فَهِيَ مِنْ سِتَّةٍ لِلْأُمِّ السُّدُسُ وَوَاحِدٌ وَلِلْبِنْتِ النِّصْفُ ثَلَاثَةٌ، يَبْقَى اثْنَانِ فَتَرُدُّ عَلَيْهَا بِهَذِهِ النِّسْبَةِ، فَتَرُدُّ السِّتَّةَ إِلَى أَرْبَعَةٍ وَيُعْطَى لِلْأُمِّ وَوَاحِدٌ وَلِلْبِنْتِ ثَلَاثَةٌ.

1656. Dan adalah pemulangan itu (didasar kadar fardhu-fardhu mereka) seperti emak dan anak perempuan, maka ia dari enam, bagi emak satu perenam iaitu satu, dan bagi anak perempuan setengah iaitu tiga. Berbaki lagi dua maka dipulangkan keatasnya dengan nisbah ini maka dihantarkan enam itu kepada empat dan diberikan emak satu dan anak perempuan tiga.

ونفعل ذلك (إِنْ كَانَ تَمَّ ذُو فَرَضٍ. وَإِلَّا فَيُصْرَفُ) المال (إِلَى ذَوِي الْأَرْحَامِ).
فيقدم الرد على توريث ذوي الأرحام.

1657. Kita buat demikian itu (**jika ada di sana tuan fardhu, dan jika tidak maka dipalingkan**) harta itu (**kepada zawil arham**). Maka didulukan pemulangan itu keatas menjadikan zawilarham sebagai waris.

(فَيُقَامُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ مَقَامَ مَنْ يُذَلِّي بِهِ. فَيُجْعَلُ وَدِدُ الْبَنَاتِ) لصلب أو بنات ابن (و) ولد (الْأَخَوَاتِ) شقيقات أو لأب أو لأم (كَأُمَّهَاتِهِمْ). ويقدم منهن من سبق إلى الوارث. (وَبَنَاتُ الْإِخْوَةِ) وبنات (الْأَعْمَامِ كَأَبَائِهِمْ، وَأَبُو الْأُمِّ وَالْخَالَ وَالْخَالَةَ كَالْأُمِّ)، فيجعل أبو الأم منزلتها، وكذلك الخال والخالة. فإذا انفرد كل واحد منهم أخذ المال فرضاً ورداً، وإن اجتمعوا أخذ الأب المال. (وَالْعَمُّ لِلْأُمِّ وَالْعَمَّةُ كَالْأَبِ)، يعني أن العم للأم والعمة منزلان منزلة الأب.

1658. (**Maka didirikan setiap seorang daripada mereka itu pada tempat orang yang dia menjulur darinya. Maka dijadikan anak-anak bagi anak perempuan**) sulbi atau anak perempuan bagi anak lelaki, (**dan**) [dijadikan] anak bagi (**saudara perempuan**) syaqiqah atau sebapa atau seibu (**seperti emak-emak mereka**), dan didulukan daripada mereka itu orang yang terdekat kepada waris, (**dan [dijadikan] anak-anak perempuan bagi saudara-saudara lelaki**) dan anak-anak perempuan (**bagi bapa saudara seperti bapa-bapa mereka, dan [dijadikan] bapa emak dan bapa saudara belah emak dan emak saudara belah emak seperti emak**), maka dijadikan bapa emak pada tempat emak, begitu juga bapa saudara dan emak saudara belah emak. Maka apabila setiap daripada mereka bersendirian dia mengambil harta itu diatas jalan fardhu dan pemulangan. Jika mereka berhimpun bapa mengambil harta itu. (**dan [dijadikan] bapa saudara dan emak saudara bagi emak sama seperti bapa**), maknanya bahawa bapa saudara dan emak saudara belah emak ditempatkan pada tempat bapa.

(وَلَا يَرِثُ أَحَدٌ بِالتَّعْصِيبِ وَتَمَّ أَقْرَبُ مِنْهُ) كالأخ الشقيق والأخ للأب، فلا يرث الأخ مع وجود الشقيق لأنه يرث بالتعصيب والشقيق أقرب منه.

1659. (**Dan tidak mewarisi seorang dengan cara asabah sedang di sana ada orang yang lebih dekat daripadanya**) seperti saudara lelaki syaqiq dan saudara lelaki sebapa, maka saudara lelaki sebapa tidak mewarisi serta ada saudara lelaki syaqiq kerana dia mewarisi dengan jalan asabah sedang syaqiq itu lebih dekat darinya.

(وَلَا يُعْصَبُ أَحَدٌ أُخْتَهُ إِلَّا الْإِبْنُ وَابْنُ الْإِبْنِ وَالْأَخُ فَإِنَّهُمْ يُعْصَبُونَ أَخَوَاتِهِمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ. وَيُعْصَبُ ابْنُ الْإِبْنِ مَنْ يُحَادِنُهُ مِنْ بَنَاتِ عَمِّهِ، وَيُعْصَبُ مَنْ فَوْقَهُ مِنْ عَمَّاتِهِ وَبَنَاتِ عَمِّ أَبِيهِ إِذَا لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ فَرَضٌ).

1660. (**dan tidak ada seorang mengasabahkan saudara perempuannya melainkan anak lelaki dan anak lelaki bagi anak lelaki dan saudara lelaki, maka mereka itu mengasabahkan saudara-saudara perempuan**

mereka, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan. Anak lelaki bagi anak lelaki mengasabahkan orang yang setengah dengannya daripada anak-anak perempuan bapa saudaranya, dan mengasabahkan orang yang diatasnya daripada emak saudaranya dan anak perempuan bapa saudara bapanya apabila tidak ada bagi mereka satu fardhu).

وأما إذا كان لهن فرض كأن مات الميت عن بنت و بنت ابن وابن ابن ابن
فللبنت النصف ولبنت الابن السدس والباقي وهو اثنان لابن ابن الابن فإذا كان
لميت بنتان عصب ابن الابن بنت الابن للذكر مثل حظ الأنثيين.

1661. Adapun apabila mereka mempunyai fardhu seperti bahawa mayat mati meninggalkan seorang anak perempuan dan seorang anak perempuan dari anak lelaki dan anak lelaki dari anak lelaki dari anak lelaki, maka bagi anak perempuan itu setengah dan bagi anak perempuan dari anak lelaki satu perenam dan bakinya iaitu dua adalah bagi anak lelaki dari anak lelaki dari anak lelaki itu. Maka apabila mayat itu mempunyai dua anak perempuan mengasabah anak lelaki dari anak lelaki dari anak lelaki itu akan anak perempuan dari anak lelaki itu, bagi yang lelaki seumpama habuan dua perempuan.

(وَلَا يُشَارِكُ عَاصِبٌ ذَا فَرَضٍ) لأنه يأخذ ما أبقت الفروض، (إلا) في
(المُشْرَكَةِ)، بفتح الراء وقد تكسر، وتسمى الجارية أيضا. (وهي زَوْجٌ وَأُمٌّ أَوْ
جَدَّةٌ وَأَثْنَانِ فَأَكْثَرُ مِنَ الْإِخْوَةِ لِلْأُمِّ وَأَخٌ شَقِيقٌ فَأَكْثَرُ). فالمسألة من ستة.
(لِلزَّوْجِ النَّصْفُ) ثلاثة، (وَلِلْأُمِّ أَوْ الْجَدَّةِ السُّدُسُ) واحد، (وَلِلْإِخْوَةِ لِلْأُمِّ
الثُّلُثُ) اثنان، (يُشَارِكُهَا فِيهِ)، أي الثلث، (الشَّقِيقُ). فقد شارك العاصب وهو
الشقيق صاحب الفرض وهو الإخوة للأم نظرا لأنه شاركهم في ولادة الأم له
فجعل أبوه كالعدم.

1662. (Orang yang mengambil asabah tidak berkongsi dengan orang yang punya fardhu) kerana dia mengambil apa yang fardhu-fardhu tinggalkan, (melainkan) pada (musyarrakah) – "المشركة" – dengan fathah ra' dan terkadang dikasrahkan- dinamakan ia dengan jariah juga- (Ia adalah: suami dan emak atau nenek dan dua maka lebih daripada saudara lelaki seibu dan seorang saudara lelaki syaqiq maka lebih). Maka masalah ini dari enam. (Bagi suami setengah) iaitu tiga, (dan bagi emak atau nenek satu perenam) iaitu satu, (dan bagi saudara-saudara lelaki seibu satu pertiga) iaitu dua (yang bersyariat dengan mereka padanya) iaitu pada satu pertiga itu (oleh syaqiq). Maka orang yang mengambil asabah iaitu syaqiq itu bersyariat dengan tuan fardhu iaitu saudara-saudara lelaki seibu itu memandangkan bahawa dia bersyariat dengan mereka itu pada wiladah emak itu akan dia maka dijadikan bapanya seperti tidak ada.

(وَمَتَى وَجِدَ فِي شَخْصٍ جِهَتًا فَرَضَ وَتَعْصِيبٍ وَرِثَ بِهِمَا كَابِنَ عَمِّ هُوَ زَوْجٌ). فإذا ماتت امرأته عنه ورث النصف بالزوجية وورث باقي المال بعصوبة ابن العم.

1663. (Apabila ada pada seorang dua pihak, fardhu dan ta'shib, dia mewarisi dengan keduanya, seperti anak lelaki bapa saudara yang dia juga suami). Maka apabila isterinya mati meninggalkan dia dia mewarisi setengah dengan status suami dan mewarisi baki harta dengan status asabah anak lelaki bapa saudara.

(أَوْ ابْنُ عَمِّ هُوَ أَخٌ لِأُمِّ) كأن تزوج رجلان أخوان امرأة فأولدها أحدهما ولدا والآخر بنتا، فالولد والبنت أخوان لأم وابنا عمم فإذا ماتت البنت ورثها الولد بأخوة الأم وبعصوبة ابن العم.

1664. (atau anak lelaki bapa saudara yang dia juga saudara lelaki seibu) seperti bahawa dua lelaki yang bersaudara berkahwin dengan seorang perempuan, maka seorang daripada mereka membuatnya melahirkan seorang anak lelaki dan yang seorang lagi membuatnya melahirkan seorang anak perempuan, maka anak lelaki dan anak perempuan itu saudara seibu dan anak bagi bapa saudara. Maka apabila mati anak perempuan itu anak lelaki itu mewarisinya dengan status saudara seibu dan dengan status asabah anak lelaki bapa saudara.

(كِتَابُ النِّكَاحِ)

هو لغةً: الضيم والوطء. ويطلق على العقد حقيقة وعلى الوطء مجازاً. (مَنْ أَحْتَاَجَ إِلَى النِّكَاحِ مِنَ الرِّجَالِ) بأن تآقت نفسه للوطء (وَوَجَدَ أَهْبَةً) من مهر وكسوة فصل التمكين ونفقة يومه (نُدِبَ لَهُ) النكاح تحصينا لدينه.

1665. @KITAB NIKAH. Ia pada lughah: himpun dan setubuh. Diturunkan ia keatas akad dari sudut hakikat dan keatas setubuh diatas jalan majaz. (Orang yang berhajat kepada nikah daripada lelaki-lelaki) dengan bahawa dirinya rindu kepada setubuh (dan dia mendapat `uhbah) berupa mahar dan pakaian pada musim tamkin dan nafkah pada harinya (disunatkan baginya) nikah untuk mempertahankan agamanya.

(وَمَنْ أَحْتَاَجَ) إليه (وَفَقَدَ الْأَهْبَةَ) المذكورة (نُدِبَ) له (تَرَكَهُ وَيَكْسِرُ شَهْوَتَهُ بِالصَّوْمِ). فإن لم تنكسر بالصوم تزوج ولو بتكلف اقتراض المهر. ولا يتعاطى ما يقطع شهوته ككافور. (وَمَنْ لَمْ يَحْتَجْ إِلَى النِّكَاحِ وَفَقَدَ الْأَهْبَةَ كَرِهَ لَهُ) لخطر القيام بواجبه.

1666. (Dan orang yang berhajat) kepadanya (serta luput uhbah) yang disebutkan itu (sunat) dia (meninggalkannya dan memecahkan syahwatnya dengan puasa). Maka jika ia tidak terpecah dengan puasa dia berkahwin walaupun dengan bersusah payah meminjam mahar, dan dia tidak

mencapai apa memotong syahwatnya seperti kapur. (**Orang yang tidak berhajat kepada nikah dan luput ubah dimakruhkan ia baginya**) kerana risiko pada mendirikan kewajipannya.

(وَمَنْ وَجَدَهَا وَوَجَدَ مَانِعَ بِهِ مِنْ هَرَمٍ وَمَرَضٍ دَائِمٍ) كَالْعِنَةِ (لَمْ يُكْرَهُ) لَهُ النِّكَاحُ، (لَكِنَّ الْأَشْتِغَالَ بِالْعِبَادَةِ أَفْضَلُ) مِنَ النِّكَاحِ. (فَإِنْ لَمْ يَتَعَبَّدْ فَالنِّكَاحُ أَفْضَلُ) لِأَنَّهُ رُبَّمَا تَفَضَّى بِهِ الْبَطَالَةُ إِلَى الْفَوَاحِشِ.

1667. (**Orang yang mendapatnya dan ada penghalang padanya, berupa sangat tua dan sakit yang berpanjangan**) seperti mati pucuk (**tidak dimakruhkan**) baginya nikah, (**akan tetapi bersibuk dengan ibadat terafdhal**) dari nikah. (**Maka jika dia bukan ahli ibadat maka nikah terafdhal**) kerana terkadang sifat buruknya^{xxxv} membawanya kepada perkara keji.

(وَأَمَّا الْمَرْأَةُ فَإِنْ احتَاجَتْ إِلَى النِّكَاحِ) بَأَن تَاقَتْ نَفْسَهَا إِلَيْهِ أَوْ احتَاجَتْ إِلَى الْمُؤَنَةِ (نُدْبَ لَهَا) بَأَن تَسْأَلَ وَلِيَهَا. (وَأِلَّا) بَأَن لَمْ تَحْتَاجَ إِلَيْهِ (فَيُكْرَهُ) لَهَا إِنْ اشْتَغَلَتْ بِعِبَادَةٍ. فَهِيَ كَالرَّجُلِ.

1668. (**Adapun perempuan maka jika dia berhajat kepada nikah**) dengan bahawa rindu dirinya kepadanya atau dia berhajat kepada sara diri (**sunat ia baginya**) dengan bahawa dia meminta walinya. (**Jika tidak**) dengan bahawa dia tidak berhajat kepadanya (**maka dimakruhkan ia**) baginya jika dia sibuk dengan ibadat. Maka dia sama seperti lelaki.

(وَيُنْدَبُ) لِمَنْ أَرَادَ الزَّوْجَ (أَنْ يَتَزَوَّجَ بَكْرًا) إِنْ لَمْ يَقُمْ بِهِ عِذْرٌ كَاحتِياجِهِ لِمَنْ يَقُومُ عَلَى عِيَالِهِ، (وَلِوُدًا) وَتَعْرِفَ وَلادَتَهَا بِأَقْرَبِهَا، (جَمِيلَةً عَاقِلَةً دَيِّمَةً). وَيَسُنُّ فِي الْمَرْأَةِ أَنْ لَا تَتَزَوَّجَ إِلَّا مِنْ هَذِهِ صِفَتِهِ. وَيَسُنُّ لَوْلِيَهَا إِنْ كَانَتْ صَغِيرَةً أَنْ يَخْتَارَ لَهَا مِنَ الرِّجَالِ مِنْ هَذِهِ صِفَتِهِ.

1669. (**Sunat**) bagi orang yang hendak berkahwin (**bahawa dia mengahwini anak dara**) jika tidak berdiri padanya sebarang uzur seperti berhajatnya kepada orang yang boleh menguruskan keluarganya, (**yang banyak anak**). Diketahui banyak anaknya dengan kerabatnya. (**yang cantik yang berakal cerdas yang kuat beragama**). Sunat pada perempuan bahawa dia tidak berkahwin melainkan dengan lelaki yang ini sifat-sifatnya. Sunat bagi walinya jika dia masih kecil memilih untuknya dari kalangan lelaki-lelaki akan orang yang ini sifat-sifatnya.

(نَسِيبَةً)، أَي طَيِّبَةَ النِّسْبِ لَا بِنْتَ زَنَى وَلَا بِنْتَ فَاسِقٍ، (لَيْسَتْ قَرَابَةً)، أَي ذَاتَ قَرَابَةٍ، (قَرِيبَةً) بَأَن تَكُونَ أجنبيَّةً أَوْ ذَاتَ قَرَابَةٍ بَعِيدَةٍ. وَذَاتُ الْقَرَابَةِ الْقَرِيبَةِ بَأَن تَكُونَ فِي أَوَّلِ دَرَجَاتِ الْعُمُومَةِ أَوْ الْخَوْلَةِ بَأَن تَكُونَ بِنْتُ عَمٍّ أَوْ عَمَّةٍ أَوْ خَالٍ أَوْ خَالَةٍ.

1670. (**yang bertitihan**), iaitu yang elok keturunan, bukan anak zina dan bukan anak orang fasik. (**bukan kerabat**), iaitu perempuan yang punya

hubungan saudara, (**yang dekat**), dengan bahawa adalah dia perempuan ajnabi atau mempunyai hubungan saudara yang jauh. Yang punya hubungan saudara yang dekat itu dengan bahawa adalah dia pada awal darjat bapa saudara belah bapa atau belah emak, dengan bahawa dia anak perempuan bapa saudara atau emak saudara atau bapa saudara belah emak atau emak saudara belah bapa.

(فَإِذَا عَزَمَ عَلَى نِكَاحِ امْرَأَةٍ فَالْسُّنَّةُ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى وَجْهِهَا وَكَفَيْهَا قَبْلَ أَنْ يَخْطُبَهَا وَإِنْ لَمْ تَأْتِنِ) لَهُ (فِي ذَلِكَ. وَدَهُ تَكْرِيرُ النَّظَرِ. وَلَا يَنْظُرُ غَيْرَ الْوَجْهِ وَالْكَفَيْنِ) ظَهراً لِبَطْنِ.

1671. (**Maka apabila dia bertekad untuk mengahwini seorang perempuan maka sunat bahawa dia memandang kepada mukanya dan dua tapak tangannya sebelum dia meminangnya sekalipun perempuan itu tidak mengizinkan**)nya (pada demikian itu. Boleh dia mengulang pandang. Dan tidak boleh dia memandang kepada selain muka dan dua tapak tangan), demi untuk membayangkan apa yang terlindung,

(وَيَحْرُمُ أَنْ يَنْظُرَ الرَّجُلُ إِلَى شَيْءٍ مِنَ الْأَجْنَبِيَّةِ)، سواء كان وجهها أو شعرها أو ظفرها، (حُرَّةً كَانَتْ أَوْ أَمَةً). ولا يحرم النظر إلى مثالها في نحو امرأة مثلاً. وليس الصوت من العورة فلا يحرم سماعه ما لم يخف منه فتنة.

1672. (**Haram lelaki memandang kepada suatu daripada perempuan ajnabiah**) sama sahaja ia mukanya atau rambutnya atau kukunya, (**merdeka adalah dia atau amah**). Tidak haram memandang kepada seumpamanya pada umpama cermin contohnya. Suara bukanlah daripada aurat maka tidak haram mendengarnya selama dia tidak bimbangkan fitnah dari kerananya.

(وَالْأَمْرُ الْحَسَنُ). معطوف على الأجنبية. فيحرم النظر إلى أي شيء منه، (وَلَوْ بِبَلَا شَهْوَةٍ مَعَ أَمْنِ الْفِتْنَةِ). وهذا ما اعتمده النووي. واعتمد بعض المتأخرين ما اعتمده الرافعي أنه لا يحرم النظر إلى الأمر الحسن، إلا إذا كان بشهوة أو عند خوف الفتنة.

1673. (**dan remaja lelaki yang kakak**). Di'atafkan keatas "ajnabiah". Maka haram memandang kepada mana-mana suatu daripadanya. (**walaupun tanpa syahwat serta aman fitnah**). Ini apa yang dipegangi Nawawi. Sebahagian ulamak mutakhir berpegang apa yang dipegang oleh Rafi'e bahawa tidak haram memandang kepada remaja kakak, melainkan apabila ia dengan syahwat atau disisi dibimbangkan fitnah.

(وَقِيلَ يَجُوزُ أَنْ يَنْظُرَ مِنَ الْأَمَةِ مَا عَدَا عَوْرَتِهَا)، فينظر ما فوق سرتها وما تحت ركبته، (عِنْدَ الْأَمْنِ) من الفتنة. فالأجنبية الحرة يحرم النظر إلى أي جزء منها ولو بلا شهوة. وكذا اللمس والخلوة. والأمة على المعتمد مثلها. ولا فرق فيها بين الجميلة وغيرها.

1674. (**Dikatakan harus bahawa dia memandang daripada amah akan apa yang selain auratnya**), maka dia memandang apa yang diatas pusatnya

dan apa yang di bawah lututnya, (**disisi aman**) dari fitnah. Maka perempuan ajnabiah yang merdeka haram pandang kepada mana-mana jujuk daripadanya walaupun tanpa syahwat, begitu juga sentuh dan khalwat. Amah diatas pendapat muktamad sama seumpamanya. Tidak ada beza padanya di antara yang cantik dan selainnya.

والأمرد الحسن لا يحرم النظر إليه إلا عند خوف الفتنة أو الشهوة. وكذا اللمس والخلوة، يحرمان مطلقاً. ومعنى النظر بشهوة أن ينظر فيلتذ ويتأثر قلبه. لا أن يفرق بين الأمرد والملتحي. والنظر بشهوة حرام حتى إلى الجماد.

1675. Remaja yang kacak tidak haram pandang kepadanya melainkan disisi dibimbangan fitnah atau syahwat. Begitu juga sentuh dan khalwat, haram keduanya semata-mata. Makna pandang dengan syahwat itu bahawa dia memandang lalu berasa lazat dan terkesan hatinya. Tidak bahawa dibezakan ia diantara remaja dan lelaki yang telah berjanggut. Pandangan dengan syahwat itu haram walaupun kepada benda mati.

(وَيَنْظُرُ) ولو بشهوة (إِلَى زَوْجَتِهِ وَأُمَّتِهِ حَتَّى الْعَوْرَةِ) منهما، (لَكِنْ يُكْرَهُ نَظْرُ كُلِّ مِنَ الزَّوْجَيْنِ إِلَى فَرْجِ الْآخَرِ).

1676. (**Memandang seorang**) walaupun dengan syahwat (**kepada isterinya dan amahnya sehingga aurat**) mereka, (**akan tetapi makruh memandang setiap daripada dua suami isteri kepada faraj yang seorang lagi**).

(وَيَنْظُرُ الْعَبْدُ إِلَى سَيِّدَتِهِ) بشرط العفة فيهما، (وَالْمَمْسُوحُ إِلَى الْأَجْنَبِيَّةِ). ويحل نظرها إليه بشرط عدالتهما. (وَالرَّجُلُ إِلَى مَحَارِمِهِ) نسبا أو رضاعا أو مصاهرة، (وَالْمَرْأَةُ إِلَى مَحْرَمِهَا فِيمَا عَدَا مَا بَيْنَ السَّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ) في المسائل الأربعة.

1677. (**Memandang hamba kepada penghulunya yang perempuan**) dengan syarat baik nafsu pada keduanya. (**dan lelaki mamsuh kepada perempuan ajnabiah**). Halal pandangan perempuan kepadanya dengan syarat sifat adil kedua mereka. (**dan lelaki kepada mahram-mahramnya**) dengan titihan atau susuan atau mushaharah. (**dan perempuan kepada mahram-mahrimnya, pada apa yang selain anggota diantara pusat dan lutut**) pada masalah-masalah yang empat ini.

(وَأَمَّا نَظْرُهَا)، أي المرأة، (إِلَى غَيْرِ زَوْجِهَا وَمَحْرَمِهَا فَحَرَامٌ كَنَظْرِهِ إِلَيْهَا). فيحرم أن تنظر أي جزء منه. (وَقِيلَ يَحِلُّ) لها (أَنْ تَنْظُرَ مِنْهُ)، أي الأجنبي، (مَا عَدَا عَوْرَتِهِ)، أي ما فوق سرتة وتحت ركبته، (عِنْدَ الْأَمْنِ) من الفتنة.

1678. (**Adapun pandangannya**), iaitu perempuan, (**kepada selain suaminya dan mahramnya maka haram, sama seperti pandangan lelaki kepadanya**). Maka haram dia memandang kepada mana-mana jujuk daripadanya. (**Dikatakan halal**) baginya (**memandang daripadanya**), iaitu lelaki ajnabi, (**apa yang selain auratnya**), iaitu apa yang diatas pusat dan dibawah lututnya, (**di sisi aman**) dari fitnah.

(وَيَحْرُمُ عَلَيْهَا)، أي المرأة، (كَشَفُ شَيْءٍ مِنْ بَدَنِهَا) ولو وجهها وكفيها (لِمُرَاهِقٍ أَوْ لِامْرَأَةٍ كَافِرَةٍ). فتستتر من المراهق والمرأة الكافرة كما تستتر من الأجنبي. وقيل يجوز أن تظهر للكافرة من بدنها ما يبدو عند المهنة كوجهها وكفيها. وعلى كل من القولين فلا يجوز إظهار داخل بدنها للمراهق والمرأة الكافرة. فلذلك فرع المصنف على ذلك بقوله: (فَلْتَحْذَرِ النِّسَاءُ فِي الْحَمَامَاتِ مِنْ ذَلِكَ) أي إظهار شيء من بدنهن للنساء الكافرات.

1679. (**Haram diatasnya**), iaitu perempuan, (**mendedahkan suatu daripada tubuhnya**) walaupun muka dan dua tapak tangannya (**kepada budak lelaki murahiq atau kepada perempuan kafir**). Maka dia menutupi diri dari murahiq dan perempuan kafir seperti mana dia menutupi diri dari lelaki ajnabi. Dikatakan harus dia menampakkan kepada wanita kafir daripada tubuhnya akan apa yang nyata disisi kerja seperti muka dan dua tapak tangannya. Diatas setiap daripada dua pendapat ini maka tidak harus menampakkan sebelah dalam tubuhnya bagi murahiq dan wanita kafir. Maka kerana itu musannif mencabangkan diatas demikian itu dengan katanya: (**Maka hendaklah waspada kaum perempuan pada bilik-bilik mandi awam dari demikian itu**), iaitu menampakkan suatu daripada tubuhnya kepada wanita kafir.

(وَمَتَى حَرَّمَ النَّظْرُ حَرَّمَ اللَّمْسُ) لأن المس أفحش من اللمس في إثارة الشهوة. ومتى للزمان وهو مقصود كالمكان إذ الأجنبيّة يحرم مسها ويحل نكاحها فيجوز مسها. (وَيُبَاحَانِ) أي النظر والمس (لِفَصْدٍ وَحِجَامَةٍ وَمُدَاوَاةٍ)، ولكن بشرط اتحاد الجنس إن تيسر.

1680. (**Bila haram pandang haram sentuhan kulit**) kerana sentuhan tapak tangan itu lebih keji dari sentuhan kulit pada membangkitkan syahwat. "Bila" itu bagi masa yang mana ia suatu yang dimaksudkan sama seperti tempat, kerana perempuan ajnabi itu haram menyentuhnya dan halal mengahwininya maka harus menyentuhnya. (**Diharuskan keduanya**), iaitu pandang dan sentuh, (**untuk petik dan bekam dan rawatan**), akan tetapi dengan syarat sama jenisnya jika termudah.

فإن لم يوجد اشترط حضور نحو محرم في امرأة وفقد مسلم في حق رجل مسلم. فلا تعالج امرأة رجلا مع وجود رجل، ولا عكسه، ولا كافر أو كافرة مسلما أو مسلمة مع وجود مسلم أو مسلمة. والمعالجة في الوجه واليدين يكفي فيها الحاجة المجوزة للنظر. ويعتبر في غيرهما ما يبيح التيمم، وفي الفرج ما لا يعد الكشف له هتكا للمروءة.

1681. Maka jika tidak ia didapati disyaratkan hadir umpama mahram pada perempuan, dan luput lelaki muslim pada hak lelaki muslim. Maka perempuan tidak merawat lelaki serta ada lelaki, dan tidak sebaliknya, dan lelaki kafir atau perempuan kafir tidak merawat muslim atau muslimah serta ada muslim atau

muslimah. Rawatan pada muka dan dua tapak tangan cukup padanya oleh hajat yang mengharuskan pandang. Diiktibarkan pada selain keduanya apa yang mengharuskan tayammum, dan pada faraj apa yang tidak dikira mendedahkannya sebagai mencarikkan maruah.

(وَيُبَاحُ النَّظْرُ لِشَهَادَةٍ وَمُعَامَلَةٍ). أما الشهادة فيجوز النظر لها ولو مع وجود محارم يشهدون. وأما المعاملة فلا ينظر لأجلها إلا مع قدر الحاجة مع أمن الفتنة. (وَنَحْوَهُمَا) كتعليم صنعة مع فقد الجنس والمحرم الصالح ولم يمكن من وراء حجاب، ولم تكن هناك خلوة محرمة. (بِقَدْرِ الْحَاجَةِ)، فلا يتعداها. فإذا كفى النظر لبعض الوجه فلا ينظر لباقيه.

1682. (**Diharuskan pandang kerana saksi dan muamalah**). Adapun saksi maka harus pandang kepadanya walaupun serta ada mahram-mahram yang boleh menyaksikan. Adapun mu'amalah maka tidak boleh lelaki memandang kerananya melainkan dengan kadar hajat serta aman fitnah. (**dan umpama keduanya**) seperti mengajarkan pertukangan serta luput orang yang sejenis dan mahram yang sesuai, dan tidak terbolehnya dari belakang hijab dan tidak ada di sana khalwat yang haram. (**dengan kadar hajat**), maka tidak boleh dia melampauinya. Maka apabila cukup pandang kepada sebahagian muka maka tidak boleh dia memandang kepada bakinya.

(وَيَحْرُمُ أَنْ يُصْرِّحَ أَوْ يُعْرِضَ بِخِطْبَةِ الْمُعْتَدَّةِ مِنْ غَيْرِهِ إِذَا كَانَتْ رَجْعِيَّةً)، لأنها في معنى المزوجة. والتصريح ما يفيد صراحة الرغبة في زواجها كأريد زواجك إذا انقضت عدتك. والتعريض ما يحتمل الرغبة وغيرها كأنت جميلة ومن يجد مثلك. (وَأَمَّا الْمُعْتَدَّةُ الْبَائِنُ بِثَلَاثٍ أَوْ) بِ(خَلْعٍ أَوْ) الْمُعْتَدَّةُ (عَنِ الْوَفَاةِ فَيَحْرُمُ التَّصْرِيحُ دُونَ التَّعْرِيفِ).

1683. (**Haram bahawa dia menjelaskan atau menyindirkan peminangan perempuan yang beriddah dari seorang lain, apabila adalah dia boleh dirujuk**) kerana dia pada makna perempuan yang berkahwin. Menjelaskan itu adalah apa yang memahamkan jelas minat pada mengahwininya seperti "aku hendak mengahwini kamu bila habis iddah kamu", menyindir itu apa yang menanggung minat dan selainnya seperti "kamu cantik" dan "siapa yang mendapat seumpama kamu". (**Adapun perempuan yang beriddah putus dengan talak tiga atau**) dengan (**tebus talak atau**) yang beriddah (**dari kematian maka haram menjelaskan, tidak menyindirkan**).

(وَتَحْرُمُ الْخِطْبَةُ عَلَى خِطْبَةِ الْغَيْرِ) ولو ذمياً، (إِذَا صرَّحَ لَهُ بِالْإِجَابَةِ). وأما إذا لم يصرح له بالإجابة فلا تحرم. (إِلَّا بِإِذْنِهِ)، أي أذن ذلك الغير. ولا بد أن يكون الخاطب الثاني عنده علم بالخطبة، وأن تكون الخطبة الأولى جائزة. (فَإِنْ لَمْ يُصْرِّحْ) له (بِإِجَابَتِهِ جَازَ). ومثل عدم التصريح إعراضه أو طول الزمن بحيث يعد عرفاً معرضاً.

1684. (**Haram pinangan diatas pinangan orang lain**) walaupun zimmi (**apabila dijelaskan perkenan baginya**). Adapun apabila tidak dijelaskan perkenan baginya maka tidak haram ia. (**melainkan dengan izinnya**), iaitu izin orang lain itu. Tidak dapat tidak bahawa adalah peminang yang kedua itu tahukan pinangan itu dan bahawa adalah pinangan pertama itu harus. (**Maka jika tidak dijelaskan**) baginya (**bahawa dia diperkenankan harus ia**). Seumpama tidak ada penjelasan itu adalah berpalingnya atau lama masanya sekira-kira dikirakan dia menurut uruf sebagai orang yang berpaling.

(وَمَنْ اسْتَشِيرُ فِي خَاطِبٍ) لِلنِّكَاحِ أَوْ اسْتَشِيرَ فِي شَأْنٍ مِنْ يَجْتَمِعُ عَلَيْهِ غَيْرُهُ لِأَجْلِ مَعَامَلَةٍ أَوْ طَلَبِ عِلْمٍ (فَلْيَذْكُرْ) الْمُسْتَشَارَ (مَسَاوِيهِ)، جَمْعُ مَسْوِيٍّ وَهُوَ الْعَيْبُ، (بِصِدْقٍ) لَا بِالْكَذِبِ بَدَلًا لِلنَّصِيحَةِ حَتَّى يَحْذَرَ الْمُسْتَشِيرُ مِنَ الْاجْتِمَاعِ عَلَى مَنْ يَرِيدُ الْاجْتِمَاعَ عَلَيْهِ.

1685. (**Orang yang diminta tunjuk pada seorang yang meminang**) untuk nikah atau diminta tunjuk pada hal ehwal orang yang bergaul dengan orang lain dengan tujuan bermumalah atau menuntut ilmu (**maka hendaklah**) orang yang diminta tunjuk itu (**menyebutkan kesalahan-kesalahannya**) – “مساوي” jamak “مسوي” iaitu aib- (**dengan jujur**), bukan dengan bohong, demi menasihati, sehinggakan orang yang meminta tunjuk itu dapat waspada dari bergaul dengan orang yang dia hendak bergaul dengannya itu.

(وَيُنَدَّبُ أَنْ يَخْطُبَ)، أَي يَذْكُرُ خُطْبَةً، بِضَمِّ أَوَّلِهِ. وَهِيَ كَلَامٌ مَفْتُوحٌ بِحَمْدِ اللَّهِ مَخْتَمٌ بِدَعَاءٍ وَوَعْظٍ. (عِنْدَ الْخُطْبَةِ)، بِكَسْرِ أَوَّلِهِ. وَهِيَ التَّمَّاسُ الْخَاطِبِ الزَّوْجِ مِنْ جِهَةِ الْمَخْطُوبَةِ. (وَعِنْدَ الْعَقْدِ). فَيَخْطُبُ الْوَلِيَّ أَوْ الزَّوْجَ أَوْ أَجْنَبِيًّا. (وَيَقُولُ) الْوَلِيُّ لِلزَّوْجِ: (أَزَوِّجُكَ عَلَى مَا أَمَرَ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ مِنْ إِمْسَاكِ بَمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ). وَيَقُولُ ذَلِكَ قَبْلَ الْعَقْدِ لَا فِي أَثْنَائِهِ.

1686. (**Disunatkan bahawa dia berkhotbah**), iaitu menyebutkan khutbah. Ia adalah kata-kata yang dimulakan dengan pujian Allah disudahi dengan doa dan nasihat. (**disisi pinangan**). Ia adalah mendapatkan perkahwinan oleh si peminang dari pihak yang dipinang. (**dan disisi akad**). Maka berkhotbah wali atau suami atau seorang ajnabi. (**Dan berkata**) wali kepada suami (“**aku kahwinkan kamu diatas apa yang Allah taala perintahkan dengannya berupa menahan dengan baik atau melepaskan dengan baik**”). Dia mengatakan demikian itu sebelum akad, bukan di tengahnya.

(وَلَوْ خَاطَبَ الْوَلِيُّ عِنْدَ الْإِيجَابِ فَقَالَ الزَّوْجُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ قَبْلَتْ، صَحَّ) الْعَقْدُ لِأَنَّ الْفَاصِلَ يَسِيرٌ وَهُوَ مِنْ مَقَدِّمَاتِ الْقَبُولِ فَلَا يَعْدُ فَاصِلًا. (لَكِنَّهُ لَا يُنَدَّبُ. وَقِيلَ يُنَدَّبُ) وَهُوَ الْمَعْتَمَدُ. فَلِلنِّكَاحِ أَرْبَعُ خُطَبٍ. وَاحِدَةٌ مِنَ الْخَاطِبِ وَأُخْرَى مِنْ وَلِيِّ الْمَرْأَةِ وَوَاحِدَةٌ قَبْلَ الْإِيجَابِ وَأُخْرَى قَبْلَ الْقَبُولِ.

1687. (Kalau wali berkhutbah di sisi ijab maka kata suami "segala puji bagi Allah selawat dan salam keatas rasulullah, aku terima" sah) akad itu kerana yang memisahkan itu sedikit dan ia adalah mukaddimah qabul maka ia tidak dikirakan sebagai suatu yang memisahkan. (Walau bagaimanapun ia tidak disunatkan. Dikatakan ia disunatkan) yang mana ia yang muhtamad. Maka bagi nikah itu empat khutbah. Satu dari orang yang meminang dan satu lagi dari wali perempuan dan satu lagi sebelum ijab dan satu lagi sebelum qabul. (وَلِلنِّكَاحِ أَرْكَانٌ. الْأَوَّلُ الصِّيغَةُ الصَّرِيحَةُ) المشتمة على الإيجاب من الولي والقبول من الزوج، (وَدَوُّ) كانت (بِالْعَجْمِيَّةِ لِمَنْ يُحْسِنُ الْعَرَبِيَّةَ) اعتباراً بالمعنى، (لَا بِالْكِنَايَةِ) لافتقارها إلى النية والشهود لا اطلاع لهم على ما في القلب.

1688. (Bagi nikah itu beberapa rukun. Pertamanya sighth yang jelas) yang melengkapi ijab dari wali dan qabul dari suami, (walaupun) adalah ia (dengan bahasa ajam bagi orang yang tidak pandai bahasa arab) kerana mengiktibarkan makna, (tidak dengan kinayah) kerana perlunya kepada niat sedang saksi-saksi tidak dapat memandang kepada apa yang ada didalam hati. (فَلَا يَصِحُّ) النكاح (إِلَّا بِإِجَابٍ مُنَجَّزٍ)، أي غير معلق. (وَهُوَ)، أي الإيجاب أي صيغته، (زَوَّجْتُكَ أَوْ أَنْكَحْتُكَ، فَقَطْ) دون غيرهما من الألفاظ كبيع وهبة وتمليك.

1689. (Maka tidak sah nikah melainkan dengan ijab yang lulus), iaitu tanpa ta'lik. (Ianya), iaitu ijab iaitu sighthnya, ("aku kahwinkan kamu" atau "aku nikahkan kamu" sahaja), tidak selain keduanya daripada lafaz-lafaz seperti jual dan hibah dan memilikkan.

(وَ) لا يصح أيضا إلا ب(قَبُولِ) من الزوج (عَلَى الْفَوْرِ) من غير فصل بسكوت طويل أو كلام أجذبي. (وَهُوَ)، أي القبول، (تَزَوَّجْتُ أَوْ نَكَحْتُ أَوْ قَبَلْتُ نِكَاحَهَا أَوْ تَزَوَّجْتُهَا. فَلَوْ اقْتَصَرَ عَلَى قَبَلْتُ). وكذلك لو اقتصر على قبلت النكاح من غير إضافة إليها على رأى (لَمْ يَنْعَقِدْ).

1690. (dan) tidak sah ia juga melainkan dengan (qabul) dari suami (diatas segera) tanpa ceraian dengan diam yang panjang atau kata-kata yang asing. (Ianya), iaitu qabul itu, ("aku berkahwin" atau "aku bernikah" atau "aku terima nikahnya" atau "perkahwinannya". Maka kalau dia menghadkan diatas "aku terima"), begitu juga kalau dia menghadkan diatas "aku terima nikah" tanpa menyandarkan kepadanya diatas satu pendapat (tidak terjadi ia).

(وَلَوْ قَالَ) الزوج للولي: (زَوَّجْنِي) بنتك فلانة، (فَقَالَ) الولي (زَوَّجْتُكَ، صَحَّ) العقد. ولو قال الولي للزوج: زوجتك فلانة قل قبلت، لم يصح لأنه استدعاء للفظ لا للقبول.

1691. (**Kalau berkata**) suami kepada wali ("**kahwinkan aku**") dengan anak perempuan kamu sipulanah", (**maka kata**) wali itu ("**aku kahwinkan kamu sah**") akad itu. Kalau wali kata kepada suami "aku kahwinkan kamu dengan pulanah, kamu katakan: aku terima" tidak sah ia kerana ia adalah suruh melafazkan, bukannya suruh qabul.

(الثَّانِي) من أركان الزكاح (الشُّهُودُ). كثيرا ما يطلق المصنف الركن على الشرط، ومن ذلك ما هنا، إذ الشهود خارجة عن حقيقة العقد، ولكنها شرط في صحته، فتوقف صحته على حضور شهود عدول. فلذلك قال:

1692. (**Yang kedua**) daripada rukun-rukun nikah itu (**saksi-saksi**). Kerap kali musannif menuturkan rukun keatas syarat, daripada demikian itu adalah apa yang di sini, kerana saksi-saksi itu suatu yang di luar dari hakikat akad, akan tetapi ianya syarat pada sahnya, maka terhenti sahnya diatas hadir saksi-saksi yang adil. Maka kerana itu dia berkata :

(فَلَا يَصِحُّ إِلَّا بِحَضْرَةِ شَاهِدَيْنِ) احتياطا للأنكحة عن الجحود (ذَكَرَيْنِ) فلا ينعقد برجل وامرأتين، (حُرَّيْنِ) فلا ينعقد بعبدين، (سَمِيعَيْنِ) فلا ينعقد بحضور أصم، (بَصِيرَيْنِ) فلا ينعقد بحضور أعمى، (عَارِفَيْنِ بِلِسَانِ الْمُتَعَاقِدَيْنِ) فلا ينعقد بمن لا يعرف لغتهم ولو ضبط ألفاظهم، (مُسْلِمَيْنِ عَدْلَيْنِ) فلا ينعقد بحضور كافر ولو في نكاح مسلم لذمية. (وَلَوْ) كانا (مَسْتَوْرِي الْعَدَالَةِ)، فلا يشترط عدالتهما الباطنة وهي التي تثبت عند القاضي بالتركية. فالمدار على أن لا نعرف لهما مفسقا.

1693. (**Maka tidak sah ia melainkan pada kehadiran dua saksi**), kerana bercermat pada hal perkahwinan dari diingkari, (**yang lelaki**), maka tidak terjadi ia dengan seorang lelaki dan dua perempuan, (**yang merdeka**), maka tidak terjadi ia dengan dua hamba, (**yang mendengar**), maka tidak terjadi ia dengan kehadiran orang yang tuli, (**yang melihat**), maka tidak terjadi ia dengan kehadiran orang buta, (**yang faham bahasa dua orang yang berakad**), maka tidak terjadi ia dengan orang yang tidak faham lidah mereka walaupun dia mendhabit lafaz-lafaz mereka, (**yang muslim yang adil**) maka tidak terjadi ia dengan kehadiran kafir walaupun pada nikah muslim dengan perempuan zimmi, (**walaupun**) keduanya (**orang yang tertutup sifat adil**), maka tidak disyaratkan adil mereka pada batin. Ia adalah adil yang sabit di sisi qadhi dengan tazkiah. Maka putarannya adalah diatas bahawa tidak diketahui ada kefasikkan bagi mereka.

(الثَّالِثُ) من الأركان (الْوَالِي)، أي مباشرته العقد، فلا تعقد المرأة الزكاح ولو بالتوكيل. (فَلَا يَصِحُّ إِلَّا بَوَالِي ذَكَرٍ مُكَلَّفٍ حُرٍّ مُسْلِمٍ عَدْلٍ تَامَّ النَّظْرِ. فَلَا وَلايَةَ لَامْرَأَةٍ وَصَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَرَقِيقٍ) لما فيهم من النقص.

1694. (**Yang ketiga**) daripada rukun-rukunnya adalah (**wali**), iaitu perbuatannya sendiri melakukan akad itu. Maka tidak mengakad perempuan akan nikah dirinya walaupun dengan dia mewakilkan. (**Maka tidak sah ia**

melainkan dengan wali lelaki mukallaf merdeka muslim adil sempurna fikiran. Maka tidak ada wilayah bagi perempuan dan kanak-kanak dan orang gila dan hamba) kerana kekurangan yang ada pada mereka itu.

(وَكَاْفِرٍ) على مسلمة، ولو كانت عتيقة كافر. فتنتقل الولاية للأبعد. فإن لم يوجد فالسلطان. ولا يلي مسلم كافرة. (وَفَاسِقٍ) غير السلطان. فإن كان الولي فاسقا انتقلت الولاية للسلطان ولو فاسقا. وإن تاب الولي زوج في الحال.

1695. (dan tidak bagi kafir) diatas muslimah walaupun dia hamba kemerdekaan kafir itu, maka berpindah wilayahnya kepada wali yang jauh, maka jika tidak ada maka sultan. Tidak menjadi wali lelaki muslim keatas perempuan kafir. (dan tidak orang dan fasik) yang selain sultan. Maka jika wali itu fasik berpindahlah wilayah itu kepada sultan walaupun dia fasik. Jika wali itu taubat dia berhak mengahwinkan pada masa itu juga.

(وَسَفِيهِ) حجر عليه. وأما حجر المفلس فلا يمنع الولاية. (وَمُخْتَلِّ النَّظَرِ بِهَرَمٍ وَخَبَلٍ)، أي فساد في العقد لا يصل لحد الجنون. (وَلَا يَضُرُّ الْعَمَى) في الولاية.

1696. (dan tidak orang safih) yang dihijir diatasnya. Adapun hijir muflis maka ia tidak menghalang wilayah nikah. (dan orang yang cedera fikiran dengan sebab tua dan celaru) iaitu rosak akal yang tidak sampai kepada had gila. (Tidak mudharat oleh buta) pada wilayah nikah.

(وَيَلِي الْكَافِرُ مَوْلِيَّتَهُ الْكَافِرَةَ) بشرط أن لا يرتكب مفسقا في دينه، وإن كان يهوديا وهي نصرانية أو بالعكس. (وَلَا يَلِيهَا)، أي الكافرة، (الْمُسْلِمُ إِلَّا السَّيِّدُ فِي أُمَّتِهِ وَالسُّلْطَانُ فِي نِسَاءِ أَهْلِ الذِّمَّةِ). فهو ولي لهن إذا لم يكن لهن ولي قريب كافر. وإذا لم يكن للمسلمين قاض فهل يجوز قبول ذكاح الذميمة من قاضيه؟ قال الرافعي: الظاهر المنع.

1697. (Orang kafir mewalikan amah kemerdekaannya yang kafir) dengan syarat dia tidak mengerjakan kefasikkan pada agamanya, sekalipun dia Yahudi dan amah kemerdekaan itu Nasrani atau sebaliknya. (Tidak mewalikannya), iaitu perempuan kafir, (oleh orang Islam melainkan penghulu pada amahnya dan sultan pada wanita-wanita ahli zimmah). Maka dia adalah wali mereka bila mereka tidak punya wali kerabat yang kafir. Apabila tidak ada qadhi bagi orang-orang Islam maka adakah harus diterima nikah wanita zimmi dari qadhi mereka? Kata Rafi'e: yang zahir adalah tidak boleh.

أما الأمة المسلمة (فَيَرْوُجُهَا السَّيِّدُ) بالملك (وَلَوْ فَاسِقًا. فَإِنْ كَانَتْ) الأمة (لِامْرَأَةٍ زَوْجَهَا مِنْ يَزْوُجِ السَّيِّدَةِ) من الأولياء (بِأَدْنِ السَّيِّدَةِ) نطقا لا سكوتا. (فَإِنْ كَانَتْ السَّيِّدَةُ غَيْرَ رَشِيدَةٍ) بصغر أو جنون أو سفه (زَوْجَهَا أَبُو السَّيِّدَةِ أَوْ جَدُّهَا) عند فقد الأب. وإذا كانت السيدة صغيرة وهي ثيب امتنع تزويج

أمتها كما يمتنع تزويجها حتى تبلغ وتأذن نطقا. ويزوج العتيقة عصباتها. فإن فقدوا زوجها من يزوج المعتقة من أب أو جد ثم باقي العصبية.

1698. Adapun amah muslimah (**maka mengahwinkannya penghulunya**) dengan pemilikan, (**walaupun dia fasik. Maka jika adalah**) amah itu (**milik perempuan mengahwinkannya orang yang mengahwinkan penghulu perempuan itu**), daripada wali-walinya, (**dengan izin penghulu perempuan itu**) dengan cara tuturan bukan diam. (**Maka jika penghulu perempuan itu tidak cerdik**) dengan sebab xx atau gila atau safih (**mengahwinkannya bapa penghulu perempuan itu atau datuknya**) di sisi luput bapanya. Apabila adalah penghulu perempuan itu budak kecil dan amah itu janda tertegah mengahwinkan amahnya seperti mana tertegah mengahwinkannya sehingga dia baligh dan mengizinkan dengan cara tuturan. Mengahwinkan 'atiqah oleh asabah-asabahnya. Maka jika tidak ada mengahwinkannya orang yang mengahwinkan mu'tiqah itu, daripada bapa atau datuk kemudian baki asabahnya.

(وَأَمَّا الْخُرَّةُ فَيُزَوِّجُهَا عَصَبَاتِهَا) من النسب أو من له الولاء عليها. (وَأَوْلَاهُمْ)، أي أحق العصبات بالولاية، (الْأَبُ ثُمَّ الْجَدُّ) أبوه، (ثُمَّ الْأَخُ) الشقيق أو لأب، لا الأخ للأُم فلا مدخل له في ولاية النكاح، (ثُمَّ ابْنُهُ)، أي ابن الأخ المتقدم، (ثُمَّ الْعَمُّ ثُمَّ ابْنُهُ)، أي العم الشقيق أو لأب، وكذا ابنه، (ثُمَّ) المولى (الْمُعْتَقُ ثُمَّ عَصَبَتُهُ ثُمَّ الْمُعْتَقُ ثُمَّ عَصَبَتُهُ ثُمَّ الْحَاكِمُ). ويقدم الشقيق من الأخ والعم على الذي لأب. وأولادهما كذلك.

1699. (Adapun perempuan merdeka maka mengahwinkan dia asabah-asabahnya) dari titihan atau orang yang memiliki wala' diatasnya. (Yang terutama daripada mereka), iaitu yang lebih berhak daripada asabah-asabah itu pada wilayah, (adalah bapa kemudian datuk), bapanya, (kemudian saudara lelaki), syaqiq atau sebapa, tidak saudara lelaki seibu maka tidak ada ruang baginya pada wilayah nikah, (kemudian anak lelakinya), iaitu anak lelaki saudara lelaki yang terdahulu itu, (kemudian bapa saudara kemudian anaknya), iaitu bapa saudara syaqiq atau sebapa, begitu juga anak lelakinya, (kemudian) maula (mu'tiq kemudian asabahnya kemudian mu'tiq bagi mu'tiq kemudian asabahnya kemudian hakim). Didulukan yang syaqiq daripada saudara lelaki dan bapa saudara diatas yang sebapa. Dan anak-anak kedua mereka sama seperti demikian itu.

(وَلَا يُزَوِّجُ أَحَدًا مِنْهُمْ وَهَنَّاكَ مَنْ هُوَ أَقْرَبُ مِنْهُ. فَإِنْ اسْتَوَى اثْنَانِ فِي الدَّرَجَةِ) كأخين (وَأَحَدُهُمَا يُدْلِي بِأَبَوَيْنِ) كالشقيق (وَالْآخَرُ بِأَبِ الْوَلِيِّ) هو (مَنْ يُدْلِي بِأَبَوَيْنِ) وهو الشقيق.

1700. (Tidak mengahwinkan seorang daripada mereka itu walhal di sana ada orang yang lebih dekat daripadanya. Maka jika sama dua orang pada satu tingkatan) seperti dua saudara lelaki (dan satu daripada mereka menjulur dari dua ibu bapa) seperti syaqiq (dan satu lagi dari

bapa maka walinya) adalah (orang yang menjulur dari dua ibu bapa) iaitu yang syaqiq.

(فَإِنْ اسْتَوِيَا) كأخين شقيقين أو لأب (فَالأُولَى)، أي الأحسن على سبيل النِّدْبِ، (أَنْ يُقَدَّمَ أَسْنُهُمَا)، أي أكبرهما سنا، (وَأَعْلَمَهُمَا) بباب النكاح (وَأَوْرَعُهُمَا). فإن تعارضت هذه الصفات قدم الأفقه ثم الأورع ثم الأسن. (فَإِنْ زَوْجُ الأَخْرِ) وهو بغير الوصف المذكور (صَحَّ) إذا كانت أذنت لكل منهما. (وَإِنْ تَشَاحَا) وقد استويا (أَفْرَع). وَإِنْ زَوْجٌ غَيْرُ مَنْ خَرَجَتْ قُرْعَتُهُ (صَحَّ).

1701. (Maka jika sama dua orang), seperti dua saudara lelaki syaqiq atau sebapa (maka yang terutama), iaitu yang elok diatas jalan sunat adalah, (bahawa didulukan yang paling berumur daripada mereka), iaitu yang lebih tinggi nisbah umur, (dan lebih alim daripada mereka) pada bab nikah, (dan yang lebih wara' daripada mereka). Maka jika berlawanan sifat-sifat ini didulukan yang lebih fekah kemudian yang lebih wara' kemudian yang lebih berumur. (Maka jika mengahwinkan oleh yang lain), iaitu orang yang tidak ada padanya sifat tersebut, (sah ia) bilamana perempuan itu mengizinkan kepada setiap daripada kedua mereka itu. (Jika keduanya berkeras) walhal mereka itu sama (diundi. Jika bukan orang yang keluar undiannya yang mengahwinkan sah ia).

(وَإِنْ خَرَجَ الأُولَى عَنْ أَنْ يَكُونَ وَلِيًّا بِشَيْءٍ مِنَ المَوَانِعِ المُنْتَقِذَةِ) بِأَنْ كَانَ غَيْرَ عَدْلٍ أَوْ غَيْرَ حُرٍّ أَوْ غَيْرَ تَامِ النِّظَرِ (انْتَقَلَتِ الوَلَايَةُ إِلَى مَنْ بَعْدَهُ مِنَ الأُولِيَاءِ). ويفرض الذي سلبت عنه الولاية كأنه مات. فلو عادت إليه صفة الولاية عاد وليا.

1702. (Jika seorang wali keluar dari keadaannya wali dengan suatu daripada penghalang-penghalang yang terdahulu itu) dengan bahawa dia menjadi tidak bersifat adil atau tidak merdeka atau tidak sempurna pemikirannya (berpindahlah kewalian itu kepada orang yang selepasnya dari kalangan wali-wali). Diandaikan orang yang tertanggal kewalian itu darinya seolah-olah dia telah mati. Maka kalau kembali kepadanya sifat kewalian itu kembalilah dia menjadi wali.

(وَمَتَى دَعَتِ الحُرَّةُ إِلَى) الزواج ب(كُفَاءٍ لِرِمِّهِ تَزْوِيجُهَا) منه تحصينا لها. (فَإِنْ عَضَلَهَا أَيْ مَنَعَهَا) الولي من الزواج بهذا الكفاء أبا كان أو غيره (بَيْنَ يَدَيِ الحَاكِمِ أَوْ كَانَ) الولي (غَائِبًا فِي مَسَافَةِ القَصْرِ أَوْ كَانَ مُحْرِمًا) بحج أو عمرة (زَوْجَهَا الحَاكِمُ)، لا الأبعد. ويزوجها الحاكم أيضا في صور غير ذلك. منها أن يحبس حبسا يمنع من التزويج. (وَلَا تَنْتَقِلُ الوَلَايَةُ إِلَى الأَبْعَدِ) في هذه الصور.

1703. (Apabila seorang perempuan merdeka menyeru kepada) perkahwinan dengan (lelaki sepadan lazim walinya mengahwinkannya) dengan lelaki sepadan itu demi menguatkan jiwanya. (Maka jika wali menegahnyanya) dari berkahwin dengan lelaki sepadan itu, bapa adalah wali itu atau selainnya, (dihadapan hakim, atau adalah) wali itu (ghaib pada jarak qasar, atau adalah dia berihram) dengan haji atau umrah (mengahwinkannya hakim), bukan wali yang jauh. Hakim mengahwinkannya juga pada beberapa masalah selain demikian itu. Daripadanya bahawa dia ditahan dengan tahanan yang menghalangnya dari mengahwinkannya. (Tidak berpindah kewalian itu kepada yang jauh) pada rupa-rupa masalah ini.

(وَإِنْ عَابَ) الْوَالِي (إِلَى دُونِ مَسَافَةِ الْقَصْرِ لَمْ يُزَوِّجْ) الْحَاكِمُ (إِلَّا بِإِذْنِهِ)، أَيِ إِذْنِ الْوَالِي، بَأَنْ يَسْتَأْذِنَهُ.

1704. (Jika ghaib) wali (kepada kurang daripada jarak qasar) hakim (tidak mengahwinkan melainkan dengan izinnyanya), iaitu izin wali itu, dengan bahawa dia meminta izinnyanya.

(وَيَجُوزُ لِلْوَالِي أَنْ يُوَكَّلَ بِتَزْوِيجِهَا) غَيْرَهُ، أَذْنَتْ لَهُ فِي ذَلِكَ أَمْ لَا، مُجْبِرًا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ. وَلَا يَجِبُ أَنْ يَعِينِ الزَّوْجَ. (وَلَا يَجُوزُ) لِلْوَالِي (أَنْ يُوَكَّلَ إِلَّا مَنْ يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ وَلِيًّا) بَأَنْ يَجْمَعَ صِفَاتِ الْأَوْلِيَاءِ مِنَ الْعَدَالَةِ وَغَيْرِهَا.

1705. (Harus wali melantik wakil pada mengahwinkannya) akan seorang lain, perempuan itu mengizinkannya pada demikian itu atau tidak, mujbir adalah dia atau tidak mujbir. Tidak wajib bahawa dia menentukan suami. (Tidak harus) bagi wali (melantik wakil melainkan orang yang harus menjadi wali) dengan bahawa dia menghimpunkan sifat-sifat wali, daripada adil dan selainnya.

(وَ) يَجُوزُ (لِلزَّوْجِ أَنْ يُوَكَّلَ فِي الْقَبُولِ مَنْ يَجُوزُ أَنْ يَقْبَلَ النِّكَاحَ لِنَفْسِهِ). فَلَا يُوَكَّلُ صَبِيًّا وَلَا امْرَأَةً وَلَا مُحْرَمًا. (وَلَوْ) كَانَ الْوَكِيلُ (عَبْدًا)، فَيَصِحُّ تَوَكُّلُهُ وَلَوْ بِغَيْرِ إِذْنِ سَيِّدِهِ.

1706. (dan) harus (bagi suami mewakilkan pada qabul akan orang yang harus menerima nikah untuk dirinya), maka tidak boleh dia mewakilkan kanak-kanak dan tidak perempuan dan tidak muhrim, (walaupun) adalah wakil itu (hamba), maka sah mewakilkannya walaupun tanpa izin penghulunya.

(وَلَيْسَ لِلْوَالِي وَلَا لِلْوَكِيلِ أَنْ يُوجِبَ النِّكَاحَ لِنَفْسِهِ) لِاتِّحَادِ الْمَوْجِبِ وَالْقَابِلِ. (فَلَوْ أَرَادَ وَلِيِّهَا أَنْ يَتَزَوَّجَهَا) بَأَنْ كَانَ ابْنُ عَمِّهَا (كَابْنِ الْعَمِّ فَوَضَّ الْعَقْدَ إِلَى ابْنِ عَمٍّ) آخَرَ (فِي دَرَجَتِهِ. فَإِنْ فَقِدَ فَالْقَاضِي). وَإِذَا أَرَادَ الْحَاكِمُ أَنْ يَتَزَوَّجَ مِنْ لَا وَلِيَّ لَهَا غَيْرَهُ فَوَضَّ الْعَقْدَ لِخَلِيفَتِهِ.

1707. (Tidak boleh wali dan tidak wakil meng-ijabkan nikah untuk dirinya sendiri) kerana sama yang mengijab dan yang meng-qabul. (Maka kalau wali seorang perempuan hendak mengahwininya) dengan bahawa dia adalah anak lelaki bapa saudara perempuan itu, (seperti anak lelaki bapa

saudara, dia menyerahkan akad kepada anak lelaki bapa saudara) yang lain (pada darjatnya. Maka jika tidak ada maka qadhi). Apabila hakim hendak mengahwini perempuan yang tidak punya wali selain dia dia menyerahkan akad itu kepada timbalannya.

وَلَيْسَ لِأَحَدٍ أَنْ يَتَوَلَّى الْإِجَابَ وَالْقَبُولَ فِي نِكَاحٍ وَاحِدٍ إِلَّا الْجَدُّ إِذَا كَانَ جَدًّا وَأَرَادَ (فِي تَزْوِيجِ بِنْتِ ابْنِهِ بِابْنِ ابْنِهِ) الْآخِرَ وَكُلَاهُمَا قَاصِرًا. فيقول زوجته ابنة ابني هذه لابن ابني هذا، ثم يقول قبلت له. وذلك لقوة ولايته ووفور شفقتة.

1708. (Tidak boleh seorang menguasai ijab dan qabul pada perkahwinan yang satu melainkan datuk) apabila dia adalah datuk dan dia hendak (mengahwinkan anak perempuan bagi anak lelakinya dengan anak lelaki bagi anak lelakinya) yang lain, dan kedua mereka itu tidak sempurna. Maka dia berkata "aku kahwinkan anak perempuan bagi anak lelaki aku ini dengan anak lelaki bagi anak lelaki aku ini", kemudian dia kata "aku terima untuknya". Demikian itu kerana kuat kewaliannya dan sempurna kasih sayangnya.

ثُمَّ الْوَالِيُّ عَلَى قِسْمَيْنِ: مُجْبِرٌ وَغَيْرُ مُجْبِرٍ. فَالْمُجْبِرُ هُوَ الْآبُ وَالْجَدُّ خَاصَّةً فِي تَزْوِيجِ الْبُكَرِ فَقَطْ. فَلَهُمَا أَنْ يَزُوجَاَهَا بِغَيْرِ إِذْنِهَا. (وَكَذَا السَّيِّدُ فِي أُمَّتِهِ مُطْلَقًا) بَكَرًا أَوْ ثِيَابًا صَغِيرَةً أَوْ كَبِيرَةً.

1709. (Kemudian wali itu diatas dua bahagian: mujbir dan bukan mujbir. Maka yang mujbir itu adalah bapa dan datuk, khusus pada mengahwinkan anak dara sahaja). Maka kedua mereka boleh mengahwinkannya tanpa izinnya. (Begitu juga penghulu pada amahnya, semata-mata), dara atau janda, kecil atau besar.

وَمَعْنَى الْمُجْبِرِ أَنَّ لَهُ أَنْ يُزَوِّجَهَا مِنْ كُفَاءٍ بِغَيْرِ رِضَاهَا إِذَا كَانَ بِمَهْرٍ الْمِثْلِ، وَلَيْسَ بَيْنَهُمَا عِدَاوَةٌ ظَاهِرَةٌ، وَلَا بَيْنَهَا وَبَيْنَ الزَّوْجِ عِدَاوَةٌ وَلَوْ غَيْرَ ظَاهِرَةٌ، وَكَانَ الْمَهْرُ مِنْ نَقْدِ الْبَلَدِ، وَلَيْسَ الزَّوْجُ بِحَالِهِ. فلو زوج ابنته بالإيجاب لمن هو معسر بحال الصداق ثم دفع أبوه عنه المهر لم يصح العقد، إلا أن يهبه أبوه حال الصداق قبل العقد.

1710. (Makna mujbir itu bahawa dia berhak mengahwinkannya dengan lelaki sepadan tanpa redhanya) bilamana adalah ia dengan mahar seumpama dan tidak ada diantara kedua mereka permusuhan yang zahir dan tidak ada diantara perempuan itu dan di antara suami itu sebarang permusuhan walaupun yang tidak zahir, dan adalah mahar itu dari duit tempatan, dan tidak adalah suami itu mampu dengan maskahwin yang disebutkan Maka kalau dia mengahwinkan anak perempuannya diatas jalan paksa dengan lelaki yang papa dengan maskahwin yang disebutkan kemudian bapanya memberikan mahar itu dari pihaknya tidaka sah akad itu melainkan bapanya memberikan kepadanya maskahwin yang disebutkan itu sebelum akad. xxxvi.

(وَعَيْرُ الْمُجْبِرِ لَا يُزَوِّجُ إِلَّا بِرِضَاهَا وَإِذْنِهَا. فَمَتَى كَانَتْ بَكَرًا جَازَ لِأَبٍ أَوْ الْجَدِّ تَزْوِيجُهَا بِغَيْرِ إِذْنِهَا). والبركر هي التي لم توطأ ولو خلقت من غير بكاره، (لَكِنَّ يُنْدَبُ اسْتِئْذَانُ الْبَالِغَةِ، وَإِذْنُهَا السُّكُوتُ). وأما الصغيرة فلا إذن لها.

1711. (Yang tidak mujbir tidak boleh mengahwinkan melainkan dengan redha perempuan yang diwalikan dan izinnya. Maka bila adalah perempuan itu dara harus bapa atau datuk mengahwinkannya tanpa izinnya). Dara itu adalah perempuan yang belum disetubuhi walaupun dijadikan dia tanpa dara. (Akan tetapi sunat meminta izin perempuan yang baligh dan izinnya adalah diam). Adapun perempuan yang kecil maka tidak ada izin baginya.

(وَأَمَّا الثَّيْبُ الْعَاقِلَةُ) والمجنونة فسيأتي في كلام المصنف حكمها. (فَلَا يُزَوِّجُهَا أَحَدٌ إِلَّا بِإِذْنِهَا بَعْدَ الْبُلُوغِ بِاللَّفْظِ، سِوَاءِ الْأَبِ وَالْجَدِّ وَعَيْرُهُمَا). ولا يكفي سكوتها ولا إشارتها.

1712. (Adapun janda yang berakal) dan yang gila, maka hukumnya akan datang pada kata-kata musannif, (maka tidak boleh seorang mengahwinkannya melainkan dengan izinnya selepas baligh dengan lafaz, sama sahaja bapa dan datuk dan selain kedua mereka). Tidak cukup diamnya dan tidak isyaratnya.

(وَأَمَّا) الثيب (قَبْلَ الْبُلُوغِ فَلَا تُزَوِّجُ أَصْلًا). والثيب هي من زالت بكارتها بوطء ولو حراما. (وَإِنْ كَانَتْ) الثيب (مَجْنُونَةً) فإن كانت (صَغِيرَةً زَوَّجَهَا الْأَبُ أَوْ الْجَدُّ) عند فقد الأب للمصلحة دون غيرهما من الأولياء والحاكم.

1713. (Adapun) janda (sebelum baligh maka tidak dikahwinkan dia sama sekali). Janda itu adalah perempuan yang hilang daranya dengan setubuh walaupun haram. (Jika adalah) janda itu (gila) maka jika dia becil bapa atau datuknya mengahwinkannya) di sisi ketiadaan bapanya, kerana maslahat, tidak selain keduanya daripada wali-wali dan hakim.

وإن كانت الثيب مجنونة (أَوْ كَبِيرَةً زَوَّجَهَا الْأَبُ أَوْ الْجَدُّ) عند فقد الأب، (أَوْ الْحَاكِمُ) عند فقدهما. (لَكِنَّ الْحَاكِمَ يُزَوِّجُهَا لِلْحَاجَةِ) فقط، (وَالْأَبُ وَالْجَدُّ يُزَوِّجُهَا لِلْحَاجَةِ وَالْمَصْلَحَةِ). والمجنون الذكر يزوجه الأب أو الجد للحاجة فقط.

1714. Jika janda itu gila (atau dewasa boleh bapa atau datuk mengahwinkannya) disisi ketiadaan bapa, (atau hakim) di sisi ketiadaan kedua mereka itu, (akan tetapi hakim mengahwinkannya kerana hajat) sahaja, (dan bapa dan datuk mengahwinkannya kerana hajat dan maslahat). Lelaki yang gila mengahwinkannya bapa atau datuk kerana hajat sahaja.

(وَلَا يُلْزَمُ السَّيِّدُ تَزْوُجَ الْأُمَّةِ وَالْمُكَاتَبَةِ وَإِنْ طَلَبْتَا) التزوج. (وَلَا يُزَوِّجُ أَحَدٌ مِنَ الْأَوْلِيَاءِ الْمَرْأَةَ مِنْ غَيْرِ كُفَاءٍ إِلَّا بِرِضَاهَا وَرِضَا سَائِرِ الْأَوْلِيَاءِ). وهم من ثبتت لهم ولاية حال العقد كإخوة عقد أحدهم. فلو كان لها ولي أبعد فلا يمنع عدم رضاه صحة تزويج الأقرب إذا رضي هو والزوجة بغير الكفاء.

1715. (Tidak lazim penghulu mengahwinkan amah dan mukatabahnya sekalipun kedua mereka menuntut) dikahwinkan. (Tidak boleh seorang daripada para wali mengahwinkan perempuan dengan yang tidak sepadan melainkan dengan redhanya dan redha sekalian wali-walinya). Mereka itu orang yang sabit bagi mereka hak kewalian ketika akad seperti beberapa saudara lelaki yang seorang daripada mereka mengkadkan. Maka kalau ada baginya seorang wali jauh maka ketiadaan redhanya tidak menghalang sah perbuatan mengahwinkan oleh yang dekat apabila dia dan isteri itu redha dengan yang tidak sepadan.

(فَإِنْ كَانَ وَلِيُّهَا الْحَاكِمُ لَمْ تُزَوَّجْ مِنْ غَيْرِ كُفَاءٍ أَصْلًا وَإِنْ رَضِيَتْ) لأنه يلزمه مراعاة الحظ لها. (وَإِنْ دَعَتْ إِلَى غَيْرِ كُفَاءٍ لَمْ يُلْزَمِ الْوَلِيُّ تَزْوِجَهَا) لأن له حقا في الكفاءة فلا يلزمه ضياعه.

1716. (Maka jika walinya hakim tidak boleh dia mengahwinkan tanpa ada padan sama sekali sekalipun perempuan itu redha) kerana lazim hakim memelihara apa yang menguntungkan baginya. (Jika dia menyeru kepada yang tidak sepadan tidak lazim wali itu mengahwinkannya) kerana hakim mempunyai hak pada padanan itu maka tidak lazim dia mensia-siakannya.

(وَإِنْ عَيَّنَتْ كُفْوًا وَعَيَّنَ الْوَلِيُّ كُفْوًا غَيْرَهُ فَمَنْ عَيَّنَهُ الْوَلِيُّ أَوْلَىٰ إِنْ كَانَ مُجْبِرًا. وَإِلَّا فَمَنْ عَيَّنْتَهُ أَوْلَىٰ) ممن عينته.

1717. (Jika perempuan menentukan lelaki sepadan dan wali menentukan lelaki sepadan yang lain maka orang yang wali itu tentukan terutama jika dia mujbir. Jika tidak maka orang yang perempuan itu tentukan terutama) dari orang yang wali tentukan.

(وَالْكَفَاءَةُ) تعتبر (فِي النَّسَبِ وَالذِّينِ وَالْحُرِّيَّةِ وَالصَّنْعَةِ، وَسَلَامَةِ الْعِيُوبِ الْمُثْبِتَةِ لِلْخِيَارِ) كالسلامة من الجذام والبرص والجنون والعنة والجب.

1718. (Padanan itu) diiktibarkan (pada titihan dan agama dan kemerdekaan dan pekerjaan dan selamat dari aib yang mensabitkan khiaar) seperti selamat dari kusta dan sopak dan gila dan matipucuk dan kasi.

(فَلَا يُكَافِي الْعَجَمِيَّ عَرَبِيَّةً) لشرف نسب العرب علي العجم. (وَلَا غَيْرُ قَرَشِيٍّ قَرَشِيَّةً وَلَا غَيْرُ هَاشِمِيٍّ وَمَطْلَبِيٍّ هَاشِمِيَّةً أَوْ مُطْلَبِيَّةً) وإن كان قرشيا لشرف نسب بني هاشم والمطلب على من عداهم من العرب.

1719. (Maka tidak sepadan lelaki ajam dengan perempuan arab) kerana mulia titihan arab diatas ajam, (dan tidak selain Quraisy dengan

perempuan Quraisy dan tidak selain bani Hashim dan Muttalib dengan perempuan Bani Hashim dan Muttalib) sekalipun lelaki itu Quraisy kerana mulia titihan bani Hashim dan Muttalib diatas orang yang selain mereka daripada bangsa arab.

(وَلَا) يكافئ (فَاسِقٌ عَفِيفَةٌ) ليست فاسقة، وإن تاب لعدم مساواتهما في الدين.
(وَلَا) يكافئ (عَبْدٌ حُرٌّ) متأصلة الحرية أو عتيقة لعدم المساواة في الحرية.

1720. (**dan tidak**) sepadan (**lelaki fasik dengan perempuan baik nafsu**) yang tidak fasik, sekalipun lelaki itu telah taubat, kerana tidak sama mereka pada agama, (**dan tidak**) sepadan (**hamba dengan perempuan merdeka**), yang merdeka asal atau yang dimerdekakan, kerana ketiadaan sama pada sifat merdeka.

(وَلَا) يكافئ (الْعَتِيقُ) الذي مسه الرق ثم عتق (أَوْ مَنْ مَسَّ آبَاءَهُ رِقًّا) بأن كان أبوه رقيقاً ثم عتق، بخلاف من مس أمه رق فلا يؤثر في كفاءته، (حُرٌّ الْأَصْلُ) لشرف نسبها الذي لم يمس برق على نسبه.

1721. (**dan tidak**) sepadan (**lelaki yang dimerdekakan**), iaitu yang disentuh oleh kehambaan kemudian dimerdekakan, (**atau orang yang bapa-bapanya disentuh oleh kehambaan**), dengan bahawa bapanya hamba kemudian dimerdekakan, bersalah orang yang emaknya disentuh kehambaan maka ia tidak berkesan pada sepadanan, (**dengan perempuan yang merdeka asalnya**) kerana mulia titihannya yang tidak disentuh oleh kehambaan diatas titihan lelaki itu.

(وَلَا) يكافئ (ذُو حِرْفَةٍ دَنِيئَةٍ)، أي خسيصة، (بِنْتٌ ذِي حِرْفَةٍ أَرْفَعٌ) من حرفة الزوج. وذلك (كَحَيَّاطٍ)، فلا يكون كفواً لـ(بِنْتِ تَاجِرٍ). وكذا الكدَّاس. فلو أقلع عن الحرفة الدنيئة اشترط أن ينسب لغيرها وتتقطع نسبته عنها. (وَلَا) يكافئ (مَعِيْبٌ بَعِيْبٌ يُثْبِتُ الْخِيَارَ) مثل الجنون والجدام (سَلِيْمَةٌ مِنْهُ).

1722. (**dan tidak**) sepadan (**lelaki yang punyai kerja yang rendah**), iaitu yang lekeh, (**dengan anak perempuan orang yang mempunyai kerja yang tinggi**) daripada kerja bakal suami itu. Demikian itu (**seperti tukang jahit**), maka tidak adalah dia sepadan dengan (**anak perempuan pedagang**). Begitu juga tukang sapu. Maka kalau dia berhenti dari kerja yang rendah itu disyaratkan bahawa dia dinisbahkan kepada selain kerja itu dan putus nisbahnya darinya. (**dan tidak**) sepadan (**yang aib dengan ain yang mensabitkan khiair**) seumpama gila dan kusta (**dengan perempuan yang selamat darinya**).

(وَلَا اِعْتِبَارَ بِالْيَسَارِ) لأن قلة المال لا يعبر بها ذوو البصائر إذ المال غادٍ ورائح. (وَ) لا اعتبار به (الشَّيْخُوخَةُ)، فيكافئ الشيخ الشابة والفقير ذات اليسار.

1723. (**Tidak ada iktibar dengan kekayaan**) kerana sedikit harta tidak mencela dengan sebabnya oleh orang-orang yang celik matahati kerana harta itu datang dan pergi. (**dan**) tidak ada iktibar (**peringkat umur**) pada padanan,

maka sepadan lelaki tua dengan perempuan muda dan lelaki fakir dengan perempuan kaya.

(فَمَتَى زَوَّجَهَا) وليها (بِغَيْرِ كُفَاءٍ بغير رضاها وَرِضًا) سائر (الأولياء الذين هم في درجته) كاخوة أشقاء زوجها أحدهم بغير كفاء مع عدم رضا الباقين (فَالنِّكَاحُ بَاطِلٌ. وَإِنْ رَضُوا أَوْ رَضِيَتْ) هي بغير الكفاء ورضى باقي الأولياء الذين في درجته (فَلَيْسَ لِأَبْعَدٍ) من الأولياء (اعْتِرَاضٌ) على عدم الكفاءة لأن من له الحق قد رضى بإسقاطها.

1724. (Maka bila) seorang walinya (mengahwinkannya dengan lelaki yang tidak sepadan tanpa redhanya dan redha) sekalian (wali-walinya yang mereka itu pada darjatnya) seperti saudara-saudara lelaki syaqq yang seorang daripada mereka mengahwinkannya dengan lelaki tidak sepadan serta tidak redha wali-wali yang lain (maka nikah itu batil. Dan jika mereka redha, atau dia redha) dengan lelaki yang tidak sepadan itu dan redha baki wali-wali yang pada darjatnya, (maka tidak boleh wali yang lebih jauh) daripada wali-wali itu (membantah) diatas tidak ada padanan itu kerana orang yang mempunyai hak itu telah redha dengan menggugurkannya.

(وَإِذَا رَأَى الْأَبُ أَوْ الْجَدُّ الْمَصْلَحَةَ فِي تَزْوِيجِ الصَّغِيرِ وَالصَّغِيرَةِ) العاقل (زَوْجَهُ) ولو بأربع حيث وجدت المصلحة. (وَلَيْسَ لَهُ أَنْ يُزَوِّجَهُ أُمَّةً) لفقده شرط نكاحها فيه وهو خشية العنت، (وَلَا مَعِيْبَةً) لعدم المصلحة له في نكاحها.

1725. (Apabila bapa atau datuk melihat ada maslahat pada mengahwinkan budak lelaki dan budak perempuan kecil) yang berakal (dia mengahwinkannya) walaupun dengan empat orang sekira-kira dia mendapati ada maslahatnya. (Tidak boleh dia mengahwinkannya dengan amah) kerana luput syarat mengahwini amah padanya iaitu takut zina, (dan tidak perempuan yang cacat) kerana ketiadaan maslahat baginya pada berkahwin dengannya.

(وَإِنْ كَانَ سَفِيْهًا أَوْ مَجْنُونًا مُطْبَقًا أَوْ) كان جنونه غير مطبق لكنه (اِخْتِاجٌ إِلَى النِّكَاحِ زَوْجَهُ الْأَبُ أَوْ الْجَدُّ أَوْ الْحَاكِمُ. فَإِنْ أَدْنُوا لِلْسَّفِيْهِ أَنْ يَعْقَدَ لِنَفْسِهِ جَازٌ)، أي صح عقده، لأنه صحيح العبارة في غير الأموال. فإذا أذن له فقد صح عقده. (وَإِنْ عَقَدَ بِلَا إِذْنٍ فَبَاطِلٌ) لأن عقده يتضمن مالا وهو الصداق، وهو فاسد العبارة في الأموال.

1726. (Dan jika adalah dia orang yang safih atau gila yang sepanjang masa atau) adalah gilanya tidak sepanjang masa akan tetapi dia (perlu kepada nikah bapa atau datuk atau hakim mengahwinkannya. Maka jika mereka mengizinkan safih itu mengakadkan untuk dirinya harus ia), iaitu sah akadnya, kerana dia orang yang sah ibarat pada selain harta-harta. Maka bila diizinkan baginya maka sungguh sah akadnya. (Jika dia

berakad nikah tanpa izin maka batil) kerana akadnya itu melazimkan harta iaitu maskahwin, dan dia orang yang rosak barat pada harta-harta.

(وَإِنْ كَانَ) السفیه (مِطْلَاقًا)، أي كثير الطلاق بأن طلق قبل الحجر أو بعده ثلاث زوجات أو اثنتين، وكذا ثلاث مرات في زوجة، (تَسْرَى جَارِيَةً وَاحِدَةً)، أي اشترى له أمة يطؤها.

1727. (**Jika adalah**) safih itu (**orang yang suka menjatuhkan talak**), iaitu banyak kali mentalak isteri dengan bahawa dia telah mentalakkan sebelum dihijir atau selepasnya tiga isteri atau dua, begitu juga tiga kali pada seorang isteri, (**dia bergundik dengan seorang jariah**), iaitu wali membelikan amah baginya untuk dia menyetubuhinya.

(وَالْعَبْدُ الصَّغِيرُ يُزَوِّجُهُ السَّيِّدُ وَالْكَبِيرُ يَتَزَوَّجُ بِإِذْنِهِ)، أي السيد، (وَلَيْسَ لِلْسَّيِّدِ إِجْبَارُهُ عَلَى النِّكَاحِ) لأنه يملك رفعه بالطلاق فليس كالأمة (وَلَا لِلْعَبْدِ إِجْبَارُ السَّيِّدِ عَلَيْهِ) لأنه يشوش مقاصد الملك، وليس للسيد إجبار المكاتبه، والمبعضة على النكاح.

1728. (**Hamba yang kecil penghulunya boleh mengahwinkannya, sementara yang besar berkahwin dengan izinnya**), iaitu penghulunya. (**Dan tidak boleh penghulu memaksanya diatas nikah**) kerana dia boleh mengangkatkannya dengan talak maka dia bukan seperti amah. (**Dan tidak boleh hamba memaksa penghulunya diatasnya**) kerana ia mencelarkan tujuan-tujuan pemilikan. Tidak boleh penghulu memaksa amah mukatabah dan muba'adhah diatas nikah.

(فَصْلٌ) في تسليم الزوجة للزوج. (يَجِبُ تَسْلِيمُ الْمَرْأَةِ) المزوجة للزوج (عَلَى الْفَوْرِ إِذَا طَلَبَهَا فِي مَنْزِلِ الزَّوْجِ)، فلا يجب التسليم إلا إذا طلبها الزوج في منزله. فإن لم يطلبها أو لم يطلبها في منزله انتفى الوجوب.

1729. (**Fasal**) pada serahan isteri kepada suami. (**Wajib menyerahkan perempuan**) yang dikahwini kepada suami (**diatas kadar segera bila dia menuntutnya pada rumah suami itu**). Maka tidak wajib serahan itu melainkan bila suami itu menuntutnya dirumahnya. Maka jika dia tidak menuntutnya atau tidak dia menuntutnya dirumahnya ternafi kewajiban itu.

وكذلك يشترط لوجوب التسليم شرط ثالث ذكره بقوله: (إِنْ كَانَتْ تُطِيقُ الْإِسْتِمْتَاعَ) بالوطء. ويشترط كون الصداق مقبوضا أو مؤجلا لم يحل. فلها أن تحبس نفسها إذا لم تقبض مقدم الصداق الحال.

1730. Begitu juga disyaratkan bagi wajib penyerahan itu syarat ketiga yang dia sebutkan dengan katanya: (**jika dia mampu menanggung istimta'**) dengan setubuh. Disyaratkan keadaan maskahwinnya telah diterima, atau ditempokan yang belum sampai tempohnya. Maka isteri berhak menahan dirinya bila dia tidak menerima pendahuluan maskahwin yang sampai tempoh itu.

(فَإِنْ سَأَلْتَ الْإِنْتِظَارَ)، أي طلبت من الزوج أن يمهلها، (أُنْظِرْتِ)، أي يجب على الزوج أن يمهلها. (وَأَكْثَرُهُ ثَلَاثَةٌ أَيَّامٍ)، أي أكثر مدة ثلاثة أيام. فلو طلبت أكثر لا تجاب.

1731. (**Maka jika dia meminta tunggu dulu**), iaitu menuntut dari suami agar menangguhkannya, (**ditunggu dia**), iaitu wajib suami menangguhkannya. (**Dan sebanyak-banyaknya tiga hari**), iaitu sebanyak-banyak tempoh itu tiga hari. Maka kalau dia menuntut lebih tidak diperkenankan dia.

(فَإِنْ كَانَتْ) الزوجة (أَمَةٌ لَمْ يَجِبْ تَسْلِيمُهَا إِلَّا بِاللَّيْلِ، وَهِيَ بِالنَّهَارِ عِنْدَ السَّيِّدِ) لتكون قائمة بحقهما معا.

1732. (**Maka jika adalah**) si isteri itu (**amah tidak wajib menyerahkannya melainkan pada malam hari, dan dia pada siang berada di sisi penghulunya**) supaya dia dapat mendirikan hak kedua-dua mereka itu sekali.

(وَالْمُسْتَحَبُّ) إذا سلمت الزوجة (أَنْ يَأْخُذَ الزَّوْجُ بِنَاصِيَتِهَا) وهي مقدم رأسها (أَوَّلَ مَا يَلْقَاهَا وَيَدْعُو بِالْبَرَكَاتِ) كأن يقول: بارك الله لكل منا في صاحبه. (وَيَمْلِكُ) الزوج (الِاسْتِمْتَاعَ بِهَا) بجميع أنواعه من وطء وغيره (مِنْ غَيْرِ إِضْرَارٍ) بها، كأن تكون مريضة لا تطيق الوطء فلها منعه.

1733. (**Yang sunat**) bila isteri menyerahkan dirinya (**bahawa suami memegang ubun-ubunnya**), iaitu bahagian hadapan kepalanya, (**pada awal kali dia bertemu dengannya dan berdoa dengan keberkatan**) seperti bahawa dia kata "moga Allah memberkati setiap daripada kita pada pasangannya". Suami (**memilik istimewa' dengannya**) dengan semua bagaimanapun berupa setubuh dan selainnya, (**tanpa memudharatkan**)nya, seperti bahawa isteri sedang sakit tidak mampu menanggung setubuh maka boleh dia menegah suaminya.

(وَلَهُ أَنْ يُسَافِرَ بِهَا إِنْ كَانَتْ حُرَّةً) ولو سفرا طويلا. وأما الأمة فلا يسافر بها إلا برضا سيدها. (وَلَهُ أَنْ يَعْزَلَ عَنْهَا). والعزل هو أن يجامع حتى يقرب الإنزال فينزع ذكره وينزل المني خارج الفرج لعدم الحمل، (حُرَّةً كَانَتْ) الزوجة (أَوْ أَمَةٌ، لَكِنَّ الْأَوْلَى أَنْ لَا يَفْعَلَ) ذلك. فهو مكروه لأنه طريق إلى قطع النسل.

1734. (**Boleh suami bermusafir dengannya jika dia perempuan merdeka**) walaupun pada safar yang jauh. Adapun amah maka dia tidak boleh bermusafir dengannya melainkan dengan redha penghulunya. (**Dan baginya i'zal darinya**). I'zal itu adalah bahawa dia melakukan jimak sehingga hampir keluar mani lalu dia mencabut zakarnya dan melepaskan maninya di luar faraj kerana tidak mahu hamil, (**merdeka adalah**) isteri itu (**atau amah, akan tetapi yang terutama bahawa dia tidak lakukan**) demikian itu. Maka ianya makruh kerana ia jalan kepada memutuskan titihan.

(وَلَهُ أَنْ يَلْزِمَهَا بِمَا يَتَوَقَّفُ الْإِسْتِمْتَاعَ عَلَيْهِ كَالْغُسْلِ مِنَ الْحَيْضِ). فإن لم تفعل غسلها بنفسه وحل له الاستمتاع وإن لم تنو للضرورة، كما يفعل ذلك بالمجنونة. وله أن يجبرها على ترك السكر وإن كانت ذمية.

1735. (**Boleh suami melazimkannya dengan apa yang terhenti istimewa' diatasnya seperti mandi dari haid**). Maka jika dia tidak lakukan suami itu sendiri memandikannya, dan halal baginya istimewa' sekalipun isteri itu tidak berniat, kerana darurat, seperti mana dilakukan demikian itu pada perempuan gila. Boleh dia memaksanya meninggalkan mabuk sekalipun dia perempuan zimmi.

(وَ) له أن يلزمها (بِمَا يَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ كَمَا لِدَاتِ الْغُسْلِ مِنَ الْجَنَابَةِ وَالْإِسْتِحْدَادِ)، أي إزالة شعر العانة، (وإزالة الأوساخ) من عرق وغيره. فإذا أمرها بشيء من ذلك وجب عليها فعله وعصت بتأخيره. ولا فرق في ذلك بين الزوجة المسلمة والكتابية.

1736. (**Dan**) bagi suami melazimkannya (**dengan apa yang terhenti diatasnya sempurna kelazatan istimewa' seperti mandi janabah dan istihdad**), iaitu menghilangkan bulu ari-ari, (**dan menghilangkan cemar-cemar**) berupa peluh dan selainnya. Maka apabila suami menyuruhnya dengan suatu daripada demikian itu wajib dia melakukannya dan derhakahlah dia dengan melewatkannya. Tidak ada beza pada demikian itu diantara isteri muslimah dan kitabiah.

(فَصْلٌ) في موانع النكاح. و(يَحْرُمُ نِكَاحُ الْأُمِّ)، أي يَأْتِمُ بِهِ الشَّخْصُ وَلَا يَصِحُّ. وهي من ولدتك. (وَالْجَدَّاتِ) من جهة الآباء والأمهات (وَإِنْ عَلَوْنَ) بأن كانت أم أم أو أم أبي أب، وهكذا.

1737. (**Fasal**) pada perkara-perkara yang menghalang nikah. (Haram nikah dengan emak), iaitu berdosa seorang dengannya dan tidak sah ia. Dia adalah orang yang melahirkan kamu. (**dan nenek**) dari pihak bapa dan emak, (**sekalipun terkeatas**) dengan bahawa dia emak emak atau emak bapa bapa, begitu juga.

(وَالْبَنَاتِ وَبَنَاتِ الْأَوْلَادِ) إناثا وذكورا (وَإِنْ سَفَلْنَ، وَالْأَخَوَاتِ وَبَنَاتِ الْإِخْوَةِ وَ) بنات (الْأَخَوَاتِ وَإِنْ سَفَلْنَ، وَالْعَمَّاتِ وَالْخَالَاتِ وَإِنْ عَلَوْنَ)، بأن تكون خالة أب أو جد أو عمّة أب أو جد، (وَأُمُّ الزَّوْجَةِ وَجَدَّاتِهَا) من الآباء والأمهات.

1738. (**dan dengan anak perempuan dan anak perempuan bagi anak-anak**), perempuan dan lelaki, (**sekalipun terkebawah, dan saudara-saudara perempuan, dan anak perempuan saudara-saudara lelaki, dan**) anak perempuan bagi (**saudara-saudara perempuan, sekalipun terkebawah, dan emak saudara belah bapa dan emak saudara belah emak sekalipun terkeatas**), dengan bahawa dia adalah emak saudara belah

bapa bagi bapa atau datuk, atau emak saudara belah emak bagi bapa atau datuk, (**dan emak isteri dan neneknya**) dari bapa-bapa dan emak-emak.

(وَأَزْوَاجِ آبَائِهِ) وَإِنْ عَلُوا مِنْ جِهَةِ الْأَبِ وَالْأُمِّ (وَ) أَزْوَاجِ (أَوْلَادِهِ) وَإِنْ سَفَلْنَ مِنْ أَوْلَادِهِ وَبَنَاتِهِ، (هُؤُلَاءِ كُلُّهُنَّ) الْمَحْرَمَاتُ مِنَ النَّسَبِ (يَحْرُمْنَ بِمَجْرَدِ الْعَقْدِ) الصَّحِيحُ دُونَ الْفَاسِدِ.

1739. (**dan dengan isteri bapa-bapanya**) sekalipun terkeatas dari pihak bapa dan emak, (**dan**) isteri (**anak-anaknya**) sekalipun terkebawah, daripada anak-anak lelakinya dan anak-anak perempuannya. (**Mereka itu semuanya**) haram dari titihan, (**haram mereka dengan semata-mata akad**) yang sah, tidak yang fasid.

(وَأَمَّا بِنْتُ زَوْجَتِهِ فَلَا تَحْرُمُ إِلَّا بِالذُّخُولِ بِالْأُمِّ. فَإِنْ أَبَانَ الْأُمُّ قَبْلَ الذُّخُولِ بِهَا) بِأَنْ طَلَقَهَا (حَلَّتْ لَهُ بِنْتُهَا. وَيَحْرُمُ عَلَيْهِ مَنْ وَطَّئَهَا أَحَدُ آبَائِهِ أَوْ أَبْنَائِهِ بِمَذْكَرٍ أَوْ شُبْهَةٍ) بِنِكَاحِ فَاسِدٍ أَوْ شِرَاءِ فَاسِدٍ أَوْ بَوْطِ الْجَارِيَةِ الْمَشْتَرَكَةِ.

1740. (**Adapun anak perempuan isterinya maka dia tidak haram melainkan dengan setubuh emaknya. Maka jika dia cerai putus dari emaknya sebelum setubuh dengannya**) dengan bahawa dia mentalakkannya (**halal baginya anak perempuannya. Haram di atasnya perempuan yang disetubuhinya oleh seorang daripada bapa-bapaya atau anak-anak lelakinya dengan pemilikan atau syubhah**) dengan nikah yang fasid atau belian yang fasid atau dengan setubuh dengan jariah yang disyarikatkan.

(وَ) يَحْرُمُ (أُمَّهَاتُ مَوْطُؤَاتِهِ هُوَ بِمِثْلِكَ أَوْ شُبْهَةٍ) بِمَا تَقَدَّمَ (وَبَنَاتِهَا)، أَيِ الْمَوْطُؤَاتِ بِمِثْلِكَ أَوْ شُبْهَةٍ. (كُلُّ ذَلِكَ) التَّحْرِيمُ (تَحْرِيمًا مُؤَبَّدًا) مُسْتَمْرًا.

1741. (**Dan**) haram (**emak-emak bagi perempuan yang disetubuhi olehnya dengan pemilikan atau syubhah**) dengan apa yang telah terdahulu itu, (**dan anak-anak perempuannya**), iaitu perempuan yang disetubuhi dengan pemilikan atau syubhah. (**Semua**) pengharaman (**itu adalah pengharaman yang muabbad**), yang berterusan selama-lama.

(وَيَحْرُمُ) عَلَيْهِ (أَنْ يَجْمَعَ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَأَخْتِهَا أَوْ عَمَّتِهَا أَوْ خَالَتِهَا). وَلَا فَرْقَ فِيهِنَّ بَيْنَ الشَّقِيقَاتِ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لَأُمِّ.

1742. (**Haram**) di atasnya (**menghimpunkan diantara seorang perempuan dan saudara perempuannya atau emak saudaranya atau emak saudara belah emaknya**). Tidak ada beza pada mereka itu di antara syaqiqah atau sebapa atau seibu.

(وَإِنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً ثُمَّ وَطَّئَهَا أَبْوَهُ أَوْ ابْنَهُ بِشُبْهَةٍ) فَتَصِيرُ فِي مَعْنَى زَوْجَةِ أَبِيهِ أَوْ ابْنِهِ، (أَوْ وَطَّئَ هُوَ أُمَّهَاتِهَا) فَتَصِيرُ زَوْجَتَهُ بِنْتُ مَوْطُؤَاتِهِ، (أَوْ بِنْتُهَا) فَتَصِيرُ الزَّوْجَةَ أُمَّ مَوْطُؤَاتِهِ، لَكِنْ إِنْ كَانَ الْوَطْءُ الْمَذْكُورَ (بِشُبْهَةٍ) لَا بَرْنَا.

فلذلك (إِنْفَسَخَ نِكَاحَهَا) في هذه الصور الأربع. وأما وطء الزنا فلا حرمة فلا تحرم به.

1743. (Jika seorang mengahwini seorang perempuan kemudian bapanya atau anak lelakinya menyeturubuhnya dengan syubhah) maka jadilah perempuan itu dari sudut makna sebagai isteri bapanya atau anak lelakinya, (atau dia menyeturubuhi emaknya) maka jadilah isterinya sebagai anak perempuan bagi perempuan yang diseturubuhnya, (atau anak perempuannya) maka jadilah isterinya itu sebagai emak bagi perempuan yang diseturubuhnya, walaubagaimana pun jika perseturubuhan yang disebutkan ini (dengan syubhah) bukan dengan zina, maka kerana demikian itu (terfasakh nikahnya) pada rupa-rupa masalah yang empat ini. Adapun setubuh zina maka tidak ada kehormatan maka tidak haram isterinya itu dengannya.

(وَمَنْ حَرَّمَ مِنْ ذَلِكَ بِالنَّسَبِ) حرمة مؤبدة (حَرْمٌ بِالرَّضَاعِ) فيحرم من الرضاع ما يحرم من النسب من الأم والبنات والأخت والعمة والخالة وامرأة الأب من الرضاع والابن من الرضاع وبنات الأخ والأخت من الرضاع وهكذا.

1744. (Orang yang haram daripada demikian itu dengan titihan) sebagai haram muabbad (haram dia dengan susuan). Maka haram dari susuan apa yang haram dengan titihan, daripada emak dan anak perempuan dan saudara perempuan dan emak saudara belah bapa dan belah emak dan isteri bapa dari susuan dan isteri anak lelaki dari susuan dan anak perempuan bagi saudara lelaki dan bagi saudara perempuan dari susuan. Beginilah seterusnya.

(وَمَنْ حَرَّمَ نِكَاحَهَا مِمَّنْ دُكِرْنَا) نسبا أو رضاعا (حَرْمٌ وَطُؤُهَا بِمِلْكِ الْيَمِينِ). فلو ملك أختين أو جارية وعمتها أو جارية وخالتها حرم وطؤهما معا. فإذا وطئ واحدة حرمت الأخرى حتى يحرم الموطوءة بما يزيل الملك من بيع وغيره.

(وَيَجُوزُ تَعْلِيْقُ الطَّلَاقِ عَلَى شَرْوِطٍ) من صفات وزمان ومكان. (وَإِنْ عَلَّقَهُ عَلَيَّ شَرْطٍ وَوُجِدَ ذَلِكَ الشَّرْطُ) المعلق عليه الاطلاق مع استمرار الزوجية (طَلَقْتُ).

1883. (**Harus menta'likkan talak diatas syarat-syarat**) daripada sifat-sifat dan masa dan tempat. (**Jika dia menta'likkannya diatas satu syarat dan didapati syarat**) yang digantungkan talak itu keatasnya serta berterusan perkahwinan itu (**tertalakah dia**).

(فَإِذَا قَالَ لِرَوْجَتِهِ)، بخلاف ما إذا قال لغير من هي زوجة ثم كانت زوجة: (إِنْ حِضَّتْ فَأَنْتِ طَالِقٌ، طَلَّقْتُ بِمَجْرَدِ رُؤْيَةِ الدَّمِ) في زمن إمكان كونه حيضاً. ثم إذا انقطع قبل يوم وليلة تبين عدم الوقوع. (فَإِذَا قَالَتْ: حِضَّتْ فَكَذَّبَهَا فَالْقَوْلُ قَوْلُهَا مَعَ يَمِينِهَا) لأنها مؤتمنة على حيضها.

1884. (**Maka jika dia kata kepada isterinya**), bersalahan apabila dia kata kepada orang yang bukan isterinya kemudian menjadi isterinya ("**jika kamu berhaid maka kamu tertalak**" tertalakah dia dengan semata-mata melihat darah) pada masa terbolehd keadaannya haid. Kemudian bila ia putus sebelum sehari semalam ternyata tidak jatuhnya. (**Maka apabila isteri itu berkata "aku telah berhaid" maka dia mendustakannya maka kata yang dibenarkan adalah kata isteri itu serta sumpahnya**) kerana dia dipercayai diatas haidnya.

(وَإِنْ قَالَ: إِنْ حِضَّتْ فَضَرَّتْكَ طَالِقٌ، فَقَالَتْ: حِضَّتْ، فَكَذَّبَهَا) الزوج (فَالْقَوْلُ قَوْلُهُ وَلَمْ تُطَلِّقِي الضَّرَّةَ) لأنها لا تصدق في حق غيرها.

1885. (Jika dia kata "jika kamu berhaid maka madu kamu tertalak maka katanya "aku telah berhaid" maka mendustakannya) suami itu (**maka kata yang dibenarkan adalah kata suami itu dan tidak tertalak madunya**) kerana dia tidak diperbenarkan pada hak orang lain.

(وَإِنْ قَالَ: إِنْ خَرَجْتَ إِلَّا بِإِذْنِي)، أي بغير إذني، (فَأَذَتْ طَالِقٌ، ثُمَّ أَذِنَ لَهَا) ولم تعلم بإذنه (فِي الْخُرُوجِ مَرَّةً فَخَرَجَتْ ثُمَّ خَرَجَتْ) أخرى (بَعْدَ ذَلِكَ بِلَا إِذْنٍ لَمْ تُطَلِّقْ) لأن إن لا تقتضي التكرار. فلما أذن لها في المرة الأولى انحلت اليمين.

1886. (Jika dia kata "jika kamu keluar melainkan dengan izin ku"), iaitu tanpa izin ku, ("maka kamu tertalak" kemudian dia mengizinkannya) dan isteri itu tidak tahukan izinnya, (pada keluar, sekali, maka dia keluar, kemudian dia keluar) kali yang lain (selepas demikian itu tanpa izin tidak tertalak dia) kerana "jika" tidak menuntut berulang-ulang. Maka tatkala dia mengizinkannya pada kali pertama terungkailah sumpah itu.

(وَإِنْ قَالَ: كُلَّمَا خَرَجْتَ إِلَّا بِإِذْنِي فَأَذَتْ طَالِقٌ، فَبِأَيِّ مَرَّةٍ خَرَجْتَ بِغَيْرِ إِذْنِهِ طَلَّقْتَ) لأن كلما للتكرار، فلا تدفي اليمين بمجرد إذنه مرة. فجميع أدوات التعليق لا تقتضي التكرار إلا كلما، ولا تقتضي الفور في الإثبات إلا إن مع المال أو شئت، فتقتضي الفور، وجميعها في النفي للفور.

1887. (Jika dia kata "setiap kali kamu keluar melainkan dengan izin ku maka kamu tertalak" maka dengan mana-mana kali dia keluar tanpa izinnya tertalaklah dia) kerana "setiap kali" untuk berulang-ulang, maka ia tidak menafikan sumpah dengan semata-mata izinnya sekali. Maka semua alat-alat ta'lik itu tidak menuntut ulangan melainkan "setiap kali" dan tidak menuntut segera pada mensabitkan melainkan "jika" bersama dengan harta^{xxxviii} atau "kamu mahu", maka ia menuntut segera, dan semuanya pada penafian adalah untuk segera.

(وَإِنْ قَالَ: مَتَى وَقَعَ عَلَيْكَ طَلَاقِي فَأَنْتِ طَالِقٌ قَبْلَهُ ثَلَاثًا، ثُمَّ قَالَ بَعْدَ ذَلِكَ: أَنْتِ طَالِقٌ، طَلَّقْتَ الْمُنْجَزَ فَقَطْ). ولا يقع الطلاق المعلق لأنه لو وقع لاقتضى أن لا يقع المنجز لأنها إذا بانث بالثلاث فلا يلحقها طلاق، وإذا لم يقع المنجز لم يقع المعلق، فأفسد عليه باب الطلاق وهو خلاف الشريعة الإسلامية. فاختراروا وقوع المنجز، وبعضهم لا يوقع عليه شيئاً. وينسبون ذلك لابن سريج. ولذلك يقال لهذه المسألة السريجية.

1888. (Jika dia kata "bila jatuh keatas kamu talak ku maka kamu tertalak sebelumnya tiga talak" kemudian dia kata selepas itu "kamu tertalak" tertalaklah dia dengan talak yang lulus sahaja) dan tidak jatuh talak yang dita'likkan, kerana kalau ianya jatuh nescaya ia menuntut bahawa tidak jatuh yang lulus itu kerana apabila isteri itu jadi bāin dengan tiga talak itu maka tidak menghubunginya talak yang lain, dan apabila tidak jatuh yang lulus itu tidak jatuh yang dita'likkan itu, maka rosaklah diatasnya bab talak yang mana ia menyalahi syariat Islam. Maka ulamak memilih jatuh yang lulus itu, dan sebahagian mereka tidak menjatuhkan keatasnya apa-apa. Mereka menisbahkan

demikian itu kepada Ibnu Suraij, yang kerana itu dikatakan masalah ini "suraijiah".

(وَمَنْ عَلَّقَ) الطلاق (بِفِعْلِ نَفْسِهِ) بَأَنْ قَالَ: إِنْ دَخَلْتُ الدَّارَ فَزَوْجَتِي طَالِقٌ، (فَفَعَلَ) المحلوف عليه بَأَنْ دَخَلَ الدَّارَ، (نَاسِيًا أَوْ مُكْرَهًا، لَمْ يَقَعْ) عليه الطلاق لأن فعله كلا فعل.

1889. (Orang yang mentalikkan) talak (dengan perbuatan dirinya) dengan bahawa dia kata "jika aku masuk rumah itu maka isteri ku tertalak" (maka dia melakukan) perkara yang disumpahkan di atasnya dengan bahawa dia memasuki rumah itu (dalam keadaan lupa atau dipaksa tidak jatuh) keatasnya talak itu kerana perbuatannya seperti tidak ada perbuatan.

(وَإِنْ عَلَّقَ بِفِعْلِ غَيْرِهِ مِثْلُ: إِنْ دَخَلَ زَيْدٌ الدَّارَ فَأَنْتِ طَالِقٌ، فَدَخَلَهَا) زيد (قَبْلَ عِلْمِهِ بِالتَّعْلِيقِ أَوْ بَعْدَهُ)، أي بعد علمه، (دَاكِرًا لَهُ أَوْ نَاسِيًا، وَكَأَنَّ غَيْرَ مُبَالٍ بِحِنْثِهِ)، أي لا يشق عليه فراق زوجته ولا يحرص على عدم وقوع الطلاق عليه، (طَلَّقْتُ) في هذه الصور.

1890. (Dan jika dia menta'likkan dengan perbuatan orang lain seumpama "jika Zaid masuk rumah itu maka kamu tertalak" maka) Zaid (memasukinya sebelum dia tahukan ta'lik itu atau selepasnya), iaitu selepas tahunya, (dalam keadaan dia ingatkannya atau lupakannya, dan adalah dia [suami itu] tidak peduli dengan pelanggaran sumpahnya), iaitu tidak dia susah hati dengan perceraian dengan isterinya dan tidak dia haloba di atas tidak jatuh talak keatasnya, (tertalaklah isteri itu) pada rupa-rupa masalah ini.

(وَإِنْ عَلِمَ) زيد (بِالتَّعْلِيقِ فَدَخَلَ نَاسِيًا وَهُوَ مِمَّنْ يَبَالِي بِحِنْثِهِ لَمْ تُطَلَّقِ). وكذا إذا لم يعلم بالتعليق وهو ممن يبالي بالحدث لأن القصد بالطلاق حينئذ الحث على المنع، وفعل الجاهل والناسي كلا فعل. وأما إذا كان قصد المعطى مطلق التعليق فيقع الطلاق بفعل من ذكر. والزوجة من شأنها أن تبالي، فلو علق على فعلها ففعلت جاهلة بالتعليق أو ناسية لم يقع الطلاق.

1891. (Jika) Zaid (mengetahui ta'lik itu maka dia masuk dalam keadaan lupa dan dia daripada orang yang peduli tentang batal sumpah suami itu tidak tertalak isteri itu). Begitu juga bila dia tidak tahukan ta'lik itu dan dia daripada orang yang peduli pelanggaran sumpah itu kerana tujuan dengan talak itu ketika itu adalah galakkan di atas menghalang perbuatan itu, dan perbuatan orang jahil dan orang lupa seperti tidak ada perbuatan. Adapun apabila adalah tujuan orang yang menta'lik semata-mata ta'lik maka jatuh talak itu dengan perbuatan orang yang disebutkan itu. Seorang isteri itu daripada keadaannya adalah bahawa dia peduli, maka kalau suami menta'likkan di atas perbuatan isterinya maka dia melakukan dalam keadaan jahilkan ta'lik itu atau lupa tidak jatuh talak itu.

وَأِنْ قَالَ: إِنْ دَخَلْتِ الدَّارَ فَأَنْتِ طَالِقٌ ثُمَّ بَاتَتْ مِنْهُ، أَي طَلَقَتْ طَلَاقًا بَائِنًا، (إِمَّا بِطَلْقَةٍ) واحدة قبل الدخول أو بعده بعوض (أَوْ بِثَلَاثٍ، ثُمَّ) بعد البيونة (تَرْوَجَهَا) بعقد جديد، (ثُمَّ دَخَلْتِ الدَّارَ) في النكاح الثاني، (لَمْ تُطَلِّقْ) لارتفاع النكاح الذي حصل فيه التعليق بالبيونة.

1892. (Jika dia kata "jika kamu masuk rumah itu maka kamu tertalak" kemudian dia bercerai putus darinya), iaitu dia tertalak dengan talak yang putus, (sama ada dengan talak) yang satu sebelum dukhul atau selepasnya dengan bayaran (atau dengan talak tiga, kemudian) selepas putus itu (dia berkahwin dengannya) dengan akad baru (kemudian isteri itu memasuki rumah itu) pada nikah yang kedua (dia tidak tertalak) kerana terangkat nikah yang terhasil ta'lik itu padanya dengan perceraian putus itu.

(فَصْلٌ) فِي الخَلْعِ بِضَمِّ الخَاءِ. (يَصِحُّ الخُلْعُ مِمَّنْ يَصِحُّ طَلَاقُهُ) وَهُوَ البَالِغُ العَاقِلُ. (وَيُكْرَهُ) لِأَنَّهُ طَلَاقٌ (إِلَّا فِي دَالِيْنٍ. أَحَدُهُمَا أَنْ يَخَافَا) الزَّوْجَانَ (أَوْ أَحَدَهُمَا أَنْ لَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ)، أَي مَا افْتَرَضَ عَلَيْهِمَا مِنْ حَقُوقٍ، (الزَّوْجِيَّةِ).

1893. (Fasal) pada tebus talak. "الخلع" dengan dhammah kha'. (Sah tebus talak dari orang yang sah talaknya), iaitu orang yang baligh lagi berakal. (Makruh ia) kerana ia adalah talak, (melainkan pada dua keadaan. Satu daripada keduanya bahawa takut) dua suami isteri (atau seorang daripada mereka bahawa dia tidak dapat mendirikan had-had Allah), iaitu apa yang difarhukan keatas mereka, berupa hak-hak (perkelaminan).

(وَالثَّانِي أَنْ يُخْلَفَ بِالطَّلَاقِ الثَّلَاثِ عَلَى تَرْكِ فِعْلِ شَيْءٍ) كَالْأَكْلِ وَالشَّرْبِ، (ثُمَّ يَخْتِاجُ إِلَيْهِ فِعْلُهُ)، فَلَا يَتَخَلَّصُ مِنَ الِيمِينِ إِلَّا بِالْخَلْعِ. (فَيُخَالِعُهَا ثُمَّ يَتَرْوَجُهَا ثُمَّ يَفْعَلُ المَحْلُوفَ عَلَيْهِ، فَإِنَّهُ لَا يَقَعُ عَلَيْهِ الطَّلَاقُ الثَّلَاثُ كَمَا سَبَقَ).

1894. (Keduanya bahawa dia bersumpah dengan talak tiga diatas meninggalkan suatu perbuatan) seperti makan dan minum, (kemudian dia perlu kepada melakukannya), maka tidak lepas dia dari sumpah itu melainkan dengan tebus talak, (lalu dia menebus talak isterinya kemudian mengahwininya semula kemudian dia melakukan apa yang dia bersumpah diatasnya, maka tidak jatuh diatasnya talak tiga itu sepertimana yang telah lalu).

فالخلع يدفع في الحلف على الذفي المطلق أو المقيد بزمن كحلفه بالطلاق الثلاث أنه لا يدخل الدار مثلا في هذا الشهر، وفي الإثبات المطلق كحلفه لأدخلن الدار. وأما الإثبات المقيد كحلفه لأدخلت الدار في هذا الشهر ففيه خلاف. والمعتمد أنه يخلص منه أيضا بشرط أن يبدى من الوقت ما يسع المحلوف عليه. والمعتمد أن الخلع ينقص عدد الطلاق. وفعل المحلوف عليه قبل العقد أولى.

1895. Maka tebus talak itu bermanfaat pada sumpah diatas penafian yang mutlak atau yang dikaitkan dengan masa seperti sumpahnya dengan talak tiga bahawa dia tidak akan masuk rumah itu, sebagai contoh, pada bulan ini, dan pada penyabitan yang mutlak seperti sumpahnya "akan aku masuk rumah itu". Adapun penyabitan yang dikaitkan seperti sumpahnya "aku akan masuk rumah itu pada bulan ini" maka padanya khilaf. Yang muktamad bahawa dia lepas darinya juga dengan syarat bahawa tinggal daripada waktu oleh apa yang memuatkan perkara yang disumpahkannya diatasnya. Yang muktamad bahawa tebus talak itu mengurangkan bilangan talak, dan melakukan perkara yang disumpahkannya diatasnya sebelum akad itu terutama.

(وَإِنْ كَانَ الزَّوْجُ سَفِيهًا صَدَّحَ خُلْعُهُ) لأنه من أفراد من يصح طلاقه. وإنما ذكره ليعقبه بقوله: (وَيُدْفَعُ الْعَوْضَ إِلَى وَلِيِّهِ). ويصح دفعه إليه بإذن الولي. (وَلَا يَصِحُّ خُلْعُ) الـ (سَفِيهَةً). فإذا صدر منها التزام عوض في مقابلة فك العصمة بطل الخلع ووقع الطلاق رجعيًا. فإذا قال لزوجته السفية: إن أبرأتني من صداقك فأنت طالق، فأبرأته لا يقع عليه الطلاق.

1896. (**Jika adalah suami itu safih sah tebus talaknya**) kerana dia seorang daripada orang-orang yang sah talaknya. Hanyasanya musannif menyebutnya untuk dia mengiringkannya dengan katanya: (**dan diserahkan bayarannya kepada walinya**). Sah serahan bayaran itu kepadanya dengan izin walinya. (**Tidak sah tebus talak akan isteri yang safih**). Maka apabila keluar darinya sanggup bayaran pada membetuli rombakan ikatan nikah batal tebus talak itu dan jatuh talak raji'e. Maka apabila dia kata kepada isterinya yang safih "jika kamu lepaskan aku dari maskahwin kamu maka kamu tertalak", maka dia melepaskannya, tidak jatuh talak diatasnya.

(وَلَيْسَ لِلْوَالِي أَنْ يُخَالِعَ امْرَأَةَ الطِّفْلِ) لأن الطلاق لا يصح إلا من الزوج، (وَلَا أَنْ يُخَالِعَ الطِّفْلَةَ)، أي القاصرة من زوجها، (بِمَالِهَا، وَيَصِحُّ بِمَالِ الْوَالِي) لأنه لا حظ لها في الاختلاع والولي لا يتصرف إلا بالمصلحة. فإذا خالع أبوها بمالها وصرح بالاستقلال وقع بآئنا بمهر المثل.

1897. (**Tidak boleh wali menebus akan talak isteri bagi budak kecil**) kerana talak tidak sah melainkan dari suami, (**dan tidak bahawa dia menebus talak budak perempuan kecil**), iaitu yang tidak sempurna, dari suaminya, (**dengan hartanya, dan sah ia dengan harta wali itu**) kerana tidak ada habuan baginya pada menebus talak dan wali tidak boleh tasarruf melainkan dengan maslahat. Maka apabila bapanya menebus talak dengan hartanya dan menjelaskan dengan tersendirinya [bukan dari pihak budak perempuan itu] jatuh ia dalam keadaan bain dengan mahar mithli.

(وَيَصِحُّ) الخلع (بِلَفْظِ الطَّلَاقِ وَلَفْظِ الْخُلْعِ)، أي تصح الفرقة التي يطلق عليها الخلع بأحد هذين اللفظين إذا كان مع المال. (مِثْلُ أَدَّتِ طَالِقٌ عَلَى أَلْفٍ أَوْ خَالَعَتْكَ عَلَى أَلْفٍ. فَإِنْ قَالَتْ) على الفور فيهما (قَبِلْتُ بَأَدَّتِ وَلَزِمَهَا الْأَلْفُ).

ومثل الخلع المفاداة. (وَكَذَلِكَ) يصح الخلع (إِنْ قَالَ) الزوج: (إِنْ أُعْطَيْتَنِي أَلْفًا فَأَنْتِ طَالِقٌ، فَأَعْطْتَهُ) الألف فوراً، (بِأَنْتِ. وَكَذَلِكَ إِذَا قَالَتْ طَلَّقْتَنِي عَلَى أَلْفٍ، فَقَالَ) فوراً (أَنْتِ طَالِقٌ، بِأَنْتِ وَلَزِمَهَا أَلْفٌ).

1898. (Sah) tebus talak (**dengan lafaz talak dan lafaz tebus talak**), iaitu sah perceraian yang dituturkan "tebus talak" keatasnya dengan satu daripada dua lafaz ini apabila adalah ia berserta harta, (**umpama "kamu tertalak diatas seribu" atau "aku tebus talak kamu diatas seribu". Maka jika isteri itu kata**) dengan segera pada keduanya ("**aku terima" jadi bainlah dia dan melaziminya seribu itu**). Seumpama tebus talak itu adalah tebus diri. (**Begitu juga**) sah tebus talak (**jika kata**) suami ("**jika kamu berikan aku seribu maka kamu tertalak" maka dia memberikan kepadanya**) seribu dengan segera, (**jadi bainlah dia. Begitu juga bila dia kata "talakkan aku diatas seribu" maka katanya**) dengan segera (**kamu tertalak" jadi bainlah dia dan melaziminya seribu**).

وإذا أبدل إن بمتى أو غيرها من أدوات التعطيق لا يشترط الفور. ويشترط موافقة الإيجاب للقبول. فلو قال لها: طلقك بألف، فقبلت بألفين، فلغو.

1899. Apabila digantikan "jika" dengan "bila" atau selainnya daripada adat-adat ta'lik tidak disyaratkan segera itu. Disyaratkan muafakat ijab dengan qabul. Maka kalau dia kata kepada isterinya "aku talakkan kamu dengan seribu" maka isteri itu menerima dengan dua ribu, maka lagha.

(وَمَا جَازَ أَنْ يَكُونَ صَدَاقًا) و هو كل مدمول مقصود (جَازَ أَنْ يَكُونَ عَوَضًا فِي الْخُلْعِ). ولا بد أن يكون راجعا لجهة الزوج أو لجهة سيده إن كان رقيقا. فالخلع بلا عوض أو بعوض لكنه غير مدمول مقصود أو مدمول لكنه راجع لغير من ذكر يقع رجعيا.

1900. (**Apa yang harus dijadikan maskahwin**), iaitu setiap benda yang dikirakan sebagai harta yang dimaksudkan, (**harus bahawa ia menjadi bayaran pada tebus talak**). Tidak dapat tidak bahawa adalah ia merujuk kepada pihak suami atau kepada pihak penghulunya jika dia hamba. Maka tebus talak tanpa bayaran atau dengan bayaran akan tetapi tidak dikira sebagai harta yang dimaksudkan atau dikirakan harta akan tetapi kembali kepada selain orang yang disebutkan itu jatuh ia sebagai talak raji'e.

(فَلَوْ خَالَعَ بِمَجْهُوْلٍ أَوْ غَيْرِ مُتَمَوِّلٍ) لكنه مقصود (كَالْحَمْرِ بِأَنْتِ بِمَهْرِ الْمِثْلِ). وأما إذا كان المتمول غير مقصود كالدّم فإنه يقع رجعيا.

1901. (**Maka kalau dia menebus talak dengan suatu yang majhul atau yang tidak dikira harta**) akan tetapi dimaksudkan (**seperti arak jadi bainlah isteri itu dengan mahar mithli**). Adapun bila adalah benda yang dikira harta itu tidak dimaksudkan seperti darah maka ia jatuh sebagai talak raji'e.

(وَهُوَ)، أي الفراق، (بَلْفِظِ الْخُلْعِ طَلَقٌ صَرِيحٌ) ينقص عدد الطلاق. وقيل هو فسخ إن لم ينو به الطلاق فلا ينقص به العدد.

1902. (Ianya), iaitu perceraian, (**dengan lafaz tebus talak adalah talak yang jelas**) yang mengurangkan bilangan talak. Dikatakan ia fasakh jika tidak diniatkan talak dengannya, maka tidak kurang bilangan talak dengannya.

(فَصْلٌ) فِي الشَّكِّ فِي الطَّلَاقِ. (مَنْ شَكَّ هَلْ طَلَّقَ أَمْ لَا لَمْ تَطْلُقْ) لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمَ الطَّلَاقِ. (وَالْوَرَعُ أَنْ يُرَاجَعَ) إِنْ أَمَكَنْتَ الْمَرَاةَ بِأَنَّ كَانَتْ مَدْخُولًا بِهَا وَالطَّلَاقُ الْمَشْكُوكُ فِيهِ رَجْعِي. وَإِلَّا فَالْوَرَعُ تَجْدِيدُ النِّكَاحِ إِنْ أَمَكَنْ وَأَحَبُّ بَقَاءِهَا. وَإِلَّا نَجَزَ طَلَاقُهَا لِتَحُلِّ لغيره.

1903. (Fasal) pada syak pada talak. (**Orang yang syak adakah dia telah menjatuhkan talak atau tidak tidak tertalak isterinya**) kerana asalnya tidak ada talak. (**Yang wara' bahawa dia merujuk**) jika terbolelah merujuk dengan bahawa isteri itu telah disetubuhi dan talak yang disyakkan itu talak raji'e. Jika tidak, maka yang wara' adalah membaharui nikah jika terbolelah dan dia suka akan kekalnya. Jika tidak dia meluluskan talaknya supaya isteri itu halal bagi orang lain.

(وَإِنْ شَكَّ هَلْ طَلَّقَ طَلَقَةً أَوْ أَكْثَرَ وَقَعَ الْأَقْلُ) دُونَ الزَّائِدِ. (وَمَنْ طَلَّقَ ثَلَاثًا فِي مَرَضٍ مَوْتِهِ) وَمَاتَ (لَمْ تَرِثُهُ الْمَطْلُوقَةُ). وَالْبَائِنُ بِغَيْرِ الثَّلَاثِ كَالْمَطْلُوقَةِ ثَلَاثًا.

1904. (**Jika dia syak adakah dia mentalakkan satu talak atau lebih jatuh yang paling sedikit**), tidak yang lebih. (**Orang yang mentalakkan tiga pada sakit matinya**) dan dia mati (**tidak mewarisinya isteri yang ditalakkan itu**). Yang bain dengan selain tiga sama seperti yang ditalakkan tiga.

(فَصْلٌ) فِي الرَّجْعَةِ. وَهِيَ لُغَةٌ: الْمَرَّةُ مِنَ الرَّجُوعِ، وَشَرْعًا: رَدُّ الْمَرْأَةِ إِلَى النِّكَاحِ مِنْ طَّلَاقٍ غَيْرِ بَائِنٍ فِي الْعِدَّةِ.

1905. @ (Fasal) pada rujuk. "رجعة" pada lughah adalah "kali" daripada "رجوع", dan pada syara': memulangkan perempuan kepada nikah dari talak yang tidak bain didalam `iddah.

(إِذَا طَلَّقَ الْحُرَّ طَلَقَةً أَوْ طَلَّقَتَيْنِ أَوْ طَلَّقَ الْعَبْدَ طَلَقَةً) وَكَانَ الطَّلَاقُ مِنْهُمَا (بَعْدَ الدُّخُولِ بِلَا عَوَضٍ فَلَهُ)، أَيِ الزَّوْجِ الْحُرِّ أَوْ الْعَبْدِ، (قَبْلَ أَنْ تَنْقُضِيَ الْعِدَّةَ أَنْ يُرَاجَعَ) الْمَطْلُوقَةُ الْمَذْكُورَةُ. وَإِنْ أَسْقَطَ حَقَّهُ مِنَ الرَّجْعَةِ. (سِوَاءَ رَضِيَتْ أَمْ لَا. وَلَهُ أَنْ يُطَلِّقَهَا) فَيَلْحَقُهَا الطَّلَاقُ.

1906. (**Apabila seorang merdeka mentalakkan satu talak atau dua talak atau seorang hamba mentalakkan satu talak**) dan adalah talak daripada kedua mereka itu (**selepas dukhul tanpa bayaran maka baginya**), iaitu suami yang merdeka atau hamba itu, (**sebelum habis iddahnya merujuk**) perempuan yang ditalakkan itu, sekalipun dia mengugurkan haknya dari rujuk,

(sama sahaja isteri itu redha atau tidak. Boleh dia mentalakkannya), maka dia menghubungkannya dengan talak.

وأما إذا كان الطلاق قبل الدخول فيقع بائنا، وكذا إذا كان بعوض، فلا يمكنه الرجعة ولا يلحقها الطلاق.

1907. Adapun apabila adalah talak itu sebelum dukhul maka jatuh ia dalam keadaan *bain*, begitu juga apabila ia dengan bayaran, maka tidak mungkin dia merujuk dan tidak juga menghubungkannya dengan talak yang lain.

(وَإِنْ مَاتَ أَحَدُهُمَا) بعد الطلاق الرجعي (وَرَثَهُ الْآخَرُ، لَكِنْ لَا يَحِلُّ لَهُ وَطُورُهَا وَلَا النَّظَرُ إِلَيْهَا وَلَا الْأِسْتِمْتَاعُ بِهَا قَبْلَ الْمَرَاجَعَةِ).

1908. (Jika mati seorang daripada mereka) selepas talak *raji'e* (mewarisinya yang seorang lagi, akan tetapi tidak halal dia menyetubuhinya dan tidak memandang kepadanya dan tidak *istimta'* dengannya sebelum rujuk).

(وَإِنْ كَانَ الطَّلَاقُ قَبْلَ الدُّخُولِ أَوْ بَعْدَهُ بِعَوَضٍ فَلَا رَجْعَةَ لَهُ)، أي للزوج، وكذا بعد انقضاء العدة.

1909. (Jika adalah talak itu sebelum dukhul atau selepasnya dengan bayaran maka tidak ada rujuk baginya), iaitu bagi suami. Begitu juga selepas habis *iddah*.

(وَلَا تَصِحُّ الرَّجْعَةُ إِلَّا بِاللَّفْظِ فَقَطْ) دون غيره من التمتع والوطء، (فَيَقُولُ: رَاجِعْتُهَا، أَوْ رَدَدْتُهَا، أَوْ أَمْسَكْتُهَا). ويسن أن يقول إليّ أو إلى نكاحي. وتصح أيضا بلفظ تزوجتها أو نكحتها لكن بذية الرجعة. فهي من كنايات الرجعة.

1910. (Tidak sah rujuk melainkan dengan lafaz, sahaja), tidak dengan selainnya daripada *istimta'-istimta'* dan setubuh. (Maka dia kata "aku merujuknya" atau "memulangkannya" atau "menahannya"). Sunat bahawa dia kata "kepada aku" atau "kepada pernikahan ku". Sah ia juga dengan lafaz "aku mengahwininya" atau "menikahinya", akan tetapi dengan niat rujuk, maka ia adalah kinayah bagi rujuk.

(وَلَا يُشْتَرَطُ) في الرجعة (الإشهاد) بل يسن. (وَإِذَا رَاجَعَهَا عَادَتْ إِلَيْهِ بِمَا بَقِيَ مِنْ عَدَدِ الطَّلَاقِ).

1911. (Tidak disyaratkan) pada rujuk (mengadakan saksi), bahkan sunat. (Apabila dia merujuknya kembalilah dia kepadanya dengan apa yang masih tinggal lagi daripada bilangan talak).

(أَمَّا إِذَا طَلَّقَ الْحُرُّ ثَلَاثًا أَوْ الْعَبْدُ طَلَّقْتَيْنِ حَرُمَتْ عَلَيْهِ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ نِكَاحًا صَحِيحًا). أما الوطء بملك اليمين أو بالنكاح الفاسد فلا يحصل به التحليل. (وَيَطُورُهَا) الزوج الثاني (في الفرج)، أي القبل. وإذا كانت بكرا فلا بد من افتضاضها.

1912. (Adapun apabila seorang merdeka mentalakkan tiga atau seorang hamba mentalakkan dua haram isteri itu diatasnya sehingga dia mengahwini suami yang lain dengan nikah yang sah). Adapun setubuh dengan pemilikan tangan kanan atau dengan nikah fasid maka tidak terhasil tahlil dengannya. (dan menyetubuhinya) suami kedua (pada faraj), iaitu kubul. Apabila adalah dia dara maka tidak dapat tidak daripada memecahkan daranya.

(وَإِذَا نَهَا)، أي أقل الوطء الذي يحصل به التحليل، (تَغْيِيبُ الْحَشَفَةِ بِشَرَطِ انْتِشَارِ الذُّكْرِ). ولا بد أن يكون ممن يمكن منه الجماع، لا نحو طفل. فإذا لم ينتشر لعة أو شلل فلا يحصل بوطنه التحليل.

1913. (Sekurang-kurangnya), iaitu sekurang-kurang setubuh yang terhasil dengannya tahlil (adalah meghaibkan hasyafah dengan syarat tegang zakar). Tidak dapat tidak bahawa adalah ia dari orang yang terboleh jimak darinya, bukan dari umpama kanak-kanak lelaki. Maka apabila ia tidak tegang kerana penyakit atau lasar maka tidak terhasil tahlil dengan persetubuhannya.

(فَصَلِّ) في الإيلاء. وهو بالمد لعة: الحلف، وشرعاً: حلف زوج على الامتناع من وطء زوجته مطلقاً أو أكثر من أربعة أشهر.

1914. Fasal pada iila' i.e sumpah tidak akan setubuh. "الإيلاء" dengan mad pada lughah adalah sumpah, dan pada syara': sumpah suami di atas enggan dari setubuh isterinya, semata-mata, atau lebih dari empat bulan.

(الإيلاء حَرَامٌ) لما فيه من الإيذاء. (وَهُوَ أَنْ يَخْلِفَ الزَّوْجَ بِاللَّهِ) تعالى (أَوْ بِالطَّلَاقِ أَوْ بِالْعَتَقِ أَوْ بِالتَّزَامِ صَوْمٍ أَوْ صَلَاةٍ أَوْ) بـ (غَيْرِ ذَلِكَ) كالحج (يَمِينًا يَمْنَعُ الْجَمَاعَ فِي الْفَرْجِ أَكْثَرَ مِنْ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ). والتزام الصوم والصلاة ليس يميناً حقيقة، وإنما لما منع التزامه سمي يميناً مجازاً.

1915. (Iila' itu haram) kerana ia menyakiti. (Ianya bahawa suami bersumpah dengan nama Allah) taala (atau dengan talak atau dengan memerdekakan hamba atau dengan melazimi puasa atau shalat atau) dengan (selain demikian itu) seperti haji (dengan sumpah yang menegah jimak pada faraj lebih dari empat bulan). Melazimi puasa dan shalat bukannya sumpah pada hakikat hanya tatkala melaziminya menegah jimak dinamakan ia sebagai sumpah di atas jalan majaz.

(فَإِذَا حَلَفَ كَذَلِكَ صَارَ مُؤَلِّيًا، فَتَضَرَّبُ لَهُ مَدَّةٌ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ. فَإِذَا انْقَضَتْ وَدِمُّ يُجَامَعُ فِيهَا وَلَا مَانِعٌ مِنْ جِهَتِهَا) كمرض وجنون ونشوز، (فَلَهَا عَقَبُ الْمُدَّةِ أَنْ تَطَالِبَهُ إِمَّا بِالطَّلَاقِ أَوْ بِالْوُطْءِ إِذَا لَمْ يَكُنْ بِهِ مَانِعٌ يَمْنَعُهُ مِنَ الْوُطْءِ) كالمرض والظهار والصوم والإحرام. فإن كان نحو ذلك طالبتة بالفيئة باللسان بأن يقول: إذا شفيت فئت. فإن لم يفئ طالبتة بالطلاق. (فَبِإِنْ جَامَعَ فَذَلِكَ. وَإِلَّا طَلَّقَ عَلَيْهِ الْحَاكِمُ) طلقة واحدة.

1916. (Maka apabila dia bersumpah seperti demikian itu jadilah ia seorang yang melakukan *iila'*, maka dibuatkan baginya satu tempoh selama empat bulan. Maka apabila ia habis dan dia tidak menjimak padanya dan tidak ada penghalang dari pihak isterinya) seperti sakit dan gila dan nusyuz, (maka isteri itu, mengiringi tempoh itu, berhak menuntutnya sama ada dengan talak atau dengan setubuh apabila tidak ada padanya suatu penghalang yang menghalangnya daripada setubuh) seperti sakit dan zihar dan puasa dan ihram. Maka jika ada umpama demikian itu dia menuntutnya dengan kembali dengan lidah, dengan bahawa dia mengatakan "apabila aku sembuh maka aku kembali". Maka jika dia tidak kembali isteri itu menuntutnya dengan talak. (Maka jika dia menjimak maka demikian itu zahir, dan jika tidak hakim mentalakkan keatasnya) satu talak.

وَمَتَى حَلَفَ عَلَى أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ فَمَا دُونَهَا، أَوْ كَانَ الزَّوْجُ عَيْنِيًّا أَوْ مَجْبُوبًا،
فَلَيْسَ مُؤَلِّيًّا) لامتناع الوطاء في نفسه.

1917. (Bila dia bersumpah diatas empat bulan atau kurang daripadanya, atau adalah suami itu mati pucuk atau majbub dia bukanlah seorang yang melakukan *iila'*) kerana tertegah setubuh pada dirinya.

(فَصِلٌ) في الظهار. وهو لغة: تشبيه الزوج زوجته بمجرمة في الحرمة (الظهار) شرعا: (هُوَ أَنْ يُشْبِهَ) الزوج (امْرَأَتَهُ بِظَهْرِ أُمِّهِ أَوْ غَيْرِهَا مِنْ مَحَارِمِهِ أَوْ بَعْضِ مِنْ أَعْضَائِهَا فَيَقُولُ أَدَّتْ عَلَيَّ كَظْهِرِ أُمِّي أَوْ كَفَرَجِهَا أَوْ كَيْدِهَا).

1918. (Fasal) pada zihar. Ia pada lughah: penyerupaan oleh suami akan isterinya dengan mahramnya pada haram. (Zihar) pada syara' (adalah bahawa) suami (menyerupakan isterinya dengan belakang emaknya atau selainnya daripada mahram-mahramnya, atau dengan satu anggota daripada anggota-anggotanya. Maka katanya "kamu diatas aku seperti belakang emak ku" atau "seperti farajnya" atau "seperti tangannya").

ويشترط في الزوج أن يكون ممن يصح طلاقه. فلو قال أجنبي لامرأة: أنت عليّ كظهر أمي، ثم تزوجها لا يضر، وفي المرأة كونها زوجة فلا يصح الظهار من مختلعة ولا أمة، وفي المرأة المشبه بها كونها أدنى محرما بنسب أو رضاع أو مصاهرة لم تحل في زمن كبنته ومرضعة أبيه وامراته التي تزوجها قبل ميلاده.

1919. Disyaratkan pada suami itu bahawa adalah dia daripada orang yang sah talaknya, maka kalau seorang lelaki ajnabi berkata kepada seorang perempuan "kamu diatas aku seperti belakang emak ku" kemudian dia mengahwininya tidak mudharat ia, dan pada perempuan keadaannya isteri maka tidak sah zihar pada perempuan yang ditebus talak dan tidak juga amah, dan pada perempuan yang

diserupakan dengannya keadaannya perempuan mahram dengan titihan atau susuan atau mushaharah yang tidak halal pada satu masa pun seperti anak perempuannya dan ibu susu bapanya dan isterinya yang dia kahwininya sebelum lahirnya.

(فَادَا قَالَ ذَلِكَ)، أي ما تقدم من الألفاظ، (وَوُجِدَ الْعَوْدُ) المبين بما يأتي (لِزِمَتْهُ الْكَفَّارَةُ وَحَرْمٌ وَطَوْهَا حَتَّى يُكْفَرَ) عما ارتكبه من الإثم، لأن الظهار من الكبائر.

1920. (Maka apabila dia katakan demikian itu), iaitu lafaz-lafaz yang telah lalu itu, (dan didapati "kembali") yang akan diterangkan dengan apa yang akan datang (melaziminya kifarah dan haram menyeturubuhnya sehingga dia membayar kifarah itu) dari apa yang dia kerjakan berupa dosa, kerana zihar adalah daripada dosa-dosa besar.

(وَالْعَوْدُ) الذي يترتب عليه وجوب الكفارة (هُوَ أَنْ يُمَسِّكَهَا بَعْدَ الظَّهَارِ زَمَانًا يُمَكِّنُهُ أَنْ يَقُولَ لَهَا فِيهِ أَنْتِ طَالِقٌ)، ولكن (فَلَمْ يَقُلْ) ذلك. فيسمى حينئذ عائدا فتجب عليه الكفارة.

1921. (Kembali) yang tersusun diatasnya kewajiban kifarah itu (adalah bahawa dia menahannya selepas zihar dalam masa yang terbolehdia berkata kepadanya pada masa itu "kamu tertalak"), akan tetapi (dia tidak katakan) demikian itu. Maka dinamakan dia ketika itu orang yang kembali, maka wajib diatasnya kifarah.

(فَإِنْ عَقَبَ الظَّهَارَ بِالطَّلَاقِ عَلَى الْفَوْرِ طَلَّقَتْ وَلَا كَفَّارَةَ) عليه. ومثل الطلاق ما إذا جنَّ أو أغمى عليه. وإذا كانت رجعية يكون العود بالرجعة. وأما لو أخرج الطلاق ولو يسيرا فتجب عليه الكفارة.

1922. (Maka jika dia mengiringkan zihar dengan talak dengan kadar segera tertalak isterinya dan tidak ada kifarati). Seumpama talak adalah keadaan apabila dia gila atau pitam. Apabila adalah isterinya raji'e adalah kembali itu dengan rujuk. Adapun kalau dia melewati talak walaupun sekejap maka wajib diatasnya kifarah.

(وَالْكَفَّارَةُ) هي (عِتْقُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ سَلِيمَةٍ مِنَ الْعِيُوبِ الَّتِي تَضُرُّ بِالْعَمَلِ) والكسب. ويشترط في الكفارة النية، بأن ينوي بالإعتاق كفارة. وهكذا الصوم والإطعام والكسوة. فلو كان عليه كفارتا قتل وظهار وأعتق أو صام بذية كفارة وقع عن إحداهما. ويشترط في العتق عن الكفارة أن يكون بلا عوض.

1923. (Kifarah itu) adalah (memerdekakan hamba yang beriman yang selamat dari cacat yang memudharatkan kerja) dan usaha. Disyaratkan pada kifarah itu akan niat dengan bahawa dia niat memerdekakan kerana kifarah. Begitu juga puasa dan beri makan dan beri pakaian. Maka kalau ada diatasnya dua kifarati, bunuh dan zihar, dan dia memerdekakan hamba atau puasa dengan niat kifarah jatuh ia dari salah satu daripada keduanya.

Disyaratkan pada memerdekakan hamba dari kifarah bahawa adalah ia tanpa bayaran.

(فَإِنْ لَمْ يَجِدْ) الرقبة أو وجدها تباع بغبن أو احتاج لثمنها لكفاية نفسه و عياله نفقة وسكنى مدة سنة ولم يفضل معه بعد ذلك ما يشتري به الرقبة (فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ) يلزمه. (فَإِنْ لَمْ يَسُدِّطْع) الصوم لكبر أو مرض أو مشقة شديدة تلحقه بالصوم (فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا) يلزمه.

1924. (Maka jika dia tidak mendapat) hamba atau dia mendapatnya dijual dengan rugi atau dia berhajat kepada harganya untuk kecukupan dirinya dan keluarganya sebagai nafkah dan tempat tinggal dalam tempoh setahun dan tidak lebih bersamanya selepas itu apa yang boleh dia beli hamba dengannya (maka puasa dua bulan berturutan) melaziminya. (Maka jika dia tidak mampu) puasa kerana tua atau sakit atau kesusahan teruk yang menghubunginya dengan puasa itu (maka beri makan enam puluh orang miskin) melaziminya.

ويطعم (كُلَّ مِسْكِينٍ مَدًّا). والمراد من الإطعام التمليك. وذلك المد (مِنْ قَوْتِ الْبَلَدِ حُبًّا) مجزئاً في الفطرة، (بِالنِّيَّةِ) المميّزة عن النذر وكفارة اليمين. ولا يجب فيها التعرض للوجوب لأن الكفارة لا تكون إلا واجبة.

1925. Dia beri makan (setiap orang miskin secupak). Yang dikehendaki daripada "beri makan" itu adalah beri milik. Secupak itu adalah (daripada makanan asas tempatan, nisbah bijian) yang memada pada fitrah. (dengan niat) yang membezakan dari nazar dan kifarah sumpah. Tidak wajib pada niat itu menyebutkan wajib kerana kifarah tidak adalah ia melainkan wajib.

(بَابُ الْعِدَّةِ)

وهي مدة تتربص فيها المرأة لبراءة زوجها. (مَنْ طَلَّقَ امْرَأَتَهُ قَبْلَ الدُّخُولِ فَلَا عِدَّةَ عَلَيْهَا، وَإِنْ طَلَّقَ بَعْدَهُ لَزِمَتْهَا الْعِدَّةُ). والفسخ ملحق بالطلاق واستدخال المني المحترم ملحق بالدخول، وبه تلزم العدة إذا حصل الطلاق.

1926. @BAB IDDAH. Ia adalah tempoh yang menunggu padanya seorang perempuan untuk memastikan rahimnya kosong. (Orang yang mentalakkan isterinya sebelum dukhul maka tidak ada iddah diatasnya, dan jika dia mentalakkan selepasnya melaziminya iddah). Fasakh dihubungkan dengan talak, dan memasukkan mani yang dihormati dihubungkan dengan dukhul, dan dengannya lazim iddah apabila terhasil talak.

(سَوَاءٌ كَانَ الزَّوْجَانِ صَغِيرَيْنِ). وقد يستشكل الطلاق من الصغير حتى يترتب عليه وجوب العدة، إلا أن يقال هو مجرد فرض لا يلزم وقوعه، أو مراده بالطلاق ما يشمل الفسخ وللزوجة الفسخ من ذكاح الصبي إذا وجدته مجذوماً أو أبرص مثلاً. (أَوْ بِالْعَيْنِ أَوْ أَحَدَهُمَا بِالْعَا وَالْآخَرُ صَغِيرًا) لأن الوطاء شاغل للرحم.

1927. (**sama sahaja dua suami isteri itu kecil**). Terkadang dimusykilkan talak dari budak kecil sehingga tersusun di atasnya kewajipan iddah, melainkan bahawa dikatakan ia semata-mata andaian tidak lazim berlakunya, atau kehendaknya dengan talak itu adalah apa yang meliputi fasakh yang mana isteri berhak fasakh dari nikah budak kecil apabila dia mendapatinya berpenyakit kusta atau sopak contohnya. (**atau keduanya baligh atau satu daripada keduanya baligh dan satu lagi kecil**) kerana setubuh itu menyibukkan rahimnya.

(وَالْمُرَادُ بِالذُّخُولِ الْوُطْءُ) أو ما في معناه من دخول المنى المحترم. (فَلَوْ خَلَا بِهَا وَلَمْ يَطَّأَهَا ثُمَّ طَلَّقَ-) (فَلَا عِدَّةَ. وَإِذَا وَجِبَتْ الْعِدَّةُ فَإِنْ كَانَتْ حَامِلًا أَنْقَضَتْ بَوَاضِعَهُ)، أي الحمل، (بِشَرْطَيْنِ).

1928. (**Yang dikehendaki dengan dhukhul itu adalah setubuh**) atau apa yang pada maknanya, daripada masuk mani yang dihormati. (**Maka kalau dia bersunyi dengannya dan tidak menyeturubuhnya kemudian dia mentalakkan**)nya (**maka tidak ada iddah. Apabila wajib iddah maka jika dia hamil terhabislah ia dengan meletakkannya**) iaitu kandungan itu (**dengan dua syarat**).

(أَحَدُهُمَا أَنْ يَنْفَصِلَ جَمِيعَ الْحَمْلِ). فلو خرج بعض الولد لم تنقض به العدة (حَتَّى لَوْ كَانَ) الحمل (وَلَدَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ أَشْتَرَطَ انْفِصَالُ الْجَمِيعِ). فلو كانت رجعية وولدت أحد توأمين فله مراجعتها قبل أن تلد الثاني.

1929. (**Satu daripada keduanya bahawa terpisah semua kandungan**). Maka kalau keluar sebahagian anak tidak habis iddah dengannya (**sehinggakan kalau**) kandungan itu (**dua budak atau lebih disyaratkan terpisah semuanya**). Maka kalau isteri itu raji'e dan dia melahirkan satu daripada dua kembar maka dia berhak merujuknya sebelum bahawa dia melahirkan yang kedua.

(سَوَاءٌ انْفَصَلَ حَيًّا أَوْ مَيِّتًا) ولو بدواء. فإن بقى الحمل في بطنها سنين لا تنقضي عدتها ما دام في بطنها ولو ميتا. وسواء كان الحمل المنفصل الذي تنقضي به العدة (كامل الخلقة أو مضغعة لم تتصوّر وشهد القوابل أنها)، أي المضغعة، (مبدأ خلق آدمي) فتنقضي بها العدة. ولا يجب فيها الغرة ولا يحصل بها الاستيلاد. وأما العلقة فلا تنقضي بها العدة.

1930. (**sama sahaja ia terpisah dalam keadaan hidup atau mati**) walaupun dengan ubat. Maka jika kekal kandungan itu didalam perutnya beberapa tahun tidak habis iddahnya selama mana ia didalam perutnya walaupun mati. Sama sahaja adalah andungan yang terpisah yang habis iddah dengannya (**sempurna kejadian atau mudghah yang tidak berupa dan para bidan bersaksi bahawa ia**) iaitu mudgha itu (**permulaan kejadian anak adam**) maka terhabis iddah dengannya. Tidak wajib padanya ghurrah dan tidak terhasil istilad dengannya. Adapun 'alaqah maka tidak habis iddah dengannya.

(وَمَتَى كَانَ بَيْنَ الْوَالِدَيْنِ دُونَ سِتَّةِ أَشْهُرٍ فَهَمَّا تَوَامَانِ) لا تنقضي العدة إلا بوضعهما. ومتى كان بينهما ستة أشهر فأكثر فكل منهما حمل مستقل.

1931. (**Apabila adalah di antara dua anak itu kurang dari enam bulan maka keduanya dua saudara kembar**) tidak habis iddah melainkan dengan melahirkan keduanya. Bila ada di antara keduanya enam bulan maka lebih maka setiap daripada keduanya adalah kandungan yang tersendiri.

(وَلَا حَدَّ لِعَدَدِ الْحَمْلِ فَيَجُوزُ أَنْ تَضَعَ الْمَرْأَةُ فِي حَمْلِ وَاحِدٍ أَرْبَعَةَ أَوْلَادٍ أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ).

1932. (Tidak ada had bagi bilangan kandungan maka harus bahawa seorang perempuan melahirkan pada kandungan yang satu akan empat anak atau lebih dari demikian itu).

والشرط (الثَّانِي) من شرطي انقضاء العدة بالحمل (أَنْ يَكُونَ الْوَالِدُ مَنْسُوبًا إِلَى مَنْ لَهُ الْعِدَّةُ) ولو احتمالاً كالمنفي بالعان. فلو لاعنها وهي حامل انقضت عدتها بالوضع.

1933. Syarat (kedua) daripada dua syarat habis iddah dengan kandungan itu (bahawa adalah anak itu dibangsakan kepada orang yang memiliki iddah itu) walaupun ihtimal seperti anak yang dinafikan dengan li'an. Maka kalau dia meli'annya sedang dia hamil habis iddahnya dengan melahirkan.

(فَلَوْ حَمَلَتْ مِنْ زِنَا أَوْ) من (وَطءِ شُبْهَةٍ) ثم طلقها الزوج (لَمْ تَنْقُضِ عِدَّةَ الْمُطَلَّقِ بِهِ)، أي الوضع، (بَلْ فِي حَمْلِ وَطءِ الشُّبْهَةِ تَسْتَقْبِلُ عِدَّةَ الْمُطَلَّقِ بَعْدَ الْوَضْعِ) وتنقضي عدة الشبهة بالوضع.

1934. (Maka kalau seorang perempuan hamil dari zina atau) dari (setubuh syubhah) kemudian suaminya mentalakkannya (tidak habis iddah orang yang mentalakkan itu dengannya), iaitu dengan melahirkan kandungan, (bahkan pada hamil setubuh syubhah itu berterusan iddah suami yang mentalakkan itu selepas melahirkan), dan habis iddah syubhah dengan melahirkan.

(وَكَذَا فِي حَمْلِ الزَّانَا) تستقبل المطلقة عدة الطلاق بعد وضعه، إن كانت ممن حيض وليس ذلك لأن حمل الزنا محترم لأنها من ذوات الأقران وهي تعدد بالأطهار والحمل يمنع ذلك. ولذلك عقب ذلك بقوله.

1935. (Begitu juga pada hamil zina) perempuan yang ditalakkan meneruskan iddah talak selepas melahirkan kandungan, jika dia daripada perempuan yang berhaid yang mana demikian itu tidak ujud kerana hamil zina itu dihormati kerana dia daripada perempuan-perempuan yang mempunyai quru' dan dia beriddah dengan suci-suci yang mana hamil itu menghalang demikian itu. Kerana itu musannif mengiringkan demikian itu dengan katanya:

(إِنْ لَمْ تَحِضْ عَلَى الْحَمْلِ. فَإِنْ حَاضَتْ عَلَى الْحَمْلِ انْقَضَتْ) عدتها بالطلاق (بِثَلَاثَةِ أَطْهَارٍ مِنْهُ)، أي من الحيض، ولو لم تضع الحمل. فإذا انقضت عدتها

بذلك جاز زواجها وهي حامل، وجاز لزوجها وطؤها لأن ماء الزنا لا حرمة له. فلا ضعف في كلام المصنف.

1936. (**jika dia tidak berhaid ketika hamil. Maka jika dia berhaid ketika hamil habislah**) iddahnya dengan talak (**dengan tiga kali suci darinya**), iaitu dari haid, walaupun dia tidak melahirkan kandungan itu. Maka apabila habis iddahnya dengan demikian itu harus mengahwininya dalam keadaan dia hamil dan harus suaminya menyetubuhinya kerana air zina tidak ada kehormatan baginya. Maka tidak ada dhafif pada kalam musannif.

(وَأَقَلُّ مَدَّةِ الْحَمْلِ سِتَّةَ أَشْهُرٍ) عددية، (وَأَكْثَرُهُ أَرْبَعُ سِنِينَ، وَإِنْ لَمْ تَكُنْ) المطلقة (حَامِلًا. فَإِنْ كَانَتْ مِمَّنْ تَحِيضُ إِعْتَدَتْ بِثَلَاثَةِ قُرُوءٍ)، جمع قرء بالضم والافتح. (الْقُرُوءُ) هي (الْأَطْهَارُ. وَيُحْسَبُ لَهَا بَعْضُ الطَّهْرِ طَهْرًا كَامِلًا). سواء وطئها فيه أم لا.

1937. (**Sekurang-kurang tempoh hamil itu enam bulan**) dengan bilangan hari (**dan sebanyak-banyaknya empat tahun, jika tidak adalah**) perempuan yang ditalakkan itu (**hamil. Maka jika dia daripada orang yang berhaid dia beriddah dengan tiga quru'**) "قرء" jamak "قرء" dengan dhammah dan fathah- (Quru' itu) adalah (**suci-suci. Dan dikira bagi seorang perempuan akan sebahagian suci sebagai suci yang sempurna**), sama sahaja dia menyetubuhinya padanya atau tidak.

(فَإِنْ طَلَّقَهَا فَحَاضَتْ بَعْدَ لَحْظَةٍ انْقَضَتْ) عدتها (بِمُضِيِّ طَهْرَيْنِ آخَرَيْنِ وَالشَّرُوعِ فِي الْحَيْضَةِ الثَّلَاثَةِ) لتحقق كل الطهرين. (وَإِنْ طَلَّقَ فِي الْحَيْضِ فَلَا بُدَّ مِنْ ثَلَاثَةِ أَطْهَارٍ كَوَامِلٍ. فَإِذَا شَرَعَتْ فِي الْحَيْضَةِ الرَّابِعَةِ انْقَضَتْ) عدتها. وليس الشروع في الحيض من إتمام العدة، بل للعلم بتمام الأطهار.

1938. (**Maka jika dia mentalakkannya lalu dia berhaid selepas satu lahzah habislah**) iddahnya (**dengan lalu dua kali suci yang lain dan masuk pada haid yang ketiga**) supaya terpasti semua dua kali suci itu. (**Dan jika dia mentalakkan pada haid maka tidak dapat tidak dari tiga suci yang sempurna. Maka apabila dia masuk pada haid keempat habislah**) iddahnya. Tidak adalah masuk pada haid itu daripada kesempurnaan iddah bahkan untuk diketahui sempurna suci-suci itu.

(وَلَا فَرْقَ بَيْنَ أَنْ يَتَقَارَبَ حَيْضُهَا أَوْ يَتَبَاعَدَ. فَمِثَالُ التَّقَارُبِ أَنْ تَحِيضَ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَتَطْهُرَ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا. فَإِذَا طَلَّقَتْ فِي آخِرِ الطَّهْرِ انْقَضَتْ عِدَّتُهَا بِاِثْنَيْنِ وَثَلَاثِينَ يَوْمًا)، كل طهر وحيض في ستة عشر يوما وهما اثنان تكون العدة اثنتين وثلثين يوما، (وَلَحْظَتَيْنِ) لحظة بقية الطهر الأول ولحظة الشروع في الحيضة الثالثة.

1939. (**Tidak ada beza di antara bahawa berdekatan jarak haidnya atau berjauhan. Maka contoh berdekatan bahawa dia berhaid sehari semalam dan suci lima belas hari. Maka bila dia ditalakkan pada**

hujung suci terhabis iddahnya dengan tiga puluh dua hari), setiap sekali suci dan sekali haid didalam enam belas hari, dan keduanya dua, adalah iddah itu tiga puluh dua hari, (**dan dua lahzah**), lahzah baki haid yang pertama dan lahzah masuk pada haid ketiga.^{xxxix}

(أَوْ) طَلَقَتْ (فِي آخِرِ) الْحَيْضِ (فِي) سَبْعَةٍ وَأَرْبَعِينَ يَوْمًا وَلَحِظَتْ) يَنْ لَأَنْهَا تَشْتَمَلُ عَلَى ثَلَاثَةِ أَطْهَارٍ بِخَمْسَةِ وَأَرْبَعِينَ يَوْمًا وَيَوْمِينَ لِلْحَيْضَتَيْنِ. وَاللَّحِظَةُ الْأُولَى الَّتِي طَلَقَتْ فِيهَا وَهِيَ حَائِضٌ، وَاللَّحِظَةُ الَّتِي تَشْرَعُ فِيهَا فِي الْحَيْضِ الرَّابِعِ. (وَهُوَ)، أَي مَا ذَكَرَ، (أَقَلُّ الْمُمْكِنِ فِي الْحُرَّةِ) إِنْ طَلَقَتْ طَاهِرًا أَوْ حَائِضًا.

1940. (atau) dia ditalakkan (**pada hujung haid maka dengan empat puluh tujuh hari dan dua lahzah**) kerana dia meliputi tiga kali suci dengan empat puluh lima hari dan dua hari bagi dua haid. Lahzah pertama yang dia ditalakkan padanya sedang dia berhaid dan satu lahzah yang dia masuk padanya pada haid keempat. (Ianya), iaitu apa yang disebutkan itu adalah, (**sekurang-kurang yang terbolehd pada perempuan merdeka**) jika dia ditalakkan dalam keadaan suci atau berhaid.

(وَمِثَالُ التَّبَاعُدِ أَنْ تَحِيضَ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا وَتَطْهُرُ سَنَةً مَثَلًا أَوْ أَكْثَرَ فَلَا بُدَّ مِنَ الْأَطْهَارِ الثَّلَاثَةِ وَإِنْ قَامَتْ) عَلَى انْتِظَارِهَا (سِنِينَ) عَدِيدَةً.

1941. (Contoh berjauhan itu bahawa dia berhaid lima belas hari dan suci setahun, contohnya, atau lebih lagi. Maka tidak dapat tidak dari tiga suci sekalipun dia terus) menunggunya (beberapa tahun) yang berbilang.

(وَإِنْ كَانَتْ مِمَّنْ لَا تَحِيضُ) إِمَّا (لِصِغَرِ أَوْ إِيَّاسِ) إِعْتَدَتْ بِثَلَاثَةِ أَشْهُرٍ هَلَالِيَّةٍ إِذَا انْطَبَقَ الطَّلَاقُ عَلَى أَوَّلِ الشَّهْرِ. فَإِنْ كَانَ فِي أَثْنَائِهِ كَمَلْتَهُ مِنَ الرَّابِعِ ثَلَاثِينَ يَوْمًا.

1942. (Jika dia daripada perempuan yang tidak berhaid), sama ada (kerana kecil atau putus haid dia beriddah dengan tiga bulan) kiraan hilal, bila jatuh talak itu pada awal bulan. Maka jika ia pada tengah bulan dia menyempurnakannya dari bulan keempat menjadi tiga puluh hari.

وَسَنَ الْيَأْسِ اثْنَانِ وَسِتُونَ سَنَةً. فَلَا تَعْتَدُ بِالْأَشْهُرِ إِلَّا مِنْ بَلَغَتْ هَذَا الْاَسْنَ مَعَ انْقِطَاعِ الْحَيْضِ. (وَإِنْ كَانَتْ) الْمَطْلَاقَةَ (مِمَّنْ تَحِيضُ) وَانْقَطَعَ دُمُّهَا لِعَارِضٍ كَرِضَاعٍ وَنَحْوِهِ) كَنْفَاسٍ وَمَرَضٍ، (أَوْ بِلَا عَارِضٍ ظَاهِرٍ) يَعْرِفُ (صَدَبَرَتْ إِلَى سِنِّ الْيَأْسِ مِنَ الْحَيْضِ ثُمَّ تَعَدُّ بِثَلَاثَةِ أَشْهُرٍ). وَفِي مَدَّةِ صَبْرِهَا إِنْ كَانَتْ رَجْعِيَّةً اسْتَمَرَ لَهَا أَحْكَامُ الرَّجْعِيَّةِ مِنْ جَوَازِ رَجْعَتِهَا، وَوَجُوبِ نَفَقَتِهَا وَغَيْرِ ذَلِكَ.

1943. Umur putus asa dari haid itu enam puluh tahun, maka tidak beriddah dengan bulan-bulan melainkan orang yang sampai kepada umur ini serta

terputus haidnya. **(Jika adalah)** perempuan yang ditalakkan itu **(daripada orang yang berhaid dan putus darahnya kerana perkara mendatang seperti penyusuan dan umpamanya)** seperti nifas dan sakit, **(atau tanpa ada perkara mendatang yang zahir)** yang diketahui **(dia menunggu hingga umur putus haid kemudan dia beriddah dengan tiga bulan)**. Dalam tempoh tunggunya itu jika dia beriddah raji'e berterusan baginya hukum-hukum perempuan raji'eyah, daripada harus dirujuk dan wajib nafkahnya dan selain demikian itu.

هَذَا كُلُّهُ فِي عِدَّةِ الطَّلَاقِ. فَإِنْ تُوُفِّيَ عَنْهَا زَوْجُهَا وَلَوْ فِي خِلَالِ، أَيِ أَثْنَاءِ، عِدَّةِ الرَّجْعِيَّةِ. فَإِنْ كَانَتْ (مَاتَتْ) الْمَتُوفِي عَنْهَا زَوْجُهَا (حَامِلًا إِعْتَدَتْ بِالْوَضْعِ) لِلْحَمْلِ جَمِيعَهُ الْمَنْسُوبَ لِلْمَيْتِ (كَمَا تَقَدَّمَ. وَإِلَّا) بَأَنَّ لَمْ تَكُنْ حَامِلًا (فَبِأَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ) هِلَالِيَّةٍ (وَعَشْرَةَ أَيَّامٍ. سِوَاءَ كَانَتْ مِمَّنْ تَحِيضُ أَمْ لَا) كَأَيْسَةٍ، وَلَوْ كَانَ الزَّوْجُ صَغِيرًا أَوْ قَبْلَ الدَّخُولِ.

1944. **(Ini semuanya pada iddah talak. Maka jika suaminya mati darinya walaupun dicelah),** iaitu di tengah, **(iddah raji'e, maka jika adalah)** isteri yang kematian suami itu **(hamil dia beriddah dengan melahirkan)** kandungannya kesemuanya, yang dinisbahkan kepada mayat itu, **(sepertimana telah lalu. Jika tidak)** dengan bahawa dia tidak hamil **(maka dengan empat bulan)** hilaliah **(dan sepuluh hari, sama sahaja dia perempuan yang berhaid atau tidak)** seperti yang putus asa dari haid, walaupun suaminya itu budak kecil atau sebelum dukhul.

هَذَا كُلُّهُ فِي الْحُرَّةِ) وَلَوْ كَانَ الزَّوْجُ رَقِيقًا. (أَمَّا إِذَا كَانَتْ زَوْجَتُهُ أَمَةً وَلَوْ مُبْعُضَةً فَالْحَامِلُ بِالْوَضْعِ) لَا يَخْتَلِفُ حَالُهَا، (وَعِغْرَهَا مِمَّنْ تَحِيضُ بِطَهْرَيْنِ، وَمَنْ لَا تَحِيضُ) وَهِيَ الْإَيْسَةُ وَالصَّغِيرَةُ فَيَعْتَدَانِ (بِشَهْرٍ وَنِصْفٍ. وَ) تَعْتَدُ مِنْ تَحِيضٍ وَغَيْرِهَا (فِي الْوَفَاةِ بِشَهْرَيْنِ وَخَمْسَةِ أَيَّامٍ).

1945. **(Ini semuanya pada perempuan merdeka)** walaupun suaminya hamba. **(Adapun apabila isterinya amah walaupun muba'adhah maka yang hamil adalah dengan melahirkan)** tidak berbeza keadaannya, **(dan yang tidak hamil daripada isteri yang berhaid adalah dengan dua bulan, dan yang tidak berhaid)** iaitu yang putus asa dari haid dan yang kecil maka kedua mereka beriddah **(dengan sebulan setengah, dan)** beriddah yang berhaid dan selainnya **(pada kematian dengan dua bulan dan lima belas hari)**.

(وَمَنْ وَطِنَتْ بِشُبْهَةٍ تَعْتَدُ مِنَ الْوَطْءِ كَالْمُطَلَّاقَةِ) لِأَنَّ وَطْءَ الشَّبْهَةِ كَالزَّكَاحِ فِي لِحُوقِ النَّسَبِ فَكَذَا فِي الْعِدَّةِ. وَالْعَبْرَةُ بظن الواطئ إذا كان يوجب تغليظا كمن وطئ أمة غيره يظنها زوجته الحرة فتعتد عدة الحرائر، بخلاف ما إذا كان الظن يستوجب تخفيفا كمن وطئ حرة يظنها زوجته الأمة فتعتد كالحرائر.

1946. **(Amah yang disetubuhi dengan syubhah beriddah dari setubuh sama seperti perempuan yang ditalakkan),** kerana setubuh syubhah itu

sama seperti nikah pada hubungan nasab maka begitu juga pada iddah. Perkiraan adalah dengan sangkaan lelaki yang menyetubuhi apabila ia mewajibkan "berat", seperti orang yang menyetubuhi amah orang lain yang dia sangkanya isterinya yang merdeka maka amah itu beriddah dengan iddah perempuan merdeka, bersalahan apabila sangkaan itu mewajibkan "ringan" seperti orang yang menyetubuhi perempuan merdeka yang dia sangkakan perempuan itu isterinya yang amah maka dia beriddah seperti perempuan merdeka.

(وَيَلْزِمُ الْمُعْتَدَّةَ مُلَازِمَةَ الْمَنْزِلِ) الذي فورقت فيه. فليس للزوج ولا لأهله إخراجها، ولا لها الخروج. وعلى الحاكم المنع منه. إنما للزوج في الرجعية أن يسكنها حيث شاء. (فَأَمَّا الرَّجْعِيَّةُ فَبِحُكْمِ الزَّوْجِ، لَا تَخْرُجُ إِلَّا بِإِذْنِهِ).

1947. (**Lazim perempuan yang beriddah melazimi rumah**) yang dia diceritakan padanya. Maka tidak boleh suami dan tidak keluarganya mengeluarkannya, dan tidak boleh dia keluar. Kena diatas hakim menegah darinya. Hanya suami pada isteri raji'eyah boleh mendudukkannya di mana-mana dia mahu. (**Maka adapun yang perempuan yang berididh raji'e maka dia pada hukum isteri, tidak boleh dia keluar melainkan dengan izinnnya**).

(وَيَجُوزُ لِلْبَائِنِ وَالْمُتَوَفَّى عَنْهَا زَوْجُهَا أَنْ تَخْرُجَ بِالنَّهَارِ لِقَضَاءِ حَاجَتِهَا) لأن نفقتها ليست واجبة على الزوج، فيجوز لها الخروج لشراء طعام وبيع متاع. وأما لغير حاجة فلا يجوز لها. ومن ذلك الخروج لزيارة الأموات أو الأحياء أو لعيادة المرضى، (وَأَدَاءِ الْحُقُوقِ) كقضاء دين عليها.

1948. (**Harus bagi yang bain dan yang kematian suami keluar pada siang hari untuk menunaikan hajatnya**) kerana nafkahnya tidak wajib diatas suami. Maka harus dia keluar untuk membeli makanan dan menjual barangan. Adapun tanpa hajat maka tidak harus ia baginya. Daripada demikian itu adalah keluar untuk ziarah orang mati atau orang hidup atau untuk ziarah orang sakit. (**dan untuk menunaikan hak-hak**) seperti bayar hutang yang sabit diatasnya.

(وَتَجِبُ الْعِدَّةُ فِي الْمَسْكَنِ الَّذِي طَلَّقَهَا فِيهِ) أو مات عنها و هي فيه. (وَلَا يَجُوزُ نَقْلُهَا مِنْهُ إِلَّا لِضُرُورَةٍ) ما دام لائقا بها. والضرورة المجوزة هي (إِمَّا الْخَوْفُ) على نفسها أو مالها أو عرضها، (أَوْ) لِمَنْعِ مَالِكِهِ) بأن كان مؤجرا وانقضت مدة الإجارة ولم يسمح مالكه بإعادة الإجارة، (أَوْ) لِكَثْرَةِ تَأْدِيَتِهَا بِجِيرَانِهَا أَوْ أَقْرَابِ زَوْجِهَا أَوْ تَأْدِيَتِهِمْ بِهَا، فَتَنْتَقِلُ) حينئذ (إِلَى أَقْرَبِ مَسْكَنِ إِلَيْهِ).

1949. (**Wajib beriddah pada tempat tinggal yang suaminya talakkan dia padanya**) atau mati meninggalkannya walhal dia padanya. (**Tidak harus pindahannya dari tempat itu melainkan kerana dharurat**) selama mana ia layak dengannya. Darurat yang mengharuskan itu adalah (**sama ada takut**) keatas dirinya atau hartanya atau kehormatannya, (**atau**) kerana (**tegahan pemilikannya**), dengan bahawa adalah ia disewa dan habis tempoh sewaan itu

dan pemilik itu tidak membenarkan ulang sewa, (atau) kerana (banyak terganggunya dengan jirannya atau saudara mara suaminya atau terganggu mereka dengannya, maka dia berpindah) ketika itu (kepada sedekat-dekat rumah kepadanya).

(وَيَحْرُمُ عَلَى الْمُطَلَّقِ الْخُلُوءَ بِهَا فِي الْعِدَّةِ، وَ) يحرم عليه أيضا (مَسَاكِنَتِهَا) في الدار التي تعتد فيها (إِلَّا أَنْ يَكُونَ كُلُّ مِنْهُمَا فِي بَيْتٍ) منفرد (بِمِرَافِقِهِ) من المطبخ والمستراح والمصعد إلى السطح.

1950. (Haram diatas suami yang mentalakkan berkhawat dengannya didalam iddah, dan) haram diatasnya juga (duduk sekali dengannya) didalam rumah yang dia beridat padanya, (melainkan bahawa setiap daripada kedua mereka tinggal pada bilik) yang terasing (dengan sarananya), daripada tempat masak dan tempat rehat dan tangga kesutuh

(وَيَجِبُ) على المرأة (الإِحْدَادُ) وهو الامتناع من الزينة (فِي عِدَّةِ الْوَفَاةِ. وَيُنْدَبُ فِي الْبَائِنِ). ولا إحداد على المعتدة من وطء الشبهة ولا على أم الولد. (ويحرم) الإِحْدَادِ (عَلَى مَيِّتٍ غَيْرِ الزَّوْجِ) من قريب أو أجنبي (أَكْثَرَ مِنْ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ)، فيجوز لها الإِحْدَادِ ثلاثة أيام فأقل.

1951. (Wajib) diatas perempuan (ihdad i.e berkabung) iaitu menahan diri dari berhias diri (didalam iddah mati. Sunat ia pada yang bain). Tidak ada ihdad diatas perempuan beriddah dari setubuh syubhah, dan tidak diatas ummu walad. (Haram) ihdad (didas mayat yang selain suami) daripada saudara mara atau ajnabi (lebih daripada tiga hari), maka harus baginya ihdad tiga hari maka kurang lagi.

(وَ) الإِحْدَادِ الواجب أو المسنون (هُوَ أَنْ تَتْرَكَ) المعتدة (الزَّيْنَةَ)، أي التزين في البدن، بأن تترك لبس الثياب المصبغة للزينة بأن لا تكون مصبغة أصلا ككتان، أو مصبغة لا لزينة، (وَلَا تَلْبَسَ الْحُلِّيَّ وَلَا تَخْتَضِبَ) بنحو الحناء،

2088. (Jika seorang daripada mereka berzina dengan perempuan muslimah atau mengenakannya dengan nikah), iaitu dengan rupa nikah, serta dia tahukan Islam muslimah itu pada dua masalah ini, (atau dia melindungi mata-mata), iaitu pengintip, (bagi kafir) harbi, (atau dia memfitnah seorang muslim berkenaan agamanya) atau mengajaknya kepada kufur (atau membunuhnya) atau menuduhnya (atau menyebut Allah) taala (atau rasulnya) atau mana-mana nabi (atau agamanya dengan apa yang tidak harus), daripada apa yang tidak mereka beragama dengannya. Adapun apa yang mereka beragama dengannya seperti sangkaan mereka bahawa Quran bukannya dari sisi Allah atau bahawa Allah itu yang ketiga daripada tiga maka tidak batal ia dengannya sekalipun disyaratkan keatas mereka terbatal akad itu dengannya.

(فَإِنْ شُرْطَ عَلَيْهِمُ الْإِنْتِقَاضَ بِذَلِكَ) الذي لا يتدينون به وذا تاذى به مما سبق (إِنْتَقَضَ). فيترتب عليه أحكام الحربيين، حتى لو عفت ورثة المسلم الذي قتله عمدا قتل للحراية. (وإلا) يشترط عليهم الانتقاض (فلا) ينقض عهدهم.

2089. (maka [fa' tafsil jawab "jika"] jika disyaratkan keatas mereka terbatalnya dengan demikian itu), iaitu perkara yang tidak mereka beragama dengannya dan kita kesakitan dengannya daripada apa yang telah lalu itu, (terbatal ia). Maka tersusun diatasnya hukum-hukum harbi, sehingga kalau waris-waris orang Islam yang dia bunuh dengan sengaja itu memaafkan mereka dibunuh mereka kerana sikap memerangi Islam. (Jika tidak) disyaratkan keatas mereka terbatalnya (maka tidak) batal perjanjian mereka.

(وَمَنْ أُنْتَقَضَ عَهْدُهُ تَخَيَّرَ الْإِمَامُ فِيهِ بَيْنَ الْخِصَالِ الْأَرْبَعِ فِي الْأَسِيرِ). فلو أسلم قبل الاختيار امتنع رقه بخلاف الأسير.

2090. (Orang yang terbatal perjanjiannya imam berhak memilih padanya di antara perkara-pekerja yang empat pada tawanan itu). Maka kalau dia memeluk Islam sebelum pilihan imam tertegah memperhambakannya, bersalahan tawanan.

(بَابُ الْحُدُودِ)

جمع حد. وهو لغة: المنع، وشرعاً: عقوبة مقدرة على أفعال مخصوصة. (إذا زنى)، أي أدخل حشفته في فرج أنثى لم تحل ولا شبهة له فيها، (أو لاط)، أي أدخل حشفته في دبر آدمي، (البالغ العاقل المختار)، فخرج الصبي والمجنون

والمكره، (مُسْلِمًا كَانَ أَوْ ذِمِّيًّا أَوْ مُرْتَدًّا، حُرًّا كَانَ أَوْ عَبْدًا، وَجَبَ عَلَيْهِ
الْحُدُّ)، إذا كان عالما بالتحريم.

2091. @BAB HUDUD. "حد" jamak "حدود". Ia pada lughah: tegah, dan pada syara': deraan yang dikadarkan keatas perbuatan-perbuatan yang khusus. (Apabila berzina), iaitu memasukkan hasyafahnya kedalam faraj perempuan yang tidak halal dan tidak ada syubhah bagi dia padanya, (atau dia meliwat), iaitu memasukkan hasyafahnya ke dalam dubur anak adam, (oleh seorang yang baligh yang berakal yang memilih), maka keluar kanak-kanak dan orang gila dan orang yang dipaksa, (muslim adalah dia atau zimmi atau murtad, merdeka adalah dia atau hamba, wajib had diatasnya) apabila dia tahukan haramnya.

(فَإِنْ كَانَ مُحْصَنًا رُجِمَ حَتَّى يَمُوتَ) بجارة معتدلة، لا بحصيات ولا بصخرات، بأن يكون الحجر ملء الكف. (وَالْمُحْصَنُ مَنْ وَطِئَ فِي الْقُبُلِ) عامدا (فِي نِكَاحٍ صَحِيحٍ وَهُوَ حُرٌّ بَالِغٌ عَاقِلٌ).

2092. (Maka jika dia seorang muhshan direjam dia sehingga mati) dengan batu yang sederhana, bukan dengan anak-anak batu dan bukan dengan batu besar, dengan bahawa adalah batu itu sepenuh tapak tangan. (Orang yang muhshan itu adalah orang yang pernah bersetubuh pada kubul) dengan sengaja (didalam perkahwinan yang sah dalam keadaan dia merdeka lagi baligh lagi berakal).

(فَلَوْ وَطِئَ زَوْجَتَهُ فِي الدُّبْرِ) فليس بمحصن، (أَوْ) وَطِئَ (جَارِيَتَهُ فِي الْقُبُلِ) لأنه ليس في نكاح، (أَوْ) وَطِئَ (فِي نِكَاحٍ فَاسِدٍ) كأن كان بلا ولي أو بلا شهود، (أَوْ وَطِئَ زَوْجَتَهُ وَهُوَ عَبْدٌ ثُمَّ عَتِقَ أَوْ) وهو (صَبِيٌّ) ثم بلغ (أَوْ) وهو (مَجْدُونٌ ثُمَّ أَفَاقَ وَزَنَى فَذَيْسَ بِمُحْصَنٍ). فلا يرجم من وطئ وهو ناقص بشيء مما ذكر.

2093. (Maka kalau dia setubuh isterinya pada dubur) maka dia bukannya muhshan, (atau) dia setubuh (jariahnya pada kubul) kerana ia bukannya didalam nikah, (atau) dia setubuh (didalam nikah fasid) seperti bahawa ianya tanpa wali atau tanpa saksi-saksi, (atau dia setubuh isterinya sedang dia seorang hamba kemudian dimerdekakan, atau) sedang dia (seorang kanak-kanak) kemudian dia baligh, (atau) sedang dia (gila kemudian siuman dan berzina maka dia bukannya seorang muhshan). Maka tidak direjam orang yang bersetubuh walhal dia kurang dengan suatu daripada apa yang disebutkan tadi.

(وَعَيْرُ الْمُحْصَنِ إِنْ كَانَ حُرًّا جُلِدَ مِائَةً جَلْدَةً وَغُرِّبَ سَنَةً إِلَى مَسَافَةِ الْقَصْرِ، وَإِنْ كَانَ عَبْدًا جُلِدَ خَمْسِينَ وَغُرِّبَ نِصْفَ سَنَةٍ). وتعيين الجهة إلى الإمام.

2094. (Yang tidak muhshan itu jika dia merdeka disebut dia seratus sebatan dan diperdagangkan setahun kepada jarak qasar. Jika dia

hamba disebut dia lima puluh kali dan diperdagangkan setengah tahun). Penetapan tempatnya terserah kepada imam.

(وَمَنْ وَطِئَ بِهَيْمَةٍ أَوْ امْرَأَةٍ مَيْتَةٍ أَوْ حَيَّةٍ فِيمَا دُونَ الْفَرْجِ أَوْ جَارِيَةٍ يَمْلِكُ بَعْضَهَا) أو يملك جميعها وهي مزوجة (أَوْ أُخْتُهُ الْمَمْلُوكَةَ لَهُ أَوْ وَطِئَ زَوْجَتَهُ فِي الْحَيْضِ) أَوْ) فِي (الدُّبْرِ أَوْ اسْتَمْنَى بِيَدِهِ أَوْ أَتَتْ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ) وَهُوَ الْمَسْمَى بِالسَّحَاقِ (لَا حَدَّ عَلَيْهِ، وَيُعَزَّرُ) فِي جَمِيعِ مَا ذَكَرَ.

2095. (Orang yang menyetubuhi bahimah atau perempuan yang mati atau yang hidup pada apa yang selain faraj, atau jariah yang dia miliki sebahagiannya) atau dia miliki seluruhnya sedang dia bersuami, (atau saudara perempuannya yang dimilikinya, atau dia setubuhi isterinya pada haid atau) pada (dubur, atau dia mengeluarkan mani dengan tangannya, atau mendatangi perempuan akan perempuan) yang mana ia dinamakan dengan "sahaq", (tidak ada had di atasnya. Dan dita'zir dia) pada semua apa yang disebutkan tadi.

(وَمَنْ زَنَى وَقَالَ: لَا أَعْلَمُ تَحْرِيمَ الزَّانَا، وَكَانَ قَرِيبَ عَهْدٍ بِالْإِسْلَامِ أَوْ نَشَأَ بِبَادِيَةِ بَعِيدَةٍ) عَنِ الْعُلَمَاءِ (لَمْ يُحَدِّ) لِعِذْرِهِ الْمَحْتَمَلِ. (وَإِنْ لَمْ يَكُنْ كَذَلِكَ) بَأَنَّ مَضَى عَلَيْهِ زَمَنٌ وَهُوَ مُسْلِمٌ أَوْ نَشَأَ قَرِيبًا مِنَ الْعُلَمَاءِ وَادَّعَى عَدَمَ الْعِلْمِ بِالتَّحْرِيمِ (حُدًّا).

2096. (Orang yang berzina dan berkata "aku tidak tahukan haram zina itu" dan adalah dia dekat masanya dengan Islam atau hidup dipedalaman yang jauh) dari ulamak (tidak di-had dia) kerana uzurnya yang boleh diterima. (Jika dia tidak seperti demikian itu) dengan bahawa lalu di atasnya satu masa sedang dia muslim atau dia hidup dekat dengan ulamak dan dia mendakwa tidak tahukan haramnya (di-had dia).

(وَلَا يُجَدَّدُ) الزَّانِي (فِي حُرِّ وَ) لَا (بَرْدِ شَدِيدَيْنِ وَ) لَا (مَرَضٍ يُرْجَى بُرُؤُهُ)، فَيُؤَخَّرُ (حَتَّى يَبْرَأَ، وَلَا) يَحْدُ (فِي الْمَسْجِدِ) تَعْظِيمًا لَهُ عَنِ ذَلِكَ، (وَلَا) تَجَلْدُ (الْمَرْأَةُ فِي الْحَبْلِ حَتَّى تَضَعَ وَيَزُولَ أَلْمُ الْوَلَادَةِ) حَفْظًا لَهَا وَلِلْوَلَدِ، (وَلَا) يُجَدَّدُ بِسَوِّطٍ جَدِيدٍ وَلَا بِأَلٍ) أَي قَدِيمٍ، (بَلْ) يَجْلَدُ (بَسَوِّطٍ بَيْنَ سَوِّطَيْنِ) جَدِيدٍ وَبِأَلٍ.

2097. (Tidak disebut) penzina (pada cuaca panas dan) tidak (pada cuaca sejuk yang melampau, dan) tidak (pada sakit yang diharapkan sembuh), maka ditanggguhkan ia (sehingga dia sembuh, dan tidak) dihad dia (didalam masjid) kerana membesarkannya dari demikian itu, (dan tidak) disebut (perempuan pada masa hamilnya hingga dia melahirkan dan hilang sakit melahirkan itu) kerana memelihara dirinya dan anaknya, (dan tidak disebut dia dengan tongkat yang baru dan tidak yang buruk), iaitu yang lama, (bahkan) disebut dia (dengan tongkat yang di antara dua tongkat) yang baru dan buruk.

(وَلَا يُمَدُّ وَلَا يُشَدُّ) بل تترك يدها المطلقتين (وَلَا يُبَالِغُ فِي الضَّرْبِ) بحيث ينهر الدم (وَلَا يُجْرَدُ) من ثيابه بل يترك عليه قميصه رجلا أو امرأة، (وَيُفَرِّقُهُ)، أي الضرب، (عَلَى أَعْضَائِهِ وَيَتَوَقَّى الْمُقَاتِلِ) كالفرج (وَ) يتوقى (الْوَجْهَ). وَيُضْرَبُ الرَّجُلُ قَائِمًا وَالْمَرْأَةُ جَالِسَةً مَسْتُورَةً) بثوب ملفوف عليها.

2098. (Tidak didepangkan dia dan tidak diikat), bahkan dibiarkan dua tangannya lepas bebas, (dan tidak dia dipukul dengan sangat kuatnya) sekira-kira ia mengalirkan darah, (dan tidak disunyikan dia) dari pakaiannya, bahkan dibiarkan di atasnya gamisnya, lelaki atau perempuan, (dan dipisahkan-pisahkan ia), iaitu pukulan itu, (keatas anggota-anggotanya, dan dijaga dari tempat mematikan) seperti faraj (dan) dijaga (muka, dan dipukul lelaki dalam keadaan berdiri dan perempuan dalam keadaan duduk lagi tertutup) dengan kain yang dilapikkan di atasnya.

(فَبِإِنْ كَانَ) المجلود (نَحِيفًا)، أي شديد الهزال، (أَوْ مَرِيضًا لَا يُرْجَى بُرُؤُهُ) كالمسلول (جُلْدٌ بِعَشْكَالِ النَّخْلِ)، أي عرجونه الذي عليه مائة غصن فيضرب به مرة أو خمسون فيضرب به مرتين بشرط مس الأغصان له أو انكباس بعضها على بعض. وفي الأيمان لا يشترط ذلك. (وَ) يضرب أيضا الضعيف (بِأَطْرَافِ الثِّيَابِ).

2099. (Maka jika adalah) orang yang disebut itu (kurus kering), iaitu amat kurus, (atau sakit yang tidak diharapkan sembuhnya) seperti batuk kering (disebat dia dengan mayang tamar) iaitu tandan yang ada padanya seratus ranting, maka dipukul dia dengannya sekali, atau ada lima puluh ranting maka dipukul dia dengannya dua kali, dengan syarat ranting-ranting itu menyentuhnya atau tertekan sebahagiannya diatas sebahagian yang lain. Pada sumpah-sumpah tidak disyaratkan demikian itu. (Dan) dipukul juga orang yang lemah dengan (hujung-hujung kain).

(وَإِنْ كَانَ الْحَدُّ رَجْمًا رُجِمَ وَلَوْ فِي حَرٍّ أَوْ بَرْدٍ أَوْ مَرَضٍ مَرَجُّو الزَّوَالِ) لأن القصد فيه الهلاك فلا تتوقى أسبابه.

2100. (Jika adalah had itu rejam direjam dia walaupun pada cuaca panas atau sejuk atau sakit yang diharapkan hilangnya) kerana tujuan padanya adalah mati maka tidak dipelihara sebab-sebabnya.

(وَلَا تُرْجَمُ الْحَامِلُ حَتَّى تَضَعَ وَيَسْتَعْنِي الْوَالِدُ بِلَبَنِ غَيْرِهَا) ولو كان الولد من زنا (وَاللَّسِيْدُ أَنْ يُقِيمَ الْحَدَّ عَلَى رَقِيْقِهِ) ذكرًا كان أو أنثى.

2101. (Tidak direjam perempuan hamil sehingga dia melahirkan dan terkaya anaknya dengan susu selainnya) walaupun anak itu dari zina. (Dan bagi penghulu mendirikan had keatas hambanya) lelaki adalah dia atau perempuan.

(بَابُ الْقَدْفِ)

(إِذَا قَذَفَ الْبَالِغُ الْعَاقِلُ الْمُخْتَارُ وَهُوَ مُسْلِمٌ أَوْ ذِمِّيٌّ أَوْ مُرْتَدٌّ أَوْ مُسْتَأْمَنٌ).
 وأما الحربي فلا يطالب بالحد ولو صار ذمياً. فإذا قذف ورمى من توفرت فيه
 هذه (مُحْصَنًا). سيأتي في كلام المصنف بيانه. (لَيْسَ بِوَلَدٍ لَهَا)، أي للقاذف.
 وأما لو كان المقذوف ولداً للقاذف فلا حد على القاذف.

2102. @BAB TUDUHAN ZINA. Apabila menuduh oleh seorang baligh berakal bebas memilih dan dia itu muslim atau zimmi atau murtad atau musta'man...). Adapun harbi maka tidak dituntut dengan had walaupun dia menjadi zimmi. Maka apabila menuduh dan melontar oleh orang yang sempurna padanya sifat-sifat ini, (akan seorang muhsan...). Akan datang pada kalam musannif keterangannya. (yang bukan anaknya...), yaitu si penuduh itu. Adapun kalau yang dituduh itu anak si penuduh maka tidak ada had diatas si penuduh itu.

(بِالزَّانَا)، أي رماه بالزنا بأن قال له: يا زاني، (أَوْ) بِ(السَّلْوَابِ) بِأَنْ قَالَ: يَا لَانِطَ (بِالصَّرِيحِ)، أي قذفه بالصيغة الصريحة في القذف مثل ما تقدم، (أَوْ) بِ(الْكِنَايَةِ مَعَ النِّيَّةِ)، فإذا فعل ذلك (لَزِمَهُ)، أي القاذف، (الْحَدُّ) الآتي.

2103. (dengan zina...), yaitu dia melontarnya dengan zina, dengan bahawa dia kata kepadanya "wahai pezina", (atau) dengan (liwat...), dengan bahawa dia kata "wahai peliwat", (dengan lafaz yang jelas...), yaitu dia menuduhnya dengan sighth yang jelas pada tuduhan seumpama apa yang telah lalu tadi, (atau dengan kinayah beserta niat...). Maka apabila dia melakukan demikian itu, (melaziminya), yaitu si penuduh itu, (had) yang akan datang.

(وَالْمُحْصَنُ هَذَا هُوَ الْبَالِغُ الْعَاقِلُ الْحُرُّ الْمُسْلِمُ الْعَفِيفُ) عن وطء يحد به
 كوطء أمة زوجته، و عن وطء المحارم وإن لم يوجب حدا كوطء أمته التي
 هي أخته. ولا تبطل العفة بغير ذلك من كل وطء ولو حراماً. ولا يحد قاذف
 العبد والصبي والمجنون وغير العفيف بل يعزر.

2104. (Muhshan di sini adalah orang yang baligh yang berakal yang merdeka yang muslim yang baik nafsu) dari persetubuhan yang dia dihad dengannya seperti setubuh akan amah isterinya, dan dari setubuh mahram sekalipun tidak mewajibkan had seperti setubuh amahnya yang mana dia saudara perempuannya. Tidak batal 'iffah dengan selain demikian itu daripada setiap setubuh walaupun haram. Tidak dihad penuduh hamba dan kanak-kanak dan orang gila dan yang tidak baik nafsu, bahkan dita'zir.

(فَيَجْزَى الْحُرُّ ثَمَانِينَ وَالْعَبْدُ أَرْبَعِينَ. فَالصَّرِيحُ) من ألفاظ القذف مثل (زَنَيْتَ أَوْ لَطَيْتَ أَوْ زَنَى فَرْجُكَ وَنَحْوَهُ)، أي هذه الألفاظ، مثل يا زاني.

2105. (Maka disebut yang merdeka lapan puluh kali dan hamba empat puluh kali. Maka yang jelas) daripada lafaz-lafaz tuduh itu umpama ("kamu telah berzina" atau "kamu telah berliwat" atau "telah berzina faraj kamu" dan umpamanya), yaitu lafaz-lafaz ini, seumpama "wahai pezina".

(وَالْكِنَايَةُ نَحْوُ يَا فَاجِرُ يَا خَبِيثٌ. فَإِنْ نَوَى بِهِ) بمثل يا فاجر (الْقَذْفَ) بأن قصد به نسبته للزنا (حُدًّا، وَإِلَّا) بأن لم ينو شيئاً، أو نوى الظلم مثلاً (فَلَا) حد. (وَالْقَوْلُ قَوْلُ الْقَازِفِ) بيمينه (فِي النِّيَّةِ) وعدمها.

2106. (Kinayah itu umpama "wahai orang jahat" wahai yang keji". Maka jika dia niat dengannya) iaitu dengan seumpama "wahai yang jahat" (akan tuduh) dengan bahawa dia maksudkan dengannya menisbarkannya kepada zina (di-had dia, dan jika tidak), dengan bahawa dia tidak niatkan sesuatu atau dia niatkan zalim contohnya (maka tidak ada) had. (Kata yang diterima adalah kata penuduh itu) dengan sumpahnya (pada niatnya) dan tidak ada niatnya.

(وَإِنْ قَالَتْ: أَذْتُ أَرَزَى النَّاسِ، أَوْ أَرَزَى مِنْ فُلَانٍ فَهُوَ كِنَايَةٌ) لأنه ليس فيه تصريح بإضافة الزنا إليه، (أَوْ) قال (فُلَانٌ زَانٍ وَأَنْتَ أَرَزَى مِنْهُ فَ) هو (صَرِيحٌ) في قذف المخاطب.

2107. (Jika dia kata "kamu paling berzina daripada manusia" atau "lebih berzina dari pulan" maka ia kinayah) kerana tidak ada padanya penjelasan dengan menyandarkan zina kepadanya, (atau) dia kata ("si pulan itu berzina dan kamu lebih berzina daripadanya" maka) ia (jelas) pada menuduh orang yang dituju cakap.

(وَإِنْ قَذَفَ جَمَاعَةً يَمْتَنِعُ أَنْ يَكُونَ كُلُّهُمْ زِنَاةً كَقَوْلِهِ: أَهْلُ مِصْرَ كُلُّهُمْ زِنَاةٌ، عَزَّرَ) ولم يحد للعلم بكذبه. (وَإِنْ لَمْ يَمْتَنِعْ كَقَوْلِهِ بَدُو فُلَانٍ زِنَاةٌ لَزِمَهُ لِكُلِّ وَاحِدٍ حَدٌّ. وَلَوْ قَذَفَهُ بَرِيئِينَ لَزِمَهُ حَدٌّ وَاحِدٌ. وَإِنْ قَذَفَهُ فَحَدٌّ ثُمَّ قَذَفَهُ ثَانِيًا بِذَلِكَ الزِّنَا أَوْ بغيرِهِ عَزَّرَ فَقَطْ. وَلَوْ قَذَفَ) شخص واحدا (مُحْصَنًا فَلَمْ يُحَدِّ) القاذف (حَتَّى زَنَى الْمُحْصَنُ سَقَطَ الْحَدُّ) عن القاذف. بخلاف ما إذا ارتد فإنه لا يسقط عنه الحد.

2108. (Jika seorang menuduh sekumpulan orang yang tidak mungkin semua mereka itu penzina-penzina seperti katanya "penduduk Mesir semuanya penzina" dita'zir dia) dan tidak dihad, kerana dimaklumi dustanya. (Dan jika ia tidak tidak mustahil seperti katanya "anak-anak sipulan itu penzina" melaziminya bagi setiap seorang satu had. Kalau dia menuduh seorang dengan dua zina melaziminya satu had. Jika dia menuduhnya lalu dia dihad kemudian dia menuduhnya kali kedua dengan zina itu atau dengan zina lain dita'zir dia sahaja. Kalau dia menuduh) seorang (yang muhshan maka tidak dihad) penuduh itu (sehingga si muhshan itu berzina gugurlah had itu) dari atas si penuduh itu. Bersalahan keadaan apabila dia murtad maka tidak gugur had itu darinya.

(وَلَا يُسْتَوْفَى إِلَّا بِحَضْرَةِ الْحَاكِمِ)، أي لا يقيمه أحاد الناس، وإنما يقيمه الإمام أو نائبه. وأما حضور الإمام فسنة. (وَبِمُطَالَبَةِ الْمَقْدُوفِ. فَإِنْ عَفَا سَقَطَ)

كغيره من الحقوق. (وَإِنْ مَاتَ انْتَقَلَ حَقُّهُ لَوَرَثَتِهِ. وَذُو قَالَ لِرَجُلٍ: اِقْدِفْنِي، فَقَدَّفَهُ، لَمْ يُحَدِّ) لأنه بأمره.

2109. (Tidak disempurnakan ia melainkan dengan kehadiran hakim), iaitu tidak boleh seorang daripada manusia mendirikannya, hanya boleh mendirikannya imam atau naibnya. Adapun hadir imam maka sunat. (dan dengan tuntutan orang yang dituduh. Maka jika dia memaafkan gugurlah ia), sama seperti selainnya daripada hak-hak. (Jika dia mati berpindah haknya kepada para warisnya. Kalau dia kata kepada seorang "tuduhlah aku" maka dia menuduhnya tidak di-had dia) kerana ia dengan suruhannya.

(وَلَوْ قَدَّفَ عَبْدًا ثَبَتَ لَهُ التَّعْزِيرُ) دون سيد. فإن مات انتقل لسيده. وإذا سب شخص آخر فلآخر أن يسبه بقدر ما سبه. ولا يجوز سب أبيه ولا أمه. وإنما سبه بما ليس فيه كذب. ولا قذف في نحو يا ظالم.

2110. (Kalau seorang menuduh seorang hamba sabit bagi hamba itu ta'zir), bukan bagi penghulunya. Maka jika dia mati berpindahlah ia kepada penghulunya. Apabila seorang mencerca seorang lain maka orang yang itu boleh mencercanya dengan kadar cercaannya. Tidak harus mencerca bapanya dan tidak emaknya. Dia hanya harus mencercanya dengan apa yang tidak ada dusta padanya. Tidak ada tuduhan pada umpama "wahai si zalim".

(بَابُ السَّرْقَةِ)

(إِذَا سَرَقَ الْبَالِغُ الْعَاقِلُ الْمُخْتَارُ وَهُوَ مُسْلِمٌ أَوْ ذِمِّيٌّ أَوْ مُرْتَدٌّ نِصَابًا مِنَ الْمَالِ وَهُوَ رُبْعُ دِينَارٍ) خالص، (أَوْ مَا قِيمَتُهُ رُبْعُ دِينَارٍ) حالة كون القيمة معتبرة (حَالِ السَّرْقَةِ) بشرط أن يكون المسروق مأخوذاً (مِنْ حِرْزٍ مِثْلِهِ وَلَا شُبُهَةً لَهُ)، أي للسارق، (فِيهِ قُطِعَتْ يَدُهُ الْيُمْنَى) من الكوع بعد مدها مداً عنيفاً حتى تنخلع ثم تقطع بحديدة ماضية.

2111. @BAB CURI. (Apabila mencuri seorang baligh berakal bebas memilih sedang dia muslim atau zimmi atau murtad akan satu nishab daripada harta iaitu suku dinar) yang murni (atau apa yang nilainya suku dinar) hal keadaan nilai itu diiktibarkan (ketika curi), dengan syarat bahawa adalah barang yang dicuri itu diambil (dari penyimpanan seumpamanya dan tidak ada syubhah baginya), iaitu bagi pencuri itu, (padanya dipotong tangannya yang kanan) dari pergelangan tangan selepas diregangkan dengan regang yang kasar sehingga terkucil sendinya kemudian dipotong dengan besi yang tajam.

(فَإِنْ سَرَقَ تَانِيًا قُطِعَتْ رِجْلُهُ الْيُسْرَى) من مفصل الساق. فإن عاد قطعت يده اليسرى، (فَإِنْ عَادَ قُطِعَتْ رِجْلُهُ الْيُمْنَى، فَإِنْ) عاد بعد قطع أطرافه (عُزِّرَ).

فَإِنْ لَمْ تَكُنْ لَهُ يَمِينٌ قُطِعَتْ رِجْلُهُ الْيُسْرَى. وَإِنْ كَانَتْ لَهُ (فَلَمْ تُقَطَّعْ حَتَّى دَهَبَتْ) بأفة سماوية (سَقَطَ الْقَطْعُ) لتعلقه بعينها وقد زالت.

2112. (Maka jika dia mencuri kali kedua dipotong kakinya yang kiri) dari sendi betis. Maka jika dia mengulang dipotong tangannya yang kiri, (maka jika dia mengulang dipotong kakinya yang kanan, maka jika) dia mengulang selepas dipotong tangan dan kakinya itu (dia dita'zir. Maka jika dia tidak punya tangan kanan dipotong kakinya yang kiri. Maka jika ada ia) baginya (lalu tidak dipotong sehingga ia hilang) dengan bencana samawi (gugurlah potong itu) kerana bergantungnya dengan 'ainnya walhal ia telah hilang.

(وَإِذَا قُطِعَ) السارق (عُمِسَ) موضع (الْمَقْطَعُ بِالزَّيْتِ الْحَارِّ) مغلي لتتسد أفواه العروق المفتوحة بالقطع.

2113. (Apabila dipotong) pencuri itu (dicelupkan) tempat (potong itu kedalam minyak panas) yang mendidih supaya tertutup mulut urat-urat yang terbuka dengan sebab potong itu,

(فَإِنْ سَرَقَ دُونَ النَّصَابِ أَوْ مِنْ غَيْرِ حِرْزٍ أَوْ مَالَهُ) فيه (شُبُهَةٌ كَمَالِ بَيْتِ الْمَالِ) إذا كان السارق مسلماً، فيقطع الذمي بسرقة، (وَ) كذا لا يقطع بسرقة (مَالِ ابْنِهِ أَوْ أَبِيهِ أَوْ مَالِ مَالِكِهِ)، أي سيده، فإن حصل شيء من ذلك (لَمْ يُقَطَّعْ) في الجميع من هذه الصور.

2114. (Maka jika dia mencuri kurang daripada nishab atau dari selain tempat simpan atau barang yang ada baginya) padanya (syubhah seperti harta baitul mal) apabila adalah pencuri itu muslim, maka dipotong zimmi dengan mencurinya, (dan) begitu juga tidak dipotong dia dengan mencuri (harta anaknya atau bapanya atau harta pemiliknya) iaitu penghulunya, maka jika terhasil suatu daripada demikian itu (tidak dipotong dia) pada semua rupa-rupa masalah ini.

(وَحِرْزٌ كُلُّ شَيْءٍ بِحَسَبِهِ. وَيَخْتَلِفُ) الحرز (بِاخْتِلَافِ الْمَالِ وَالْأَبْلَادِ وَعَدْلِ السُّلْطَانِ وَجُورِهِ وَقُوَّتِهِ وَضَعْفِهِ). فمرجعه العرف.

2115. (Penyimpanan setiap suatu barang itu mengikut dirinya. Berbeza) penyimpanan itu (dengan berbeza harta dan tempat dan sifat adil sultan dan zalimnya dan kuatnya dan lemahnya). Maka tempat rujuknya adalah 'uruf.

(فَحِرْزُ النَّيَابِ وَالنَّقُودِ وَالْجَوْهَرِ وَالْحُلِيِّ الصَّنْدُوقِ الْمُقْفَلِ، وَحِرْزُ الْأَمْتِعَةِ الدَّكَائِنِ الْمُقْفَلَةِ) عليها (وَتَمَّ)، أي هناك، (حَارِسٌ) إذا كان ليلاً. وأما في النهار إذا كانت مقفلة فلا يشترط حارس. (وَ) حرز (الدَّوَابِ الْإِصْطَبِلِ، وَ) حرز (الْأَثَاثِ صَدْفَةُ الْبَيْتِ) وعرضه حالة كون ذلك جارياً (بِحَسَبِ الْعَادَةِ. وَحِرْزُ الْكَفَنِ الْقَبْرِ)، فلو نبش القبر وسرق الكفن الشرعي قطعت يده.

2116. (Maka penyimpanan kain dan duit dan permata dan barang kemas adalah peti yang berkunci, dan penyimpanan barang-barang jualan adalah kedai yang dikunci dan di sana ada penjaga) apabila ia pada malam hari. Adapun pada siang hari apabila kedai itu dikunci, maka tidak disyaratkan ada penjaga. (dan) penyimpanan (haiwan tunggangan adalah kandang, dan) penyimpanan (barangan rumah adalah serambi rumah) dan halamannya, hal keadaan demikian itu berjalan (menurut adat. **Penyimpanan kain kafan adalah kubur**) maka kalau seorang membongkar kubur dan mencuri kapan yang syari'e dipotong tangannya.

(وَلَوْ اشْتَرَكْتَ اثْنَانِ فِي إِخْرَاجِ النَّصَابِ فَقَطُّ) كَانَ أَخْرَجَ كُلٌّ مِنْهُمَا بَعْضَهُ (لَمْ يُقَطَّعْ وَاحِدٌ مِنْهُمَا. وَلَا يُقَطَّعُ الْحُرُّ إِلَّا الْإِمَامُ أَوْ نَائِبُهُ وَيُقَطَّعُ الْعَبْدُ سَيِّدُهُ) كَمَا يَقْتَعُهُ الْإِمَامُ.

2117. (Kalau dua orang bersyarikat pada mengeluarkan satu nishab sahaja) seperti bahawa setiap daripada mereka mengeluarkan sebahagiannya (tidak dipotong seorang daripada mereka. Tidak memotong orang merdeka melainkan imam atau naibnya dan memotong akan hamba oleh penghulunya) sepertimana imam memotongnya.

(وَلَا قَطَّعَ عَلَى مَنْ انْتَهَبَ) وَهُوَ مَنْ يَعْتَمِدُ الْقُوَّةَ، (أَوْ اخْتَلَسَ) وَهُوَ مَنْ يَعْتَمِدُ الْهَرَبَ، (أَوْ خَانَ أَوْ جَدَدَ) فِيمَا اسْتَوْتَمَنَ عَلَيْهِ مِنْ وَدِيعَةٍ وَنَحْوِهَا.

2118. (Dan tidak ada potong keatas orang yang merompak), iaitu orang yang berpegang dengan kekuatan, (atau menyamun), iaitu orang yang berpegang pada upaya melarikan diri, (atau orang yang khianat atau ingkar) pada apa yang diamanahkan dia di atasnya, berupa harta wadiah dan umpamanya.

(فَصَلِّ) فِي حَدِّ قَاطِعِ الطَّرِيقِ. (مَنْ شَهَرَ السَّلَاحَ) أَوْ فَعَلَ مَا يُوجِبُ الْقَهْرَ عَلَى أَخْذِ الدَّمَالِ (وَأَخَافَ السَّبِيلَ)، أَيِ الطَّرِيقِ، أَيِ أَخَافَ مِنْ يَمْرٍ بِهِ بَأَنَّ يِقَاوِمَ مِنْ بَرَزَ لَهُ وَيَبْعَدُ مَعَهُ غَوْتُهُ لِبَعْدِ عَنِ الْعِمَارَةِ أَوْ ضَعْفِ فِي أَهْلِهَا، (وَجَبَّ عَلَى الْإِمَامِ) أَوْ نَائِبِهِ (طَلَبُهُ. فَإِنْ وَقَعَ) فِي قَبْضَةِ الْإِمَامِ (قَبْلَ جَنَائَةِ عَزْرٍ) بِمَا يَرَاهُ الْإِمَامُ.

2119. (Fasal) pada had perompak jalanan. (Orang yang menghunus pedang) atau melakukan apa yang menghasilkan tindakan paksaan dengan tujuan mengambil harta orang lain, (dan menakut-nakuti jalan), iaitu menakut-nakuti orang yang lalu padanya dengan bahawa dia mengancam orang yang muncul padanya dan susah orang itu meminta bantuan kerana jauh dari penempatan atau kerana lemah ahli kumpulannya, (wajib diatas imam) atau naibnya (mencarinya. Maka jika dia jatuh) kedalam genggamannya imam (sebelum melakukan jenayah dia dita'zir) dengan apa yang imam pandang sesuai.

(وَإِنْ سَرَقَ نِصَابًا بِشَرِّطِهِ) وهو أن يكون من حرز مثله ولا شبهة له فيه (قَطَعَتْ يَدَهُ الْيُمْنَى وَرِجْلَهُ الْيُسْرَى). ويوالي بين قطعهما.

2120. (Jika dia mencuri satu nishab dengan syaratnya), iaitu bahawa adalah ia dari tempat penyimpanan yang seumpamanya dan tidak ada syubhah bagi dia padanya, (dipotong tangannya yang kanan dan kakinya yang kiri). Dibuat berturutan di antara potong keduanya.

(وَإِنْ قَتَلَ) نفساً (فُقِلَ حَتْمًا وَإِنْ عَفَا وَلِيَّ الدَّمِ. وَإِنْ سَرَقَ وَقَتَلَ قَتَلَ ثُمَّ صُلِبَ). ولا يقدم الصلب على القتل، بل يقتل ثم يغسل ويكفن ويصلى عليه ثم يصلب (ثلاثة أيام) بمحل محاربتة.

2121. (Jika dia membunuh) satu diri (dia bunuh diatas jalan wajib, sekalipun wali darah itu memaafkan. Jika dia mencuri dan membunuh dia dibunuh kemudian disalib). Tidak didulukan salib diatas bunuh, bahkan dia dibunuh kemudian dimandikan dan dikafankan dan dishalatkan kemudian disalib, (tiga hari) pada tempat perbuatan ganasnya itu.

(وَإِنْ جَرَحَ أَوْ قَطَعَ طَرْفًا أُقْتَصَّ مِنْهُ) للطرف والجرح إن أمكن كالموضحة (مِنْ غَيْرِ تَحْتَمٍ) حتى لو عفا عنه سقط الحد.

2122. (Jika dia mencederakan atau memotong anggota diambil qisas darinya) kerana anggota dan luka itu jika terbolelah seperti luka mudhihah (dengan ketiadaan wajibnya), hinggakan kalau mangsa jenayah memaafkannya gugurlah had itu.

(فَصَلِّ) في حد الشرب. وشرب الخمر من الكبائر، سواء قليلها وكثيرها. (كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ كَثِيرُهُ حَرَمٌ قَلِيلُهُ وَكَثِيرُهُ، حَمْرًا كَانَ أَوْ نَبِيذًا أَوْ غَيْرَهُمَا) من سائر الأشربة. وهو حرام من الكبائر ولو قليلا.

2123. (Fasal) pada had minum arak. Minum arak itu daripada dosa-dosa besar, sama sedikitnya dan banyaknya. (Setiap minuman yang banyaknya memabukkan haram sedikitnya dan banyaknya, khamar adalah ia atau nabiz atau selain keduanya) daripada sekalian minuman-minuman. Ianya haram, sebahagian daripada dosa-dosa besar, walaupun sedikit.

(فَمَنْ شَرِبَ وَهُوَ بَالِغٌ عَاقِلٌ مُسْلِمٌ مُخْتَارٌ عَالِمٌ بِهِ وَبِتَحْرِيمِهِ لَزِمَهُ الْحَدُّ). فلا حد على الصبي والمجنون والكافر بأنواعه والمكره على شربه ومن شربه ظانا أنه غير خمر، ومن شربه وهو جاهل بتحريمه معذور في جهله، ومن شرب بلقمة ولم يجد غيره فله إساعتها به.

2124. (Maka orang yang meminumnya dalam keadaan dia baligh berakal muslim bebas memilih tahukan arak itu dan tahukan haramnya melaziminya had). Maka tidak ada had diatas kanak-kanak dan orang gila dan orang kafir dengan bagai-bagainya dan orang yang dipaksa diatas meminumnya dan orang yang meminumnya hal keadaan dia menyangkakan bahawa ia bukan arak, dan orang yang meminumnya sedang dia jahilkan haramnya yang

diuzurkan pada jahilnya dan orang yang tercekik makanan dan tidak mendapat selainnya, maka boleh dia melepaskannya dengannya.

(وَهُوَ أَرْبَعُونَ جَلْدَةً لِلْحُرِّ وَعِشْرُونَ لِلْعَبْدِ) ولو مبعوضاً، (بِالْأَيْدِي وَالنَّعَالِ وَأَطْرَافِ الثِّيَابِ) بعد فتلها. ولا بد أن يكون الحد متواليًا. وتحد المرأة جالسة والرجل قائما.

2125. (Ianya empat puluh sebatan bagi orang merdeka dan dua puluh bagi hamba) walaupun yang muba'ad, (dengan tangan dan kasut dan hujung kain) selepas dipintal. Tidak dapat tidak bahawa adalah had itu berturutan. Dihad perempuan dalam keadaan duduk dan lelaki dalam keadaan berdiri.

(وَيَجُوزُ) الحد (بِالسَّوْطِ، لَكِنْ إِنْ مَاتَ) المحدود (بِالسِّيَاطِ وَجَبَتْ دِيَّتُهُ).
والصحيح أنه لا ضمان.

2126. (Harus) had (dengan tongkat, akan tetapi jika mati) orang yang dihad (dengan tongkat itu wajib diatnya). Yang sahah bahawa tidak ada dhaman.

(فَإِنْ رَأَى) الإمام (أَنْ يَزِيدَ فِي الْحُرِّ إِلَى ثَمَانِينَ وَ) أَنْ يَزِيدَ (فِي الْعَبْدِ إِلَى أَرْبَعِينَ جَارًا، لَكِنْ لَوْ مَاتَ مِنْ الزِّيَادَةِ عَلَيْهَا ضَمِنَ بِالْقِسْطِ)، أَي ضَمِنَهُ الإمام. (فَلَوْ ضَرَبَهُ إِحْدَى وَأَرْبَعِينَ فَمَاتَ) مِنْ ذَلِكَ (ضَمِنَ جُزْأً مِنْ وَاحِدٍ وَأَرْبَعِينَ جُزْأً مِنْ دِيَّتِهِ).

2127. (Maka jika) imam (berpendapat bahawa perlu dia menambah pada orang merdeka kepada lapan puluh dan) menambah (pada hamba kepada empat puluh harus ia. Akan tetapi kalau dia mati kerana tambahan di atasnya itu dia mendhaman dengan agihannya), iaitu imam mendhamannya. (Maka kalau dia memukulnya empat puluh satu kali lalu dia mati) kerana demikian itu (dia mendhaman satu jujuk daripada empat puluh satu jujuk daripada diatnya).

(وَمَنْ زَنَى دَفْعَاتٍ)، أَي مَرَّةً بَعْدَ أُخْرَى أَوْ شَرِبَ دَفْعَاتٍ، (وَلَمْ يُحَدِّ أَجْزَأَهُ لِكُلِّ جَنْسٍ حَدٌّ وَاحِدٌ).

2128. (Orang yang berzina beberapa kali), iaitu sekali lepas sekali, atau minum beberapa kali, (dan dia tidak dihad memadainya bagi setiap satu jenis oleh had yang satu).

(وَمَنْ وَجَبَ عَلَيْهِ حَدٌّ وَتَابَ مِنْهُ لَمْ يَسْقُطْ) الحد عنه (إِلَّا حَدُّ قَاطِعِ الطَّرِيقِ إِذَا تَابَ قَبْلَ الْقُدْرَةِ) عليه (فَيَسْقُطُ) عنه (جَمِيعُ حَدِّهِ). فيسقط عنه إذا قتل تحتم القتل الذي هو خاص بقطع الطريق. وأما القتل فلا يسقط حده إلا إذا عفا الولي. وكذا الصلب وقطع اليد والرجل فيسقطان إذا تاب قبل القدرة عليه.

2129. (Orang yang telah wajib had di atasnya dan telah bertaubat darinya tidak gugur) had itu darinya (melainkan had perompak jalanan apabila dia taubat sebelum dapat dikuasai) di atasnya, (maka gugur)

darinya (**semua hadnya**). Maka gugur darinya apabila dia membunuh oleh wajib bunuh yang ianya khusus dengan rompakan jalanan. Adapun bunuh maka tidak gugur hadnya melainkan apabila wali mangsa bunuh mengampunkan. Begitu juga salib dan potong tangan dan kaki, maka gugur keduanya apabila dia taubat sebelum dikuasai di atasnya.

(وَلَا يَجُوزُ شُرْبُ الْمُسْكِرِ فِي حَالٍ مِنَ الْأَحْوَالِ، لَا لِلتَّدَاوِيِّ وَلَا لِلْعَطَشِ، إِلَّا أَنْ يَغُصَّ بِلُقْمَةٍ وَلَا يَجِدَ مَا يُسَدِّغُهَا بِهِ، فَيَجِبُ). فله أن يسديغها صوتاً عن الهلاك.

2130. (**Tidak harus minum suatu yang memabukkan pada satu keadaan pun daripada segala keadaan-keadaan, tidak untuk perubatan dan tidak kerana dahaga, melainkan bahawa dia mengkelan dengan suapan makanan dan tidak mendapat apa yang boleh dia melalukannya dengannya maka wajib ia**), maka boleh dia melalukannya kerana mengelakkan dari kematian.

(فَصُلِّ) في التعزير. وهو يخالف الحد من ثلاثة أو جه، اختلافه باختلاف الناس واستحباب الشفاعة والعفو عنه والتألف به مضمون.

2131. (**Fasal**) pada ta'zir. Ia berbeza dengan had dari tiga wajah. Berbezanya dengan berbeza manusia, dan disukai syafa'at dan maaf darinya, dan yang binasa dengannya adalah didhaman.

(مَنْ أَتَى) بِ(مَعْصِيَةٍ لَا حَدَّ فِيهَا وَلَا كَفَّارَةَ). وأما ما فيها حد كالزنا أو كفارة كالتمتع بطيب وذخوه في الحج فلا تعزير فيها. (وَمِنْهُ)، أي من الأضابط المذكور، (شَهَادَةُ الزُّورِ)، فإنها معصية لا حد فيها ولا كفارة. ومن أتى ذلك (عَزَّرَ عَلَى حَسَبِ مَا يَرَاهُ الْحَاكِمُ)، سواء كانت المعصية حقاً لله أو لآدمي كمباشرة أجنبية فيما دون الفرج.

2132. (**Orang yang mendatangkan maksiat yang tidak ada had padanya dan tidak ada kifarah...**). Adapun apa yang ada had padanya seperti zina atau kifarah seperti bersenang-senang dengan wangian dan umpamanya pada haji maka tidak ada ta'zir padanya, (**yang daripadanya...**) iaitu daripada dhabit tersebut itu (**adalah saksi dusta...**), maka ia adalah maksiat yang tidak ada had padanya dan tidak ada kifarah, orang yang mendatangkan demikian itu (**...ditazir dia menurut apa yang dipandang oleh hakim**). Sama ada maksiat itu hak bagi Allah atau bagi anak adam seperti bersentuh-sentuhan dengan perempuan ajnabi pada apa yang selain faraj.

وقد يشرع التعزير فيما لا معصية فيه كمن اكتسب باللغو الذي لا معصية معه. وقد ينتفى التعزير مع انتفاء الحد والكفارة كما في صغيرة صدرت من ولي الله تعالى.

2133. Terkadang disyara'kan ta'zir pada apa yang tidak ada maksiat padanya seperti orang yang berkerja dengan kelalaian yang tidak ada unsur maksiat

bersamanya. Terkadang ternafi ta'zir serta ternafi had dan kifarrah seperti mana pada dosa kecil yang keluar dari wali Allah taala.

(وَلَا يَبْلُغُ) الحاكم (بِهِ أَدْنَى الْحُدُودِ)، أي أدنى حد الشخص المعزر. (فَلَا يَبْلُغُ بَتْعَزِيرِ الْحُرِّ إِلَى أَرْبَعِينَ وَلَا بَتْعَزِيرِ الْعَبْدِ عَشْرِينَ).

2134. Hakim (**tidak menyampaikan dengannya kepada serendah-rendah had-had**), iaitu serendah-rendah had seorang yang dita'zir. (**Maka dia tidak menyampaikan pada ta'zir orang merdeka kepada empat puluh dan tidak pada ta'zir hamba kepada dua puluh**).

(وَإِنْ رَأَى) الحاكم (تَرْكُهُ جَازًا)، إلا أن يكون لآدمي وقد طلبه فلا يجوز له تركه. وإذا عفا المستحق للتعزير عنه جاز للحاكم أن يعزر.

2135. (**Jika**) hakim (**melihat elok meninggalkannya harus ia**), melainkan bahawa adalah ia bagi anak adam dan dia telah menuntutnya, maka tidak harus dia meninggalkannya. Apabila orang yang berhak kepada ta'zir memaafkannya harus bagi hakim menta'zir.

(بَابُ الْأَيْمَانِ)

جمع يمين. وهي في الأصل الجارحة، ثم أطلقت على الحلف. (إِنَّمَا يَصِحُّ الْأَيْمَانُ مِنْ) كل (بَالِغٍ عَاقِلٍ مُخْتَارٍ)، فلا تتعدد يمين الصبي والمجنون والمكره، (فَاصِدٍ إِلَى الْأَيْمَانِ). فَمَنْ سَبَقَ لِسَانُهُ إِلَيْهَا أَوْ قَصَدَ الْحَلْفَ عَلَى شَيْءٍ فَسَبَقَ لِسَانُهُ إِلَى غَيْرِهِ لَمْ يَنْعَقِدْ) يمينه.

2136. @BAB SUMPAAH-SUMPAAH. "إيمان" jamak "يمين". Ia pada asalnya adalah suatu yang mencederakan, kemudian dituturkan ia keatas sumpah. (**Hanya sanya sah sumpah dari**) setiap (**orang yang baligh berakal memilih**). Maka tidak terjadi sumpah kanak-kanak dan orang gila dan orang yang dipaksa, (**yang bertujuan sumpah. Maka siapa yang terlancar lidahnya kepada sumpah atau bermaksud sumpah keatas suatu maka terlancar lidahnya kepada selainnya tidak terjadi**) sumpahnya itu.

(وَذَلِكَ) المذكور من سبق للسان (مِنْ لُغْوِ الْأَيْمَانِ) المذكور في قوله تعالى "لا يؤاخذكم الله باللغو في أيمانكم".

2137. (**Demikian itu**), yang disebutkan daripada terlancar lidah, (**adalah sumpah lagha**) yang disebutkan pada katanya taala "Allah tidak mengambil salah akan kamu dengan yang lagha daripada sumpah-sumpah kamu".

(وَلَا يَنْعَقِدُ إِلَّا بِاسْمِ اللَّهِ تَعَالَى أَوْ صِفَةٍ مِنْ صِفَاتِ ذَاتِهِ)، أي الذاتية، فلا تتعدد بالنبي ولا بالكعبة، ولا بقوله إن فعل كذا فهو يهودي مثلا. ثم إن كان قاصدا حقيقة التعليق وأنه يصير يهوديا عند تحقق هذا الشيء صار كافرا في الحال، وإن قصد تبعيد نفسه لم يلزمه شيء، إنما يسن له التلفظ بالشهادتين.

2138. (**Tidak terjadi ia melainkan dengan satu nama daripada nama-nama Allah taala atau satu sifat daripada sifat-sifat zatnya**), iaitu sifat yang dibangsakan kepada zat. Maka tidak terjadi ia dengan nabi dan tidak dengan ka'bah dan tidak dengan katanya jika dia buat sekian maka dia yahudi, contohnya. Kemudian jika dia maksudkan hakikat ta'lik dan bahawa dia akan menjadi Yahudi di sisi ada sungguh perkara ini jadilah dia kafir pada masa itu juga, dan jika dia bermaksud menjauhkan dirinya tidak melaziminya sesuatu, cuma sunat dia melafazkan dua kalimah syahadah.

(ثُمَّ) إِنْ (مِنْ أَسْمَاءِ اللَّهِ تَعَالَى مَا لَا يَتَسَمَّى بِهِ غَيْرُهُ كَاللَّهِ وَالرَّحْمَنِ وَالْمُهَيْمِنِ وَعَلَامِ الْغُيُوبِ، فَتَنْعَقِدُ بِهَا الْيَمِينُ مُطْلَقًا)، سواء قصد بها الباري أو أطلق.

2139. (**Kemudian**) sesungguhnya (**daripada nama-nama Allah taala itu ada apa yang tidak bernama dengannya akan selainnya seperti "Allah" dan "arRahman" dan "alMuhaimin" dan "Allamul Guyub", maka terjadi sumpah dengannya semata-mata**), sama ada dia memaksudkannya sang Pencipta atau dia mengitlak.

(وَمِنْهَا مَا يَتَسَمَّى بِهِ غَيْرُهُ مَعَ التَّقْيِيدِ كَالرَّبِّ وَالرَّحِيمِ وَالْقَادِرِ)، فإنه يقال رب الدار ورحيم القلب وقادر على المال، (فَتَنْعَقِدُ بِهَا الْيَمِينُ، إِلَّا أَنْ يَنْوِي غَيْرَ الْيَمِينِ).

2140. (**dan daripadanya apa yang dinamakan dengannya akan selainnya serta dikaitkan seperti "Rabb" dan arRahim" dan alQadir",** maka dikatakan "rabbu dar" dan "rahimul qalbi" dan "qadir 'alal mal".

(وَمِنْهَا مَا هُوَ مُشْتَرَكٌ كَالْحَيِّ وَالْمَوْجُودِ وَالْبَصِيرِ) والعالم والمؤمن والكريم (فَلَا تَنْعَقِدُ بِهَا الْيَمِينُ إِلَّا أَنْ يَنْوِي بِهَا الْيَمِينُ)، بَأَنْ يَرِيدَ بِهَا اللَّهُ تَعَالَى. هذا حكم الأسماء.

2141. (**dan daripadanya apa yang ia disyarikatkan seperti al Hayy dan al Maujud dan alBashir**) dan al'Alim dan alMu'min dan alKarim, (**maka tidak terjadi sumpah dengannya melainkan bahawa dia niatkan dengannya akan sumpah**), dengan bahawa dia menghendaki dengannya akan Allah taala. Ini adalah hukum nama-nama Allah taala.

(وَ) أَمَا (صِفَاتُهُ) تَعَالَى (إِنْ لَمْ تُسَدَّعَمَلْ فِي مَخْلُوقٍ نَحْوُ عِزَّةِ اللَّهِ) تَعَالَى (وَكِبْرِيَاءِهِ وَبِقَائِهِ وَالْقُرْآنِ فَتَنْعَقِدُ بِهَا الْيَمِينُ مُطْلَقًا)، أي سواء أراد بها وصف الله أو أطلق، ولكن إن أراد بالعزة آثارها كالعجز عن أن يصل إليه مكروهه، وبالكبرياء والعظمة هلاك الجبابرة، وبالقرآن الخطبة فلا يكون يمينا.

2142. (**Dan**) adapun (**sifat-sifatNya**) taala (**jika ia tidak digunakan pada makhluk umpama 'Izzatullah**) taala (**dan Kibria'Nya dan Baqa'Nya dan al Quran maka terjadi sumpah dengannya semata-mata**), iaitu sama ada dia kehendaki dengannya akan sifat Allah atau dia mengitlak, akan tetapi jika dia hendak dengan izzah itu kesan-kesannya seperti lemah daripada bahawa sampai

kepadanya perkara yang tidak disukai, dan dengan kibria' dan azhamah itu binasa orang-orang yang jahat, dan dengan Quran itu akan khutbah maka tidak adalah ia sumpah.

(وَإِنْ كَانَتْ) الصفة (قَدْ تُسْتَعْمَلُ فِي مَخْلُوقٍ نَدُو عِلْمِ اللَّهِ وَقَدْرَتِهِ وَحَقِّهِ فَيُنْعَقِدُ بِهَا الِيمِينُ إِلَّا أَنْ يَنْوِيَ بِالْعِلْمِ الْمَعْلُومِ وَبِالْقُدْرَةِ الْمَقْدُورِ وَبِالْحَقِّ الْعِبَادَةِ فَلَا) تنعقد يمينه فهي مثل الأولى، وإن كان ظاهر كلام المصنف يخالفه.

2143. (Jika adalah) sifat itu (terkadang digunakan pada makhluk umpama Ilmu Allah dan Kudratnya dan Haknya maka terjadi sumpah dengannya, melainkan bahwa dia niat dengan ilmu itu perkara yang diketahui, dan dengan kudrat itu perkara yang dikuasai, dan dengan hak itu ibadat, maka tidak) terjadi sumpahnya. Maka ia seumpama yang pertama tadi, sekalipun zahir kalam musannif menyalahinya.

(وَلَوْ قَالَ أَقْسِمُ بِاللَّهِ) بالمضارع أ(وَأَقْسَمْتُ بِاللَّهِ) بالماضي (أَنْعَقَدْتُ) يمينه. سواء نوى اليمين أو أطلق. (إِلَّا أَنْ يَنْوِيَ بِهِ الْإِخْبَارَ) فيقبل منه، ولا تنعقد يمينه.

2144. (Kalau dia kata "أقسم بالله" dengan mudhari', atau "أقسمت بالله" dengan madhi (terjadi) sumpahnya. Sama sahaja dia niatkan sumpah atau dia mengitlak. (melainkan bahwa dia niat mengkhabarkannya) maka diterima ia darinya dan tidak terjadi sumpahnya.

(وَلَوْ قَالَ لَعَمْرُ اللَّهِ) أ(وَأَشْهَدُ بِاللَّهِ أَوْ أَعَزُّمُ بِاللَّهِ، أَوْ عَلَيَّ عَهْدُ اللَّهِ، أَوْ ذِمَّتُهُ، أَوْ أَمَانَتُهُ، أَوْ كَفَالَتُهُ لَا أَفْعَلَنَّ) كَذَا، أَوْ أَسْأَلُكَ بِاللَّهِ، أَوْ أَقْسَمْتُ عَلَيْكَ بِاللَّهِ لَمْ تَنْعَقِدْ إِلَّا أَنْ يَنْوِيَ بِهِ الِيمِينِ). فهي كنايات تحتل اليمين وغيره. فلا تنصرف إلى اليمين إلا بالنية.

2145. (Kalau dia kata "لعمر الله" atau "أشهد بالله" atau "أعزم بالله" atau "علي عهد الله" atau "أقسمت" atau "أسألك بالله" atau "كفالتة لا أفعلن كذا" atau "علي أمانته" atau "علي ذمته" atau "عليك بالله" tidak terjadi ia melainkan bahwa dia niatkan sumpah dengannya). Maka ia kinayah-kinayah yang menerima sumpah dan selainnya. Maka tidak terpalang ia kepada sumpah melainkan dengan niat.

(فَصَلِّ) فِي الْمَحْلُوفِ عَلَيْهِ. (وَمَنْ حَذَفَ لَا يَدْخُلُ بَيْتًا) وَأَطْلُقَ (فَدْخَلَ بَيْتَ) شَعْرَ حَنْثٍ، وَإِنْ كَانَ حَضْرِيًّا) يسكن الحضر، وهي المدن، لصدق اسم البيت عليه. (وَإِنْ دَخَلَ مَسْجِدًا) أَوْ كَنِيسَةً (فَلَا) يَدْنُثُ لِعَدَمِ صَدَقِ اسْمِ الْبَيْتِ عَلَى ذَلِكَ عَرَفًا.

2146. (Fasal) pada perkara yang disumpahkan diatasnya. (Orang yang bersumpah tidak akan masuk satu bilik) dan dia mengitlak (maka dia masuk ke dalam "bilik syair" dia melanggar sumpah sekalipun dia orang hadhari) yang mendiami kawasan maju iaitu bandar kerana terbenar "bilik" itu keatasnya. (Jika dia masuk masjid) atau gereja (maka tidak) dia

melanggar sumpah kerana tidak terbenar nama bilik keatas demikian itu menurut uruf. ^{xlv}

(أَوْ) حلف: (لَا أَكُلُ هَذِهِ الْحِنْطَةَ، فَجَعَلَهَا دَقِيقًا أَوْ خُبْرًا لَمْ يَحْنُثْ) لزوال اسم الحنطة. وأما لو لم يذكر اسمها وأشار إليها بأن قال: لا أكل هذه، فيحنت بأكلها دقيقًا أو خبزًا.

2147. (atau) dia bersumpah ("aku tidak akan memakan gandum ini", maka dia menjadikannya tepung atau roti dia tidak melanggar sumpah) kerana hilang nama gandum itu. Adapun kalau dia tidak menyebut namanya dan dia mengisyarat kepadanya dengan bahawa dia kata "aku tidak akan makan ini" maka dia melanggar sumpah dengan memakannya dalam keadaannya tepung atau roti.

(أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: وَاللَّهِ (لَا أَكُلُ سَدْمَنَا، فَأَكَلَهُ فِي عَصِيدَةٍ وَنَحْوِهَا) كَالخَبْزِ (وَهُوَ ظَاهِرٌ فِيهَا) حَنْثٌ. وَظُهُورُهُ بِرُؤْيَا جَرْمِهِ. فَإِنْ اسْتَهْلَكَ لَمْ يَحْنُثْ كَمَا لَوْ شَرِبَهُ ذَائِبًا.

2148. (atau) dia kata pada sumpahnya "demi Allah (aku tidak akan makan keju" maka dia memakannya pada bubur dan umpamanya) seperti roti, (dan ianya zahir padanya) dia melanggar sumpah. Zahirnya adalah dengan kelihatan jirimnya. Maka jika ia larut dia tidak melanggar sumpah sepertimana kalau dia meminumnya dalam keadaan cair.

(أَوْ) حَلْفٌ قَائِلًا: (لَا أَشْرَبُ مِنْ هَذَا النَّهْرِ، فَشَرِبَ مَاءَهُ فِي كُوزٍ حَنْثٌ، أَوْ) حَلْفٌ قَائِلًا: (لَا أَكُلُ لَحْمًا، فَأَكَلْتُ شَحْمًا أَوْ كَلْبِيَّةً) بِضَمِّ الْكَافِ (أَوْ كَرَشًا أَوْ كَبْدًا أَوْ قَلْبًا أَوْ طِحَالًا) بِكَسْرِ الطَّاءِ (أَوْ أَلْيَّةً أَوْ سَمَكًا أَوْ جَرَادًا فَلَا حَنْثٌ) لِمُخَالَفَةِ هَذِهِ الْأَشْيَاءِ لِلْحَمِّ فِي الْأَسْمِ وَالصِّفَةِ.

2149. (atau) dia bersumpah seraya berkata ("aku tidak akan minum dari sungai ini" maka dia meminum airnya didalam kendi dia melanggar sumpah, atau) dia bersumpah seraya berkata ("aku tidak akan makan daging" maka dia makan lemak atau ginjal) – "كلية" – dengan dhammah kaf- (atau perut atau hati atau jantung atau limpa) – "طحالاً" – dengan kasrah tha' – (atau ekor atau ikan atau belalang maka tidak dia melanggar sumpah) kerana benda-benda ini melaini daging pada nama dan sifat

(أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: (لَا أَلْبَسُ لِرَيْدٍ ثَوْبًا، فَوَهَبَهُ) زَيْدٌ (لَهُ أَوْ اشْتَرَاهُ لَهُ فَلَا) حَنْثٌ لِأَنَّهُ لَمْ يَلْبَسْ ثَوْبًا لِرَيْدٍ بَلْ هُوَ لَهُ، (أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: (لَا أَهْبِئُهُ)، أَي زَيْدًا، (فَتَصَدَّقَ عَلَيْهِ) بِدَلِّ الْهَبَةِ (حَنْثٌ) لِأَنَّ اسْمَ الْهَبَةِ يَشْمَلُ الصَّدَقَةَ، (أَوْ أَعَارَهُ) بِدَلِّ الْهَبَةِ (أَوْ وَهَبَهُ فَلَمْ يَقْبَلْ) زَيْدٌ الْهَبَةَ (أَوْ قَبِلَ وَلَمْ يَقْبِضْ فَلَا) حَنْثٌ فِي ذَلِكَ، لِأَنَّ الْمَحْلُوفَ عَلَيْهِ الْهَبَةُ وَهِيَ مَرْكَبَةٌ مِنْ إِجَابٍ وَقَبُولٍ وَيَتَوَقَّفُ الْمَلِكُ فِيهَا عَلَى الْقَبْضِ، فَلَمْ تَتَمَّ الْهَبَةُ فِي كُلِّ ذَلِكَ، وَالْإِعَارَةُ لَيْسَتْ هَبَةً.

2150. (atau) dia kata pada sumpahnya ("**aku tidak akan memakai kain milik Zaid" maka menghibahkan kepadanya**) Zaid (**akan sehelai kain, atau dia membelinya untuk dia maka dia tidak**) melanggar sumpah kerana dia tidak memakaikan baju milik Zaid, bahkan ia miliknya. (atau) dia kata pada sumpahnya ("**aku tidak akan menghibah kepadanya**") iaitu Zaid (**maka dia bersedekah keatasnya**) ganti dari hibah (**dia melanggar sumpah**) kerana nama hibah itu meliputi sedekah, (**atau dia meminjamkannya**) ganti daripada hibah itu (**atau dia menghibah kepadanya maka dia tidak menerima**), iaitu Zaid akan hibah itu, (**atau dia menerima tetapi tidak menerima serahan bendanya maka tidak**) ada langgar sumpah pada demikian itu, kerana yang disumpahkan keatasnya adalah hibah yang mana ia rangkuman dari ijab dan qabul dan terhenti pemilikan padanya diatas terima barang, maka tidak sempurna hibah pada setiap demikian itu, dan pinjaman bukannya hibah.

(أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: (لَا أَتَكَلَّمُ، فَقَرَأَ الْقُرْآنَ أَوْ: لَا أَكَلِمُ فَلَانًا، فَرَأَسَلَهُ)، أَي أُرْسِلُ إِلَيْهِ رَسُولًا، (أَوْ كَاتِبَهُ)، أَي أُرْسِلُ إِلَيْهِ مَكْتُوبًا، (أَوْ أَشَارَ إِلَيْهِ، أَوْ لَا أَسْتُخْدِمُهُ فَخَدَمَهُ وَهُوَ سَاكِتٌ) لَمْ يَحْنُثْ فِي كُلِّ ذَلِكَ لِأَنَّهُ لَمْ يَفْعَلِ الْمَحْلُوفَ عَلَيْهِ وَهُوَ الْكَلَامُ فِي مَحَاوِرَاتِ الْأَدْمِيَيْنِ.

2151. (atau) dia kata pada sumpahnya ("**aku tidak akan bercakap" maka dia membaca Quran , atau "aku tidak akan bercakap dengan pulan" maka dia mengutus kepadanya**), iaitu mengutus kepadanya seorang utusan, (**atau menulis kepadanya**), iaitu mengutus surat kepadanya, (**atau dia mengisyarat kepadanya, atau "aku tidak menyuruhnya kerja" maka dia mengkhadamkannya walhal dia tidak berkata apa-apa**) dia tidak melanggar sumpah pada setiap demikian itu kerana dia tidak melakukan apa yang disumpahkan diatasnya iaitu kata-kata pada bercakap dengan anak adam.

(أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: (لَا أَتَزَوَّجُ، أَوْ: لَا أَطْلُقُ، أَوْ: لَا أَبِيعُ، فَوَكَّلَ غَيْرَهُ فَفَعَلَ) الْمَحْلُوفَ عَلَيْهِ لَمْ يَحْنُثْ فِي جَمِيعِ ذَلِكَ لِأَنَّ الْمَحْلُوفَ عَلَيْهِ فَعَلَ نَفْسَهُ. وَأَمَّا لَوْ حَلَفَ لَا يَتَزَوَّجُ أَوْ لَا يَنْكَحُ فَوَكَّلَ غَيْرَهُ فَزَوْجَهُ حَنْثٌ بِذَلِكَ لِأَنَّ الْوَكِيلَ فِي النِّكَاحِ سَفِيرٌ مُحَضٌّ لَا بَدَلَ لَهُ مِنْ تَسْمِيَّتِهِ الْمَوْكَلِ.

2152. (atau) dia kata didalam sumpahnya ("**aku tidak akan berkahwin" atau "tidak akan mentalakkan" atau "tidak akan berjual beli" maka dia mewakili orang lain lalu dia melakukan**) perkara yang disumpahkan diatasnya dia tidak melanggar sumpah pada semua demikian itu kerana apa yang disumpahkan keatasnya adalah perbuatan dirinya sendiri. Adapun kalau dia bersumpah bahawa dia tidak akan berkahwin atau tidak akan bernikah maka dia mewakili orang lain lalu dia mengahwinkannya batal sumpahlah dia dengan demikian itu kerana wakil pada nikah adalah semata-mata pengantara tidak dapat tidak baginya daripada menyebutkan tuan wakilnya.

(أَوْ) قَالَ فِي حَلْفِهِ: (لَا أَكُلُ هَذِهِ التَّمْرَةَ فَاحْتَلَطْتُ بِتَمْرٍ كَثِيرٍ فَأَكَلْتُ) (إِلَّا تَمْرَةً) وَاحِدَةً (لَا يَعْلَمُهَا، أَوْ لَا أَشْرَبُ مَاءَ النَّهْرِ) كُلُّهُ (فَشَرِبَ بَعْضَهُ لَمْ يَحْنُثْ)

فيهما. (أَوْ) قال في يمينه: (لَا أَكَلَّمُهُ زَمَانًا أَوْ حِينًا بَرًّا بِأَذْنِي زَمَنٍ) يمضي لم يكلمه فيه.

2153. (atau) dia kata pada sumpahnya (**"aku tidak akan makan tamar ini" maka ia bergaul dengan tamar yang banyak maka dia memakannya (melainkan tamar) yang satu (yang dia tidak tahukannya, atau "aku tidak akan minum air sungai) semuanya" (maka dia minum sebahagiannya, dia tidak melanggar sumpah)** pada keduanya. (atau) dia kata pada sumpahnya (**"aku tidak akan bercakap dengannya pada satu masa atau ketika" dia melaksanakan sumpahnya dengan sekurang-kurang masa)** yang berlalu sedang dia tidak bercakap dengannya padanya.

(أَوْ) قال: والله (لَا أَدْخُلُ الدَّارَ، مَثَلًا فَدَخَلَهَا نَاسِيًا) لِلْيَمِينِ (أَوْ جَاهِلًا) بِأَذْنِهَا الْمُحْلُوفِ عَلَيْهَا، (أَوْ مُكْرَهًا) عَلَى دُخُولِهَا، (أَوْ) دَخَلَهَا (مَحْمُولًا) بِغَيْرِ إِذْنِهِ، (لَمْ يَحْنَثْ) فِي جَمِيعِ ذَلِكَ لِأَنَّ فِعْلَهُ كَلَا فِعْلٍ. وَلَا فَرْقَ فِي الْمَحْمُولِ بَيْنَ أَنْ يَقْدَرَ عَلَى الْإِمْتِنَاعِ أَوْ لَا حَيْثُ لَمْ يَأْذَنْ. (وَالْيَمِينُ بَاقِيَةٌ لَمْ تَنْحَلْ). فَلَوْ فَعَلَ الْمُحْلُوفُ عَلَيْهِ ثَانِيًا وَهُوَ ذَاكَرٌ عَالِمٌ مُخْتَارٌ حَنْثٌ.

2154. (atau) dia kata "demi Allah (**aku tidak akan masuk rumah itu" contohnya, maka dia memasukinya dalam keadaan dia lupa)** akan sumpah itu (**atau jahil)** dengan bahawa ia perkara yang dia bersumpah diatasnya, (**atau digagahi)** diatas memasukinya, (**atau)** dia memasukinya (**dalam keadaan dia ditanggung)** tanpa izinnya, (**dia tidak melanggar sumpah)** pada semua itu kerana perbuatannya seperti tidak ada perbuatan. Tidak ada beza pada orang yang ditanggung itu di antara bahawa dia kuasa diatas enggan atau tidak sekira-kira dia tidak mengizinkan. (**Dan sumpah itu kekal tidak terungkai**). Maka kalau dia melakukan perkara yang dia sumpah diatasnya kali kedua sedang dia ingat lagi tahu lagi bebas memilih dia melanggar sumpah.

(أَوْ) حَلَفَ: (لَيَأْكُلَنَّ هَذَا عَدَا فَاكَلَهُ فِي يَوْمِهِ أَوْ أَتَلَفَهُ أَوْ تَلَفَ) بِنَفْسِهِ (مِنَ الْعَدَا بَعْدَ إِمْكَانِ أَكْلِهِ حَنْثٌ) لِأَنَّهُ تَسَبَّبَ فِي فَوَاتِ الْبِرِّ. (وَإِنْ تَلَفَ فِي يَوْمِهِ) أَوْ فِي غَدِهِ وَلَمْ يَتِمَّكَنْ مِنْ أَكْلِهِ (فَلَا) يَحْنَثُ لِأَنَّهُ تَلَفَ بِنَفْسِهِ وَلَمْ يَتَسَبَّبْ هُوَ فِي تَفْوِيتِ الْبِرِّ.

2155. (atau) dia bersumpah (**akan memakan ini esok maka dia memakannya pada hari itu juga atau ia membinasakannya atau ia binasa)** dengan sendiri (**esoknya selepas terbolelah memakannya dia melanggar sumpah)** kerana dia menjadi sebab pada luput pelaksanaan sumpah itu. (**Jika ia binasa pada hari itu juga)** atau pada esoknya dan tidak terbolelah memakannya (**maka dia tidak)** melanggar sumpah kerana ia binasa dengan sendiri dan dia tidak menjadi sebab pada luput pelaksanaan sumpah itu.

(أَوْ) قَالَ: وَاللَّهِ (لَا أَسْكُنُ هَذِهِ الدَّارَ، فَخَرَجَ مِنْهَا بِنِيَّةِ التَّحْوِيلِ ثُمَّ دَخَلَ) -هَا (لِنَقْلِ الْقَمَاشِ لَمْ يَحْنُثْ)، وَإِنْ قَدَرَ عَلَى اسْتِنَابَةِ مَنْ يَنْقُلُهَا. وَإِنْ أَحْتَاكَ لِلْمَبِيتِ فِيهَا لِحِفْظِ مَتَاعٍ لَمْ يَحْنُثْ. وَلَا بَدَّ مِنْ نِيَّةِ التَّحْوِيلِ عِنْدَ الْخُرُوجِ، وَإِلَّا لَمْ يَنْفَعَهُ.

2156. (atau) dia kata "demi Allah (aku tidak akan mendiami rumah ini" maka dia keluar daripadanya dengan niat beralih tempat kemudian dia memasuki)nya (untuk memindahkan sampah dia tidak melanggar sumpah) sekalipun dia boleh menggantikan orang lain untuk memindahkannya. Jika dia berhajat pada bermalam padanya untuk menjaga barang-barang dia tidak melanggar sumpah. Tidak dapat tidak daripada niat beralih tempat disisi keluar itu. Jika tidak ia tidak bermanfaat kepadanya.

(أَوْ) حَلَفَ: (لَا أَسَاكِنُ زَيْدًا، فَسَكَنَ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا فِي بَيْتٍ مِنْ دَارٍ كَبِيرَةٍ وَأَنْفَرَدَ) كُلِّ وَاحِدٍ (بِبَابٍ وَمَرَافِقٍ) مِثْلَ مَسْتَحَمٍّ وَمَطْبَخٍ وَمِرْقَى (لَمْ يَحْنُثْ). وَأَمَّا لَوْ كَانَتِ الدَّارُ صَغِيرَةً أَوْ لَمْ يَخْتَصْ كُلُّ وَاحِدٍ بِمَرَافِقٍ فَيَحْنُثُ.

2157. (atau) dia bersumpah ("aku tidak akan duduk sekali dengan Zaid" maka setiap daripada kedua mereka duduk pada satu bilik didalam sebuah rumah yang besar dan tersendiri) tiap seorang (dengan satu pintu dan sarana-sarannya) seumpama tempat mandi dan tempat masak dan tangga (dia tidak melanggar sumpah). Adapun kalau adalah rumah itu kecil atau tidak khusus tiap seorang dengan sarana-sarana maka dia melanggar sumpah.

(أَوْ) خَلَفَ: (لَا أَلْبَسُ هَذَا الثَّوْبَ)، مِثْلًا (وَهُوَ لِأَبْسُهُ، أَوْ: لَا أَرْكَبُ هَذَا، وَهُوَ رَاكِبُهُ، أَوْ: لَا أَدْخُلُ هَذِهِ الدَّارَ، وَهُوَ فِيهَا فَاسْتَدَامَ) اللَّبْسُ وَالرَّكُوبُ وَالْمَكْتَحُ (حَنْثٌ) فِي جَمِيعِ ذَلِكَ. (أَوْ) حَلَفَ: (لَا أَتَزَوَّجُ، وَهُوَ مُتَزَوِّجٌ، أَوْ: لَا أَتَطَيَّبُ، وَهُوَ مُتَطَيَّبٌ، أَوْ: لَا أَتَطَهَّرُ، وَهُوَ مُتَطَهَّرٌ فَاسْتَدَامَ) الْتَزْوِجُ أَوْ التَّطْيِيبُ أَوْ التَّطَهُّرُ (فَلَا) يَحْنُثُ فِي جَمِيعِ ذَلِكَ.

2158. (atau) dia bersumpah ("aku tidak akan memakai kain ini") contohnya (sedang dia memakainya, atau "aku tidak akan menunggang ini" sedang dia menunggangnya, atau "aku tidak akan masuk rumah ini" sedang dia berada didalam nya, maka dia meneruskan) pakai dan tunggang dan diam itu, (dia melanggar sumpah) pada semua itu, (atau) dia bersumpah ("aku tidak akan berkahwin" sedang dia didalam perkahwinan, atau "aku tidak memakai wangian" sedang dia berwangian, atau "aku tidak akan bersuci" sedang dia didalam suci, maka dia meneruskan) perkahwinan atau berwangian atau suci itu, (maka tidak) dia melanggar sumpah pada semua itu.

(أَوْ) حَلَفَ: (لَا أَدْخُلُ هَذِهِ الدَّارَ، فَصَعِدَ) عَلَى (سُطْحِهَا مِنْ خَارِجِهَا)، وَلَوْ كَانَ مَحْوِطًا مِنْ جَمِيعِ الْجِهَاتِ، (أَوْ صَارَتْ) الدَّارُ (عُرْصَةً) بِأَنَّ خَرِبَتْ وَصَارَتْ لَا بِنَاءَ فِيهَا، (فَدَخَلَهَا لَمْ يَحْنُثْ). (أَوْ) حَلَفَ (لَا أَدْخُلُ دَارَ زَيْدٍ فَدَخَلَ

مَسْكَنُهُ بِكَرَاءٍ أَوْ عَارِيَةٍ لَمْ يَحْنَثْ) لأن الإضافة تقتضي الملك، (إِلَّا أَنْ يَنْوِي مَا يَسْكُنُهُ) فحينئذ يحنث بدخوله في أي مكان سكن فيه.

2159. (atau) dia bersumpah ("aku tidak akan masuk rumah ini" maka dia naik) keatas (sutuhnya dari luarnya) walaupun ia berpagar dari semua pihak-pihaknya, (atau jadilah) rumah itu (lapangan) dengan bahawa ia runtuh dan menjadi tidak ada binaan padanya (maka dia memasukinya, dia tidak melanggar sumpah. atau) dia bersumpah ("aku tidak akan masuk rumah Zaid" maka dia memasuki tempat tinggalnya yang disewa atau dipinjam dia tidak melanggar sumpah) kerana idhafat itu menuntut pemilikan, (melainkan bahawa dia niatkan apa yang dia diami) maka ketika itu dia melanggar sumpah dengan dia masuk pada mana-mana tempat yang Zaid tinggal padanya.

(وَإِذَا حَلَفَ عَلَى شَيْءٍ فَقَالَ: إِنْ شَاءَ اللَّهُ،) أو إن أراد الله (تعالى). هذا الاستثناء هو في الحقيقة تعليق. (مُتَّصِلًا بِالْيَمِينِ) كاتصال الاستثناء في الإقرار، فيضرب الفصل بينهما بسكتة طويلة أو بكلام أجذبي. (وَكَانَ) لا بد أن يكون الحالف (قَصْدَ الْأِسْتِثْنَاءِ قَبْلَ فَرَاغِهِ عَنِ الْيَمِينِ). فإذا وجد هذان الشرطان (لَمْ يَحْنَثْ). ويخرج هذا الاستثناء اليمين عن كونه يمينا فلا يقع به شيء.

2160. (Apabia dia bersumpah diatas sesuatu maka dia katakan "insya Allah") atau "jika dikehendaki Allah" (taala). Pengecualian ini pada hakikatnya adalah ta'lik. (dalam keadaan ia bersambung dengan sumpah itu) sepertimana bersambung pengecualian pada ikrar, maka memudharat oleh ceraian di antara keduanya dengan diam yang panjang atau dengan kata-kata ajnabi. (dan adalah) tidak dapat tidak bahawa orang yang bersumpah itu (mengkasadkan pengecualian sebelum dia selesai dari sumpahnya itu). Maka apabila didapati dua syarat ini (dia tidak melanggar sumpah). Pengecualian ini mengeluarkan sumpah ini dari keadaannya sumpah, maka tidak jatuh sesuatu dengannya.

(وَإِنْ جَرَى الْأِسْتِثْنَاءُ عَلَى لِسَانِهِ عَلَى عَادَتِهِ وَلَمْ يَقْصِدْ بِهِ رَفْعَ الْيَمِينِ) بواسطة التعليق. وهذا محترز قصد الاستثناء. (أَوْ) إنما (بَدَأَ) وظهر (لَهُ) قصد (الْأِسْتِثْنَاءِ بَعْدَ الْفَرَاغِ مِنَ الْيَمِينِ لَمْ يَصِحَّ الْأِسْتِثْنَاءُ) ويكون لاغيا.

2161. (Jika berjalan pengecualian itu pada lidahnya diatas adatnya dan dia tidak bermaksud dengannya untuk mengangkat sumpah) dengan perantaraan ta'lik. Ini muhtaraz "dimaksudkan pengecualian itu". (atau muncul) dan zahir (baginya) tujuan (pengecualian itu selepas selesainya dari sumpahnya tidak sah pengecualian itu), dan adalah ia lagha.

(فَصَلِّ) في كفارة اليمين. (إِذَا حَلَفَ وَ) قد (حَدَّثَ لَزِمَتْهُ الْكُفَّارَةُ). فلزومها مسبب عن الحلف والحنث معا. (فَإِنْ كَانَ يُكْفَرُ بِالْمَالِ) لكونه ذا يسرة (جَارًا)

له التكفير (قَبْلَ الْحَنْثِ وَبَعْدَهُ) لأنها حق مالي وجد أحد سببيه كتعجيل الزكاة بعد وجود الذناب وقبل الحول. (وَإِنْ كَانَ) التكفير (بِالصَّوْمِ لَمْ يَجُزْ) ولم يصح (إِلَّا بَعْدَهُ)، أي الحنث.

2162. (Fasal) pada kifarat sumpah. (**Apabila seorang bersumpah dan**) sungguh (**dia telah melanggar sumpahnya melaziminya kifarat**). Maka lazim kifarah itu disebabkan dari sumpah dan langgar sumpah, kedua-duanya sekali. (**Maka jika dia membayar kifarah dengan harta**) kerana keadaannya orang yang senang (**harus**) dia membayar kifarah itu (**sebelum dia melanggar sumpah dan selepasnya**) kerana ia adalah hak yang jenis harta yang didapati satu daripada dua sebabnya, sama seperti menyegerakan zakat selepas ada nishab dan sebelum haul. (**Dan jika adalah**) bayaran kifarah itu (**dengan puasa tidak harus ia**) dan tidak sah (**melainkan selepasnya**), iaitu selepas melanggar sumpah.

(وَهِيَ)، أي خصال الكفارة، (عِدَّتْ رَقَبَةً صِدْقَتَهَا كَرَقَبَةِ الظَّهَارِ) من كونها مؤمنة سليمة من العيوب المضرة بالعمل (أَوْ إِطْعَامَ عَشْرَةِ مَسَاكِينَ كُلُّ مَسْكِينٍ رَطْلٌ وَتُلْتِ رَطْلٌ بِالْبَغْدَادِيِّ) وهو نصف قدح بالكيل المصري. ولا بد أن يكون (حَبًّا مِنْ قُوْتِ الْبَلَدِ) لا دقيقاً.

2163. (Ianya), iaitu perkara-perkara kifarah itu, (**memerdekakan hamba yang sifatnya seperti hamba zihar**), daripada keadaannya beriman selamat dari cacat yang memudharatkan kerja, (**atau memberi makan sepuluh orang miskin, setiap seorang miskin satu dan satu pertiga kati dengan kati Baghdad**), iaitu setengah mangkok dengan sukatan Mesir. Dan tidak dapat tidak bahawa ianya (**bijian daripada makanan asasi tempatan**), bukannya tepung

(أَوْ كِسْوَتُهُمْ بِمَا يُنْطَلِقُ عَلَيْهِ اسْمُ الْكِسْوَةِ) مما يعتاد لبسه من كل ما يسمى كسوة (وَلَوْ مِدْرَارًا)، وكذا مقذعة وطيلسان (و) لو (مَغْسُؤُلًا، لَا خَلْقًا وَ) لم تذهب قوته، ولو لم يصلح للمدفوع إليه كقميص صغير لرجل، لا نحو خف.

2164. (**atau pakaian mereka dengan apa yang dituturkan keatasnya nama pakaian**), daripada apa yang biasa dipakai berupa setiap apa yang dinamakan pakaian, (**walaupun kain pakai**), begitu juga tudung muka dan selendang lelaki, (**dan**) walaupun (**yang telah dibasuh, bukan buruk dan**) belum hilang kekuatannya, walaupun tidak sesuai bagi orang yang diberikan ia kepadanya seperti gamis yang kecil bagi lelaki dewasa, tidak umpama khuf.

(يُخَيْرُ) المكفر (بَيْنَ الْأَنْوَاعِ الثَّلَاثَةِ). ولا يجوز أن يطعم خمسة ويكسو خمسة، ولا أن يفعل جميع الخصال على أنها واجبة. (فَبِإِنْ عَجَزَ عَنْ أَحَدِ الْأَنْوَاعِ الثَّلَاثَةِ) بأن كان له أن يأخذ من سهم الفقراء والمساكين، أو لم يجد الأنواع (صَامَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ. وَالْأَفْضَلُ تَوَالِيهَا. وَيَجُوزُ مُتَفَرِّقَةً)، ولكنه خلاف الأولى.

2165. (**Diberi pilih**) orang yang membayar kifarah (**diantara bagai-bagai yang tiga itu**). Tidak harus bahawa dia memberi makan lima orang dan memberi pakaian lima orang, dan tidak bahawa dia melakukan semua perkara-perkara itu diatas bahawa ianya wajib. (**Maka jika dia lemah dari satu daripada bagai-bagai yang tiga itu**) dengan bahawa dia orang berhak mengambil daripada saham orang-orang fakir dan miskin, atau dia tidak mendapat bagai-bagai itu (**dia puasa tiga hari. Yang terafdhal adalah berturutannya. Harus ia dalam keadaan terpisah-pisah**), akan tetapi ia menyalahi utama.

(وَالْعَبْدُ لَا يُكْفَرُ بِالْمَالِ) إِذَا لَزِمَتْهُ كَفَارَةٌ لِعِزِّهِ لِأَنَّهُ لَا يَمْلِكُ، (وَإِنْ أَدِنَ لَهُ سَيِّدُهُ، بَلَى) يُكْفَرُ (بِالصَّوْمِ). فَلَوْ كَفَرَ بِغَيْرِهِ لَمْ يَجْزِ. (وَمَنْ بَعْضُهُ حُرٌّ يُكْفَرُ بِالطَّعَامِ وَالْكِسْوَةِ دُونَ الْعِتْقِ) لِأَنَّهُ لَيْسَ أَهْلًا لِلْوَلَاءِ.

2166. (**Hamba tidak membayar kifarah dengan harta**) apabila kifarah melaziminya kerana lemahnya kerana dia tidak memilik, (**sekalipun penghulunya mengizinkannya, bahkan**) dia membayar kifarah (**dengan puasa**). Maka kalau dia membayar kifarah dengan selainnya tidak harus ia. (**Orang yang sebahagian dirinya merdeka membayar kifarah dengan makanan dan pakaian, bukan memerdekakan hamba**) kerana dia bukan ahli bagi wala'.

(بَابُ الْأَقْضِيَّةِ)

جمع قضاء. وهو لغة: إحكام الشيء وإمضاؤه، واصطلاحاً الحكم بين الناس. (وِلَايَةُ الْقَضَاءِ فَرْضٌ كِفَايَةٌ)، فَإِذَا ظَنُّ أَوْ تَوَهَّمَ أَنَّهُ لَا يَقُومُ بِوُضَائِفِ الْقَضَاءِ كَرِهَ فِي حَقِّهِ، وَإِذَا عَلِمَ حَرَمَ.

2167. (**BAB KEHAKIMAN**). "الأقضية" jamak "قضاء". Ianya pada lughah: menghukumkan suatu dan meluluskannya, dan pada istilah menghakimi diantara manusia. (**Jawatan hakim itu fardu kifayah**). Maka apabila seorang menyangka atau merasa bahawa dia tidak dapat melaksanakan tugas kehakiman makruh ia pada haknya, dan apabila dia yakinkan demikian itu haram ia.

(فَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَنْ يَصْلُحُ) لِلْقَضَاءِ (إِلَّا وَاحِدٌ تَعَيَّنَ عَلَيْهِ) طَلَبُهُ، وَلِزِمَهُ قَبُولُهُ. (فَإِنْ أَمْتَنَعَ أُجْبِرَ) عَلَى التَّوَلِيَّةِ. وَامْتِنَاعُهُ بِتَأْوِيلٍ لَا يَعْصِي بِهِ. وَإِذَا يَلْزِمُهُ الْقَبُولُ وَالطَّلَابُ فِي نَاحِيَّتِهِ.

2168. (**Maka jika tidak ada orang yang sesuai**) untuk jawatan hakim (**melainkan seorang tertentu diatasnya**) menuntutnya dan lazim dia menerimanya. (**Maka jika dia enggan dipaksa dia**) diatas menjawatnya. Keengganannya dengan berdasarkan takwilan tidak jadi maksiat dia dengannya. Hanya sanya dia wajib terima dan tuntutan pada daerah tempat dia tinggal.

(وَلَيْسَ لِهَذَا) المتعين (أَنْ يَأْخُذَ عَلَيْهِ رِزْقًا) من بيت المال لأن الأمور الواجبة لا يجوز أخذ الأجرة عليها، (إِلَّا أَنْ يَكُونَ مُحْتَاجًا)، فيجعل له من بيت المال ما يكفيه وعياله من غير إسراف ولا تقتير. وأما من لم يتعين للقضاء فيجوز له أخذ الأجرة.

2169. (Tidak boleh bagi orang ini) yang tertentu (**mengambil gaji diatasnya**) dari baitulmal kerana perkara yang wajib tidak harus diampil upah diatasnya, (**melainkan bahawa dia berhajat**) maka diperuntukkan baginya dari baitulmal apa yang mencukupinya dan keluarganya tanpa berlebih-lebih dan kikir. Adapun orang yang tidak tertentu bagi jawatan hakim itu maka harus dia mengambil upah.

(وَيَجُوزُ فِي بَلَدٍ قَاضِيَانِ فَأَكْثَرَ). ويخص كل واحد بمكان أو زمان أو نوع من الأحكام. (وَلَا يَصِحُّ) القضاء وإن تعين (إِلَّا بِتَوَلِّيَةِ الْإِمَامِ لَهُ أَوْ نَائِبِهِ).

2170. (**Harus pada satu daerah dua qadhi maka lebih**), dan dikhususkan setiap seorang dengan satu tempat atau satu masa atau satu bagai daripada hukum-hukum. (**Tidak sah**) jawatan kadi sekalipun tertentu (**melainkan dengan lantikan imam atau naibnya akan dia**).

(وَإِنْ حَكَّمَ) بتشديد الكاف (الْخِصْمَانِ رَجُلًا يَصْلِحُ لِلْقَضَاءِ جَازٍ) ولو مع وجود قاض. وإنما يجوز ذلك في غير حدود الله تعالى. وإذا لم يصلح للقضاء لا يصح تحكيمه مع وجود الأهل. وإلا جاز. فيجوز التحكيم مع وجود قاضي ضرورة ولو في نكاح امرأة ليس لها ولي.

2171. (**Jika melantik sebagai hakim**) –“حكم”- dengan tasydid kaf- (**oleh dua orang yang berbalah akan seorang lelaki yang sesuai untuk menghakimi harus ia**) walaupun serta ada qadhi. Hanya sanya harus demikian itu pada selain had-had Allah taala. Apabila dia tidak sesuai untuk menghakimi tidak sah melantiknya sebagai hakim serta ada yang layak. Jika tidak, harus ia. Maka harus melantik hakim serta ada qadhi dharurat walaupun pada nikah perempuan yang tidak ada wali baginya.

(وَلَزِمَ حُكْمُهُ) الخصمين (وَإِنْ لَمْ يَتَرَاضِيَا بِهِ بَعْدَ الْحُكْمِ، لَكِنْ إِنْ رَجَعَ فِيهِ)، أي التحكيم، (أَحَدُهُمَا قَبْلَ أَنْ يَحْكُمَ أَمْتَنَعَ الْحُكْمُ) عَلَى الْمُحْكَمِ أَنْ يَحْكُمَ لَانْعِزَالِهِ.

2172. (**Melazimi hukumannya**) akan dua orang yang berbalah itu, (**sekalipun kedua mereka tidak redha dengannya selepas hukum itu, akan tetapi jika merujuk padanya**), iaitu lantikan hakim itu, (**seorang daripada kedua mereka sebelum bahawa dia menghukum tertegah hukum**) diatas orang yang dilantik sebagai hakim, bahawa dia menjatuhkan hukuman kerana dia telah terpecat.

(وَيُسْتَرْطُ فِي الْقَاضِيِ الدُّكُورَةَ)، فلا يكون أنثى، (وَالْحُرِّيَّةَ) فلا تكون فيه شائبة رق، (وَالتَّكْلِيفَ) فلا يكون غير بالغ، (وَالْعَدَالَةَ) فلا يكون فاسقا،

(وَالْعِلْمُ) بالأحكام الشرعية بطريق الاجتهاد لا بالتقليد. فيكون جامعا لما يحتاج إليه المجتهد من أنواع العلوم المذكورة في أصول الفقه.

2173. (Disyaratkan pada qadhi itu akan sifat lelaki) maka tidak adalah dia perempuan, (dan sifat merdeka) maka tidak ada padanya campuran kehambaan, (dan sifat taklif) maka tidak adalah dia seorang tidak baligh, (dan sifat adil) maka tidak adalah dia seorang fasik, (dan pengetahuan) dengan hukum-hukum syara' dengan jalan ijihad, bukan dengan taklid. Maka adalah dia orang yang menghimpunkan apa yang perlu seorang mujtahid kepadanya daripada berbagai-bagai ilmu-ilmu yang disebutkan didalam usul feqh.

فإن لم يوجد من يجمع تلك الأوصاف وولى ذو شوكة مسلما له معرفة بطرف من الأحكام، ولو فاسقا نفذ حكمه للضرورة.

2174. Maka jika tidak kedapatan orang yang menghimpunkan sifat-sifat itu dan orang yang berkuasa melantik seorang muslim yang mempunyai pengetahuan dengan satu jujuk daripada hukum-hukum walaupun orang fasik lulus hukumnya kerana darurat.

(وَ) يشترط في القاضي أيضا (السَّمْعُ وَالْبَصَرُ وَالنُّطْقُ). فلا يصح أن يكون أصم ولا أعمى ولا أخرس.

2175. (dan) disyaratkan pada qadhi itu juga (mendengar dan melihat dan bertutur), maka tidak sah bahawa dia seorang yang tuli dan tidak yang buta dan tidak yang kelu.

(وَيُنْدَبُ أَنْ يَكُونَ) القاضي (شَدِيدًا)، أي قويا، (بِلَا عَنَفٍ) وتشديد على الناس، و(لَيِّنًا) سهلا (بِلَا ضَعْفٍ).

2176. (Sunat bahawa adalah) qadhi itu (tegas) iaitu kuat (tetapi tidak kasar) dan keras diatas orang ramai, dan (lembut), bersikap mudah, (tetapi tidak lemah).

(وَإِنْ أَحْتَاَجَ أَنْ يَسْتَخْلِفَ فِي أَعْمَالِهِ لِكَثْرَتِهَا اسْتَخْلَفَ مَنْ يَصْلُحُ) ولو بغير إذن الإمام، (وَإِنْ لَمْ يَحْتَجَّ فَلَا) يستخلف (إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَهُ) في الاستخلاف.

2177. (Jika dia perlu mengambil pengganti pada kerja-kerjanya kerana banyaknya dia menggantikan orang yang sesuai) walaupun tanpa izin imam, (dan jika dia tidak perlu maka tidak) boleh dia mengambil pengganti (melainkan bahawa dia diizinkan) pada membuat pengantian.

(وَإِنْ أَحْتَاَجَ إِلَى كَاتِبٍ) جاز له اتخاذه. وإذا أراد ذلك (فَلْيُكُنْ) الكاتب (مُسْلِمًا عَدْلًا) في الشهادة فلا يكون فاسقا (عَاقِلًا) ذا عقل صحيح (فَقِيهًا) بما زاد على ما يشترط من أحكام الكتابة.

2178. (Jika dia perlu kepada juru tulis) harus dia mengambilnya. Apabila dia hendakkan demikian itu (maka hendaklah) penulis itu (seorang muslim lagi adil) pada saksi, maka tidak adalah dia fasik, (lagi berakal), yang mempunyai akal yang sihat, (pandai fekah) dengan apa yang lebih diatas apa yang disyaratkan, daripada hukum-hukum penyuratan.

(وَلَا يَتَّخِذُ) القاضي (حَاجِبًا) يمنع عنه الناس إلا إن كان هناك زحمة. (فَإِنْ اِخْتِاجٌ) إلى الحاجب (فَلْيَكُنْ) الحاجب (عَاقِلًا أَمِينًا بَعِيدًا مِنَ الطَّمَعِ) ليؤمن من الجور والخيانة.

2179. (Tidak boleh) qadhi (menggambil **hajib i.e penjaga pintu**) yang menghalang orang ramai, melainkan jika di sana sesak. (Maka jika dia perlu) kepada **hajib (maka hendaklah)** **hajib itu (orang yang berakal cerdas amanah jauh dari sifat tamak)** supaya dia dipercayai dari berlaku zalim dan khianat.

(وَلَا يَحْكُمُ) القاضي (وَلَا يُؤَلَّى وَلَا يَسْمَعُ الْبَيِّنَةَ فِي غَيْرِ عَمَلِهِ) الذي نصب فيه قاضيا، فإن فعل لم يعتد به.

2180. (Tidak boleh) qadhi (menghukum dan tidak melantik dan tidak mendengar bukti pada selaim tempat kerjanya) yang dilantik dia padanya sebagai qadhi. Maka jika dia melakukan tidak dikira ia.

(وَلَا يَقْبَلُ) القاضي (هَدِيَّةً إِلَّا مِمَّنْ كَانَ يُهَادِيهِ قَبْلَ الْوِلَايَةِ، وَلَمْ تَكُنْ لَهُ خُصُومَةٌ، وَلَمْ تَزِدْ هَدِيَّتُهُ بَعْدَ التَّوَلِيَةِ). ومثل الهدية الضيافة والصدقة. (وَمَعَ هَذَا) المذكور من الشروط (فَالْأَفْضَلُ أَنْ لَا يَقْبَلَهَا). وإذا قبلها أثاب عليها.

2181. (Tidak menerima) qadhi (akan hadiah melainkan dari orang yang dulu pernah memberi hadiah kepadanya sebelum perlantikannya dan tidak ada baginya sebarang perbalahan, dan tidak lebih hadiah orang itu selepas lantikannya). Seumpama hadiah itu adalah jamuan dan sedekah. (Dan serta ini) yang disebutkan daripada syarat-syarat itu (maka yang terafdhal adalah bahawa dia tidak menerimanya). Apabila dia menerimanya dia membalas diatasnya.

(وَلَا يَحْكُمُ لَوْلَدِهِ وَلَا لِوَالِدِهِ وَلَا لِرَقِيقِهِ) ولا لشريكه. (وَلَا يَقْضِي وَهُوَ غَضَبَانٌ وَلَا جَائِعٌ وَلَا عَطْشَانٌ وَلَا مَهْمُومٌ) بمصيبة أو غيرها (وَلَا فَرَحَانٌ) فرحاً مفرطاً (وَلَا مَرِيضٌ) مرضاً مؤلماً (وَلَا نَعْسَانٌ) أي عند غلبته، (وَلَا حَاقِنٌ) بأن غلبه ريح في باطنه ومثله البول والغائط، (وَلَا ضَجْرَانٌ)، أي عنده ملل وسامة، ولا تعباً ولا شبعان، (وَلَا فِي حَرٍّ مُزْعِجٍ وَ) لا (بَرْدٍ مُؤْلِمٍ). فَإِنْ فَعَلَ) وحكم في هذه الأحوال (نَفَذَ حُكْمَهُ).

2182. (Tidak boleh dia menghukum bagi anaknya dan tidak bapanya dan tidak hambanya) dan tidak rakan syarikatnya. (Tidak boleh dia menjatuhkan hukum sedang dia marah dan tidak sedang dia lapar dan tidak sedang dia dahaga dan tidak sedang dia sedih) dengan musibah atau selainnya, (dan tidak sedang dia gembira) dengan gembira melampau, (dan tidak sedang dia sakit) dengan sakit yang pedih, (dan tidak sedang dia mengantuk), iaitu disisi temenangnya, (dan tidak sedang dia kembung perut) dengan bahawa mengalahkannya angin didalam perutnya, dan seumpamanya kencing dan berak, (dan tidak sedang dia murung), iaitu ada

di sisinya rasa jemu dan bosan, dan tidak sedang dia penat, dan tidak sedang dia kenyang, **(dan tidak pada cuaca panas meresahkan dan)** tidak **(pada cuaca sejuk yang memedihkan. Maka jika dia melakukan)** dan dia menjatuhkan hukum pada keadaan-keadaan ini **(lulus hukumannya).**

(وَلَا يَجْلِسُ فِي الْمَسْجِدِ لِلْحُكْمِ) صونا له عن المشاجرات وارتفاع الأصوات.
(فَإِنْ اتَّفَقَ جُلُوسُهُ فِيهِ وَحَضَرَ خَصْمَانِ حَكَمَ بَيْنَهُمَا) من غير كراهة.

2183. **(Tidak boleh dia duduk didalam masjid untuk menghukum)** kerana menjaganya dari pertengkaran dan suara-suara yang tinggi. **(Maka jika kebetulan dia duduk didalam nya dan hadir dua orang yang berbalah dia menghakimi di antara kedua mereka)** tanpa karahah.

(وَيَجْلِسُ) للحكم **(بِسَكِينَةٍ وَوَقَارٍ)** لا بخفة و طيش. **(وَيُحْضِرُ الشَّهُودَ)** أي شهود إثبات الحقوق **(وَالْفُقَهَاءَ وَيَشَاوِرُهُمْ فِيمَا يَشْكِلُ)** عليه. **(وَإِنْ لَمْ يَتَضَخَّ أَدْرَهُ وَلَا يُقَدِّدْ غَيْرَهُ فِي الْحُكْمِ)**، وإن كان أعلم منه. وهذا في قاضي غير الضرورة. أما هو فيقلد غيره.

2184. **(Dia duduk)** untuk menghakimi **(dengan tenang dan tetap)** tidak dengan sambil lewa dan tergesa-gesa. **(Dan dia menghadirkan saksi-saksi)**, iaitu saksi-saksi untuk mensabitkan hak-hak, **(dan orang-orang yang mahir fekah dan berbincang dengan mereka pada apa yang dia musykil)** diatasnya. **(Jika tidak jelas dia menanggungkannya, dan tidak dia mengikut orang lain pada hukum)**, sekalipun orang itu lebih tahu daripadanya. Ini pada qadhi yang bukan dhrurat. Adapun dia maka dia mengikut orang lain.

(وَيَبْدَأُ بِالْخُصُومِ) إذا كانوا متعددين **(بِالْأَوَّلِ فَالْأَوَّلِ)**، لكن لا يقدم إلا **(فِي خُصُومَةٍ فَقَطْ)**. والمراد بالخصومة الدعوى. **(فَإِنْ اسْتَوُوا)** أي الخصوم في المجيء **(أَفْرَع)** بينهم.

2185. **(Dia mula pada orang-orang yang berbalah)** apabila mereka itu berbilang-bilang **(dengan yang awal maka yang awal)**. Akan tetapi dia tidak boleh mendulukan melainkan **(pada satu perbalahan sahaja)**. Yang dikehendaki dengan perbalahan itu adalah dakwaan. **(Maka jika sama mereka)**, iaitu orang-orang yang berbalah, pada datang, **(diundi)** di antara mereka.

(وَيُسَوَّى) القاضي **(بَيْنَهُمَا)**، أي الخصمين، **(فِي الْمَجْلِسِ)** بأن يجلسهما بين يديه، **(وَإِلْقَابِ)** بالقيام والنظر لهما والاستماع وطلاقة الوجه، **(وَغَيْرِ ذَلِكَ)** من وجوه الإكرام، **(إِلَّا أَنْ يَكُونَ أَحَدُهُمَا كَافِرًا فَيَقْدَمُ الْمُسْلِمُ عَلَيْهِ فِي الْمَجْلِسِ)** وغيره من سائر وجوه الإكرام.

2186. **(Membuat sama)** qadhi **(di antara keduanya)**, iaitu dua orang yang berbalah, **(pada tempat duduk)**, dengan bahawa dia mendudukkan keduanya di hadapannya, **(dan pada perhatian)** dengan berdiri dan pandang kepada keduanya dan dengar dan manis muka, **(dan selain demikian itu)** daripada

bentuk-bentuk layanan baik. (**Melainkan bahawa adalah seorang daripada keduanya orang kafir maka dia mendulukan yang muslim di atasnya pada tempat duduk**) dan selainnya daripada sekalian bentuk-bentuk layanan baik.

(وَلَا يَعْنفُ أَحَدَهُمَا، وَلَا يُلَقِّنُهُ) حجة ولا شهادة. (وَلَهُ أَنْ يُشَفِّعَ) بأن يطلب من الخصمين أن يصطلحا، (وَيُؤَدِّي عَنْ أَحَدِهِمَا مَا لَزِمَهُ) من الحق.

2187. (**Tidak boleh dia bersikap kasar pada seorang daripada keduanya, dan tidak boleh dia mengajarnya**) hujah dan tidak saksi. (**Dan boleh dia menjadi orang tengah**), dengan bahawa dia meminta dari dua yang yang berbalah itu agar berdamai, (**dan boleh dia membayar dari seorang daripada mereka akan apa yang melazimnya**) berupa hak itu.

(وَيَنْظُرُ أَوَّلَ) كل (شَيْءٍ فِي الْمَحْبُوسَيْنِ) لأن الحبس عذاب، (ثُمَّ فِي الْإِيْتَامِ ثُمَّ فِي اللَّقْطَةِ) والوقف العام.

2188. (**Dan dia menilik pada awal**) tiap (**suatu pada orang-orang yang dipenjara**) kerana penjara itu azab. (**kemudian pada anak-anak yatim, kemudian pada luqathah**) dan wakaf umum.

(فَصَلِّ) في صفة القضاء. (إِذَا ادَّعَى الْخِصْمُ دَعْوَى غَيْرِ صَحِيحَةٍ) لفقْد شرط من شروطها (لَمْ يَسْمَعْهَا)، فلا يسأل خصمه عن شيء. (وَإِنْ كَانَتْ صَحِيحَةً قَالَ) القاضي (لِلْآخِرِ) وهو المدعى عليه: (مَا تَقُولُ) لتنفصل الخصومة، إما بإقراره فيترتب عليه حكمه أو بإنكاره فينظر هل لخصمه بينة أم لا.

2189. (**Fasal**) pada sifat penghakiman. (**Apabila seorang yang berbalah mendakwa dengan dakwaan yang tidak sah**) kerana luput satu syarat daripada syarat-syaratnya (**dia tidak mendengarnya**), maka dia tidak bertanya lawannya apa suatu pun. (**Dan jika ianya sah dia berkata**), iaitu qadhi, (**kepada yang seorang lagi**), iaitu orang yang didakwa ("apa kamu kata") supaya terhurai perbalahan itu, samaada dengan pengakuannya maka tersusun di atasnya hukumnya, atau dengan ingkarnya maka ditilik adakah ada bagi lawannya itu sebarang bukti atau tidak.

فصحة الدعوى لا تتوقف على سؤال المدعي القاضي أن يسأل المدعى عليه بل متى ادعى دعوى ملزمة سأل القاضي المدعى عليه الخروج من الدعوى.

2190. Maka dakwaan yang betul tidak terhenti ia diatas permintaan pendakwa kepada qadhi agar bertanya kepada yang didakwa, bahkan bila dia mendakwa satu dakwaan yang melazimkan qadhi meminta yang didakwa keluar dari dakwaan itu.

(فَإِذَا أَقَرَّ) المدعى عليه بالمدعى به (لَمْ يَحْكَمْ عَلَيْهِ إِلَّا بَطْلَ الْمُدَّعَى)، فيقول القاضي: قد أقر لك بالمدعى به فماذا تريد. (وَإِذَا أَنْكَرَ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لِلْمُدَّعَى بَيِّنَةٌ فَالْقَوْلُ قَوْلُ الْمُدَّعَى عَلَيْهِ بِبَيْئِنِهِ. وَلَا يُحْلَفُ)، أي لا يحلف القاضي

المدعى عليه، (إِلَّا بَطَّلِبَ الْمُدَّعِي). فلو حلفه قبل طلبه لم يعتد به. وكذا لو حلف المدعى عليه قبل تحليف القاضي له.

2191. (Maka apabila) yang didakwa (**mengaku dia tidak menghukum keatasnya melainkan dengan tuntutan pendakwa**) maka kata qadh "dia telah mengakui apa yang didakwa dengannya bagi kamu, maka apa yang kamu mahukan". (Apabila dia ingkar, maka jika yang mendakwa tidak punya bukti maka kata yang dibenarkan adalah kata orang yang didakwa dengan sumpahnya. Dia tidak menyuruhnya bersumpah), iaitu qadhi tidak menyuruh yang didakwa bersumpah, (**melainkan dengan tuntutan pendakwa**). Maka kalau dia menyuruhnya bersumpah sebelum tuntutannya tidak dikira sumpah itu. Begitu juga kalau yang didakwa bersumpah sebelum disuruh sumpah oleh qadhi.

(فَإِنْ اِمْتَنَعَ) المدعى عليه (مِنَ الْيَمِينِ) بَأَن قَالَ: لَا أَحْلِفُ أَوْ أَنَا نَاكِلٌ، (رَدَّهَا عَلَى الْمُدَّعِي) إِنْ كَانَ هُوَ صَاحِبَ الْحَقِّ. وَإِلَّا بَأَن كَانَ وَلِيًّا لَصَبِي أَوْ مَجْنُونٍ وَادْعَى لَهُمَا حَقًّا فَلَا يَحْلِفُ يَمِينِ الرَّدِّ بَلْ يُؤَخَّرُ الْيَمِينِ لِكَمَالِ الْمَوْلَى عَلَيْهِ.

2192. (Maka jika) yang didakwa (**enggan dari bersumpah**) dengan bahawa dia kata: aku tidak akan bersumpah, atau aku enggan bersumpah, (**dia memulangkannya keatas yang mendakwa**) jika dia tuan hak itu. Jika tidak, dengan bahawa dia wali bagi kanak-kanak atau orang gila dan dia mendakwa satu hak bagi keduanya maka dia tidak bersumpah sebagai sumpah yang dipulangkan, bahkan ditangguhkan sumpah itu kepada sempurna anak waliannya itu.

(فَإِنْ حَلَفَ) المدعى يمين الرد (إِسْتَحَقَّ) المدعى به. (وَإِنْ اِمْتَنَعَ) المدعى من اليمين المردودة (صَرَفَهُمَا) عن مجلسه لأن الحق لا يثبت بغير الإقرار والبينة واليمين، وليس معهما شيء من ذلك.

2193. (Maka jika bersumpah) pendakwa sebagai sumpah yang dipulangkan (**dia berhak**) kepada apa yang didakwa dengannya. (Jika enggan) pendakwa itu dari sumpah yang dikembalikan itu (**qadhi menyuruh keduanya beredar**) dari majlisnya, kerana satu hak tidak boleh sabit dengan selain pengakuan dan bukti dan sumpah, yang mana tidak ada bersama kedua mereka suatu daripada demikian itu.

(وَإِنْ سَكَتَ الْمُدَّعَى عَلَيْهِ) فلم ينكر ولم يقر (فَلْيَقُلْ لَهُ) القاضي: (إِنْ أَجَبْتَ) بإقرار أو بإنكار فالأمر ظاهر. (وَإِلَّا) تجب (رُدَّتِ الْيَمِينُ عَلَى الْمُدَّعِي، فَيَحْلِفُ وَيَسْتَحَقُّ) المدعى به.

2194. (Jika yang didakwa diam) maka dia tidak ingkar dan tidak mengaku (**maka berkata**) qadhi (**kepadanya: jika kamu jawab**) dengan pengakuan atau dengan ingkar maka urusan ini zahir. (Jika tidak) kamu jawab (**dipulangkan sumpah itu keatas pendakwa, maka dia bersumpah dan berhak**) kepada apa yang didakwa dengannya.

(وَإِنْ كَانَ الْقَاضِي يَعْلَمُ وَجُوبَ الْحَقِّ) عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ (فَإِنْ كَانَ) ذَلِكَ (فِي حُدُودِ اللَّهِ تَعَالَى وَهُوَ الزَّانَا وَالسَّرِقَةَ وَالْمَحَارِبَةَ وَالشَّرْبُ) لِلْخَمْرِ (لَمْ يَحْكَمْ بِهِ)، أَي بَعْلَمَهُ فِي الْحُدُودِ، (وَإِنْ كَانَ) مَا عِلْمُهُ وَاقِعًا (فِي غَيْرِ ذَلِكَ حَكَمَ بِهِ)، أَي بَعْلَمَهُ.

2195. (Jika qadhi tahukan kewajipan hak itu) keatas orang yang didakwa, (maka jika adalah) demikian itu (pada had-had Allah taala iaitu zina dan curi dan tindakan ganas dan minum) arak (dia tidak menghukum dengannya), iaitu dengan pengetahuannya pada had-had. (Jika adalah) apa yang dia tahu itu jatuh (pada selain demikian itu itu dia menghukum dengannya), iaitu dengan pengetahuannya.

(وَإِذَا لَمْ يَعْرِفْ لِسَانَ الْخِصْمِ رَجَعَ فِيهِ إِلَى عَدْلٍ يَعْرِفُ) تِلْكَ اللُّغَةَ، (بِشَرْطِ أَنْ يَكُونَ عَدَدًا يَثْبُتُ بِهِ ذَلِكَ الْحَقُّ). فَإِنْ كَانَ لَا يَثْبُتُ إِلَّا بِرَجْلَيْنِ كَالذِّكَاحِ اشْتَرَطَ فِي تَرْجُمَتِهِ رَجْلَانِ. وَهَكَذَا.

2196. (Apabila dia tidak tahukan lidah orang yang berbalah dia merujuk padanya kepada seorang adil yang tahu) akan bahasa itu, (dengan syarat bahawa dia adalah sebilangan yang sabit dengannya hak itu). Maka jika ia tidak sabit melainkan dengan dua lelaki seperti nikah disyaratkan pada terjemahannya dua lelaki. Begitulah yang lain.

(وَإِذَا حَكَمَ) الْقَاضِي (بِشَيْءٍ فَوَجَدَ النَّصَّ) مِنَ الْكِتَابِ أَوْ السُّنَّةِ الصَّحِيحَةِ فِي الْقَاضِي الْمَجْتَهِدِ أَوْ نَصِ الْإِمَامِ فِي الْمَقْلَدِ (أَوْ الْإِجْمَاعِ أَوْ الْقِيَاسِ الْجَلِيِّ) وَهُوَ مَا قَطَعَ فِيهِ بِنَفْسِ الْفَارِقِ الْمُؤَثِّرِ بَيْنَ الْأَصْلِ وَالْفُرْعِ أَوْ بَعْدَهُ، (بِخِلَافِهِ)، أَي خِلَافَ مَا حَكَمَ بِهِ، (نَقَضَهُ) أَي الْحَكْمَ، أَي بَانَ أَنْ لَا حَكْمَ.

2197. (Apabila) qadhi (menghukum dengan suatu kemudian dia menemui nas) dari kitab atau sunnah yang sahih pada qadhi yang mujtahid, atau nas imam pada yang muqallid, (atau ijmak atau kias yang jelas), iaitu apa yang dijazamkan padanya dengan ternafi perbezaan yang berkesan diantara asal dan furu'nya atau jauhnya, (menyalahinya), iaitu menyalahi apa yang telah dia hukum dengannya, (dia membatalkannya), iaitu hukum itu, iaitu ternyata bahawa tidak ada hukum.

(وَلَا تَصِحُّ الدَّعْوَى) مِنَ الْمُدْعَى، وَهُوَ مَنْ يَخَالَفُ قَوْلَهُ الظَّاهِرَ وَالْمُدْعَى عَلَيْهِ مِنْ يُوَافِقُهُ، وَقِيلَ الْمُدْعَى مِنْ لَوْ سَكَتَ لِتَرْكِ وَالْمُدْعَى عَلَيْهِ مَنْ لَوْ سَكَتَ لَمْ يَتْرِكْ، وَعَلَى كُلِّ فَلَا تَسْمَعُ الدَّعْوَى (إِلَّا مِنْ مُطْلَقِ التَّصَرُّفِ). وَأَمَّا الْأَصْبِي وَالْمَجْنُونُ وَالسَّفِيهُ فَلَا تَصِحُّ دَعْوَاهُمْ. وَيَشْتَرَطُ فِي الْمُدْعَى عَلَيْهِ أَنْ يَكُونَ مَكْلَفًا.

2198. (Tidak sah dakwaan) dari yang mendakwa. Ia adalah orang yang kata-katanya menyalahi apa yang zahir sementara orang yang didakwa orang yang membetulkannya. Dikatakan pendakwa itu orang yang kalau dia diam nescaya dia

dibiarkan, dan yang didakwa itu orang yang kalau dia diam nescaya dia tidak dibiarkan. Diatas setiap satunya maka tidak didengar dakwaan (**melainkan dari orang yang mutlak tasarrufnya**). Adapun kanak-kanak dan orang gila dan safih maka tidak sah dakwaan mereka. Disyaratkan pada yang didakwa bahawa adalah dia mukallaf.

(وَلَا تَصِحُّ دَعْوَى الْمَجْهُولِ) من دين أو عين، (إِلَّا فِي مَسَائِلَ مِنْهَا الوَصِيَّةُ)، كما إذا ادعى على إنسان أن مورثه أوصى له بثوب، فتصح دعوى الثوب وهو مجهول. (فإن ادعى ديناً) كالقرض والسلم (ذكر الجنس والقدر والصفة) كمائة قطعة ذهب صحاح أو مكسرة ظاهرة أو محمودية. (أو) ادعى (عينا يمكن تعيينها) كأن كانت داراً، عينا بأن يتعرض للناحية والبلدة والمحلة والسكة ويبين الحدود.

2199. (Tidak sah dakwaan yang majhul), daripada hutang atau 'ain, (melainkan pada beberapa masalah. Daripadanya wasiat) sepertimana apabila seorang mendakwa keatas seorang bahawa pewarisnya telah mewasiatkan kepadanya sehelai kain, maka sah dakwaan kain itu sedang ia suatu yang majhul. (Maka jika dia mendakwa hutang) seperti hutang benda dan salam (dia menyebutkan jenis dan kadar dan sifat) seperti seratus keping emas yang sah atau yang pecah, yang jenis zahiriah atau mahmudiah. (atau) dia mendakwa (satu 'ain yang terbolehditentukan) seperti bahawa ianya sebuah rumah, dia menentukannya dengan bahawa dia menyebutkan daerahnya dan bandarnya dan tempatnya dan jalannya dan dia menerangkan sempadan-sempadannya.^{xlvi}

(وَالْإِلَّا) يمكن تعيينها، بأن تكون منقولة كحمار مثلاً وهي غائبة عن البلد (ذكر صفاتها) المعتبرة في باب السلم إن كانت العين باقية، أو تالفة وهي مثلية فإن كانت متقومة وهي تالفة ذكر قيمتها دون صفاتها.

2200. (Jika tidak) terbolehditentukannya dengan bahawa adalah ia barang manqul seperti keldai contohnya, dan ianya ghaib dari tempat itu, (dia menyebutkan sifat-sifatnya) yang diiktibarkan pada bab salam jika adalah 'ain itu kekal, atau binasa dan ia jenis mithli maka jika ia boleh dinilai dan ianya binasa dia menyebutkan nilainya, tidak sifat-sifatnya.

(فإن أنكر المدعى عليه ما ادعاه) المدعى بأن قال في العين: ليست له، وفي الدين: ليس له في ذمتي، (صح الجواب). وكذا إن قال لا يستحق علي شيئاً).

2201. (Maka jika yang didakwa ingkarkan apa yang didakwa) oleh pendakwa dengan bahawa dia kata pada dakwaan ain "ia bukan miliknya" dan pada hutang "tidak ada ia baginya didalam zimmah ku", (sah jawab itu. Begitu juga jika dia kata "dia tidak berhak apa-apa diatas aku".

(فَإِنْ كَانَ الْمُدَّعَى بِهِ عَيْنًا فِي يَدِ أَحَدِهِمَا) ولا بينة (فَالْقَوْلُ قَوْلُهُ)، أي قول من هي بيده، (بِيَمِينِهِ. فَإِنْ كَانَ فِي يَدِهِمَا حَلْفًا)، أي حلف كل واحد يميننا على نفي كونه للآخر، (وَجُعِلَ بَيْنَهُمَا نِصْفَيْنِ).

2202. (Maka jika apa yang didakwa dengannya adalah ain yang berada pada tangan seorang daripada kedua mereka) dan tidak ada bukti (maka kata yang dibenarkan adalah katanya), iaitu kata orang yang ia berada pada tangannya, (dengan sumpahnya. Maka jika ia berada pada tangan kedua mereka sama-sama mereka bersumpah), iaitu bersumpah setiap seorang satu sumpah diatas menafikan keadaannya bagi yang seorang lagi, (dan dijadikan ia diantara kedua mereka setengah-setengah).

(وَمَنْ لَهُ حَقٌّ عَلَى مُنْكَرٍ فَلَهُ أَنْ يَأْخُذَهُ مِنْ مَالِهِ)، أي المذکر، (بِغَيْرِ إِذْنِهِ) إن ظفر به، لكن يقدم جنس حقه إن وجد. وإلا أخذه وباعه واشترى به جنس حقه. هذا في دين الأدمي. أما دين الله تعالى كزكاة امتنع المالك من أدائها فليس للمستحق الأخذ من ماله إن ظفر لأنها تتوقف على النية.

2203. Orang yang punya hak diatas seorang yang ingkar maka boleh dia mengambil hartanya), iaitu orang yang ingkar itu, (tanpa izinnya) jika dia dapat mengambilnya, akan tetapi dia mendulukan jenis haknya jika dia mendapatinya. Jika tidak dia mengambilnya dan menjualkannya dan membeli dengannya akan jenis haknya. Ini pada hutang anak adam. Adapun hutang Allah taala seperti zakat yang si pemilik enggan dari menunaikannya maka tidak boleh orang yang berhak mengambil dari hartanya jika dia boleh mengambilnya kerana ia terhenti diatas niat.

(فَإِنْ كَانَ مُقْرًا) من عليه الحق (فَلَا) يأخذ من ماله بغير إذنه.

2204. (Maka jika dia mengaku), iaitu orang yang hak itu diatasnya, (maka tidak) boleh dia mengambil dari hartanya tanpa izinnya.

(بَابُ الشَّهَادَةِ)

بالإفراد وإن كانت متنوعة لأن أُلْ جندسية. (تَحْمُلُهَا)، هو معاينة المشهود عليه. (وَأَدَاؤُهَا) عند الحاكم على طبق ما عاين، (فَرَضُ كِفَايَةٍ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ إِلَّا هُوَ) لفقد غيره أو لكونه غير صالح (تَعَيَّنَ عَلَيْهِ). فيصير كل من التحمل والأداء فرض عين.

2205. @BAB SAKSIAN. "شهادة" dengan ifrad sekalipun ia berbagai-bagai bentuk, kerana alif-lam padanya menunjukkan jenis. (Menanggungnya), iaitu memandang dengan mata kepala akan perkara yang disaksikan diatasnya, (dan menunaikannya) di sisi hakim bertepatan dengan apa yang dia nampak, (adalah fardu kifayah. Maka jika tidak ada melainkan dia) kerana luput orang lain atau kerana keadaannya tidak sesuai, (tertentu ia diatasnya). Maka jadilah setiap daripada menanggung dan menunaikannya fardu ain.

(وَلَا يَجُوزُ أَنْ يَأْخُذَ) عَلَيْهِ (أُجْرَةَ حَيْئَازٍ)، أَي عِنْدَ التَّعِينِ. (فَإِنْ لَمْ يَتَّعَيْنِ) عَلَيْهِ (فَلَهُ الْأُخْذُ)، أَي أَخَذَ الْأَجْرَةَ مِنَ الْمَشْهُودِ لَهُ. وَالْأَصْحَحُ أَنَّهُ يَجُوزُ لَهُ الْأُخْذُ وَإِنْ تَعِينَ عَلَيْهِ.

2206. (**Tidak harus dia mengambil**) diatasnya (**sebarang upah ketika itu**), iaitu ketika tertentu itu. (**Maka jika tidak tertentu**) ia diatasnya (**maka boleh dia mengambilnya**), iaitu mengambil upah dari orang yang disaksikan baginya. Yang paling sah harus dia mengambilnya sekalipun ia tertentu diatasnya.

(وَلَا تُقْبَلُ) الشَّهَادَةُ (إِلَّا مِنْ حُرٍّ)، فَلَا تُقْبَلُ مِمَّنْ فِيهِ رِقٌّ، (مُكَلَّفٍ) فَلَا تُقْبَلُ مِنْ صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ، (نَاطِقٍ) فَلَا تُقْبَلُ مِنَ الْأَخْرَسِ، (مُسْتَيْقِظٍ) فَلَا تُقْبَلُ مِنْ مَغْفَلٍ، (حُسْنِ الدِّيَانَةِ)، أَي عَدْلٍ، (ظَاهِرِ الْمُرُوءَةِ)، وَهِيَ التَّخَلُّقُ بِخَلْقِ أَمْثَالِهِ.

2207. (**Tidak diterima**) saksian (**melainkan dari orang merdeka**) maka tidak diterima ia dari orang yang ada sifat kehambaan padanya, (**lagi mukallaf**) maka tidak diterima ia dari kanak-kanak dan orang gila, (**lagi bertutur**) maka tidak diterima ia dari orang yang bisu, (**lagi yang cerdas**) maka tidak diterima ia dari yang lembab, (**lagi elok agama**) iaitu adil, (**lagi bermaruah pada zahir**). Ia adalah berakhlak dengan akhlak orang yang seumpamanya.

(فَلَا تُقْبَلُ مِنْ مَغْفَلٍ) وَهُوَ مِنْ كَثْرَةِ غَلْطِهِ وَنَسْيَانِهِ، (وَلَا مِنْ صَاحِبِ كِبِيرَةٍ) وَهِيَ كُلُّ جَرِيمَةٍ تَوْزَنُ بِقَلَّةِ أَكْثَرَاتٍ مَرْتَكِبُهَا بِالذِّينِ كَقَتْلِ زَنَّا وَقَذْفِ وَشَهَادَةِ زُورٍ، (وَلَا مِنْ مُذْمَنٍ عَلَى صَغِيرَةٍ، وَلَا مِمَّنْ لَا مُرُوءَةَ لَهُ كَكُنَّاسٍ وَقِيمِ حَمَامٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ)، كَأَكْلِ وَشُرْبِ وَكَشْفِ رَأْسٍ فِي سَوْقٍ لغيرِ سَوْقِي.

2208. (**Maka tidak diterima ia dari orang yang lembab**) iaitu orang yang banyak silap dan lupanya, (**dan tidak dari orang yang mempunyai dosa besar**) iaitu setiap kesalahan yang menunjukkan sedikit peduli pelakunya dengan agama seperti bunuh orang dan zina dan tuduh dan saksi dusta, (**dan tidak dari orang yang mengekali dosa kecil, dan tidak dari orang yang tidak ada maruah baginya seperti tukang sapu sampah dan penjaga tandas dan umpama demikian itu**), seperti makan dan minum dan mendedahkan kepala dipasar bagi selain ahli pasar.

(وَتُقْبَلُ شَهَادَةُ الْأَعْمَى فِيمَا تَحْمِلُ) - (قَبْلَ الْعَمَى، وَلَا تُقْبَلُ فِيمَا تَحْمِلُ) - (بَعْدَهُ إِلَّا بِالِاسْتِفَاضَةِ) بَيْنَ النَّاسِ، أَي التَّسَامِعِ، (أَوْ أَنْ يُقَالَ فِي أُنْزِهِ شَيْءٌ فِيمَسِكَ الْقَائِلُ وَيَحْمِلُهُ إِلَى الْقَاضِي وَيَشْهَدُ بِمَا قَالِ)، وَيَقُولُ: (هَذَا لَهُ)، أَي لِفُلَانِ الْمَشْهُودِ لَهُ.

2209. (**Diterima saksian orang buta pada apa yang dia tanggung**)nya (**sebelum butanya, dan tidak diterima ia pada apa yang dia tanggung**)nya (**selepasnya, melainkan dengan tersebar**) dikalangan orang ramai, iaitu berlegarnya dari mulut-kemulut, (**atau bahawa dikatakan pada telinganya sesuatu lalu dia memegang orang yang berkata itu dan membawanya kepada qadhi dan dia bersaksi dengan apa yang orang**

itu katakan), dan dia kata: (ini baginya), iaitu bagi si pulan yang disaksikan baginya.

(وَلَا تُقْبَلُ شَهَادَةُ الشَّخْصِ لِوَالِدِهِ وَوَالِدِهِ وَلَا شَهَادَةُ مَنْ يَجُرُّ لِنَفْسِهِ نَفْعًا وَلَا مَنْ يَدْفَعُ عَنْهَا ضَرَرًا) كأن شهد لرقيقه، (وَلَا شَهَادَةُ الْعَدُوِّ عَلَى عَدُوِّهِ)، وهو من يحزن لفرحه ويفرح لحزنه. والمراد العداوة الظاهرة الدنيوية ولو بما يدل عليها كمخاصمة، بخلاف الباطنة والعداوة الدينية. (وَلَا) تقبل (شَهَادَةُ الشَّخْصِ عَلَى فِعْلِ نَفْسِهِ) كالحاكم يشهد على حكمه.

2210. (Tidak diterima saksian seorang bagi anaknya dan bapanya, dan tidak saksian orang yang menarik manfaat bagi dirinya, dan tidak orang yang menolak mudharat darinya) seperti bahawa dia bersaksi bagi hambanya, (dan tidak saksian musuh keatas musuhnya), iaitu orang yang sedih kerana gembiranya dan gembira kerana sedihnya. Yang dikehendaki adalah permusuhan yang zahir yang jenis duniawi walaupun dengan perkara yang menunjuk keatas permusuhan seperti perbalahan. Bersalahan yang batin dan permusuhan yang jenis agama. (Tidak) diterima (saksian seorang diatas perbuatan dirinya) seperti hakim bersaksi diatas hukumnya.

(فَيُقْبَلُ فِي الْمَالِ) كالقرض (وَمَا يُقْصَدُ مِنْهُ الْمَالُ كَالْبَيْعِ رَجُلَانِ أَوْ رَجُلٍ وَامْرَأَتَانِ أَوْ شَاهِدٍ مَعَ يَمِينِ الْمُدْعَى، وَمَا لَا يُقْصَدُ مِنْهُ الْمَالُ كَالنِّكَاحِ وَالْحُدُودِ) والطلاق والرجعة (لَمْ يُقْبَلْ فِيهِ)، أي في إثباته، (إِلَّا شَاهِدَانِ ذَكَرَانِ. وَلَا يُقْبَلُ فِي الزِّنَا وَاللَّوْاطِ وَإِتْيَانِ الْبَهِيمَةِ إِلَّا أَرْبَعَةٌ ذُكُورٌ). تقبل شهادتهم، يشهدون أنهم رأوه أدخل حشفته في فرجها بالزنا.

2211. (Maka diterima pada harta) seperti hutang (dan apa yang dimaksudkan harta darinya seperti jual beli akan dua lelaki atau seorang lelaki dan dua perempuan atau seorang saksi berserta sumpah orang yang mendakwa, dan apa yang tidak dimaksudkan harta darinya seperti nikah dan had-had) dan talak dan rujuk (tidak diterima padanya) iaitu pada mensabtkannya (melainkan dua saksi lelaki. Tidak diterima pada zina dan liwat dan mendatangi bahimah melainkan empat lelaki). Diterima saksian mereka, dengan mereka bersaksi bahawa mereka melihat seorang lelaki memasukkan hasyafahnya ke dalam faraj seorang perempuan diatas jalan zina.

(وَيُقْبَلُ فِيمَا لَا يَطَّلِعُ عَلَيْهِ الرَّجَالُ كَالْوَلَادَةِ) والبراءة والحيض والرضاع (رَجُلَانِ أَوْ رَجُلٍ وَامْرَأَتَانِ أَوْ أَرْبَعٌ نِسْوَةٌ). وتقدم في باب الصوم ثبوته أي الصوم بواحد، فيشهد شهادة حسبة، وهي الشهادة من غير طلب أنه رأى هذه الليلة الهلال. ومثل الصوم الشهادة في حق الله تعالى كأن يشهد أن فلانا ترك الصلاة أو الزكاة أو الصوم. فكل ذلك تجوز فيه شهادة الحسبة.

2212. (Diterima pada apa yang tidak dipandang oleh lelaki-lelaki seperti kelahiran anak) dan dara dan haid dan susuan (dua lelaki atau

seorang lelaki dan dua perempuan atau empat perempuan). Telah lalu pada bab puasa sabitnya iaitu puasa dengan seorang, maka dia bersaksi sebagai saksi hisbah, iaitu saksi tanpa dituntut, bahawa dia melihat hilal pada malam itu. Seumpama puasa adalah saksi pada hak Allah taala seperti bahawa dia bersaksi bahawa si pulan meninggalkan shalat atau zakat atau puasa, maka setiap daripada demikian itu harus padanya saksi hisbah.

(وَاللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَعْلَمُ) من كل ذي علم (بِالصَّوَابِ)، أي موافق الواقع، وهو مرادف الحق وهو واحد. فمن صادفه من المجتهدين فهو المصيب وله أجران ومن لم يصادفه فهو مخطئ وله أجر على اجتهاده وهو معذور. وهذا في الفروع. وأما في أصول الدين فالمخطئ فيها غير معذور.

2213. (**Dan Allah subhanahu wa taala lebih mengetahui**) dari setiap yang punya ilmu pengetahuan (**dengan perkara yang betul**), iaitu yang menepati waqif. Waqif sama makna dengan hak, yang mana ianya satu. Maka barang siapa yang membetulkannya dari kalangan mujtahid-mujtahid maka dia orang yang betul dan baginya dua ganjaran, dan barang siapa tidak membetulkannya maka dia tersalah dan baginya satu ganjaran diatas ijtihadnya, dan dia diuzurkan. Ini pada cabang-cabangan. Adapun pada asas-asas agama maka yang tersalah padanya tidak diuzurkan.

وهذا آخر ما يسره الله في شرح هذا الكتاب المسمى بعمدة السالك و عدة الناسك على مذهب الإمام محمد بن إدريس الشافعي رضي الله عنه، وهو للعلامة أبي العباس أحمد المشهور بابن النقيب رحمه الله وأثابه رضاه. أسأله تعالى أن يحفنا بلطفه في الدارين، ويعم النفع به، ويجعله خالصا من شوائب الرياء، ويطهر قلوبنا مما يبعدنا عن حضرته من كل داء.

2214. Ini adalah akhir apa yang Allah permudahkan pada syarah kitab ini yang dinamakan Umdatul Salik wa Uddatun Nasik, diatas mazhab imam Muhammad bin Idris as Syafi'e r.a, yang mana ianya bagi yang amat alim, Abu Abbas, Ahmad, yang masyhur dengan Ibnu Naqib. Semoga Allah merahmatinya dan memberi ganjaran baik kepadanya dan meredhainya. Aku mohon Allah taala agar melingkungi kita dengan kelembutanNya pada dua negeri, dan meratakan manfaat dengannya, dan menjadikannya murni dari campuran ria', dan menyucikan hati kita dari apa yang menjauhkan kita dari hadhratNya dari setiap penyakit.

ربنا آتنا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار. وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وجميع محبيه. آمين.

2215. Wahai Tuhan kami berikan kami didunia ini kebaikan dan diakhirat esok kebaikan, dan peliharalah kami dari azab neraka. Selawat dan salam keatas penghulu kita Muhammad dan keatas kaum keluarganya dan para sahabatnya dan semua orang-orang yang mengasihinya. Amiin.

وكان الفراغ منه في ثلاثة وعشرين مضت من شهر المحرم سنة 1337 هجرية على صاحبها أفضل الصلاة وأتم التحية.

2216. Adalah selesai darinya pada dua puluh tiga bulan muharram tahun 1337 hijriyah keatas tuannya seafdhal-afdhal selawat dan sesempurna-sempurna tahiyat.^{xlvi}

XX	ⁱ
	ii
	iii
XX	iv
XX	v
XX	vi
	vii
X	viii
XX	ix
XX	x
XX	xi
XX	xii
XX	xiii
XX	xiv
XX	xv
XX	xvi
xfaham shurah	xvii
XX	xviii
XX	xix
XX	xx
xfaham	xxi
XX	xxii
XX	xxiii
XX	xxiv
XX	xxv
xfaham	xxvi
XX	xxvii
XX	xxviii
XX	xxix
XX	xxx
XX	xxxi
XX	xxxii
xxkenapa bant	xxxiii
	xxxiv
XX	xxxv
حال الصداق	xxxvi
XX	xxxvii
XX	xxxviii
XX	xxxix
XX	xl
XX	xli
XXX	xlii
ءء	xliiii
XX	xliv
XX	xlv
XX	xlvi

